

Menerajui Asia



LAPORAN TAHUNAN 2015



Bersama

**MENJAYAKAN
VISI ASEAN KAMI**

Bank No. 1

Penyedia Perkhidmatan
Kewangan Runcit di Malaysia
yang tiada tandingan

Bank

Pemborongan
Menerajui ASEAN

Peneraju

Global
Bank Islam

Etika

Peneraju Insurans dan
Takaful di Malaysia

Bersama Menjayakan Visi ASEAN Kami

2010

Memulakan visi untuk menjadi penyedia Peneraju Perkhidmatan Kewangan Serantau

2011

Pengambilalihan Kim Eng Holdings Ltd.

2012

Pengembangan ke China dengan penubuhan cawangan Beijing dan memperbadankan operasi Maybank Kemboja

2013-2014

Pengembangan rangkaian di Indonesia dan Filipina

Bersama Menjayakan Visi ASEAN Kami

Pada 2010, kami telah menetapkan visi untuk menjadi peneraju perkhidmatan kewangan serantau menjelang 2015. Sepanjang lima tahun yang lalu, aset kami telah meningkat dua kali ganda kepada RM708 bilion, penglibatan di ASEAN telah meningkat dan keupayaan perniagaan kami telah berkembang. Kini kami merupakan kumpulan perkhidmatan kewangan keempat terbesar di ASEAN dan pencapaian kami mencerminkan komitmen lebih 45,000 warga Maybank – dari eksekutif yang lama berkhidmat, hinggalah golongan muda dalam melaksanakan visi kami dan memberi impak kepada masyarakat dan pelanggan di mana kami berkhidmat. Perjalanan kami tidak berakhir di sini. Kami amat teruja untuk memulakan strategi Maybank²⁰²⁰ dan mengorak langkah untuk Memajukan Cita-cita Asia Bersama Anda.

2015

Penubuhan cawangan
Kunming di China dan
pelancaran operasi Myanmar

2015

Maybank antara 5
Bank Terbesar di ASEAN
dengan kehadiran di
kesemua 10 negara
ASEAN

2016-2020

Visi Maybank²⁰²⁰
Memajukan Cita-cita
Asia Bersama Anda



Jeremy Lim Wei Wen
Kakitangan Muda
Maybank Terbaik 2014



Lidiya Natalia
Eksekutif Terbaik
2014



Shaikh Munir Ahmad
Pengurus Terbaik 2014



Dato' Mohd Hanif
Penerima Anugerah
Perkhidmatan 40 Tahun



KANDUNGAN

Mengenai Laporan Ini

Laporan Tahunan 2015

Buku Korporat



- Menyediakan penilaian yang menyeluruh mengenai prestasi Kumpulan bagi 2015 serta tinjauan bagi 2016.
- Akta Syarikat, 1965.
- Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia.

Buku Kewangan



- Penyata kewangan penuh telah diaudit bagi Kumpulan dan Bank.
- Pendedahan Basel II Pilar 3.
- Standard Pelaporan Kewangan Malaysia.
- Standard Pelaporan Kewangan Antarabangsa.
- Akta Syarikat, 1965.
- Garis Panduan dan Dokumen Dasar Bank Negara Malaysia.
- Akta Perkhidmatan Kewangan, 2013.
- Akta Perkhidmatan Kewangan Islam, 2013.

www.maybank.com/ar2015



Memberitahu anda bagaimana mendapatkan maklumat lanjut dalam laporan ini.



Memberitahu anda bagaimana mendapatkan maklumat lanjut dalam talian di www.maybank.com

Laporan Kemampanan 2015

- Laporan Kemampanan Maybank 2015 menyediakan laporan yang seimbang dan menyeluruh mengenai prestasi kemampanan Kumpulan berhubung isu yang memberi kesan terhadap Kumpulan dan pemegang kepentingannya, dan mematuhi Garis Panduan G4 Inisiatif Pelaporan Global (GRI) dan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia berkenaan Penyata Kemampanan dalam Laporan Tahunan ini.
- Laporan ini boleh didapati di www.maybank.com/sustainability

“Sebagai sebuah organisasi, kami percaya bahawa ketangkasan, kepelbagaian dan keterangkuman mewujudkan persekitaran yang menyokong peningkatan kreativiti, inovasi dan produktiviti.”



10
PENYATA
PENGURUS

4 ULASAN MAYBANK

6 SOROTAN 2015

MESEJ UNTUK PEMEGANG SAHAM

- 10 Penyata Pengerusi
- 12 Penyata Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

ULASAN ORGANISASI

- 16 Profil Korporat & Rangkaian Global
- 18 Sejarah, Inovasi & Kepimpinan
- 22 Unit Perniagaan Strategik
- 25 Struktur Korporat Kumpulan
- 26 Struktur Organisasi Kumpulan

Mesyuarat Agung Malayan Banking Berhad yang ke-56

Grand Ballroom,
Tingkat 1, Sime Darby Convention Centre,
1A Jalan Bukit Kiara 1,
60000 Kuala Lumpur

**Selasa,
7 April 2016
10.00 pagi**



Rujuk muka surat 218 hingga 221 untuk maklumat Mesyuarat Agung Tahunan dan Kalendar Kewangan

“Budaya prestasi tinggi kami, misi kami untuk menginsankan perkhidmatan kewangan dan komitmen kami kepada kecemerlangan perkhidmatan pelanggan membentuk asas yang kukuh dalam memacu transformasi kami ke fasa seterusnya – Maybank²⁰²⁰.”

30 STRATEGI KUMPULAN



“Tahun kewangan 2015 sudah semestinya merupakan tahun yang mencabar bagi Kumpulan Maybank. Bagaimanapun, menerusi pendekatan proaktif dalam menilai semula strategi ini dalam tahun kewangan, kami telah mencatat satu lagi rekod dengan keuntungan bersih sebanyak RM6.84 bilion dan pulangan ke atas ekuiti sebanyak 12.2%.”

76 ULASAN KEWANGAN KUMPULAN



“Kami mahu mewujudkan nilai jangka panjang yang bermakna melalui kaedah yang signifikan di peringkat global serta relevan di peringkat global. Pencapaian matlamat kemampanan ini membolehkan kami untuk terus mencipta dan mewujudkan impak di tempat kami beroperasi.”



42 NILAI MAMPAN

STRATEGI & KEMAMPANAN

- 30 Strategi Kumpulan
- 33 Inovasi Maybank
- 34 Pengurusan Pengalaman Pelanggan Kumpulan
- 36 Peluang-peluang di ASEAN
- 38 Petunjuk Prestasi Utama
- 40 Nilai Teras & Kod Etika
- 41 Jenama Maybank
- 42 Nilai Mampar

KEPIMPINAN & KAKITANGAN

- 44 Lembaga Pengarah
- 46 Profil Lembaga Pengarah
- 52 Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan
- 59 Jawatankuasa Syariah Kumpulan
- 61 Modal Insan Kumpulan

ULASAN PRESTASI

- 72 Ulasan dan Tinjauan Ekonomi & Industri Perbankan
- 76 Ulasan Kewangan Kumpulan
- 82 Pengurusan Modal
- 84 Prestasi Kewangan
 - Maklumat Pelabur
- 91 Perhubungan Pelabur
- 97 Saham Maybank

ULASAN SEKTOR PERNIAGAAN

- 102 Perkhidmatan Kewangan Komuniti
- 108 Perbankan Global
 - Operasi Luar Negara
- 118 Singapura
- 120 Indonesia
- 123 Antarabangsa
- 128 Insurans & Takaful
- 133 Perbankan Islam Kumpulan
- 139 Teknologi Kumpulan
- 142 Operasi Kumpulan

TADBIR URUS & TANGGUNGJAWAB KORPORAT

- 146 Penyata Tadbir Urus Korporat
- 162 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman
- 166 Laporan Jawatankuasa Audit
- 172 Pengurusan Risiko & Pematuhan Kumpulan
- 179 Laporan Jawatankuasa Syariah Kumpulan
- 181 Penyata Kemampanan

PENCAPAIAN

- 190 Maybank Dalam Media
- 196 Ulasan Peristiwa 2015
- 204 Anugerah & Pengiktirafan

MAKLUMAT LAIN

- 207 Analisis Pegangan Saham
- 209 Klasifikasi Pemegang Saham
- 209 Perubahan Dalam Modal Saham
- 212 Hartanah Dimiliki oleh Kumpulan Maybank
- 213 Senarai 10 Hartanah Utama Dimiliki oleh Kumpulan Maybank
- 214 Maklumat Korporat
- 215 Direktori Kumpulan

MAKLUMAT AGM

- 218 Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-56
- 220 Penyata Iringan Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-56
- 221 Kalendar Kewangan
 - Borang Proksi

Ulasan Maybank

Kami Merupakan Bank Peneraju ASEAN

Maybank merupakan kumpulan perkhidmatan kewangan terbesar Malaysia dengan operasi yang kukuh di rantau ASEAN.


JUMLAH ASET

RM708 bilion

PERMODALAN PASARAN

RM82 bilion


Maybank berada pada kedudukan keempat dari segi aset di kalangan bank-bank di ASEAN dan termasuk dalam senarai 100 bank utama di dunia, termasuk bank Islam kelima terbesar dunia. Pendapatan operasi bersih bagi Tahun Kewangan 2015 mencatat sejumlah RM21.2 bilion.

 Profil Korporat & Rangkaian Global, m/s 16

Perluasan Geografi

Pasaran utama Maybank meliputi Malaysia, Singapura dan Indonesia. Kami beroperasi di 10 negara ASEAN dengan rangkaian cawangan sebanyak 1,177 pejabat di ASEAN.

Kami turut memiliki operasi di pusat kewangan antarabangsa termasuk Hong Kong, Shanghai, London, New York dan Bahrain selain syarikat sekutu di Pakistan (MCB Bank dengan 1,247 cawangan) dan Vietnam (An Binh Bank dengan 146 cawangan).

 Unit Perniagaan Strategik, m/s 22


Peranan penting dalam Komuniti Ekonomi ASEAN

Kami amat yakin dengan masa hadapan ASEAN menerusi pengenalan Komuniti Ekonomi ASEAN yang ditubuhkan pada 2015.



Kehadiran kami di semua negara ASEAN menempatkan kami pada kedudukan yang baik untuk menyokong dan mendapat manfaat daripada peluang pertumbuhan ASEAN, ketika kami menyediakan penyelesaian berinovasi kepada para pelanggan.


Menyediakan perkhidmatan kewangan di ASEAN merupakan kekuatan kami memandangkan kami memiliki warisan, tenaga mahir dan jalinan perhubungan untuk meneroka peluang-peluang pasaran.

 Peluang-peluang di ASEAN, m/s 36

Nilai-nilai Kami

Kami menghidupkan nilai teras T.I.G.E.R. iaitu Kerja Berpasukan, Integriti, Pertumbuhan, Kecemerlangan & Kecekapan, dan Membina Perhubungan, serta memastikan kami sentiasa mematuhi Kod Etika yang ketat.



 Nilai Teras & Kod Etika, m/s 40

Visi dan Misi Maybank²⁰²⁰

Visi Kami

Memajukan Cita-cita Asia Bersama Anda


Misi Kami

Menyinsankan Perkhidmatan Kewangan

Objektif Strategik


Visi dan Misi Maybank²⁰²⁰ kami mendorong kepada matlamat untuk menjadi:

- Peneraju Bank Komuniti ASEAN
- Peneraju Bank Pemborong ASEAN Yang Menghubungkan Asia
- Peneraju Syarikat Insurans ASEAN
- Peneraju Kewangan Islam Global
- Bank Digital Pilihan

 Strategi Kumpulan, m/s 30

Kedudukan di Pasaran 2015

Maybank merupakan kumpulan perbankan utama di Malaysia dan keempat di ASEAN dari segi aset, pembiayaan dan deposit serta menyasarkan untuk kekal antara 5 bank utama di pasaran serantau.



Ulasan Maybank

Kepelbagaian rangkaian perkhidmatan

Maybank menyediakan rangkaian perkhidmatan kewangan yang lengkap di bawah tiga teras perniagaan utamanya: Perkhidmatan Kewangan Komuniti (termasuk perbankan konsumer, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan perbankan perniagaan), Perbankan Global (termasuk perbankan korporat, perbankan pelaburan, pasaran global dan perbankan transaksi), serta Insurans & Takaful. Perniagaan teras ini dilengkapi dengan operasi perniagaan antarabangsa dan perkhidmatan kewangan Islam.


Disenaraikan di Bursa Malaysia pada 1962 dan merupakan syarikat terbesar dalam senarai Bursa

Beroperasi di 20 negara termasuk 10 negara ASEAN

Ibu Pejabat di Kuala Lumpur, Malaysia
Ditubuhkan pada tahun 1960
Lebih 45,000 kakitangan

Teras Perniagaan	Unit Perniagaan	Perkembangan pada 2015	Sumbangan Keuntungan Sebelum Cukai Kumpulan	Sumbangan Antarabangsa
Perkhidmatan Kewangan Komuniti m/s 102	Merangkumi: <ul style="list-style-type: none"> Konsumer PKS Runcit Perniagaan Perbankan (Korporat sederhana dan PKS) 	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan rangkaian Pusat Kekayaan Premier and Lounge termasuk di Malaysia Timur. Mengembangkan Bahagian Kekayaan Peribadi serantau ke Hong Kong dan United Kingdom. Mengembangkan francais Kekayaan Peribadi dan Premier ke Filipina, Kemboja dan Brunei. 	<h1>35.6%</h1>	Sumbangan Antarabangsa Sumbangan keuntungan sebelum cukai (PBT) dan peratusan pinjaman dari luar negara masing-masing adalah sebanyak 27.0% dan 43.6%. Keuntungan Sebelum Cukai Luar negara: 27.0%
Perbankan Global m/s 108	Merangkumi: <ul style="list-style-type: none"> Perbankan Korporat Perbankan Pelaburan (Maybank Kim Eng) Pasaran Global Perbankan Transaksi Pengurusan Aset 	<ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan Model Pengurusan Akaun Global. Menyediakan Perkhidmatan Nasihat Perdagangan dan Perbendaharaan di Malaysia. Menapis segmen pelanggan termasuklah tumpuan yang lebih kepada usahawan korporat yang sederhana. 	<h1>35.8%</h1>	
Antarabangsa m/s 118	Merangkumi operasi di: <ul style="list-style-type: none"> Singapura Indonesia Wilayah Besar China Filipina dan lain-lain pasaran luar negara 	<ul style="list-style-type: none"> Penubuhan cawangan di Kunming (China) dan Yangon (Myanmar). Cawangan Beijing dan Kunming diberi lesen perniagaan RMB oleh CBRC. Penjualan operasi Maybank Papua New Guinea. 	<h1>21.3%</h1>	
Insurans & Takaful m/s 128	Insurans Konvensional: <ul style="list-style-type: none"> Insurans Hayat Insurans Am Takaful (Insurans Islam): <ul style="list-style-type: none"> Keluarga Am 	<ul style="list-style-type: none"> Pelancaran portal baru jualan langsung dalam talian di Malaysia menerusi www.etiqa.com.my Etiqa menubuhkan operasi di Filipina menerusi AsianLife and General Assurance Corporation, syarikat insurans lesen komposit. 	<h1>7.3%</h1>	

Kewangan Islam memanfaatkan model yang digunakan untuk mengedarkan produk perbankan Islam di seluruh Kumpulan



Sorotan 2015

RM6.84 bilion

Keuntungan Bersih

Keuntungan bersih meningkat 1.8% kepada RM6.84 bilion dan pulangan ke atas ekuiti (ROE) sebanyak 12.2%, dalam lingkungan sasaran semula ROE Kumpulan iaitu sebanyak 12% hingga 13%. Pendapatan operasi bersih meningkat 14.6% berikutan pertumbuhan yang kukuh daripada pendapatan bersih berasaskan dana dan fi, tetapi pertumbuhan hasil telah diimbangi oleh kos peruntukan yang lebih tinggi.

Ulasan Kewangan Kumpulan, m/s 76

54.0 sen

Dividen Kasar Sesaham

Dividen sesaham 54.0 sen mewakili nisbah pembayaran dividen sebanyak 76.3%, lebih tinggi daripada dasar nisbah pembayaran dividen kami sebanyak 40% hingga 60%. Mengekalkan kadar hasil dividen yang tinggi sebanyak 6.4% bagi tahun kewangan 2015.

Saham Maybank, m/s 97

5 tahun

Objektif Strategik Diselesaikan

Tahun kewangan 2015 menandakan tahun akhir perjalanan transformasi objektif strategik 5 tahun kami. Ketika Kumpulan Maybank meluaskan kedudukannya di kesemua 10 negara ASEAN, keuntungan bersih telah meningkat 79% sejak TK2010 atau pada kadar pertumbuhan tahunan terkumpul sebanyak 11.2%. Bagi perjalanan 5 tahun akan datang, Kumpulan telah memperkenalkan pelan Maybank²⁰²⁰.

Strategi Kumpulan, m/s 30

12.78%

Nisbah Modal Ekuiti Biasa Tahap 1

Kedudukan modal yang kukuh sebagai Nisbah Modal Ekuiti Biasa Tahap 1 (sejajar dengan Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM) yang meningkat sebanyak 103 mata asas berbanding pada 31 Disember 2014, menyediakan kapasiti yang mencukupi untuk meneruskan pertumbuhan perniagaan. Jumlah nisbah modal juga meningkat sebanyak 150 mata asas kepada 17.74% pada 31 Disember 2015.

Pengurusan Modal, m/s 82

48.2%

Nisbah Kos berbanding Pendapatan

Nisbah kos berbanding pendapatan kekal di bawah sasaran jajaran dalaman sebanyak 50% untuk 5 tahun berturut-turut. Pendapatan operasi bersih meningkat sebanyak 14.6% melebihi pertumbuhan perbelanjaan overhead sebanyak 12.9%, yang mendorong kepada kedudukan "JAW" yang positif.

Ulasan Kewangan Kumpulan, m/s 76

Maybank Indonesia

Penjenamaan semula syarikat subsidiari Indonesia

PT Bank Internasional Indonesia Tbk telah dijenamakan semula sebagai PT Bank Maybank Indonesia Tbk. Pengenalan identiti korporat baru ini mencerminkan jenama Maybank, yang sekali lagi telah diiktiraf sebagai "Jenama Terbaik Tahunan" di World Branding Awards.

Operasi Luar Negara, m/s 120

19.0%

Pertambahan Nilai Transaksi Maybank2u

Portal perbankan internet Maybank di Malaysia, Maybank2u, menyaksikan nilai urus niaga meningkat sebanyak 19.0%. Maybank2u terus menerajui penguasaan pasaran perbankan internet sebanyak 42.9%.

Perkhidmatan Kewangan Komuniti, m/s 102

50.8%

Pembiayaan Islamic berbanding Jumlah Pembiayaan Malaysia

Pembiayaan Islam kini membentuk lebih separuh daripada jumlah portfolio pembiayaan operasi Malaysia. Strategi Mendahulukan Islam telah membolehkan kami untuk mengukuhkan kedudukan sebagai bank Islam terbesar di Malaysia dari saiz aset.

Perbankan Islam Kumpulan, m/s 133

Operasi PNG Maybank Jualan Selesai

Penjualan keseluruhan kepentingan ekuiti dalam Maybank (PNG) Ltd dan Mayban Property (PNG) Ltd telah selesai sepenuhnya pada 30 September 2015, sekali gus menandakan usaha Maybank untuk mengoptimalkan penggunaan modal dan sumber sebagai sebahagian daripada strateginya untuk menumpukan perhatian di rantau ASEAN.


Operasi Luar Negara - Antarabangsa, m/s 123

Nota: Keuntungan bersih adalah bersamaan dengan keuntungan boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank seperti yang dinyatakan di dalam penyata kewangan yang telah diaudit.


Sorotan 2015

Sorotan Kewangan


Keuntungan Bersih
RM6.84 billion




Pendapatan Sesaham
72.0 sen




Pulangan ke atas Ekuiti
12.2%




Jumlah Aset
RM708.3 billion




Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan
RM453.5 billion




Jumlah Nisbah Modal
17.743%^{^^}




Dividen Kasar Sesaham
54.0 sen



Permodalan Pasaran
RM82.0 billion



Harga Saham
RM8.40



* Merujuk kepada tempoh kewangan enam bulan yang berakhir pada 31 Disember 2011 berikutan perubahan tahun kewangan (TK) dari 30 Jun kepada 31 Disember.

Dikira berdasarkan peruntukan semula wajaran tambahan modal sebanyak RM3.66 bilion yang dijana pada bulan Oktober 2012.

^ Nisbah Modal Berwayaran Risiko (RWCR) dan mengandaikan pelaburan semula penuh dalam Pelan Pelaburan Semula Dividen.

^^ Nisbah Jumlah Modal (TCR) dikira mengikut Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia pada 28 November 2012.



MESEJ UNTUK PEMEGANG SAHAM

- 10 Penyata Pengerusi
- 12 Penyata Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

ULASAN ORGANISASI

- 16 Profil Korporat & Rangkaian Global
- 18 Sejarah, Inovasi & Kepimpinan
- 22 Unit Perniagaan Strategik
- 25 Struktur Korporat Kumpulan
- 26 Struktur Organisasi Kumpulan

“ Saya bangga kerana telah dapat memainkan peranan penting dalam **perjalanan transformasi Maybank yang dimulakan pada 2009**, khususnya dalam menerajui projek-projek yang telah meraih kejayaan dan digunapakai di peringkat serantau. Saya percaya **warga Maybank merupakan aset kami yang paling kuat** dan saya juga mempunyai misi peribadi untuk membangunkan generasi Maybank masa hadapan di seluruh rantau ini. ”

Dato' Mohd Hanif bin Suadi

Ketua, Saluran Komuniti


Perkhidmatan Kewangan Komuniti Malaysia

Penerima Anugerah Perkhidmatan 40-tahun

Penyata Pengerusi

“Sebagai sebuah organisasi, kami percaya bahawa ketangkasan, kepelbagaian dan keterangkuman mewujudkan persekitaran yang menyokong peningkatan kreativiti, inovasi dan produktiviti.”

Keuntungan Bersih



TK2015
RM6.84 billion

Kepada pemegang saham,

Tahun 2015 akan dikenang kerana pelbagai perkara. Satu perkembangan yang menggalakkan ialah penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN yang bertujuan mewujudkan pasaran tunggal penuh bertenaga di rantau yang menjadi tumpuan Maybank, di mana kami mempunyai operasi iaitu di kesemua sepuluh negara ASEAN.

Namun, terdapat juga cabaran dalam pelbagai aspek. China mengalami pertumbuhan keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) lebih perlahan manakala zon Euro mengalami purata pertumbuhan ekonomi satu angka yang rendah kerana pemimpin-pemimpin mereka terpaksa bergelut dengan keperluan penyusunan semula. Selain itu, pelarasan yang diperlukan di banyak negara berikutan harga minyak dan komoditi yang rendah belum lagi dilaksanakan dengan penuhnya. Di Malaysia, gabungan faktor berkenaan dan jangkaan kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat telah menyebabkan kemerosotan nilai Ringgit yang amat ketara. Matawang pasaran sedang muncul yang lain juga menurun — terus melemahkan sentimen pertumbuhan global.

Di sebalik perkembangan ini, saya percaya Syarikat kami telah mencapai prestasi kewangan yang memuaskan pada 2015 apabila sekali lagi mencatatkan rekod keuntungan bersih yang tinggi iaitu sebanyak RM6.84 bilion. Malaysia kekal sebagai asas kepada kekukuhan kami dengan menyumbang 73% daripada keuntungan sebelum cukai pada TK2015. Perniagaan perbankan Islam kami, kelima terbesar di dunia, juga terus mencatatkan pertumbuhan kukuh dengan sumbangan 22.3% kepada aset kami.

Kami turut berusaha merasionalisasikan bidang portfolio untuk merealisasikan nilai dan menyediakan keupayaan yang lebih baik untuk meningkatkan tumpuan kepada pelaksanaan di masa hadapan. Untuk itu, kami keluar dari Papua New Guinea dan menjual beberapa hartanah selain meneruskan strategi pengurusan kos di beberapa negara. Selain itu, semua operasi kami di Indonesia kini membawa jenama Maybank, yang seharusnya menjadi pencetus bagi mendorong peluang pertumbuhan kami di pasaran besar ASEAN.

Semasa dunia berpindah kepada penggunaan digital, kami telah mempercepatkan usaha untuk menggunakannya bagi meningkatkan kecekapan operasi serta menajamkan tumpuan kepada asas pelanggan yang lebih besar. Platform Maybank2u kami, yang memiliki bahagian pasaran yang amat luas di Malaysia, kini diperluaskan ke peringkat serantau. Pada hujung detik pencapaian dalam perjalanan transformasi kami, iaitu pada tahun 2020, teknologi digital akan menjadi tema utama yang akan mentakrifkan semula cara kami melakukan perniagaan.

Sebagai sebuah organisasi, kami percaya bahawa ketangkasan, kepelbagaian dan keterangkuman mewujudkan persekitaran yang menyokong peningkatan kreativiti,

inovasi dan produktiviti. Kami percaya perkara ini jugalah yang menarik tenaga mahir dan pada 2015, Maybank sekali lagi diiktiraf sebagai majikan pilihan dalam kedua-dua sektor perbankan dan kewangan. Pengiktirafan seperti ini memberikan kami dorongan untuk berusaha lebih keras untuk meneruskan perjalanan warga kerja kami ini.

Penjenamaan dan pembangunan komuniti kami kekal kukuh, dan dalam kedua-duanya, kami amat gembira dengan pengiktirafan yang kami terima. Bagi tahun kedua berturut-turut, kami menerima anugerah Jenama Terbaik dan inisiatif Tanggungjawab Korporat (CR). Seperti yang digariskan dalam Laporan Kemampunan, kami telah menerima empat anugerah dan empat pengiktirafan pada 2015.


Kami membuat perubahan kepada barisan Lembaga Pengarah, sebagai sebahagian daripada perancangan pergantian kami untuk peringkat pertumbuhan yang seterusnya. Naib Pengerusi, Dato' Mohd Salleh Hj Harun, Pak Erry Riyana Hardjapamekas dan Encik Cheah Teik Seng telah bersara, dan kami berterima kasih di atas perkhidmatan dan nasihat yang telah mereka berikan. Pak Edwin Gerungan telah dilantik sebagai Pengarah pada 24 Ogos 2015, dan kami kini dalam proses menambah pengarah baru pada 2016.

Kami gembira para pemegang saham tetap dengan pendirian mereka dalam menyokong pertumbuhan kami, dan ini membolehkan Maybank untuk mengekalkan kedudukan sebagai syarikat pasaran saham terbesar di Malaysia untuk tahun yang ke-5. Untuk memberi ganjaran kepada pemegang saham, kami mencadangkan dividen akhir sebanyak 30 sen sesaham, atau pembayaran sebanyak RM2.93 bilion. Ini bermakna, dividen bersih tahun penuh sebanyak RM5.22 bilion yang bersamaan 54 sen sesaham.

Sekali lagi, bagi pihak Kumpulan Maybank, saya mengucapkan terima kasih kepada pelanggan dan pemegang saham dan juga pemegang kepentingan terhadap sokongan berterusan yang diberikan.




**TAN SRI DATO' MEGAT ZAHARUDDIN
MEGAT MOHD NOR**
Pengerusi

 Maklumat lanjut mengenai peranan pengerusi dan ketua pegawai eksekutif terkandung dalam laporan tadbir urus korporat pada muka surat 151



Penyata Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

“ Kami telah mengukuhkan kedudukan dalam tiga pasaran teras iaitu Malaysia, Singapura dan Indonesia bukan sahaja dari segi kepimpinan dalam segmen perniagaan utama, tetapi juga dalam kecemerlangan perkhidmatan, kekuatan francais dan keupayaan perniagaan. ”



Kepada pemegang saham,

Terima kasih kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk memperkenalkan Laporan Tahunan Tahun Kewangan 2015 ini. Laporan ini amat penting kerana ia mengetengahkan beberapa pencapaian penting bagi Kumpulan Maybank. Pada 2015 kami bukan sahaja meraikan operasi bagi tahun yang ke-55, tetapi juga menyaksikan penutupan pelan transformasi lima tahun kami yang bermula pada 2010. Sebagaimana kami mengalu-alukan kedatangan tahun 2016, saya juga ingin memperkenalkan kepada anda Maybank²⁰²⁰ – pelan strategik susulan untuk menyokong wawasan kami bagi meningkatkan kedudukannya sebagai peneraju serantau dalam sektor perkhidmatan kewangan.

Ketika kami memulakan jejak transformasi pada 2009, saya baru sahaja menyertai Maybank dan menerajui portfolio Antarabangsa dan Perbankan Global. Bersama-sama rakan sekerja, kami mengambil masa yang panjang untuk mengenalpasti peluang-peluang utama, bidang-bidang penambahbaikan yang kritikal dan pelan taktikal selanjutnya yang perlu dilaksanakan. Ketika itu, kami memanggilnya “Leap 30” dan apa yang kami tekankan adalah aspirasi untuk menjadi peneraju perkhidmatan kewangan serantau.

Kini, Kumpulan Maybank merupakan kumpulan perbankan keempat terbesar di Asia Tenggara dengan nilai asas aset sebanyak RM708.34 bilion. Dari segi keuntungan disumbangkan kepada pemegang ekuiti Bank (keuntungan bersih), telah berkembang lebih sedikit daripada 1.5 kali berbanding RM4.45 bilion pada TK2011 kepada RM6.84 bilion pada TK2015. Kami telah mengukuhkan kedudukan di tiga pasaran utama iaitu di Malaysia, Singapura dan Indonesia, bukan hanya dari segi kepimpinan dalam segmen perniagaan utama, juga dalam kecemerlangan perkhidmatan, kekuatan francais dan keupayaan perniagaan.

Ketika merenung kembali lima tahun yang lalu, saya benar-benar percaya bahawa kita telah menempuh begitu banyak pengalaman. Saya hanya boleh mengaitkan pemulihan kami kepada keupayaan warga Maybank untuk meningkatkan tindakan, dan melaksanakan keutamaan strategik sebagai sebuah organisasi dan bukan sebagai individu.

Gabungan kemahiran, pengetahuan dan pengalamanlah yang membuatkan kami efektif, terutama dalam keadaan ekonomi yang dialami pada 2015, dan apa yang kami boleh jangkakan pada 2016.

RISIKO YANG LEBIH KONSERVATIF PADA 2015

Pertumbuhan ekonomi global turun kepada 3.1% pada 2015 berbanding 3.4% pada 2014. Dalam tahun berkenaan, negara-negara maju utama mencatatkan pertumbuhan sederhana 1.9% manakala pertumbuhan di negara BRIC (Brazil, Russia, India dan China) dan pasaran yang sedang muncul bercampur-campur akibat pertumbuhan dan permintaan ekonomi China yang perlahan, harga komoditi yang lemah dan matawang yang tidak menentu.

Di pasaran ASEAN-6 yang terdiri daripada Singapura, Indonesia, Thailand, Malaysia, Filipina dan Vietnam, pertumbuhan ekonomi kekal tidak berubah pada 4.4% berbanding 2014. Singapura, Indonesia, Malaysia dan Filipina merupakan pasaran ASEAN yang paling terjejas pada 2015, dengan pertumbuhan Singapura turun 2.0% (2014: 3.3%), Indonesia 4.8% (2014: 5.0%), Malaysia 5.0% (2014: 6.0%) dan Filipina 5.8% (2014: 6.1%). Lain-lain negara ASEAN seperti Thailand dan Vietnam mencatatkan pertumbuhan lebih baik, masing-masing pada purata 2.9% dan 6.7%.

Walaupun pertumbuhan ekonomi ASEAN sebanyak 4.4% adalah lebih tinggi berbanding kadar pertumbuhan KDNK global sebanyak 3.1%, sentimen pelabur terjejas akibat kebimbangan mengenai kelembapan ekonomi yang berlarutan dan pengagihan semula modal berikutan jangkaan langkah Rizab Persekutuan untuk menaikkan kadar faedah AS sebelum tahun berakhir. Terdapat impak yang tidak dapat dielakkan terhadap sektor perbankan dan kewangan, melalui pembiayaan dan kos modal yang lebih tinggi, aktiviti pasaran dan korporat yang perlahan serta tekanan tambahan pada margin operasi.

Berikutan perkembangan ini kami melihat perlunya untuk menilai semula sasaran dan keutamaan strategik ketika masa bergerak dari hari ke hari. Oleh itu, pada pertengahan 2015, ahli Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan (EXCO) dan saya, bersama pelbagai pasukan kerja menghabiskan masa bersama untuk mendapatkan pandangan lebih jelas mengenai apa yang akan berlaku pada masa hadapan dan menentukan “selera risiko” Kumpulan yang sewajarnya.

Dari tinjauan ini, kami maklumkan mengenai semakan sasaran utama bagi TK2015 berikutan keputusan S1 TK2015, iaitu (i) Pulangan atas Ekuiti (ROE) pada 12% hingga 13% daripada panduan yang lebih awal sebanyak 13% hingga 14%, (ii) sasaran pertumbuhan Pinjaman Kumpulan pada 8% hingga 9% berbanding 9% hingga 10% sebelum ini, dan (iii) sasaran pertumbuhan deposit Kumpulan pada 10% hingga 11% berbanding panduan lebih awal daripada 9% hingga 10%. Memandangkan ketidaktentuan berterusan dalam separuh kedua 2015, “usaha” di seluruh Kumpulan Maybank adalah untuk memberi tumpuan kepada tahap pertumbuhan aset yang optimum selaras dengan kedudukan modal kami, menguruskan mudah tunai dengan berkesan dan meningkatkan produktiviti.



Penyata Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

MENGEKALKAN KUNCI KIRA-KIRA

Faktor utama kami melaksanakan kajian ini adalah untuk melindungi kepentingan para pemegang saham dengan mengekalkan kunci kira-kira Kumpulan dan mengoptimalkan penggunaan modal. Untuk ini, kami mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan pertumbuhan aset berlawanan risiko (RWA) yang bermakna merendahkan sasaran pertumbuhan pembiayaan, terus meningkatkan kedudukan mudah tunai dan mengawal perbelanjaan Kumpulan.

Untuk mengurangkan tekanan terhadap RWA, satu daripada tindakan yang diambil adalah menguruskan pertumbuhan pinjaman. Kumpulan menurunkan pinjaman daripada setinggi 17.8% (purata tahunan) pada akhir September tahun lalu kepada 12.0% T-ke-T pada akhir Disember 2015. Pasaran utama yang lain turut menunjukkan pertumbuhan pembiayaan yang perlahan dengan Malaysia mencatatkan purata tahunan 5.3%, Singapura 6.0%, sejajar dengan sasaran 5.0% hingga 6.0%, dan Indonesia 5.0%. Menguruskan pertumbuhan pembiayaan, beserta strategi modal yang cekap telah menurunkan pertumbuhan tahunan RWA Kumpulan kepada 5.8% berbanding 14.3% pada 2014.

Asas kepada pertumbuhan kunci kira-kira yang terurus ini adalah kedudukan mudah tunai kami. Walaupun persaingan deposit kekal seperti kelaziman pada 2015, Kumpulan berada pada kedudukan untuk membangunkan produk berinovasi yang boleh diperkenalkan di seluruh francais. Dorongan terhadap inisiatif dalam separuh kedua tahun kewangan yang dikaji ini membantu Kumpulan mencapai pertumbuhan deposit 12.8% pada 2015, melebihi sasaran sebanyak 10% hingga 11%. Selain itu, nisbah pinjaman kepada deposit Kumpulan adalah sebanyak 91.5% berbanding dengan paras tertinggi 95.3% dalam tahun kewangan yang dicatat pada akhir September 2015.

Kedudukan mudah tunai turut dilengkapi lain-lain program pembiayaan, termasuk kejayaan terbitan bon Samurai pertama yang meraih JPY31.3 bilion (kira-kira AS\$261 juta). Terbitan ini turut menandakan terbitan bon Samurai buat pertama kalinya oleh sektor perbankan Malaysia. Selain itu, bersama dengan lain-lain aset mudah tunai berkualiti tinggi, telah meletakkan nisbah liputan mudah tunai Kumpulan melebihi paras keperluan minimum yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

Dengan pelaksanaan selera risiko yang betul dan strategi kecekapan modal pada 2015, nisbah jumlah modal Kumpulan sebanyak 17.74% dan CET1 (ekuiti biasa tahap 1) pada 12.78% - meletakkan kami pada kedudukan yang baik untuk pertumbuhan masa hadapan.

MENYUMBANG NILAI KEPADA PEMEGANG SAHAM

Walaupun pelbagai cabaran dihadapi pada 2015, Kumpulan mampu memberikan keuntungan bersih yang lebih tinggi sebanyak RM6.84 bilion pada TK2015 dan ROE sebanyak 12.2%, selari dengan anggaran kami antara 12% hingga 13%. Berikutan prestasi T-ke-T yang lebih baik, Kumpulan menjangkakan pembayaran dividen tahun penuh sebanyak

RM5.22 bilion, yang mewakili 76.3% daripada keuntungan bersih dalam tempoh yang dikaji. Dividen tahun penuh sebanyak 54 sen sesaham ini mewakili hasil dividen sebanyak 6.4% buat pemegang saham kami.

Satu daripada ciri-ciri utama prestasi kami pada TK2015 adalah pertumbuhan prestasi perolehan yang lebih tinggi sebanyak 14.6% pada tahun berkenaan, berbanding prestasi tidak berubah pada TK2014. Perolehan daripada pendapatan berasaskan dana adalah lebih tinggi sebanyak 15.3% pada tahun kewangan disokong oleh pertumbuhan pembiayaan sebanyak 12.0% berbanding sasaran antara 8% hingga 9%, dan margin faedah bersih yang stabil pada 2.31%. Pendapatan bersih berasaskan fi yang merangkumi 31.5% daripada jumlah perolehan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 13.2% pada tahun berkenaan. Pertumbuhan lebih tinggi pendapatan berasaskan fi termasuk penjualan keseluruhan kepentingan ekuiti Kumpulan dalam anak syarikat Maybank (PNG) Limited (MPNG) dan Mayban Property (PNG) Limited (MPPNG) kepada Kina Ventures Ltd pada September tahun lalu, manakala pendapatan bersih berasaskan fi daripada aktiviti fi, perbendaharaan dan insurans semuanya merekodkan pertumbuhan yang tinggi.

Pada 2015, banyak perbincangan dibuat terhadap organisasi-organisasi yang melaksanakan penstrukturan kos bagi menangani margin yang semakin mengecil. Bagi Kumpulan Maybank, keutamaan kami adalah terhadap transformasi dan produktiviti berbanding pengelakkan kos. Untuk ini, kami menggalakkan warga Maybank untuk berfikir seperti "pemilik" dan melabur serta berbelanja mengikut pertumbuhan pendapatan serta nilainya kepada organisasi. Pendekatan ini telah membolehkan kami untuk meneruskan pelaburan-pelaburan yang penting bagi menyokong pertumbuhan jangka panjang walaupun ketika berdepan tempoh yang sukar, dan pada masa yang sama menguruskan perbelanjaan yang dirasakan tidak perlu dengan sebaik mungkin.

Kami terus mengambil pendekatan yang ketat dalam perancangan dan memantau perbelanjaan yang dibuat dalam TK2015. Pertumbuhan perbelanjaan overhead Kumpulan dalam TK2015 adalah sebanyak 12.9% - lebih tinggi berbanding 2014 disebabkan peningkatan peruntukan perbelanjaan pemasaran untuk penukaran mata ganjaran kad kredit, struktur gaji baru di bawah perjanjian kolektif Kumpulan dengan kesatuan pekerja di Malaysia, dan perbelanjaan yang lebih tinggi untuk meningkatkan dan menggerakkan platform teknologi maklumat Kumpulan.

Walaupun komitmen dibuat terhadap perbelanjaan tertentu, perbelanjaan Kumpulan telah diuruskan sejajar dengan pertumbuhan pendapatan, sekali gus menambah baik jurang antara pertumbuhan kos dan pertumbuhan pendapatan, atau kedudukan "JAW" yang kami rujuk di peringkat dalaman, kepada 1.7% pada TK2015, berbanding -2.1% pada TK2014. Kos kepada nisbah pendapatan Kumpulan stabil pada 48.2% dalam TK2015 — lima tahun berturut-turut yang mana kami berupaya mengekalkan nisbah ini di bawah lingkungan 50%.

Prestasi kewangan kami pada TK2015 telah tergugat oleh kenaikan peruntukan kerugian pinjaman dan rosot nilai dalam sekuriti yang berjumlah RM2.01 bilion. Kenaikan peruntukan kerugian pinjaman ini disebabkan oleh perubahan dalam profil kredit akaun tertentu yang telah menyebabkan nisbah pinjaman rosot nilai kasar yang lebih tinggi sebanyak 1.86% sehingga Disember 2015, manakala perbelanjaan rosot nilai bagi sekuriti adalah berikutan ketidakpastian penetapan harga mengikut pasaran dalam sebahagian daripada portfolio sekuriti kami untuk perniagaan insurans.

PENGGABUNGAN DAN PENGAMBILALIHAN

Pelupusan operasi Papua New Guinea adalah hasil daripada semakan strategi biasa Kumpulan untuk mengatur semula keutamaan modal dan sumber kami untuk menumpukan kepada agenda pertumbuhan di rantau yang disasarkan di mana kami boleh mencapai pulangan terbaik daripada pelaburan.

Memandangkan syarat keperluan baru yang lebih ketat di bawah rejim Basel III, kami perlu menilai cara terbaik bagi menggunakan modal ini untuk bergerak ke hadapan. Sesungguhnya, kami percaya bahawa kami boleh mencapai nilai yang lebih besar dengan memberikan semula tumpuan terhadap sumber kami di ASEAN dan Wilayah Besar China, di mana kami boleh mewujudkan sinergi yang lebih besar dan pulangan pelaburan modal yang lebih baik.

MELAKSANAKAN VISI KAMI – PERJALANAN LIMA TAHUN

Tidak boleh dinafikan kami beroperasi dalam tempoh yang lebih mencabar. Bagaimanapun, Maybank pada masa kini agak berbeza berbanding ketika kami memulakan langkah transformasi lima tahun pada 2010. Hari ini, kami beroperasi di semua 10 buah negara ASEAN. Kami turut membangunkan keupayaan yang lebih baik untuk memenuhi keperluan pelanggan-pelanggan serantau melalui Perbankan Pelaburan, Perbendaharaan dan Pengurusan Tunai serta Kekayaan Peribadi.

Gabungan impak inisiatif transformasi di seluruh lima pilar kami pada TK2015 dianggarkan sebanyak RM2.36 bilion daripada nilai keuntungan sebelum cukai, meningkat daripada RM2.36 bilion berbanding RM600 juta pada TK2012.

Perniagaan Perkhidmatan Kewangan Komuniti (CFS) Kumpulan kekal sebagai peneraju dalam segmen perniagaan pilihannya di Malaysia. Kejayaan transformasi ini boleh dikaitkan kepada kejayaan kepada model segmen yang didorong oleh pelanggan, meningkatkan proses keputusan kredit, serta transformasi portfolio PKS dan perbankan perniagaan. Hari ini, Kumpulan CFS menyumbang 44.4% kepada PBT Kumpulan dan mempunyai model perniagaan yang kukuh di dalam tujuh daripada 10 pasaran ASEAN kami.

Perbankan Global (GB) Kumpulan, menerusi transformasinya, telah muncul sebagai penyedia kewangan perkhidmatan penuh bagi menghubungkan korporat

Penyata Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

ASEAN dan global dengan rantau ini. Pada peringkat awal transformasi GB Kumpulan ini, tumpuan telah diberikan terhadap pasukan kerja liputan pelanggan yang menumpukan kepada industri, selain meningkatkan keupayaan dalam perbankan korporat, perbankan global dan perbankan transaksi, termasuk sistem kewangan perdagangan serantau miliknya sendiri iaitu, "Trade Connex".

Pada 2011, francais GB terus mengembangkan kedudukannya di ASEAN dengan pengambilalihan Kim Eng Holdings menerusi Maybank Investment Bank. Ini sekali gus mengembangkan operasi perbankan pelaburan GB di Singapura, Indonesia, Thailand, Filipina, Hong Kong, Amerika Syarikat, United Kingdom dan Vietnam. Hari ini, GB Kumpulan menyumbang 50.4% kepada PBT Kumpulan dan disenaraikan di kedudukan ketiga dalam senarai Perbankan Pelaburan dan Penasihat serta kumpulan persidangan Pasaran Modal Hutang ASEAN.

Dalam tempoh dua tahun terakhir perjalanan transformasi kami, tumpuan telah diberikan kepada regionalisasi perniagaan CFS dan GB ke luar Malaysia. Pada TK2015, sumbangan perolehan daripada semua operasi antarabangsa adalah sebanyak 35.8% manakala sumbangan pembiayaan kasar pula sebanyak 43.6%. Selain daripada pengambilalihan Kumpulan terhadap Kim Eng Holdings, pengembangan ke seluruh ASEAN dan kawasan serantau adalah secara organik. Ini termasuk penubuhan operasi di China dengan cawangan di Beijing, Shanghai dan Kunming, perbadanan tempatan Maybank Kemboja dan pengembangan rangkaian operasi di Indonesia dan Filipina. Sumbangan PBT antarabangsa kepada Kumpulan berjumlah 27.0% pada TK2015. Ini sememangnya kurang daripada sasaran yang telah kami tetapkan sebanyak 40%, yang kami jangkakan akan termasuk penggabungan dan pengambilalihan sepanjang tempoh transformasi. Walaupun terdapat banyak potensi penggabungan dan pengambilalihan yang boleh dipertimbangkan, namun kami tidak dapat menemui yang sesuai.

Sepanjang perjalanan transformasi ini, perniagaan Insurans & Takaful kami di bawah jenama Etiqa, telah muncul sebagai penyedia takaful terbesar di Malaysia. Ia juga telah memulakan proses regionalisasi dengan berkembang ke Singapura dan Filipina. Di Singapura, kami menjadi penyedia insurans pertama yang menawarkan jualan Pembelian Insurans Langsung. Kami memasuki Filipina pada 2014 menerusi pengambilalihan AsianLife and General Assurance Corporation, dan ini sekali gus membolehkan Maybank Philippines Incorporated untuk menawarkan produk hayat dan insurans am menerusi rakan kongsi bankasurans kepada para pelanggan pada 2015.

Huraian ini tidak lengkap tanpa membincangkan mengenai peranan perniagaan kewangan Islam kami yang telah memberikan platform untuk tawaran yang inovatif kepada pelanggan. Dengan jumlah aset sebanyak AS\$36.42 bilion, Maybank Islamic adalah bank Islam terbesar di Asia dan kelima terbesar di peringkat global. Pembiayaan patuh Syariah membentuk 50.8% daripada operasi kami di Malaysia. Dalam tempoh tiga tahun yang lalu, kami telah

melancarkan perkhidmatan kewangan Islam di Singapura dan Indonesia, disokong oleh Pusat Kecemerlangan Syariah yang berpangkalan di Malaysia.

APA LAGI YANG AKAN MAYBANK TAWARKAN

Ketika saya bertemu dengan pelabur, saya sering ditanya: Bagaimana Maybank berbeza daripada kumpulan perbankan yang lain di rantau ini? Pada pendapat saya, ia berpunca daripada kepercayaan yang sangat kuat terhadap peranan kami di ASEAN sebagai komuniti untuk memimpin dan menerajui seluruh Asia. Inilah sebabnya mengapa kami telah membuat pelaburan yang besar untuk membangunkan kehadiran di setiap negara ASEAN, iaitu untuk berkhidmat kepada masyarakat dan untuk menghubungkan pelanggan ASEAN ke pasaran lain.

Dengan penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) pada 2015 dan pengenalan Garis Panduan AEC 2025, kami mengharapkan peranan ASEAN yang lebih besar di bahagian dunia ini, dan kami berharap dapat menjadi sebahagian daripadanya. Dalam pelan lima tahun (2016 – 2020) yang selanjutnya, kami akan berpegang kepada Visi "Memajukan Cita-cita Asia Bersama Anda". Pelan kami untuk tempoh lima tahun akan datang adalah untuk mengukuhkan kedudukan semasa kami di ASEAN ke seluruh sektor perniagaan iaitu Perkhidmatan Kewangan Komuniti, Perbankan Global, Insurans & Takaful dan Perbankan Islam. Pada masa sama kami akan menikmati peluang daripada inovasi digital dalam perkhidmatan kewangan.

Saya sedari untuk menjadi peneraju ASEAN yang sebenar terdapat bidang-bidang yang perlu ditangani. Ini termasuk meningkatkan francais pendapatan fi, jualan silang dan bekerjasama antara pasaran, serta meningkatkan produktiviti dan kecemerlangan operasi. Yakinlah bahawa amat jelas kepada kami dan warga Maybank bahawa kejayaan masa depan kami terletak kepada keupayaan untuk memberi tumpuan sebenar kepada perkembangan baru muncul dalam perkhidmatan kewangan, dan mencapai transformasi ini melalui pelaksanaan yang lebih baik.

Dalam menuju ke tahun 2016, adalah jelas bahawa keadaan semasa adalah lanjutan daripada apa yang dilihat pada 2015. Tidak syak lagi akan ada halangan yang lebih besar dihadapi tahun ini, tetapi saya gembira bahawa kami mempunyai rangka keutamaan yang dibina di sekitar pengurusan kewangan dan kecekapan modal untuk membawa Kumpulan ke arah yang betul. Tumpuan kepada transformasi dan produktiviti pasti akan berterusan pada TK2016 ketika kami berusaha untuk mewujudkan model operasi yang mampan dan berkesan bagi rantau ini.

Walaupun kami tidak dapat mengawal persekitaran luaran, kami boleh mengawal proses dalaman dan rangka kerja risiko untuk menguruskan kualiti aset secara proaktif. Ini akan menjadi pendekatan kami dalam persekitaran semasa, dengan tajajamin kredit lebih berhemat dan lebih berhati-hati terhadap akaun di bawah senarai pemerhatian dan status khas. Kami juga telah mengambil langkah-langkah lain untuk menguruskan kualiti aset termasuk peningkatan ujian

tekanan ke atas pelbagai pembolehubah, pemantauan trend dalam sektor yang rapuh dan perbincangan yang lebih teliti terhadap penilaian kredit baru secara proaktif.

Dengan semua pertimbangan diletakkan di tempatnya, kami telah menetapkan panduan bagi petunjuk prestasi utama TK2016 seperti yang berikut:

Pulangan atas Ekuiti	11%-12%
Pertumbuhan Pembiayaan Kumpulan	8%-9%
Pertumbuhan Pembiayaan Malaysia	6%-7%
Pertumbuhan Pembiayaan Singapura	3%-4%
Pertumbuhan Pembiayaan Indonesia	11%-13%
Pertumbuhan Deposit Kumpulan	10%-11%

SALAM PENGHARGAAN

Sebagai seorang yang telah bersama Kumpulan selama lebih tujuh tahun, saya tahu warga Maybank mempunyai keazaman yang tinggi untuk mengatasi setiap cabaran. Saya tidak nafikan perjalanan ke hadapan bukannya lebih mudah, tetapi rakan-rakan EXCO dan saya sendiri amat komited untuk melakukan "perkara yang betul dengan betul" dan menjadikan perjalanan transformasi lima tahun yang akan kami lalui sebagai sesuatu yang berkesan.

Akhir kata, ingin saya nyatakan di sini bahawa Maybank tidak akan berada pada kedudukannya pada hari ini tanpa sumbangan semua warga kerjanya, dahulu dan sekarang, dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka di atas komitmen yang diberikan bagi menjayakan visi dan prestasi Maybank. Pencapaian ini juga mustahil untuk dicapai tanpa sokongan dan bimbingan daripada badan-badan penguatkuasa di semua negara di mana kami beroperasi. Bagi pihak EXCO Kumpulan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka di atas peranan yang telah dimainkan untuk menjadikan kami sebagai organisasi perkhidmatan kewangan yang kukuh. Paling penting, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pelanggan dan pemegang saham kerana terus memberi kepercayaan, kesetiaan dan sokongan di sepanjang perjalanan kami.

Terima kasih.

Maybank Kami, Masa Depan Kami



DATUK ABDUL FARID ALIAS
Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Profil Korporat & Rangkaian Global

Maybank mempunyai warisan yang menjadi kebanggaan selama lebih 50 tahun, membawa jenama unik perkhidmatan kewangannya kepada para pelanggan. Bank ini telah memahat asal-usulnya di Malaysia ketika ia ditubuhkan pada Mei 1960 dengan objektif untuk membantu membiayai pertumbuhan ekonomi Malaya yang baru merdeka dan membawa perkhidmatan kewangan moden kepada seluruh rakyat.

Nadi utama Maybank mungkin di Malaysia tetapi pasaran utamanya telah berkembang di Asia dan di luar lingkungannya sejak bertahun-tahun. Hari ini, Kumpulan Maybank beroperasi dengan lebih 2,400 pejabat di 20 buah negara seluruh dunia, termasuk pusat kewangan global utama.

Sebagai bank keempat terbesar di Asia Tenggara dari segi aset, Maybank adalah satu-satunya bank ASEAN yang bertapak di kesemua 10 negara ASEAN. Dengan pemahaman yang mendalam tentang pasaran ASEAN, Maybank berada di kedudukan yang baik untuk menghubungkan pelanggan ke seluruh dunia.

Kumpulan Maybank mempunyai kepakaran yang luas dalam bidang perkhidmatan kewangan termasuk perbankan komersil, perbankan pelaburan, broker saham, insurans dan takaful, perbankan Islam, perbankan luar pesisir, pengurusan aset, pembiayaan modal teroka dan perbankan internet. Ini membolehkan ia menawarkan pelbagai produk dan penyelesaian kewangan untuk memenuhi apa jua keperluan segmen pelanggan — sama ada runcit, PKS atau multinasional.

Sejak sekian lama, Maybank dikenali dari segi inovasi, kepimpinan dan kecemerlangan, dan telah menerima pelbagai anugerah untuk mengiktiraf piawaian tinggi yang dimilikinya. Maybank juga telah diktirafkan memiliki kedudukan kewangan yang kukuh, disenaraikan


sebagai 100 bank terbaik di dunia (The Banker). Cabang perbankan Islam Kumpulan — Maybank Islamic Berhad — diiktiraf sebagai pemimpin global dalam bidangnya dan disenaraikan sebagai bank Islam terkemuka di Asia Pasifik dan di kalangan 5 bank terbesar di dunia, dari segi aset.

Maybank mempunyai misi unik untuk menginsankan perkhidmatan kewangan. Misi ini dibuktikan menerusi komitmennya untuk menyediakan laluan mudah kepada pembiayaan dengan syarat dan harga yang adil, menasihatkan pelanggan berdasarkan kepada keperluan mereka dan sentiasa dekat dengan komuniti. Kumpulan juga komited untuk memenuhi keperluan kemampunan organisasi serta pihak berkepentingan dan sentiasa aktif memastikan bahawa unsur-unsur alam sekitar, sosial dan tadbir urus digunapakai dalam semua bidang operasinya.

Yayasan Maybank, cabang serantau bagi inisiatif tanggungjawab korporatnya, merupakan kunci utama bagi menyokong kumpulan dalam agenda kemampuannya di seluruh rangkaian. Bekerjasama dengan pihak yang berkepentingan serta kakitangannya, Yayasan ini membantu memastikan Kumpulan dapat memberi impak yang berpanjangan untuk meningkatkan taraf kehidupan masyarakat di mana sahaja ia beroperasi.



Keuntungan Kumpulan Sebelum Cukai 2015




Pasaran Utama

- MALAYSIA**
 393 cawangan;
 7 cawangan menerusi Maybank Investment Bank
- SINGAPURA**
 22 cawangan;
 5 cawangan menerusi Maybank Kim Eng
- INDONESIA**
 428 cawangan;
 6 cawangan menerusi Maybank Kim Eng;
 1 cawangan menerusi Maybank Syariah Indonesia

Pasaran Antarabangsa

- BAHRAIN**
 1 cawangan
- BRUNEI**
 2 cawangan
- KEMBOJA**
 21 cawangan

Profil Korporat & Rangkaian Global



CHINA

3 cawangan



LAOS

1 cawangan



MYANMAR

1 cawangan



MAURITIUS

1 cawangan menerusi Maybank Indonesia



THAILAND

51 cawangan menerusi Maybank Kim Eng



HONG KONG

1 cawangan; 1 cawangan menerusi Maybank Kim Eng



LONDON

1 cawangan; 1 cawangan menerusi Maybank Kim Eng



AMERIKA SYARIKAT

1 cawangan; 2 cawangan menerusi Maybank Kim Eng



FILIPINA

79 cawangan; 3 cawangan menerusi Maybank Kim Eng



UZBEKISTAN

1 pejabat menerusi Uzbek Leasing International



INDIA

1 cawangan menerusi Maybank Indonesia; 1 cawangan menerusi Maybank Kim Eng



LABUAN

1 cawangan



PAKISTAN

1,247 cawangan menerusi MCB Bank; 4 cawangan menerusi Pak-Kuwait Takaful Company



ARAB SAUDI

1 pejabat menerusi Anfaal Capital



VIETNAM

2 cawangan; 8 cawangan menerusi Maybank Kim Eng; 146 cawangan menerusi An Binh Bank

Sejarah, Inovasi & Kepimpinan

1960

1960:

- Maybank ditubuhkan pada 31 Mei dan memulakan operasi di Kuala Lumpur pada 12 September.
- Malayan Finance Corporation (kemudian dikenali sebagai Mayban Finance) ditubuhkan, syarikat kewangan milik penuh bank yang pertama.
- Maybank membuka cawangan luar negara yang pertama di Brunei Darussalam.
- Cawangan Maybank di Singapura bermula.

1962:

- Operasi Maybank Hong Kong dibuka pada 12 Februari, diikuti pembukaan cawangan di London pada 12 September.
- Pada 17 Februari, Maybank disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (kemudian dikenali sebagai Bursa Malaysia).

1973:

- Pada bulan September, Maybank menubuhkan sayap perbankan pelaburannya – Asian and Euro-American Merchant Bankers Bhd (ASEAMBANKERS). Bank subsidiari ini telah dinamakan Maybank Investment Bank pada 2009.

1974:

- Bank pertama memperkenalkan skim kredit luar bandar.

1976:

- Bank pertama memperkenalkan perkhidmatan perbankan bas bergerak.

1977:

- Pada bulan Jun, Mayban-Phoenix Assurance Bhd – yang mana Bank memegang 70% ekuiti – ditubuhkan untuk menawarkan taja jamin risiko insurans am. Baki 30% dipegang oleh British Phoenix Assurance. Pada 10 Oktober 1986, Mayban-Phoenix Assurance dinamakan semula sebagai Mayban Assurance.

1978:

- Peneraju operasi perbankan menggunakan komputer di Malaysia.

1980:

- Maybank melancarkan kad kredit pertamanya – kad Maybank Visa Classic.

1981:

- Bank pertama di Malaysia menyediakan Mesin Juruwang Automatik (ATM).

1983:

- Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan batu asas Menara Maybank, ibu pejabat Maybank pada bulan September.

1984:

- Cawangan Maybank di New York dibuka pada bulan September.

1986:

- Maybank memperkenalkan rangkaian ATM bersepadu terbesar yang pertama di negara ini. Konsortium Perbankan Automatik (ABC) menghubungkan Kwong Yik Bank, Mayban Finance dan Maybank di Malaysia dan Singapura, melibatkan sejumlah 296 ATM.

1988:

- Balai Seni Maybank dan Muzium Numismatik Maybank secara rasmi dibuka oleh Tan Sri Dato' Jaffar Hussein, Gabenor Bank Negara Malaysia. Ini diikuti dengan perasmian Menara Maybank pada bulan Jun 1988 oleh Perdana Menteri.
- Maybank merupakan institusi kewangan pertama memperkenalkan pembayaran IPO baru menerusi ATM.

1990:

- Maybank menubuhkan bank luar pesisir di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan.

1992:

- Pada Januari, Mayban Securities ditubuhkan.
- Maybank Autophone dilancarkan, menjadikan Maybank sebagai bank tempatan pertama yang menawarkan perkhidmatan telefon berkomputer.

1993:

- Mayban Ventures memulakan operasi.
- Aseam Leasing and Credit Bhd. ditubuhkan, menawarkan aktiviti pajakan dan sewa beli.

1994:

- Maybank (PNG) Ltd memulakan perniagaannya di Port Moresby pada bulan Oktober, dengan cawangan kedua dibuka di Lae pada 1997.
- Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad secara rasmi melancarkan PT Maybank Nusa Internasional, syarikat usaha sama dengan PT Bank Nusa Internasional Indonesia.

1996:

- Pada bulan Mac, cawangan Hanoi dan sebuah pejabat perwakilan di Ho Chi Minh dibuka secara rasminya. Pada bulan Oktober 2005, Ho Chi Minh dijadikan cawangan rasmi, sekali gus menjadikannya cawangan kedua di Vietnam.
- Peneraju bankasurans di Asia Tenggara.
- Maybank menjual Kwong Yik Bank kepada Rashid Hussain Berhad pada bulan Disember.

Sejarah, Inovasi & Kepimpinan



2009

1997:

- Bank pertama menawarkan keselesaan untuk penerbangan tanpa tiket bagi penerbangan domestik menerusi MAS Electronic Ticketing (MASET).
- Maybank menguasai 60% saham kepentingan dalam PNB-Republic Bank di Filipina, yang dinamakan semula sebagai Maybank Philippines Inc.

2000:

- Bank pertama menawarkan perkhidmatan “Pandang dan Bayar” di Malaysia menggunakan kad kredit dan perkhidmatan debit langsung menerusi Internet dengan Mesiniaga Bhd.
- Bank pertama di Malaysia dan Asia Tenggara yang menawarkan perkhidmatan seragam ATM dan kaunter bagi perkhidmatan di Malaysia, Singapura, Brunei dan Filipina.
- Bank Malaysia yang pertama membuka cawangan di Shanghai, Republik Rakyat China.
- Maybank melancarkan Maybank2u.com pada bulan Jun, menjadikannya bank pertama di Malaysia memperkenalkan perkhidmatan perbankan Internet.
- Maybank telah mengambil alih Pacific Bank Bhd dan Phileo Allied Bank Bhd sebelum menggabungkannya dalam operasi Maybank pada tahun 2001.

2001:

- Maybank dan Fortis International NV, salah sebuah penyedia perkhidmatan kewangan bersepadu yang terbesar di Eropah, bekerjasama untuk menubuhkan Mayban Fortis Holdings Bhd menerusi usaha sama 70:30.
- Maybank Tower, ibu pejabat baru Maybank Singapura dibuka secara rasmi.
- Timbalan Perdana Menteri Dato’ Seri Abdullah Ahmad Badawi melancarkan Dataran Maybank di Kuala Lumpur.

2002:

- Maybank Takaful mula beroperasi, menjadikannya syarikat Takaful pertama dimiliki oleh sebuah bank konvensional di Malaysia.

2003:

- Bank pertama melancarkan kiosk Perbankan Internet Malaysia, Kiosk Internet Maybank2u.com.
- Maybank secara rasminya melancarkan cawangan di Bahrain, menjadi bank Malaysia yang pertama beroperasi di negara berkenaan.

2004:

- Maybank menjadi bank tempatan pertama memperkenalkan e-Dividen. e-Dividen adalah sistem pembayaran dividen bersepadu yang menyelaraskan pemprosesan dividen dan pembayaran melalui system pengurusan tunai perusahaan Bank berkenaan iaitu Maybank2e.net.
- Keseluruhan operasi dan perniagaan Mayban Finance Bhd diserahkan hak kepada Maybank.

2005:

- Pengambilalihan Malaysia National Insurance Bhd, syarikat insurans terbesar di negara ini berserta subsidiarinya, Takaful Nasional Sdn Bhd, penyedia insurans Takaful utama di Malaysia.

2006:

- Bank pertama menawarkan perbankan mudah alih menerusi sistem pesanan ringkas diikuti dengan penggunaan Perkhidmatan Mudah Alih M2U menggunakan telefon GPRS/3G pada 2006.
- Maybank menjadi penerbit tunggal dan pengurus kad caj American Express dan mengambilalih perniagaan saudagar kad ini di Malaysia.
- Bank Malaysia pertama menyediakan perkhidmatan rangkaian serantau bagi kemudahan pengeluaran tunai di kaunter. Ini melibatkan pejabat-pejabatnya di Malaysia, Singapura, Brunei Darussalam dan Filipina, dikenali sebagai Region Link.
- Maybank muncul sebagai penaja utama bagi Kejohanan Golf Terbuka Malaysia Maybank untuk tempoh lima tahun. Penajaan ini kemudiannya dilanjutkan selama lima tahun lagi bermula 2011.

2007:

- Bank pertama memperkenalkan penyelesaian pembiayaan komoditi berstruktur bagi pelanggan perniagaan.
- Bank pertama melancarkan perkhidmatan penyelesaian wang mudah alih lengkap di Malaysia dengan Maxis.
- Kumpulan Maybank melancarkan Etiqa, jenama baru bagi perniagaan insurans konvensional dan takaful di bawah Mayban Fortis Holdings.

2008:

- Bank pertama melancarkan Bankcard, kad dwi kegunaan susulan kerjasama dengan Visa International pada 2008.
- Maybank diiktiraf sebagai Jenama Paling Bernilai Di Malaysia pada 2007 & 2008.
- Maybank menubuhkan subsidiari perbankan Islamnya, Maybank Islamic Berhad.
- Maybank mengambilalih kepentingan dalam PT Bank Internasional Indonesia, An Binh Bank di Vietnam dan MCB Bank Ltd di Pakistan.

2009:

- Maybank melancarkan kemudahan pembayaran mudah alih tanpa wayar yang pertama di negara ini bagi perkhidmatan penghantaran Pizza Hut.
- Bekerjasama dengan Maxis, Nokia, Touch n’ Go dan Visa untuk melancarkan satu program yang julung kali di dunia, pembayaran bergerak tanpa sentuhan menggunakan komunikasi lapangan (NFC) melalui telefon Nokia.
- Maybank dan Permodalan Nasional Berhad bersama memperkenalkan kemudahan dalam talian bagi pelaburan tambahan dalam unit ASB menerusi perbankan dalam talian.
- Maybank menyempurnakan dengan jayanya terbitan hak berjumlah RM6 bilion – terbitan terbesar dalam sejarah korporat Malaysia.

Sejarah, Inovasi & Kepimpinan

2010

2010:

- Menjadi syarikat tersenarai pertama di Bursa Malaysia mengumumkan pelaburan semula dividen.
- Bank pertama di Malaysia meraih lebih AS\$100 bilion dalam jumlah aset dan lebih AS\$1 bilion keuntungan selepas cukai.
- Bank pertama melancarkan cawangan mesra orang kurang upaya bagi pengguna kerusi roda di seluruh negara.
- Maybank meraikan sambutan ulang tahun ke-50.
- Maybank melancarkan TradeConnex, bank tempatan pertama di Malaysia yang menawarkan produk pembiayaan perdagangan konvensional yang menyeluruh dalam talian.
- Maybank Islamic melancarkan Wakaf, program komuniti berstruktur pertama diperkenalkan oleh sebuah institusi kewangan di Malaysia untuk pelanggan.
- Maybank Singapura melancarkan pakej pembiayaan Islam pertama bagi SME di Singapura.
- Pelancaran kad kredit Pantai American Express, kad jenama bersama pertama di Malaysia dan Asia bersama penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan.
- PT Bank Maybank Indocorp, ditukar menjadi perbankan Islam sepenuhnya dan dinamakan semula sebagai Maybank Syariah Indonesia.
- Yayasan Maybank ditubuhkan dengan peruntukan awal sebanyak RM50 juta untuk mempelopori inisiatif tanggungjawab korporat Kumpulan di rantau ini.
- Maybank Singapura melaksanakan Swap Kadar Keuntungan Islam berdasarkan kepada pinjaman Islam bersindiket yang pertama mencerminkan keupayaannya dalam penyelesaian lindung nilai Islam.
- Jenama Paling Bernilai Malaysia.
- Maybank mengumumkan kejayaan penyelesaian program pembinaan buku berkaitan penempatan persendirian untuk meraih kira-kira RM3.66 bilion (AS\$1.2 bilion) pada kadar diskaun tipis berbanding harga pasaran. Penempatan persendirian ini disenaraikan sebagai yang terbesar dalam sejarah korporat Malaysia. Tawaran ini menerima sambutan yang baik daripada pelabur institusi domestik dan luar negara.
- Maybank Philippines Inc. melancarkan Kad Kredit Maybank di Filipina.
- Maybank Philippines Inc. mengumumkan perpindahan ke pejabat baru di Pusat Korporat Maybank di Bonifacio Global City di Taguig.
- Maybank menjadi bank pertama di Singapura memperkenalkan Aplikasi Maybank Smart TV yang memanfaatkan keupayaan penuh Samsung Smart TV untuk mewujudkan saluran perkhidmatan dalam talian yang benar-benar berinovasi buat pelanggan dan bukan pelanggan.
- Maybank melancarkan platform Pengurusan Tunai Serantau yang dilaksanakan menerusi laman web Maybank2E, di Singapura bagi meraih peluang di pasaran pengurusan tunai Asia yang sedang pantas berkembang.
- Maybank memperkenalkan perkhidmatan perbankan internet, Maybank2u di Kemboja bagi kemudahan pelanggan menggunakan perkhidmatan ini yang telah menerima banyak anugerah.
- Maybank mengembangkan rangkaianannya di Kemboja dengan membuka cawangan ke-12 di Zon Ekonomi Khas Phnom Penh.

2011:

- Bank pertama di Malaysia melancarkan “Skim Pinjaman Gadai Janji Luar Negara” yang menawarkan kemudahan pinjaman perumahan hartanah di London dalam Ringgit Malaysia.
- Pengambilalihan Kim Eng Holdings Ltd, kumpulan perbankan pelaburan yang disenaraikan di Singapura serta memiliki platform serantau yang kukuh.
- Pelancaran usaha sama strategic menerusi Perkhidmatan Perbankan Perkongsian dengan Pos Malaysia Berhad bagi menyediakan perkhidmatan terpilih Maybank di lebih 400 cawangan Pos Malaysia di seluruh negara.
- Bank Malaysia pertama memperkenalkan “Maybank 2 Kad” yang menyediakan dua kad kredit kepada pemegang kad dengan hanya 1 permohonan.
- Menjadi Bank Kelayakan Penuh pertama di Singapura untuk melancarkan Kad Debit Platinum dengan ciri-ciri NETS FlashPay.
- Bank Malaysia pertama melancarkan eCustody, platform elektronik berasaskan internet yang menawarkan pelanggan-pelanggan institusi kemudahan pengurusan dalam talian terhadap akaun penjagaan amanah dengan Kumpulan Maybank.
- Memperkenalkan identiti korporat baru yang diinspirasi menerusi misinya untuk “Menginsankan Perkhidmatan Kewangan di Seluruh Asia”.

2012:

- Maybank menjadi bank tempatan pertama yang memeterai perjanjian sekali gus dengan empat buah bank dari Myanmar untuk memperkenalkan perkhidmatan pindahan wang, Maybank Money Express (MME) ke negara berkenaan.
- Maybank mengukuhkan komitmen operasi jangka panjang di Kemboja dengan memperbadankan operasi tempatannya di negara berkenaan.
- Yayasan Maybank buat pertama kalinya mengembangkan program biasiswa pengajian tempatan dengan turut menawarkan biasiswa pra universiti. Yayasan menyalurkan biasiswa kepada 19 pelajar dari golongan memerlukan untuk meneruskan pengajian di universiti terkemuka awam dan swasta dalam negara.
- Maybank menambah rangkaianannya di China dengan pembukaan cawangan baru di Beijing untuk meningkatkan operasinya di Wilayah Besar China.
- Perdana Menteri Malaysia merasmikan pembukaan cawangan pertama Maybank Laos, yang melengkapkan jejak Kumpulan di semua 10 negara ASEAN.

2013:

- Maybank merupakan bank ASEAN yang pertama menggunakan platform Microsoft Windows 8 untuk aplikasi perbankan mudah alih korporatnya iaitu, Maybank2E-Regional Cash.
- Maybank melancarkan pelan berkaitan pelaburannya yang pertama, Luxury Edition, yang merupakan pelan insurans dana tertutup premium tunggal berkaitan pelaburan di Malaysia yang menawarkan gabungan perlindungan insurans dan pelaburan dalam pasaran barangan mewah.
- Maybank melancarkan Maybank2u Pay, satu lagi pengenalan baru oleh sebuah bank di Malaysia. Maybank2u Pay merupakan laluan pembayaran untuk memudahkan pembelian di blog beli belah yang menawarkan bukan hanya transaksi pantas dan selamat, tetapi juga selesa dengan pengalaman beli belah dalam talian yang boleh dipercayai.
- Maybank mengembangkan kerjasama jenama bersama dengan Manchester United (MU) dengan membawakan kad “Maybankard Visa Infinite Manchester United” ke pasaran iaitu kad jenama bersama pertama di dunia dengan Manchester United, yang disasarkan untuk segmen pelanggan kaya.
- Maybank mengembangkan Skim Pinjaman Gadai Janji Luar Negara (OMLS) untuk turut merangkumi pembelian hartanah kediaman di pasaran-pasaran baru – iaitu Sydney, Perth dan Singapura. Pelabur-pelabur Malaysia kini boleh menikmati keselesaan untuk membiayai pembelian hartanah di negara berkenaan dalam matawang Ringgit. Maybank merupakan Bank yang pertama di Malaysia memperkenalkan OMLS.
- Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, merasmikan pelancaran Maybank Islamic Asset Management di Forum Islam Sedunia di London.

Sejarah, Inovasi & Kepimpinan



2015

2014:

- Pelancaran perkhidmatan pengeluaran wang tanpa kad menerusi ATM – perkhidmatan pertama diperkenalkan di Malaysia yang mana pengeluaran wang boleh dibuat tanpa menggunakan kad ATM.
- Penubuhan pusat penjagaan kanak-kanak pertama di Malaysia dikenali sebagai ‘Pusat Penjagaan Kanak-kanak Maybank Tiger Cubs’, yang merupakan pusat sokongan penjagaan kanak-kanak di masa kecemasan untuk anak-anak kakitangan.
- Satu-satunya organisasi yang ditubuhkan di Malaysia yang tergolong dalam “Towers Watson Global High Performing Company Norm” yang menjadi penanda aras yang diiktiraf di peringkat antarabangsa untuk organisasi dengan pencapaian tinggi.
- Bank pertama di Malaysia yang menawarkan pembiayaan perdagangan di seluruh Asia dalam matawang Ringgit Malaysia (RM). Perkhidmatan ini membolehkan pelanggan untuk menikmati keselesaan dalam melaksanakan transaksi perdagangan bersama rakan niaga di Malaysia menggunakan RM secara langsung.
- Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dan Maybank memeterai perjanjian Jaminan Portfolio, perjanjian pertama seumpamanya dan yang terbesar di negara ini yang membuktikan komitmen kedua-dua institusi untuk meningkatkan laluan pembiayaan untuk semua peringkat perniagaan kecil dan sederhana.
- Mengembangkan pasaran anuiti tertanggung menerusi pengenalan Pelan ‘Smart Retirement Xtra’, pelan insurans anuiti tertanggung yang pertama di Malaysia yang ditawarkan menerusi saluran Bankasurans.
- Memperkenalkan kad Maybank Visa Debit Platinum – kad pertama yang membolehkan transaksi menerusi Visa payWave di Malaysia.
- Pelancaran buat pertama kali transaksi senarai awam di Pasaran TOKYO PROBOND yang meraih JPY31.1 bilion (bersamaan AS\$305 juta) bertempoh tiga tahun, yang juga merupakan Pro-Bond pertama diterbitkan menerusi program terbitan Nota Jangka Sederhana (MTN) Pelbagai Matawang bernilai AS\$5 bilion.
- Memperkenalkan M2U Pay ‘Snap&Sell’, aplikasi mudah alih inovatif pertama yang memberikan keselesaan kepada penggunaannya untuk menjual produk di mana jua dan pada bila-bila masa di platform media sosial.
- Menjadi Bank pertama memperkenalkan kad kredit Visa Signature yang menawarkan pengembalian tunai atas asas harian dan juga fleksibiliti untuk menukar mata ganjaran Treats kepada tunai.
- Menduduki tangga 3 syarikat teratas di Malaysia dan antara 100 syarikat di Asia yang mencatatkan prestasi tinggi yang mampan oleh Channel NewsAsia dan juga yang pertama di Asia.
- Melancarkan myTrade2Cash, platform pembiayaan perdagangan komprehensif dan yang pertama diperkenalkan di Asia. Platform ini memberikan keselesaan kepada PKS untuk memohon kemudahan pembiayaan daripada Maybank menerusi platform dalam talian DneX.
- Melancarkan M2U Visa Direct dengan kerjasama Visa International, perkhidmatan pindahan wang yang pertama diperkenalkan di Malaysia yang menawarkan alternatif untuk menghantar wang ke akaun kad visa kepada penerima di 200 buah negara.
- Pelancaran Maybank Visa payWave Micro Tag – kaedah baru dan selesa untuk membuat pembayaran yang memanfaatkan teknologi Visa payWave yang juga pertama kali diperkenalkan di Malaysia. Perkhidmatan baru ini membolehkan pembayaran tanpa sentuhan dibuat menerusi pelekat elektronik Micro Tag yang dihubungkan ke kad Visa. Micro Tag boleh diletakkan berasingan di atas barangan peribadi milik pemegang kad seperti dompet, telefon atau kunci kereta.

2015:

- Maybank melancarkan pawagam yang pertama kalinya diperkenalkan di Asia Tenggara untuk orang kurang upaya (OKU) dengan kerjasama Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB), juga dikenali sebagai Pawagam Maybank – MAB.
- Maybank melancarkan perkhidmatan “Quick Balance” yang pertama di Malaysia menerusi aplikasi Maybank2u, yang direka untuk meningkatkan nilai penggunaan perbankan mudah alih.
- Bank Malaysia yang pertama dan satu daripada dua bank di Asia Tenggara yang beroperasi di daerah Yunnan, di barat daya China, menerusi cawangan Maybank Kunming baharu.
- Maybank melancarkan dua aplikasi perbankan digital yang baru - Maybank Treats dan Maybank Property Finder – membawa ke pasaran Asia Tenggara buat aplikasi yang memberi kemudahan untuk pelanggan.
- Bank pertama di Malaysia memulakan program pembiayaan mikro untuk Orang Kurang Upaya (OKU).
- Maybank melancarkan bon Samurai yang pertama kali diterbitkan di luar sektor perbankan Malaysia, yang menjana JPY 31.3 bilion (bersamaan kira-kira AS\$261 juta) dengan tempoh matang antara tiga hingga lima tahun.
- Pelancaran dana ekuiti Islam pertama di bawah pasport rangka kerja Asean, dikenali sebagai Dana ASEAN Ekuiti-i Maybank Boseru Wilayah Besar China, untuk meneroka potensi besar di pasaran ekuiti di Wilayah Besar China dan Asean.
- Maybank buat pertama kalinya menawarkan pelanggan pilihan ‘elektronik’ untuk menghantar hadiah semasa musim perayaan Hari Raya yang terdiri daripada “duit raya” dan Kad Hadiah Raya Maybank melalui Maybank2U.
- Bank pertama di Malaysia yang merintis penggunaan pengesahan biometrik bagi perbankan mudah alih dengan memperkenalkan perkhidmatan Quick Touch menerusi aplikasi Maybank2u yang membolehkan pelanggan mengakses dan memeriksa baki akaun menggunakan pengesahan cap jari pada peranti mudah alih mereka.
- Maybank telah melancarkan MaybankFintech, program pertama oleh sebuah bank di Asia Tenggara untuk membiayai syarikat permulaan teknologi serta menyokong dan menjana idea dalam bidang teknologi kewangan.
- Pelancaran konsep cawangan baru dalam bentuk ruang santai dengan Maybank@ Monash menjadi cawangan pertama di negara ini. Terletak di Monash University Malaysia, ruang santai ini direka khas untuk memenuhi keperluan perbankan yang unik bagi pelajar dan komuniti Universiti.
- Pelancaran aplikasi digital pertama, ‘Snap & Donate’ di mana pelanggan boleh membuat sumbangan untuk golongan memerlukan dengan hanya mengambil gambar logo pertubuhan kebajikan menggunakan telefon mudah alih mereka dan kemudian membuat sumbangan terus melalui Maybank2u.
- Maybank bekerjasama dengan syarikat teknologi global, SAGE untuk melaksanakan pembayaran elektronik segera dalam talian dan saluran perbankan mudah alih secara langsung dari modul perakaunan dan penggajian.
- Pelancaran operasi di Myanmar yang bertujuan untuk memberi tumpuan kepada transaksi perbankan, pinjaman korporat dan perkhidmatan perbendaharaan sebagai sebahagian daripada objektif untuk menjadikan Maybank sebuah bank rentas sempadan terkemuka di Myanmar.
- Bank pertama yang memuktamadkan usaha sama dengan Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC) dalam usaha untuk mendorong penajaan syarikat permulaan di rantau ini.
- Bank Malaysia pertama yang memeterai perjanjian dengan China UnionPay Merchant Services untuk meningkatkan perniagaan pengurusan tunai di China.

Unit Perniagaan Strategik



Malayan Banking Berhad merupakan syarikat pegangan dan entiti senarai awam bagi Kumpulan Maybank yang memiliki cawangan di Malaysia, Singapura dan pusat-pusat kewangan antarabangsa seperti London, New York, Hong Kong dan Bahrain.

Subsidiari utama Maybank di luar negara terdiri daripada PT Bank Internasional Indonesia Tbk, Maybank Philippines Incorporated dan Maybank (Cambodia) Plc.

Subsidiari operasi utama terdiri daripada Maybank Islamic Berhad, Maybank Investment Bank Berhad, Maybank Kim Eng Holdings Limited serta Etiqa Insurance Berhad, Etiqa Takaful Berhad, dan Etiqa Insurance Pte Ltd. Maybank memiliki syarikat-syarikat sekutu di Pakistan (menerusi pemilikan 20% dalam MCB Bank), Vietnam (menerusi pemilikan 20% dalam An Binh Bank) dan Uzbekistan (menerusi pemilikan 19.7% dalam Uzbek Leasing International A.O.).

Maybank International (L) Ltd dan cawangan Labuan di pusat luar pesisir Labuan di Malaysia menyediakan perkhidmatan perbankan antarabangsa yang berfungsi sebagai pusat luar pesisir bagi Kumpulan Maybank.

Sila layari www.maybank.com/worldwide untuk maklumat lanjut

PERBANKAN ISLAM



MAYBANK ISLAMIC BERHAD

Maybank Islamic Berhad merupakan syarikat milik penuh Kumpulan Maybank yang mempunyai lesen perbankan Islam penuh. Maybank Islamic juga merupakan penyedia produk dan perkhidmatan kewangan Islam utama di ASEAN. Maybank Islamic memanfaatkan infrastruktur dan rangkaian Kumpulan bagi menawarkan penyelesaian kewangan patuh Syariah yang lengkap. Portfolio produk dan perkhidmatannya yang luas ditawarkan menerusi lebih 400 rangkaian cawangan Maybank di Malaysia dan juga di Indonesia, Singapura, Hong Kong, London dan Bahrain. Pada 2015, ia kekal sebagai peneraju domestik bagi keseluruhan penguasaan pasaran kewangan dan deposit.



MAYBANK SYARIAH INDONESIA

PT Bank Maybank Syariah Indonesia (Maybank Syariah) merupakan syarikat subsidiari Maybank, dan ditubuhkan berikutan penukaran entiti perbankan komersial PT Bank Maybank Indocorp kepada perbankan Islam (syariah) pada 2010. Maybank Syariah berhasrat menjadi peneraju penyedia perkhidmatan Syariah dan pilihan utama di Indonesia serta di rantau ini. Strategi perniagaannya menumpukan kepada perbankan korporat dan juga khidmat nasihat.

PERBANKAN PELABURAN



MAYBANK INVESTMENT BANK BERHAD

Maybank Investment Bank Berhad (Maybank IB) merupakan syarikat milik penuh Maybank. Maybank IB juga adalah operasi perbankan pelaburan Maybank Kim Eng di Malaysia. Ia menawarkan rangkaian lengkap produk dan penyelesaian perbankan pelaburan termasuk pembiayaan korporat dan penasihat, penasihat strategik, pasaran ekuiti, pembrokeran saham, pasaran hutang, derivatif dan penyelidikan.



MAYBANK KIM ENG HOLDINGS LIMITED

Maybank Kim Eng Holdings Limited merupakan syarikat milik penuh Maybank. Perniagaan Maybank Kim Eng merentas seluruh dunia dengan pejabat di Singapura, Hong Kong, Thailand, Indonesia, Filipina, India, Vietnam, Great Britain dan Amerika Syarikat. Ia menyediakan perkhidmatan pembiayaan korporat, pasaran hutang, pasaran modal ekuiti, derivatif, pembrokeran saham runcit dan institusi serta penyelidikan.

INSURANS DAN TAKAFUL



ETIQA

Etiqa merupakan jenama perniagaan Insurans dan Takaful Kumpulan Maybank yang menawarkan semua jenis dan kelas polisi insurans konvensional Hayat dan Am serta Takaful Keluarga dan Am menerusi pelbagai saluran pengedaran. Operasi entiti yang terlibat ialah Etiqa Insurance Berhad di Malaysia dan Etiqa Insurance Pte Ltd di Singapura untuk insurans, dan Etiqa Takaful Berhad di Malaysia untuk Takaful. Takaful merupakan aturan berasaskan bantuan dipersetujui bersama yang mana peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada tabung bersama disediakan untuk manfaat bersama yang dibayar kepada peserta takaful atau penerima manfaat bila mana berlakunya keadaan yang dipersetujui terlebih dahulu.

Etiqa mempunyai barisan agensi yang kuat terdiri daripada lebih 12,000 ejen, 31 cawangan di seluruh Malaysia, rangkaian pengedaran Bankasurans yang luas melibatkan lebih daripada 400 cawangan Maybank selain bank pihak ketiga; dan juga koperasi dan broker. Etiqa merupakan salah satu daripada perintis bagi jualan langsung melalui portal kami iaitu www.etiqa.com.my dan www.motortakaful.com serta perkhidmatan dalam talian Kumpulan, Maybank2u.

Unit Perniagaan Strategik

PENGURUSAN ASET



MAYBANK ASSET MANAGEMENT GROUP BERHAD

Maybank Asset Management Group (Maybank AM Group) merupakan satu daripada perintis dalam industri pengurusan aset tempatan, dengan lebih daripada 30 tahun pengalaman. Ia terdiri daripada sebuah syarikat induk, Maybank Asset Management Group Berhad dan enam subsidiari di empat pasaran utama Asean — Malaysia, Singapura, Indonesia dan Thailand. Maybank AM Group menyediakan pelbagai penyelesaian tumpuan Asia, untuk semua jenis pelabur seperti pertubuhan, institusi, dana pencen, syarikat insurans dan takaful, dan pelanggan individu. Perkhidmatan pengurusan portfolio dana termasuk bagi produk dari ekuiti dan pendapatan tetap hinggalah kepada instrumen pasaran wang menerusi mandat langsung, unit amanah dan dana borong tetap.

OPERASI ANTARABANGSA



MAYBANK SINGAPURA

Maybank Singapura merupakan Bank Kelayakan Penuh (QFB) dengan saiz aset bersih kira-kira S\$61 bilion dan barisan kakitangan lebih daripada 1,800. Kami telah membina penglibatan yang menggalakkan dalam pasaran runcit, borong dan perbankan global selama lebih 5 dekad yang lalu. Tahun ini, Maybank telah dikenalpasti oleh pihak kewangan berkuasa Singapura (MAS) sebagai salah satu bank tempatan sistemik penting (D-SIBs) antara 7 bank-bank tempatan dan asing utama yang dianggap mempunyai kesan yang ketara kepada sistem kewangan di Singapura dan keseluruhan ekonominya.

Sebagai sebuah bank asing yang utama di Singapura, Maybank menawarkan set penuh penyelesaian kewangan untuk individu, perniagaan dan Syarikat. Bagi pelanggan-pelanggan perbankan peribadi dan global khususnya,

Maybank Singapura adalah pintu masuk kepada peluang-peluang di seluruh ASEAN, serta di luar lingkungannya.

Rangkaian yang terdiri daripada 26 lokasi perkhidmatan di Singapura, merupakan satu daripada bank asing terbesar di Singapura. Sebagai sebahagian daripada atm5 – satu-satunya rangkaian mesin juruwang automatik (ATM) yang dikongsi bersama 7 peserta QFB, kami menawarkan pelanggan dengan pencapaian kepada lebih 200 ATMs di seluruh kepulauan.



PT BANK MAYBANK INDONESIA TBK

PT Bank Maybank Indonesia Tbk (sebelum ini dikenali sebagai PT Bank Internasional Indonesia Tbk) atau Maybank Indonesia merupakan subsidiari Maybank. Ia merupakan bank komersial kesepuluh terbesar dari segi aset dan disenaraikan di Bursa Saham Indonesia (Ticker: BNII). Maybank Indonesia menyediakan perkhidmatan kewangan penuh bagi pelanggan-pelanggan perniagaan, runcit dan perbankan global. Sehingga 31 Disember 2015, rangkaian Maybank Indonesia terdiri daripada 456 cawangan, termasuk 27 pejabat Fungsi Mikro, 9 cawangan Syariah, 2 cawangan luar negara di Mumbai dan Mauritius serta 1,605 ATM termasuk 95 Mesin Deposit Tunai (CDMs). Maybank Indonesia mempunyai jumlah keseluruhan deposit pelanggan sebanyak IDR115.5 trilion dan IDR157.6 trilion dari segi aset.



MAYBANK WILAYAH BESAR CHINA

Maybank Wilayah Besar China terdiri daripada cawangan di Hong Kong, Shanghai, Beijing dan di Kunming, serta cawangan yang bakal dibuka di Shenzhen. Kami menyediakan perkhidmatan perbankan pemborongan dan perbankan pelaburan kepada pelanggan komersial dan korporat di Hong Kong dan China, khusus dalam penyelesaian rentas sempadan untuk memudahkan aliran dana antara Wilayah Besar China dan ASEAN. Maybank Wilayah Besar China sedang meningkatkan platform Kekayaan Peribadi untuk memberi perkhidmatan lebih baik kepada pelanggan kaya di seluruh rantau ini.



MAYBANK PHILIPPINES

Maybank Philippines Incorporated (MPI) merupakan bank komersial penuh yang menyediakan perkhidmatan untuk kedua-dua sektor perbankan runcit dan pemborongan. MPI adalah bank asing dengan rangkaian cawangan terbesar iaitu 79 cawangan. MPI menawarkan pelbagai penyelesaian kewangan untuk pelanggan mewah dan syarikat-syarikat atasan di Filipina. MPI turut terlibat dalam operasi perbendaharaan dengan tumpuan terhadap operasi pasaran wang dan dagangan pertukaran matawang asing.



MAYBANK INDOCHINA

Maybank Indochina terdiri daripada cawangan penuh di Vietnam, Laos, dan Myanmar, dan juga subsidiari Maybank Cambodia PLC (MCP). Kami menawarkan perkhidmatan perbankan pemborongan kepada pelanggan komersial dan korporat di seluruh pasaran Indochina, dan menyediakan perkhidmatan perbankan runcit di Kemboja dan Laos. Kami merupakan bank pertama dari Malaysia yang diberi lesen perbankan asing oleh Central Bank of Myanmar, untuk beroperasi di negara itu.



MAYBANK (CAMBODIA) PLC

Maybank memulakan operasinya di Kemboja pada Disember 1993, dengan pembukaan cawangan yang pertama di Phnom Penh. Pada April 2012, kami telah diperbadankan sebagai syarikat tempatan iaitu sebagai Maybank (Cambodia) Plc., yang mencerminkan komitmen jangka panjang di Kemboja. Maybank (Cambodia) Plc menyediakan pelbagai perkhidmatan perbankan kepada pelanggan-pelanggan kaya dan berpengaruh serta pelanggan runcit, PKS tempatan dan pelanggan komersil/korporat. Kini, kami mempunyai rangkaian kukuh sebanyak 21 cawangan di seluruh Kemboja.

Unit Perniagaan Strategik

LAIN-LAIN PASARAN

Kehadiran kami di peringkat global adalah dari hab kewangan utama hinggalah ke pasaran-pasaran berpotensi, menerusi cawangan yang terletak di lokasi strategik seperti New York, London dan Bahrain.



MAYBANK NEW YORK

Maybank New York telah beroperasi sejak tahun 1984 dan mempunyai lesen untuk menjalankan perbankan perdagangan domestik dan aktiviti perbankan luar pesisir. Maybank New York terlibat dalam perbankan pemborongan, dengan penekanan kepada pinjaman korporat, perbendaharaan dan pasaran modal serta pembiayaan perdagangan. Cawangan ini juga terlibat dalam sindiket pinjaman dan pengaturcaraan dua hala.



MAYBANK BRUNEI

Ditubuhkan di Brunei selama 55 tahun, Maybank Brunei menyediakan produk dan perkhidmatan penuh bagi perbankan komersil dan runcit. Pada masa ini, kami mempunyai 2 cawangan yang terletak di Bandar Seri Begawan dan Seria. Cawangan Bandar Seri Begawan terletak di lokasi komersil utama hampir dengan pusat ibu negara, manakala cawangan Seria beroperasi di tengah tengah bandar minyak dan gas di Brunei. Dalam tahun kewangan yang dikaji, kami telah menerima anugerah "Bank Asing Berkembang Paling Pantas di Brunei bagi tahun 2015" oleh Global Banking & Finance Review.

SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU



MCB BANK LTD

MCB Bank merupakan syarikat sekutu Maybank dengan pemilikan 20%. Ia telah memenangi "Bank Terbaik 2015 (Pakistan)" yang dianugerahkan oleh FinanceAsia. Sebagai bank peneraju di Pakistan dengan lebih 60 tahun pengalaman, MCB berperanan penting mewakili negara ini di pentas global. Ia memiliki operasi di Sri Lanka, Dubai, Bahrain, Azerbaijan dan Hong Kong. Perkhidmatannya disediakan menerusi rangkaian yang terdiri daripada 1,242 cawangan termasuk 27 cawangan perbankan Islam di Pakistan dan sembilan lagi cawangan di luar negara.



AN BINH BANK

An Binh Bank merupakan syarikat sekutu Maybank dengan pemilikan 20%. Ditubuhkan pada Mei 1993, ABBank telah mengalami transformasi dari tahun ke tahun. Kini, ABBank menawarkan produk dan perkhidmatan penuh perbankan runcit dan komersial. Pada Oktober 2015, ABBank menerima penarafan kredit yang pertama, B2 daripada Moody's. Ini merupakan penanda aras penting untuk ABBank. Dengan 20 tahun pengalaman beroperasi, An Binh Bank telah mencapai kedudukan yang kukuh dalam industri perbankan di Vietnam dengan rangkaian lebih daripada 146 cawangan dan pejabat cawangan kecil yang terletak di kesemua 29 wilayah di negara ini.



UZBEK INTERNATIONAL A.O.

Uzbek Leasing International A.O. (Uzbek Leasing) merupakan syarikat sekutu Maybank dengan pemilikan 19.7%. Ia mengkhusus dalam penyediaan spektrum perkhidmatan kewangan dan pajakan yang luas melalui 8 pejabat perwakilan di seluruh negara. Uzbek Leasing menjadi ahli Persatuan Perniagaan dan Teknologi Antarabangsa pada tahun 2015, yang menghimpunkan pakar dan rakan-rakan dalam bidang perniagaan antarabangsa.



Sila layari www.maybank.com/worldwide untuk maklumat lanjut

Struktur Korporat Kumpulan

Pada 31 Disember 2015



MALAYAN BANKING BERHAD

PERBANKAN KOMERSIL

PERBANKAN ISLAM

- 100% Maybank Islamic Berhad (Perbankan Islam)
- 100% PT Bank Maybank Syariah Indonesia (Perbankan Islam)

- 98.31%* PT Bank Maybank Indonesia Tbk (Perbankan)
- 100% PT Maybank Indonesia Finance (Pembiayaan Pelbagai)
- 68.55% PT Wahana Ottomitra Multiartha Tbk (Pembiayaan Pelbagai)
- 99.97% Maybank Philippines, Incorporated (Perbankan)
- 100% Maybank (Cambodia) Plc. (Perbankan)
- 100% Maybank International (L) Ltd. (Perbankan Luar Pesisir)
- 100% Maybank Allied Credit & Leasing Sdn. Bhd. (Pembiayaan)
- 20% MCB Bank Ltd. (Perbankan)
- 20% An Binh Commercial Joint Stock Bank (Perbankan)
- 19.7% Uzbek Leasing International A.O. (Pajakan)

INSURANS & TAKAFUL

- 100% Etiqa International Holdings Sdn Bhd (Pegangan Pelaburan)
- 69.05% Maybank Ageas Holdings Berhad (Pegangan Pelaburan)
 - 100% Etiqa Insurance Berhad (Insurans Hayat & Am)
 - 100% Etiqa Takaful Berhad (Takaful Keluarga & Am)
 - 100% Etiqa Life International (L) Limited (Insurans Pelaburan Luar Pesisir)
 - 100% Etiqa Offshore Insurance (L) Limited (Perkhidmatan Biro)
 - 100% Etiqa Overseas Investment Pte Ltd (Pegangan Pelaburan)
 - 32.5% Pak-Kuwait Takaful Company Limited (Perniagaan Takaful)
 - 100% Etiqa Insurance Pte Ltd (Perkhidmatan Pengurusan)

PERBANKAN PELABURAN

- 100% Maybank IB Holdings Sdn Bhd (Pegangan Pelaburan)
 - 100% Maybank Kim Eng Holdings Limited (Pegangan Pelaburan)
 - 100% Maybank Kim Eng Securities Pte Ltd (Urus Niaga Sekuriti)
 - 83.50% Maybank Kim Eng Securities (Thailand) Plc (Urus Niaga Sekuriti)
 - 100% Maybank ATR Kim Eng Capital Partners, Inc. (Kewangan Korporat & Nasihat Pelaburan Kewangan)
 - 100% Maybank ATR Kim Eng Securities Inc (Urus Niaga Sekuriti)
 - 95.24% AsianLife & General Assurance Corporation (Penyedia Insurans)
 - 80% PT Maybank Kim Eng Securities (Urus Niaga Sekuriti)
 - 100% Maybank Kim Eng Securities (London) Limited (Urus Niaga Sekuriti)
 - 100% Maybank Kim Eng Securities USA Inc. (Urus Niaga Sekuriti)
 - 100% Kim Eng Securities (Hong Kong) Limited (Urus Niaga Sekuriti)
 - 75% Kim Eng Securities India Private Limited (Urus Niaga Sekuriti)
 - Subsidiari-subsidiari Lain
- 100% Maybank Investment Bank Berhad (Perbankan Pelaburan)
 - 100% BinaFikir Sdn Bhd (Perundingan dan Penasihat)
 - 35.17% Anfaal Capital^ (Perbankan Pelaburan)
 - Subsidiari-subsidiari Lain

PENGURUSAN ASET

- 100% Maybank Asset Management Group Berhad (Pegangan Pelaburan)
 - 100% Maybank Asset Management Sdn Bhd (Pengurusan Dana)
 - 99% PT Maybank GMT Asset Management (Pengurusan Dana)
 - 100% Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd (Pengurusan Dana)
 - 100% Maybank Private Equity Sdn Bhd (Pelaburan Ekuiti Swasta)
 - 50% Maybank JAIC Management Ltd^ (Pengurusan Dana)
 - 100% MAM DP Ltd (Pengurusan Dana)
 - 100% Maybank Asset Management (Thailand) Company Limited (Pengurusan Dana)
 - 100% Maybank Asset Management Singapore Pte Ltd (Pengurusan Dana)

LAIN-LAIN

- 100% Maybank Trustee Berhad (Perkhidmatan Pemegang Amanah)
- 100% Maybank Shared Services Sdn Bhd (Perkhidmatan Perkongsian IT)
- 100% Maybank International Trust (Labuan) Ltd (Perkhidmatan Pemegang Amanah)
- 100% Cekap Mentari (Penerbit Sekuriti)
- Subsidiari-subsidiari Lain

Nota:

- Carta ini bukan senarai yang lengkap bagi syarikat subsidiari dan sekutu Maybank. Syarikat-syarikat yang tidak ditunjukkan dalam carta ini terdiri daripada syarikat dorman, di bawah pelupusan, telah menamatkan operasi atau syarikat pelaburan hartanah atau perkhidmatan nomini. Untuk senarai lengkap, sila rujuk Nota 62: Senarai Lengkap Subsidiari, Entiti yang dianggap di bawah Kawalan Berstruktur, Syarikat Sekutu dan Usaha Sama, dalam Penyata Kewangan Laporan Tahunan 2015 ini.
 - Di mana syarikat-syarikat pegangan pelaburan tidak disenaraikan, pegangan saham yang ditunjukkan merupakan kepentingan efektif.
- * Kepentingan efektif: rujuk pada Nota 62(a), Nota kaki 16, muka surat 267 dalam Penyata Kewangan Laporan Tahunan 2015 untuk maklumat lanjut.
- ^ Usaha sama

Struktur Organisasi Kumpulan



DATUK ABDUL FARID ALIAS
Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan

PERNIAGAAN

Perkhidmatan Kewangan Komuniti



DATUK LIM HONG TAT
Ketua Kumpulan, Perkhidmatan Kewangan Komuniti

- Kewangan Konsumer
- Perbankan Perniagaan
- Segmen Perbankan Pendapatan Tinggi (HNW) Mewah
- Segmen Perbankan Massa
- Kad
- Pembiayaan, Deposit & Bankasurans
- Pengagihan Komuniti
- Perbankan PKS
- Kekayaan Peribadi
- Kredit Runcit
- Perbankan & Pembayaran Maya

Perbankan Global



DATO' AMIRUL FEISAL WAN ZAHIR
Ketua Kumpulan, Perbankan Global

- Liputan Pelanggan
- Perbankan Korporat
- Maybank Kim Eng
- Transaksi Perbankan
- Pasaran Global
- Kumpulan Pengurusan Aset Maybank

FUNGSI

Kewangan Kumpulan



DATO' MOHAMED RAFIQUE MERICAN BIN MOHD WAHIDUDDIN MERICAN
Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

- Pengawal Kewangan Kumpulan
- Operasi Kewangan Kumpulan
- Cukai Kumpulan
- Laporan Prestasi Kumpulan & Perhubungan Pelabur
- Bendahari Korporat Kumpulan


Perbankan Islam



DATO' MUZAFFAR HISHAM
Ketua Kumpulan, Perbankan Islam
Ketua Pegawai Eksekutif, Maybank Islamic Berhad

- Pengurusan Produk
- Pasaran Global Islam
- Perbankan Korporat & Pelaburan
- Pengurusan Syariah
- Ulasan & Pematuhan Syariah
- Pembangunan Perniagaan & Penasihat

Insurans & Takaful



KAMALUDDIN AHMAD
Ketua Kumpulan, Insurans & Takaful
Ketua Pegawai Eksekutif, Maybank Ageas Holdings Bhd

- Etiqa Insurance Berhad
- Etiqa Takaful Berhad
- Bankasurans
- Komersil
- Pelaburan

Modal Insan Kumpulan



NORA ABD MANAF
Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan

- Modal Insan Perniagaan
- Pengurusan dan Penyumberan Bakat
- Keberkesanan & Penglibatan Tenaga Mahir
- Tadbir Urus & Perindustrian Perhubungan
- Ganjaran
- Pembangunan Organisasi & Pengurusan Prestasi
- Pembelajaran Organisasi

Nota:
Carta ini menunjukkan unit dan jabatan perniagaan utama dalam setiap unit dan mungkin tidak termasuk Strategi, Pemasaran, Pengurusan Risiko, Teknologi Maklumat, Operasi dan lain-lain fungsi sokongan dalam setiap unit.

Struktur Organisasi Kumpulan

Pejabat PCEO Kumpulan



MICHAEL FOONG SEONG YEW

Ketua Pegawai Strategi Kumpulan
Pejabat Presiden & CEO Kumpulan

- Strategi Kumpulan & Pembangunan Perniagaan
- Transformasi & Produktiviti Kumpulan
- Pembangunan & Inovasi Korporat
- Sainitis Data Kumpulan
- Hal-Ehwal Korporat & Kemampanan Kumpulan
- Pemasaran Korporat (Pemasaran Strategi Kumpulan)
- Perkongsian Strategi Kumpulan

Penasihat Perundangan Kumpulan dan Setiausaha Syarikat Kumpulan

- Setiausaha Syarikat Kumpulan
- Pendaftaran Saham
- Perundangan

Audit Kumpulan

Risiko Kumpulan



DR JOHN LEE HIN HOCK

Ketua Pegawai Risiko Kumpulan

- Pengurusan Kredit Kumpulan
- Risiko Kumpulan- Enterpris
- Risiko Kumpulan- Operasi
- Risiko Kumpulan- Pematuhan

NEGARA

Singapura



DATUK LIM HONG TAT

Ketua Pegawai Eksekutif, Singapura

- Perkhidmatan Kewangan Komuniti
- Perbankan Global
- Maybank Kim Eng
- Etiqa

Antarabangsa



POLLIE SIM

Ketua Pegawai Eksekutif, Antarabangsa

- Strategi Antarabangsa
- Perhubungan Strategik & Kecemerlangan Perniagaan
- Kluster AS/UK
- Kluster Filipina
- Kluster Indochina
- Projek Khas

Teknologi Kumpulan



MOHD SUHAIL AMAR SURESH ABDULLAH

Ketua Pegawai Teknologi Kumpulan

- Arkitektur Enterpris & Strategi
- Pusat Penghantaran Bersepadu
- Perkhidmatan Perkongsian Maybank
- Keselamatan IT & Pematuhan
- Teknologi & Infrastruktur

Indonesia



TASWIN ZAKARIA

Presiden Direktor
Maybank Indonesia

- Maybank Indonesia
- Maybank Syariah Indonesia
- Maybank Finance Indonesia
- Wahana Ottomitra Multiartha (WOM Finance)

Operasi Kumpulan



JEROME HON

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan

- Operasi Pembayaran Serantau & SST
- Operasi Perdagangan Serantau
- Operasi Perbendaharaan Serantau
- Hartanah, Keselamatan & Penilaian Kumpulan
- Pentadbiran Kredit
- Operasi Serantau



Sila layari www.maybank.com/management untuk maklumat lanjut

“ Sebagai generasi muda abad ini di Maybank, saya percaya **pendigitalan industri perbankan akan merubah cara kami melaksanakan urusan dan mengendalikan perniagaan** dalam tahun-tahun yang akan datang. Ia akan menjadi tempoh yang menarik kerana kami menyampaikan kepada pelanggan Visi **“Memajukan Asia Bersama Anda”** di bawah **strategi Maybank²⁰²⁰ kami.** ”

Jeremy Lim Wei Wen

Pengurus Kanan, Cawangan Sitiawan, Perak, Malaysia

Kakitangan Muda Maybank Terbaik Tahun 2014



STRATEGI & KEMAMPANAN

- 30 Strategi Kumpulan
- 33 Inovasi Maybank
- 34 Pengurusan Pengalaman Pelanggan Kumpulan
- 36 Peluang-peluang di ASEAN
- 38 Petunjuk Prestasi Utama
- 40 Nilai Teras & Kod Etika
- 41 Jenama Maybank
- 42 Nilai Mampan

KEPIMPINAN & KAKITANGAN

- 44 Lembaga Pengarah
- 46 Profil Lembaga Pengarah
- 52 Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan
- 59 Jawatankuasa Syariah Kumpulan
- 61 Modal Insan Kumpulan

Strategi Kumpulan






MICHAEL FOONG
Ketua Pegawai Strategi Kumpulan
Pejabat Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

“Sejak 2010, transformasi kami menjadi suatu perjalanan yang mengujakan dan memuaskan. Kini, kami berada pada kedudukan yang baik sebagai peneraju kumpulan perkhidmatan kewangan serantau dengan rangkaian operasi yang tiada tandingan di seluruh ASEAN. Budaya prestasi tinggi kami, misi kami untuk menginsankan perkhidmatan kewangan dan komitmen kami kepada kecemerlangan perkhidmatan pelanggan membentuk asas yang kukuh dalam memacu transformasi kami ke fasa seterusnya – Maybank²⁰²⁰. Kami akan memajukan dan membina platform baru supaya dapat berkembang bersama pelanggan-pelanggan dan pihak yang berkepentingan di seluruh Asia.”

ULASAN 2015

Matlamat Strategik	Pencapaian 2015	Tumpuan Masa Hadapan
<p>PENYEDIA PERKHIDMATAN KEWANGAN RUNCIT NO. 1 YANG TIADA TANDINGAN DI MALAYSIA PADA 2015</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kami adalah salah satu daripada bank-bank runcit yang paling menguntungkan di Malaysia pada 2015 dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM3.6 bilion. 2. Kami mengatasi pertumbuhan industri dengan pinjaman keseluruhan dan deposit masing-masing berkembang sebanyak 8.2% dan 10.5%. 3. Kami terus menerajui pasaran perbankan internet dengan penguasaan pasaran sebanyak 43.2%. 4. Kami terus mengembangkan pencapaian ke segmen Pelanggan Berpendapatan Tinggi dan Mewah (HNW), dengan meningkatkan rangkaian Pusat Kekayaan Perdana dan “Lounge”. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengembangkan fokus perniagaan berasaskan segmen. 2. Penekanan kepada kecekapan modal dan pertumbuhan mudah tunai. 3. Meraih sinergi yang lebih besar dari rangkaian serantau. 4. Memajukan keupayaan digital pelbagai saluran untuk mendekati asas pelanggan yang semakin digital.
<p>BANK PEMBORONG ASEAN TERKEMUKA YANG SETERUSNYA MENGEMBANGKAN OPERASI KE TIMUR TENGAH, CHINA DAN INDIA</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kami mengekalkan kepimpinan dalam bahagian pasaran domestik untuk pinjaman korporat, deposit bukan runcit dan pembiayaan perdagangan. 2. Kami menghalusi segmentasi pelanggan dalam menyampaikan penyelesaian yang lebih relevan dan mengoperasikan model Pengurusan Akaun Global (GAM) untuk menyediakan satu pengalaman yang lancar dan konsisten kepada pelanggan serantau. 3. Kami berjaya melaksanakan Penyelesaian Perbendaharaan dan Perdagangan domestik untuk memudahkan perdagangan dengan berkesan, aliran tunai (deposit dan bayaran) dan tukaran asing (FX) serta meningkatkan yuran pendapatan. 4. Maybank Kim Eng mengekalkan kedudukannya sebagai francais perbankan pelaburan serantau terkemuka, seperti yang diiktiraf pihak luar, dan menambahbaik kedudukannya dalam liga serantau. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Terus memanfaatkan kehadiran strategik di kesemua 10 negara-negara ASEAN dan menjadi rakan kongsi dipercayai pelanggan dalam memanfaatkan peluang-peluang yang timbul daripada Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), termasuk memerangkap aliran dalam ASEAN dan pusat-pusat kewangan utama di peringkat global.

Strategi Kumpulan

Matlamat Strategik	Pencapaian 2015	Tumpuan Masa Hadapan
 <p>PENERAJU INSURANS DAN TAKAFUL YANG TIADA TANDINGAN DI MALAYSIA & PESERTA SERANTAU SEDANG MUNCUL</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kami adalah peneraju pasaran bagi kedua-dua Insuran Am dan Perniagaan Takaful di Malaysia. 2. Etiqa Insurance Berhad (EIB), Etiqa Takaful Berhad (ETB) dan Etiqa Insurance Private Limited (EIPL), masing-masing telah diberi penarafan A untuk Kekuatan Kewangan Penginsurans (IFS) oleh Fitch Ratings. 3. Bertapak di Filipina melalui AsianLife and General Assurance Corporation (ALGA), dengan memanfaatkan rangkaian Maybank Filipina (MPI) bagi menawarkan produk insuran hayat dan am kepada pelanggan. 4. Menjadi syarikat insuran pertama di Singapura yang menawarkan jualan langsung pembelian insuran (DPI) secara atas talian, kelas produk insuran yang dijual tanpa nasihat kewangan dan komisen. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Terus menilai pengembangan antarabangsa untuk meraih kehadiran ketara dalam pasaran berpertumbuhan tinggi dengan memanfaatkan operasi perbankan Maybank di seluruh ASEAN dan kepakaran Etiqa dalam takaful dan bankasurans. 2. Mendalamkan tumpuan kami dengan memperkenalkan produk-produk inovatif dan memanfaatkan teknologi dalam memberikan pengalaman pelanggan yang sebenar.
 <p>ORGANISASI SERANTAU SEBENAR DENGAN ~40% KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DIJANA DARIPADA OPERASI ANTARABANGSA PADA TAHUN 2015</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Maybank Yangon dilancarkan secara rasmi sekali gus melengkapkan operasi kami di ASEAN dan menjadikan Maybank satu-satunya bank dengan kehadiran di semua sepuluh negara-negara ASEAN. 2. Kami juga merupakan satu-satunya Bank Malaysia dengan operasi di Kunming, Yangon dan akan membuka cawangan di Shenzhen. 3. Sinergi yang lebih besar ditempa dalam rangkaian serantau dan telah mencatatkan perolehan lebih tinggi dari jualan produk-produk dan penyelesaian kepada pelanggan kami. 4. Kami kini lebih bersedia untuk merebut peluang-peluang pasaran melalui capaian lebih besar dalam aliran perdagangan, modal, pelaburan dan kekayaan di Asia. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memanfaatkan kelebihan kami di kesemua 10 negara ASEAN dalam menyediakan keperluan pelanggan dan meraih pulangan daripada rangsangan yang dijangka dalam aktiviti penjana perdagangan dan modal yang timbul daripada penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), baru-baru ini. 2. Terus meningkatkan produktiviti dan keuntungan perniagaan Antarabangsa kami.
 <p>PENERAJU GLOBAL DALAM PEMBIAYAAN ISLAM</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kami terus menjadi bank Islam terkemuka di ASEAN dan Malaysia dan merupakan salah satu daripada bank-bank Islam utama di dunia. 2. Kami kekal sebagai peneraju dalam penyelesaian kewangan Islam inovatif dan pada tahun 2015 telah memperkenalkan "Akaun Pelaburan Mudarabah", akaun pelaburan yang menyediakan pelanggan dengan akses kepada aset-aset perbankan sebagai saluran pelaburan baru yang berpotensi menjana pulangan lebih tinggi berbanding akaun perbankan tradisional. 3. Bersama-sama Kumpulan Maybank, kami telah menjadi peneraju pengatur sukuk global, pada kedudukan 4 teratas dalam Jadual Liga Sukuk Global dan 3 teratas dalam Jadual Liga Sukuk Ringgit secara konsisten untuk 5 tahun berturut-turut. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membina kedudukan kami sebagai peneraju global dalam kewangan Islam untuk terus memberi penekanan kepada pewujudan nilai dan mengukuhkan kepimpinan kami dalam bidang tumpuan utama. 2. Mengembangkan peranan Zakat dan Wakaf dalam meningkatkan sumbangan kami kepada komuniti dan memajukan lagi misi untuk "Menginsankan Perkhidmatan Kewangan".

Strategi Kumpulan

Fasa Pertumbuhan Seterusnya: Maybank²⁰²⁰

Kini, kami memulakan fasa pertumbuhan seterusnya melalui Maybank²⁰²⁰, di mana pencapaian kami akan dibina daripada perjalanan transformasi sehingga 2015 dan meningkatkan langkah strategik menuju tahun 2020, dengan meneroka lebih banyak peluang di rantau ASEAN dan berkembang maju bersama cita-cita Asia.

VISI MAYBANK²⁰²⁰

“Memajukan Cita-cita Asia Bersama Anda”

PIAGAM KAMI

UNTUK KAMI

- Para pelanggan kami adalah paling utama
- Kami beroperasi di tengah-tengah komuniti
- Kami berhasrat untuk menjadi BANK ASEAN yang menghubungkan para pelanggan kami ke ASIA dan seluruh dunia

UNTUK ANDA

- Kami boleh dipercayai, sentiasa ada apabila anda memerlukan kami
- Kami menyediakan akses inovatif, cekap & mudah bagi perkhidmatan kewangan
- Kami peka dan menyokong cita-cita anda

BERSAMA-SAMA

- Menjalin perhubungan yang bermakna & berkekalan
- Bekerjasama dengan anda dalam mencapai pertumbuhan, kejayaan dan kebahagiaan

MISI MAYBANK²⁰²⁰

“Menginsankan Perkhidmatan Kewangan”

MISI KAMI untuk menginsankan perkhidmatan kewangan mendorong dan menyokong hasrat kami untuk mengukuhkan hubungan dengan komuniti di mana kami berkhidmat.

- Kami memberi tumpuan bagi menyediakan akses mudah untuk pembiayaan dalam persekitaran fizikal dan digital.
- Kami komited dalam menawarkan terma dan harga yang adil.
- Kami memberi nasihat kepada para pelanggan mengikut keperluan mereka.
- Kami mengutamakan pengalaman pelanggan dengan menggunakan teknologi digital generasi masa hadapan.
- Kami bersemangat untuk berada di tengah-tengah komuniti.

MATLAMAT STRATEGIK MAYBANK²⁰²⁰

1 BANK KOMUNITI ASEAN TERKEMUKA



Kami berhasrat untuk menjadi penyedia perkhidmatan kewangan runcit & komersil utama di ASEAN, memanfaatkan peluang dari kehadiran serantau, kepakaran perbankan dan pertumbuhan kami di ASEAN.

2 BANK PEMBORONG UTAMA MENGHUBUNGKAN ASIA



Kami bercita-cita menjadi rakan kongsi kewangan ASEAN yang dipercayai, yang menghubungkan Asia dengan memanfaatkan kepimpinan ASEAN kami untuk menyediakan penyelesaian pelanggan di seluruh Asia.

3 SYARIKAT INSURANS TERKEMUKA ASEAN



Kami berhasrat untuk menjadi Syarikat Insurans Terkemuka di ASEAN dengan memanfaatkan sinergi antara jejak perbankan serantau Maybank dan kepakaran Etiqa dalam takaful & bankasurans.

4 PEMIMPIN GLOBAL KEWANGAN ISLAM



Kami merancang untuk terus menyediakan penyelesaian kewangan sejagat inovatif yang mengutamakan pelanggan dan membina kepimpinan global dalam Kewangan Islam.

5 BANK DIGITAL PILIHAN



Kami bercita-cita untuk menjadi bank digital pilihan dengan mendahulukan keutamaan pelanggan dan berubah demi memberikan pengalaman pelanggan generasi akan datang.

Inovasi Maybank

Inovasi diiktiraf sebagai nilai teras organisasi kami dalam melaksanakan matlamat strategik Maybank²⁰²⁰.

Sepanjang 56 tahun sejarah penubuhan Maybank, kami telah banyak memperkenalkan inovasi, khususnya dalam Perbankan Runcit, dengan memberikan keutamaan kepada para pelanggan. Pada tahun 1978, Cawangan Utama Kuala Lumpur menjadi bank pertama di Malaysia menggunakan sistem komputer untuk perkhidmatan simpanan dan akaun semasa. Ini membolehkan para pelanggan kami menguruskan akaun mereka hampir dengan masa sebenar. Pada 1981, kami adalah bank pertama di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan Mesin Juruwang Automatik (ATM), dengan kemudahan pertama di Cawangan Ampang Park, Kuala Lumpur. Pada 2000, kami telah melancarkan Maybank2u.com, saluran perkhidmatan perbankan berasaskan Internet pertama di Malaysia.

Kini, Maybank2u (M2U) merekodkan kira-kira RM174 bilion transaksi; menyamai 64% daripada jumlah transaksi perbankan Internet dan 76% daripada jumlah transaksi perbankan mudah alih di negara ini.

Pada bulan April 2015, Maybank telah melancarkan dua aplikasi baharu perbankan digital – *Maybank Treats* dan *Maybank Property Finder Apps* – kemudahan kepada para pelanggan yang pertama seumpamanya dibawakan ke pasaran Asia Tenggara. Pengenalan dua aplikasi baharu ini mengukuhkan lagi kehadiran digital Kumpulan. Pada masa yang sama, penggunaan 'Quick Touch' juga membolehkan para pelanggan mendapat akses pantas bagi menyemak baki akaun mereka melalui aplikasi M2U dengan hanya mengimbas cap jari biometrik pada peranti. Maybank juga telah memperkenalkan pembukaan Akaun Semasa dalam masa sebenar, keputusan segera bagi permohonan kad kredit, Penyata Bil di telefon bimbit dan laman web transaksi perbankan dalam Bahasa Malaysia.

Banyak usaha kami telah mendapat pengiktirafan industri. Beberapa pencapaian utama yang direkodkan pada tahun 2015 termasuk:

Anugerah RBI Asia Trailblazer

26 Mac 2015

PEMENANG

- Strategi Model Perniagaan Inovasi Paling Cemerlang (Malaysia)

KEPUJIAN TERTINGGI

- Kecemerlangan Perkhidmatan Perbankan Mewah Massa (Malaysia)
- Kecemerlangan Saluran Perbankan Mudah Alih - Keseluruhan (Singapura)

Anugerah CXFS Asia

25 Jun 2016

PEMENANG

- Pengguna Terbaik Media Sosial (Malaysia)

KEPUJIAN TERTINGGI

- Pengalaman Pelanggan Terbaik – Model Perniagaan (Malaysia)
- Perkhidmatan Inovasi Terbaik (Malaysia)
- Pengalaman Pelanggan Terbaik – Laman web (Malaysia)
- Kepimpinan Pengalaman Pelanggan – Institusi: Maybank (Malaysia)

Buat pertama kalinya juga kami telah melancarkan #MaybankFintech, program yang dibentuk untuk menarik dan menyemai syarikat permulaan di seluruh Asia Tenggara dengan menyediakan platform kepada mereka untuk memperkenalkan idea dalam bidang teknologi kewangan (FinTech). Secara strategik, ini meletakkan Maybank dalam kumpulan bank perintis melalui kerjasama dengan syarikat-syarikat FinTech yang berpotensi sekali gus; memberikan kami akses untuk mengalami sendiri beberapa teknologi baharu dan idea-idea yang mengubah wajah industri perkhidmatan kewangan melalui peningkatan pengalaman pelanggan.

1978

Bank Malaysia pertama menggunakan sistem komputer untuk perkhidmatan simpanan dan akaun semasa

1981

Bank Malaysia pertama menyediakan perkhidmatan Mesin Juruwang Automatik (ATM)

2000

Melancarkan M2U, perkhidmatan perbankan berasaskan Internet pertama di Malaysia

2015

Melancarkan dua aplikasi baharu perbankan digital – *Maybank Treats* dan *Maybank Property Finder Apps*

Pengurusan Pengalaman Pelanggan Kumpulan



SOROTAN 2015:

Pada tahun 2015, Pengurusan Kualiti Perkhidmatan Kumpulan telah dijenamakan semula sebagai Pengurusan Pengalaman Pelanggan Kumpulan (GCEM) dengan tumpuan yang lebih luas dalam portfolionya.

Berpandukan visi perkhidmatan kami untuk **mewujudkan semangat yang konsisten untuk memuaskan pelanggan**, GCEM bertujuan mengukuhkan kedudukan Maybank sebagai sebuah organisasi yang mengutamakan pelanggan. Kami sentiasa mengutamakan pelanggan dalam setiap usaha yang dijalankan dan menambah nilai kepada interaksi pelanggan. Kami percaya bahawa pendekatan mengutamakan pelanggan ini menjadi tunjang kepada kami untuk menerajui kedudukan dalam pasaran. Kepercayaan pelanggan menjadi pendorong utama kami untuk terus berinovasi bagi memuaskan dan memberikan perkhidmatan di luar jangkaan mereka.

Walaupun pengalaman pelanggan kekal menjadi tanggungjawab setiap warga Maybank, kami mengambil peranan mengawal demi memastikan bahawa kakitangan, produk, proses, interaksi dan inisiatif kami sentiasa memberi fokus kepada pelanggan. Bidang utama kami untuk tahun ini termasuk meningkatkan dan menyeragamkan standard dan rangka kerja yang digunakan di pasaran utama kami.

Usaha yang kami jalankan telah membuahkan hasil lumayan dengan para pelanggan tetap mengekalkan kedudukan kami dalam pasaran melalui Indeks Kekuatan Hubungan dan Skor Bersih Penganjur. Kami juga telah menerima 13 anugerah dan penghargaan di peringkat domestik dan serantau daripada pakar-pakar industri untuk usaha kami yang mengutamakan pelanggan, antara lainnya dalam perbankan cawangan, saluran maya dan rangka kerja perniagaan.

Kami telah mencipta satu rangka kerja pengalaman pelanggan seragam untuk seluruh Maybank Malaysia, Singapura, Indonesia dan Filipina melalui kerjasama strategik berdasarkan skop peraturan dan keperluan tempatan. Dengan ini telah memudahkan pelaksanaan standard tinggi pada pusat sentuhan fizikal utama kami di negara-negara ini dengan memastikan para pelanggan kami menerima pengalaman perbankan terbaik, juga di peringkat serantau.

PENCAPAIAN DOMESTIK

Cadangan Pelanggan Dan Tahap Kepuasan

Kami telah sematkan pengalaman pelanggan ke dalam cara kami melakukan perniagaan dengan mewujudkan mekanisme maklum balas yang kukuh, di mana kami menerima pendapat pelanggan dan menggunakannya di dalam proses pembuatan keputusan utama. Ini memastikan kami kekal berhubung dengan pelanggan dan memahami sentimen mereka. Bidang yang kami utamakan termasuklah tahap kepercayaan pelanggan dalam jenama Maybank, persepsi mereka terhadap keupayaan kami dalam memenuhi keperluan mereka dan nilai yang kami sampaikan kepada mereka. Kami juga melihat pembeza dan menilai kekuatan dan kelemahan berdasarkan apa yang penting kepada para pelanggan. Kami telah beralih daripada hanya semata-mata menyampaikan kepuasan pelanggan; sebaliknya kami mahu memuaskan para pelanggan ke tahap sehingga mereka yakin untuk mengesyorkan kami kepada rakan-rakan dan keluarga.

Sejajar dengan ini, kami menggunakan Skor Bersih Penganjur, merupakan metrik kesetiaan pelanggan dalam mengukur prestasi kami dengan bantuan kepakaran pihak ketiga bebas yang diiktiraf dunia. Kami terus menerajui Skor Bersih Penganjur dengan kemajuan ketara mendahului pesaing terdekat walaupun Indeks Kekuatan Hubungan meletakkan kami di kedudukan ketiga daripada tujuh bank pesaing, pada tahun 2015. Walaupun kami telah mencapai kemajuan daripada kedudukan keempat pada tahun 2014, kami tetap teguh meneruskan usaha memuaskan para pelanggan dan mengukuhkan kedudukan kami di dalam hati dan minda mereka.

Meningkatkan Tahap Perkhidmatan Peribadi

Usaha kami dalam mengutamakan pelanggan telah menyebabkan pertumbuhan ketara dan peningkatan lebih daripada 60% dalam Skor Bersih Penganjur bagi rangkaian cawangan kami pada tahun 2014 – 2015. Salah satu faktor di sebalik kejayaan ini adalah pelancaran program tematik berstruktur dengan memberi tumpuan kepada meningkatkan penglibatan dan kemahiran interaksi kakitangan kami. Ini termasuklah menaiktaraf kesediaan dan kecekapan mereka untuk berkhidmat dan melengkapkan mereka dengan keupayaan membuat perkara yang betul pada kali pertama. Lebih daripada 90% pelanggan pihak ketiga berperanan sebagai “Pelanggan Misteri” telah mengesahkan bahawa mereka bukan sahaja membeli produk dan perkhidmatan Maybank berdasarkan pengalaman perbankan cawangan, mereka juga sangat berbesar hati mengesyorkan yang sama kepada rakan-rakan dan keluarga.

Pengurusan Pengalaman Pelanggan Kumpulan

Kami telah menilai semula pendekatan dalam mengukur masa menunggu di cawangan-cawangan kami untuk mencapai detik penentuan pelanggan yang lebih baik. Pengesanan yang dibuat secara tekun dan strategik telah menghasilkan peningkatan ketara dalam masa menunggu di cawangan-cawangan dan Pusat Kekayaan Premier. Kami juga menawarkan pilihan perbankan yang lebih pelbagai dan mudah untuk para pelanggan kami supaya meningkatkan pengalaman perbankan mereka.

Alatan Mempermudahkan Perkhidmatan

Kami terus membangunkan standard, alatan dan garis panduan yang berkhidmat sebagai pemboleh akses mudah kepada kakitangan kami untuk memberikan pengalaman pelanggan tiada bandingan. Kami telah menaiktaraf sistem secara strategik bagi memastikan maklumat relevan mudah diperolehi kakitangan kami dengan hanya satu klik sahaja. 95.4% daripada kakitangan mengesahkan bahawa alatan dan sistem yang dibangunkan adalah mesra pengguna, mendorong keberkesanan pelaksanaan tugas-tugas ketika berhadapan dengan pelanggan.

Alatan dan sistem juga telah memacu kecemerlangan prestasi dalam penilaian pengetahuan produk pada setiap suku tahun untuk kakitangan yang berhadapan dengan pelanggan di setiap cawangan dan pusat perkhidmatan kami. 83.4% daripada kakitangan memperoleh 100% dalam penilaian berkaitan jualan dan jumlah aduan pelanggan yang timbul daripada maklumat yang tidak betul dan mengelirukan juga telah dikurangkan dengan ketara.

Mengurangkan Aduan Berulang

Analisis diagnostik terperinci telah dijalankan ke atas Suara Pelanggan (VoC) untuk mengenal pasti aduan berulang daripada para pelanggan kami. Hasilnya, lima inisiatif telah dikenal pasti untuk mengurangkan pelbagai isu. Semua inisiatif ini telah berjaya dilaksanakan oleh barisan perniagaan masing-masing dengan penurunan 61% direkodkan dalam aduan berkaitan.

Pengendalian Aduan

Rangka kerja pengendalian aduan kami yang mantap telah menerima anugerah pada skala serantau. Kakitangan kami diberi kuasa melalui peningkatan alatan, standard, garis panduan dan rangka kerja untuk membuat perkara yang betul pada kali pertama, setiap kali untuk para pelanggan. Hasilnya, jumlah aduan yang direkodkan bank pada tahun 2015 telah dikurangkan dengan baik sebanyak 8% berbanding tahun sebelumnya.



Penambahbaikan Produk dan Perkhidmatan

Berpendukan suara pelanggan (VoC), kami terus berusaha untuk meningkatkan cara pelaksanaan demi kepentingan para pelanggan. Untuk mempercepatkan perjalanan transformasi pengalaman pelanggan kami dan memacu penambahbaikan berterusan, 35 inisiatif segera telah pun berjaya dilaksanakan untuk pelbagai barisan perniagaan dalam organisasi pada tahun 2015, dengan hampir 10 lagi pelaksanaan sedang dijalankan.

PENCAPAIAN SERANTAU

Satu Bank, Satu Standard Perkhidmatan

Sejajar dengan matlamat strategik Maybank untuk menjadi bank terkemuka ASEAN, kami telah berkongsi perjalanan pengalaman pelanggan, garis panduan dan rangka kerja ke seluruh rantau ini demi memastikan para pelanggan menikmati standard kelas terbaik perkhidmatan perbankan yang menjangkau sempadan.

Pengendalian Aduan

Untuk memastikan kualiti dan standard resolusi disampaikan dengan konsisten, pelaksanaan rangka kerja pengendalian aduan di Maybank Malaysia telah dipertingkatkan di pasaran utama pada tahun 2015.

Pengalaman Cawangan Standard

Program "Pelanggan Misteri" telah dijalankan di pusat sentuh utama kami di seluruh rantau ini demi memastikan penetapan layanan standard diberikan pada setiap masa. Setiap cawangan Maybank di Singapura dan Indonesia telah berjaya meningkatkan tahap masing-masing pada tahun 2015 dengan pelaksanaan melebihi sasaran.

Pengetahuan Produk

Setia kepada perkembangan budaya dan pembelajaran berterusan Maybank, kakitangan kami sentiasa diuji dari segi pengetahuan produk utama dan fungsinya. Pada tahun 2015, kakitangan Maybank dari Malaysia, Singapura dan Indonesia secara kolektif telah mencatatkan skor lebih daripada 90%, melebihi set garis dasar.


Halatuju 2016

Pada tahun 2016, Kumpulan Pengurusan Pengalaman Pelanggan (GCEM) memegang peranan penting dalam wawasan 2020 kami dengan "Memajukan Cita-cita Asia Bersama Anda". Bidang tumpuan utama kami untuk tahun ini termasuk:

1. Mengekalkan kedudukan sebagai institusi kewangan pilihan dalam pelbagai kawasan geografi di mana kami beroperasi.
2. Mengukuhkan rangkaian digital kami dengan menaik taraf saluran perbankan alternatif.
3. Mengembangkan kehadiran serantau kami melalui pelaksanaan pengalaman pelanggan kelas terbaik yang seragam.

Peluang-Peluang di ASEAN

Kumpulan Maybank, sebagai kumpulan perkhidmatan kewangan serantau terkemuka, berada pada kedudukan yang baik untuk memperoleh manfaat daripada pertumbuhan jangka panjang Komuniti Ekonomi ASEAN.



Maybank beroperasi di negara-negara ASEAN yang pelbagai dan dinamik, dan mempunyai 55 tahun sejarah dalam menyokong para pelanggan di seluruh rantau ini dengan menyediakan penyelesaian inovatif menerusi hubungan yang tepat serta kakitangan yang berpengetahuan. Kami kini berada pada kedudukan yang baik untuk memanfaatkan peluang pasaran di rantau ASEAN yang lebih bersepadu berikutan penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN pada tahun 2015.

Strategi serantau kami seiring dengan masa hadapan ASEAN dan Komuniti Ekonomi ASEAN.

Apakah Komuniti Ekonomi ASEAN?

Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) terdiri daripada 10 negara-negara ASEAN yang bersepadu dalam asas pasaran dan pengeluaran tunggal, mewujudkan rantau ekonomi berdaya saing.

Apakah masa depan AEC?

AEC telah ditubuhkan secara rasmi pada tahun 2015 dan Pelan Tindakan AEC 2025 akan memandu integrasi ekonomi serantau dan membangunkan ciri-ciri pasaran ASEAN, iaitu: (i) Ekonomi Kohesif dan Bersepadu Yang Unggul; (ii) ASEAN yang Kompetitif, Inovatif dan Dinamik; (iii) Meningkatkan Kesalinghubungan dan Kerjasama Sektor; (iv) ASEAN yang Berdaya tahan, Menyeluruh, Berorientasikan dan Mesra Masyarakat; dan (v) ASEAN Global.

Kami mengetengahkan beberapa faktor yang kami nantikan tentang peluang pertumbuhan integrasi Komuniti Ekonomi ASEAN dan bagaimana unit-unit perniagaan kami akan berusaha mendapatkan peluang ini.

POPULASI

Populasi besar dengan golongan muda

Pasaran dunia **ke-3 terbesar** selepas China dan India. **622 juta** rakyat.

Lebih **50%** penduduk berumur di bawah 30 tahun, berbanding 39% di Asia Timur dan 34% di Eropah.

Kedudukan strategik kami dalam tiga pasaran utama di Malaysia, Singapura dan Indonesia dengan cawangan di semua 10 negara ASEAN.

Sila rujuk Profil Korporat & Hubungan Global di muka surat 16

EKONOMI

Ekonomi besar dengan pertumbuhan pasaran pesat dan peningkatan pelanggan kaya

Ke-7 terbesar di dunia. **Ke-3 terbesar** di Asia.

76% Peningkatan KDNK per kapita daripada AS\$2,343 pada 2007 kepada AS\$4,135 pada 2014.

AS\$2.6 trilion gabungan KDNK, dua kali ganda daripada AS\$1.3 trilion, pada tahun 2007.

Kami berkhidmat dalam pasaran pertumbuhan pesat ASEAN melalui perkembangan dan transformasi cawangan kami, serta meneroka peningkatan perniagaan pelanggan mewah menerusi perluasan Pusat Kekayaan Premier dan Peribadi di seluruh rantau ini.

Sila rujuk Perkhidmatan Kewangan Komuniti di muka surat 102

Peluang-Peluang di ASEAN

MERELISASIKAN POTENSI PERTUMBUHAN JANGKA PANJANG

FDI INFRASTRUKTUR

Aliran masuk pelaburan langsung asing yang besar dengan agihan ASEAN yang besar

11% daripada jumlah aliran masuk FDI global bernilai AS\$136 bilion, peningkatan sebanyak 5% pada tahun 2007.


AS\$24 bilion perdagangan intra ASEAN, sumber FDI ke-2 terbesar pada tahun 2014 dengan 17.9%, dibelakang EU-28.

Kumpulan kerja Liputan Pelanggan Global dalam Perbankan Global kami berkhidmat di rantau ASEAN, menghubungkan para pelanggan di Asia dan seluruh dunia.

Keupayaan perbankan pelaburan telah membolehkan kami untuk memperoleh jani-niaga utama dengan meneroka pasaran hutang dan modal ekuiti bagi menyokong pelaburan di seluruh rantau ini.

Syarat-syarat untuk pelaburan infrastruktur

AS\$7 trilion keperluan dalam infrastruktur dan pelaburan hartanah daripada tahun 2015 ke 2030

 Sila rujuk Perbankan Global di halaman 108


PERUSAHAAN KECIL & SEDERHANA

Pasaran besar PKS

92% - 99% daripada semua perusahaan komersil dalam negara-negara ASEAN adalah PKS yang menggaji tenaga kerja domestik negara-negara ASEAN dengan purata antara 58% ke 97%.

Kami telah meningkatkan rangkaian produk, kualiti perkhidmatan dan masa yang diambil dalam memberi perkhidmatan kepada pasaran PKS dengan lebih berkesan melalui model perniagaan PKS Runcit Serantau yang seragam.

Kami meluaskan cawangan perbankan ke seluruh pasaran terpilih di rantau ini demi menyediakan akses perkhidmatan kewangan yang lebih besar untuk PKS dan komuniti.


 Sila rujuk Perkhidmatan Kewangan Komuniti di halaman 102

PEMBIAYAAN ISLAM

Pertumbuhan pesat

19.4% bahagian pasaran ASEAN daripada industri pembiayaan Islam. Jumlah pembiayaan Islam industri ASEAN AS\$388 bilion pada tahun 2014 disasar meningkat sekali ganda kepada AS\$770 bilion menjelang 2018.

Kami adalah bank Islam terkemuka di ASEAN dengan kehadiran di Malaysia, Singapura dan Indonesia. Kami mengukuhkan kedudukan di Indonesia yang mempunyai penduduk Islam terbesar dunia.

 Sila rujuk Kumpulan Perbankan Islam di halaman 133

PERDAGANGAN


Rantau ekonomi terbuka dengan perkembangan perdagangan pesat – dan agihan perdagangan besar dalam ASEAN

AS\$1 trilion peningkatan dalam jumlah perdagangan daripada tahun 2007 ke 2014.

24% nisbah perdagangan intra ASEAN berbanding jumlah perdagangan, terdiri daripada sebahagian besar perkongsian jumlah perdagangan ASEAN berdasarkan rakan kongsi.

AS\$2.5 trilion dalam jumlah perdagangan ASEAN pada tahun 2014, meningkat daripada USD1.6 trilion pada tahun 2007.

Kami memanfaatkan kepimpinan dalam Perbankan Transaksi demi memperkenalkan pelbagai rangkaian produk inovatif ke seluruh rantau ini termasuk barisan pembiayaan perdagangan dan perkhidmatan perbendaharaan untuk menyokong keperluan perdagangan para pelanggan.


 Sila rujuk Perbankan Global (Perbankan Transaksi) di halaman 113

SALINGHUBUNGAN

Mobiliti lebih besar untuk riadah dan kerja

69% pertambahan dalam ketibaan pelancong setiap tahun daripada 62 juta pada tahun 2007 kepada 105 juta pada tahun 2014.

Kami meluaskan platform perbankan internet Maybank2u untuk membolehkan pelanggan menggunakan perkhidmatan di mana sahaja, pada bila-bila masa dengan apa sahaja peranti pilihan, di samping menyediakan pengalaman perbankan yang lancar di semua saluran.

 Sila rujuk Perkhidmatan Kewangan Komuniti di halaman 102

PENDIGITALAN

Peningkatan pendigitalan


142% pertambahan dalam langganan internet bagi setiap 100 orang, daripada 11.8 pada tahun 2007 kepada 28.6 pada tahun 2014.

INSURANS

Potensi pertumbuhan besar

3.2% kadar penembusan insurans (premium sebagai peratusan daripada KDNK), jauh di bawah purata global sebanyak 6.1%, memberikan potensi pertumbuhan besar.

Daripada kedudukan utama kami di Malaysia, perniagaan insurans telah berkembang ke Singapura dan Filipina di bawah Etiqa, dan kami tetap mencari peluang yang lebih besar di rantau ini.

 Sila rujuk Insurans & Takaful di halaman 128

Petunjuk Prestasi Utama


12 metrik kewangan dan operasi utama yang membolehkan kami mengukur kemajuan dalam mencapai matlamat strategik dan mewujudkan nilai pemegang saham.

Petunjuk Utama 2015

PULANGAN KE ATAS EKUITI (ROE)

Matlamat: Untuk menghasilkan pulangan yang berpatutan sambil mengimbangi keperluan untuk mengekalkan asas modal yang wajar. ROE ditakrifkan sebagai keuntungan boleh agih kepada pemegang saham berbanding purata ekuiti pemegang saham (terdiri daripada modal saham, pendapatan dikekalkan dan rizab lain) bagi tahun kewangan tersebut.


Pencapaian: ROE kami sebanyak 12.2% sejajar dengan sasaran disemak semula sebanyak 12% - 13%. Kami mengekalkan keuntungan dalam persekitaran operasi yang lebih mencabar.



PERTUMBUHAN PINJAMAN KUMPULAN

Matlamat: Untuk mengembangkan perniagaan pembiayaan kami di seluruh Kumpulan, dengan pendekatan yang menguntungkan dan bertanggungjawab.


Pencapaian: Pertumbuhan Pinjaman Kumpulan sebanyak 12% adalah melepasi sasaran, disokong oleh kekuatan francais Perkhidmatan Kewangan Komuniti dalam pasaran tempatan dan pertumbuhan kami dalam pasaran antarabangsa lain.



PERTUMBUHAN PINJAMAN MALAYSIA

Matlamat: Untuk menjana pertumbuhan pembiayaan dalam pasaran Malaysia yang melebihi pertumbuhan industri.


Pencapaian: Pertumbuhan pinjaman di Malaysia sebanyak 5.3% adalah di bawah sasaran disemak semula kerana kami memperlakukan pembiayaan korporat berikutan pertumbuhan ekonomi yang lemah.



NISBAH PEMBAYARAN DIVIDEN

Matlamat: Untuk memberi pulangan yang memuaskan kepada pemegang saham dengan kadar dasar dividen 40%-60%.


Pencapaian: Nisbah pembayaran dividen sebanyak 76.3% terus melebihi kadar dasar kami sebanyak 40%-60%. Kami turut mengekalkan Pelan Pelaburan Semula Dividen demi membantu mengukuhkan asas modal Kumpulan.



PERTUMBUHAN DEPOSIT KUMPULAN

Matlamat: Untuk mengukuhkan pengambilan deposit di pasaran utama bagi membiayai pertumbuhan aset.


Pencapaian: Pertumbuhan deposit Kumpulan sebanyak 12.8% adalah melebihi sasaran yang disemak semula kerana kami telah berusaha mengurus nisbah pinjaman kepada deposit dalam julat selesai.



PERTUMBUHAN PINJAMAN SINGAPURA

Matlamat: Untuk memastikan pertumbuhan pembiayaan melebihi industri dengan memberi tumpuan kepada segmen khusus dan peluang pembiayaan merentas sempadan.

Pencapaian: Pertumbuhan pinjaman kami di Singapura sebanyak 6.0% adalah di kedudukan paling atas dalam sasaran disemak semula, terutamanya didorong oleh pertumbuhan dalam segmen konsumen dan PKS.



Petunjuk Prestasi Utama

	Sasaran 2015	Pertunjuk Bakat
<p>PERTUMBUHAN PINJAMAN INDONESIA</p> <p>Matlamat: Untuk mengembangkan pinjaman setanding industri.</p> <p>Pencapaian: Pertumbuhan pinjaman sebanyak 5.0% di belakang sasaran disemak semula sebanyak 10%-13%, kerana kami kekal selektif dalam perniagaan pinjaman korporat demi menguruskan kualiti aset.</p> <p>SASARAN 10%-13%</p> <p>Sasaran Awal: 13%-15%</p> <p>Sasaran Disemak Semula: 10%-13%</p> <p>Pertumbuhan Industri: 10.1%</p> <p>Maklumat lanjut di halaman 79</p>	<p>SUMBANGAN ANTARABANGSA KEPADA KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI KUMPULAN (PBT)</p> <p>Matlamat: Untuk mengembangkan pendapatan yang diperoleh dari luar Malaysia sejajar dengan strategi serantau kami.</p> <p>Pencapaian: Sasaran asal sebanyak 40% termasuk pertumbuhan bukan organik melalui potensi penggabungan dan pengambilalihan (M&A). Sumbangan daripada operasi antarabangsa sedia ada sebanyak 27% daripada keuntungan sebelum cukai kumpulan.</p> <p>SASARAN 40.0%</p> <p>Sasaran 2015: 40.0%</p> <p>Maklumat lanjut di halaman 79</p>	<p>KADAR PENGGANTIAN UNTUK JAWATAN KRITIKAL</p> <p>Matlamat: Mengukur keberkesanan proses Pengurusan Penggantian Kumpulan untuk mengenal pasti bakat sesuai sebagai pengganti jawatan penting di seluruh Kumpulan. Ia menguji keteguhan kami merancang penggantian dan terus bertindak sebagai platform untuk merealisasikan potensi bakat dalam untuk mengambil alih peranan penting dalam Kumpulan.</p> <p>Pencapaian: Mencapai 70% sasaran realisasi dalam tahun 2015, satu pencapaian konsisten dalam tempoh 3 tahun. Ini bermakna 8 daripada 10 kekosongan dipenuhi oleh bakat dalaman. Kami menyediakan peluang yang mencukupi untuk mobiliti bakat dalaman ke atas pada masa yang sama menyeimbangkan keperluan untuk perspektif baru daripada luar Bank.</p> <p>SASARAN 70.0%</p> <p>Sasaran 2015: 70.0%</p> <p>Maklumat lanjut di halaman 62</p>
<p>NISBAH JUMLAH MODAL</p> <p>Matlamat: Untuk mengekalkan asas modal yang kukuh dengan menggunakan pengurusan modal berhemah untuk maju selangkah daripada keperluan kawal selia minimum Bank Negara Malaysia (BNM)</p> <p>Pencapaian: Nisbah jumlah modal kukuh sebanyak 17.74%, mendahului keperluan kawal selia minimum sebanyak 8% yang ditetapkan oleh BNM.</p> <p>SASARAN BNM 8%</p> <p>Keperluan BNM: 8%</p> <p>Maklumat lanjut di halaman 81</p>	<p>NISBAH PEMBIAYAAN ISLAM KEPADA PINJAMAN MAYBANK MALAYSIA</p> <p>Matlamat: Untuk meningkatkan pembiayaan Islam sebagai sebahagian daripada pinjaman Maybank Malaysia sejajar dengan peranan Malaysia sebagai hab kewangan Islam.</p> <p>Pencapaian: Sumbangan pembiayaan Islam kepada pinjaman Maybank Malaysia sebanyak 50.8%, jauh melebihi sasaran 33%. Pertumbuhan pembiayaan Islam kasar sebanyak 21% terus mendahului pertumbuhan pinjaman Malaysia sebanyak 5.3%.</p> <p>SASARAN 33.0%</p> <p>Sasaran 2015: 33.0%</p> <p>Maklumat lanjut di halaman 134</p>	<p>WANITA DALAM PENGURUSAN KANAN</p> <p>Matlamat: Memberi tumpuan dalam memacu kepelbagai perancangan kepimpinan yang lebih luas kerana ia mewujudkan nilai pemegang saham yang lebih besar.</p> <p>Pencapaian: Peratusan wanita dalam Pengurusan Kanan meningkat kepada 34.5% pada 2015 berbanding 34% pada 2014, disebabkan oleh pelbagai inisiatif yang dilaksanakan untuk meningkatkan kepelbagaian.</p> <p>Maklumat lanjut di halaman 68</p>

Nilai Teras & Kod Etika

Nilai Teras

Nilai teras T.I.G.E.R. mentakrifkan kepercayaan dan pendirian kami. Ia merupakan prinsip yang menjadi pembimbing kepada kami di dalam semua situasi termasuk yang tidak terdapat di dalam buku peraturan.

 <p>teamwork <i>We work together as a team based on mutual respect and dignity.</i></p> <p>KERJA BERPASUKAN</p> <p>Kami bekerja bersama-sama sebagai satu pasukan berdasarkan sikap saling menghormati dan penuh keikhlasan</p>	 <p>integrity <i>We are honest, professional and ethical in all our dealings.</i></p> <p>INTEGRITI</p> <p>Kami jujur, professional dan beretika dalam segala urusan</p>	 <p>growth <i>We are passionate about constant improvement and innovation.</i></p> <p>KEMAJUAN</p> <p>Kami bersemangat dalam memastikan peningkatan dan inovasi yang berterusan</p>	 <p>excellence & efficiency <i>We are committed to achieving outstanding performance and superior service.</i></p> <p>KECEMERLANGAN & KEBERKESANAN</p> <p>Kami komited dalam mencapai prestasi terbaik serta menawarkan perkhidmatan cemerlang</p>	 <p>relationship building <i>We are deeply built long term and mutually beneficial partnerships.</i></p> <p>MENJALIN PERHUBUNGAN</p> <p>Kami terus menjalinkan perhubungan jangka panjang yang menguntungkan</p>
---	---	--	--	--

Kod Etika & Perilaku

Sebagai penjaga dana awam, Maybank mempunyai tanggungjawab untuk melindungi integriti dan kredibilitinya. Berdasarkan pemahaman ini, Maybank telah menetapkan secara jelas Kod Etika dan perilaku untuk kakitangannya. Kod ini menggariskan prinsip yang jelas bagi memberi panduan kepada semua kakitangan Maybank dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Ia menetapkan piawaian amalan perbankan yang baik.

TUJUAN KOD INI ADALAH UNTUK:

1. Menjaga nama baik Maybank dan mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap Kumpulan Maybank.
2. Mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap keselamatan dan integriti sistem perbankan.
3. Mengekalkan hubungan yang adil dan saksama antara Kumpulan Maybank dengan pelanggannya.
4. Menjaga integriti diri dan profesionalisme kakitangan Kumpulan Maybank.

KOD TERSEBUT MELARANG KAKITANGAN DARIPADA:

1. Melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti perniagaan yang bersaing atau berkonflik dengan kepentingan Bank.
2. Menyalah guna atau menyelewengkan kedudukan mereka di dalam Bank bagi mengambil peluang untuk faedah diri sendiri atau faedah individu lain.
3. Menyalah gunakan maklumat. Kakitangan tidak seharusnya meniru, mengeluarkan atau menggunakan sebarang maklumat yang diperolehi sepanjang menjalankan tugas sama ada untuk faedah mereka sendiri atau orang lain secara langsung atau tidak langsung.

SEBAGAI TAMBAHAN, KAKITANGAN SEHARUSNYA:

1. Memastikan integriti dan ketepatan rekod serta urus niaga.
2. Memastikan layanan yang adil dan saksama dalam setiap urusan perniagaan yang dijalankan atas nama Bank.
3. Mengekalkan tahap perkhidmatan yang tinggi dalam hubungan dengan pelanggan.
4. Menjaga hubungan dan urusan sulit antara bank dengan pelanggannya. Walau bagaimanapun, maklumat sulit tentang pelanggan boleh diberi atau disediakan kepada pihak ketiga hanya setelah menerima persetujuan bertulis daripada pelanggan atau apabila pendedahan ini dibenarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
5. Menguruskan urusan kewangan mereka dengan baik dan tidak mendedahkan diri mereka dengan sebarang masalah kewangan yang memalukan.
6. Menghormati dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan operasi Bank.

Jenama Maybank

Maybank komited untuk menyediakan penyelesaian perkhidmatan kewangan inovatif kepada pelbagai pihak berkepentingan. Kami sentiasa berusaha untuk memperbaharui produk dan perkhidmatan yang bukan sahaja memenuhi keperluan semasa para pelanggan tetapi juga memastikan mereka berada pada kedudukan yang maju pada masa hadapan.



Teras jenama kami – “Menginsankan Perkhidmatan Kewangan” adalah cara kehidupan kita. Dengan misi ini sebagai prinsip panduan, kami sentiasa mencari peluang untuk membina hubungan jangka masa panjang yang mampan dengan komuniti di mana kami berkhidmat. Hasil daripada usaha ini, kami telah mengekalkan status “Jenama Terbaik Tahunan” yang dianugerahkan oleh Anugerah Penjenamaan Dunia 2015 untuk dua tahun berturut-turut. Tambahan pula, kami telah dianugerahkan dengan “Anugerah Terbaik Tahunan Putra Brand” oleh Anugerah Putra Brand, di samping mengekalkan anugerah “Emas” dalam kategori Perbankan, Pelaburan & Insurans untuk enam tahun berturut-turut. Anugerah-anugerah ini adalah bukti kepercayaan dan kesetiaan berterusan masyarakat kepada kami, dan seterusnya mengukuhkan kedudukan kepimpinan jenama dalam Malaysia dan seluruh rantau ASEAN.

Dalam “Menginsankan Perkhidmatan Kewangan”, kami rasa bertanggungjawab untuk membangunkan masyarakat ASEAN. Kami juga kekal berhubung dengan komuniti di mana kami berkhidmat melalui inisiatif tanggungjawab korporat (CR). Inisiatif terdahulu termasuklah membina semula sekolah-sekolah dan menyediakan mentol lampu kepada penduduk kampung di Malaysia,

Filipina dan Myanmar. Kami juga telah memulakan projek khas untuk golongan cacat penglihatan mengalami film melalui pawagam khas di Kuala Lumpur. Kami percaya kejayaan ASEAN berasal dari masyarakatnya, dan kami komited untuk menjadi sebahagian daripada perjalanan ini demi mewujudkan pasaran ASEAN yang maju.

Maybank juga terlibat secara aktif dalam sukan golf, sebagai satu langkah menjadi rakan kongsi pilihan ASEAN di kalangan pihak berkepentingan global kami. Kami berminat untuk menginspirasi pemain sukan golf profesional dan amatir di ASEAN demi mengembangkan bakat dan potensi mereka dalam arena global, di samping membawa semua lapisan masyarakat bersama-sama menikmati sukan ini.

Pengiktirafan yang kami terima adalah bukti kepercayaan daripada pelbagai pihak berkepentingan, dan kami akan lebih komited untuk berusaha mencapai matlamat dalam menjadi pemimpin industri di ASEAN, dengan mengutamakan masyarakatnya.

**Nilai Jenama
Maybank
AS\$2.2
bilion**

*Sumber: 2015 BrandFinance® Banking
500 League Table Results*



BrandFinance®:
100 Terbaik Jenama Perbankan
2015



BANKING – MALAYSIA
2014 – 2015

Anugerah Jenama Dunia:
Anugerah Jenama Tahunan,
Kategori Kebangsaan



Anugerah Putra Brand:
Anugerah Terbaik Putra Brand
Emas dalam Kategori Perbankan,
Pelaburan & Insurans untuk enam
tahun berturut-turut

Nilai Mampan

Dipacu dan disokong oleh Pelan Kemampanan 20/20

Keupayaan kami untuk mewujudkan makna dan nilai berpanjangan dikaitkan secara langsung dengan hal-hal bukan kewangan yang merangkumi aspek Ekonomi, Persekitaran dan Sosial (EES) dalam perniagaan. Pelan Kemampanan 20/20 telah membantu kami dalam mengemudi dan mengurus jangkaan pihak berkepentingan dalam bidang ini. Kami mahu mewujudkan nilai dan makna yang berpanjangan dan ketara di peringkat serantau dan global. Pencapaian matlamat kemampanan membolehkan kami untuk terus mencipta dan mewujudkan impak di mana kami beroperasi.



Sila layari www.maybank.com/sustainability untuk maklumat lanjut

Nilai Mampan

Bagaimana Kami Berkembang Sejak Bertahun Lalu

2010

- Laporan Kemampanan pertama Maybank diterbitkan dengan pendedahan empat bahagian: Komuniti, Tempat kerja, Pasaran dan Alam Sekitar menurut rangka kerja CSR Bursa Malaysia.
- Pelancaran Yayasan Maybank.

2011

- Institusi kewangan pertama di Malaysia mengambil bahagian dalam Projek Pendedahan Karbon (CDP).
- Laporan Kemampanan Kedua selaras dengan garis panduan G3 Inisiatif Laporan Global (GRI).
- Program Celik Kewangan Maybank dilancarkan sebagai FLiP, kini dikenali sebagai Cashville Kidz.
- Skor 37/100 dalam Projek Pendedahan Karbon (CDP).
- Anugerah dimenangi:
 - o Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) – Tanggungjawab Sosial Korporat Terbaik

2012

- Institusi kewangan pertama di Malaysia mengambil bahagian dalam Indeks Kemampanan Pasaran Baru Dow Jones.
- Anugerah dimenangi:
 - o ACCA MaSRA – Laporan Kemampanan (Pemenang Bersama)
 - o NACRA – Tanggungjawab Sosial Korporat Terbaik (Emas)

2013

- Laporan Kemampanan selaras dengan garis panduan G4 Inisiatif Laporan Global (GRI).
- Pengesanan kemajuan tahun-ke-tahun seluruh bidang utama.
- Halatuju Berkesan Komuniti (CIR) telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- Anugerah dimenangi:
 - o ACCA MaSRA – Laporan Kemampanan (Pemenang)
 - o NACRA – Tanggungjawab Sosial Korporat Terbaik (Perak)
 - o Anugerah Syarikat Terbaik Asia 2013 – Tadbir Urus Korporat dan Tanggungjawab Sosial Korporat Terbaik

2014

- Pelan Kemampanan 20/20 Maybank diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Maybank.
- Skor 71/100 dalam Projek Pendedahan Karbon (CDP).
- Anugerah dimenangi:
 - o ACCA MaSRA – Laporan Kemampanan (Pemenang) dan Amalan di Tempat Kerja Terbaik
 - o Anugerah Tahunan Ke-4 Institusi Pelabur Korporat Alpha Southeast Asia – Kemampanan Korporat Strategik Terbaik
 - o Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) – Amalan Teladan Persekitaran Sosial dan Tadbir Urus (ESG)
 - o NACRA – Tanggungjawab Sosial Korporat Terbaik (Perak)
 - o Anugerah & Sidang Kemuncak Kemampanan Korporat ASEAN (ACSSA) – Kategori Laporan Kemampanan (Pemenang)
 - o Anugerah & Sidang Kemuncak Global CSR Ke-6 – Kecemerlangan Penyediaan Literasi & Pendidikan (Pemenang)
 - o Maybank tersenarai dalam konstituen 20 teratas Indeks ESG FTSE4Good Bursa Malaysia

2015

- Pelaksanaan Pelan Kemampanan 20/20 Maybank.
- Polisi Risiko Reputasi ditubuhkan oleh Kumpulan Risiko untuk menyokong kemasukan elemen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam produk-produk Kumpulan serta pelaburan, amalan kredit dan rantaian bekalan.
- Laporan mengikuti Keperluan Penyenaaran Pasaran Utama Bursa Malaysia Sekuriti Berhad berkaitan Penyata Kemampanan dalam Laporan Tahunan.
- Empat program utama serantau dilancarkan oleh Yayasan Maybank.
- Peralatan “Acara Mesra Alam” dan “Pejabat Mesra Alam” diperkenalkan.
- Anugerah dimenangi:
 - o Anugerah Laporan Kemampanan (SRA) – Laporan Kemampanan 2014 Terbaik, Kategori Luar Negara
 - o NACRA – Anugerah Laporan Tanggungjawab Sosial Korporat Terbaik (Anugerah Platinum)
 - o Anugerah The Edge Billion Ringgit Club (BRC) – Inisiatif CR Terbaik Tempat Pertama (Syarikat Big Cap)
 - o Anugerah CNBC Asia Business Leaders Ke-14 (ABLA) – Anugerah Tanggungjawab Sosial Korporat CNBC ABLA
 - o Kedudukan Kemampanan Channel NewsAsia – Satu daripada 100 syarikat paling mampan di Asia (3 Teratas di Malaysia; No 65 di Asia)
 - o Global 500 Green Ranking Newsweek – Kedudukan di nombor 256
 - o Konstituen dalam Indeks ESG FTSE4Good Bursa Malaysia

Sorotan Kemampanan 2015

- ▶ **Kira-kira 1%** daripada PATAMI dibelanjakan untuk masyarakat dan program kewarganegaraan
- ▶ Lebih daripada **RM14 juta** diagihkan untuk Biasiswa Maybank
- ▶ **Empat program utama baharu** melalui Yayasan Maybank: Penun Eko Wanita Maybank, Pusat Pembelajaran & Latihan Maybank (TLC), KataKatha dan Memperkasa Belia (eMpowering Youth)
- ▶ **Lebih RM114 juta** dibelanjakan untuk pembelajaran dan pembangunan kakitangan
- ▶ Pengenalan peralatan untuk **“Acara Mesra Alam” dan “Pejabat Mesra Alam” Maybank**
- ▶ **53,000** pelajar mendapat manfaat melalui program Cashville Kidz
- ▶ **480** usahawan kurang upaya berjaya dilatih melalui Program Mencapai Kemerdekaan & Usahawan Mampan (R.I.S.E)
- ▶ **Lebih 242,500 jam** diluahkan oleh kakitangan untuk aktiviti sukarelawan
- ▶ **Pelancaran laman web Kemampanan Maybank:** Satu Saluran Komunikasi Baharu
- ▶ **167 peserta** dalam program Mobiliti Global Maybank
- ▶ **Penjimatan lebih RM10.88 juta** melalui urus niaga tanpa kertas berikutan pelaksanaan Penyelesaian Cawangan Serantau
- ▶ **Lebih RM290 juta** dikeluarkan untuk Skim Jaminan Portfolio PKS
- ▶ Skor Projek Pendedahan Karbon (CDP) bertambah baik kepada **71/100**
- ▶ **96.6%** pembekal kami di Malaysia adalah syarikat yang diperbadankan dalam negara

Lembaga Pengarah



TAN SRI DATO' MEGAT ZAHARUDDIN MEGAT MOHD NOR
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas (Pengerusi)



TAN SRI DATUK DR HADENAN A. JALIL
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



DATO' SERI ISMAIL SHAHUDIN
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



DATO' DR TAN TAT WAI
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



DATO' JOHAN ARIFFIN
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Lembaga Pengarah



DATUK MOHAIYANI SHAMSUDIN
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



DATUK R. KARUNAKARAN
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



CHENG KEE CHECK
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas



DATUK ABDUL FARID ALIAS
Pengarah Eksekutif Bukan Bebas (Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan)



EDWIN GERUNGAN
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas



WAN MARZIMIN WAN MUHAMMAD
Penasihat Perundangan Am dan Setiausaha Syarikat

Profil Lembaga Pengarah



**TAN SRI DATO' MEGAT ZAHARUDDIN
MEGAT MOHD NOR**
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
(Pengerusi)

67 tahun,
Warganegara Malaysia

TARIKH PELANTIKAN

- 1 Oktober 2009

KELAYAKAN

- Ahli Bersekutu Royal School of Mines, UK
- Sarjana Muda Sains (Kepujian), Kejuruteraan Perlombongan, Imperial College of Science & Technology, University of London, UK

PENGALAMAN KERJA

Sekarang:

Dalam Kumpulan Maybank

- Pengerusi/Pengarah Maybank
- Pengerusi Maybank Ageas Holdings Berhad
- Presiden Komisioner PT Bank Maybank Indonesia Tbk

Lain-lain Syarikat/Perbadanan

- Pengerusi PADU Corporation
- Pengarah Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus ICLIF, Malaysia

Sebelum ini:

- Pengarah Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan dari 1 Mei 2014 hingga 31 Ogos 2015
- Pengerusi Lembaga Getah Malaysia dari Februari 2009 hingga Mei 2010
- Pengarah Woodside Petroleum Ltd, sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Sekuriti Australia dari Disember 2007 hingga April 2011
- Pengerusi Etiqa Insurans & Takaful dari Januari 2006 hingga Februari 2009
- Pengarah Dana Pembangunan Pasaran Modal dari Januari 2004 hingga Januari 2010
- Pengerusi Maxis Communications Berhad dari Januari 2004 hingga November 2007
- Ketua Pegawai Eksekutif Perniagaan Serantau dan Pengarah Urusan, Shell Exploration and Production B.V. sebelum bersara pada awal 2004
- Mempunyai kerjaya yang cemerlang dalam industri minyak dan gas selama 31 tahun dengan Royal Dutch Shell Group of Companies

JAWATAN PENGARAH DALAM SYARIKAT AWAM

- Maybank
- Maybank Ageas Holdings Berhad

KEHADIRAN PADA TAHUN 2015

- Kesemua 15 Mesyuarat Lembaga yang diadakan dalam tahun kewangan

PENGAKUAN

- Tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah.
- Penama kepada Permodalan Nasional Berhad, pemegang saham utama Maybank.
- Tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.



Sila layari www.maybank.com/directors untuk maklumat lanjut

Profil Lembaga Pengarah



DATUK ABDUL FARID ALIAS
Pengarah Eksekutif Bukan Bebas
(Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan)

.....
48 tahun,
Warganegara Malaysia



TAN SRI DATUK DR HADENAN A. JALIL
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

.....
70 tahun,
Warganegara Malaysia

TARIKH PELANTIKAN

- 2 Ogos 2013

KELAYAKAN

- Program Pengurusan Lanjutan, Harvard Business School, Harvard University, Amerika Syarikat
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), Denver University, Amerika Syarikat
- Sarjana Muda Sains (Perakaunan), Pennsylvania State University, University Park, Amerika Syarikat

PENGALAMAN KERJA

Sekarang:

Dalam Kumpulan Maybank

- Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan/Pengarah Eksekutif Maybank
- Pengarah Maybank Investment Bank Berhad
- Pengarah Maybank Ageas Holdings Berhad
- Pesuruhjaya PT Bank Maybank Indonesia Tbk

Lain-lain Syarikat/Perbadanan

- Pengerusi Persatuan Bank-Bank dalam Malaysia
- Naib Pengerusi Asian Institute of Chartered Bankers
- Pengerusi Malaysian Electronic Payment System Sdn Bhd
- Pengarah Cagamas Holdings Berhad
- Ahli Majlis Perbankan ASEAN
- Ahli Persatuan Jurubank Asia
- Ahli Majlis Kanan Pelanggan Visa
- Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)
- Ahli Jawatankuasa Penasihat Pasaran Sedang Muncul, Institut Kewangan Antarabangsa

Sebelum ini:

- Timbalan Presiden dan Ketua, Perbankan Global Kumpulan Maybank dari 1 Julai 2010
- Khazanah Nasional Berhad dari 2005 hingga 2008
- J.P. Morgan dari 1997 hingga 2005
- Malaysian International Merchant Bankers Berhad dari 1996 hingga 1997
- Schroders dari 1994 hingga 1995
- Aseambankers Malaysia Berhad dari 1992 hingga 1994

JAWATAN PENGARAH DALAM SYARIKAT AWAM

- Maybank
- Maybank Investment Bank Berhad
- PT Bank Maybank Indonesia Tbk
- Maybank Ageas Holdings Berhad
- Cagamas Holdings Berhad

Keahlian Lembaga Pengarah/Jawatankuasa Pengurusan di Maybank:

- Jawatankuasa Semakan Kredit Lembaga Pengarah (Ahli)
- Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan (Pengerusi)
- Jawatankuasa Pengurusan Aset & Liabiliti Kumpulan (Pengerusi)

KEHADIRAN PADA TAHUN 2015

- Kesemua 15 Mesyuarat Lembaga yang diadakan dalam tahun kewangan.

PENGAKUAN

- Tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank.
- Tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

PELANTIKAN

- 15 Julai 2009

KELAYAKAN

- PhD, Kolej Pengurusan Henley, Brunel University, UK
- Sarjana Pengurusan Perniagaan, Asian Institute Management, Filipina
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya

PENGALAMAN KERJA

Sekarang:

Dalam Kumpulan Maybank

- Pengarah Maybank
- Pengarah Maybank Islamic Berhad
- Lembaga Penyeliaan An Binh Commercial Joint Stock Bank, Vietnam

Lain-lain Syarikat/Perbadanan

- Pengerusi Protasco Berhad
- Pengerusi Pelangi Management Sdn Bhd
- Pengerusi Roadcare Sdn Bhd
- Pengerusi PNB Commercial Sdn Bhd (serta anak syarikat)
- Pengerusi Lembaga Gabenor Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur
- Pengarah Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd
- Pengarah THP Sinar Sdn Bhd
- Pengarah Universiti Tun Abdul Razak Sdn Bhd
- Jawatankuasa Audit Perbadanan Johor

Sebelum ini:

- Pengerusi Panel Pencegahan Rasuah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
- Ketua Audit Negara dari tahun 2000 hingga 2006
- Berkhidmat dengan kerajaan selama 36 tahun dalam pelbagai kapasiti di Perbendaharaan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kementerian Kerja Raya

JAWATAN PENGARAH DALAM SYARIKAT AWAM

- Maybank
- Maybank Islamic Berhad
- Protasco Berhad

Keahlian Jawatankuasa Lembaga di Maybank:

- Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (Pengerusi)

KEHADIRAN PADA TAHUN 2015

- 9 daripada 15 Mesyuarat Lembaga yang diadakan dalam tahun kewangan

PENGAKUAN

- Tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank.
- Tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

Profil Lembaga Pengarah



DATO' SERI ISMAIL SHAHUDIN
Pegarah Bebas Bukan Eksekutif

65 tahun,
Warganegara Malaysia



DATO' DR TAN TAT WAI
Pegarah Bebas Bukan Eksekutif

69 tahun,
Warganegara Malaysia

TARIKH PELANTIKAN

- 15 Julai 2009

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya

PENGALAMAN KERJA

Sekarang:

Dalam Kumpulan Maybank

- Pegarah Maybank
- Pengerusi Maybank Islamic Berhad
- Pegarah MCB Bank Limited, Pakistan

Lain-lain Syarikat/Perbadanan

- Pengerusi UEM Edgenta Berhad (dahulunya dikenali sebagai Faber Group Berhad)
- Pegarah EP Manufacturing Berhad
- Pegarah Opus Group Berhad
- Pegarah Opus International Consultants Ltd (sebuah syarikat yang tersenarai di Bursa Saham New Zealand)
- Pegarah Aseana Properties Limited (sebuah syarikat yang tersenarai di Bursa Saham London)

Sebelum ini:

- Pengerusi Bank Muamalat Malaysia Berhad dari tahun 2004 sehingga bersara pada bulan Julai 2008
- Ketua Pegawai Eksekutif MMC Corporation Berhad pada tahun 2002
- Pegarah Eksekutif Maybank dari tahun 1997 hingga 2002
- Memegang jawatan kanan di United Asian Bank, Citibank (berkhidmat di Malaysia dan New York) dan Maybank

JAWATAN PEGARAH DALAM SYARIKAT AWAM

- Maybank
- Maybank Islamic Berhad
- UEM Edgenta Berhad (dahulunya dikenali sebagai Faber Group Berhad)
- EP Manufacturing Berhad
- Opus Group Berhad

Keahlian Jawatankuasa Lembaga di Maybank:

- Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan Lembaga Pengarah (Pengerusi)
- Jawatankuasa Skim Saham Kakitangan Lembaga Pengarah (Pengerusi)

KEHADIRAN PADA TAHUN 2015

- Hadir di kesemua 15 Mesyuarat Lembaga yang diadakan dalam tahun kewangan

PENGAKUAN

- Tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pegarah dan/atau pemegang saham utama Maybank.
- Tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan

TARIKH PELANTIKAN

- 15 Julai 2009

KELAYAKAN

- PhD dalam bidang ekonomi, Harvard University, Amerika Syarikat
- Sarjana Ekonomi, University of Wisconsin (Madison), Amerika Syarikat
- Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Elektrik & Ekonomi, Massachusetts Institute of Technology, Amerika Syarikat

PENGALAMAN KERJA

Sekarang:

Dalam Kumpulan Maybank

- Pegarah Maybank
- Pegarah Maybank Trustees Berhad

Lain-lain Syarikat/Perbadanan

- Pegarah Southern Steel Berhad
- Pegarah Shangri-La Hotels (M) Bhd
- Pegarah NSL Ltd (sebuah syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Singapura)
- Naib Presiden Lam Wah Ee Hospital (organisasi bukan berasaskan keuntungan)

Sebelum ini:

- Mewakili Malaysia sebagai ahli dalam Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) dan menduduki kerusi Majlis Wawasan Open University
- Pegarah Urusan Kumpulan Southern Steel Berhad untuk 29 tahun dan kemudian bekerja sambilan sebagai Pegarah Eksekutif dari tahun 2014 hingga 2015.
- Ahli Majlis Perniagaan Malaysia lantikan Kerajaan, ahli Meja Bulat Korporat Malaysia; ahli Majlis Perindustrian Pulau Pinang, Majlis Koordinasi Perindustrian (ICC) dan Jawatankuasa Daya Saing Perniagaan Kebangsaan (NCBC) yang ditubuhkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
- Berkhidmat sebagai Setiausaha dan ahli Majlis Malaysia Perdagangan Tidak Nampak, ditubuhkan untuk menggubal dasar-dasar untuk mengurangkan defisit negara dalam perdagangan perkhidmatan
- Berkhidmat sebagai perunding kepada Bank Negara Malaysia, Bank Dunia dan Universiti Bangsa-Bangsa Bersatu selama beberapa tahun
- Menyertai Bank Negara Malaysia pada tahun 1978, menjalankan penyelidikan mengenai dasar ekonomi

JAWATAN PEGARAH DALAM SYARIKAT AWAM

- Maybank
- Maybank Trustees Berhad
- Southern Steel Berhad
- Shangri-La Hotels (M) Bhd

Keahlian Jawatankuasa Lembaga di Maybank:

- Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah (Pengerusi)
- Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan Lembaga Pengarah (ahli)
- Jawatankuasa Skim Saham Kakitangan Lembaga Pengarah (ahli)

KEHADIRAN PADA TAHUN 2015

- Menghadiri kesemua 15 Mesyuarat Lembaga yang diadakan dalam tahun kewangan

PENGAKUAN

- Tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pegarah dan/atau pemegang saham utama Maybank
- Tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan

Profil Lembaga Pengarah



DATO' JOHAN ARIFFIN
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

.....
57 tahun,
Warganegara Malaysia



DATUK MOHAIYANI SHAMSUDIN
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

.....
67 tahun,
Warganegara Malaysia

PELANTIKAN

- 26 Ogos 2009

KELAYAKAN

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, University of Miami, Amerika Syarikat
- Sarjana Muda Sastera dalam Bidang Ekonomi, Indiana University, Amerika Syarikat

PENGALAMAN KERJA

Sekarang:

Dalam Kumpulan Maybank

- Pengarah Maybank
- Pengerusi Maybank International (L) Ltd
- Pengerusi Maybank International Trust (L) Ltd
- Pengerusi Maybank (Cambodia) Plc
- Pengarah Etiqa Insurance Berhad

Lain-lain Syarikat/Perbadanan

- Pengerusi Mitraland Properties Sdn Bhd
- Pengarah Sime Darby Property Berhad
- Pengerusi Battersea Project Holding Company Limited
- Ahli Majlis Kebangsaan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA)

Sebelum ini:

- Pengarah Urusan, TTDI Development Sdn Bhd sehingga 2009
- Pengurus Besar Kanan, Bahagian Hartanah, Pengurusan Dana harta Nasional Berhad
- Memegang pelbagai jawatan kanan di beberapa buah anak syarikat tersenarai awam di samping memulakan perniagaannya sendiri dalam perundingan pengiklanan dan pemasaran serta perniagaan pembangunan hartanah

JAWATAN PENGARAH DALAM SYARIKAT AWAM

- Maybank
- Etiqa Insurance Berhad

Keahlian Jawatankuasa Lembaga di Maybank

- Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (Ahli)
- Jawatankuasa Semakan Kredit Lembaga Pengarah (Ahli)

KEHADIRAN PADA TAHUN 2015

- Menghadiri 13 daripada 15 Mesyuarat Lembaga yang diadakan dalam tahun kewangan

PENGAKUAN

- Tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank
- Tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan

PELANTIKAN

- 22 Ogos 2011

KELAYAKAN

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) Cornell University, Ithaca, New York, Amerika Syarikat
- Sarjana Muda Sastera (Ekonomi) Knox College, Galesburg, Illinois, Amerika Syarikat

PENGALAMAN KERJA

Sekarang:

Dalam Kumpulan Maybank

- Pengarah Maybank
- Pengerusi Maybank Investment Bank Berhad
- Pengerusi Maybank Asset Management Group Berhad
- Pengerusi Maybank Asset Management Sdn Bhd

Lain-lain Syarikat/Perbadanan

- Pengarah Dana Pembangunan Pasaran Modal
- Ahli dan pemegang amanah di Yayasan Institut Jantung Negara
- Ahli dan pemegang amanah di Yayasan NUR
- Ahli dan pemegang amanah di Yayasan Kepimpinan Perdana
- Ahli dan pemegang amanah di Yayasan Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO)

Sebelum ini:

- Ahli beberapa kumpulan kerja barisan tertinggi kebangsaan seperti Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC), Majlis Perundingan Ekonomi Negara II (MAPEN II), Majlis Maklumat Teknologi Negara (NITC), Jawatankuasa Kewangan Tahap Tertinggi bagi Tadbir Urus Korporat di Kementerian Kewangan dan Majlis Penasihat Kebangsaan bagi wanita di Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Komuniti
- Pengerusi Persatuan Syarikat Broker Saham Malaysia
- Timbalan Pengerusi Bursa Saham Kuala Lumpur (kini dikenali sebagai Bursa Malaysia Bhd)
- Pemilik dan Pengarah Urusan Mohaiyani Securities Sdn Bhd (ditubuhkan pada tahun 1985)
- Seagrott & Campbell Sdn Bhd
- Amanah Chase Merchant Bank Berhad

JAWATAN PENGARAH DALAM SYARIKAT AWAM

- Maybank
- Maybank Asset Management Group Berhad
- Maybank Investment Bank Berhad

Keahlian Jawatankuasa Lembaga di Maybank:

- Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah (Ahli)
- Jawatankuasa Semakan Kredit Lembaga Pengarah (Ahli)

KEHADIRAN PADA TAHUN 2015

- Menghadiri kesemua 15 Mesyuarat Lembaga yang diadakan dalam tahun kewangan

PENGAKUAN

- Tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank
- Tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan

Profil Lembaga Pengarah



DATUK R. KARUNAKARAN
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

65 tahun,
Warganegara Malaysia



CHENG KEE CHECK
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

51 tahun,
Warganegara Malaysia

PELANTIKAN

- 16 Julai 2014

KELAYAKAN

- Kursus Lulusan Ijazah Perancangan Projek Perindustrian, University of Bradford, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Perakaunan) Kepujian, Universiti Malaya

PENGALAMAN KERJA

Sekarang:

Dalam Kumpulan Maybank

- Pengarah Maybank
- Pengerusi Etiqa Insurans Berhad
- Pengerusi Etiqa Takaful Berhad
- Pengerusi Maybank Private Equity Sdn Bhd
- Pengarah Maybank Ageas Holdings Berhad
- Pengarah Maybank (Kemboja) Plc
- Pengarah Maybank Asset Management Group Berhad
- Pengarah Maybank Asset Management Sdn Bhd
- Pengarah Maybank Agro Fund Sdn Bhd

Lain-lain Syarikat/Perbadanan

- Pengarah IOI Corporation Berhad
- Pengarah Integrated Logistics Berhad
- Pengarah Bursa Malaysia Berhad

Sebelum ini:

- Ahli Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelaburan Projek Berimpak Tinggi dan 'PEMUDAH'
- Menyertai Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (dahulu dikenali sebagai Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia) (MIDA) pada Ogos 1972 dan berkhidmat dalam pelbagai jawatan termasuk Timbalan Pengarah, Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan Ketua Pengarah

JAWATAN PENGARAH DALAM SYARIKAT AWAM

- Maybank
- Maybank Ageas Holdings Berhad
- Etiqa Insurance Berhad
- Etiqa Takaful Berhad
- Maybank Asset Management Group Berhad
- IOI Corporation Berhad
- Integrated Logistics Berhad
- Bursa Malaysia Berhad

Keahlian Jawatankuasa Lembaga di Maybank:

- Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah (Ahli)
- Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (Ahli)
- Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan Lembaga Pengarah (Ahli)
- Jawatankuasa Skim Saham Kakitangan Lembaga Pengarah (Ahli)

KEHADIRAN PADA TAHUN 2015

- Menghadiri kesemua 15 Mesyuarat Lembaga yang diadakan dalam tahun kewangan

PENGAKUAN

- Tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah
- Tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan

PELANTIKAN

- 19 November 2014

KELAYAKAN

- LLB (Kepujian), National University of Singapore

PENGALAMAN KERJA

Sekarang:

Dalam Kumpulan Maybank

- Pengarah Maybank

Lain-lain Syarikat/Perbadanan

- Pengarah PNB Development Sdn Bhd
- Pengarah Seriemas Development Sdn Bhd
- Ahli Jawatankuasa Pelaburan di Amanah Saham Wawasan 2020
- Peguam korporat dan rakan kongsi di Tetuan Skrine

Sebelum ini:

- Tiada

PENGARAH SYARIKAT AWAM

- Maybank

Keahlian Jawatankuasa Lembaga di Maybank:

- Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (Ahli)
- Jawatankuasa Semakan Kredit Lembaga (Ahli)

KEHADIRAN PADA TAHUN 2015

- Menghadiri kesemua 15 Mesyuarat Lembaga yang diadakan dalam tahun kewangan

SURAT AKUAN

- Tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah
- Penama kepada Permodalan Nasional Berhad, pemegang saham utama Maybank
- Tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan

Profil Lembaga Pengarah



EDWIN GERUNGAN

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

67 tahun,
Warganegara Indonesia



WAN MARZIMIN WAN MUHAMMAD

Penasihat Perundangan Kumpulan dan Setiausaha Syarikat

PELANTIKAN

- 24 Ogos 2015

PELANTIKAN

- Sarjana Muda Sastera Falsafah dari Kolej Principia Elsay, Illinois, Amerika Syarikat

PENGALAMAN KERJA

Sekarang:

- Dalam Kumpulan Maybank
- Pengarah Maybank

Lain-lain Syarikat/Perbadanan

- Pesuruhjaya Bebas PT Indonesia Infrastructure Finance

Sebelum ini:

- Presiden Pengarah PT BHP Billiton Indonesia dari tahun 2007 hingga 2013
- Presiden Komisioner Bank Mandiri dari tahun 2005 hingga 2014
- Komisioner bebas Bank Danamon dari 2003 hingga 2005
- Komisioner bebas Bank Central Asia dari 2002 hingga 2003
- Ketua Pegawai Eksekutif Indonesian Banking Restructuring Agency dari tahun 2000 hingga 2001
- Menyertai Bank Mandiri sebagai Naib Presiden Eksekutif, Perbendaharaan dan Antarabangsa pada tahun 1999 hingga 2000
- Penasihat kanan di Atlantic Richfield dari tahun 1997 hingga 1999
- Naib Presiden, Ketua Perbendaharaan di Citibank NA dari tahun 1972 hingga 1997

PENGARAH SYARIKAT AWAM

- Maybank

Keahlian Jawatankuasa Lembaga di Maybank:

- Jawatankuasa Semakan Kredit Lembaga Pengarah (Pengerusi)
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah (Ahli)
- Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan Lembaga Pengarah (Ahli)
- Jawatankuasa Skim Saham Kakitangan Lembaga Pengarah (Ahli)

KEHADIRAN PADA TAHUN 2015

- Semua 7 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 semenjak pelantikan beliau pada 24 Ogos 2015.

PENGAKUAN

- Tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah
- Penama kepada Permodalan Nasional Berhad, pemegang saham utama Maybank.
- Tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan

KELAYAKAN:

- LLB (Kepujian), University of Kent di Canterbury, UK
- Bar Finals, London Guildhall University. Dipanggil ke Bar of England & Wales (Peguambela Gray's Inn)
- Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya

PENGALAMAN KERJA:

Sebelum ini:

- Rakan kongsi, Zaid Ibrahim & Co
- Penasihat Perundangan, Manazel Group, Abu Dhabi
- Pengurus Besar Kanan & Ketua, Undang-undang & Kesetiausahaan, Tenaga Nasional Berhad
- Naib Presiden, Undang-undang & Kesetiausahaan, Scomi Group Berhad

Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan



DATUK ABDUL FARID ALIAS
Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Datuk Abdul Farid Alias telah dilantik sebagai Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank, pada 2 Ogos 2013. Sebelum pelantikannya, Datuk Farid merupakan Timbalan Presiden & Ketua Perbankan Global Kumpulan Maybank.

Tanggungjawab

Datuk Farid menerajui keseluruhan pertumbuhan perniagaan Kumpulan Maybank dan strategi regionalisasi. Beliau bertanggungjawab untuk memacu pelaksanaan sasaran perniagaan Kumpulan Maybank untuk memenuhi cita-cita dan visi Kumpulan. Beliau menyelia dan memastikan keseimbangan yang baik antara memacu kecemerlangan operasi dan tadbir urus yang kukuh untuk memberikan nilai jangka panjang yang mampan kepada pemegang saham, pelanggan, kakitangan dan semua pihak-pihak berkepentingan.

Pengalaman

Datuk Abdul Farid memiliki lebih 20 tahun pengalaman dalam perbankan pelaburan, kewangan korporat dan pasaran modal ketika berkhidmat di pelbagai bank saudagar dan pelaburan seperti Aseambankers Malaysia Berhad dari 1992 hingga 1994, Schroders dari 1994 hingga 1995, Malaysia International Merchant Bankers Berhad dari 1996 hingga 1997, dan J.P. Morgan dari 1997 hingga 2005, di Kuala Lumpur dan Singapura, serta di Khazanah Nasional Berhad dari 2005 hingga 2008.

Datuk Farid telah dilantik sebagai Presiden Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank pada 2 Ogos 2013. Sebelum pelantikannya, beliau merupakan Timbalan Presiden & Ketua Perbankan Global di mana bidang tanggungjawab beliau meliputi liputan pelanggan, perbankan korporat, perbankan pelaburan, urus niaga perbankan, pasaran global dan perniagaan antarabangsa untuk Kumpulan Maybank. Beliau menyertai Maybank sebagai Ketua Antarabangsa pada 1 Januari 2009.

Datuk Abdul Farid telah dinobatkan sebagai CEO Terbaik di Anugerah Perniagaan ASEAN 2015, yang mengiktiraf institusi cemerlang di komuniti perniagaan ASEAN. Beliau juga telah dianugerahkan dengan Anugerah Kepimpinan Perniagaan Asia CNBC untuk Tanggungjawab Sosial Korporat 2015.

Kelayakan

Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Kewangan, University of Denver, AS; Sarjana Muda Sains dalam bidang Perakaunan, Pennsylvania State University, University Park, AS; dan Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School.

Keahlian Jawatankuasa/Pelantikan

Ahli Lembaga Pengarah Maybank Investment Bank Berhad, Maybank Ageas Holdings Berhad, Lembaga Pesuruhjaya PT Bank Maybank Indonesia Tbk dan Cagamas Holdings Berhad, perbadanan gadai janji nasional Malaysia. Pengerusi Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM) dan Malaysian Electronic Payment System Sdn Bhd (MEPS). Naib Pengerusi dan Fellow Jurubank Bertauliah, Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) dan Chartered Banker Institute (CBI) di United Kingdom. Ahli Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP), Persatuan Jurubank Asia (ABA) Jawatankuasa Sokongan Dasar dan Majlis Penasihat Pasaran Baru Muncul (EMAC) daripada The Institute of International Finance yang berpusat di Washington, DC.



Sila layari www.maybank.com/management untuk maklumat lanjut

Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan



Datuk Lim Hong Tat telah dilantik sebagai Ketua Kumpulan, Perkhidmatan Kewangan Komuniti Kumpulan Maybank dan CEO, Singapura sejak 1 Januari 2014.

Tanggungjawab

Sebagai Ketua Kumpulan, Perkhidmatan Kewangan Komuniti, beliau bertanggungjawab untuk memacu dan melaksanakan strategi perbankan komuniti Bank di seluruh pusat operasinya. Ini meliputi perbankan cawangan, pembiayaan pelanggan, Perbankan PKS dan Perniagaan, jualan dan pengedaran, pengurusan kekayaan, pembayaran, perbankan maya, inovasi produk dan segmen pelanggan. Beliau turut bertanggungjawab dalam mengembangkan perniagaan semua entiti Maybank di Singapura. Ini merangkumi seluruh produk dan perkhidmatan kewangan — perbankan komersil, perbankan global, perbankan pelaburan dan insurans.

Pengalaman

Datuk Lim menyertai Maybank sebaik sahaja menamatkan pengajian pada 1981. Beliau memiliki pengalaman selama 34 tahun yang merangkumi semua aspek perbankan, menguruskan cawangan, perbankan serantau, kad kredit dan operasi perbankan antarabangsa termasuk memegang jawatan pengurusan kanan sebagai Pengarah/Presiden & CEO Maybank Philippines Incorporated, Ketua Perbankan Antarabangsa dan Ketua Perbankan Konsumer dalam Kumpulan Maybank.

Kelayakan

Sarjana Muda Ekonomi (Pentadbiran Perniagaan) (Kepujian), Universiti Malaya; Fellow Akademi Antarabangsa Perbankan Runcit dan Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School.

Keahlian Jawatankuasa/Pelantikan

Pengarah Maybank Kim Eng Holdings Ltd; Maybank Kim Eng Securities Pte Ltd; Etiqa Insurans Pte Ltd; Maybank Philippines Incorporated; Mutiara Mortgage & Credit Sdn Bhd, syarikat subsidiari milik penuh Kementerian Perumahan Negeri Sarawak; Ahli Majlis Pelanggan Visa Asia Pasifik; Ahli Lembaga Pengarah EFMA (Persatuan Pengurusan Kewangan Eropah); Ahli Persatuan Bank-Bank di Singapura.



Dato' Amirul Feisal Wan Zahir telah dilantik sebagai Ketua Kumpulan, Perbankan Global pada 1 Oktober 2014.

Tanggungjawab

Dato' Feisal bertanggungjawab terhadap perniagaan Perbankan Global yang merangkumi Kumpulan Maybank Kim Eng (Perbankan Pelaburan dan Pembrokeran Saham), Liputan Pelanggan, Pasaran Global, Perbankan Korporat, Perbankan Transaksi dan Maybank Asset Management Group. Selaku Ketua Kumpulan Perbankan Global, beliau menumpukan kepada usaha memperkasakan dan memperkukuhkan perniagaan Perbankan Global di pasaran utama serantau di Singapura, Filipina, Indonesia, Wilayah Besar China dan Indochina.

Pengalaman

Dato' Feisal memulakan kerjaya di KPMG Plc, London dan kemudiannya menyertai Citigroup Global Markets di pejabat-pejabat Kuala Lumpur, Singapura dan Hong Kong sehingga tahun 2004. Dato' Feisal mengembangkan kerjayanya dalam pelbagai jabatan dalam bahagian Perbankan Pelaburan termasuk Pembiayaan Projek dan Penswastaaan, Kewangan Korporat, Penggabungan & Pengambilalihan selain liputan bagi Kumpulan Perindustrian bermodal besar. Pada 2004, beliau berkhidmat di BinaFikir Sdn. Bhd. sebagai pemegang saham dan Pengarah Eksekutif. Empat tahun kemudian beliau dilantik sebagai Pengarah Urusan, Ketua Perbankan Pelaburan Maybank Investment Bank yang mana beliau bertanggungjawab mentransformasi dan memperbaharui Perbankan Pelaburan, Kewangan Korporat, Pasaran Modal Ekuiti dan Bahagian Ekuiti Swasta. Pada tahun 2010, beliau menyertai Permodalan Nasional Berhad sebagai Naib Presiden Eksekutif, Projek Khas dan kemudiannya dipinjamkan ke Chemical Company of Malaysia Berhad sebagai Pengarah Eksekutif dan kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan.

Kelayakan

Sarjana Muda Sains Ekonomi (Perakaunan dan Kewangan), London School of Economics & Political Science; Fellow Institute of Chartered Accountants England and Wales; Ahli Institut Akauntan Malaysia; Jurubank Bertauliah dari Chartered Banker Institute dan Asian Institute of Chartered Bankers.

Keahlian Jawatankuasa/Pelantikan

Pengarah Bukan Eksekutif Maybank Kim Eng Holdings Limited.

Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan



Mohamed Rafique Merican telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan sejak 1 Jun 2012.

Tanggungjawab

Dato' Rafique bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan, modal dan pembiayaan Kumpulan. Beliau memantau Jabatan Pengawal Kewangan Kumpulan, Bendahari Korporat Kumpulan, Cukai Kumpulan, Pelaporan Prestasi & Perhubungan Pelabur Kumpulan dan Operasi Kewangan Kumpulan (Pengurusan Pemulihan Korporat dan Pengurusan Maklumat Enterpris).

Pengalaman

Dato' Rafique memiliki lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam sektor korporat, termasuk lima tahun pengalaman sebagai Ketua Pegawai Kewangan di Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Malakoff Berhad. Sebelum menyertai TNB pada 2009, beliau berkhidmat di Radicare (M) Sdn Bhd, syarikat konsesi pengurusan kemudahan di hospital-hospital di Lembah Klang, Selangor, Kelantan, Terengganu dan Pahang sebagai Ketua Pegawai Operasi, sebelum dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif. Beliau juga memegang jawatan di dalam bidang kewangan korporat dan penasihat di Kumpulan Amanah Capital dan Bumiputra Merchant Bankers Berhad dalam tahun-tahun awal kerjayanya.

Kelayakan

Fellow Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA), United Kingdom; Akauntan Bertauliah, Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School.

Keahlian Jawatankuasa/Pelantikan

Ahli Lembaga Piawain Perakaunan Malaysia (MASB); Ahli Jawatankuasa Penasihat Persatuan Akauntan Bertauliah Malaysia (ACCA); Ahli Majlis CFO Global CNBC dan Presiden Komisioner PT Bank Maybank Syariah Indonesia.



Dr John Lee telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Risiko Kumpulan sejak 17 Januari 2011.

Tanggungjawab

Dr John Lee bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko, termasuk risiko kredit dan pematuhan di seluruh Kumpulan.

Pengalaman

Dr John Lee sebelum ini berkhidmat di Amanah Merchant Bank dan Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE). Sebelum pelantikannya di Maybank, beliau berkhidmat sebagai perunding dan penasihat perkhidmatan kewangan yang mana beliau menjadi rakan kongsi KPMG Business Advisory selama 13 tahun, membantu pelbagai institusi kewangan di seluruh pasaran Asia Pasifik. Beliau memiliki pengalaman mendalam dalam industri kewangan dan pengurusan risiko dengan pengkhususan dalam kewangan Islam, strategi perniagaan, pengurusan risiko dan pengurusan prestasi. Beliau telah diiktiraf sebagai Pengurus Risiko Bank Terbaik 2013 oleh Asia Risk dan Pengurus Risiko Terbaik 2014 oleh Asian Banker di atas sumbangannya kepada Kumpulan dan industri. Beliau juga turut aktif sebagai peneraju di dalam pembangunan bakat dan piawain perkhidmatan kewangan dan komuniti pengurusan risiko.

Kelayakan

Sarjana Muda Ekonomi, Monash University, Australia. Ijazah Doktor Falsafah Ekonomi, Monash University, Australia. Fellow Akauntan Amalan Bertauliah Australia (CPA Australia); Jurubank Bertauliah Asian Institute of Chartered Bankers; Ahli Persatuan Kewangan Amerika Syarikat, Persatuan Ekonometrik dan Persatuan Pengajian Kewangan.

Keahlian Jawatankuasa/Pelantikan

Ahli Kumpulan Kerja Pengurusan Risiko Mudah Tunai Kumpulan dan Kumpulan Kerja Pengurusan Risiko bagi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB); Ahli Lembaga Penasihat Perniagaan, Universiti Monash (cawangan Malaysia).

Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan



Nora Abd Manaf telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan Maybank sejak September 2008, pada permulaan Program Transformasi Leap30 Kumpulan Maybank.

Tanggungjawab

Nora merangka strategi modal insan di seluruh Kumpulan termasuk membentuk dan melaksanakan strategi perniagaan yang diselaraskan dengan aspirasi dan objektif Kumpulan. Beliau juga bertanggungjawab untuk semua aspek kakitangan, iklim tempat kerja dan prestasi. Beliau telah mengetuai Program Transformasi Kakitangan sejak 2009 yang memberi tumpuan kepada pembentukan tenaga kerja semasa dan masa hadapan Maybank – strategi utama bagi mencapai Aspirasi Maybank 2020.

Pengalaman

Sebelum menyertai Maybank, beliau telah berkhidmat dengan beberapa syarikat multinasional dan organisasi tempatan yang besar di beberapa sektor termasuk sektor telekomunikasi di Maxis dan separa konduktor di Intel, serta pendidikan. Nora berkhidmat di Kumpulan Standard Chartered selama lebih 9 tahun, dalam peranan pengurusan termasuk Ketua Sumber Manusia, Scope International (subsidiari milik penuh Standard Chartered UK Plc) serta peranan dalam jawatan pembangunan kepimpinan di London dan dalam kerja integrasi di Hong Kong pasca pengambilalihan SCB terhadap Chase Retail Bank. Beliau juga adalah Naib Presiden Eksekutif, inisiatif strategik di PermataBank Indonesia di mana beliau adalah sebahagian daripada pasukan 7-ahli penajajaran dan penggabungan yang dipinjamkan oleh StanChart ke PermataBank Indonesia, untuk menyediakan organisasi bagi penjualan penuh baki saham yang dipegang oleh kerajaan Indonesia dan pencapaian strategik perniagaan dalam Kumpulan StanChart.

Kelayakan

Nora merupakan Akauntan Bertauliah, dan berdaftar dengan Institut Akauntan Malaysia (MIA). Nora juga memegang Sijil pasca siswazah dalam pembangunan sumber manusia dari Universiti Cornell, dan juga jurulatih, 'Gallup Strength' Tahap II.

Keahlian Jawatankuasa/Pelantikan

Nora terlibat secara aktif dalam kelompok majikan kewangan dan perniagaan di Malaysia. Beliau adalah Pengerusi Persatuan Bank-bank Perdagangan Malaya (MCBA), Pengerusi Kumpulan Rangkaian Sumber Manusia (HRNG) di bawah petajaan Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) dan Bank Negara Malaysia (BNM) serta Naib Presiden dan ahli Majlis Persekutuan Majikan Malaysia (MEF). Nora juga adalah ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC), Ahli Jawatankuasa Penasihat Sarjana Sains (Kewangan) UUM, Ahli Majlis Penasihat (Sektor Perkhidmatan Kewangan) dibawah Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera, ahli Jawatankuasa Sumber Manusia dan latihan yang dilantik oleh Lembaga Pengerusi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan ahli Lembaga Pemeriksa Asian Institute of Chartered Bankers (AICB). Pada tahun 2013, Nora telah senaraikan di dalam 50 Profesional Sumber Manusia Terbaik Global HR50.



Muzaffar Hisham merupakan Ketua Kumpulan, Perbankan Islam dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Maybank Islamic Berhad sejak 30 Mac 2011.

Tanggungjawab

Sebagai Ketua Perbankan Islam Kumpulan dan CEO Maybank Islamic, Dato' Muzaffar memainkan peranan penting bagi menguruskan dan memantau keseluruhan francais perbankan Islam Maybank dan memastikan bahawa operasinya berada pada platform selari yang memanfaatkan sumber-sumber Kumpulan. Ketika ini, tanggungjawabnya termasuk memastikan strategi perniagaan perbankan Islam Kumpulan termasuk pembangunan dan pelaksanaan, produk sokongan pemasaran serta pengurusan risiko dan pematuhan Syariah, mempelopori pengembangan Perbankan Islam Kumpulan di ASEAN dan seluruh dunia.

Pengalaman

Dato' Muzaffar mempunyai 21 tahun pengalaman dalam perkhidmatan perbankan dan kewangan. Beliau memulakan kerjaya di Asian International Merchant Bankers Berhad di Jabatan Perbankan Korporat. Beliau kemudiannya menyertai Amanah Merchant Bank Berhad dan Amanah Short Deposits Berhad yang mana beliau terbabit secara meluas dalam perniagaan Hutang Korporat dan Pembiayaan dari hutang bersindiket hinggalah memberi nasihat mengenai sekuriti hutang swasta. Dato' Muzaffar turut terlibat dalam pelbagai hutang dan pengstrukturkan korporat semasa krisis kewangan 1997. Sepanjang melaksanakan tugasnya di CIMB Investment Bank dan HSBC Amanah, Dato' Muzaffar terlibat dalam perniagaan perbankan pelaburan. Sebelum menyertai Maybank, Dato' Muzaffar merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Islamic Bank Berhad. Sebelum itu, beliau adalah ahli Lembaga Pengarah CIMB Insurance Brokers Sdn Bhd. Beliau menerima Anugerah Asset Triple A 2013 serta Anugerah Kepimpinan Industri bagi Pakar Bank Islam Terbaik di atas sumbangannya dalam membangunkan kewangan Islam serantau dan membangunkan perniagaan perbankan Islam Kumpulan Maybank.

Kelayakan

Sarjana Muda Sains (Kepujian) Ekonomi dan Perakaunan, University of Bristol, United Kingdom.

Keahlian Jawatankuasa/Pelantikan

Dato' Muzaffar merupakan Pengerusi di Jawatankuasa Standard di Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM); Ahli Jawatankuasa Eksekutif AIBIM; Ahli H.M. Treasury U.K. Global Islamic Finance and Investment Group; Pengarah ANFAAL Capital, Arab Saudi; Pengarah RAEED Holdings Sdn. Bhd.; Ahli Panel Pembangunan Profesional INCEIF; Ahli Jawatankuasa Jaminan Kualiti Akademik INCEIF dan Jurubank Bertauliah Asian Institute of Chartered Bankers (AICB).

Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan



Kamaludin Ahmad merupakan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Maybank Ageas Holdings Bhd (MAHB) dan Ketua Kumpulan, Insurans & Takaful berkuat kuasa 1 Disember 2013.

Tanggungjawab

Beliau bertanggungjawab mendorong dan menguruskan keseluruhan strategi, keuntungan dan pertumbuhan perniagaan Insurans dan Takaful Kumpulan di Malaysia dan Singapura. Selain menguruskan perniagaan hayat/keluarga dan am, pasukan kerjanya turut memantau operasi pelaburan, komersil, perancangan korporat, pengurusan risiko dan keputusan IT yang berkaitan dengan Insurans dan Takaful. Tanggungjawab teras pasukan kerjanya diselaraskan untuk mencapai aspirasi Etiqa. Ini termasuk mengukuhkan operasi pengedaran, meningkatkan keuntungan menerusi pertumbuhan organik dan pengembangan serantau, mengukuhkan kedudukan Takaful sebagai peneraju dan menjadikan Etiqa sebagai jenama pilihan di kalangan rakyat Malaysia.

Pengalaman

Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif MAHB, Kamaludin menyusun masa dengan baik untuk melibatkan diri dengan kakitangan dan pihak berkepentingan di pelbagai saluran pengedaran untuk memacu perniagaan dan pertumbuhan Insurans & Takaful sejajar dengan visi Kumpulan. Pada hari ini, Etiqa mempunyai penguasaan terbesar dalam pasaran Insurans Am dan Takaful dan kedudukan ke-2 di dalam segmen perniagaan baru hayat/keluarga di Malaysia. Ini adalah testimoni kepada kerja keras dan kerjasama yang kuat antara seluruh pasukannya.

Kamaludin sebelum ini telah menyertai Kumpulan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Etiqa Insurance Berhad dan Ketua Perniagaan Insurans Am & Takaful pada 4 Jun 2012 dan telah dilantik sebagai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAHB pada 1 Mac 2013. Beliau mempunyai lebih daripada 25 tahun pengalaman dalam industri perkhidmatan kewangan termasuk jualan, pemasaran, aktuari, tajajamin dan operasi di pasaran tempatan dan juga peringkat antarabangsa. Beliau juga mempunyai lebih daripada enam tahun pengalaman di dalam bidang pengawalseliaan dan risiko yang diperolehi ketika bekerja di Suruhanjaya Sekuriti dan Bank Negara Malaysia. Kamaludin telah memegang beberapa jawatan pengurusan utama di AIG Malaysia dan AIG Antarabangsa.

Kelayakan

Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Sains Actuarial, University of Kent, England.

Keahlian Jawatankuasa/Pelantikan

Pengarah Etiqa Insurans Pte Ltd (Singapura); Asian Life and General Assurance (Filipina) dan Etiqa International Holdings Berhad.

Pollie Sim telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Antarabangsa Kumpulan Maybank berkuat kuasa pada 1 Oktober 2013.

Tanggungjawab

Pollie bertanggungjawab terhadap strategi, menerajui dan mentransformasi operasi antarabangsa Kumpulan yang meliputi 13 buah negara, tidak termasuk Singapura dan Indonesia. Tanggungjawab utama pasukan kerjanya adalah untuk membina sinergi yang lebih luas dan mempercepatkan keuntungan francais Maybank di seluruh lanskap antarabangsa untuk pertumbuhan jangka panjang, dan juga untuk mengukuhkan kedudukan Bank sebagai peneraju perkhidmatan kewangan serantau.

Pengalaman

Sebelum pelantikan terbarunya sebagai CEO Antarabangsa bagi Kumpulan Maybank, Pollie menerajui Maybank Singapura pada Julai 2006. Beliau memiliki lebih daripada 30 tahun pengalaman dalam industri perbankan dan kewangan serta pernah memegang pelbagai jawatan kanan dalam Kumpulan Maybank. Beliau bertanggungjawab menerajui dan membangunkan perniagaan perbankan runcit Maybank di Singapura. Sebelum menyertai Maybank Singapura, Pollie merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Mayban Finance (S) Ltd. Pada 2012, Pollie dianugerahkan sebagai FICP Kehormat (Profesional Industri Kewangan Bertauliah) oleh Institut Perbankan & Kewangan (IBF) Singapura dan turut menerima Anugerah Kepimpinan Kehormat bagi Pacific Rim Bankers Programme.

Kelayakan

Pollie menyempurnakan Program Eksekutif Stanford pada tahun 2014. Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Brunel University of West London, United Kingdom. Beliau menamatkan pengajian di Institut Pengurusan Singapura dengan Diploma Pengajian Pengurusan, di mana beliau menduduki tempat teratas dan memenangi 3 Anugerah Emas untuk Kecemerlangan Akademik. Beliau juga mempunyai Diploma Pemasaran & Jualan Perkhidmatan Bank dari Pusat Pengurusan Antarabangsa.

Keahlian Jawatankuasa/Pelantikan

Pengarah Bukan Eksekutif bagi beberapa syarikat, Singapore Unit Trusts Ltd, Maybank Philippines Incorporated, Maybank (Cambodia) Plc; Pengerusi Majlis Pelaburan Unit Amanah Singapura, wakil Maybank dalam Lembaga Pengarah Persatuan Jurubank Asia (ABA). Beliau telah dilantik sebagai Ahli Kehormat oleh Pihak kewangan perancangan Syarikat-syarikat Perancangan Kewangan Bersekutu di Singapura (FPAS) dan Penasihat kepada Yayasan Kerjasama Ekonomi Hong Kong-ASEAN (HKAECF) yang bertujuan untuk menggalakkan kerjasama ekonomi yang lebih mendalam antara China, Hong Kong and ASEAN.

Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan



Taswin, merupakan warga negara Indonesia yang dilantik sebagai Presiden Direktor Maybank Indonesia sejak 11 November 2013.

Tanggungjawab

Taswin Zakaria bertanggungjawab terutamanya untuk mewujudkan dasar-dasar strategik dan menyediakan hala tuju keseluruhan perniagaan perbankan operasi Maybank Indonesia serta menyelia perkembangan perniagaan perbankan Syariah dan Audit Dalaman Bank. Beliau juga bertanggungjawab untuk memanfaatkan Kumpulan Maybank untuk menguasai bahagian pasaran yang lebih besar dan pada masa yang sama, memantapkan operasi Kumpulan di Indonesia.

Pengalaman

Taswin telah berkhidmat sebagai Komisioner Bebas Maybank Indonesia sejak 16 Disember 2003 hingga 11 November 2013. Beliau juga merupakan Komisioner Bebas PT Jasa Angkasa Semesta Tbk (2005-2013), Presiden Direktor PT Indonesia Infrastructure Finance (2010-2011), Pengarah Barclays Bank Plc Indonesia dan Ketua bagi Asia untuk Pasaran Modal Alternat/Kewangan Islam di Barclays (2001-2003). Beliau merupakan Naib Presiden Deutsche Bank AG, Jakarta dan juga Ketua Pasaran Modal Hutang dan Pengurusan Risiko Liabiliti (1997-2001). Beliau memulakan karier dalam bidang perbankan di Citibank NA, Jakarta, yang mana beliau merupakan Ketua Unit Penstrukturan Korporat dan Pembiayaan Projek (1992-1997).

Kelayakan

Ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran Perniagaan, dalam bidang Perakaunan, Cum Laude (Kepujian), Ohio State University, AS.

Keahlian Jawatankuasa/Pelantikan

Tiada



Michael Foong dilantik sebagai Ketua Pegawai Strategi Kumpulan, berkuat kuasa 1 Januari 2014. Beliau sebelum ini merupakan Ketua Pegawai Strategi & Transformasi Kumpulan Maybank.

Tanggungjawab

Michael menerajui Pejabat Presiden & CEO Kumpulan, yang bertanggungjawab untuk memacu agenda regionalisasi pendigitalan, pembangunan perniagaan, transformasi dan program produktiviti Kumpulan di seluruh rantau, selain membangunkan objektif strategik jangka panjang Kumpulan. Beliau turut memantau unit Pembangunan Korporat & Inovasi Kumpulan, serta Hal Ehwal Korporat & Kemampanan, Pemasaran Strategik, Pengurusan Pengalaman Pelanggan dan Perkongsian Strategik.

Pengalaman

Sebelum menyertai Kumpulan Maybank, Michael merupakan Pengarah Urusan Kanan Accenture, perunding amalan pengurusan di Malaysia. Beliau menghabiskan masa selama 17 tahun menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan dalam sektor perkhidmatan kewangan di seluruh Asia, terutamanya bank dan juga syarikat insurans dan bursa-bursa saham. Rekod perkhidmatan beliau termasuk perancangan korporat, merancang strategi kumpulan dan perniagaan, model operasi, proses penyusunan semula perniagaan, rangka kerja pengurusan prestasi dan strategi ICT. Antara 2004 dan 2011, beliau menumpukan kepada perancangan dan pelaksanaan program transformasi berskala besar berbilang tahun untuk bank-bank di Malaysia dan Singapura. Michael pernah memegang pelbagai jawatan pengurusan di Accenture. Beliau mengurus bersama unit Penerokaan Teknologi Asia-Pasifik milik Accenture dari 2000 hingga 2002, diikuti dengan pejabat Pembangunan Korporat Accenture di Asia-Pasifik. Michael telah berkhidmat di seluruh pelusuk Asia Pasifik dan meluangkan masa selama tujuh tahun menerajui pejabat Accenture di Beijing, Shanghai, Hong Kong, Sydney, Singapura, Tokyo dan Jakarta.

Kelayakan

Ijazah Sarjana Sastera dalam Pengajian Ekonomi dan Pengurusan daripada Cambridge University, United Kingdom; Program Pengurusan Perniagaan Lanjutan daripada Kellogg Graduate School of Management di Northwestern University, Chicago, AS.

Keahlian Jawatankuasa/Pelantikan

Tiada

Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan



Jerome Hon telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi Kumpulan, berkuat kuasa pada 1 Disember 2013.

Tanggungjawab

Jerome bertanggungjawab untuk merangka dan membangunkan strategi operasi bagi menyokong Visi dan Misi Kumpulan Maybank. Beliau memantau keseluruhan operasi dan pemrosesan Kumpulan dan memastikan pelaksanaan khidmat sokongan yang cekap dan berkesan.

Pengalaman

Sebelum pelantikannya, Jerome merupakan Ketua Eksekutif Audit Maybank selama lebih 7 tahun dan tugasnya memantau fungsi Audit Dalaman Maybank dan juga syarikat-syarikat subsidiarinya. Jerome telah berkhidmat di Maybank lebih 20 tahun dan telah memegang pelbagai jawatan dalam Kumpulan Maybank termasuk Perakaunan, Operasi Berpusat dan jawatan pengurusan utama syarikat-syarikat subsidiari Kumpulan Maybank yang terlibat dalam perniagaan amanah dan pembrokeran pasaran hadapan. Sebelum menyertai Maybank, beliau ditempatkan dengan sebuah firma perakaunan di mana beliau memperoleh kelayakan sebagai seorang Akauntan Bertauliah dan telah berkhidmat dengan firma tersebut selama 8 tahun. Dalam tempoh tersebut, beliau terlibat dalam pelbagai jenis tugas audit termasuk dalam bidang perkhidmatan kewangan, insurans, perkilangan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain.

Kelayakan

Institut Akauntan Am Bertauliah Malaysia (MICPA); Ahli MICPA; Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Keahlian Jawatankuasa/Pelantikan

Tiada



Mohd Suhail Amar Suresh Abdullah telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Teknologi Kumpulan Maybank berkesan 1 April 2015.

Tanggungjawab

Suhail membangunkan dan menerajui pelaksanaan strategi-strategi, platform dan keupayaan Teknologi Kumpulan bersama Peniagaan Kumpulan, Fungsi dan negara untuk mencapai matlamat perniagaan. Beliau merancang, mengarahkan dan membina keupayaan strategik serantau untuk Kumpulan menggunakan teknologi sebagai kelebihan daya saing bagi mempertingkatkan pengalaman pelanggan, kelebihan kos dan kecekapan. Beliau bertanggungjawab untuk mentransformasikan IT di Maybank dan mengukuhkan keupayaan teknikal dalaman bagi menyokong wawasan dan aspirasi Kumpulan.

Pengalaman

Suhail mula menyertai Maybank pada bulan Oktober 2012 sebagai Ketua Perbankan Maya & Pembayaran, Perkhidmatan Kewangan Komuniti. Beliau menerajui evolusi pelan hala tuju strategi Digital dan bertanggungjawab memperkenalkan beberapa platform digital utama dan keupayaan merentasi pelbagai pasaran. Pada Jun 2014, beliau telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Maklumat Kumpulan, Teknologi Kumpulan dan Ketua Perkhidmatan Perkongsian Kumpulan Maybank.

Sebelum menyertai Kumpulan Maybank, Suhail ialah Pengarah Urusan Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd (MyClear), sebuah syarikat subsidiari milik penuh Bank Negara Malaysia, bertanggungjawab untuk pertumbuhan dan kecemerlangan infrastruktur dan perkhidmatan e-pembayaran negara. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah Urusan Kumpulan untuk Malaysian Electronic Payment System Sdn Bhd (MEPS) dan bertanggungjawab dalam mempercepatkan pertumbuhan MEPS sebagai suis negara berpusat. Suhail juga memegang beberapa jawatan kanan di bahagian Perkhidmatan Maklumat di sebuah bank komersil. Sepanjang tempoh kerjaya beliau yang luas dalam organisasi multinasional lain, Suhail menyelia keseluruhan pelaburan teknologi dan menerajui pelaksanaan dan perkhidmatan integrasi teknologi dalam rantau Asia Pasifik.

Suhail mempunyai lebih daripada 30 tahun pengalaman global dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan strategi korporat, Pembangunan Perniagaan & Pemasaran, Teknologi Maklumat, Sistem dan Seni Bina Aplikasi dalam industri Perbankan dan telekomunikasi.

Kelayakan

Suhail memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Charles Sturt University, Australia.

Keahlian Jawatankuasa/Pelantikan

Suhail merupakan ahli Lembaga Pengarah Perkhidmatan Perkongsian Maybank; Ahli Lembaga Pengarah MCB Bank Limited; Ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah MCB untuk Strategi & Pembangunan Perniagaan serta Pengurusan Risiko & Semakan Portfolio; Jawatankuasa Pemanduan IT Maybank Filipina.

Beliau juga adalah ahli bersekutu Institut Pengurusan Malaysia; Ahli Persatuan Institut Jurubank Malaysia.

Jawatankuasa Syariah Kumpulan



DR AZNAN HASAN
Pengerusi

- **Profesor Madya, Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)**
- **Presiden, Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam (ASAS)**
- **Timbalan Pengerusi, Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia**

Dr Aznan Hasan merupakan Profesor Madya dalam bidang Perundangan Islam dan bekas Ketua Jabatan Undang-undang Islam, Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau ketika ini juga merupakan Presiden Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam (ASAS), Timbalan Pengerusi, Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan ahli Lembaga Syariah di Institut Perakaunan dan Organisasi Pengauditan Kewangan Islam (AAOIFI).

Beliau sebelum ini merupakan ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia untuk dua penggal (2006-2008, 2010-2013) dan sebelum itu, merupakan Pengerusi Lembaga Penasihat Syariah di ACR Retakaful MEA, Bahrain dan SEA, Malaysia, di mana beliau bertanggungjawab menubuhkan Model ACR Retakaful dari sudut pandangan Syariah.

Ketika ini, beliau berkhidmat sebagai Pengerusi Majlis Penasihat Syariah di Maybank Islamic Berhad dan Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd dan juga sebagai Pengerusi Lembaga Penasihat Syariah di Barclays Capital (DIFC, Dubai). Beliau juga merupakan ahli Lembaga Penasihat Syariah di FNB Bank (Afrika Selatan), ABSA Islamic Bank (Afrika Selatan), European International Islamic Bank (EIIB) (London), Yasaar Limited (London), Khalij Islamic (UK) Limited (London), Cordoba Capital (Dubai), Amanahraya Berhad, Amanah Raya Investment Bank Labuan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan juga lain-lain institusi kewangan dan badan-badan korporat di dalam negara dan di peringkat antarabangsa. Selain itu, beliau juga berkhidmat sebagai Perunding Syariah Maybank Investment Bank dan Hong Leong Islamic Bank selain sebagai pendaftar Penasihat Syariah bagi skim Unit Amanah Islam dan sekuriti Islam (Sukuk) di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Beliau juga adalah ahli Lembaga Penasihat Syariah dan Jawatankuasa Pelaburan, Yayasan Waqaf, entiti korporat yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk meneliti permohonan Wakaf di Malaysia. Selain itu, beliau menasihati Pusat Zakat Selangor, entiti zakat yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk memantau pelaksanaan zakat di negeri berkenaan.

Dr Aznan juga seorang pengarang yang terkenal dalam bidang kewangan Islam dan sehingga kini, telah menghasilkan beberapa buku dan penerbitan dalam jurnal dan telah membentangkan beberapa kertas prosiding di pelbagai acara/persidangan antarabangsa.

Dr Aznan menerima Ijazah pertamanya dalam bidang Syariah dari Universiti al-Azhar pada 1994. Beliau kemudiannya, berjaya menamatkan Ijazah Sarjana Syariah dari Universiti Kaherah dengan kepujian (mumtaz) pada 1998 yang mana tesis beliau telah dicadangkan untuk penerbitan. Beliau telah mendapatkan Ph.D dari University of Wales, Lampeter, United Kingdom pada 2003.



DR AHCENE LAHSASNA
Ahli

- **Profesor Madya, Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF)**

Dr AHCENE LAHSASNA ketika ini merupakan Profesor Madya dan Timbalan Pengarah Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa dan Penerbitan di INCEIF. Beliau juga merupakan penasihat Syariah berdaftar untuk Skim Unit Amanah Islam dan Sekuriti Islam (Sukuk) di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Selain itu, beliau berkhidmat sebagai ahli lembaga Syariah di Maybank Islamic, Etiqa Takaful dan juga sebahagian daripada Majlis Penasihat Syariah untuk Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (MFPC). Dr LAHSASNA juga menduduki panel Akreditasi FAA yang dilantik oleh Agensi Akreditasi Kewangan Malaysia.

Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Undang-undang Islam dan Kehakiman Islam dari Algeria. Beliau juga mendapat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam bidang yang sama dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Dr AHCENE LAHSASNA juga mendapatkan Sijil Profesional Kewangan Islam Bertauliah daripada INCEIF.



DR MOHAMMAD DEEN MOHD NAPIAH
Ahli

- **Profesor Madya, Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)**

Dr Mohammad Deen Mohd Napiah ketika ini merupakan Profesor Madya di Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau berkhidmat sebagai pensyarah selama lebih 25 tahun di UIAM dan merupakan Ketua Jabatan Undang-undang Islam dari 1997 hinggalah dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar) pada 2001.

Sebelum pelantikannya sebagai ahli Jawatankuasa Syariah Maybank pada 2005, beliau merupakan Penasihat Syariah di EON Bank Berhad dari 1997 hingga 2003. Ketika ini, beliau adalah Penasihat Syariah di Amanah Hartanah Bumiputera, Penilai Akademik di Agensi Kualiti Malaysia dan juga ahli Jawatankuasa Kerja untuk Terminologi dan Penamaan Halal di SIRIM. Dr Mohammad Deen juga merupakan Penasihat Syariah berdaftar bagi Skim Unit Amanah Islam dan Sekuriti Islam (Sukuk) dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Panel Jawatankuasa Disiplin, Lembaga Disiplin Peguambela dan Peguamcara di Majlis Peguam Malaysia.

Beliau mendapatkan ijazah pertama Pengajian Syariah dan Islam dari Universiti Kuwait dan memegang Ph.D dari Glasgow Caledonian University, Scotland.

Jawatankuasa Syariah Kumpulan



DR MOHAMED FAIROOZ BIN ABDUL KHIR
Ahli

- **Penyelidik, Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa bagi Kewangan Islam (ISRA)**

Dr Mohamed Fairouz merupakan penyelidik dan Ketua Unit Perbankan Islam di ISRA. Sebelum menyertai akademi berkenaan, beliau berkhidmat di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) selama lapan tahun sebagai pensyarah di Jabatan Ilmu Wahyu Islam dan Sains Kemanusiaan.

Beliau adalah Penasihat Syariah berdaftar bagi Skim Unit Amanah Islam dan Sekuriti Islam (Sukuk) dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Syariah AGRO Bank, MNRB Retakaful dan Takaful Ikhlas.

Beliau memperolehi PhD dan Sarjana Syariah dari Universiti Malaya, dengan pengkhususan dalam bidang Fiqh, Usul al-Fiqh dan Kewangan Islam, serta Ijazah dalam bidang yang sama dari UIAM. Beliau juga mempelajari Syariah di Jordan di bawah program yang diselenggarakan oleh Ulama Syariah Jordan yang terkemuka. Dr Mohamed Fairouz telah dianugerahkan Anugerah Biasiswa Syariah oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk kajian Ph.D dalam bidang kewangan Islam. Beliau terlibat secara aktif dalam penyelidikan berkaitan dengan kewangan Islam. Sebelum ini beliau adalah seorang penasihat Syariah kepada Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF).



DR ISMAIL BIN MOHD @ ABU HASSAN
Ahli

- **Penolong Profesor, Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)**

Dr Ismail bin Mohd @ Abu Hassan, ketika ini merupakan Penolong Profesor, Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau telah berkhidmat sebagai pensyarah di Kuliyyah Undang-undang di UIAM selama lebih 25 tahun dan telah terlibat dalam menulis beberapa kertas kerja berkaitan Undang-undang Syariah, khususnya mengenai Wasiat dan Amanah. Beliau telah menerbitkan beberapa buah buku termasuk "The Legal History of Malaysia", "Estate Planning for Muslims" dan "Isu-Isu Harta Pusaka", "Practical Guide for Financial Planner Vol 1,2,3" dan "Muslim Law in Wealth and Estate Transfer".

Dr Ismail adalah pakar Malaysia yang pertama untuk memberi keterangan dalam kes suling/pertama melibatkan cabaran terhadap keabsahan nuzriah dalam perkara berkaitan harta pusaka di hadapan Mahkamah Tinggi Singapura (melibatkan Wasiat/Nazar bagi Saman Asal Haji Ibrahim 601221). Beliau juga muncul sebagai seorang pakar dalam kes-kes berkaitan harta pusaka di Singapura, Brunei dan Malaysia. Beliau merupakan salah seorang daripada ahli jawatankuasa yang merangka undang-undang Islam bagi Wasiat dan Amanah bagi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Kehakiman Islam Malaysia.

Beliau menduduki kerusi Lembaga Pemegang Amanah untuk Infaq lil Waqf, ANGKASA, dan Ahli Jawatankuasa Syariah bagi Koperasi Angkasa (KOPSYA) ANGKASA. Selain itu, beliau adalah ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Syariah bagi Etiqa Takaful Malaysia. Beliau adalah Penasihat Syariah berdaftar bagi Skim Unit Amanah Islam dan sekuriti Islam (Sukuk) di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan ketika ini adalah Penasihat Syariah kepada Amanah Hartanah Bumiputera and Amanahibah Malaysia.

Beliau merupakan graduan Kepujian Kelas Pertama dalam bidang Syariah dari Universiti Malaya dan diikuti LL.M dalam bidang Undang-undang Perbandingan dari School of Oriental Studies, University of London. Beliau kemudiannya mendapatkan PhD dalam bidang Perbandingan Undang-undang Pembuktian dari Victoria University of Manchester, United Kingdom.



DR MARJAN BINTI MUHAMMAD
Ahli

- **Pengarah Penyelidikan, Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa bagi Kewangan Islam (ISRA)**

Dr Marjan Muhamad, ketika ini merupakan Pengarah Penyelidikan di Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa bagi Kewangan Islam (ISRA). Sejak penglibatan beliau di ISRA, beliau aktif menghasilkan pelbagai kertas penyelidikan dan rencana antarabangsa mengenai Kewangan Islam. Sebelum menyertai ISRA, beliau merupakan tutor di Fakulti Badan Kehakiman dan Undang-undang di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Sebelum dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah Maybank, Dr Marjan merupakan ahli Jawatankuasa Syariah RHB Islamic Bank dari 2011 hingga 2013.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ilmu Wahyu Islam dan Warisan (Fiqh dan Usul al-Fiqh) dari UIAM pada 1998 dan meneruskan Ijazah Sarjana dan PhD di universiti yang sama, kedua-duanya dalam Ilmu Islam dan Warisan Terungkap (Fiqh dan Usul-Fiqh).



USTAZ MOHD KAMAL MOKHTAR
Ahli

- **Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Singapura**

Ustaz Mohd Kamal, ketika ini merupakan Hakim di Mahkamah Syariah Singapura. Sebelum ini, beliau merupakan Penasihat Kanan Syariah dan Penganalisis Penyelidikan di SHAPE Financial Corp. dari 2009 hingga 2013 di mana beliau terlibat dalam pembentukan dana Syariah, penstrukturan sukuk dan juga pemantauan projek di GCC, Amerika Syarikat, Eropah dan Asia Tenggara.

Ketika ini, beliau berkhidmat sebagai ahli bersekutu Majlis Fatwa Singapura bagi membincangkan isu terkini yang melibatkan masyarakat Islam di Singapura. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengiktirafan Asatizah yang memperakui dan mengiktiraf semua guru-guru agama Islam di Singapura. Selain itu, beliau adalah seorang perunding Syariah untuk Dana Basil, Amanah Pelaburan Hartanah Islam yang berpangkalan di Singapura.

Penyelidikan terbaru beliau adalah berkaitan dengan aplikasi amali konsep istijrar, tawarruq, bentuk sukuk, peraturan Islam mengenai pertukaran berkenaan sukuk dan peraturan pasaran modal global.

Ustaz Mohd Kamal menamatkan pengajian di Universiti Nasional Singapura (NUS) dan lulus dengan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Zoologi dan Botani. Beliau mendapat Diploma dalam Bahasa Arab dari Universiti Islam Madina pada 1993. Ini diikuti dengan BA (Kepujian) dalam bidang Hadis dan Pengajian Islam dari Fakulti Hadis pada 1997. Pada 2006, beliau menamatkan Program Latihan Penasihat Syariah yang dianjurkan oleh Persatuan Ulama Islam dan Guru-guru Agama Singapura (PERGAS) dan Institut Kewangan Islam Antarabangsa (IIIF). Baru-baru ini beliau menamatkan Sarjana Sains (Kewangan) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Nota: Ustaz Kamal telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah Kumpulan berkuat kuasa pada 1 September 2015.

Modal Insan Kumpulan



NORA ABD MANAF

Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan

“Perjalanan transformasi kakitangan kami yang menjayakan visi 2015 telah mencatatkan banyak peristiwa penting dalam tempoh tersebut. Pada tahun 2009, budaya penglibatan dan prestasi kakitangan jauh ketinggalan dengan agregat produktiviti kakitangan berada pada kedudukan bawah 25 di kalangan bank-bank utama dan Maybank berada pada kedudukan ke-17 dalam senarai keseluruhan 100 Majikan Peneraju Pilihan Graduan Malaysia. Sejak itu, kami telah mengorak langkah meningkatkan liga kepimpinan dengan mencapai kedudukan teratas sebagai Majikan Terbaik Pilihan Graduan pada tahun 2014 dan tempat ke-2 pada tahun 2015. Kami juga berjaya mengekalkan kedudukan sebagai Majikan Paling Popular untuk Perkhidmatan Perbankan dan Kewangan bagi tahun ke-5 berturut-turut pada tahun 2015 dan merupakan satu-satunya organisasi Malaysia diiktiraf dan tersenarai dalam Syarikat Berprestasi Tinggi, Willis Towers Watson Global untuk tempoh dua tahun berturut-turut pada tahun 2013 dan 2014.”

TINJAUAN

Pada tahun 2015, persekitaran perniagaan yang mencabar telah menguji kemampuan kemajuan yang telah dikecapi dan peristiwa-peristiwa penting dialami selama ini dalam membina organisasi berprestasi tinggi. Ia juga menguji ketahanan daya kerja kami dari segi ketangkasan, kepelbagaian dan tindakbalas terhadap persekitaran yang bergolak, termasuk gangguan dalam industri, untuk menyampaikan visi, misi dan matlamat strategik 2015 Kumpulan. Kami berbangga dengan hakikat ketika berdepan dengan cabaran, kakitangan kami sekali lagi telah mencapai keputusan dan prestasi kewangan yang memberansangkan. Pencapaian utama pada tahun 2015 adalah peningkatan produktiviti daripada inisiatif mampan terhadap tahap-tahap utama produktiviti; pengiktirafan serantau dan kebangsaan sebagai jenama majikan yang kukuh, menarik, dan sebagai majikan pilihan; dan pengesahan amalan terbaik dalam dasar kakitangan, inisiatif tempat kerja dan pelbagai amalan daripada pembangunan bakat, memupuk pembelajaran, sokongan kepelbagaian jantina dan inisiatif kehidupan kerja.

Pada tahun ini, inisiatif kakitangan Modal Insan Kumpulan (GHC) bertujuan untuk mengekalkan tahap penglibatan, mempercepatkan pembangunan keupayaan, mengoptimalkan kos untuk memaksimumkan tahap produktiviti, serta menginstitutionkan operasi kecemerlangan pemikiran dan budaya prestasi tinggi di seluruh Kumpulan. Tumpuan diberikan untuk memastikan GHC terus menghasilkan nilai saranan majikan (EVP) GO Ahead Maybank. EVP kami menggalakkan kakitangan untuk melangkaui melebihi sempadan dan menyumbang kepada organisasi, juga perkembangan profesional dan peribadi mereka, dan selari dengan misi keinsanan kami.

Sorotan Penting 2015

- Tahap produktiviti kami terus menunjukkan trend positif tahun ke tahun untuk kekal fokus dan berdisiplin dalam mencapai matlamat transformasi. Pendapatan bersih setiap kakitangan adalah RM462,116 pada tahun 2015 berbanding RM306,853 pada tahun 2010 dan RM393,924 pada tahun 2014.
- PBT setiap pekerja meningkat kepada RM199,129 pada tahun 2015, meningkat dari RM133,725 pada tahun 2010 dan RM193,695 pada tahun 2014.
- Pendapatan keseluruhan setiap kos kakitangan kukuh 3.68 kali ganda kos setiap kakitangan pada tahun 2015.
- Terus berada pada kedudukan ke-2 teratas dalam senarai keseluruhan majikan paling popular dalam negara dalam Anugerah 100 Teratas Majikan Pilihan Graduan (M100) 2015. Pemenang untuk kategori Majikan Paling Popular Sektor Perkhidmatan Perbankan dan Kewangan untuk tahun ke-5 berturut-turut. Kedudukan pertama pada tahun 2014 dan ke-2 pada tahun 2015 sebagai Majikan Terbaik Pilihan Graduan, meningkat daripada kedudukan ke-17 pada tahun 2009. Diiktiraf mempunyai ‘Inovasi Terbaik di Kampus’ dan ‘Terbaik untuk Pengguna Media Sosial’ bagi platform pengambilan inovatif, Cabaran Maybank “Go Ahead 2015”.



Pn Nora Abd Manaf, Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan Maybank dan kakitangan Maybank berkongsi kegembiraan dengan kemenangan Maybank ketika menerima Anugerah pada Majlis Anugerah Majikan Graduan 2015.

Modal Insan Kumpulan

Sorotan Penting 2015 (Samb.)

- Menerima pelbagai pengiktirafan serantau antaranya seperti Pengurusan Bakat dan Penjenamaan Kakitangan. Anugerah tertinggi yang pernah dimenangi adalah Pemenang Anugerah Utama 'Pengambilan Kakitangan Dalam Terbaik' dan Anugerah Emas untuk 'Pembangunan Penjenamaan Majikan Terbaik' dan 'Inovasi Pengambilan Kakitangan Terbaik' pada Anugerah Pengambilan Kakitangan Asia 2015 untuk Malaysia. Untuk anugerah sama di Singapura, Maybank telah memenangi anugerah Emas untuk 'Program Pengambilan Graduan Terbaik'.



Kakitangan Maybank bangga dengan kemenangan pada majlis penganugerahan itu.

- Pada Anugerah Inovasi HR yang julung kali diadakan di Hong Kong, Maybank memenangi Emas untuk kategori 'Kecemerlangan Penjenamaan Majikan', Emas Bersama untuk kategori 'Kecemerlangan Pengurusan Bakat' dan Perak untuk kategori 'Kecemerlangan Sosial Media HR', 'Kecemerlangan Strategi Pengambilan dan Pengekalan' dan 'Kecemerlangan Pembangunan Graduan'.
- Dalam bidang kepelbagaian jantina dan inisiatif di tempat kerja, bagi tahun ke-2 berturut-turut Maybank memenangi Anugerah Organisasi Malaysia Terbaik pada Majlis Anugerah Kehidupan di Tempat Kerja 2015 untuk kategori Organisasi Malaysia. Dianjurkan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) dan pakar sumber manusia global, Willis Towers Watson dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, anugerah ini mengiktiraf organisasi yang menggabungkan standard global dan memacu komitmen dan petunjuk dalam memperjuangkan kepentingan kepelbagaian dan keterangkuman.

MENJAYAKAN HALATUJU TRANSFORMASI KAKITANGAN

Satu daripada lima teras strategik Bank pada permulaan Agenda Transformasi Kumpulan pada tahun 2008 adalah untuk menjadi empat majikan terbaik untuk bakat. Halatuju GHC diformulasikan pada tahun 2008 menetapkan matlamat strategik ke atas beberapa fasa dalam menjayakan misi dan visi kami.

Perjalanan transformasi Bank untuk menjadi peneraju perkhidmatan kewangan serantau menjelang 2015 termasuk tumpuan usaha dalam membina budaya prestasi tinggi di seluruh Kumpulan, mempercepatkan keupayaan kakitangan dan menawarkan skim jumlah ganjaran holistik dan kompetitif. Kami telah mewujudkan EVP GO Ahead pada tahun 2012 demi menyokong misi menginsankan dan mewujudkan kelainan penjenamaan majikan untuk menarik minat dan mengekalkan bakat. Dasar kakitangan, proses dan sistem kami telah dipertingkatkan untuk menggabungkan amalan global yang bersesuaian supaya kami dapat bersaing dengan jayanya dengan organisasi serantau dan global.

BAKAT & KEPIMPINAN

Rangka kerja Pengurusan Bakat kami yang mantap memastikan kami sentiasa memiliki sejumlah bakat dengan terus menarik, membina dan mengekalkan bakat yang sesuai. Pelbagai pendekatan berstruktur telah diterapkan ke dalam Proses Pengurusan Bakat, antaranya perancangan beberapa program seperti ulasan pelbagai bakat, pengurusan prestasi dan pembelajaran dan pembangunan. Pendekatan ini membolehkan kami mengenalpasti kekuatan, kelemahan dan jurang kritikal selain pelan pembelajaran dan pembangunan yang sesuai untuk semua peringkat kakitangan.

Kami memperkenalkan semakan bakat pelbagai peringkat bermula tahun 2009 merangkumi sektor, negara dan Kumpulan. Semakan ini memberikan kami maklumat tentang pandangan terhadap bakat berkaitan seperti kajian mendalam tentang bakat, tahap kekuatan seperti yang berpotensi tertinggi dan pengganti demi memenuhi keperluan di masa hadapan. Pasukan Kepimpinan kami mengambil peranan aktif dan setiap tahun, kami memperoleh markah penyelesaian penuh 100% untuk ulasan ini. Pada tahun 2015, kami telah memulakan latihan kemahiran inventori untuk kakitangan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan melalui platform HR atas talian (myHR2u) bertujuan menjadikan pangkalan data kakitangan semakin kukuh - sekali gus membolehkan pembangunan dan perancangan bakat dilakukan dengan lebih berkesan dan tepat.

Proses mengenalpasti kelompok bakat kami diteruskan untuk setanding dengan prestasi tertinggi organisasi global sejak tahun 2013. Tanda aras berbanding standard serantau dan global Institut Saratoga pada tahun 2014 telah menjadikan kami Pengamal Terbaik Global untuk enam daripada sembilan aspek dan selebihnya untuk Amalan Baik.

Sejak transformasi pada tahun 2009, papan kenyataan kakitangan kami untuk Pengurusan Bakat telah bertambah baik dengan banyaknya. Realisasi penggantian melebihi 70% (daripada lebih 30% pada tahun 2009) di atas aras global sebanyak 55%. Sebagai sebahagian daripada komitmen kami dalam memenuhi lapan daripada setiap 10 kekosongan jawatan melalui bakat dalaman, pelantikan dalaman berada pada 68% pada tahun 2015.

Pengganti yang telah bersedia, meningkat daripada 26% pada tahun 2008 kepada 34% pada tahun 2015. Kadar pengekalan utama meningkat daripada bawah 40% pada tahun 2008 kepada 85.6% pada tahun 2015. Kadar kehilangan kakitangan yang dikesali hampir sebanyak 50% pada tahun 2009 dan menurun kepada 15% pada tahun 2015, di mana ia berada 25% di bawah penanda aras global.

Pada tahun ini, kami terus menyemai inovasi dalam proses pengambilan dengan memanfaatkan platform teknologi dan media sosial. Pada tahun 2015, selain daripada pameran kerjaya dan pameran bergerak, lebih separuh daripada pengambilan peringkat kemasukan telah dilakukan melalui media sosial. Profesional muda telah diambil melalui laman rasmi Facebook, Instagram, LinkedIn dan juga saluran YouTube Kumpulan.

Nisbah Penerimaan Tawaran Pekerjaan untuk graduan baru adalah 90% pada tahun 2011 dan 97% pada tahun 2015, lebih tinggi daripada aras global sebanyak 85%.

Kami terus menawarkan pelbagai program pembangunan modal insan yang dibangunkan sendiri sebagai sebahagian daripada persediaan penggantian untuk menyediakan kakitangan dengan peranan berbeza. Program-program ini membentuk halatuju masa depan kerjaya dan menyumbang kepada pengekalan jangka panjang dan perancangan penggantian Kumpulan. Program-program ini disesuaikan untuk melengkapkan kakitangan dengan kemahiran menyesuaikan diri dengan segera juga menyediakan mereka untuk memimpin di masa hadapan. Program-program pembangunan modal insan termasuk yang berikut:

- Program Berkesan Pasukan Utama, merupakan program 24 bulan, yang dijayakan oleh Kumpulan EXCO masing-masing untuk mengukuhkan keberkesanan pasukan mereka. Pada tahun 2015, seramai 55 pemimpin terlibat dalam program ini.
- Program membangunkan kepimpinan, program dua tahun Keadilan Kecepatan Bakat Strategik (STAR) memasuki tahun ke-2 pada tahun 2015. Program ini bertujuan untuk mempercepatkan kesediaan kepimpinan kanan sebagai pengganti Kumpulan EXCO.

Modal Insan Kumpulan

Seramai 45 peserta daripada seluruh Kumpulan menghadiri bengkel pembelajaran yang dikendalikan oleh ahli akademik, pemikir industri dan perniagaan dari universiti-universiti ternama seperti Harvard Business School. Program ini membawa para peserta ke tiga pusat kewangan dunia di mana Maybank beroperasi, iaitu di Singapura, China dan Amerika Syarikat untuk pendedahan kepada persekitaran dan cabaran perniagaan. Sebanyak 55% peserta program STAR terdiri daripada golongan wanita dan 58% telah dikenal pasti sebagai pengganti EXCO manakala selebihnya untuk misi jawatan penting lain.

- Peralihan Pemimpin kepada Ketua Pegawai Eksekutif (TLC) adalah program tiga tahun yang menyediakan bakat utama untuk mengambil alih peranan seperti CEO. Semenjak 2015, 82 orang peserta telah menamatkan program dan 41 orang peserta (di bawah Kumpulan 6-7) sedang menjalani program ini. Kira-kira 60% daripada mereka telah berkembang dengan mengambil alih peranan lebih besar atau maju dalam peranan lain sejak mulanya perjalanan TLC mereka. Sebanyak 21% daripada keseluruhan peserta TLC adalah peserta antarabangsa iaitu dari Singapura, Filipina, Thailand dan Indonesia, dan 40% adalah wanita.
- Program Bakat Bersepadu Berpotensi Tinggi (HIP) adalah untuk bakat utama di peringkat eksekutif. HIP bertujuan untuk membangun dan melengkapkan bakat muda dengan keupayaan kepimpinan sebenar demi menyediakan mereka untuk mengambil alih peranan yang lebih besar dan luas juga mengekalkan bakat terbaik. Sehingga kini, lebih daripada 750 Gen Y berpotensi tinggi adalah dalam HIP dan 120 telah menamatkan program ini. Golongan wanita telah menjadikan bakat HIP kepada 55%. Program ini juga telah berjaya melangkah jauh ke peringkat serantau, dan dikendalikan di Malaysia, Indonesia dan Filipina.
- Program Perantis Maybank Global (GMAP), program penggiliran tugas dua tahun ini menawarkan pembangunan terbaik menawarkan latihan sebenar, tugas antarabangsa ke pejabat di mana Maybank beroperasi dan kemasukan ke HIP. Ia diiktiraf sebagai peserta akhir kategori Program Pelatih Pengurusan Terbaik pada Majlis Anugerah M100 2015. Kadar pengkekal bakat GMAP adalah 90%. Bakat GMAP diambil daripada pelbagai latar belakang pendidikan, dengan hampir 10% daripada bidang bukan perbankan. Golongan wanita menjadikan bakat GMAP sebanyak 44% dan kepelbagaian komposisi telah berkembang daripada satu warganegara pada tahun 2008 kepada 14 warganegara ketika ini. Calon-calon GMAP telah menjadikan 39% petugas antarabangsa seluruh Kumpulan. Program GMAP Plus diperkenalkan pada tahun 2014 menaja mereka yang bercita-cita untuk menjadi Akauntan Bertauliah dengan Institut Akauntan Bertauliah England dan Wales (ICAEW), tanpa ikatan bon mahupun kontrak.
- Program Pengurusan Cawangan Peringkat Kemasukan (BMELP) melatih pengurus cawangan yang bercita-cita untuk Perkhidmatan Kewangan Komuniti (CFS). BMELP menyediakan pengalaman latihan intensif dalam pengurusan cawangan termasuk ditempatkan di cawangan selama dua tahun. Sehingga kini, kami mempunyai lapan program melibatkan 164 bakat menyertai skim latihan sebagai Pengurus Cawangan/ Pusat dalam tempoh lima tahun akan datang. Seramai 43% peserta terdiri daripada golongan wanita.
- Program pembangunan pakar ditawarkan untuk meningkatkan dan mengasah set kemahiran penting kakitangan untuk melaksanakan peranan mereka dengan berkesan. Program-program ini adalah seperti berikut:
 - o Program Perancangan Kredit 18 minggu yang menaja kakitangan untuk menjadi profesional kredit.
 - o Program Pelatih Pasaran Global, di mana setelah menamatkan program setahun pelatih akan dihantar ke hab dagangan kewangan global kami.
 - o Program Perbankan Global untuk kakitangan yang berminat dalam operasi Perbankan Pelaburan. Program dua tahun ini termasuk Tugas Antarabangsa ke unit perniagaan yang sepadan di operasi Maybank luar negara.
 - o Program Perancangan Risiko IT menyediakan kakitangan untuk kerjaya dalam bidang berkaitan unit risiko dan teknologi maklumat.
 - o Program Berkaitan Syariah menaja Mahasiswa dan Lulusan Ijazah melanjutkan pengajian dalam bidang Syariah atau Kewangan Islam. Mereka di bawah program ini akan ditempatkan di Perbankan Islam Kumpulan Maybank.

- o Melalui Program Peralihan Kerjaya (CTP), Maybank merupakan satu daripada hanya beberapa organisasi yang memiliki program berstruktur untuk memperbaiki dan meningkatkan kemahiran kakitangan yang berlebihan disebabkan oleh perubahan organisasi yang membawa kepada sumber tambahan bakat di Bank. Dari tahun 2013 ke 2015, seramai 340 kakitangan telah menamatkan program ini dan ditugaskan ke peranan baharu dalam organisasi.

Sebahagian daripada komitmen Bank kepada pembangunan sosio-ekonomi Negara, kami telah mengambil bahagian dalam beberapa program berikut:

- Program Latihan Amali Maybank di bawah Skim Latihan 1Malaysia (SLIM), yang menyokong inisiatif kerajaan untuk meningkatkan pengambilan siswazah menganggur. Para pelatih akan menjalani pengalaman bekerja melalui latihan kerja sebenar dan giliran kerja dibimbing oleh penyelia. Semenjak 2011, Maybank telah melatih seramai 431 orang pelatih. Sehingga kini, 28% telah diserap menjadi kakitangan tetap di Bank.
- Program Latihan Amali ASEAN memanfaatkan Komuniti Ekonomi ASEAN. Sebahagian daripada Program Latihan Amali ASEAN telah dilancarkan pada Januari 2015. Program ini adalah kerjasama antara Kementerian Perdagangan dan Industri dengan TalentCorp untuk meningkatkan kesedaran di kalangan belia ASEAN. Para pelatih terdiri daripada penerima biasiswa Maybank dan pelajar universiti, menjalani latihan amali untuk tempoh minimum dua bulan di mana-mana pejabat Maybank di negara-negara ASEAN. Sehingga kini, 14 orang pelatih telah diambil dan bekerja di pejabat-pejabat kami di Kemboja, Indonesia, Filipina, Singapura, Vietnam dan Malaysia. Program ini melengkapkan peluang sedia ada yang lebih luas untuk kakitangan kami berkhidmat di seluruh 19 negara, mengukuhkan lagi pelbagai peringkat mobiliti tugas, dengan peningkatan sebanyak 33% daripada tahun 2014. Tugas dan penempatan pelatih ini merupakan elemen utama pembelajaran berasaskan pengalaman dalam teras geografi kami terutamanya ASEAN.

Anugerah Biasiswa Kumpulan Maybank dan Cabaran GO Ahead Maybank 2015 adalah sebahagian daripada usaha kami melabur dalam keperluan masa hadapan modal insan serantau. Skim Biasiswa kami menawarkan peluang belajar pelbagai disiplin kepada pelajar cemerlang daripada keluarga berpendapatan rendah. Pada tahun 2015, kami menerima 10,000 permohonan, peningkatan 11% daripada tahun 2014. Berdasarkan proses pemilihan yang ketat, kami telah menganugerahkan biasiswa kepada 66 orang pelajar yang terpilih.

Anugerah Biasiswa 2015 mencatatkan kejayaan penting apabila kami turut menaja pelajar cacat penglihatan. Di bawah kategori penajaan khas khusus untuk pelajar cemerlang daripada keluarga berpendapatan di bawah RM24,000 setahun, 16 penerima diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran dalam pelbagai disiplin seperti perubatan, seni bina dan pendidikan, seperti tersenarai di bawah Program Transformasi Ekonomi Kebangsaan Malaysia.

Kami juga membiayai 152 pemegang biasiswa sedia ada (55% adalah wanita) yang terdiri daripada penuntut-penuntut tahun dua, tiga dan empat pengajian. Jumlah biasiswa dibayar di Malaysia untuk tahun 2015 melebihi RM14 juta. Di Indonesia, Maybank Indonesia telah menawarkan biasiswa kepada para pelajar kurang bernasib baik daripada 33 wilayah untuk melanjutkan pengajian di universiti-universiti terbaik di Indonesia, Malaysia dan Singapura, sebagai komitmen kami untuk merapatkan komuniti ASEAN.

Cabaran GO Ahead Maybank 2015 (MGAC) terus menjadi platform pengambilan kakitangan inovatif untuk mengesan pelbagai bakat global. Sejak dilancarkan pada tahun 2012, ia telah meningkatkan taraf dari segi minat baru, aktiviti dan tempoh ia dilangsungkan. Peningkatan penyertaan tahun ke tahun telah membuktikan banyak permintaan terhadap program ini, dan pengukuhan jenama Maybank. Pada tahun 2012, ia telah menarik 1,000 permohonan, meningkat kepada 5,000 pada 2013 dan 10,000 pada tahun 2014. Dalam edisi 2015, permohonan meningkat dua kali ganda kepada 23,000 daripada lebih 100 warganegara. Peringkat kampus berganda kepada 27 dari seluruh rantau berbanding 13 pada tahun 2014.

Modal Insan Kumpulan

Cabaran ini termasuk elemen tanggungjawab korporat dan ujian di luar lingkungan kualiti akademik dan kepimpinan. Komponen baharu ketahanan fizikal telah diperkenalkan untuk mengesan bakat serba boleh sejajar dengan tajuk cabaran “#morethanachallenge”. Maybank adalah di antara beberapa organisasi serantau yang menggalakkan cabaran perniagaan khususnya untuk pelajar universiti dan menarik minat bakat di rantau ini untuk menyumbang kepada pertumbuhan dinamik Maybank dan Asia.



Para pemenang bertuah Cabaran GO Ahead Maybank 2015.

Dua kategori baharu telah diperkenalkan dalam Pusingan Akhir, iaitu ‘Pencabar Kegemaran Ramai’ dan ‘Pasukan Kegemaran Orang Ramai’ (undian umum). Pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga untuk Pencabar Terhebat GO Ahead dianugerahkan percutian ditanggung penuh ke New York, London dan Hong Kong, setiap satu. Pasukan Juara dan Pencabar Terhebat GO Ahead berpeluang untuk bekerja dengan pemimpin terbaik di bawah Program TLC. Hadiah cabaran untuk pasukan-pasukan teratas berupa wang tunai – AS\$40,000 kepada Juara, AS\$20,000 kepada naib juara dan AS\$10,000 kepada pemenang ke-3. Para peserta akhir global MGAC 2015 berpeluang menerima pas laluan masuk ke dalam program GMAP Maybank. Kira-kira 80% daripada para peserta akhir 2015 ini adalah sebahagian daripada organisasi dalam pelbagai jawatan dalam Kumpulan.

Peringkat Akhir Global 2015 adalah cabaran selama 12 hari bermula pada 17 Ogos 2015 dan berakhir pada 29 Ogos 2015, membawa seramai 60 para peserta akhir ke dua bandar besar, iaitu Jakarta dan Kuala Lumpur untuk mengalami sendiri persekitaran berlainan di negara Maybank beroperasi. MGAC 2015 menarik lebih 4,700 pos dan lebih daripada 43,000 penglibatan dalam pelbagai platform media sosial. Ia merangkul anugerah utama pada Majlis Anugerah M100, memenangi kategori ‘Inovasi Kampus Terbaik’ untuk dua tahun berturut-turut pada tahun 2014 dan 2015 juga kategori ‘Penggunaan Media Sosial Terbaik’. Ia juga memenangi anugerah kategori ‘Pengambilan Serantau Terbaik’ dan ‘Pengambilan Inovasi Terbaik’ pada Majlis Anugerah Pengambilan Asia 2015 Malaysia.

PEMBELAJARAN ORGANISASI

EVP GO Ahead menggalakkan kakitangan bertanggungjawab sendiri untuk meningkatkan kemahiran diri, meluaskan atau memikul tanggungjawab baharu yang lebih mencabar, bergilir-gilir peranan dan tugas antarabangsa. Kepentingan pembangunan peribadi dikukuhkan dengan pembahagian nisbah 70:20:10 dalam falsafah pembelajaran berasaskan pengalaman: melatih, pementoran dan hubungan kerja: pembelajaran formal. Kurikulum ini mengambilkira setiap perincian keperluan pembelajaran kakitangan dalam Pelan Pembangunan Peribadi (PDP) mereka, yang merupakan komponen utama dalam pengurusan prestasi.

Untuk tahun 2015, jumlah bajet pembelajaran Kumpulan adalah sebanyak RM114 juta. Bajet pembelajaran kami di Malaysia sentiasa berada pada tahap lebih tinggi daripada keperluan undang-undang Bank Negara Malaysia. Perbelanjaan latihan kakitangan untuk Bank berbanding jumlah kasar gaji adalah 2.74%, melebihi standard minimum BNM sebanyak 2.5%. Purata hari latihan untuk setiap kakitangan seluruh Kumpulan adalah 5.4 hari, melebihi aras Persatuan Pembangunan Bakat iaitu 3.81 hari.

Portal pembelajaran utama kami, MyCampus, menyediakan akses dalam talian sepanjang masa untuk mempelbagaikan program pembelajaran dan pembangunan. Semenjak

diperkenalkan pada tahun 2005, kami telah melihat trend menaik yang ketara terhadap penggunaan pembelajaran elektronik (e-Learning). Pada tahun 2015, kami telah mencapai lebih 387,900 jam pembelajaran, iaitu peningkatan tujuh kali ganda daripada 54,800 jam pembelajaran pada tahun 2011. Pada tahun 2016, kami akan menaik taraf MyCampus untuk menyediakan standard pengalaman penggunaan yang lancar di seluruh dunia.

Di bawah Program Eksekutif Hebat Maybank, Pengurus Hebat Maybank dan Pemimpin Hebat Maybank, 907 bakat utama telah didaftarkan pada tahun 2015 yang mana 60% adalah wanita. Sukatan pembelajaran untuk setiap program ini termasuk Pencarian Kecekapan Pemimpin Maybank (visi strategik, penglibatan dan pembangunan bakat, semangat pencapaian, memupuk hubungan, tumpuan pelanggan dan perubahan inovasi) dan kecekapan Pencarian Plus (iaitu kepintaran global, mengemudi kerumitan dan meningkatkan taraf) untuk kakitangan kami menjadi lebih tangkas, fleksibel dan dapat menyesuaikan diri dengan cabaran. Program siri pembelajaran yang memberi inspirasi dan menarik ini menyediakan ciri pembangunan intervensi yang lebih luas dan mendalam terhadap perjalanan kerjaya kakitangan. Program yang dirangka daripada setengah hari kepada satu hari sesi pembelajaran dikendalikan oleh guru pengurusan terkemuka, pakar kepimpinan dan pemimpin pemikiran global. Antara program siri pembelajaran utama adalah:

- **Pemimpin Mengajar Pemimpin**, merupakan program di mana pemimpin utama kami mencarta halatuju yang jelas, menetap dan menjelaskan jangkaan juga meningkatkan penglibatan kakitangan dalam menyampaikan misi dan visi. Melalui sesi pertemuan ini, kakitangan dapat mengalami bimbingan langsung daripada pemimpin utama Kumpulan Maybank. Antaranya Pertemuan Pembelajaran Kumpulan EXCO, Majlis Makan Tengah Hari Bersama Pemimpin, Siri Temubual dan Sesi dialog. Lebih 300 sesi telah dikendalikan pada tahun 2015.
- **Siri Guru**, sesi pembelajaran separuh hari di mana penceramah berkongsi pandangan mereka tentang pelbagai disiplin. Antaranya gaya kepimpinan, strategi, pengurusan risiko, tumpuan pelanggan, produktiviti dan kepintaran global. Antara penceramah terkemuka pada tahun 2015 adalah YB Khairy Jamaluddin, Menteri Belia dan Sukan Malaysia, YBhg Dato’ Seri Shazalli Ramly, CEO, Celcom Axiata Berhad, Red Hong Yi, artis Malaysia terkenal di peringkat antarabangsa, Kevin Gaskell, Bekas Pengarah Urusan BMW dan Porsche, dan Lewis Pugh, aktivis alam sekitar dan perenang. Sebanyak 10 sesi telah dianjurkan pada tahun 2015 dengan jumlah kehadiran seramai 2,535 orang peserta.
- **Siri Pandangan Penyelidikan Kepimpinan** menampilkan para penyelidik antarabangsa yang berkongsi penemuan mereka tentang kepimpinan dan tema korporat seperti trend sumber manusia dan cabaran CEO global. Sebanyak empat sesi dianjurkan pada tahun 2015 dengan kehadiran seramai 234 orang peserta.
- **Siri Pakar Teknikal** memberi tumpuan kepada pandangan teknikal bersesuaian dengan subjek utama iaitu Modal Insan, Penawaran Awam Permulaan, Bicara Hartanah, Profil dan Perisikan Forensik dan Pemasaran. Pada tahun 2015, lebih daripada 600 kakitangan menghadiri 7 sesi.
- **“Bersama Penulis”** merupakan platform untuk kakitangan menimba pengalaman daripada penulis tempatan dan antarabangsa. Mereka terdiri daripada Sheila Wong, Ricky Wong, Vincent Kellsey dan Raymond Phoon.
- **Majlis Makan Tengah Hari Bersama Pemimpin** merupakan platform kepada pemimpin Maybank dan kakitangan berprestasi tinggi berkongsi pandangan mereka tentang perkara-perkara yang disukai dalam gaya santai TED-talk. Pada tahun 2015, 10 kakitangan telah mengambil bahagian dan seramai 297 peserta menghadiri sesi ini.
- **Siri Bimbingan Harvard** adalah program pembelajaran dalam talian baharu dilancarkan pada Jun 2015 menampilkan 44 modul sendiri menerangkan secara menyeluruh tentang isu-isu berkaitan kepimpinan terhadap diri sendiri, orang lain dan organisasi demi meningkatkan prestasi dan keputusan. Pada tahun 2015, lebih 1,000 kakitangan mendaftar dalam program ini.

Modal Insan Kumpulan

- Pembelajaran berdasarkan webinar adalah program dalam talian yang diadakan pada setiap bulan, memberikan kakitangan untuk berinteraksi dengan pakar-pakar penyelidikan dan pemikir secara dalam talian. Pada tahun 2015, sebanyak 12 program pembelajaran dibantu dengan GHC telah diadakan dan dihadiri oleh seramai 348 orang kakitangan. Topik-topik pembelajaran termasuk memacu prestasi unggul, membina kakitangan berprestasi tinggi, perkhidmatan pelanggan dan inovasi.
- The Book Club adalah inisiatif baharu dilancarkan dalam tahun 2015 untuk menanam budaya minat membaca dalam organisasi. Ia menyediakan peluang kepada kakitangan untuk turut serta membincangkan pembelajaran utama daripada pembaca baik daripada penulis terkemuka juga kesukaan ramai. Antara buku-buku yang dibincangkan adalah 'I am Malala' oleh Malala Yousafzai, 'Who Moved My Cheese' oleh Spencer Johnson dan 'The Alchemist' oleh Paulo Coelho.

Ketika Kumpulan Maybank meneroka peluang dalam persekitaran operasi dan lokasi berlainan serta berupaya menyediakan penyelesaian kewangan yang lebih bermakna kepada kepelbagaian keperluan pelanggan, kami turut berusaha memastikan kakitangan kredit kami memperoleh teras kecekapan dan kemahiran kredit. Ini melalui sijil profesional untuk meningkatkan keupayaan mereka melindungi aset Bank dan menyediakan penyelesaian sesuai untuk pelanggan. Dalam tahun ini, kami bekerjasama dengan penyedia akreditasi diiktiraf antarabangsa dan melebarkan program sijil kredit kami kepada seluruh cawangan antarabangsa demi memastikan pendekatan yang seragam dan konsisten dalam pengurusan dan analisis kredit, juga pematuhan kepada keperluan tempatan di seluruh Kumpulan.

Di Malaysia, kami melaksanakan Pensijilan Kredit Profesional oleh Institut Bank-bank Bertauliah Asia untuk kakitangan kredit teras. Pada tahun 2014, kami menetapkan aras industri apabila mencapai 100% pensijilan untuk kakitangan kredit teras di Malaysia. Kami berjaya mencapai 100% pensijilan untuk kakitangan kredit teras di seluruh Kumpulan pada Disember 2015.

Kami juga telah menerajui pensijilan untuk segmen Runcit PKS untuk seramai 100 orang kakitangan di seluruh ASEAN, iaitu Malaysia, Indonesia, Kemboja, Singapura dan Filipina pada Disember 2015 dan ianya masih lagi dalam penambahbaikan.

Untuk tahun 2016, kami akan memberi tumpuan terhadap pensijilan Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa melalui kerjasama dengan Dewan Perdagangan Antarabangsa dengan penglibatan seramai 700 orang kakitangan di seluruh Kumpulan. Bahagian lain yang turut diberi tumpuan adalah seperti meningkatkan kemahiran kakitangan di setiap cawangan demi mengukuhkan kepatuhan dan budaya risiko.

Kecemerlangan Operasi (OE) diterapkan dalam minda setiap kakitangan baharu kami yang menyertai Program Induksi Kumpulan Maybank untuk mereka melibatkan diri ke tahap pengurusan pertengahan dan kanan. Modul pembelajaran dalam talian "Lean" telah diperkenalkan pada April 2015 dan memperoleh pencapaian sebanyak 95% di seluruh Kumpulan. Kami juga telah melancarkan bengkel Lean kepada seramai 142 orang kakitangan untuk meningkatkan kepakaran OE dalaman. Seramai lapan orang pemimpin daripada seluruh Kumpulan telah berjaya menyelesaikan Program Kecemerlangan Operasi Utama Atas Talian Eksekutif Sloan MIT dan kami berjaya menubuhkan sembilan pelatih "Lean Maybank" untuk menambahbaik OE ke seluruh Kumpulan.

Bagi memacu budaya melatih di seluruh Kumpulan dengan berkesan, kami menyediakan pelatih dalaman bertauliah untuk menganjurkan bengkel kejurulatihan dan melibatkan diri dengan para pemimpin dan ketua pasukan untuk menyelaraskan mereka dengan budaya dan wawasan Kumpulan serta menjana prestasi. Dalam tahun yang sama kami telah melancarkan Rangka Kerja Latihan, Model dan Halatuju Kejurulatihan untuk setiap pemimpin Maybank. Siri Pakar Teknikal dan Perbualan Latihan dengan Pelatih terkemuka telah diadakan untuk seramai 160 orang pengurus peringkat pertengahan. Program latihan selama dua hari tentang Latihan untuk Berjaya telah diadakan untuk seramai 480 orang pengurus peringkat pertengahan di Malaysia. Demi mengukuhkan kompetensi melatih untuk pengurus peringkat pertengahan, beberapa program kejurulatihan berjaya diadakan untuk sepanjang tahun kewangan. Peningkatan bilangan jurulatih ini akan mengukuhkan lagi budaya melatih dalam organisasi.

Bagi menyediakan kakitangan di Malaysia dengan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dilaksanakan pada 1 April 2015, GHC dengan kerjasama daripada Kumpulan Kewangan membangunkan modul pembelajaran GST dalam talian. Ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran dan memastikan kelancaran pelaksanaan projek GST Bank. E-Pembelajaran GST telah mencapai kadar selesai kakitangan tertinggi sebanyak 99.5% dengan 100% kadar selesai di seluruh cawangan dan setiap kakitangan yang menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan, di Malaysia.

Untuk tahun kedua berturut-turut, kami telah menganjurkan cabaran "Maybank Elevator Pitch" (MEPC) demi mewujudkan kumpulan kakitangan yang mampu untuk menyuarakan pendapat mereka dengan ringkas, padat dan boleh dilaksanakan pada tahap produktiviti maksimum pada masa yang sama turut melibatkan pelbagai pihak berkepentingan. Daripada 32 orang peserta pada tahun 2014, MEPC menyaksikan peningkatan peserta seramai 72 orang pada tahun 2015 menjalani sesi latihan untuk membina kemahiran dan pengetahuan yang betul. Seramai 12 bakat berjaya melepasi cabaran hingga ke peringkat akhir untuk membentangkan idea-idea kemenangan mereka dalam Cabaran Bilik Lembaga kepada Naib Pengerusi, ahli Kumpulan EXCO dan para pemimpin kanan. Idea-idea ini disalurkan kepada pasukan yang sewajarnya untuk di pertimbangan daya majunya.

Pada 2016, kami akan memberi tumpuan untuk terus meningkatkan keupayaan kepimpinan, menerapkan budaya melatih, meningkatkan pensijilan untuk para pegawai kredit dan menggalakkan peningkatan sendiri dan pembelajaran aktif menerusi e-pembelajaran. Program pembelajaran kami akan diselaraskan untuk pelbagai cara kerja baharu selaras dengan fasa seterusnya pertumbuhan dan visi Kumpulan Maybank.

PENGUKUHAN TINGKAHLAKU DAN NILAI

Ketika Bank memulakan agenda transformasi pada tahun 2008 kami mengukuhkan budaya menyebarkan visi 2015 dan misi menginsankan. Nilai korporat kami termaktub dalam singkatan T.I.G.E.R yang bermaksud Kerja Berpasukan, Integriti, Pertumbuhan, Kecemerlangan dan Kecekapan dan Pembangunan Hubungan merupakan nilai kekitaan dalam Maybank yang turut menyediakan garis panduan yang jelas kepada kakitangan dan menyelaraskan mereka dalam semua perkara yang dilakukan demi mencapai satu matlamat. Nilai T.I.G.E.R membentuk peribadi kami juga memandu tingkahlaku kami di tempat kerja dan semasa berinteraksi dengan pihak-pihak berkepentingan.

Setiap tahun, kami mempunyai pelbagai kempen menarik untuk menggalakkan kakitangan menghayati nilai-nilai teras dan mengekspresikan pemahaman mereka tentang nilai teras secara kreatif. Pada tahun 2015, kami dibina di atas program "Groundswell Value" di seluruh Kumpulan, yang telah dimulakan pada tahun 2014. Memandangkan peranan penting seorang pengurus sebagai pemimpin dalam membentuk dan mengukuhkan budaya, pengurus memperjuangkan kempen bertemakan 'Hidupkan Nilai, Berkhidmat Dengan Ikhlas'. Kempen ini direka untuk menggalakkan semua pasukan untuk mempunyai perbualan yang lebih bermakna juga menunjukkan tingkahlaku yang betul demi merangsang kesan positif dalam organisasi, iaitu peningkatan produktiviti dan berorientasikan pelanggan. Dalam kempen ini, kakitangan kami telah mengenalpasti dan bertindak segera pada tiga bidang utama dalam memperbaiki cara kerja dan membolehkan pasukan mereka memberikan prestasi pantas dan cemerlang. Konsep bercerita juga digabungkan dalam kempen ini dengan tujuan untuk memberi inspirasi kepada satu sama lain untuk meningkatkan prestasi kecemerlangan masing-masing. EXCO Kumpulan dan sektor/pemimpin unit turut berkongsi pengalaman peribadi tentang topik berkaitan dalam buku panduan dalaman, demi menekankan pembelajaran berkesan dan mempercepatkan perubahan tingkahlaku. Kami menerima lebih 800 pembelajaran peribadi serta cerita daripada kakitangan seluruh Kumpulan melalui kempen yang dijalankan ini.

Modal Insan Kumpulan

Diketuai oleh GPCEO dan EXCO Kumpulan menerusi sesi Pemimpin Mengajar Pemimpin (LTL), yang dianjurkan dua kali sebulan penceritaan oleh kakitangan adalah komunikasi penting yang terapkan dalam semua inisiatif penglibatan. Sambutan ulang tahun ke-55 Maybank adalah satu inisiatif penting untuk meningkatkan semangat berpasukan, semangat kekitaan dan taat setia kepada organisasi dan jenama Maybank. Pada majlis sambutan ulang tahun yang diadakan pada 22 September, semua kakitangan di serata dunia menyambut dengan keunikan cara masing-masing bersama-sama rakan sekerja juga para pelanggan. Di ibu pejabat Kuala Lumpur, sambutan diadakan pada waktu makan tengah hari yang telah menarik seramai 4,000 orang kakitangan turut serta bersama-sama Lembaga Pengarah dan ahli kumpulan EXCO untuk meraikan ulang tahun ini. Selama empat minggu, seluruh kakitangan di setiap tempat kami beroperasi berkongsi kemeriahan melalui saluran komunikasi Maybank, dan bagaimana nilai dan misi Maybank telah merubah kehidupan peribadi dan profesional mereka.

Bank mempunyai kekuatan tersendiri dan sangat menghargai tradisi peranan ahli kumpulan EXCO dan pasukan kepimpinan mereka dalam mengetuai pembentukan budaya organisasi. Ahli kumpulan EXCO dan pasukan kepimpinan mengambil langkah aktif dalam Siri Pemimpin "Leaders On-the-Go" (LOTG), sepanjang tahun. LOTG terdiri daripada tinjauan mesra spontan pihak pengurusan, Pemimpin "Mendekati dan Memberi Semangat" (ROAR) dengan lawatan ke cawangan/pusat di mana terdapat penglibatan aktif kakitangan dan pelanggan dan "Pemimpin Berkongsi Pengalaman", di mana pemimpin dan kakitangan berpengalaman Maybank bersama-sama memahami tugas dan peranan dengan lebih terperinci. Melalui platform ini, pemimpin kami boleh mempelajari juga memahami pekerja-pekerja di belakang tabir, mempelajari cabaran profesional, mengurangkan jurang atau menghapuskan halangan, mengiktiraf prestasi luar biasa dan berkongsi amalan kerja terbaik di seluruh organisasi. Maklum balas yang diperoleh daripada inisiatif ini disalurkan semula kepada pemilik perniagaan untuk bertindak balas, menjejak dan menutup jurang komunikasi. Para pemimpin kami mengemukakan komunikasi terbuka melalui forum Tanya Pengurusan Kanan (ASM), satu platform maklum balas dalam talian di mana setiap kakitangan boleh menulis kepada EXCO Kumpulan. Pada tahun 2015, sebanyak 107 maklum balas diterima melalui forum ASM dan tindakan sewajarnya telah pun diambil. Kami telah menerima lebih 1,100 maklum balas sejak penubuhannya enam tahun lalu.



Datuk Abdul Farid Alias, Ketua Pegawai Eksekutif dan Presiden Kumpulan Maybank berkongsi prestasi kewangan kumpulan pada sesi taklimat suku tahunan PCEO Kumpulan.

Setiap tahun, ahli EXCO Kumpulan juga meluangkan banyak masa dengan kakitangan Maybank melalui dialog berkesan dalam siri temubual dan pelbagai inisiatif penglibatan kepimpinan seperti taklimat diseluruh kumpulan dan sektor. Kakitangan diberi peluang untuk bekerjasama dalam kumpulan membentangkan idea-idea dan penyelesaian perniagaan kepada Pengerusi dan ahli EXCO Kumpulan pada sesi temubual ini. Platform penglibatan ini membenarkan para pemimpin kami untuk terus melatih kakitangan menjadi lebih produktif, berkesan dan bekerjasama demi kejayaan perniagaan. Pada tahun 2015, sebanyak 44 sesi temubual bersama Pengerusi/ahli EXCO Kumpulan melibatkan kakitangan daripada seluruh peringkat telah diadakan.

KECEKAPAN OPERASI & BERKONGSI PENGALAMAN PELANGGAN

Regionalisasi myHR2u, portal layan diri dalam talian untuk kakitangan Kumpulan adalah inisiatif berkesan demi meningkatkan pemerkasaan kakitangan dan menyelaraskan proses dan amalan pengurusan modal insan (HCM). Pada tahun ini, kami telah meluaskan penggunaan myHR2u ke lebih banyak negara dan entiti di tempat kami beroperasi. Hingga kini, myHR2u boleh didapati di 16 buah negara dan modul yang sama turut dikongsi seperti Maklumat Kakitangan, Cuti, Pembayaran, Tuntutan, Pengurusan Prestasi dan Pengurusan Bakat.



myHR2u kini diakses oleh 70% daripada jumlah tenaga kerja Kumpulan. Ia juga memudahkan analisis data untuk pengurusan pembuatan keputusan modal insan yang lebih efektif dan tepat demi memenuhi keperluan perniagaan. Kami turut memperkenalkan aplikasi mudah alih myHR2u yang boleh digunakan di mana-mana sahaja iaitu 'myHR2u Mobile-On-The-Go' pada bulan Mac 2015 untuk kegunaan Kumpulan Maybank di Malaysia. Aplikasi baharu ini menyediakan akses mudah dan fleksibel pada sistem operasi dan peranti telefon pintar. Modul yang disediakan adalah berkenaan Cuti, Maklumat Kakitangan dan Tuntutan. Populariti terbukti apabila kakitangan aktif menggunakannya. Untuk modul Cuti, terdapat peningkatan sebanyak 70% dalam penggunaannya pada enam bulan pertama aplikasi ini disediakan.

Semakin hampir kami mengendalikan hab berpusat maklumat kakitangan melalui myHR2u, kami memastikan data privasi dilindungi pada setiap masa dan mematuhi peraturan perlindungan data setiap negara terlibat. Dalam tahun kewangan ini, sebanyak 14 proses manual dasar kakitangan telah ditukar kepada proses langsung secara dalam talian. Sebanyak 35 dasar kakitangan telah dikaji semula untuk meningkatkan pengalaman pelanggan.

Kami telah meluaskan pelaksanaan regionalisasi peningkatan sistem pengurusan prestasi pada tahun kewangan 2014. Ini bertujuan untuk memberi pemilihan lebih kepada kakitangan terhadap serahan tugas mereka, memuktamadkan perbualan prestasi dan meningkatkan kerjasama antara kakitangan dan pengurus/penyelia dalam memenuhi sasaran perniagaan. Platform pengurusan kini digunakan di 15 buah negara. Semua kakitangan dalam skop Persatuan Eksekutif Maybank, Persatuan Pegawai Kelas Satu Maybank, Kesatuan Kakitangan Bank Sarawak dan Kesatuan Kakitangan Perbankan Sabah telah menggunakan sistem pengurusan prestasi ini.

PELARASAN JUMLAH GANJARAN DENGAN MATLAMAT KAMI

Falsafah jumlah ganjaran kami sejajar dengan matlamat perniagaan dan kunci bagi memupuk budaya prestasi tinggi yang menjana pertumbuhan dan menjayakan visi Maybank. Kami menghayati strategi ganjaran bersepadu yang turut menawarkan jumlah pakej merangkumi imbuhan tetap dan berubah-ubah, faedah serta peluang pertumbuhan dan pembangunan kerjaya.

Imbuhan kami merangkumi pelan tunai tetap dan berubah-ubah yang menjadi penanda aras berbanding pasaran untuk kekal kompetitif demi menarik dan mengekalkan bakat yang sesuai. Imbuhan ini termasuk insentif/bonus berubah-ubah jangka pendek berdasarkan merit, serta pelan insentif jangka panjang iaitu Skim Perkongsian Pekerja (ESS). Pada tahun 2015, kami telah menawarkan ESS ke-5 kepada kakitangan dan bonus tambahan kepada kakitangan perkeranian dan bukan perkeranian yang melebihi bonus kontrak mereka. Pada tahun 2015, terdapat 15 skim insentif perniagaan khusus untuk sektor perniagaan.

Dalam tahun kewangan ini, empat Perjanjian Bersama (CA) berkaitan dengan Maybank telah diputuskan, iaitu Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Bank, Kesatuan Pekerja Perbankan Sabah, Kesatuan Pekerja Perbankan Sarawak dan Syarikat Pekerja Bank Maybank Syariah Indonesia (SP-MSI).

Modal Insan Kumpulan

Kami mengukuhkan ganjaran berasaskan meritokrasi dan budaya mengiktiraf pekerja berprestasi tinggi melalui platform seperti Skim Insentif Perniagaan, anugerah kecemerlangan akademik Kakitangan, Anugerah Kumpulan Maybank untuk Kakitangan/Pasukan Terbaik, Anugerah Pehidmatan Lama, Kempen Pengalaman Pelanggan/Nilai Teras serta program sukarelawan. Pada tahun 2015, kami telah mengadakan program eksklusif dua hari Anugerah Kumpulan Maybank bertemakan 'Meraikan Bintang' untuk menghargai lebih daripada 70 kakitangan berprestasi tinggi dari seluruh Kumpulan. Pengiktirafan pada tahun 2015 telah diberikan melalui pelbagai penglibatan platform semasa Siri "Leaders On-the-Go" (terdiri daripada ahli EXCO Kumpulan) dan tinjauan mesra pihak pengurusan ke sektor-sektor/cawangan-cawangan, dengan tujuan untuk menjadi kenangan dan inspirasi kepada yang lain.

Pada tahun 2015, kami telah menyalurkan sejumlah RM5.7 juta kepada kakitangan di Malaysia untuk mengambil pelbagai kelayakan profesional dan pengajian siswazah di bawah Skim Bantuan Pendidikan Kakitangan. Kami terus melanjutkan pelbagai skim sokongan selain faedah kakitangan untuk mengukuhkan misi menginsankan dan komitmen kepada kakitangan sebagai organisasi prihatin. Di bawah Tabung Kebajikan Kakitangan Kumpulan Maybank (TKKKM), kami menawarkan bantuan kewangan kepada kakitangan dan ahli keluarga berkaitan dengan penyakit, kemalangan, kerugian akibat bencana dan keperluan yang tidak diperuntukkan di bawah manfaat kakitangan. Semasa krisis banjir di Malaysia, kakitangan Maybank seluruh dunia menunjukkan perpaduan dengan bersama-sama membantu rakan sekerja dan komuniti yang terlibat dalam bencana dengan semangat 1Maybank dan rasa prihatin. Selain daripada bantuan kecemasan dalam bentuk wang ringgit, kakitangan dan pihak pengurusan Maybank dengan cepat bangkit dan menyediakan pelbagai bentuk sokongan dan penjagaan. Ini termasuklah penginapan alternatif di hotel-hotel dan inap desa, bantuan barang-barang keperluan seperti beras, minyak masak, peralatan elektrik dan bantuan kewangan. Kakitangan kami turut menawarkan bantuan kepada kakitangan terlibat untuk segera pulih daripada bencana dengan membersihkan premis-premis mereka yang rosak akibat bencana ini. Bank telah bekerjasama dengan Pusat Respons dan Kesediaan Krisis Kementerian Kesihatan serta bantuan para kaunselor dan pakar psikiatri untuk mengendalikan 'sesi kaunseling pasca-trauma' kepada kakitangan dan ahli keluarga yang terlibat. Maybank Islamic turut menawarkan bantuan melalui tabung zakat bantuan banjir yang menyediakan barangan keperluan kediaman, baik pulih kediaman, bekalan perubatan dan keperluan pendidikan kepada kakitangan dan ahli keluarga yang terlibat dalam bencana ini.

Pada tahun 2015, TKKKM telah mengeluarkan lebih RM440,000 kepada seramai 206 kakitangan yang layak menerima bantuan kewangan.

Pada tahun ini, Maybank Filipina telah menyalurkan sejumlah PHP230,000 melalui Tabung Kebajikan Kakitangan Maybank untuk sama-sama membantu kakitangan terlibat dalam bencana Taufan Lando (nama antarabangsa Taufan Koppu) dan Taufan Melor (nama antarabangsa Taufan Nona), masing-masing berlaku pada Oktober dan Disember 2015. Maybank Indonesia telah menyumbangkan IDR3.11 juta kepada kakitangan yang terjejas akibat banjir, selain turut menyediakan pusat pemindahan dan keperluan makanan.



Penerima Skim Anugerah Biasiswa Maybank 2015 bersama En Ahmad Faezal Mohamad, Ketua Tanggungjawab Korporat & Setiausaha Yayasan Maybank dan Pn Nora Abd Manaf, Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan.

Kami melangkaui lebih jauh daripada kebiasaan apabila menyumbang kepada ahli keluarga melalui anugerah kecemerlangan akademik kepada mereka yang berjaya dalam peperiksaan awam untuk memupuk kecemerlangan dalam kalangan belia selain bantuan kembali ke sekolah kepada mereka yang layak. Pada tahun 2015, di Malaysia, sejumlah RM499,000 telah diagihkan kepada seramai 1,059 kakitangan dan 1,754 kanak-kanak di bawah bantuan kembali ke sekolah dan bantuan kewangan memasuki institusi pengajian tinggi, tingkatan enam dan asrama penuh. Di Malaysia, seramai 348 orang anak-anak kakitangan telah menerima sejumlah RM164,100 wang insentif pada Anugerah Kecemerlangan Akademik Anak-anak Kakitangan Maybank. Maybank Indonesia telah mengeluarkan IDR1,020 bilion untuk 420 orang kanak-kanak menerima Anugerah Biasiswa Prestasi. Maybank Singapura pula telah memberi sejumlah SGD10,100 kepada 14 orang kanak-kanak yang cemerlang di bawah skim anugerah kecemerlangan anak-anak.

KESIHATAN DAN KESEIMBANGAN KERJA

Kami akui kepentingan kesihatan yang baik, kesejahteraan dan program keselamatan dalam meningkatkan tahap kepuasan dan pengekalan kakitangan juga meningkatkan produktiviti. Program kesejahteraan tahunan dikendalikan untuk semua kakitangan termasuk ahli keluarga mereka. Pusat Rekreasi Maybank dibuka daripada 6 pagi sehingga 10 malam dan purata pengguna seramai 200 orang pada setiap hari. Pada 2015, kami telah mendapat kadar penyertaan seramai 5,000 peserta untuk 56 program kesihatan dan kesejahteraan, di Malaysia. Antara program yang dijalankan adalah bual bicara tengah hari pada setiap bulan, program menyeluruh kesejahteraan dan kesihatan, cabaran pedometer, terapi minda @ tempat kerja, sesi kaunseling trauma/tekanan untuk Mangsa Bencana Alam dan Program Kesedaran Kesihatan.

Kami mempunyai Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) yang melaksanakan amalan dan panduan OSH selain memastikan kepatuhan yang telah ditetapkan oleh peraturan-peraturan OSH negara. Program Pasport Keselamatan NIOSH-Maybank (NSMP) telah bermula pada tahun 2011 di Ibu Pejabat untuk memastikan tahap keselamatan dan kesihatan para kontraktor di tapak iaitu di semua bangunan dan premis utama Maybank, dan ianya kini digunakan sepenuhnya di seluruh Malaysia. Program NSMP ini sejajar dengan seruan Kerajaan untuk mengurangkan bilangan kemalangan dan menggalakkan persekitaran bebas kemalangan.

Maybank adalah institusi kewangan pertama di Malaysia menubuhkan Pasukan Siap Sedia Pertolongan Cemas (FAST) pada tahun 1997 bertempat di Ibu Pejabat. FAST bertujuan memberikan pertolongan kecemasan di premis Bank dan sedia berkhidmat pada acara-acara dianjurkan oleh Bank. Hingga kini, terdapat sembilan pasukan bertaulia FAST seluruh negara di setiap rantau di Malaysia dengan perancangan untuk menubuhkan pasukan FAST di negara-negara lain mengikut keperluan mereka.

Maybank merupakan penyumbang aktif dan kerap menganjurkan kempen derma darah bersama kakitangan. Tahun lalu bertempat di Ibu Pejabat, seramai 700 orang kakitangan telah mengambil bahagian dalam kempen ini. Daripada usaha ini, Maybank telah mendapat pengiktirafan khas oleh Menteri Kesihatan Malaysia. Pada tahun 2015, Maybank Malaysia juga menganjurkan kempen derma organ untuk pertama kali dengan seramai 51 orang telah berikrar untuk menderma organ mereka di bawah Kempen Derma Organ yang telah dijalankan dengan kerjasama Pusat Pemindahan Organ Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia. Kami akan terus meningkatkan kesedaran dan menyediakan peluang kepada kakitangan yang berminat untuk melakukan perkara sama.

Kami memperuntukkan ruang letak kereta untuk kakitangan kurang upaya dan hamil. Untuk keselamatan kakitangan yang bekerja lewat malam, kakitangan keselamatan kami sedia mengiring sehingga sampai ke kenderaan mereka. Kakitangan yang bekerja hingga lewat malam juga boleh menggunakan ruang letak kereta di Ibu Pejabat selepas waktu pejabat, pada hujung minggu dan cuti umum. Pusat percutian dan peranginan Bank seluruh negara juga disediakan kepada kakitangan dan ahli keluarga mereka untuk beristirehat.

Modal Insan Kumpulan



Kakitangan Maybank menyambut Hari Sukan Negara yang julung kali diadakan di Kompleks Sukan Maybank, Akademi Maybank, Bangi.

Kami menggalakkan dan menerapkan aktiviti bersukan sebagai sebahagian daripada strategi penglibatan kakitangan. Kami turut menaja kakitangan dan pasukan untuk mengambil bahagian dalam Maraton Bali BII Maybank, sukan antara Bank dan larian amal demi memupuk gaya hidup sihat, semangat kesukanan dan semangat berpasukan di kalangan kakitangan. Mereka juga mempunyai akses kepada gimnasium dan kemudahan sukan di Akademi Maybank yang bertempat di Bangi, Malaysia, di mana kemudahan penuh sukan disediakan seperti trek dan padang, gelanggang dan kolam renang untuk menggalakkan gaya hidup sihat dan budaya kecemerlangan.

Pusat Rekreasi Maybank yang baru diubah suai di Ibu Pejabat telah dinaik taraf kepada hab rekreasi dan kecergasan direka secara ergonomic dan moden, dilengkapi dengan kemudahan untuk pelbagai beraktiviti. Kami juga mempunyai kemudahan sukan dan kecergasan di Dataran Maybank, Pusat Panggilan Kumpulan Maybank dan Akademi Maybank. Pada tahun 2015, lebih daripada 2,000 orang kakitangan Kumpulan telah mengambil bahagian dalam Karnival Sukan Maybank 2015. Lebih daripada 3,000 orang kakitangan seluruh negara termasuk ahli EXCO Kumpulan mengambil bahagian pada Hari Sukan Negara yang julung kali diadakan di Malaysia pada Oktober 2015 untuk menggalakkan gaya hidup sihat, muhibah dan perpaduan.

DASAR KEPELBAGAIAN, KETERANGKUMAN DAN JANTINA

Di Maybank, kami prihatin terhadap kepelbagaian dan keterangkuman yang boleh meningkatkan kreativiti dan inovasi kakitangan dalam menghasilkan prestasi berimpak tinggi dan menanamkan budaya berprestasi tinggi dalam organisasi. Budaya keterangkuman dipupuk dengan kepelbagaian dan perbezaan dihargai manakala kakitangan dihormati dan dilayan dengan adil dan saksama.



'Kolam' berwarna-warni direka oleh kakitangan Maybank sempena sambutan perayaan Deepavali sebagai melambangkan keprihatinan dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

Bank juga meraikan pelbagai perayaan utama seperti sambutan Aidil Fitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas peringkat Kumpulan setiap tahun demi mengukuhkan kepelbagaian dan falsafah keterangkuman yang diterima organisasi.

Pada tahun 2015, separuh daripada populasi kakitangan dipelopori oleh golongan Generasi X, manakala 40% adalah daripada Generasi Y dan 10% adalah daripada "baby boomers". Kesamarataan peluang diberikan kepada semua kakitangan untuk berkembang maju dalam bidang profesional dan peribadi di seluruh peringkat.

Kami menjalankan pelbagai inisiatif secara agresif terutamanya untuk pemimpin wanita bagi mempercepatkan pembangunan, meningkatkan prestasi dan menyeimbangkan tuntutan kerjaya dan peribadi mereka. Pada tahun 2015, 54% daripada tenaga kerja kami terdiri daripada golongan wanita.

Pengesanan perwakilan jantina yang rapi termasuk di peringkat atasan, mengekalkan sebahagian daripada standard rujukan kakitangan semenjak Program Transformasi Maybank dijalankan. Dasar Kepelbagaian dan Keterangkuman Kumpulan mentadbir semua aspek aktiviti dan amalan kakitangan. Ia memastikan tiada sebarang bentuk diskriminasi atau gangguan dan ianya berdasarkan kedaulatan meritokrasi.

Rangka kerja menyeluruh Agenda Kepelbagaian dan Keterangkuman Kumpulan (GIDA) termasuk inisiatif untuk memperkasa golongan wanita dalam pelbagai bidang kepimpinan juga turut meningkatkan tahap ekonomi. Dipantau melalui Indikator Prestasi Utama (KPI) wajib dalam kad skor ahli EXCO Kumpulan, rangka kerja ini berfungsi sebagai garis panduan dalam menyalurkan usaha yang tepat kepada peningkatan keterangkuman dan kepelbagaian untuk semua pihak berkepentingan. Dasar Lembaga Kepelbagaian Jantina berfungsi untuk meningkatkan perwakilan golongan wanita dalam ahli Lembaga.



Rakan sejawat wanita gembira menerima kuntuman bunga pada sambutan Hari Wanita Antarabangsa.

Modal Insan Kumpulan

Perwakilan golongan wanita dalam posisi pengurusan telah meningkat daripada 38% pada tahun 2009 kepada 47% pada tahun 2015, manakala bahagian golongan wanita dalam posisi Pengurusan Atasan meningkat daripada 15.68% pada tahun 2009 kepada 35% pada tahun 2015. Penglibatan golongan wanita dalam perancangan penggantian untuk jawatan penting telah meningkat daripada 35.1% pada tahun 2014 kepada 36% pada tahun 2015. Ini menunjukkan bahawa inisiatif kami memberi tumpuan kepada memacu kepelbagaian dalam kepimpinan telah memberi kesan besar dalam organisasi.

Kami mempunyai dasar Susunan Kerja Fleksibel (FWA) yang meliputi jadual anjal tetap, masa anjal, lokasi kerja anjal dan penukaran pekerjaan masa tetap kepada separuh masa. Sebanyak 66% daripada mereka dalam FWA adalah golongan wanita. FWA merupakan salah satu faktor penyumbang dalam menghasilkan peningkatan utama kadar pengekalan daripada 52% pada tahun 2009 kepada 85% pada tahun 2015. Inisiatif mesra keluarga dan jantina lain termasuklah Pusat Penjagaan Anak-anak Kakitangan Maybank (MT3C), 90 hari cuti bersalin, cuti bersalin untuk bapa, bilik laktasi dan penyusuan, gimnasium wanita, program kesihatan sepanjang tahun berkenaan isu kesihatan dan keluarga kakitangan, dan sambutan perayaan seperti sambutan Hari Wanita Antarabangsa (IWD). Kami juga telah mendapat pengiktirafan sebagai juara utama negara kerana melaksanakan FWA dan Program Kembali Bekerja yang diperkenalkan oleh Syarikat pada Pelancaran Geran Program Kembali Bekerja TalentCorp dan Pameran 2015.

Majlis Wanita Mentor Wanita yang ditubuhkan pada tahun 2013 diguna pakai dalam struktur semasa Bank untuk menyokong pembangunan wanita seluruh Bank, termasuk meningkatkan perwakilan wanita dalam bahagian Pengurusan Atasan. Ia turut mempunyai agenda perniagaan untuk menyokong perniagaan dalam menyampaikan perkhidmatan dan produk kepada pelanggan wanita. Pada tahun 2015, Majlis mempunyai 44 pasang 'mentor' dan 'mentee', merupakan peningkatan daripada 35 pasang 'mentor' dan 'mentee' pada tahun 2014. Pada tahun 2015 juga, Majlis telah menganjurkan acara penglibatan luar untuk komuniti wanita, H.E.R (Kesihatan, Pemerakasaan dan Kekayaan) bertujuan untuk menawarkan pandangan berkenaan bagaimana golongan wanita boleh membangunkan peribadi dan kerjaya mereka, kemampuan kewangan dan kesejahteraan diri. Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Kumpulan adalah platform penting dalam menghargai sumbangan kakitangan wanita. Di Ibu Pejabat di Malaysia, kami telah menganjurkan forum bertajuk "Mengemudi Laluan Kerjaya dalam Persekitaran Korporat" dengan ahli panel korporat terkemuka dunia. Motivasi Siri Guru oleh artis terkenal, Red Hong Yi dihadiri oleh seramai 350 orang yang kebanyakannya adalah golongan wanita. Kakitangan dari negara lain turut dihubungkan dalam dua forum ini selain turut menganjurkan forum sendiri dengan topik berkaitan wanita.



Pn Nora Abd Manaf, Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan Maybank menerima Anugerah Organisasi Terbaik Malaysia pada Majlis Anugerah Kehidupan di Tempat Kerja 2015 daripada Dato' Sri Idris Jala, Ahli Lembaga Pengarah TalentCorp dan Ketua Pegawai Eksekutif Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU).



Kakitangan Maybank Singapore kelihatan teruja apabila mengambil bahagian di dalam Hari Tanggungjawab Korporat Global.

Kami mengambil bahagian dalam meningkatkan usaha kepelbagaian jantina di seluruh rantau. Pada tahun 2015, melalui siri Invest ASEAN bersama pengurus korporat dana utama yang diadakan di Malaysia, Singapura, Thailand, Filipina, Vietnam dan Indonesia, kami telah menganjurkan sesi penglibatan eksklusif yang diberi nama 'Jenama Wanita ASEAN'. Sesi ini memberi tumpuan kepada peranan wanita dalam mengambil peluang di ASEAN. Antara usaha bersepadu adalah kami diiktiraf sebagai Organisasi Malaysia Terbaik pada Anugerah Kehidupan di Tempat Kerja pada tahun 2014 dan 2015.

PROGRAM SUKARELAWAN KAKITANGAN

Program sukarelawan kakitangan adalah salah satu cara terbaik dalam menunjukkan komitmen Bank kepada warga korporat dan misi menginsankan kami. Program ini menggalakkan kakitangan untuk menjadi agen perubahan dalam melahirkan kesan positif dan berpanjangan kepada penerima manfaat dan komuniti kami berkhidmat. Kakitangan diberi peluang untuk memilih projek yang sejajar dengan tunggak CR Yayasan Maybank, iaitu Kewangan dan Pendidikan, Memperkasa Komuniti, Kepelbagaian Alam Sekitar, Seni dan Budaya, Kehidupan Sihat dan Bantuan Bencana. Pada tahun ini, seramai 23,541 orang sukarelawan telah menyumbang 119,597 jam bekerja dalam inisiatif Cahaya Kasih (CK). Sementara itu, seramai 17,220 sukarelawan telah meluangkan 122,917 jam bekerja dalam sambutan perayaan dan aktiviti kebajikan lain.

Hari CR Global kami adalah sebahagian daripada Program CK di mana kakitangan seluruh dunia mempamerkan pelbagai inisiatif yang telah dijalankan kepada dunia. Pada tahun 2015, Hari CR Global edisi ke-6 adalah bertemakan 'Menginspirasi Komuniti Secara Global'. Sebanyak 102 inisiatif telah dianjurkan serentak dan telah melibatkan seramai 16,559 kakitangan Maybank. Jumlah bilangan sukarelawan dan inisiatif mencerminkan semangat sukarelawan mendalam ditanamkan di dalam organisasi. Semua inisiatif CK adalah dipantau dengan teliti dan dinilai untuk memastikan inisiatif pasukan dijalankan dengan baik, berstruktur dan mampan demi kepentingan penerima manfaat.

Selain daripada inisiatif CR, kakitangan kami juga dengan sukarela menjadi duta Maybank pada temasya peringkat kebangsaan dan program amal yang menggalakkan pembangunan negara, kesepaduan dan harmoni di kalangan masyarakat. Di Malaysia, kakitangan telah mengambil bahagian dalam sambutan Hari Kebangsaan di mana Maybank telah mengetuai kontinjen institusi kewangan, "Earth Hour Night Walk", perbarisan Maulidur Rasul, sambutan Hari Buruh, sambutan Maal Hijrah dan "Bursa Bull Charge Run". Kakitangan kami di London juga telah mengambil bahagian dalam Larian Bandar "Standard Chartered City Run".

“ **Memahami keperluan dan kemahuan para pelanggan adalah nadi perniagaan kami.** Maybank telah berjaya menjadi peneraju penyedia perkhidmatan kewangan serantau sejak lima tahun lalu ketika kami berusaha menyediakan penyelesaian yang berkekalan dan menambah baik keseluruhan pengalaman perbankan para pelanggan kami. ”

Shaikh Munir Ahmad bin Shaikh Mukhtar Ahmad

Ketua, Maybank2u, Perbankan Maya dan Pembayaran
Perkhidmatan Kewangan Komuniti, Malaysia

Pengurus Terbaik Tahun 2014





ULASAN PRESTASI

- 72 Ulasan dan Tinjauan Ekonomi & Industri Perbankan
- 76 Ulasan Kewangan Kumpulan
- 82 Pengurusan Modal
- 84 Prestasi Kewangan
 - Maklumat Pelabur
 - 91 Perhubungan Pelabur
 - 97 Saham Maybank

ULASAN SEKTOR PERNIAGAAN

- 102 Perkhidmatan Kewangan Komuniti
- 108 Perbankan Global
 - Operasi Luar Negara
 - 118 Singapura
 - 120 Indonesia
 - 123 Antarabangsa
- 128 Insurans & Takaful
- 133 Perbankan Islam Kumpulan
- 139 Teknologi Kumpulan
- 142 Operasi Kumpulan

Ulasan dan Tinjauan Ekonomi & Industri Perbankan

EKONOMI GLOBAL & ASEAN

ULASAN

Pertumbuhan ekonomi global pada 2015 susut kepada 3.1% (2014: 3.4%) mencerminkan prestasi tidak serata di kalangan negara-negara ekonomi utama berikutan momentum pertumbuhan Amerika Syarikat (AS) yang kekal tidak berubah (2015: 2.4%; 2014: 2.4%) dengan pemulihan lembab di zon Euro (2015: 1.5%; 2014: 0.9%) dan Jepun (2015: 0.5%; 2014: 0.0%) serta ekonomi China yang perlahan (2015: 6.9%; 2014: 7.3%). Pasaran kewangan dan matawang global pula tidak stabil berikutan ketidakpastian yang berpanjangan sejak bermulanya kenaikan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan AS, dan ditambah lagi dengan berulangnya krisis Greece dan kebimbangan terhadap "Grexit"; kebimbangan terhadap ekonomi China, pasaran ekuiti dan matawang; dan kemerosotan harga komoditi yang berterusan, menyebabkan aliran keluar modal dari pasaran baru muncul.

Global: KDNK Benar				
% Perubahan	% Nisbah KDNK Dunia	2014	2015	2016E
Dunia		3.4	3.1	3.1
Ekonomi Negara Maju	60.9	1.8	1.9	1.9
US	22.4	2.4	2.4	2.3
Zon Euro	17.3	0.9	1.5	1.5
Jepun	6.0	0.0	0.5	0.8
UK	3.8	2.9	2.2	2.2
BRIC	21.5	5.5	4.3	4.4
Brazil	3.0	0.1	(3.5)	(3.3)
Rusia	2.4	0.6	(3.8)	(1.0)
India	2.7	7.3	7.3	7.4
China	13.4	7.3	6.9	6.5
Asian NIEs	3.3	3.2	2.1	2.4
Korea Selatan	1.8	3.3	2.6	2.8
Taiwan	0.7	3.7	0.8	1.8
Hong Kong	0.4	2.3	2.4	2.0
Singapura	0.4	3.3	2.0	1.7
ASEAN-6 (termasuk Singapura)	3.1	4.4	4.4	4.8
ASEAN-5	2.7	4.6	4.8	5.3
Indonesia	1.1	5.0	4.8	5.2
Thailand	0.5	0.7	2.9	4.5
Malaysia	0.4	6.0	5.0	4.3
Filipina	0.4	6.1	5.8	7.0
Vietnam	0.2	6.0	6.7	6.4



TINJAUAN

Tahun 2016 dijangka akan mengulangi perkembangan tahun 2015 berikutan kebimbangan terhadap prospek di China, pasca kenaikan kadar faedah AS, risiko harga komoditi untuk tempoh yang panjang, dan ketidakpastian yang berterusan dalam aliran modal, pasaran kewangan dan matawang.

Sehubungan itu pertumbuhan KDNK sebenar dunia dijangka tidak berubah (2016E: 3.1%; 2015: 3.1%). Negara-negara ekonomi maju pula dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan (2016E: 1.9%; 2015: 1.9%), disebabkan pertumbuhan AS yang stabil dan pemulihan tidak menentu zon Euro dan Jepun. Bagaimanapun, pertumbuhan di kalangan negara-negara ekonomi sedang muncul akan kekal bercampur-campur mencerminkan kelembapan ekonomi di China dan kemelesetan ekonomi yang berterusan di Brazil dan Rusia di sebalik pengembangan stabil di India.

Walaupun pertumbuhan dijangka kukuh di ASEAN-6 (2016E: 4.8%; 2015: 4.4%), prestasi tidak setara di seluruh rantau, yang mungkin menyaksikan kenaikan di Indonesia, Thailand dan Filipina, dan pengembangan yang perlahan di Malaysia, Singapura dan Vietnam. Ini menunjukkan perbezaan dalam keadaan ekonomi domestik dan dasarnya di tengah-tengah persekitaran luar yang mencabar.

Sumber: IMF, Konsensus, Maybank Kim Eng

MALAYSIA

ULASAN EKONOMI

Pertumbuhan KDNK sebenar Malaysia susut kepada 5.0% pada 2015 (2014: 6.0%), akibat perbelanjaan pengguna yang berkurangan dan pembentukan modal tetap kasar yang perlahan serta penguncupan dalam permintaan luar bersih yang mengimbangi perbelanjaan penggunaan kerajaan yang kekal berterusan. Persekitaran operasi adalah amat mencabar memandangkan ketidakpastian ekonomi global, penyusutan nilai Ringgit dan harga komoditi yang lemah - terutamanya minyak mentah, serta faktor-faktor domestik seperti kesan pelaksanaan Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST).



Ulaskan dan Tinjauan Ekonomi & Industri Perbankan

Malaysia: KDNK sebenar mengikut Permintaan dan Sektor		
% Perubahan	2014	2015
KDNK Benar	6.0	5.0
<i>Mengikut Permintaan</i>		
Permintaan Domestik	5.9	5.1
Perbelanjaan Penggunaan Swasta	7.0	6.0
Perbelanjaan Penggunaan Kerajaan	4.4	4.3
Pembentukan Modal Tetap Kasar	4.8	3.7
Permintaan Luaran Bersih	12.8	(3.7)
Eksport Barangan & Perkhidmatan	5.1	0.7
Import Barangan & Perkhidmatan	4.2	1.3
Perubahan dalam Inventori	170.6	(76.0)
<i>Mengikut Sektor</i>		
Pertanian, Perhutanan & Perikanan	2.1	1.0
Perlombongan & Kuari	3.3	4.7
Pembuatan	6.2	4.9
Pembinaan	11.8	8.2
Perkhidmatan	6.5	5.1

Sumber: CEIC

TINJAUAN EKONOMI

Pertumbuhan KDNK sebenar Malaysia dijangka terus berkurangan kepada 4.3% (2015: 5.0%) kerana permintaan domestik yang perlahan berikutan perbelanjaan pengguna dan pelaburan swasta yang sederhana. Bagaimanapun, pelaburan awam akan pulih selepas menguncup selama dua tahun apabila projek infrastruktur utama dan pelaburan baru menokok kepada projek yang sedang dijalankan, walaupun Bajet 2016 disemak akibat kejatuhan harga minyak mentah. Sementara itu, Kadar Dasar Semalaman (OPR) mungkin diturunkan sebanyak 25 mata asas daripada kadar semasa 3.25% walaupun inflasi tinggi pada 3.0%-3.5% (2015: 2.1%) ketika Bank Negara Malaysia cenderung menyokong pertumbuhan.

SEMAKAN SEKTOR PERBANKAN

Pada 2015, pertumbuhan pembiayaan sistem perbankan negara turun kepada 7.9% T-ke-T berbanding 9.3% pada 2014. Pembiayaan isi rumah, yang meliputi 56.8% daripada jumlah sistem pembiayaan sehingga akhir 2015 berkembang pada kadar lebih sederhana sebanyak 7.7% T-ke-T berbanding 9.9% pada 2014, manakala pertumbuhan pembiayaan bukan isi rumah turun sedikit kepada 8.0% pada 2015 berbanding 8.5% pada 2014.

Pembiayaan hartanah kediaman merangkumi 30.2% daripada jumlah pembiayaan sistem dan pertumbuhannya turun kepada 11.9% pada 2015 berbanding 13.3% pada 2014. Pembiayaan hartanah bukan kediaman (13.6% daripada jumlah pembiayaan) juga berkembang pada kadar perlahan sebanyak 10.6% T-ke-T berbanding 14.9% pada 2014. Pertumbuhan pembiayaan automotif stabil pada 2.7% T-ke-T (2.3% T-ke-T pada 2014) manakala pembiayaan peribadi dan kad kredit masing-masing berkembang 5.9% T-ke-T dan 1.2% T-ke-T.

Setelah ketinggalan menyaksikan pengurangan sepanjang 2015 berbanding tahun 2014, terbitan PDS meningkat pada Disember 2015 kepada RM23.9 bilion berbanding RM7.0 bilion pada November 2015 dan RM10.3 bilion pada Disember 2014. Akibatnya, terbitan PDS terkumpul pada 2015 hakikatnya tidak berubah pada RM85.1 bilion berbanding RM85.5 bilion sehingga akhir 2014.

Nisbah pembiayaan kepada deposit industri terus mengalami kenaikan dalam tahun kewangan apabila pertumbuhan deposit perlahan pada tahap hanya 1.8% T-ke-T pada Disember 2015. Nisbahnya adalah sebanyak 88.7% pada akhir Disember 2015 berbanding 86.7% pada akhir Disember 2014.

Kualiti aset kekal kukuh dengan nisbah rosot nilai pembiayaan bersih industri stabil pada 1.2% akhir Disember 2015. Liputan kerugian pinjaman jatuh kepada 96.2% akhir 2015 berbanding 101.0% pada 2014. Nisbah modal Tahap 1 Ekuiti Biasa industri, nisbah modal Tahap-1 dan nisbah modal berlawanan risiko masing-masing berada pada tahap selesa pada akhir 2015, iaitu 12.8%, 13.8% dan 16.1%.


TINJAUAN SEKTOR PERBANKAN

Persekitaran operasi dijangka terus mencabar pada 2016. Halangan termasuk pertumbuhan ekonomi yang lebih sederhana di kedua-dua pasaran tempatan dan global, sementara ketidakpastian dalam matawang dan harga komoditi tidak mungkin terhenti dalam tempoh terdekat.


Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka akan berkurangan kepada 4.3% (2015: 5.0%) apabila permintaan pengguna kemungkinan kekal lemah di tengah-tengah kenaikan kos sara hidup. Untuk mengekalkan margin faedah terus mencabar pada 2016 kerana masih ada minat terhadap persaingan pembiayaan dan keadaan mudah tunai yang lebih ketat. Industri mungkin memberi tumpuan utama untuk meningkatkan kecekapan kos untuk menangani sebarang kelembapan dalam pengembangan keuntungan.

Bagaimanapun, apa yang positif adalah banyak projek infrastruktur utama dijangka akan diteruskan seperti dirancang dan ini seharusnya membantu mengekalkan kadar pertumbuhan pembiayaan perniagaan pada 2016. Selain itu, industri berasaskan eksport seharusnya terus bertambah baik selari dengan persaingan Ringgit yang lebih baik. Sementara itu, dasar kewangan dijangka kekal menyokong pertumbuhan. Kualiti aset kekal kuat, namun perhatian perlu diberikan di tengah-tengah turun naik dan ketidakpastian di dalam dan luar negara.

Malaysia: Pertumbuhan Pinjaman Kasar Industri



Malaysia: Kualiti Aset Industri



Ulasan dan Tinjauan Ekonomi & Industri Perbankan

SINGAPURA

ULASAN EKONOMI

Singapura mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 2.0% pada 2015 (2014: 3.3%). Walaupun pertumbuhan yang kukuh dalam permintaan domestik dan permintaan luaran bersih kerana semua komponen berkembang lebih pantas atau meningkat semula pada 2015 berbanding 2014, keseluruhan pertumbuhan KDNK sebenar merosot disebabkan oleh penarikan balik inventori yang ketara, terutamanya apabila sektor pembuatan menguncup.



Singapura: KDNK Sebenar mengikut Permintaan & Sektor		
% Perubahan	2014	2015
KDNK Sebenar	3.3	2.0
<i>Mengikut Permintaan</i>		
Permintaan Domestik	0.0	2.7
Pebelanjaan Penggunaan Swasta	2.2	4.5
Pebelanjaan Penggunaan Kerajaan	(0.1)	6.6
Pembentukan Modal Tetap Kasar	(2.6)	(1.0)
Pemintaan Luaran Bersih	6.5	4.6
Eksport Barangan & Perkhidmatan	4.3	2.5
Import Barangan & Perkhidmatan	3.9	2.1
Perubahan dalam Inventori	4.5	(61.3)
<i>Mengikut Sektor</i>		
Pembuatan	2.7	(5.2)
Pembinaan	3.5	2.5
Perkhidmatan	3.6	3.4

Sumber: CEIC

TINJAUAN EKONOMI

KDNK sebenar Singapura dijangka meningkat 1.7% pada 2016 (2015: 2.0%). Pertumbuhan ini terjejas disebabkan oleh penstrukturan semula ekonomi untuk mengurangkan kebergantungan terhadap buruh asing dan usaha menggalakkan produktiviti. Ini disebabkan oleh faktor luaran yang menjejaskan khususnya aktiviti pembuatan, menerusi impak terhadap perdagangan berikutan pertumbuhan perlahan di China dan kesan daripada aktiviti pembuatan yang berkaitan harga minyak mentah dan gas yang rendah. Bagaimanapun, sektor perkhidmatan dan pembinaan dijangka akan disokong pertumbuhan akibat kelonggaran dalam pendirian dasar oleh Monetary Authority of Singapore (MAS), serta kemungkinan penyusunan semula langkah-langkah meredakan sektor hartanah.

ULASAN SEKTOR PERBANKAN

Tahun 2015 merupakan tahun yang mencabar dalam lanskap perbankan Singapura. Ketidaktentuan ekonomi di China dan tekanan harga minyak telah melemahkan pertumbuhan sektor berkenaan. Kualiti aset sektor perbankan yang menurun juga telah mendapat perhatian.

Jumlah pertumbuhan sistem pinjaman kekal tidak berubah pada 2015, dengan pertumbuhan pinjaman perniagaan berkurangan kepada -1% T-ke-T dan pinjaman pengguna meningkat sebanyak 3% dalam tempoh ini. Pertumbuhan pinjaman perniagaan kekal lemah dalam kebanyakan sektor kecuali Bangunan dan Pembinaan (+19% T-ke-T). Pertumbuhan pinjaman perdagangan am turun 9% T-ke-T, dan kini merangkumi 13.5% daripada sistem pinjaman. Ini dicituskan oleh kelemahan serantau dalam pinjaman perdagangan dan peluang pinjaman yang berkurangan apabila perbezaan kadar dalam dan luar pesisir di China semakin kecil.

Nisbah pinjaman-deposit sistem perbankan telah meningkat kepada 102.6% pada 2015 berbanding 107.3% pada 2014, sebahagian besarnya disebabkan oleh pertumbuhan pinjaman yang perlahan. Berbanding pertumbuhan deposit DBU sebanyak 1.8% T-ke-T, deposit tetap meningkat pada kadar lebih pantas sebanyak 4.3% T-ke-T. Pertumbuhan deposit akaun semasa dan simpanan (CASA) tidak berubah pada 0.2% dalam tempoh ini. Ini telah menyebabkan penurunan sedikit dalam deposit CASA daripada 62% ke 61% deposit DBU pada 2015.

Nisbah NPL dan pinjaman sebutan khas sistem perbankan naik sedikit pada September 2015¹. Nisbah NPL naik daripada 1.1% pada September 2014 kepada 1.5%. Nisbah pinjaman sebutan khas telah meningkat perlahan-lahan untuk tempoh dua tahun. Liputan peruntukan sistem jatuh daripada 157.5% pada September 2014 kepada 129% pada September 2015². Kualiti aset bank mula menerima kesan daripada sektor minyak dan gas yang kekal lemah serta industri yang berkaitan dengannya. Nisbah modal kekal menggalakkan, dengan nisbah Ekuiti Biasa Tahap 1 sebanyak 13.8%, nisbah modal teras sebanyak 13.8% dan nisbah modal berwajaran risiko sebanyak 15.9%.


TINJAUAN SEKTOR PERBANKAN

Memandangkan ekonomi Singapura yang terbuka, penularan harga minyak kini masih berlaku. Sektor perniagaan sedang menyesuaikan diri dengan pertumbuhan global yang perlahan dan lebihan kapasiti dalam beberapa sektor. Ketidaktentuan di China telah menjejaskan peluang pertumbuhan. Risiko kredit berupaya meningkat ketika perniagaan berdepan aliran tunai yang perlahan. Sektor hartanah tempatan masih lagi berhati-hati kerana duti setem tambahan pembeli (ABSD) dan jumlah nisbah perkhidmatan hutang (TDSR) terus menggugat sentimen belian dan harga fizikal. Singapura memulakan 2016 dengan tinjauan yang lebih mencabar berbanding 2015.


¹ Berdasar Ulasan Kestabilan Kewangan MAS 2015.

² Nisbah bagi Jumlah Peruntukan/NPL Tidak Bercagar. Berdasarkan kepada Ulasan Kestabilan Kewangan MAS 2015.

Singapura: Pertumbuhan Pinjaman Industri



Singapura: Kualiti Aset Industri



Ulisan dan Tinjauan Ekonomi & Industri Perbankan

INDONESIA

ULASAN EKONOMI

Pertumbuhan ekonomi Indonesia terus perlahan bagi tahun kelima berturut-turut pada 2015 kepada 4.8% (2014: 5.0%) terutamanya apabila perbelanjaan pengguna yang sederhana dan kejatuhan eksport diimbangi oleh peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan dan jumlah pelaburan. Ekonomi turut dilanda kejatuhan harga komoditi seperti yang ditunjukkan oleh penguncupan dalam sektor perlombongan di tengah-tengah pengembangan berterusan dalam sektor-sektor ekonomi yang lain.



Indonesia: KDNK sebenar mengikut Permintaan dan Sektor		
% Perubahan	2014	2015
KDNK Benar	5.0	4.8
<i>Mengikut Permintaan</i>		
Permintaan Domestik	4.7	5.0
Perbelanjaan Penggunaan Swasta	5.2	5.0
Perbelanjaan Penggunaan Kerajaan	1.2	5.4
Pembentukan Modal Tetap Kasar	4.6	5.1
Permintaan Luaran Bersih	(28.0)	131.3
Eksport Barangan & Perkhidmatan	1.0	(2.0)
Import Barangan & Perkhidmatan	2.2	(5.8)
Perubahan dalam Inventori	25.9	(28.0)
<i>Mengikut Sektor</i>		
Pertanian, Penternakan, Perhutanan & Perikanan	4.2	4.0
Perlombongan & Kuari	0.7	(5.1)
Pembuatan	4.6	4.2
Pembinaan	7.0	6.6
Perkhidmatan	6.0	5.5

Sumber: CEIC

TINJAUAN EKONOMI

Unjuran pertumbuhan KDNK sebenar Indonesia bagi 2016 adalah sebanyak 5.2% (2015: 4.8%), didorong oleh perbelanjaan kerajaan yang lebih tinggi, pakej rangsangan ekonomi dan jangkaan pemotongan kadar perbelanjaan sebanyak 75 mata asas untuk menggalakkan pelaburan dalam infrastruktur awam dan swasta serta perbelanjaan pengguna.

ULASAN SEKTOR PERBANKAN

Pada 2015, sektor perbankan Indonesia berkembang lebih perlahan pada kadar 10.4% T-ke-T berbanding 11.6% T-ke-T pada 2014. Kelemahan ini melanda di seluruh segmen. Pembiayaan bagi pelaburan, yang merangkumi 26% daripada jumlah pembiayaan industri kekal rendah sebanyak 14.7% T-ke-T pada 2015 berbanding 13.2% T-ke-T pada 2014. Pertumbuhan pinjaman bagi modal kerja dan isi rumah yang masing-masing merangkumi 47% dan 27% daripada jumlah portfolio pembiayaan sektor perbankan, terus lemah kepada 9% T-ke-T pada 2015 berbanding 11% T-ke-T pada 2014. Gadai janji, yang mewakili 30% daripada pembiayaan isi rumah, hanya berkembang 8% T-ke-T pada 2015 walaupun bank mula menurunkan kadar pembiayaan bagi segmen berkenaan, manakala pembiayaan automotif menguncup kepada 2% T-ke-T berikutan permintaan automotif yang lemah.

Mudah tunai dalam tahun kewangan juga ketat. Ini ditunjukkan oleh LDR yang tinggi sebanyak 92% walaupun pengembangan pinjaman adalah perlahan. Kos pembiayaan berkurangan selari dengan penurunan pertumbuhan deposit tetap daripada 20.9% T-ke-T pada 2014 kepada hanya 4.6% sepanjang 2015, merangkumi 46% daripada jumlah deposit berbanding 47% sebelumnya. Penurunan hebat dalam deposit tetap ini, bagaimanapun hanya sebahagian diimbangi oleh peningkatan kadar pertumbuhan akaun semasa dan simpanan yang masing-masing meningkat kepada 11% T-ke-T dan 8.7% T-ke-T. Oleh itu, pertumbuhan jumlah deposit pada 2015 menurun kepada 7.3% berbanding 12.3% pada 2014.

Kualiti aset merosot selari dengan pertumbuhan ekonomi. Paras pinjaman tidak dibayar (NPL) masih terurus pada 2.5% pada 2015, naik berbanding 2.2% pada 2014. Sebaliknya, nisbah modal bertambah baik dengan nisbah modal teras meningkat kepada 19% pada 2015 daripada 18% pada 2014, dan nisbah modal berlawanan risiko sebanyak 21.4%, meningkat berbanding 19.6% pada tahun sebelumnya.


TINJAUAN SEKTOR PERBANKAN

Pertumbuhan ekonomi Indonesia dijangka lebih baik tahun ini dan sektor perbankan kemungkinan menjejaki perkembangan ini dengan pertumbuhan pinjaman dan deposit yang menyederhana dan kualiti aset yang terurus. Dengan 10 bank utama sektor perbankan menguasai 60% daripada mudah tunai pasaran, jurang prestasi antara bank besar dan kecil, bagaimanapun, mungkin akan terus melebar.

Antara segmen yang dirancang kerajaan sebagai sasaran adalah sektor mikro dan korporat. Gadai janji juga berupaya meningkat memandangkan bank-bank sedia untuk terus menurunkan kadar faedah bagi mendorong permintaan dan program gadai janji subsidi baharu pada kadar pembiayaan yang lebih rendah telah diperkenalkan. Program pembiayaan mikro oleh pihak kerajaan kemungkinan besar berkembang lebih pantas terutamanya di kawasan luar bandar dengan kadar pembiayaan setanding dengan segmen korporat. Projek infrastruktur dilihat sebagai sumber pertumbuhan jangka panjang memandangkan kemungkinan berlaku kelewatan dalam pelaksanaannya. Bagaimanapun, profil risiko pembiayaan ini adalah rendah memandangkan semua projek-projek merupakan projek berkaitan kerajaan.

Pelan sedang dibuat untuk meningkatkan daya saing sektor perbankan domestik berbanding pesaing serantau dan meningkatkan penglibatan bank-bank tempatan dalam projek pembangunan negara. Penekanan kebanyakannya adalah terhadap bank-bank milik kerajaan yang kami percaya akan menjadi penerima manfaat utama dalam jangka masa panjang.

Indonesia: Pertumbuhan Pinjaman Kasar Industri



Indonesia: Pinjaman Tidak Dibayar Industri



Ulasan Kewangan Kumpulan



DATO' MOHAMED RAFIQUE MERICAN

Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

“Kumpulan Maybank mencatat satu lagi rekod tahunan dengan keuntungan bersih sebanyak RM6.84 bilion dan Pulangan ke atas Ekuiti (ROE) 12.2%. Ini dicapai menerusi pengurusan kunci kira-kira ketika wujudnya kelembapan yang berpanjangan dalam persekitaran ekonomi makro. Kami amat berhati-hati dengan pertumbuhan aset, proaktif dalam menguruskan kualiti aset dan meneruskan tumpuan kami terhadap kecekapan modal dan juga produktiviti.”

ULASAN PRESTASI TK2015

TK2015 sudah semestinya merupakan tahun yang mencabar bagi Kumpulan Maybank ketika kami menyaksikan petunjuk ekonomi makro terus lemah dalam tahun kewangan yang dikaji berikutan kelemahan harga komoditi yang berterusan, Ringgit yang lemah dan pertumbuhan ekonomi China yang perlahan. Perkembangan ini meyebabkan kami menilai semula sasaran dalam separuh kedua tahun kewangan yang dikaji, serta menyusun semula strategi untuk menumpukan terhadap pengurusan kunci kira-kira. Ini telah menyebabkan pertumbuhan aset yang berpilih-pilih, pertumbuhan deposit berasaskan francais, pengurusan kualiti aset yang proaktif dan tumpuan berterusan terhadap kecekapan modal serta produktiviti.

Pendekatan proaktif ini membolehkan kami untuk menutup TK2015 dengan mencatat keuntungan bersih sebanyak RM6.84 bilion dan ROE sebanyak 12.2%, iaitu dalam lingkungan panduan ROE yang disemak semula sebanyak 12% kepada 13%.

Keuntungan bersih rekod kami didorong oleh pertumbuhan perolehan yang lebih kukuh dan pengurusan kos yang lebih baik

- Kumpulan mencatatkan pertumbuhan pendapatan operasi bersih sebanyak 14.6% kepada RM21.24 bilion pada TK2015, didorong oleh perolehan yang tinggi daripada perniagaan teras iaitu Perbankan Antarabangsa, Perkhidmatan Kewangan Komuniti dan Perbankan Global.
- Pertumbuhan dalam pendapatan operasi sebahagian besarnya berikutan pendapatan berasaskan dana bersih yang lebih tinggi sebanyak 15.3% pada 2015 ketika pembiayaan kasar berkembang sebanyak 12.0% T-ke-T dan margin faedah bersih kekal stabil pada 2.31%.
- Pertumbuhan pendapatan operasi bersih Kumpulan disokong oleh pertumbuhan perolehan Perbankan Antarabangsa sebanyak 14.3% pada 2015. Ini dicapai menerusi pendapatan berasaskan dana bersih yang tinggi sebanyak 29.9% sepanjang tahun berkenaan manakala pembiayaan luar negara berkembang 20.8% T-ke-T.
- Pendapatan berasaskan fi bersih yang lebih tinggi sebanyak 13.2% T-ke-T turut menyumbang kepada pertumbuhan pendapatan operasi bersih Kumpulan. Pertumbuhan pendapatan berasaskan fi diperolehi daripada pendapatan bersih premium insurans yang tinggi, keuntungan daripada tukaran matawang asing, komisen yang meningkat, caj perkhidmatan serta pendapatan berasaskan fi Islam yang meningkat.
- Ketika pengurusan kos terus menjadi faktor pendorong utama, Kumpulan mencatatkan kedudukan JAW yang positif dengan pertumbuhan pendapatan sebanyak 14.6% pada 2015, mengatasi pertumbuhan overhead sebanyak 12.9%. Nisbah kos kepada pendapatan (CIR) turut kekal di bawah jajaran dalaman 48.2%.
- Pertumbuhan pembiayaan Kumpulan sebanyak 50.0% iaitu pada kadar 12.0% pada 2014, manakala RWA kredit Kumpulan berkembang pada kadar perlahan 6.8% T-ke-T ketika kami meneruskan inisiatif memaksimumkan RWA.
- Pertumbuhan deposit Kumpulan sebanyak 12.8% T-ke-T, lebih tinggi berbanding pertumbuhan pembiayaan dan ini telah menyebabkan LDR Kumpulan bertambah baik pada kadar 91.5% pada 31 Disember 2015.
- Kedudukan modal Kumpulan Maybank kekal stabil dengan Jumlah Nisbah Modal sebanyak 17.74%, lebih tinggi berbanding 16.24% dalam tahun terdahulu.

Cabaran yang menjejaskan prestasi kami sebahagian besarnya disebabkan kerugian rosot nilai

- Kerugian rosot nilai bersih meningkat kepada RM2.01 bilion pada TK2015 berbanding RM470.83 juta dalam tahun sebelumnya, berikutan peruntukan elaun individu yang tinggi, pembayaran semula yang lebih rendah dan caj rosot nilai yang lebih tinggi bagi portfolio ekuiti yang dipegang oleh perniagaan insurans.
- Pinjaman rosot nilai kasar Kumpulan meningkat kepada 1.86% pada 31 Disember 2015 berbanding 1.52% dalam tahun sebelumnya, berpunca daripada rosot nilai yang dibuat untuk akaun tertentu.

Ganjaran untuk pemegang saham

Lembaga Pengarah telah mencadangkan dividen akhir satu peringkat sebanyak 30 sen yang terdiri daripada bahagian tunai 6 sen sesaham biasa dan bahagian boleh pilih sebanyak 24 sen sesaham biasa. Bahagian boleh pilih boleh dilabur semula di bawah Pelan Pelaburan Semula Dividen.

Jumlah dividen satu peringkat bagi TK2015 adalah sebanyak 54 sen sesaham, yang mewakili nisbah pembayaran dividen sebanyak 76.3%. Sila rujuk di bahagian Saham Maybank dalam laporan tahunan ini untuk maklumat lebih lanjut mengenai dividen berkenaan.

Ulasan Kewangan Kumpulan

KEUNTUNGAN BERSIH

RM6.84 bilion

TK2014: RM6.72 bilion

NISBAH KOS KEPADA PENDAPATAN

48.2%

TK2014: 48.9%

JUMLAH NISBAH MODAL

17.74%

TK2014: 16.24%

SUMBANGAN KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI PASARAN ANTARABANGSA

27.0%

TK2014: 28.8%

PULANGAN KE ATAS EKUITI

12.2%

TK2014: 13.8%

PERTUMBUHAN PEMBIAYAAN KASAR

12.0%

TK2014: 13.4%

Petunjuk Kewangan & Operasi Utama

	TK2015	TK2014
Pulangan ke Atas Ekuiti (%)	12.2	13.8
Margin Faedah Bersih (%)	2.31	2.31
Nisbah Fi kepada Pendapatan (%)	31.5	31.9
Nisbah Pinjaman kepada Deposit (%)	91.5	91.8
Nisbah Kos kepada Pendapatan* (%)	48.2	48.9

Kualiti Aset

Nisbah Rosot Nilai Pinjaman Kasar (%)	1.86	1.52
Nisbah Rosot Nilai Pinjaman Bersih** (%)	1.38	1.04
Liputan Kerugian Pinjaman(%)	72.0	95.6
Kadar Pengenaan Hapus Kira Bersih (mata asas)	(41)	(11)

Kecukupan Modal (Kumpulan)


Nisbah Modal Ekuiti Biasa Tahap 1 (%)	12.78	11.75
Jumlah Nisbah Modal (%)	17.74	16.24

* Nisbah kos kepada pendapatan dikira menggunakan jumlah kos berbanding pendapatan operasi bersih. Jumlah kos Kumpulan merupakan perbelanjaan overhed, tidak termasuk pelunasan aset tidak nampak bagi PT Bank Maybank Indonesia Tbk (dulunya dikenali sebagai PT Bank Internasional Tbk) dan Maybank Kim Eng Holdings Limited.

** Penyata kewangan tahun penuh TK2015 mencerminkan nisbah rosot nilai pinjaman bersih tidak termasuk Akaun Pelaburan MIB sebanyak RM17.66 bilion.

ANALISIS PENYATA PENDAPATAN TK2014

Keuntungan Bersih (RM bilion) & Pendapatan Sesaham (EPS) (sen)



* CY2011: Termasuk keputusan kewangan 12-bulan daripada 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2011.

Ulasan Kewangan Kumpulan

Ringkasan Keuntungan & Kerugian (RM juta)	TK2015	TK2014	T-ke-T
Pendapatan berasaskan dana bersih*	14,545.0	12,616.0	15.3%
Pendapatan berasaskan fi bersih*	6,692.8	5,914.6	13.2%
Pendapatan operasi bersih	21,237.9	18,530.6	14.6%
Perbelanjaan overhead	(10,285.0)	(9,111.3)	12.9%
Keuntungan operasi pra-peruntukan (PPOP)**	10,952.9	9,419.3	16.3%
Kerugian rosot nilai bersih	(2,012.6)	(470.8)	327.5%
Keuntungan operasi	8,940.3	8,948.5	(0.1%)
Keuntungan sebelum cukai dan zakat (PBT)	9,151.5	9,111.6	0.4%
Keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti (Keuntungan Bersih)	6,835.9	6,716.5	1.8%
Pendapatan Sesaham (EPS) - Asas (sen)	72.0	74.2	(2.9%)

* Daripada jumlah Kumpulan, Insurans dan Takaful merangkumi 6.0% daripada pendapatan berasaskan dana bersih dan 12.0% pendapatan berasaskan fi bersih.

** Keuntungan operasi pra-peruntukan (PPOP) adalah bersamaan dengan keuntungan operasi sebelum kerugian rosot nilai.

Pertumbuhan berasaskan francais


- Kumpulan mencatatkan prestasi kewangan yang memberangsangkan pada TK2015 walaupun landskap makro ekonomi mencabar, dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM9.15 bilion dan keuntungan bersih sebanyak RM6.84 bilion.
- Pertumbuhan pendapatan operasi bersih Kumpulan sebanyak 14.6% disokong oleh pertumbuhan pendapatan berasaskan dana bersih 15.3% yang didorong oleh pertumbuhan pembiayaan Kumpulan sebanyak 12.0% dan margin faedah bersih yang stabil sebanyak 2.31%. Pertumbuhan pembiayaan Kumpulan telah disokong oleh kekukuhan francais Perkhidmatan Kewangan Komuniti di pasaran utama dan pertumbuhan di lain-lain pasaran luar negara. Kami turut menyaksikan pertumbuhan pendapatan berasaskan fi bersih yang lebih tinggi sebanyak 13.2%, kesan daripada pendapatan premium insurans bersih, keuntungan daripada tukaran matawang asing, komisyen, caj perkhidmatan dan pendapatan fi daripada operasi perbankan Islam yang lebih tinggi.

Meneruskan pengurusan kos yang menghasilkan JAW positif

- Menerusi inisiatif program pengurusan strategik kos Kumpulan yang efektif, kami telah berjaya memastikan CIR di bawah sasaran dalaman 50.0% berbanding 5 tahun lalu. Bagi TK2015, CIR kami adalah sebanyak 48.2% berbanding dengan 48.9% dalam tahun sebelumnya.
- Kumpulan turut mencapai kedudukan JAW positif dalam tempoh kewangan yang dikaji apabila pertumbuhan pendapatan melebihi pertumbuhan overhead. Pertumbuhan overhead pada 2015 didorong oleh kos kakitangan yang lebih tinggi disebabkan oleh peruntukan yang dibuat untuk perjanjian bersama dengan kesatuan kakitangan Maybank dan perbelanjaan pemasaran yang lebih tinggi berikutan kenaikan perbelanjaan untuk mata ganjaran bagi perniagaan kad kredit kami.

Kerugian rosot nilai bersih yang tinggi

- Perolehan Kumpulan yang lebih tinggi telah diimbangi oleh peningkatan dalam kerugian rosot nilai bersih disebabkan oleh kenaikan dalam elaun individu, pembayaran balik yang lebih rendah berbanding tahun lalu dan kerugian rosot nilai yang lebih tinggi pada portfolio sekuriti perniagaan insurans kami.



Nota: Keuntungan operasi bersih Kumpulan termasuk perbelanjaan ibu pejabat dan lain-lain berjumlah RM952 juta pada TK2015 dan RM2,029 juta pada TK2014.

Ulasan Kewangan Kumpulan

CFS terus menjadi penyumbang terbesar kepada Kumpulan

- CFS meneruskan momentum pertumbuhan positif dengan mencatat pertumbuhan pendapatan operasi bersih 8.9% pada tahun kewangan yang dikaji ketika pendapatan berasaskan dana bersih berkembang 8.0% disokong oleh kekukuhan pertumbuhan pinjaman gadaai janji dan PKS. Turut menyumbang kepada pertumbuhan pendapatan operasi bersih adalah pendapatan berasaskan fi bersih yang lebih tinggi sebanyak RM200.78 juta.

Perbankan Global terjejas oleh kelembapan aktiviti pasaran modal

- Perbankan Global mencatatkan pertumbuhan pendapatan operasi bersih yang positif sebanyak 3.3% pada 2015, terutamanya disebabkan oleh sumbangan lebih tinggi daripada perbankan korporat dan pasaran global hasil daripada kenaikan dalam pertumbuhan pendapatan berasaskan dana bersih, masing-masing sebanyak RM218.79 juta dan RM106.55 juta.

Operasi perbankan antarabangsa merupakan segmen yang paling pantas berkembang

- Operasi perbankan antarabangsa mencatatkan pertumbuhan pendapatan operasi bersih sebanyak 14.3% pada TK2015, disokong oleh pertumbuhan pendapatan berasaskan dana bersih sebanyak 29.9%, manakala pembiayaan kasar antarabangsa berkembang sebanyak 20.8%. Penyumbang utama terdiri daripada Singapura, Indonesia, Labuan Luar Pesisir dan Wilayah Besar China.

Insurans & Takaful terjejas oleh ketidaktentuan pasaran modal

- Perniagaan Insurans & Takaful melaporkan penurunan pendapatan operasi bersih sebanyak 2.0% T-ke-T, khususnya disebabkan oleh keuntungan ekuiti yang rendah dan kerugian nilai saksama belum direalisasi bagi pendapatan lain-lain operasi.

ANALISIS PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Jumlah aset Kumpulan Maybank adalah sebanyak RM708.34 bilion sehingga 31 Disember 2015, 10.6% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya didorong oleh pertumbuhan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan.

Pinjaman Kasar Kumpulan	31 Dis 2015	31 Dis 2014	T-ke-T
Malaysia¹ (RM bilion)	256.5	243.6	5.3%
Perkhidmatan Kewangan Komuniti	182.7	168.8	8.2%
Perbankan Global	73.8	74.8	(1.4%)
Antarabangsa (RM bilion)	196.2	162.4	20.8%
Singapura (S\$ bilion)	37.2	35.1	6.0%
Perkhidmatan Kewangan Komuniti ²	20.2	14.8	36.6%
Perbankan Global ²	16.8	20.1	(16.2%)
Lain-lain	0.2	0.3	(16.0%)
Indonesia (IDR trilion)	114.8	109.3	5.0%
Perkhidmatan Kewangan Komuniti	92.4	84.1	9.9%
Perbankan Global	22.0	24.9	(11.9%)
Lain-lain	0.4	0.3	26.2%
Lain-lain Pasaran (RM bilion)	47.4	38.8	22.2%
Filipina	5.3	3.8	38.7%
Indo China	2.7	1.7	61.2%
Wilayah Besar China	17.4	16.0	9.1%
Lain-lain	22.0	17.3	26.9%
Perbankan Pelaburan (RM bilion)	7.1	4.4	60.7%
Pinjaman Kasar Kumpulan³ (RM bilion)	459.8	410.5	12.0%


¹ Mengambil kira bahagian-bahagian lain – Dis 2015: -RM13 juta berbanding Dis 2014: RM7 juta

² Pertumbuhan pinjaman hingga 31 Disember 2015 adalah selepas pindahan S\$2.2 bilion daripada Perbankan Global ke CFS daripada segmen Perbankan Perniagaan kerana pelarasan semula kepada Segmentasi Pelanggan Kumpulan

³ Termasuk pembiayaan Islam yang dijual kepada Cagamas dan tidak termasuk faedah yang tidak diambil kira

- Pinjaman kasar Kumpulan berkembang 12.0% T-ke-T kepada RM459.76 bilion didorong oleh pertumbuhan pembiayaan kukuh dalam operasi antarabangsa sebanyak 20.8%. Ini telah menyebabkan peningkatan sumbangan pembiayaan kasar luar negara sebanyak 43.6% berbanding 40.3% dalam tahun sebelumnya.
- Pertumbuhan pembiayaan di Singapura sebanyak 6.0% pada 2015 melebihi pertumbuhan pembiayaan industri sebanyak 0.1%, berikutan portfolio Perkhidmatan Kewangan Komuniti (CFS) berkembang 36.6%, disokong oleh pertumbuhan dalam segmen kediaman dan PKS.
- Pembiayaan Indonesia juga menyaksikan pertumbuhan positif sebanyak 5.0% pada 2015 ketika portfolio CFS berkembang 9.9%, didorong oleh Perbankan Perniagaan yang meningkat sebanyak 12.5% dan pertumbuhan Perbankan Runcit sebanyak 9.0%.
- Portfolio Perbankan Global (GB) di ketiga-tiga pasaran utama terjejas dengan aktiviti perbankan korporat yang perlahan pada 2015. Keputusan kami untuk lebih selektif dalam pembiayaan pinjaman bagi portfolio GB adalah disebabkan oleh kelemahan ekonomi makro serantau yang berterusan berpunca daripada harga komoditi yang lebih rendah, matawang ASEAN yang lemah dan aliran perdagangan di kalangan serantau yang lebih perlahan. Akibatnya, portfolio GB Malaysia kami menurun 1.4%, GB Singapura berkurangan sebanyak 16.2% dan GB Indonesia menguncup sebanyak 11.9% pada asas T-ke-T.

Pendapatan Operasi Bersih dan PBT Kumpulan mengikut Geografi



Ulasan Kewangan Kumpulan

Pinjaman Malaysia (RM bilion)	31 Dis 2015	31 Dis 2014	T-ke-T
Perkhidmatan Kewangan Komuniti	182.7	168.8	8.2%
Konsumer	146.9	135.7	8.2%
Jumlah Gadai Janji	69.2	60.9	13.7%
Kewangan Automotif	40.8	38.6	5.7%
Kad Kredit	6.4	5.8	9.6%
Unit Amanah	28.1	28.3	(0.6%)
Lain-lain Pinjaman Runcit	2.4	2.1	12.5%
Perbankan Perniagaan + PKS	35.8	33.1	8.4%
PKS	10.2	7.5	35.9%
Pinjaman Perniagaan	25.6	25.5	0.2%
Perbankan Global (Korporat)	73.8	74.8	(1.4%)
Jumlah Malaysia¹	256.5	243.6	5.3%

¹ Termasuk pembiayaan Islam yang dijual kepada Cagamas dan tidak termasuk faedah yang tidak diambil kira serta termasuk lain-lain bahagian – Dis 15: -RM13 juta berbanding Dis 14: RM7 juta.

- Pinjaman Malaysia berkembang sebanyak 5.3% T-ke-T didorong oleh portfolio CFS.
- CFS, yang merangkumi 71.2% daripada jumlah pinjaman Malaysia berkembang sebanyak 8.2% T-ke-T disokong oleh segmen konsumer dan PKS.
- Pinjaman Konsumer naik sebanyak 8.2% ketika portfolio gadai janji kami yang juga penyumbang terbesar kepada portfolio kami, menyaksikan pertumbuhan pembiayaan sebanyak 13.7% apabila kami menetapkan kedudukan sebagai bank yang terkemuka di pasaran utama melalui perkongsian strategik dengan pemaju hartanah berpengaruh.
- Pinjaman pembiayaan automotif meningkat 5.7% T-ke-T, yang membantu meningkatkan penguasaan pasaran kami daripada 23.0% pada Disember 2014 kepada 23.7% pada Disember 2015.
- PKS terus berkembang kukuh dengan pertumbuhan sebanyak 35.9% T-ke-T disokong oleh pengguna am, perdagangan runcit dan sektor perkhidmatan.
- Pembiayaan Perbankan Global menguncup sebanyak 1.4% T-ke-T kerana kami lebih selektif dalam memberi kelulusan berikutan ketidakpastian pasaran.


Deposit Kasar Kumpulan	31 Dis 2015	31 Dis 2014	T-ke-T
Malaysia (RM bilion)	292.2	278.3	5.0%
Deposit Simpanan	40.0	38.5	4.0%
Akaun Semasa	74.2	72.8	1.9%
Deposit Tetap	163.0	140.8	15.8%
Lain-lain	15.0	26.2	(42.9%)
Antarabangsa	205.1	162.9	25.9%
Singapura (\$ bilion)	43.6	39.6	10.2%
Deposit Simpanan	4.3	4.5	(5.8%)
Akaun Semasa	5.0	5.3	(6.2%)
Deposit Tetap	33.6	29.0	16.0%
Lain-lain	0.8	0.8	(0.1%)
Indonesia (IDR trilion)	115.9	102.8 ¹	12.8%
Deposit Simpanan	25.6	23.5	9.1%
Akaun Semasa	16.2	16.3	(1.2%)
Deposit Tetap	74.2	62.4	18.8%
Deposit Kasar Kumpulan (RM bilion)	495.8	439.6	12.8%

¹ Termasuk lain-lain IDR0.6 trilion.

Pertumbuhan deposit Kumpulan disokong oleh francais yang kukuh di pasaran utama kami

- Deposit Kumpulan meningkat sebanyak 12.8% pada TK2015 kepada RM495.8 bilion berikutan francais pasaran utama kami yang kukuh. Deposit masing-masing berkembang 5.0%, 10.2% and 12.8% di Malaysia, Singapura dan Indonesia.
- Di Malaysia, pertumbuhan deposit meningkat sebanyak 5.0%, melepasi pertumbuhan industri sebanyak 1.1%, yang didorong oleh pertumbuhan deposit tetap sebanyak 15.8%.
- Di Singapura, deposit berkembang sebanyak 10.2%, dua kali ganda daripada pertumbuhan industri sebanyak 4.6% berikutan deposit tetap berkembang sebanyak 16.0%.
- Di Indonesia, deposit meningkat sebanyak 12.8% sebahagian besarnya disokong oleh pertumbuhan deposit tetap sebanyak 18.8% dan pertumbuhan deposit simpanan sebanyak 9.1%.
- Nisbah Akaun Semasa & Akaun Simpanan (CASA) Kumpulan pada TK2015 adalah sebanyak 33.7% pada 31 Disember 2015 berbanding 35.3% tahun sebelumnya.
- Pertumbuhan deposit Kumpulan sebanyak 12.8% mengatasi pertumbuhan pinjaman sebanyak 12.0% pada 2015, menyebabkan nisbah pinjaman kepada deposit bertambah baik pada tahap 91.5% pada 31 Disember 2015 berbanding 91.8% tahun sebelumnya.

Nisbah Rosot Nilai Pinjaman Kasar & Rosot Nilai Pinjaman Bersih



Nota:


Penyata kewangan tahun penuh 2015 mencerminkan nisbah rosot nilai pinjaman bersih tanpa mengambil kira Akaun Pelaburan MIB sebanyak RM17.66 bilion.

- Nisbah rosot nilai pinjaman kasar Kumpulan (GIL) meningkat kepada 1.86% pada 31 Disember 2015 disebabkan oleh rosot nilai yang dibuat untuk akaun perbankan korporat khusus dan akaun perbankan perniagaan.
- Di Malaysia, nisbah GIL bagi portfolio konsumer, PKS dan perbankan korporat kekal rendah di bawah nisbah GIL industri, manakala nisbah GIL perbankan perniagaan kami meningkat berbanding tahun sebelumnya.

Ulakan Kewangan Kumpulan

Kecukupan modal kekal kukuh

- Kumpulan terus memiliki modal yang cukup dengan Nisbah Modal CET1 Kumpulan, Nisbah Modal Peringkat 1 Kumpulan dan Jumlah Nisbah Modal Kumpulan masing-masing sebanyak 12.78%, 14.47% dan 17.74%. Sila rujuk seksyen Pengurusan Modal dalam Laporan Tahunan ini untuk lebih banyak maklumat mengenai kedudukan modal kami.
- Melangkah ke hadapan, kami akan terus proaktif dalam menggunakan modal dengan cekap dan terus mengekalkan tahap modal yang menggalakkan. Kami akan turut memastikan gabungan modal yang optimum untuk menyokong agenda strategik Kumpulan dan memaksimumkan nilai pemegang saham.



- Sebelum dividen dicadangkan
- Selepas dividen dicadangkan, dengan jangkaan kadar pelaburan semula 85%
- Berasaskan kepada Garis Panduan Pelaksanaan BNM*





Nota:

* Berasaskan kepada 85% kadar pelaburan semula di bawah DRP, Nisbah CET1 pelaburan penuh adalah kira-kira 11.95% (Kumpulan) dan 10.62% (Bank), setiap satu. Nisbah modal dikira berdasarkan kepada Garis Panduan Pelaksanaan BNM mengenai Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) yang diterbitkan pada Mei 2013.

Rujuk Pengurusan Modal, m/s 82

Komitmed memberi ganjaran kepada pemegang saham

- Dividen akhir 30 sen sesaham peringkat tunggal sebanyak RM1.00 setiap satu, dengan jumlah pembayaran dividen bersih sebanyak RM2.93 bilion telah dicadangkan oleh Lembaga Pengarah untuk diagihkan kepada pemegang saham yang layak. Cadangan dividen peringkat tunggal terakhir ini terdiri daripada bahagian tunai 6 sen sesaham untuk dibayar secara tunai berjumlah RM0.59 bilion dan bahagian boleh pilih 24 sen sesaham berjumlah RM2.34 bilion.
- Jumlah dividen bagi TK2015 sebanyak 54.0 sen sesaham bersamaan dengan nisbah pembayaran sebanyak 76.3%, yang jauh melebihi dasar pembayaran dividen Kumpulan sebanyak 40%-60%.



* Kadar pelaburan semula bagi Pelan Pelaburan Semula Dividen

Rujuk Saham Maybank, m/s 97

JANGKAAN PADA 2016

- Kumpulan akan meneruskan dengan strategi pengurusan kunci kira-kira pada TK2016, memandangkan halangan makro ekonomi global akan berterusan seperti yang dilihat dalam suku pertama 2016.
- Kami akan kekal menumpukan terhadap pertumbuhan aset berpilih-pilih untuk menguruskan RWA selari dengan pelan modal kami dan terus menguruskan mudah tunai kami secara efektif.
- Kumpulan juga komited untuk meningkatkan produktiviti dan menguruskan perbelanjaan budi bicara pada TK2016.

Pengurusan Modal

Pengenalan

Pendekatan Kumpulan terhadap pengurusan modal didorong oleh objektif strategiknya sambil memastikan bahawa keperluan peraturan, sasaran modal dan selera risiko dipenuhi pada setiap masa di seluruh Kumpulan. Pengurusan modal yang cekap merupakan asas terhadap kemampuan Kumpulan. Sehubungan itu, Kumpulan menguruskan kedudukan modalnya, gabungan modal dan peruntukan modal secara proaktif untuk memenuhi jangkaan pihak pemegang kepentingan utama seperti pengawal selia, pemegang saham, pelabur, agensi penarafan dan penganalisis, sambil memastikan bahawa pulangan ke atas modal berpadanan dengan risiko yang diambil oleh setiap unit perniagaan, syarikat subsidiari dan cawangan-cawangan luar negara. Proses ini melibatkan semakan secara berterusan dan kelulusan daripada pengurusan kanan Maybank serta Lembaga Pengarah, selari dengan selera risiko Kumpulan dan sasaran nisbah kecukupan modal. Peranan pengurusan modal adalah bagi memastikan tahap modal mencukupi dan memiliki gabungan modal yang cekap untuk:

- Mengekalkan nisbah kecukupan modal pada tahap yang melebihi keperluan minimum pengawal selia supaya dapat menyokong pertumbuhan perniagaan dan risiko material yang diambil.
- Mengekalkan penarafan kredit Kumpulan yang kukuh daripada agensi-agensi penarafan tempatan dan antarabangsa.
- Memperuntukkan dan melaksanakan kecekapan modal di unit perniagaan, syarikat subsidiari dan cawangan luar negara bagi mengoptimalkan pulangan atas modal.
- Mengekalkan keanjalan untuk meraih manfaat daripada peluang-peluang strategik masa hadapan; dan
- Membina dan melabur dalam perniagaan, walaupun dalam persekitaran yang mempunyai tekanan yang munasabah.

Pengurusan Modal di Maybank

Pengurusan modal Kumpulan adalah berpandukan kepada dasar dan prosedur pengurusan modal yang mantap di seluruh Kumpulan. Pendekatan Kumpulan untuk menguruskan modal ditetapkan dalam pelbagai rangka kerja yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan (EXCO), Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC) dan Lembaga Pengarah.

a. Rangka Kerja Pengurusan Modal

Rangka Kerja Pengurusan Modal terdiri daripada tadbir urus, dasar dan prosedur yang telah menetapkan syarat-syarat terhadap pengurusan modal yang berkesan di peringkat Kumpulan dan entitinya. Ini termasuk mengenal pasti, menilai, memantau, mengurus dan melaporkan apa-apa perkara berkaitan modal kepada jawatankuasa yang berkaitan seperti EXCO, RMC dan Lembaga Pengarah.

Rangka Kerja Pengurusan Modal mengandungi asas untuk menetapkan sasaran modal dalaman dan juga prinsip bagi pembangunan dan penggunaan Pengukuran Prestasi Risiko Terlaras (RAPM) untuk mengukur dan mengurus pulangan atas modal di seluruh kumpulan.

b. Pelan Kontingensi Modal

Memelihara tahap modal semua entiti di seluruh kumpulan adalah amat penting. Pelan Kontingensi Modal adalah untuk memastikan pemantauan kedudukan modal dan menyediakan rangka kerja bagi memastikan pemantauan mantap kedudukan modal dan menyediakan rangka kerja tadbir urus yang berkesan dan mempertingkatkan proses sekiranya berlaku krisis modal.

Pelan Kontingensi Modal memformulasikan dasar, strategi dan pelan tindakan untuk memulihkan modal kembali ke tahap yang menggalakkan dalam masa yang paling cepat tanpa menjejaskan rancangan perniagaan, pertumbuhan aset dan agenda strategik.

c. Pelan Modal Tahunan

Pelan Modal Tahunan melibatkan perancangan terperinci pelan modal strategik Kumpulan untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun. Pelan ini menggariskan unjuran modal, keperluan modal, tahap modal dan campuran modal untuk menyokong pelan perniagaan Kumpulan dan objektif strategiknya.

Selain itu, Pelan Modal Tahunan turut meliputi kemas kini terhadap keperluan modal pengawal selia selari dengan keperluan modal dalam bidang kuasa di mana Kumpulan mempunyai operasi, jangkaan terhadap pemegang kepentingan utama, antara lain seperti pengawal selia, pelabur, penganalisis dan agensi penarafan, prestasi sektor perniagaan menerusi RAPM dan keputusan ujian tekanan.

Inisiatif Modal Sepanjang Tahun 2015

Kumpulan menguruskan kedudukan modalnya secara proaktif bagi memastikan ia dapat memenuhi keperluan modal Basel III yang ketat, jangkaan pemegang kepentingan dan menyokong objektif perniagaan strategik. Berikut adalah beberapa inisiatif utama yang telah dilaksanakan oleh Kumpulan pada 2015:

- Maybank menyelesaikan Pelan Pelaburan Semula Dividen ke-10 dan 11 bagi dividen akhir tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2014 dan dividen interim bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2015 dengan kadar pelaburan semula masing-masing sebanyak 82.6% dan 87.5%. Selain memberi peluang kepada pemegang saham untuk terus melabur dalam saham Maybank, DRP juga memastikan tahap modal Kumpulan sentiasa kukuh.
- Maybank menerbitkan dua Nota Subordinat Tahap 2 mengikut pematuhan Basel III berjumlah RM2.2 bilion dan RM1.1 bilion setiap satu pada Oktober 2015. Selain mengukuhkan jumlah asas modal, terbitan modal berkenaan turut membantu meningkatkan gabungan modal Kumpulan dengan instrumen modal subordinat mengikut pematuhan Basel III.

Struktur Modal


Kumpulan meletakkan penekanan yang tinggi terhadap kualiti modal yang dimilikinya bagi memastikan ia sentiasa memenuhi keperluan peraturan minimum dan menyokong pertumbuhan perniagaan dan risiko yang diambil. Sehubungan itu, Kumpulan memegang sejumlah besar modal dalam bentuk ekuiti biasa yang kekal dan mempunyai keupayaan penyerapan kerugian tertinggi secara berterusan.

Selain daripada ekuiti biasa, Kumpulan juga mengekalkan jenis-jenis instrumen modal seperti Sekuriti Modal Tambahan Tahap 1 dan Hutang Subordinat untuk mengoptimalkan campuran modal dan mengurangkan kos modal keseluruhan.

Pengurusan Modal

NISBAH KECUKUPAN MODAL

Kumpulan perlu memenuhi Rangka Kerja Kecukupan Modal Bank Negara Malaysia bagi menentukan modal dan pengiraan nisbah kecukupan modal (CAR) yang tertakluk kepada siri aturan peralihan, bermula pada 1 Januari 2013 dan akan berkuat kuasa pada 2019. Di bawah rangka kerja kecukupan modal BNM yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 2013, Maybank perlu mengekalkan keperluan minimum kawal selia Ekuiti Biasa Tahap 1 (CET1), Nisbah Modal Tahap 1 dan Nisbah Jumlah Modal sebanyak 4.5%, 6.0% dan 8.0% setiap satu bermula 1 Januari 2015. Keperluan modal minimum yang ditetapkan pengawal selia turut meliputi pengenalan Penamparan Pemuliharaan Modal sebanyak 2.5% yang akan dimulakan secara berperingkat dari 1 Januari 2016 hingga 1 Januari 2019.



Sebagai tambahan kepada Penamparan Pemuliharaan Modal, BNM juga mungkin memperkenalkan Modal Penamparan Menentang Kitaran antara 0% dan 2.5% daripada jumlah aset berlawanan risiko dan keperluan tambahan menyerap kerugian untuk kepentingan sistemik institusi perbankan. Modal Penamparan Menentang Kitaran akan ditentukan sebagai purata berlawanan bagi keperluan Penamparan Menentang Kitaran semasa yang digunakan dalam bidang kuasa yang mana institusi perbankan mempunyai pendedahan kredit. Keperluan tambahan menyerap kerugian bagi institusi perbankan berkepentingan sistemik kemudiannya akan dinilai oleh BNM jika terdapat keperluan untuk institusi perbankan besar beroperasi pada tahap modal yang tinggi. Selain itu, BNM mungkin mengenakan penamparan modal lain yang dianggap wajar dengan mengambil kira profil risiko tertentu sesebuah institusi perbankan.

Jadual di bawah menunjukkan nisbah kecukupan modal yang munasabah bagi Kumpulan dan Bank untuk tahun kewangan 2014 and 2015.

Nisbah Kecukupan Modal	Kumpulan		Bank		Peraturan Minimum BNM	
	2015	2014	2015	2014	2015	2014
Nisbah Modal CET 1 (%)	12.780	11.747	15.781	16.275	4.5	4.0
Nisbah Modal Tahap 1 (%)	14.471	13.539	17.969	16.275	6.0	5.5
Nisbah Jumlah Modal (%)	17.743	16.235	17.969	16.275	8.0	8.0

DIVIDEN

Kumpulan mengekalkan dasar pembayaran dividen tahunan jangka panjang antara 40% hingga 60% bagi menyediakan pendapatan dividen yang stabil untuk pemegang saham. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen interim berjumlah RM2.3 bilion atau 24 sen sesaham, yang terdiri daripada bahagian tunai 4 sen sesaham dan bahagian boleh pilih 20 sen sesaham. Lembaga Pengarah turut mencadangkan dividen akhir berjumlah RM2.9 bilion atau 30 sen sesaham, yang terdiri daripada bahagian tunai 6 sen sesaham dan bahagian boleh pilih 24 sen sesaham. Jumlah pembayaran dividen bagi TK2015 adalah sebanyak 54 sen sesaham.

Bahagian boleh pilih bagi dividen akhir akan mewakili DRP ke-12 Maybank yang sekali lagi akan menyediakan peluang buat pemegang saham untuk terus melabur semula dalam saham Maybank.

MELANGKAH KEHADAPAN

Kumpulan akan terus proaktif dan cekap dalam penggunaan modal dan akan sentiasa memantau perkembangan yang melibatkan keperluan modal yang ditetapkan oleh pihak pengawal selia serta perkembangan berkaitan pasaran modal. Kumpulan juga komited untuk memastikan tahap modal yang menggalakkan dengan gabungan modal optimal untuk memberikan sokongan kepada agenda strategik Kumpulan, dan pada masa yang sama, memaksimumkan nilai kepada para pemegang saham.

Prestasi Kewangan

Ringkasan Lima Tahun Kewangan Kumpulan

	Kumpulan				
	FP 31 Dis	TK 31 Dis			
	2011 ¹	2012	2013	2014	2015
KEPUTUSAN OPERASI (RM'juta)²					
Hasil operasi	12,892	31,227	33,251	35,712	40,556
Keuntungan operasi	3,497	7,744	8,730	8,948	8,940
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	3,571	7,896	8,870	9,112	9,152
Keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank	2,587	5,746	6,552	6,716	6,836
PENYATA UTAMA MAKLUMAT KEDUDUKAN KEWANGAN (RM'juta)²					
Jumlah aset	451,632	494,757	560,319	640,300	708,345
Portfolio pelaburan kewangan ³	84,669	92,820	107,672	115,911	122,166
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	276,253	311,825	355,618	403,513	453,493
Jumlah liabiliti	415,747	450,942	512,576	585,559	644,831
Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	314,692	347,156	395,611	439,569	478,151
Akaun pelaburan pelanggan	-	-	-	-	17,658
Komitmen dan tanggungan luar jangkaan	369,792	379,695	433,829	551,960	719,695
Modal berbayar	7,639	8,440	8,862	9,319	9,762
Ekuiti pemegang-pemegang saham	34,337	42,095	45,997	52,975	61,695
MAKLUMAT SAHAM²					
Sesaham (sen)					
Pendapatan asas	34.5	72.7	75.8	74.2	72.0
Pendapatan dicairkan	34.5	72.7	75.7	74.1	72.0
Dividen kasar	36.0	65.0	53.5	57.0	54.0
Aset bersih (sen)	449.5	498.8	519.0	568.5	632.0
Harga saham pada 31 Dis (RM)	8.58	9.20	9.94	9.17	8.40
Pemodalasan pasaran (RM'juta)	65,546	77,648	88,088	85,455	81,999
NISBAH KEWANGAN (%)²					
Nisbah Keuntungan/Penguasaan Pasaran					
Margin faedah bersih atas aset pendapatan faedah purata	2.5 ⁶	2.6	2.5	2.3	2.4
Faedah bersih atas aset wajaran risiko purata	4.0 ⁶	4.2	4.2	3.9	4.1
Pulangan bersih dana pemegang saham purata	15.2 ⁶	16.0 ⁷	15.1	13.8	12.2
Pulangan bersih aset purata	1.2 ⁶	1.2	1.2	1.1	1.0
Pulangan bersih aset wajaran risiko purata	2.0 ⁶	2.1	2.2	2.0	1.9
Nisbah kos kepada pendapatan ⁴	49.7	48.6	47.8	48.9	48.2
Penguasaan pasaran domestik dalam:					
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	17.9	18.2	18.4	18.4	18.0
Deposit daripada pelanggan – Akaun Simpanan	27.6	27.7	27.7	27.6	25.4
Deposit daripada pelanggan – Akaun Semasa	19.5	20.2	20.4	21.1	19.9
NISBAH KECUKUPAN MODAL (%)					
Nisbah Modal CET1	-	-	11.253	11.747	12.780
Nisbah Modal Tahap 1	-	-	13.059	13.539	14.471
Jumlah Nisbah Modal	-	-	15.664	16.235	17.743
Nisbah Modal Teras ⁵ (selepas ditolak cadangan dividen akhir)	11.0 - 11.7	12.8 - 13.5	-	-	-
Nisbah Modal Berwajaran Risiko ⁵ (selepas ditolak cadangan dividen akhir)	15.7 - 16.4	16.6 - 17.4	-	-	-
NISBAH KUALITI ASET²					
Nisbah pinjaman rosot nilai bersih pinjaman tidak berbayar (%)	1.86	1.09	0.95	1.04	1.43
Liputan kerugian pinjaman (%)	86.9	105.6	107.5	95.6	72.0
Pinjaman bersih kepada nisbah deposit (%) ⁸	87.8	89.8	89.9	91.8	91.5
Deposit kepada dana pemegang saham (gandaan) ⁹	9.2	8.2	8.6	8.3	7.8
PENILAIAN ATAS SAHAM²					
Hasil dividen kasar (%)	4.2	7.1	5.4	6.2	6.4
Nisbah pembayaran dividen (%)	79.9	74.7	71.9	78.5	76.3
Gandaan harga kepada pendapatan (kali ganda)	24.9	12.7	13.1	12.4	11.7
Gandaan harga kepada penyata (kali ganda)	1.9	1.8	1.9	1.6	1.3

¹ Keputusan kewangan meliputi tempoh kewangan selama enam bulan berakhir 31 Disember 2011 berikutan perubahan akhir tahun kewangan dari 30 Jun ke 31 Disember.

² Angka-angka perbandingan telah dinyatakan semula berikutan perubahan dalam dasar perakaunan.

³ Portfolio pelaburan kewangan terdiri daripada aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pelaburan kewangan tersedia untuk dijual dan pelaburan kewangan dipegang sehingga matang.

⁴ Nisbah kos kepada pendapatan dikira berdasarkan jumlah kos berbanding pendapatan bersih. Jumlah kos Kumpulan adalah jumlah perbelanjaan overhead, tidak termasuk pelunasan aset tidak ketara bagi PT Bank Internasional Indonesia Tbk dan Maybank Kim Eng Holdings Limited.

⁵ Nisbah kecukupan modal bagi Disember 2012, Disember 2011 dan Jun 2011 memberikan dua kemungkinan yang ekstrem, iaitu (i) bahagian boleh pilih penuh tidak dilabur semula; dan (ii) bahagian boleh pilih penuh dilaburkan semula dalam saham biasa baru selaras dengan Plan Pelaburan Semula Dividen.

⁶ Secara Tahunan

⁷ Dikira berdasarkan kepada peruntukan semula wajaran tambahan modal sebanyak RM3.66 bilion yang diraih pada bulan Oktober 2012.

⁸ Pinjaman bersih kepada nisbah deposit bagi Disember 2015 dikira berdasarkan jumlah deposit daripada pelanggan dan akaun pelaburan pelanggan berbanding pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan.


⁹ Deposit kepada dana pemegang saham bagi Disember 2015 adalah termasuk akaun pelaburan pelanggan.

Prestasi Kewangan

	Bank	
	TK 31 Dis	
	2014	2015
	20,507	23,112
	7,344	6,985
	7,344	6,985
	5,903	5,834
	452,559	492,391
	92,156	93,501
	264,524	287,057
	406,387	440,773
	306,939	330,627
	-	-
	519,486	679,351
	9,319	9,762
	46,173	51,618
	65.2	61.5
	65.2	61.5
	57.0	54.0
	495.5	528.8
	-	-
	-	-
	1.8	1.9
	2.9	3.2
	13.9	11.9
	1.4	1.2
	2.5	2.2
	40.6	42.5
	18.4	18.0
	27.6	25.4
	21.1	19.9
	16.275	15.781
	16.275	17.969
	16.275	17.969
	-	-
	-	-
	1.05	1.37
	103.0	75.0
	86.2	86.8
	6.6	6.4
	-	-
	-	-
	-	-
	-	-


Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat

RM9.15 bilion




Keuntungan Boleh Diagih Kepada Pemegang-pemegang Ekuiti Bank

RM6.84 bilion




Jumlah Aset

RM708.3 bilion




Jumlah Liabiliti

RM644.8 bilion




Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

RM453.5 bilion




Deposit daripada Pelanggan

RM478.2 bilion




Ekuiti Pemegang Saham

RM61.7 bilion



Modal Berbayar

RM9.8 bilion




Prestasi Kewangan


Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan

Jumlah Aset

- Tunai dan dana jangka pendek
- Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan
- Portfolio pelaburan kewangan
- Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan
- Aset-aset lain
- Deposit berkanun dengan bank pusat




PADA 31 DISEMBER 2014




PADA 31 DISEMBER 2015

Jumlah Liabiliti & Ekuiti Pemegang Saham

- Deposit daripada pelanggan
- Akaun pelaburan pelanggan
- Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan
- Liabiliti lain
- Pinjaman, tanggungan subordinat dan sekuriti modal
- Ekuiti pemegang saham



PADA 31 DISEMBER 2014



PADA 31 DISEMBER 2015

Prestasi Kewangan

Prestasi Suku Tahunan Kewangan Kumpulan

RM' juta	TK 31 Dis 2015				
	S1	S2	S3	S4	TAHUN
Hasil operasi	9,184	8,936	11,384	11,052	40,556
Pendapatan faedah bersih (termasuk pendapatan daripada Operasi Skim Perbankan Islam)	3,538	3,647	3,981	3,887	15,053
Perolehan premium insurans bersih	987	1,050	1,008	1,151	4,196
Pendapatan operasi lain	1,560	1,196	1,366	1,651	5,773
Jumlah pendapatan operasi	6,085	5,893	6,355	6,689	25,022
Keuntungan operasi	2,199	2,075	2,349	2,317	8,940
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	2,242	2,151	2,383	2,376	9,152
Keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank	1,700	1,585	1,899	1,652	6,836
Pendapatan sesaham (sen)	18.27	16.76	19.93	17.08	72.04
Dividen sesaham (sen)	-	24.00	-	30.00	54.00

RM' juta	TK 31 Dis 2014				
	S1	S2	S3	S4	TAHUN
Hasil operasi	8,357	8,759	8,934	9,662	35,712
Pendapatan faedah bersih (termasuk pendapatan daripada Operasi Skim Perbankan Islam)	3,201	3,217	3,310	3,247	12,975
Perolehan premium insurans bersih	922	1,029	968	1,027	3,946
Pendapatan operasi lain	1,232	1,365	1,396	1,547	5,540
Jumlah pendapatan operasi	5,356	5,611	5,673	5,821	22,461
Keuntungan operasi	2,171	2,210	2,181	2,386	8,948
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	2,208	2,247	2,226	2,431	9,112
Keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank	1,602	1,575	1,608	1,931	6,716
Pendapatan sesaham (sen)	18.09	17.47	17.62	20.75	74.15
Dividen sesaham (sen)	-	24.00	-	33.00	57.00

Faedah Utama Berkaitan Aset Dan Liabiliti

	TK 31 Dis 2014			TK 31 Dis 2015		
	Pada 31 Dis RM' juta	Kadar Faedah Efektif %	Faedah Pendapatan/ Perbelanjaan RM' juta	Pada 31 Dis RM' juta	Kadar Faedah Efektif %	Faedah Pendapatan/ Perbelanjaan RM' juta
Faedah aset pendapatan						
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	403,513	5.30	18,446	453,493	5.37	21,494
Tunai dan dana jangka pendek & deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	68,959	2.13	960	69,266	2.24	981
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	23,705	4.30	801	17,223	4.75	643
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	82,631	4.14	2,698	90,262	3.50	2,707
Pelaburan kewangan dipegang sehingga matang	9,575	4.97	285	14,682	4.90	510
Faedah berkaitan liabiliti						
Deposit daripada pelanggan	439,569	2.08	8,496	478,151	1.85	9,434
Akaun pelaburan pelanggan	-	-	-	17,658	3.47	116
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	57,387	1.96	1,165	39,014	1.48	1,423
Pinjaman	18,522	3.25	461	30,644	2.76	693
Tanggungan subordinat	15,640	4.16	701	20,252	4.23	818
Sekuriti modal	5,902	5.73	384	6,049	6.01	380

Prestasi Kewangan

Penyata Nilai Tambah

	TK 31 Dis 2014 RM'000	TK 31 Dis 2015 RM'000
Nilai Tambah		
Pendapatan faedah bersih	9,703,703	11,114,145
Pendapatan daripada operasi Skim Perbankan Islam	3,271,211	3,938,637
Perolehan premium insurans bersih	3,946,068	4,196,699
Pendapatan operasi lain	5,540,439	5,772,867
Manfaat insuran dan tuntutan ditanggung bersih, perbelanjaan yuran dan komisen bersih, perubahan dalam liabiliti perbelanjaan dan cukai dana hayat dan takaful	(3,930,819)	(3,784,427)
Perbelanjaan overhead tidak termasuk perbelanjaan kakitangan, susut nilai dan pelunasan	(3,529,338)	(3,879,647)
Peruntukan bagi kerugian rosot nilai atas pinjaman, pendahuluan, pembiayaan dan hutang lain, nilai bersih	(400,392)	(1,683,557)
Peruntukan bagi kerugian rosot nilai atas pelaburan kewangan, nilai bersih	(70,440)	(329,022)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	163,125	211,246
Nilai tambah sedia ada untuk pengagihan	14,693,557	15,556,941

	TK 31 Dis 2014 RM'000	TK 31 Dis 2015 RM'000
Pengagihan Nilai Tambah		
Kepada kakitangan:		
Perbelanjaan kakitangan	5,019,296	5,765,147
Kepada Kerajaan:		
Percukaian	2,200,540	2,165,160
Kepada penyedia modal:		
Dividen dibayar kepada pemegang saham	4,939,066	5,358,939
Kepentingan tidak dikawal	194,588	150,449
Untuk dilabur semula dalam Kumpulan:		
Susut nilai dan pelunasan	562,678	640,246
Keuntungan terkumpul	1,777,389	1,477,000
Nilai tambah sedia ada untuk pengagihan	14,693,557	15,556,941


Prestasi Kewangan

Maklumat Segmen

Analisis Mengikut Kedudukan Geografi


	Pendapatan operasi bersih		Keuntungan sebelum cukai dan zakat	
	TK 31 Dis 2014 RM'000	TK 31 Dis 2015 RM'000	TK 31 Dis 2014 RM'000	TK 31 Dis 2015 RM'000
Malaysia	14,941,392	16,728,707	8,898,151	9,144,397
Singapura	3,073,428	3,555,164	1,307,960	1,449,284
Indonesia	2,239,999	2,769,164	276,612	337,785
Lokasi-lokasi lain	1,368,317	1,283,936	1,035,481	684,505
Penyingkiran	(3,092,534)	(3,099,050)	(2,406,621)	(2,464,423)
	18,530,602	21,237,921	9,111,583	9,151,548

Pendapatan Operasi Bersih (RM' juta)



Nota: Jumlah pendapatan operasi bersih termasuk pendapatan operasi antara segmen yang disingkirkan semasa penyatuan berjumlah RM3,099 juta untuk TK 31 Disember 2015 dan RM3,092 juta untuk TK 31 Disember 2014.

Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat (RM'juta)



Nota: Jumlah keuntungan sebelum cukai dan zakat termasuk keuntungan antara segmen yang disingkirkan semasa penyatuan berjumlah RM2,464 juta untuk TK 31 Disember 2015 dan RM2,406 juta untuk TK 31 Disember 2014.


Prestasi Kewangan

Maklumat Segmen

Analisis Mengikut Aktiviti


	Pendapatan operasi bersih		Keuntungan sebelum cukai dan zakat	
	TK 31 Dis 2014 RM'000	TK 31 Dis 2015 RM'000	TK 31 Dis 2014 RM'000	TK 31 Dis 2015 RM'000
Perkhidmatan Kewangan Komuniti	7,515,148	8,180,355	4,271,546	3,599,466
Perbankan Global				
Perbankan Korporat	2,382,067	2,478,009	1,633,098	1,691,546
Pasaran Global	1,690,732	1,788,349	1,489,607	1,524,068
Perbankan Pelaburan	1,515,299	1,500,304	489,154	409,402
Pengurusan Aset	100,240	110,183	760	(6,772)
Perbankan Antarabangsa	5,676,692	6,486,576	2,370,135	2,151,075
Insurans dan Takaful	1,679,475	1,646,241	886,334	734,859
Ibu Pejabat dan Lain-lain	(2,029,051)	(952,096)	(2,029,051)	(952,096)
	18,530,602	21,237,921	9,111,583	9,151,548

Pendapatan Operasi Bersih (RM'juta)



Nota: Jumlah pendapatan operasi bersih termasuk perbelanjaan Ibu pejabat dan Lain-lain berjumlah RM952 juta untuk TK 31 Disember 2015 dan RM2,029 juta untuk TK 31 Disember 2014.

Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat (RM'juta)



Nota: Jumlah keuntungan sebelum cukai dan zakat termasuk perbelanjaan Ibu Pejabat dan lain-lain berjumlah RM952 juta untuk TK 31 Disember 2015 dan RM2,029 juta untuk TK 31 Disember 2014.

Maklumat Pelabur

Perhubungan Pelabur

Ketika Maybank berkembang di seluruh rantau ini, kami menyedari tanggungjawab untuk memupuk perhubungan yang kukuh dengan komuniti pelaburan global dan pihak berkepentingan dengan menyediakan komunikasi yang berkesan dan telus. Ini dapat mewujudkan pemahaman lebih baik dan keyakinan dengan Kumpulan yang akan mewujudkan nilai pemegang saham yang lebih besar.

Kami terus meningkatkan kualiti pendedahan sepanjang tahun kewangan yang disemak untuk menangani permintaan yang meningkat daripada komuniti pelaburan tentang maklumat yang lebih terperinci dan khusus berikutan lanskap ekonomi dan perbankan yang lebih mencabar. Kerja berpasukan yang efektif antara kumpulan Perhubungan Pelabur dan pelbagai penyedia maklumat serta peneraju dalam Kumpulan Maybank membolehkan kami untuk menyediakan maklumat yang diperlukan bagi memberi perkhidmatan lebih baik untuk memenuhi keperluan pihak berkepentingan kami.

Pada 2015, Perhubungan Pelabur Maybank meneruskan strategi untuk mempelbagaikan asas pemegang sahamnya dengan menasaskan kepada dana pasaran sedang muncul, keutamaan kepada dana fokus Asia dan/atau ASEAN, serta dana jangka panjang institusi kewangan dan dana modal besar. Kami turut menasaskan bakal-bakal pelabur yang mempunyai pendedahan kepada bank-bank lain, dan juga pelabur pendapatan tetap.

Dengan matlamat berkenaan, sepanjang tahun kewangan Maybank telah menyertai 8 persidangan dan 3 promosi bergerak yang mempunyai fokus serantau dan bertemakan ASEAN, selari dengan aspirasi Kumpulan untuk menjadi peneraju perkhidmatan kewangan serantau. Kami telah meningkatkan perhubungan dengan pelabur berpendapatan tetap dengan menyertai promosi bergerak tanpa janji niaga dan persidangan sepanjang tahun berkenaan.

Kami bertemu dengan 387 penganalisis dan pengurus dana dari 290 syarikat, yang merupakan peningkatan 20% dari segi jumlah syarikat berbanding tahun sebelumnya. Pengurusan telah berkongsi strategi dan prestasi Kumpulan serta menerima maklum balas amat bernilai daripada kedua-dua pemegang saham semasa dan bakal pemegang saham.

Taklimat penganalisis bagi Pengumuman Keputusan Suku Tahunan

Bagi pengumuman keputusan kewangan Kumpulan enam bulan dan tahun penuh, kami telah menganjurkan dua taklimat media dan penganalisis di ibu pejabat di Kuala Lumpur, Malaysia. Taklimat penganalisis berkenaan turut dibuka kepada peserta asing menerusi persidangan telefon. Sejajar dengan dasar kami, taklimat bagi keputusan kewangan suku pertama dan ketiga telah dianjurkan secara persidangan telefon. Bagi memastikan pelabur dan penganalisis mendapat laluan pengumuman keputusan yang lengkap dan sama rata, kami menyediakan bahan berkaitan taklimat menerusi emel yang dihantar ke semua dalam senarai penghantaran Bank dan turut disediakan di laman korporat sebaik pengumuman dibuat ke Bursa Malaysia. Bahan taklimat termasuk penyata kewangan untuk bursa, maklumat untuk penganalisis dan siaran media mengandungi maklumat berikut:

- Prestasi dan kedudukan kewangan suku tahun Kumpulan.
- Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama Kumpulan.
- Sorotan pencapaian Maybank berbanding objektif strategik 5 tahun.
- Tinjauan dan panduan ekonomi TK2015.
- Prestasi lain pasaran utama seperti Singapura dan Indonesia serta lain-lain operasi seperti perbankan Islam dan insurans.
- Maklumat seperti pendedahan kepada sektor komoditi dan lain-lain maklumat yang dirasakan berguna untuk komuniti pelaburan.

Mesyuarat Agung Tahunan

Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Maybank ke-55 telah berlangsung pada 7 April 2015 di Kuala Lumpur, Malaysia. Ketika AGM, pemegang saham dibenarkan mengemukakan soalan dan memberikan maklum balas kepada Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan. Semua penyelesaian yang dicadangkan telah dluluskan oleh pemegang saham.

Laman Sesawang

Laman sesawang korporat Maybank di www.maybank.com terus menjadi saluran penting bagi pengedaran maklumat pelabur dan menerima pertanyaan serta maklum balas dari dalam dan luar negara. Pasukan Perhubungan Pelabur sentiasa memastikan bahawa seksyen Perhubungan Pelabur dalam laman sesawang korporat di www.maybank.com/ir dikemaskinikan dengan maklumat terkini Kumpulan.

Analisis Daftar Saham

Dalam tahun kewangan ini, tiga analisis daftar saham telah dikendalikan yang menyediakan maklumat terperinci mengenai struktur pegangan saham Maybank termasuk pecahan mengenai pemegang saham mengikut jenis, corak pelaburan dan lokasi geografi (Rujuk muka surat 95). Analisis mengenai aktiviti pembelian dan penjualan pemegang saham sepanjang tahun membolehkan kami untuk membuat sasaran pelabur dan merancang program pelaburan yang sesuai.

Penarafan Kredit

Maybank merupakan antara penerbit sekuriti hutang dan modal terbesar di Malaysia. Untuk menyediakan pendapat bebas mengenai Kumpulan kepada pelabur pendapatan tetap dan lain-lain pihak berkepentingan, kami sentiasa mengekalkan penarafan kredit dengan enam agensi penarafan: RAM Ratings, Malaysian Rating Corporation (MARC), Standard and Poor's (S&P), Moody's Investors Service, Fitch Ratings dan Capital Intelligence. Rujuk muka surat 94 untuk maklumat terperinci penarafan kredit Maybank.

Acara Utama	Tarikh
Pengumuman Keputusan Kewangan	
Suku Keempat TK2014	26 Februari 2015
Suku Pertama TK2015	28 Mei 2015
Suku Kedua TK2015	27 Ogos 2015
Suku Ketiga TK2015	26 November 2015
Lain-lain Acara	
Mesyuarat Agung Tahunan ke-55 bagi TK2014	7 April 2015




Sila layari www.maybank.com/ir untuk maklumat lanjut


Maklumat Pelabur

Perhubungan Pelabur


Bilangan Penganalisis dan Pengurus Dana Ditemui (Mesyuarat di Pejabat dan Promosi Bergerak)



Persidangan Pelabur & Promosi Bergerak Tanpa Urus Niaga



Jumlah Syarikat Ditemui (Mesyuarat di Pejabat dan Promosi Bergerak)



PERSIDANGAN DAN PAMERAN BERGERAK

Dalam tahun kewangan, Maybank menyertai 11 persidangan dan promosi bergerak di mana Pengurusan Kanan bertemu dengan pelabur sedia ada dan berpotensi untuk menyampaikan maklumat terkini tentang fokus strategik Maybank, prestasi terkini dan prospek masa hadapan.

Tempat	Acara	Tarikh	Penganjur
Tokyo, Jepun	Promosi Bergerak Tanpa Urus Niaga Kumpulan Maybank	4-6 Mac 2015	Maybank Kim Eng bersama Sumitomo Mitsubishi/ Nikko/ Daiwa dan HSBC
Singapura	Invest ASEAN 2015 – Singapura	31 Mac 2015 - 1 April 2015	Maybank Kim Eng
Kuala Lumpur, Malaysia	Invest Malaysia 2015	23 April 2015	CIMB & Bursa Malaysia
Bangkok, Thailand	Invest ASEAN 2015 – Thailand	15 Jun 2015	Maybank Kim Eng
Kuala Lumpur, Malaysia	Lawatan Penerokaan Bank-Bank ASEAN	23 Jun 2015	Macquarie
Singapura	Forum Pelabur Asian 2015	1 September 2015	Standard Chartered
Singapura	Persidangan ASEAN 2015	2 September 2015	UBS
Singapura	Forum Pelabur Asian 2015	23-24 September 2015	BNP Paribas
Hong Kong	Pameran Bergerak Tanpa Urus Niaga Kumpulan Maybank	25 September 2015	Citigroup
Jakarta, Indonesia	Invest ASEAN 2015 - Indonesia	6 Oktober 2015	Maybank Kim Eng
Tokyo, Jepun	Promosi Bergerak Berkaitan Tanpa Urus Niaga Kumpulan Maybank	4-6 November 2015	Daiwa

Maklumat Pelabur Perhubungan Pelabur

Liputan Penganalisis

Maybank mendapat liputan daripada 24 penganalisis dari firma penyelidikan yang berikut, sekali gus mencerminkan minat yang kukuh di kalangan firma penyelidikan ekuiti bahagian jualan tempatan dan asing.

No.	Firma Penyelidikan	Penganalisis	No.	Firma Penyelidikan	Penganalisis
1	Affin Hwang Capital	Tan Ei Leen	13	JP Morgan Securities Singapore	Harsh Wardhan Modi
2	Alliance DBS Research	Lim Sue Lin	14	KAF Seagroatt & Campbell Securities	Chehan Perera
3	AmResearch	Rachel Huang	15	Kenanga Investment Bank	Chan Jit Hoong
4	Bank of America Merrill Lynch (Singapura)	Tay Chin Seng	16	Macquarie Capital Securities	Thomas Stoegner
5	CIMB Investment Bank	Winson Ng	17	MIDF Amanah Investment Bank Berhad	Kelvin Ong Poh Meng
6	Citigroup Global Markets Singapore	Robert P. Kong	18	Morgan Stanley Research	Nick Lord
7	CLSA Securities Malaysia	Anand Pathmakanthan	19	Nomura Securities Malaysia	Jai Singh
8	Credit Suisse	Danny Goh	20	RHB Research Institute	David Chong
9	Deutsche Bank	Sukrit Khatri	21	S&P Capital IQ	Siti Rudziah Salikin
10	Goldman Sachs (Singapura)	Benjamin Koo	22	TA Securities	Wong Li Hsia
11	Hong Leong Investment Bank	Low Yee Huap	23	UBS Securities (Malaysia)	Chris Oh
12	HSBC Ltd, Singapore	Loo Kar Weng	24	UOB Kay Hian	Keith Wee

Bidang utama yang dibincangkan pada sesi perhubungan kami dengan pelabur pada 2015 adalah khususnya mengenai kedudukan makro ekonomi di pasaran utama Kumpulan, strategi serantau, tinjauan terhadap pemacu prestasi kewangan Kumpulan, pertumbuhan pembiayaan dan deposit, serta pengurusan modal. Bidang tertentu yang menjadi minat ketika sesi pelabur adalah:

Bidang Tumpuan	
Lanskap ekonomi dan sektor perbankan	Kesan terhadap ekonomi global yang lembap, khususnya kelembapan ekonomi China, terhadap rantau ASEAN, kelemahan nilai ringgit dan harga komoditi yang lebih rendah adalah isu yang diberi perhatian. Bagi mencapai matlamat ini, Maybank terus menyediakan maklumat terkini mengenai prospek ekonomi serta pendedahan Kumpulan kepada sektor komoditi dipasaran utamanya.
Strategi	Strategi regionalisasi Maybank terus menjadi minat kepada pelabur. Maybank sentiasa mengemaskini semua perkembangan mengenai pencapaian matlamat strategi 5 tahunnya dan menyediakan maklumat mengenai kedudukan persaingan di Malaysia, di pasaran utama dan serantau serta sisipan maklumat terperinci oleh unit perniagaan utama dalam dokumen maklumat pelabur.
ROE dan pertumbuhan pinjaman	Dengan persekitaran yang semakin mencabar kerana ekonomi yang perlahan dan inflasi yang semakin meningkat sebahagiannya berikutan pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan di Malaysia, seterusnya membawa kepada isu-isu kualiti aset yang berpotensi, Maybank telah mengemaskinikan pelabur mengenai peralihan ke arah pengurusan kunci kira-kira dan bukannya memberi tumpuan kepada pertumbuhan pinjaman. Dalam pembentangan bagi Suku ke-2, Maybank turut menyediakan pelabur dengan panduan TK2015 yang disemak semula. Sasaran ROE pula telah dikurangkan kepada 12% - 13% berbanding 13% - 14% manakala pertumbuhan pinjaman Kumpulan disemak semula kepada 8% - 9% daripada 9% - 10%.
Pertumbuhan deposit dan mudah tunai	Pertumbuhan deposit dan mudah tunai kekal sebagai tumpuan di kalangan pelabur berikutan peningkatan nisbah pinjaman kepada deposit dalam Kumpulan. Bagi menunjukkan keazamannya dalam menguruskan mudah tunai, dalam menyemak semula panduan separuh pertama TK2015, Maybank telah meningkatkan pertumbuhan deposit kepada 10% - 11% daripada 9% - 10%. Maybank turut memberi jaminan bahawa Nisbah Liputan Mudah Tunai yang dimilikinya melebihi syarat keperluan Bank Negara Malaysia.
Margin Faedah Bersih (NIM)	Pelabur bimbang dengan kekurangan margin faedah bersih (NIM) berikutan peningkatan kos pembiayaan dan persaingan harga aset. Maybank terus memberi panduan kepada pelabur mengenai tahap NIM dan menunjukkan bahawa dengan tumpuan terhadap pertumbuhan pinjaman terpilih-pilih dan disiplin harga, Kumpulan berupaya memastikan kestabilan NIM.
Pendapatan berasaskan fi	Dengan aktiviti pasaran modal yang perlahan, pelabur bimbang mengenai pertumbuhan pendapatan berasaskan fi yang perlahan dan kualitinya. Maybank sentiasa menyediakan sejarah prestasi pendapatan berasaskan fi mengikut komponen untuk membantu dari segi keuntungan tukaran matawang asing serta pendapatan berasaskan insurans dan perbankan Islam.
Overhed	Peningkatan kos dalam industri perbankan telah menyebabkan kebimbangan di kalangan pelabur. Maybank sentiasa mengemaskinikan pelabur mengenai perkembangan Program Pengurusan Kos Strategik Kumpulan, menjelaskan mengenai impak item "untuk sekali sahaja" dan menyediakan maklumat terperinci mengenai strategi bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan di seluruh Kumpulan, sambil membuktikan bahawa nisbah kos berbanding pendapatan Kumpulan adalah di bawah purata sasaran dalaman sebanyak 50%.
Kualiti aset	Pertumbuhan ekonomi yang perlahan serta sentimen pengguna dan perniagaan yang lemah di rantau ini telah menyebabkan pelabur bertanya mengenai tanda-tanda isu peningkatan kualiti aset, tren dalam kadar hapus kira kredit bersih dan sumber-sumber bagi potensi pinjaman rosot nilai. Kumpulan mengekalkan pendedahan petunjuk kualiti asetnya di peringkat Kumpulan, mengikut pasaran dan untuk segmen perniagaan utama pada setiap sesi taklimat keputusan dan menjelaskan bahawa kenaikan dalam nisbah pinjaman rosot nilai bukannya sistemik tetapi Kumpulan tetap memantau sektor yang mudah terjejas seperti sektor komoditi dan Perbankan Perniagaan. Pada taklimat pengumuman keputusan kewangan, Kumpulan turut berkongsi maklumat mengenai isu kualiti aset tertentu pada tahap yang sewajarnya.
Pengurusan modal dan dasar dividen	Para pelabur umumnya amat positif dengan nisbah modal Maybank yang secara relatifnya mantap tetapi turut mengemukakan soalan mengenai strategi pembiayaan menjelang pelaksanaan penuh Basel III dan mengenai pengkorporatan operasi Maybank di Singapura. Pihak pengurusan terus menyediakan pendedahan nisbah modal di bawah senario berbeza termasuk jika dimuatkan sepenuhnya dan rancangan bagi Pelan Pelaburan Dividen Semula dalam mengekalkan hasil dividen yang tinggi, sambil mengekalkan modal. Pihak pengurusan turut menyediakan pandangan kepada pelabur mengenai potensi syarat keperluan baharu yang mungkin memberi kesan kepada kedudukan modal di peringkat Bank atau Kumpulan.

Maklumat Pelabur

Perhubungan Pelabur

PENARAFAN KREDIT

Maybank diberi penarafan oleh enam agensi penarafan, yang mana empat daripadanya merupakan agensi penarafan asing (S&P, Moody's, Fitch dan Capital Intelligence) dengan penarafan A- atau penarafan kredit bersamaan dengannya yang setaraf dengan penarafan kedaulatan Malaysia. Dua agensi penarafan tempatan, RAM Ratings dan MARC, memberikan penarafan AAA kepada Maybank.

Pada 2015, penarafan kredit oleh semua agensi penarafan kekal tidak berubah sepanjang tahun. Bagaimanapun, tinjauan oleh Moody's telah disemak semula dari Positif kepada Stabil sejajar dengan penarafan kedaulatan Malaysia yang telah disemak semula pada tahap yang sama pada Januari 2016. Fitch Ratings mengekalkan Tinjauan Maybank pada tahap Negatif walaupun Tinjauan Kedaulatan Malaysia telah disemak semula dari Negatif ke Stabil.

Agensi-agensi penarafan kredit mengendalikan ulasan tahunan terhadap Maybank. Komunikasi sering diadakan dengan agensi penarafan kredit serta pengawal selia bagi memastikan bahawa Kumpulan sentiasa menggunakan amalan pengurusan modal berhemah, dan sentiasa memastikan untuk mengekalkan penarafan kredit gred pelaburan.

Penarafan Agensi	Tarikh Dikeluarkan	Pengelasan	Penilaian	Tinjauan
Standard & Poor's	18 Dis 2015	Penarafan Kredit Timbalawan Skala Penarafan ASEAN Saham Keutamaan Senior Tidak Berjamin (Skala Serantau Wilayah Besar China) Senior Tidak Berjamin Subordinat	A- / Stabil / A-2 axAA / -- / axA-1 BB+ cnAA A- / A-2 BBB+	Stabil
Moody's Investors Service	28 Jan 2016	Tinjauan Deposit Bank Matawang Asing Deposit Bank Matawang Setempat Penilaian Kredit 'Baseline' Penilaian Kredit 'Baseline' Diselaraskan Subordinat Junior Penilaian Risiko Timbalawan	Stabil A3 / P-2 A3 / P-2 a3 a3 Baa2 (hybrid) A2(cr) / P-1(cr)	Stabil
Fitch Ratings	9 Sep 2015	Penarafan Kemungkinan Terbitan Asing Jangka Panjang Penarafan Kemungkinan Terbitan Asing Jangka Pendek Penarafan Kemungkinan Terbitan Tempatan Jangka Panjang Penarafan Berdaya Maju Penarafan Sokongan Penarafan Sokongan Minimum Nota Senior Nota Subordinat Pematuhan Basel II Sekuriti Hibrid Tahap 1 Pematuhan Basel II	A- / Negatif F2 A- / Negatif a- 2 BBB A- BBB+ BB+	Negatif
RAM Ratings	28 Dis 2015	Penarafan Institut Kewangan Skala Nasional Penarafan Institut Kewangan Skala ASEAN Program Sekuriti Modal Inovatif Tahap 1 sehingga RM4.0 bilion (2008/2073) Program Sekuriti Modal Bukan Inovatif Tahap 1 sehingga RM3.5 bilion Program Nota Subordinat Modal Tahap 2 sehingga RM3.0 bilion (2011/2031) Program Nota Subordinat RM7 bilion (2013/2032) Program Sekuriti Modal Tambahan Tahap 1 sehingga RM10.0 bilion	AAA / Stabil / P1 seaAAA / Stabil / seaP1 AA2 / Stabil AA2 / Stabil AA1 / Stabil AA1 / Stabil AA3 / Stabil	Stabil
Malaysian Rating Corporation Bhd	29 Jul 2015	Penarafan Jangka Panjang Institusi Kewangan Penarafan Jangka Pendek Institusi Kewangan Tinjauan	AAA MARC-1 Stabil	Stabil
Capital Intelligence	17 Feb 2015	Matawang Asing-Jangka Panjang Matawang Asing-Jangka Pendek Kekuatan Kewangan Sokongan Tinjauan-Matawang Asing Tinjauan-Kekuatan Kewangan	A- A2 A- 1 Stabil Stabil	Stabil

Maklumat Pelabur Perhubungan Pelabur

LAIN-LAIN MAKLUMAT

Tahun Kewangan

31 Disember

Pegangan Saham Asing

31 Disember 2014	22.54%
31 Disember 2015	17.43%

Kod Penanda

Bursa Malaysia	MYX:1155
Bloomberg	MAY MK EQUITY
Reuters	MBBM.KL

American Depository Receipts (ADR)

Bloomberg	MLYBY US
Reuters	MLYBY.PK

Pendaftar Saham


Tricor Investor Services Sdn Bhd
Unit 32-01, Tingkat 32
Tower A, Vertical Business Suite
Avenue 3, Bangsar South
No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur

Telefon : 603-2783 9299
Fax : 603-2783 9222
Emel : is.enquiry@my.tricorglobal.com




ANALISIS PEMEGANG SAHAM

- Maybank memiliki asas pemegang saham yang pelbagai dengan sebanyak 68,121 pemegang saham di seluruh dunia sehingga 31 Disember 2015, 8.4% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya.
- Analisis pemegang saham mengikut rantau menunjukkan bahawa 76.5% adalah dari Malaysia dan 5.5% dari Amerika Utara, 3.8% dari Asia (tidak termasuk Malaysia) dan United Kingdom (UK) masing-masing, 1.5% dari Eropah (tidak termasuk UK) dan 8.9% dari lain-lain negara.
- Kebanyakan saham Maybank dipegang oleh pelabur institusi iaitu sebanyak 90.8%, diikuti dengan pelabur swasta sebanyak 2.3%, manakala baki sebanyak 6.9% dipegang oleh lain-lain jenis pelabur.
- Analisis pemegang saham mengikut stail menunjukkan bahawa 70.1% adalah dana teras/stail neutral, 4.5% adalah dana indeks, 3.6% dana pelbagai stail, 2.8% dana berasaskan nilai, 1.1% dana quant, 0.6% dana pertumbuhan, manakala baki sebanyak 17.3% dipegang oleh dana lain-lain stail pelaburan.

Jumlah Pemegang Saham



Struktur Pemegang Saham




Maklumat Pelabur

Perhubungan Pelabur

PEGANGAN SAHAM ASING

Pada 2015, pegangan saham asing Maybank telah susut sebanyak 5.11% mata kepada 17.43% berbanding 22.54% pada tahun sebelumnya. Penurunan ini adalah selari dengan kedudukan pasaran, dengan Indeks Komposit FBM KL turun 3.9%, kerana dana ekuiti asing keluar dari Malaysia berikutan penurunan nilai Ringgit dan disebabkan oleh jangkaan bahawa Rizab Persekutuan akan meningkatkan kadar faedah di Amerika Syarikat (AS).

Pegangan Saham Asing Maybank dan Indeks Komposit FBM KL (2012-2015)



	2012	2013	2014	2015
Tinggi	19.58% 21 Dis	25.99% 24 Mei	23.14% 17 Okt	22.53% 2 Jan
Rendah	13.33% 6 Jan	19.58% 4 Jan	21.11% 14 Mac	17.43% 31 Dis
Tutup	19.54% 31 Dis	21.70% 31 Dis	22.54% 31 Dis	17.43% 31 Dis
Perubahan T-ke-T	6.26% mata	2.16% mata	0.84% mata	(5.11%) mata

Maklumat Pelabur

Saham Maybank

Jumlah pulangan pemegang saham Maybank mengatasi indeks penanda aras industri dengan mengekalkan pembayaran dividen yang tinggi meskipun dalam keadaan pasaran yang umumnya lemah.

RINGKASAN

- Jumlah Pulangan Pemegang Saham sebanyak -2.46% adalah lebih tinggi daripada penanda aras Indeks Kewangan KL sebanyak -6.46%, tetapi ketinggalan berbanding penanda aras Indeks Komposit FBM KL sebanyak -1.49%.
- Jumlah dividen sebanyak 54 sen sesaham pada 2015 bersamaan nisbah pembayaran dividen sebanyak 76.3%, jauh lebih tinggi daripada kadar dasar antara 40% hingga 60%.
- Mengekalkan hasil dividen yang tinggi sebanyak 6.4% berbanding 6.2% pada 2014.


PRESTASI HARGA SAHAM

Pergerakan harga saham Maybank untuk tempoh suku pertama 2015 ketinggalan berbanding kedua-dua Indeks Komposit FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur (FBM KLCI) dan Indeks Kewangan Bursa Malaysia (Indeks Kewangan BM), meningkat 1.74% berbanding kenaikan 3.95% dan 3.38% bagi FBM KLCI dan Indeks Kewangan BM, setiap satu, berikutan kebimbangan terhadap kelewatan pembayaran semula hutang oleh 1MDB, yang kemudiannya telah dibayar pada Februari. Harga saham Maybank meningkat pada kadar tertinggi tahunan pada RM9.55 pada 7 dan 8 April, manakala FBM KLCI dan Indeks Kewangan BM, kedua-duanya telah mencatat rekod tertinggi tahunan pada 21 April iaitu pada 1,862.80 dan 16,530.88, setiap satu. Bagaimanapun, penjualan besar-besaran ekuiti global yang dicituskan oleh kelemahan minyak mentah yang berpanjangan dan kelemahan nilai Ringgit telah menyebabkan pasaran jatuh dalam suku kedua. Saham Maybank jatuh 2.04% berbanding penurunan besar FBM KLCI dan Indeks Kewangan BM, masing-masing sebanyak 6.78% dan 4.94%.

Suku ketiga menyaksikan penurunan pasaran lebih mendalam dengan kejatuhan sebanyak 6.35%, 5.02% dan 9.84% bagi Maybank, FBM KLCI dan Indeks Kewangan BM setiap satu, berikutan sentimen yang sama dilihat dalam suku kedua selain ketidakpastian terhadap permulaan kenaikan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan AS. Saham Maybank berada pada RM8.19 apabila pasaran jatuh ke paras tahunan paling rendah pada 24 Ogos dengan FBM KLCI pada 1,532.14 dan Indeks Kewangan BM pada 13,675.61, masing-masing jatuh 13.01% dan 12.92% berbanding akhir 2014.

Pasaran pulih sedikit pada suku keempat dengan FBM KLCI dan Indeks Kewangan BM meningkat 4.41% dan 1.76% setiap satu, tetapi harga saham Maybank kekal rendah, jatuh ke paras tahunan paling rendah iaitu kepada RM8.18 pada 18 November dan 15 Disember, jatuh 10.80% berbanding akhir 2014, dan diniagakan lemah antara RM8.20 hingga RM8.50 dalam dua bulan terakhir tahun kewangan yang disemak. Maybank menutup tahun berkenaan pada RM8.40, yang juga 8.40% lebih rendah berbanding tahun sebelumnya manakala FBM KLCI dan Indeks Kewangan BM susut 3.90% dan 9.84%, setiap satu.

Harga Saham Maybank dan Jumlah Urus Niaga 2015



Harga Saham (RM)	S1	S2	S3	S4	2015
Tinggi	9.35 3 Mac	9.55 7-8 Apr	9.29 2 Jul	8.71 7 Okt	9.55 7-8 Apr
Rendah	8.39 14 Jan	9.03 29 Mei	8.19 17 Ogos	8.18 18 Nov/15 Dis	8.18 18 Nov/15 Dis
Tutup	9.33 31 Mac	9.14 30 Jun	8.56 30 Sep	8.40 31 Dis	8.40 31 Dis
Jajaran Dagangan	0.96	0.52	1.10	0.53	1.37

Purata	S1	S2	S3	S4	2015
Harga (RM)	9.01	9.29	8.79	8.41	8.88
Jumlah Harian (juta)	10.57	8.79	12.74	9.06	10.28

Maklumat Pelabur

Saham Maybank

Prestasi Relatif Harga Saham Maybank berbanding Penanda Aras



	31 Dis 2014	Harga Saham dan Prestasi Indeks					2015	Jumlah Pulangan Pemegang Saham 2015
		S1	S2	S3	S4	2015		
Maybank (RM)	9.17	9.33	9.14	8.56	8.40	8.40		
Perubahan (RM)		0.16	(0.19)	(0.58)	(0.16)	(0.77)		
Perubahan (%)		1.74	(2.04)	(6.35)	(1.87)	(8.40)	(2.46)	
FBM KLCI	1,761.25	1,830.78	1,706.64	1,621.04	1,692.51	1,692.51		
Perubahan (mata asas)		69.53	(124.14)	(85.60)	71.47	(68.74)		
Perubahan (%)		3.95	(6.78)	(5.02)	4.41	(3.90)	(0.97)	
Indeks Kewangan Bursa Malaysia	15,704.35	16,234.77	15,432.56	13,914.36	14,159.21	14,159.21		
Perubahan (mata asas)		530.42	(802.21)	(1,518.20)	244.85	(1,545.14)		
Perubahan (%)		3.38	(4.94)	(9.84)	1.76	(9.84)	(6.46)	

ANGKA-ANGKA UTAMA BERKAITAN SAHAM

	TK2007	TK2008	TK2009	TK2010	TK2011	FP2011	TK2012	TK2013	TK2014	TK2015
Permodalan Pasaran (RM bilion)	46.7	34.4	41.8	53.5	66.9	65.5	77.6	88.1	85.5	82.0
Jumlah Pulangan Pemegang Saham, TSR (%)	19.30	(21.43)	(3.88)	31.69	28.13	(0.16)	15.60	14.30	(2.49)	(2.46)
Dividen sesaham (sen)	57.5	44.0	8.0	55.0	60.0	36.0	65.0	53.5	57.0	54.0
Hasil Dividen (%)	6.7	7.4	1.4	7.3	6.7	4.2	7.1	5.4	6.2	6.4
Harga Penutup (RM)	8.62	6.33	5.90	7.56	8.94	8.58	9.20	9.94	9.17	8.40
Purata harga saham (RM)	8.46	8.00	5.25	6.94	8.60	8.45	8.81	9.80	9.73	8.88
Harga saham penutup tertinggi (RM)	9.84	9.20	7.14	7.72	9.29	8.99	9.46	10.74	10.16	9.55
Harga saham penutup terendah (RM)	7.47	6.33	3.57	5.60	7.53	7.51	8.19	8.84	8.29	8.18
Pendapatan asas sesaham (sen)	58.5	53.3	12.0	53.9	61.4	34.5	72.7	75.8	74.2	72.0

Maklumat Pelabur Saham Maybank

JUMLAH PULANGAN PEMEGANG SAHAM


Pulangan Jumlah Pemegang Saham	TK07	TK08	TK09	TK10	TK11	FP11*	CY11^	TK12	TK13	TK14	TK15
Maybank	19.30%	(21.43%)	(3.88%)	31.69%	28.13%	(0.16%)	8.37%	15.60%	14.30%	(2.49%)	(2.46%)
Indeks FBM KLCI	54.30%	(8.20%)	(5.26%)	26.09%	24.83%	(1.11%)	4.45%	14.27%	14.11%	(2.62%)	(0.97%)
Indeks Kewangan Bursa Malaysia	53.23%	(19.79%)	1.70%	43.81%	32.86%	(5.69%)	4.58%	16.99%	15.09%	(3.82%)	(6.46%)

Prestasi Relatif Maybank	TK07	TK08	TK09	TK10	TK11	FP11*	CY11^	TK12	TK13	TK14	TK15
Indeks FBM KLCI	(35.00%)	(13.23%)	1.38%	5.60%	3.30%	0.95%	3.92%	1.33%	0.19%	0.13%	(1.49%)
Indeks Kewangan Bursa Malaysia	(33.93%)	(1.64%)	(5.58%)	(12.12%)	(4.73%)	5.53%	3.79%	(1.39%)	(0.79%)	1.33%	4.00%

Nota

- * FP11 merujuk kepada tahun kewangan 6-bulan apabila Maybank menukar tahun kewangan berakhir 31 Disember daripada 30 Jun. TK07 hingga TK11 adalah tempoh 12 bulan yang berakhir pada 30 Jun.
- ^ CY11 merujuk kepada tahun kalendar 12-bulan yang tidak diaudit dan ditunjukkan untuk tujuan ilustrasi.

Sejarah Prestasi Harga Saham dan Peristiwa Penting Maybank




JUMLAH PULANGAN PEMEGANG SAHAM JANGKA PANJANG

Tempoh Pegangan (tahun)	25	20	15	10	5	3	2	1
Tarikh Pelaburan (31 Dis)	1990	1995	2000	2005	2010	2012	2013	2014
Jumlah Pulangan Pemegang Saham (%)								
Maybank	1,883.55	298.88	196.41	85.96	35.70	9.12	(4.35)	(2.46)
Indeks FBM KLCI	234.54	222.48	318.17	167.18	30.60	9.87	(3.48)	(0.97)
Indeks Kewangan Bursa Malaysia	N.A.	87.24	179.24	174.27	26.36	3.72	(9.66)	(6.46)
Pulangan Kadar Tahunan Efekif (%)								
Maybank	12.68	7.16	7.51	6.39	6.29	2.95	(2.20)	(2.46)
Indeks FBM KLCI	4.95	6.02	10.00	10.32	5.48	3.19	(1.75)	(0.97)
Indeks Kewangan Bursa Malaysia	N.A.	3.18	7.08	10.61	4.79	1.22	(4.95)	(6.46)

Maklumat Pelabur Saham Maybank

KEUNTUNGAN EKONOMI

- Keuntungan ekonomi merupakan pengukur utama bagi penciptaan nilai pemegang saham. Maybank telah menjejaki prestasi Keuntungan Ekonomi sejak 2005, dan menggunakan jajaran pengukur berkaitan sebagai sebahagian daripada proses mengukur prestasi dalamannya.
- Keuntungan ekonomi telah dicadangkan oleh sekretariat Jawatankuasa Putrajaya mengenai Prestasi Tinggi GLC (PCG) untuk mengukur pulangan syarikat berbanding kos modalnya.
- Pada 2015, Keuntungan Ekonomi Maybank berkurangan sebanyak 32.7% kepada RM1.41 bilion berbanding RM2.09 bilion dalam tahun kewangan terdahulu berikutan kos ekuiti yang tinggi.



DASAR DIVIDEN

Kumpulan mempunyai dasar dividen dengan Nisbah Pembayaran Dividen antara 40% hingga 60% daripada pendapatan boleh diagih seluruh tahun kepada pemegang saham. Bagaimanapun, dengan Pelan Pelaburan Semula Dividen yang diperkenalkan pada tahun kewangan 2010, Kumpulan telah dapat memberikan nisbah pembayaran yang tinggi melebihi 70%, iaitu antara 71.9% (TK2013) dan 79.9% (tempoh kewangan 2011).


DIVIDEN DAN PELAN PELABURAN SEMULA DIVIDEN

Pada 7 April 2016 di Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga Pengarah akan mencadangkan dividen akhir satu peringkat sebanyak 30 sen. Bersama dengan dividen interim 24 sen, jumlah dividen bagi TK2015 adalah sebanyak 54 sen, berbanding 57 sen yang dibayar dalam tahun sebelumnya.

Dividen tahun penuh sebanyak 54 sen menyumbang kepada nisbah pembayaran dividen sebanyak 76.3%, berbanding 78.5% dalam tahun kewangan sebelumnya dan melebihi kadar dasar dividen antara 40% dan 60%.

Dividen akhir akan diterbitkan mengikut Pelan Pelaburan Semula Dividen (DRP) ke-12 yang mana dividen tunai satu peringkat sebanyak 30 sen akan merangkumi bahagian boleh pilih sebanyak 24 sen, yang boleh dipilih untuk dilabur semula dalam saham biasa baru dan bahagian tunai sebanyak 6 sen. Maybank akan terus menggunakan DRP sebagai strategi pentingnya untuk mengekalkan modal ekuiti dan pada masa yang sama menyediakan pendapatan dividen yang menggalakkan untuk pemegang saham.

DRP yang lalu telah mendapat sambutan baik daripada pemegang saham dengan purata pelaburan semula sebanyak 86.7%, dalam jajaran antara 82.6% hingga 91.1% sepanjang 11 DRP yang lalu. Ini menunjukkan keyakinan pelabur terhadap Maybank.



Maklumat Pelabur Saham Maybank

SEJARAH DIVIDEN

		Pelan Pelaburan Semula Dividen											
		Dividen sesaham (sen)	No. DRP	Dividend sesaham (sen)		Kadar Pelaburan Semula	Harga Terbitan	Diskaun	Pengisytiharan	Tarikh Penetapan Harga untuk DRP	Lepas Tarikh	Tarikh Rekod	Tarikh Bayaran
				Tunai	Bahagian Boleh Pilih								
TK2010	Interim	11							9 Feb 10		2 Mac 10	4 Mac 10	16 Mac 10
	Akhir	44	1	4	40	88.6%	7.70	9.90%	20 Ogos 10	4 Nov 10	18 Nov 10	22 Nov 10	20 Dis 10
	Jumlah	55											
TK2011	Interim	28	2	4	24	91.1%	7.70	9.60%	21 Feb 11	31 Mac 11	12 Apr 11	14 Apr 11	12 Mei 11
	Akhir	32	3	4	28	86.1%	7.70	7.83%	22 Ogos 11	15 Nov 11	25 Nov 11	30 Nov 11	28 Dis 11
	Jumlah	60											
FP2011	Akhir	36	4	4	32	88.5%	8.00	5.77%	23 Feb 12	17 Apr 12	27 Apr 12	2 Mei 12	4 Jun 12
	Jumlah	36											
TK2012	Interim	32	5	4	28	88.2%	8.40	4.65%	16 Ogos 12	7 Sep 12	20 Sep 12	24 Sep 12	25 Okt 12
	Akhir	33	6	4	29	85.7%	8.80	5.17%	21 Feb 13	12 Apr 13	25 Apr 13	29 Apr 13	29 Mei 13
	Jumlah	65											
TK2013	Interim	22.5	7	6.5	16	85.9%	9.20	5.40%	21 Ogos 13	10 Sep 13	24 Sep 13	26 Sep 13	25 Okt 13
	Akhir	31	8	4	27	85.9%	8.95	5.09%	27 Feb 14	16 Apr 14	29 Apr 14	2 Mei 14	30 Mei 14
	Jumlah	53.5											
TK2014	Interim	24	9	4	20	84.0%	9.30	5.49%	28 Ogos 14	12 Sep 14	25 Sep 14	29 Sep 14	28 Okt 14
	Akhir	33	10	10	23	82.6%	8.70	5.23%	26 Feb 15	10 Apr 15	23 Apr 15	27 Apr 15	26 Mei 15
	Jumlah	57											
TK2015	Interim	24	11	4	20	87.5%	7.50	9.53%	27 Ogos 15	25 Sep 15	8 Okt 15	12 Okt 15	11 Nov 15
	Akhir	30	12	6	24	-	-	-	25 Feb 16	-	-	-	-
	Jumlah	54											

AMERICAN DEPOSITORY RECEIPTS (ADR)

Maybank telah diniagakan di Amerika Syarikat sejak 2005 menerusi kemudahan ADR tajaan penyenaraian NYSE dengan The Bank of New York Mellon sebagai pendeposit, dalam usaha untuk mempelbagai dan meningkatkan pemilikan AS dan juga meningkatkan profil Maybank di pasaran AS. ADR diniagakan di bawah penanda MLYBY US di Bloomberg dan MLYBY.PK di Reuters.



Sila layari www.maybank.com/drp untuk maklumat lanjut

Perkhidmatan Kewangan Komuniti



DATUK LIM HONG TAT

Ketua Kumpulan, Perkhidmatan Kewangan Komuniti

“Disebalik keadaan pasaran yang mencabar di Malaysia serta di rantau ini, kami amat berbangga dengan apa yang telah kami capai selain mencapai kemajuan dalam segmen perniagaan dan usaha sama merentas sektor.

Dalam tahun yang akan datang, kami akan meneruskan momentum yang telah dibina, meningkatkan perniagaan dengan penuh tanggungjawab, sentiasa dekat dengan komuniti di tempat kami beroperasi dan berpaksikan kepada misi untuk Menginsankan Perkhidmatan Kewangan. Kami juga meningkatkan tumpuan untuk mengtransformasikan perbankan digital.”

TINJAUAN 2016

Pada 2015, Perkhidmatan Kewangan Komuniti (CFS) telah mencapai keputusan yang membanggakan walaupun terdapat cabaran dalam persekitaran pasaran – melepasi pertumbuhan industri dalam portfolio perniagaan utama. Kami optimistik bahawa momentum ini boleh dikekalkan dalam tahun 2016 bagi mencapai sasaran pertumbuhan untuk tahun berkenaan. Walaupun kami menjangkakan pasaran akan kekal mencabar dengan persaingan yang sengit, kami percaya terdapat banyak peluang yang mana kami boleh memanfaatkan kekuatan yang ada untuk terus melangkah ke hadapan. Keutamaan tahun ini adalah bagi mengembangkan fokus perniagaan berlandaskan segmen, meraih lebih banyak sinergi daripada rangkaian serantau dan juga memajukan perbankan digital. Ketika kami mengejar pertumbuhan dan sasaran pada 2016, kami juga komited terhadap misi “Menginsankan Perkhidmatan Kewangan” dan kami akan sentiasa dekat dengan komuniti di tempat kami beroperasi. Sehubungan itu ini juga, kami berusaha untuk terus menjadi bank pilihan pengguna.

Keutamaan Kami pada 2016

- Fokus perniagaan berlandaskan segmen
- Pertumbuhan didorong kecekapan modal dan mudah tunai
- Mengembangkan saluran capaian menerusi pendigitalan yang meluas
- Meraih nilai yang besar daripada rangkaian serantau

Sorotan Utama pada tahun 2015

Perkhidmatan Kewangan Komuniti Kumpulan (GCFS)

- Keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM4.95 bilion dan perolehan sebanyak RM12.04 bilion bagi Tahun Kewangan 2015.
- Pertumbuhan pembiayaan dan deposit dua angka masing-masing sebanyak 11.7% dan 15.7%.

CFS Malaysia

- PBT CFS Malaysia menutup TK2015 dengan mencatat sebanyak RM3.60 bilion dan perolehan sebanyak RM8.18 bilion.
- Pertumbuhan pembiayaan dan deposit masing-masing sebanyak 8.2% dan 10.5%.
- Kualiti aset stabil dengan nisbah pembiayaan rosot nilai kasar (GIL) sebanyak 1.87% dan nisbah GIL konsumer yang rendah sebanyak 0.46%.



ULASAN

Perkhidmatan Kewangan Komuniti merupakan cabang perbankan runcit Kumpulan Maybank – bertindak sebagai pusat sehenti menyeluruh yang memberi perkhidmatan kepada pelanggan konsumer, PKS dan Perbankan Perniagaan (BB). Sebagai penyedia perkhidmatan kewangan peneraju di Malaysia, kami berkhidmat untuk komuniti menerusi rangkaian pelbagai saluran yang terdiri daripada cawangan, terminal layan diri, capaian perbankan digital yang meluas dan operasi pusat panggilan 24-jam sehari.

Dengan jangkaan penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan peluang-peluang yang ada, Perkhidmatan Kewangan Komuniti Kumpulan (GCFS) ditubuhkan pada 2013 untuk mengintegrasikan sektor perbankan runcit dan komersil di pasaran utama di mana kami beroperasi iaitu Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina, Kemboja, Laos dan Brunei. Matlamatnya adalah untuk memanfaatkan kehadiran meluas kami di rantau ini untuk menyediakan nilai perkhidmatan yang sewajarnya dan memberikan pengalaman perbankan serantau yang lancar. Ini bagi memahatkan kedudukan kami sebagai bank peneraju di rantau ini.

Sejak itu, kami telah melancarkan beberapa inisiatif berimpak tinggi untuk mengukuhkan francais kami, termasuk memperkenalkan empat Pusat Kecemerlangan (CoE) serantau bagi perniagaan Kad, Perbankan Premier dan Kekayaan, Perbankan Peribadi dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi mengambil peluang daripada tiga aliran kenaikan di ASEAN: peningkatan golongan kaya, perpindahan penduduk dan PKS sebagai tulang belakang bagi memperkasakan ekonomi negara di rantau ini. Hasilnya amat menggalakkan. Sejak 2013, kadar pertumbuhan tahunan terkumpul (CAGR) GCFS telah berkembang 14.9% kepada RM277.8 bilion pada 2015, manakala CAGR deposit meningkat 14.1% kepada RM326.4 bilion. Keuntungan sebelum cukai pula sebanyak RM4.95 bilion pada 2015, dengan sumbangan luar negara sebanyak 23.3%, naik daripada 20.8% pada 2014.

Perkhidmatan Kewangan Komuniti



RM' bilion	TK2014	TK2015	T-ke-T (%)
Pinjaman Kasar CFS	168.8	182.7	8.2%
- Gadai Janji	60.9	69.2	13.7%
- Pinjaman Automotif	38.6	40.8	5.7%
- Pinjaman Runcit	30.4	30.5	0.3%
- Kad	5.8	6.4	9.6%
- PKS & Perbankan Perniagaan yang terdiri daripada:	33.1	35.8	8.4%
PKS	7.5	10.2	35.9%
Perbankan Perniagaan	25.5	25.6	0.2%
Deposit CFS	186.6	206.2	10.5%
- Konsumer	116.9	128.2	9.7%
- PKS & Perbankan Perniagaan	69.7	77.9	11.8%
Nisbah Rosot Nilai Pinjaman Kasar CFS	2.05%	1.87%	(0.18%)
- Konsumer	0.48%	0.46%	(0.02%)
- PKS & Perbankan Perniagaan	8.52%	7.70%	(0.82%)

ULASAN PRESTASI CFS MALAYSIA 2015

Dari semua sudut, 2015 merupakan tahun yang bercampur-campur bagi kami. Walaupun persaingan sengit dan kedudukan pasaran perlahan, buat pertama kalinya kami berjaya merekodkan perolehan melebihi RM8 bilion. Francais CFS kami kekal sebagai penyumbang perolehan utama kepada Kumpulan Maybank pada 2015, dengan sumbangan sebanyak 72% bagi jumlah perolehan operasi domestik Kumpulan.


Kebanyakan portfolio perniagaan kami mengatasi pertumbuhan industri dengan keseluruhan pembiayaan dan deposit berkembang sebanyak 8.2% dan 10.5%, setiap satu. Pembiayaan gadai janji hartanah berkembang 13.7%, lebih baik daripada industri sebanyak 11.5%. Pada masa sama, pembiayaan automotif dan perniagaan PKS mencatatkan pertumbuhan 5.7% dan 35.9%, setiap satu, mengatasi kadar industri sebanyak 2.3% dan 9.4%, setiap satu. Untuk deposit, pertumbuhan diperoleh daripada Deposit Runcit yang berkembang sebanyak 9.7%, serta segmen PKS dan Perbankan Perniagaan yang masing-masing berkembang sebanyak 13.8% dan 6.2%.

Ketika kami meneruskan pertumbuhan, kualiti aset sentiasa disemak dengan nisbah pinjaman rosot nilai kasar (GIL) CFS meningkat daripada 2.05% pada 2014 kepada 1.87% pada 2015. Ini dicapai menerusi disiplin pinjaman dari awal, strategi pengimbangan semula portfolio dengan tumpuan kepada segmen yang betul yang mengurangkan pendedahan dalam bidang dan pelanggan berisiko tinggi, serta langkah pemantauan dan pemulihan yang tekun.

Nisbah kos kepada pendapatan mencatat sejumlah 50.8%, agak tinggi berbanding 49.4% pada 2014 — menunjukkan bahawa kos melakukan perniagaan adalah tinggi dalam tahun kewangan. Bagaimanapun, menerusi inisiatif perbankan digital, usaha mengurangkan bilangan pelanggan di cawangan serta inisiatif kecemerlangan operasi yang berterusan, kami yakin mencapai kecekapan dan produktiviti lebih besar yang akan menurunkan struktur kos keseluruhan bagi francais runcit dalam tahun akan datang.

PERBANKAN KAYA (HNW) DAN MEWAH

- Asas pelanggan HNW dan Mewah berkembang 9.9% tahun ini, manakala segmen pelanggan kaya berpotensi pula berkembang 7.8%.
- Sejar dengan ini, jumlah aset kewangan (TFA) mencatatkan purata pertumbuhan berganda yang menggalakkan sebanyak 12.6% bagi HNW dan 11.9% bagi pelanggan mewah.
- Pertumbuhan pendapatan pelaburan berasaskan fi mencapai 15.8%, didorong oleh peningkatan jumlah produk bagi segmen pelanggan mewah.



Perkhidmatan Kewangan Komuniti

Pada 2015, kami terus mengembangkan capaian terhadap segmen HNW dan Mewah, mengembangkan rangkaian Pusat Kekayaan Premier dan Lounge kami daripada 92 ke 110. Ini termasuk pelancaran Pusat Kekayaan Peribadi di Kuching pada penghujung 2015 untuk meneroka potensi di Malaysia Timur.

Perkembangan terkini dalam segmen ini adalah tumpuan untuk memupuk hubungan dengan pelanggan kaya untuk mengukuhkan lagi kedudukan kami di pasaran. Dalam segmen mewah berpotensi ini, kami telah meluaskan lingkungan rangkaian menerusi penasihat kewangan peribadi (PFA) dan meningkatkan asas pelanggan ASPIRE lebih daripada dua kali ganda. Dengan fokus mendalam terhadap tumpuan pelanggan dan pengurusan kekayaan, kami terus melabur dalam meningkatkan keupayaan digital dan menambah kecekapan penasihat-penasihat kami. Justeru, kami telah mendapat pengiktirafan industri melalui pelbagai anugerah perbankan peribadi di peringkat domestik dan global.

Dalam memajukan agenda regionalisasi, kami terus mengukuhkan keupayaan merentas sempadan, dengan membawa ke pasaran pelbagai keistimewaan serantau dan acara eksklusif untuk pelanggan-pelanggan Kekayaan Peribadi dan Premier di Malaysia, Singapura, Indonesia, Kemboja, Filipina dan Brunei.

Tahun hadapan, kami meningkatkan fokus terhadap pengurusan kekayaan untuk memberikan penyelesaian terbaik dalam kelasnya dan berkembang sebagai rakan kerjasama dengan pelanggan-pelanggan kaya.

PEMBIAYAAN GADAI JANJI & KEDIAMAN

- Jumlah pembiayaan kediaman berkembang 15.9% kepada RM52.55 bilion, melebihi pertumbuhan industri sebanyak 11.9%.
- Jumlah pembiayaan rumah kedai meningkat 9.1% kepada RM11.11 bilion.
- Nisbah GIL adalah sebanyak 0.55%.
- Purata masa diambil (TAT) untuk kelulusan adalah 1.9 hari berbanding sasaran 3.0 hari.

Walaupun pasaran hartanah perlahan pada 2015, pertumbuhan pembiayaan gadai janji meneruskan momentum dan kemampuannya, berkembang pada kadar 13.7%. Ia diterajui oleh kenaikan 15.9% dalam pembiayaan hartanah kediaman dan peningkatan 9.1% dalam pembiayaan hartanah bukan kediaman. Ini dicapai sebahagiannya menerusi tumpuan terhadap pasaran sekunder menerusi hubungan strategik dengan Institut Ejen Hartanah Malaysia (MIEA). Kami turut memanfaatkan hubungan dengan FIABCI-Malaysia dan meluaskan liputan dengan pemaju-pemaju bereputasi tinggi dan terkemuka bagi mengekalkan kehadiran dan kedudukan kami sebagai bank peneraju dalam perniagaan pasaran utama.

Pertumbuhan kami turut dicapai menerusi program pengedaran dan kesetiaan pelanggan yang berkesan, mengelakkan pergeseran terhadap pembiayaan bernilai. Ketika meneruskan pertumbuhan, usaha kami untuk mengukuhkan kualiti aset dalam tahun-tahun terdahulu, telah membuahkan hasil apabila nisbah GIL bertambah baik kepada 0.55% daripada 0.62% pada tahun sebelumnya. Ini adalah hasil daripada strategi rangka kerja berasaskan risiko dan tajajamin perniagaan yang mantap.

Dalam usaha kami untuk memberikan pengalaman pelanggan yang memuaskan, kami telah memudahkan proses permohonan pinjaman dengan menjadikannya lebih mudah. Hasilnya, 88.9% kelulusan gadai janji dibuat dalam tempoh tiga hari, berbanding 86.9% pada Disember 2014.

PEMBIAYAAN AUTOMOTIF

- Jumlah pembiayaan berkembang 5.7% kepada RM40.82 bilion, lebih tinggi berbanding pertumbuhan industri sebanyak 2.3%.
- Penguasaan pasaran yang besar sebanyak 23.7% sehingga Disember 2015.
- Nisbah GIL paling rendah dalam industri sebanyak 0.49%, berbanding nisbah industri sebanyak 0.95%.

Jumlah urus niaga industri bagi automotif pada 2015 hanya naik sedikit disebabkan oleh sentimen pengguna yang lemah. Walaupun ini berlaku, kami mampu mencatatkan pertumbuhan pembiayaan sewa-beli (HP) sebanyak 5.8%, lebih dua kali ganda berbanding pertumbuhan industri sebanyak 2.3%. Kami mencapai prestasi ini menerusi strategi tumpuan kepada segmen, kerjasama lebih besar dan jualan silang dalam Kumpulan, selain dibina menerusi sokongan dan perhubungan erat dengan peniaga, pengedar dan pengeluar kenderaan. Menerusi usaha-usaha ini, kami juga telah mengekalkan kedudukan No.1 dalam Pembiayaan Islam bagi Kenderaan memandangkan 75% daripada jumlah pembiayaan kenderaan kami merupakan pembiayaan berlandaskan Syariah.

Dalam tahun akan datang, kami menjangkakan industri automotif akan kekal berhati-hati dengan jumlah urus niaga dan margin pembiayaan terus menerima tekanan. Bagaimanapun, kami turut menjangkakan sentimen akan menjadi lebih baik berikutan stabilnya penyelarasan harga kenderaan di pasaran dan pengenalan model baharu sepanjang tahun. Sehubungan ini juga, kami akan terus membina momentum dan kekal sebagai satu daripada peneraju pembiayaan kenderaan pada 2016.

KAD KREDIT

- No. 1 dari segi bilangan kad (1.7 juta pemegang kad dengan penguasaan pasaran 19.7%).
- No.1 dari segi pengebilan (naik 13.4% kepada RM39.41 bilion dengan penguasaan pasaran 30.1%).
- No.1 dari segi jualan saudagar (naik 9.1% kepada RM45.12 bilion dengan penguasaan pasaran 37.3%).
- Nilai bayaran belum terima meningkat 11.6% kepada RM6.11 bilion dengan penguasaan pasaran 16.9%.
- Kualiti aset diuruskan dengan baik dengan Nisbah Rosot Nilai mencatat sebanyak 0.79% berbanding industri sebanyak 1.31%.

Perniagaan kad terus mencatat kenaikan pada 2015 apabila mengatasi pertumbuhan industri yang telah menyaksikan kami meningkatkan penguasaan pasaran di seluruh sektor dan mengukuhkan kedudukan sebagai peneraju dalam pasaran kad.

Pencapaian ini diperolehi dengan pelaksanaan program perhubungan dengan pelanggan yang direka khusus berdasarkan permintaan dan keutamaan pelanggan, tumpuan perniagaan lebih kepada segmen dengan ciri-ciri dan manfaat produk yang dipertingkatkan, menarik manfaat jualan rentas lebih luas daripada dalam Kumpulan serta meningkatkan saluran jualan dan sokongan untuk memenuhi keperluan pelanggan.

Selaras dengan permintaan pengguna dan aliran pasaran yang berubah, kami terus melabur dan menyaksikan momentum bagi pembayaran tanpa sentuh (payWave). Kami telah melancarkan Maybank Visa Watch2Pay, Maybank MasterPass dan Maybank Visa Checkout pada 2015 dan akan terus memperkenalkan lebih banyak produk dalam ruang sama yang telah terbukti menyediakan kaedah pembayaran selesa, mudah dan selamat.

Perkhidmatan Kewangan Komuniti

BANKASURANS

- Gabungan penguasaan pasaran konvensional dan keluarga sebanyak 15.97%.
- Peningkatan penembusan pelanggan Mewah Sedang Muncul serta purata saiz premium dan kutipan yang lebih baik.

Sebagai sebahagian daripada strategi transformasi, Bankasurans memberikan lebih penekanan untuk menyeimbangi semula portfolionya ke arah pelan Insurans Hayat Premium Biasa supaya dapat mencapai peningkatan pendapatan fi yang mampan. Ini disokong oleh pelancaran Penasihat Kewangan Peribadi pada awal 2015 yang menawarkan penyelesaian dan perkhidmatan nasihat yang lebih baik kepada pelanggan Mewah Sedang Muncul. Dengan pengenalan ini, pelan Insurans Hayat Premium Biasa menyaksikan peningkatan pertumbuhan pendapatan fi, menyumbang kepada penambahbaikan dalam saiz premium dan kutipan. Tumpuan terhadap produk Premium Tunggal berasaskan pelaburan telah menyederhana, menyaksikan pertumbuhan perolehan yang lebih rendah kerana premium sekali sahaja yang lazimnya lebih tinggi. Selain pengimbangan semula portfolio, beberapa proses jualan turut diperkemaskan dengan matlamat untuk meningkatkan pengalaman secara keseluruhan.

Tinjauan terhadap Bankasurans kekal positif. Dengan barisan luas produk Hayat, Takaful Keluarga, Insurans Kredit dan Am, Bankasurans berada pada kedudukan yang kukuh untuk mengembangkan pelbagai keperluan perlindungan dan simpanan setiap pelanggan, memberikan mereka ketenangan fikiran khususnya ketika berdepan dengan keadaan yang tidak menentu ketika ini.

DEPOSIT & PEMBAYARAN

- Deposit CFS berkembang 10.5% menyaksikan deposit konsumen melepasi pertumbuhan industri.
- Daripada prestasi ini, deposit CASA runcit berkembang 4.5%.
- Penguasaan pasaran deposit runcit tradisional meningkat daripada 19.4% kepada 20.2% pada 2015.
- Mengekalkan LDR yang menggalakkan sebanyak 88.6% berbanding 90.5% tahun sebelumnya.

Pada 2015, kami terus mencatatkan pertumbuhan deposit dua angka peratusan walaupun beroperasi dalam persekitaran mudah tunai yang ketat dan persaingan sengit. Keseluruhan jumlah baki deposit CFS adalah sebanyak RM206.18 bilion, mewakili 70% daripada jumlah deposit Bank. Pertumbuhan deposit ini adalah sebanyak 10.5%, diterajui oleh segmen Konsumer dan PKS. Deposit CASA Runcit turut mencatatkan pertumbuhan tinggi iaitu sebanyak 4.5% berbanding tempoh sama tahun sebelumnya.

Pertumbuhan deposit pengguna mengatasi pertumbuhan industri untuk tempoh dua tahun berturut-turut, berkembang 9.7% berbanding industri sebanyak 5.8% dengan kedua-dua deposit CASA (4.5% berbanding industri sebanyak 1.3%) dan Deposit Tetap (14.1% berbanding industri sebanyak 8.2%) menyumbang kepada pertumbuhan tinggi.

Dalam tahun kewangan akan datang, kami akan terus mengekalkan nisbah LDR yang menggalakkan bagi bank untuk mengekalkan pertumbuhan aset. Tumpuan akan diberikan terhadap pertumbuhan deposit CASA menerusi pelbagai kempen bertema dan kesetiaan pelanggan, meningkatkan penggabungan produk dan usahasama jualan silang serta usaha untuk meningkatkan bilangan akaun penggajian.

Mengenai segmen pembayaran, kami terus menjadi penyumbang utama kepada jumlah pendapatan berasaskan fi CFS sebanyak 23.5% walaupun wujud persaingan yang sengit dan tekanan margin fi. Usaha kami pada 2015 untuk memperkenalkan inovasi ke dalam ruang pembayaran telah diiktiraf dan kami telah meraih pelbagai anugerah iaitu:

- Tawaran Pindahan Wang Terbaik (Cards & Electronic Payments, International Asia Summit and Awards 2015)
- Inisiatif Pembayaran di Antara Bank Terbaik (Cards & Electronic Payments, International Asia Summit and Awards 2015)

Kami terus menyokong inisiatif e-Pembayaran Bank Negara Malaysia yang melibatkan penurunan penggunaan cek dan telah mencapai pengurangan sebanyak 19.4% pada 2015. Pada 2016, tumpuan akan diberikan bagi terus mengurangkan penggunaan cek bagi meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos keseluruhan dalam sistem perbankan.

PERBANKAN PKS

- Baki pembiayaan berkembang 35.9% kepada RM10.23 bilion.
- Nisbah pinjaman rosot nilai kasar (GIL) berkurangan kepada 1.96% daripada 2.44% pada 2014.
- Deposit berkembang 13.8% kepada RM58.43 bilion.

Pinjaman PKS kami terus mengatasi industri — dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 35.9% dalam tahun kewangan (industri berkembang 9.4%). Walaupun pembiayaan berkembang kukuh, kualiti aset sentiasa dipantau dengan nisbah pinjaman rosot nilai terus menurun kepada 1.96% daripada 2.44% dalam tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh hala tuju yang jelas terhadap bidang tumpuan dan sasaran pertumbuhan.

Tahun kewangan yang dikaji mencatat pertumbuhan pembiayaan kukuh disebabkan oleh tawaran produk mudah dan mampu memenuhi keperluan peniaga kecil. Dalam tahun kewangan, kami telah meneruskan pelbagai program pembangunan bagi meningkatkan celik kewangan bagi PKS dan memulihkan laluan untuk pembiayaan.

Pada 2016, satu daripada bidang tumpuan kami adalah pembiayaan mikro kerana pelanggan yang memerlukan sokongan dalam bidang ini meliputi 75% daripada asas pelanggan PKS di negara ini. Selain daripada sokongan terhadap agenda nasional untuk menyediakan laluan perkhidmatan kewangan yang lebih besar kepada segmen ini, ia juga akan menyumbang kepada pertumbuhan kami. Kami menjangkakan perbankan PKS akan kekal kukuh dan meneruskan momentum pada tahun ini walaupun persekitaran perniagaan akan lebih berhati-hati.



Perkhidmatan Kewangan Komuniti

PERBANKAN PERNIAGAAN

- Jumlah pembiayaan sebanyak RM25.60 bilion yang mewakili pertumbuhan sebanyak 0.2%.
- Jumlah deposit pula sebanyak RM19.51 bilion, dengan pertumbuhan sebanyak 6.2%.

Pada 2015, kos dana yang tinggi disebabkan oleh mudah tunai yang ketat dalam pasaran telah menyebabkan tekanan margin dan persekitaran yang umumnya lebih mencabar. Bagaimanapun, kami berupaya menarik deposit baru menerusi pelbagai kempen yang menyokong pertumbuhan pembiayaan. Kami mengembangkan portfolio pembiayaan menerusi program menarik pelanggan baru, pertumbuhan organik dan kerjasama segmen khususnya usahasama dengan segmen Korporat, pelanggan HNW dan Mewah, serta rangkaian cawangan kami yang luas. Kami juga mengekalkan penggunaan modal kerja menerusi pengurusan perhubungan pelanggan yang kukuh.

Dari segi kualiti aset, kami melaksanakan strategi pengimbangan semula portfolio untuk mengoptimalkan risiko/pulangan kami dan memberi tumpuan terhadap sumber pinjaman berkualiti dan langkah pemantauan pinjaman yang lebih teliti, terutamanya dalam persekitaran pasaran yang tidak menentu ketika ini. Pendedahan kepada pelanggan berisiko tinggi telah dikurangkan secara berperingkat dan pinjaman telah diselaraskan supaya sepadan dengan tahap risiko.

Pada 2016, kami akan terus mengembangkan pembiayaan dengan menggunakan selera risiko “tindakan agresif tetapi terkawal” dan sasaran pembiayaan yang akan menyediakan pulangan yang kami kehendaki. Pada masa sama, kami akan meningkatkan usaha untuk mencapai deposit lebih luas di kalangan para pelanggan bagi mengekalkan mudah tunai yang sewajarnya bagi menyokong pertumbuhan seterusnya.

SALURAN DIGITAL

- Maybank2u kekal No. 1 apabila menerima lebih daripada 3.3 juta pengunjung unik setiap bulan. Ia dicitiraf dalam “Senarai 30 laman web terbaik menerusi komputer meja di Malaysia”.
- Kami terus menerajui pasaran perbankan internet dengan 43.2% penguasaan pasaran dan lebih daripada 8.2 juta pengguna berdaftar.
- Maybank2u memproses sebanyak dua juta transaksi bernilai RM168.7 bilion dalam tahun kewangan yang disemak. Ini mewakili peningkatan jumlah transaksi sebanyak 27.2% dengan transaksi bernilai 19.0% berbanding 2014.

Tahun kewangan ini juga menyaksikan peningkatan inisiatif digital selaras dengan strategi pelbagai saluran kami yang bertujuan mencapai kejayaan seperti berikut:

- Peningkatan mobiliti: Membolehkan pelanggan untuk mengendalikan transaksi dari mana sahaja, bila-bila masa dan menggunakan apa jua peranti.
- Meningkatkan Pengalaman Pelanggan: Menyediakan pengalaman perbankan yang lancar merentasi semua saluran.
- Pengalaman Pelanggan Bersegi: Pengalaman pelanggan berbeza di semua saluran fizikal, selepas pemprofilan awal menerusi saluran digital telah diselesaikan.
- Mengukuhkan keupayaan Pusat Panggilan Kumpulan Maybank (MGCC) bagi mengendalikan pertanyaan pelanggan sebagai usaha untuk mencapai kecemerlangan, serta penambahbaikan proses untuk mengurangkan masa pengendalian panggilan dan mencapai pengalaman perkhidmatan pelanggan yang lebih baik. Inisiatif ini menyaksikan MGCC menerima 11 anugerah berprestij daripada Persatuan Industri Pengalaman Pelanggan bagi kategori Korporat dan Individu.

Sejajar dengan ini juga, kami memperkenalkan pelbagai pilihan “Pemrosesan Langsung” (STP) menerusi saluran digital kami dalam tahun kewangan ini seperti:

- CASA STP yang dilancarkan pada September 2015 — membolehkan pembukaan akaun CASA segera menerusi Maybank2u (Perbankan Internet) dan Maybank2u Mobile (Aplikasi Mudah Alih) oleh pelanggan baharu dan lama.
- Kad STP yang dilancarkan pada Disember 2015 — membolehkan pelanggan berpotensi dan sedia ada untuk memohon kad kredit secara dalam talian menerusi Maybank2u dan mendapat keputusan segera bagi permohonan berkenaan. Pemegang kad kredit sedia ada juga boleh memohon Baki Pindahan dan menukar pembelian kepada bayaran ansuran menerusi EzyPay.

Pada 2015, kami juga telah menggalakkan para pelanggan untuk berurusan tanpa menggunakan tunai ketika Hari Raya, apabila kami memperkenalkan e-Duit Raya. Pelanggan boleh menghantar “duit raya” menggunakan kaedah pengeluaran tanpa kad menerusi Maybank2u dan penerima dengan gembiranya boleh mengeluarkan wang yang diberikan di mana-mana mesin juruwang automatik Maybank di Malaysia. Perkhidmatan yang sama, e-Ang Pow diperkenalkan ketika Tahun Baru Cina pada 2016.

SALURAN FIZIKAL

- Saluran pengedaran 344 cawangan dan 4,135 terminal layan diri, telah menjadikan kami No.1 dari segi penyedia pusat sentuhan fizikal di Malaysia.
- Dua Pusat Kekayaan Peribadi, 33 Pusat Kekayaan Premier dan 67 Lounge Kekayaan Premier menyediakan pengalaman pelanggan yang istimewa kepada para pelanggan HNW dan Mewah kami.
- Pusat sentuhan lain termasuk 74 kios Maybank dan 350 rangkaian Pos Malaysia, meluaskan lagi capaian kami dengan komuniti di mana kami berkhidmat.

Selari dengan matlamat untuk mewujudkan pusat sehati bagi penyelesaian para pelanggan, kami berusaha untuk menyediakan cawangan yang lengkap, premium dan moden untuk pelanggan berurusan. Ketika kami memperkenalkan pilihan perbankan digital untuk para pelanggan, kami melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan pengalaman pelanggan di pusat sentuhan fizikal. Ini termasuk:

- Penyelarasan rangkaian cawangan menerusi pendekatan kluster dan menggabungkan cawangan di kawasan perkhidmatan bertindih untuk mengoptimalkan kos perkhidmatan.
- Memperkenalkan lebih banyak alternatif untuk pelanggan membuat transaksi digital atau menggunakan terminal layan diri, tanpa perlu berurusan di kaunter. Kakitangan akan dilatih untuk memberi panduan kepada pengguna membuat transaksi digital atau menggunakan terminal layan diri buat pertama kalinya.
- Meningkatkan bilangan Penasihat Kewangan Peribadi khas yang memberi perkhidmatan kepada segmen Mewah Sedang Muncul di cawangan.
- Memperkenalkan inisiatif baharu untuk meningkatkan pengalaman pelanggan di cawangan seperti barisan SMS, ruang pelanggan bermuzik, WIFI dan kemudahan “Drop n Go” untuk transaksi yang mudah.
- Konfigurasi Mesin Deposit Tunai untuk menerima wang kertas dengan matawang lebih kecil bagi membolehkan lebih banyak transaksi deposit boleh dikendalikan di terminal mesin layan diri.
- Melengkapkan Pusat Panggilan kami untuk menerima dan menyokong panggilan pertanyaan di telefon, sekali gus membolehkan cawangan menyediakan pengalaman pelanggan yang lebih baik.

Perkhidmatan Kewangan Komuniti

- Berpegang kepada misi untuk “Menginsankan Perkhidmatan Kewangan”, kami melanjutkan perkhidmatan kewangan asas kepada mereka yang tidak berpeluang atau sukar untuk membuat urusan perbankan menerusi perkhidmatan perbankan bas bergerak yang menyediakan perkhidmatan khusus untuk penduduk di perkampungan Felda dan perkhidmatan perbankan menerusi 350 cawangan POS Malaysia untuk perkhidmatan di kawasan luar bandar.

Pada 2016, kami akan terus berusaha menggerakkan inisiatif-inisiatif untuk mewujudkan pengalaman perbankan pelbagai saluran bagi menambahkan pengalaman pelanggan.

PERKHIDMATAN KEWANGAN KOMUNITI KUMPULAN (GCFS)

Dalam usaha untuk mengukuhkan nilai saranan kami kepada pelanggan di seluruh ASEAN, kami telah mempercepatkan langkah regionalisasi menerusi Perkhidmatan Kewangan Komuniti Kumpulan (GCFS). Berikutan pelancaran empat buah Pusat Kecemerlangan Serantau (COE) tahun lalu, perniagaan kami telah meraih manfaat daripada inisiatif serantau, yang menumpukan kepada perkara berikut:

- Menyeragamkan dan memudahkan proses perniagaan dan platform operasi
- Memastikan konsistensi dalam model perniagaan
- Meningkatkan ciri-ciri dan perkhidmatan produk
- Mendorong kepaduan dalam janji jenama kami

Pencapaian COE kami adalah seperti berikut:

Kad Serantau

Kami telah mengukuhkan nilai produk dan perkhidmatan serantau dengan mengembangkan platform pemasaran dan aset serantau menerusi usaha sama yang dijalin dengan pengendali taman tema, hotel, hospital, kelab golf dan syarikat penerbangan. Antaranya, kami telah melancarkan kempen serantau seperti kempen “Visa Overseas”, “Go Bali Go Bandung”, “Music Flyaway”, dan juga Kejohanan Rugby Dunia MasterCard di England. Kami telah memberi tumpuan terhadap segmen pelanggan serantau berdasarkan analisis dan sistem pengurusan maklumat terkini. Inovasi kami termasuk pembayaran tanpa sentuhan (VISA payWave dan Mastercard Paypass), “dompet digital” (MasterPass dan Visa Checkout) dan “mobile POS”. Kami juga membolehkan pemrosesan langsung untuk permohonan kad untuk penyelesaian para pelanggan.

Selain meningkatkan tawaran untuk pelanggan, kami telah memperkenalkan banyak inisiatif untuk terus meningkatkan kecekapan operasi dan mengukuhkan pengurusan risiko di seluruh unit perniagaan kad di rantau ini. Usaha kami ini telah menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan perniagaan, di mana kami telah mengembangkan asas kad sebanyak 7.1% kepada 2.9 juta kad dengan pertumbuhan pembiayaan sebanyak 9.9% dan pertumbuhan pengebilan sebanyak 11.4%.

Kekayaan Peribadi Serantau

Kekayaan Peribadi Serantau meneruskan pertumbuhannya pada 2015 daripada permulaan yang menggalakkan pada 2014 apabila perniagaan telah mula mencatat untung dalam tahun pertama operasinya. Pada 2015, kami telah menggandakan bilangan kakitangan kami untuk memberi perkhidmatan kepada asas pelanggan yang berkembang. Kami juga meningkatkan tawaran produk dan keupayaan kami dengan matlamat semata-mata untuk memberi perkhidmatan lebih baik kepada pelanggan. Walaupun Malaysia dan Singapura merupakan tempat di mana kami menempatkan pusat tempahan utama memandangkan asas pelanggan yang besar di pasaran-pasaran ini, kami juga telah mengembangkan perkhidmatan ini ke Hong Kong untuk meneroka segmen pelanggan berpendapatan tinggi di pasaran Wilayah Besar China, serta menambah perkhidmatan di London untuk membantu pelanggan kami dengan pelaburan mereka di UK. Di pasaran utama kami di Malaysia, sebuah pusat kekayaan peribadi telah dibuka di Kuching disamping menempatkan pasukan kerja di Pulau Pinang.

Tahun kewangan ini juga menyaksikan bahagian Kekayaan Peribadi Serantau mengembangkan asas pelanggan sebanyak 41% dan jumlah aset di bawah pengurusan sebanyak 50%, yang mana RM3.5 bilion merupakan jumlah baharu untuk Bank. Kami telah



Eunice Chan (Ketua, Perbankan HNW & Mewah) & Alvin Lee (Ketua, Kekayaan Peribadi Serantau) menerima anugerah pada Majlis Anugerah Perbankan Peribadi The Banker Global 2015.

mengembangkan liputan kami dan kini menikmati asas yang luas termasuk pelanggan dari China, Timur Tengah, Filipina, Indochina, Australia dan Fiji, selain daripada pasaran utama di Malaysia, Singapura dan Indonesia.

Dengan meletakkan keutamaan kepada pelanggan terhadap segala yang kami lakukan, kami telah berjaya membantu para pelanggan untuk menjana pulangan yang positif terhadap pelaburan mereka walaupun pasaran tidak menentu di bahagian-bahagian akhir 2015. Dari segi perniagaan, kami telah mencapai pulangan atas aset yang lebih baik sebanyak 78 mata asas, dengan nisbah jualan silang yang tinggi dan purata enam produk unik bagi setiap pelanggan. Ini telah menyebabkan peningkatan yang ketara kepada perolehan dan keuntungan sebelum cukai berbanding 2014.

Jabatan Kekayaan Peribadi Maybank telah menerima beberapa anugerah yang mengiktiraf pencapaiannya dalam pekhidmatan perbankan peribadi. Ini termasuk “Bank Peribadi Terbaik (Malaysia)” daripada PWM The Banker dan Global Finance, “Bank Peribadi Terbaik Keseluruhan di Malaysia” dan sembilan anugerah bagi pelbagai kategori oleh Private Banker International termasuk “Bank Peribadi Baru” dan “Bank Peribadi Terbaik – Bank Serantau Asia Pasifik”.

PKS Runcit Serantau

Untuk meraih peluang yang semakin meningkat dalam segmen PKS yang sedang berkembang di rantau ini, PKS Runcit Serantau COE telah dilancarkan untuk menyeragamkan model perniagaan di seluruh francais kami di rantau ini. Tahun ini, kami terus mengukuhkan proses perniagaan, rangka kerja risiko dan pemantauan, serta mendorong kecekapan operasi untuk memendekkan masa kelulusan sebanyak 50%. Ini bagi memastikan pelanggan kami diberikan perkhidmatan yang pantas. Kami turut melancarkan produk PKS Runcit yang khusus bagi menyediakan fleksibiliti pembiayaan yang lebih baik kepada para pelanggan kami. Hasilnya, kami telah meraih purata pertumbuhan pinjaman dua angka sebanyak 35.5% untuk mencapai sebanyak RM27.10 bilion dan pertumbuhan keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak 56.1% kepada RM980.06 juta.

Perbankan Premier/Mewah Serantau

Khusus untuk memenuhi keperluan segmen pelanggan mewah dan mewah baru muncul, pada 2015 kami terus mengukuhkan nilai produk dan perkhidmatan kami dalam negara dengan menambahkan produk yang ditawarkan dan meningkatkan kekuatan barisan penasihat supaya dapat bekerjasama dengan pelanggan dalam pertumbuhan kewangan mereka. Bagi memudahkan mobiliti pelanggan, kami meningkatkan nilai produk dan perkhidmatan serantau, seperti menawarkan keistimewaan perubatan serantau, pembukaan akaun rentas sempadan yang lancar, dan pengiktirafan serantau bagi memberi laluan kepada pelanggan untuk memanfaatkan Pusat Kekayaan Premier dan Lounge di rangkaian serantau kami. Kami mengembangkan francais Kekayaan Premier ke Filipina, Kemboja dan Brunei, dan memuktamadkan penjenamaan semula francais Indonesia untuk memberikan keseragaman dalam tawaran dan pengalaman kepada pelanggan kami.

Ini telah menambah baik prestasi kewangan dengan Jumlah Aset Kewangan (TFA) berkembang 17.3% pada tahun kewangan 2015 kepada RM243.85 bilion, dan keuntungan sebelum cukai naik sebanyak 20.9% kepada RM1.78 bilion.

Perbankan Global



DATO' AMIRUL FEISAL WAN ZAHIR

Ketua Kumpulan, Perbankan Global

“Tahun 2015 mewakili langkah terakhir dalam pencapaian objektif strategik 5-tahun Kumpulan dan Perbankan Global yang terakhir pada 2010. Ketika ini, Perbankan Global telah mempunyai asas perolehan yang telah berkembang lebih dua kali ganda dari segi saiznya pada 2010. Dari 2010 hingga 2015, perolehan dan keuntungan sebelum cukai kami berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan terkumpul masing-masing sebanyak 16.0% dan 12.6%. Walaupun persekitaran perniagaan pada 2015 mencabar, Perbankan Global berjaya memberikan keputusan kewangan yang membanggakan dalam tahun berkenaan dengan perolehan berkembang 3.3% berbanding tahun sebelumnya, didorong oleh prestasi kukuh bahagian Pasaran Global dan Perbankan Korporat. Kami terus mengukuhkan kedudukan sebagai peneraju pasaran di ASEAN dengan Maybank Kim Eng mencapai kedudukan tempat Ketiga Terbaik dalam kedua-dua kategori Perbankan & Nasihat Pelaburan dan Pasaran Modal Hutang pada 2015. Hari ini, kami bangga untuk menyatakan bahawa Maybank merupakan bank borong peneraju ASEAN dengan kehadiran di kesemua negara ASEAN dan pusat kewangan utama di dunia. Tahun 2016 akan menjadi tahun yang penting bagi Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), memandangkan ia memulakan kewujudan tahun pertamanya. Ini memerlukan pengukuhan nilai saranan Maybank sebagai rakan kewangan yang dipercayai bagi meneroka peluang-peluang di rantau ini. Kami jangkakan persekitaran ekonomi yang tidak sekata dan pasaran yang tidak menentu, akan kekal pada 2016. Justeru, kami perlu kekal teguh untuk memanfaatkan keupayaan kami sebagai peneraju bagi membina teras kepercayaan dan menyediakan penyelesaian untuk pelanggan di seluruh ASEAN.”

ULASAN

Perbankan Global menyediakan rangkaian luas penyelesaian kewangan dan pelaburan untuk pelanggan korporat dan institusi, di 19 negara di seluruh dunia di mana kami beroperasi. Model perniagaan Kumpulan yang menumpukan kepada pelanggan bergantung kepada pasukan kerja Liputan Pelanggan yang disokong oleh lima kunci produk kumpulan: Perbankan Pelaburan, Perbankan Korporat, Perbankan Transaksi, Pasaran Global dan Pengurusan Aset.

Pasukan kerja Liputan Pelanggan bertindak sebagai satu-satunya pusat hubungan bagi kedua-dua pelanggan Perbankan global tempatan dan serantau. Ia disokong oleh pakar-pakar produk untuk memberikan penyelesaian kewangan inovatif dan lengkap. Perbankan Global menggabungkan kepakaran tempatan dengan keupayaan serantau untuk menyediakan penyelesaian kewangan yang konsisten dan bersepadu kepada para pelanggannya di seluruh rantau.

Walaupun persekitaran ekonomi mencabar dan tidak menentu pada 2015, Perbankan Global mencatatkan pertumbuhan perolehan yang positif sebanyak 3.3%.

Pada 2016, kami akan terus mengukuhkan nilai saranan produk dan perkhidmatan untuk mengukuhkan kedudukan sebagai rakan kewangan pelanggan yang dipercayai dalam menjana peluang-peluang daripada AEC. Kami menyoar juga pertumbuhan yang stabil walaupun persekitaran dijangka tidak menentu.

Keutamaan Kami pada 2016

- Meningkatkan penerokaan aliran serantau dengan memanfaatkan penglibatan kami di ASEAN.
- Meningkatkan pendapatan fi menerusi jualan silang dan meningkatkan keupayaan penyelesaian pelanggan.
- Pengurusan modal proaktif di seluruh rantau.
- Mempercepatkan Kecemerlangan Operasi bagi meningkatkan produktiviti.
- Menempatkan dan meraih pulangan daripada sistem dan platform serantau.

Sorotan Utama pada 2015

- Mencatatkan pertumbuhan perolehan yang positif sebanyak 3.3%.
- Meningkatkan kualiti aset dengan penurunan 10.7% dalam Peruntukan Kerugian Pinjaman kepada RM133.55 juta (TK2014: RM149.62 juta).
- LDR Domestik kekal di dalam sasaran iaitu 86.0% (TK2014: 82.9%).
- Mengekalkan kedudukan sebagai peneraju penguasaan pasaran domestik bagi pinjaman korporat, deposit bukan runcit dan kewangan perdagangan.
- Maybank Kim Eng juga telah mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju francais perbankan pelaburan serantau secara konsisten, seperti yang diiktiraf oleh badan-badan luar dan penerbitan yang terkemuka, serta berada pada senarai 4 Bank terbaik dalam kedudukan liga serantau bagi Perbankan Pelaburan & Penasihat, Pasaran Modal Hutang serta Gabungan dan Pengambilalihan.
- Segmentasi pelanggan yang disusun sempurna untuk memberikan penyelesaian yang lebih relevan kepada pelanggan – termasuk tumpuan yang lebih baik terhadap usahawan korporat bersaiz sederhana yang terkawal.
- Mengendalikan model Pengurusan Akaun Global (GAM) untuk memberikan pengalaman yang lebih lancar dan konsisten kepada pelanggan serantau kami.
- Telah berjaya memperkenalkan Penyelesaian Penasihat Perdagangan dan Perbendaharaan domestik untuk memudahkan perdagangan, tunai (deposit dan pembayaran) dan aliran tukaran matawang asing secara berkesan, dan meningkatkan pendapatan fi.

Menerusi pelaksanaan yang fokus selama bertahun-tahun, Maybank kini merupakan peneraju bank borong ASEAN dengan kehadiran di seluruh negara ASEAN dan pusat kewangan utama di dunia.

Perbankan Global


PRESTASI KEWANGAN

Tahun 2015 merupakan tahun yang mencabar dengan pertumbuhan ekonomi tempatan dan luar negara yang lemah. Penurunan matawang Asia dan pengurangan harga komoditi telah menyebabkan persekitaran operasi perniagaan yang mencabar. Walaupun persekitaran pasaran sedemikian, perolehan Perbankan Global berkembang sebanyak 3.3% dan ditutup pada RM5.88 bilion. Ini disebabkan oleh pertumbuhan perniagaan Pasaran Global dan Perbankan Korporat. Pendapatan faedah bersih meningkat sebanyak 15.8% manakala pendapatan bukan faedah turun 7.7% khususnya disebabkan oleh kedudukan pasaran dan persekitaran luaran yang mencabar.

Perbankan Global mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM3.62 bilion (TK2014: RM3.61 bilion). Nisbah kos kepada pendapatan naik sedikit tetapi masih dalam sasaran dan kami terus memacu kecekapan menerusi usaha pengurusan kos

strategik. Kualiti aset kekal sebagai bidang tumpuan utama dan dengan disiplin serta pengawasan yang mantap, jumlah Peruntukan Kerugian Pinjaman (LLP) bertambah baik sebanyak 10.7% kepada RM133.55 juta.

Sehingga Disember 2015, pinjaman domestik Perbankan Global berjumlah RM73.79 bilion (TK2014: RM74.81 bilion), yang mewakili sedikit penurunan iaitu 1.4% kerana kami telah menguruskan portfolio secara berhemah dan berpilih-pilih dalam lingkungan selera risiko kami. Deposit domestik berjumlah RM85.82 bilion (TK2014: RM90.28 bilion), turun 4.9% kerana tekanan daya saing yang semakin sengit. LDR kami kekal dalam sasaran sebanyak 86.0% (TK2014: 82.9%).



PENGIKTIRAFAN & ANUGERAH

Kami telah dilimpahi dengan sokongan berterusan daripada para pelanggan dan rakan usahasama, yang telah membantu kami untuk terus meningkatkan keluasan dan kedalaman penyelesaian kami. Kami berbangga melaporkan bahawa usaha kami telah diperakui dengan meluas apabila menerima 149 anugerah dan penghargaan daripada penerbitan serantau terkemuka seperti Euromoney, Asiamoney, Alpha Southeast Asia, The Asian Banker, Global Custodian dan The Asset Triple A.

Perbankan Global

ULASAN PRESTASI

LIPUTAN PELANGGAN

Nadi bagi model perniagaan tumpuan pelanggan Perbankan Global adalah pasukan kerja Liputan Pelanggan. Kami percaya dengan usaha membina perhubungan saling mempercayai jangka panjang di seluruh segmen pelanggan dengan menyokong mereka ketika mereka meningkat naik dan berdiri bersama mereka ketika mereka berkembang di luar negara asal, terutamanya di pasaran utama kami di ASEAN dan Asia.

Pada 2015, kami memperhalusi segmen pelanggan untuk memberikan penyelesaian yang lebih relevan dan mengendalikan model Pengurusan Akaun Global (GAM) bagi menyediakan pengalaman yang lancar dan konsisten untuk pelanggan serantau kami. Usaha ini juga telah menjadi pemangkin kejayaan pelaksanaan penyelesaian untuk pelanggan kami di seluruh dunia.

Melangkah ke hadapan, kami berusaha untuk memperhaluskan lagi model Liputan Pelanggan kami untuk mengeratkan hubungan dengan pelanggan, membuat cadangan perniagaan bernilai tambah dan meraih peluang pertumbuhan lebih baik di rantau ini terutamanya dalam konteks AEC.

Sila rujuk di muka surat 116 hingga 117 untuk janjiniaga utama yang dilaksanakan pada 2015.



Pengurusan Perbankan Global bersama dengan pelanggan korporat pada Majlis Hari Raya Aidilfitri 2015 (atas) dan Makan Malam Korporat Tahun Baru Cina 2015 (bawah).



Bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir menyaksikan majlis memeterai perjanjian pinjaman berjangka antara Maybank dan BDB Land Sdn Bhd pada 27 Ogos 2015.

PERBANKAN PELABURAN

Maybank Kim Eng (MKE) ketika ini beroperasi di 11 negara dengan penguasaan pasaran yang ketara di Malaysia, Singapura, Thailand, Indonesia, Vietnam dan Filipina, dan juga operasi perniagaan yang membangun di Hong Kong dan India. Capaian kami juga meliputi seluruh dunia, dengan pejabat-pejabat jualan khusus di United Kingdom dan Amerika Syarikat. Kami juga mempunyai operasi di Timur Tengah melalui Anfaal Capital, syarikat bersekutu kami di Arab Saudi yang pakar dalam perkhidmatan perbankan pelaburan Islam dan pengurusan aset.

Kami menawarkan pelanggan dengan produk dan perkhidmatan perbankan pelaburan lengkap dan pembrokeran menerusi dua teras perniagaan kami, iaitu Perbankan Pelaburan & Penasihat dan Ekuiti, dengan perkhidmatan seperti kewangan korporat, pasaran modal hutang, pasaran modal ekuiti, derivatif ekuiti dan komoditi serta pembrokeran sekuriti institusi.

Pada 2015, Kumpulan MKE mencatatkan pendapatan operasi yang menggalakkan sebanyak RM1.50 bilion dan Keuntungan Sebelum Cukai sebanyak RM0.41 bilion walaupun persekitaran ekonomi yang sukar dan aktiviti pasaran modal perlahan. Kami turut dinamakan sebagai Bank Pelaburan Terbaik di Malaysia oleh Euromoney berikutan keuntungan yang kukuh walaupun persekitaran mencabar.

Perbankan Pelaburan & Penasihat

Dalam tahun kewangan, di sebalik cabaran yang wujud, pasukan kerja penasihat kami telah terlibat dalam beberapa transaksi utama. Antaranya adalah dua janji niaga luar negara yang besar, iaitu pengambilalihan New Britain Palm Oil Limited di Papua New Guinea oleh Sime Darby Berhad dan pengambilalihan 40% kepentingan ekuiti dalam sebuah lapangan terbang di Turki oleh Malaysia Airports Holdings Berhad. Kami turut bertindak sebagai penasihat kepada IJM Corporation Berhad untuk penswastan IJM Land Berhad yang selesai pada April 2015.

Perbankan Global

Pasaran Modal Hutang

Tahun 2015 merupakan satu lagi tahun penting bagi francais Pasaran Modal Hutang MKE. Kami kekal berdaya tahan walaupun persekitaran mencabar di pasaran hutang Malaysia dan global dengan mengekalkan tumpuan terhadap pelanggan dan penyelesaian. Sehubungan ini juga, kami berupaya mengukuhkan kedudukan kami sebagai peneraju dalam pasaran tempatan dan pasaran modal hutang serantau, nombor 1 dalam senarai Pengatur Utama Bermandat Pinjaman Peminjam Malaysia oleh Bloomberg dan termasuk dalam senarai tiga syarikat terbaik bagi Bon MYR, Bon MYR Islam, Bon Matawang Tempatan ASEAN dan Pengatur Buku Pinjaman Peminjam ASEAN oleh Bloomberg. Dari segi kewangan Islam, kami telah mengekalkan kedudukan di tiga tempat teratas dalam kalangan penajamin sukuk utama dunia bagi keanggotaan Sukuk Global, juga oleh Bloomberg.

Kekuatan dan reputasi kami sebagai francais Pasaran Modal Hutang serantau telah dibuktikan menerusi kejayaan menyiapkan janji niaga penanda aras utama termasuk:

- Sijil Amanah Islam Garuda Indonesia Global Sukuk Ltd berjumlah AS\$500.0 juta: Sukuk bukan berdaulat pertama dari Indonesia.
- Sijil Amanah Islam Kemudahan Kewangan Antarabangsa bagi Imunisasi AS\$200.0 juta: Sukuk Impak Sosial pertama berjumlah S\$ diuruskan oleh Maybank IB
- Sekuriti Perpetual Subordinat FCL Treasury berjumlah S\$700.0 juta: terbitan sekuriti perpetual bukan bank terbesar di Singapura.
- Sukuk Ijarah PT XL Axiata Tbk berjumlah IRD1.5 trilion, yang merupakan Sukuk Rupiah Indonesia terbesar pernah diterbitkan oleh sebuah syarikat korporat.
- Sijil Amanah Islam dan Nota Jangka Sederhana Malaysia oleh PETRONAS berjumlah AS\$5.0 bilion: terbitan bon/sukuk korporat matawang AS kedua terbesar.



Prospektus terbitan awam permulaan (IPO) Malakoff telah dilancarkan pada 17 April 2015 oleh Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar dan Pengerusi Malakoff, Tan Sri Dato' Seri Anwar Jamalulail. Maybank Investment Bank adalah Pengurus Transaksi, Pengatur Global Bersama dan Penasihat Utama Bersama bagi IPO ini.



Tan Sri Dr Jeffrey Cheah, Pengasas dan Pengerusi Sunway Group melancarkan prospektus IPO Sunway Construction. Maybank Investment Bank adalah Pengatur Global Bersama, Pengatur Buku Bersama dan Penajamin Bersama bagi IPO ini.

Pasaran Modal Ekuiti

Francais Pasaran Modal Ekuiti (ECM) telah menyaksikan satu lagi tahun cemerlang setelah membantu pelanggan kami menjana sejumlah AS\$4.3 bilion di pasaran ekuiti, dari kedua-dua pasaran ekuiti tempatan (AS\$3.9 bilion) dan di seluruh rantau (AS\$400 juta).

Di Malaysia, kami terlibat dalam dua tawaran awam permulaan (IPO) terbesar bagi tahun 2015 iaitu IPO berjumlah AS\$1.05 bilion (RM3.15 bilion) untuk Malakoff Corporation Berhad, yang merupakan IPO terbesar di Malaysia sejak Oktober 2012, dan IPO berjumlah AS\$147 juta (RM550 juta) untuk Sunway Construction Group Berhad. Kami turut memainkan peranan penting dalam melaksanakan dan menyelesaikan dengan jayanya terbitan hak untuk Eco World Development Group Berhad, Malaysia Airports Holdings Berhad, Mah Sing Group Berhad, RHB Capital Bhd serta terbitan hak Hong Leong Financial Group dan Hong Leong Bank, yang telah menjana sejumlah AS\$2.31 bilion (RM9.20 bilion) bagi terbitan berkenaan.

Kami telah menunjukkan keupayaan pengedaran yang kukuh menerusi penglibatan dalam kejayaan penempatan swasta utama bernilai AS\$178.8 juta (RM638.4 juta) untuk Eco World dan penempatan swasta utama bernilai AS\$84.30 juta (RM201.4 juta) untuk CapitaMalls Malaysia Trust. Selain ini, kami juga telah berjaya melaksanakan penempatan susulan untuk Standard Chartered IL dan FS Asia Infrastructure Growth Fund Company Pte Limited serta SEASAF Power Sdn Bhd untuk baki 5.7% saham dalam Malakoff, yang menjana AS\$105.0 juta (RM444.0 juta).

Di peringkat serantau, kami terus aktif dengan penglibatan dalam IPO bernilai AS\$301.5 juta (THB10.1 bilion) untuk Global Power Synergy di Thailand, serta IPO bernilai AS\$159.4 juta (THB5.18 bilion) untuk Platinum Group — IPO hartanah Thailand terbesar pada 2015 semasa tarikh harga. Kami turut terlibat dalam penempatan swasta utama bernilai AS\$46.4 juta (S\$63.1 juta) bagi Viva Industrial Trust di Singapura.

Sebagai mengiktiraf prestasi konsisten yang mendahului kelasnya, pada tahun 2015, francais ECM kami telah diiktiraf sebagai Syarikat Ekuiti Domestik Terbaik (Malaysia) oleh Asiamoney. Di peringkat serantau, Maybank Kim Eng Thailand telah diiktiraf sebagai Syarikat Ekuiti Terbaik oleh Alpha Southeast Asia.

Ekuiti

Tahun 2015 merupakan tahun pencapaian Ekuiti. Untuk tempoh dua tahun berturut-turut, kami dinobatkan sebagai Broker Terbaik di Asia Tenggara, Broker Institusi Terbaik di Malaysia, Filipina dan Indonesia, serta Broker Runcit Terbaik di Malaysia, Thailand, Filipina, Indonesia dan Vietnam oleh Alpha Southeast Asia. Pasukan kami di Singapura dan Thailand turut dinobatkan sebagai Syarikat Pembrokeran Terbaik oleh Asset Triple A untuk tahun kedua berturut-turut.

Di peringkat serantau, kami terus mencatatkan prestasi kukuh apabila pasukan kerja Thailand mengekalkan kedudukan sebagai broker terbaik selama 14 tahun berturut-turut dan pasukan kerja di Filipina telah mengukuhkan kedudukannya dari tempat ke-4 ke tempat ke-2.

Dengan memanfaatkan kehadiran Kumpulan di ASEAN dan francais serantau yang sedang berkembang, kami telah melancarkan edisi jelajah Invest ASEAN 2015 pada bulan Februari dengan menjelajahi enam negara iaitu Malaysia, Singapura, Vietnam, Indonesia, Filipina dan Thailand. Sebagai persidangan pelabur utama Maybank, Invest ASEAN terus menyokong peluang yang banyak di ASEAN sebagai pasaran tunggal dan mempromosikan syarikat serantau yang berpotensi kepada pelabur global. Keseluruhannya, edisi Invest ASEAN 2015 merupakan kejayaan besar dan telah menarik hampir 4,118 peserta dari 19 negara, termasuk 175 syarikat dengan nilai pasaran hampir AS\$459 bilion dan pelabur dengan nilai Aset di Bawah Pengurusan (AUM) sebanyak AS\$35 trilion. Persidangan ini mendapat sambutan yang menggalakkan di setiap lokasi dan terus meningkatkan kedudukan Maybank sebagai pintu masuk kepada peluang-peluang di ASEAN.

Perbankan Global

Kejayaan persidangan Invest ASEAN telah memberikan impak kukuh terhadap francais Penyelidikan dan Ekuiti Institusi kami. Kami amat gembira kerana telah diiktiraf dengan Anugerah Firma Penyelidikan Asia Paling Inovatif dan Akses Korporat Terbaik ASEAN oleh Global Banking & Finance Review. Dalam kajian Undian Broker Asiamoney – undian ekuiti terbesar dan paling diiktiraf di Asia untuk institusi penyelidikan dan pembrokeran – buat pertama kalinya kami telah dipilih sebagai Firma Pembrokeran Terbaik Malaysia, Penyelidikan Negara dan Penyelidikan Makro Ekonomi Keseluruhan Terbaik. Selain itu, kami juga telah diiktiraf dalam lapan daripada 19 kategori penyelidikan terbaik di Malaysia. Kami turut dipilih menduduki tempat ketiga sebagai Broker Paling Meningkatkan dalam tempoh 12 bulan terdahulu, dan tempat kedua bagi Firma Broker Terbaik di Singapura dan Filipina.

Satu daripada ciri utama yang membezakan kami adalah kekuatan penyelidikan ekuiti. Pasukan kerja penyelidikan Malaysia dan serantau yang pernah memenangi anugerah, terus menyediakan analisis lebih mendalam tentang negara dan laporan menyeluruh mengenai ratusan syarikat senarai awam di kesemua lapan negara - Malaysia, Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Vietnam, Hong Kong/China, dan India. Untuk menyediakan pelanggan dengan pandangan dan idea pelaburan yang berkualiti, kami memanfaatkan kemahiran serantau dan mendalami pengetahuan dalam setiap negara untuk menyediakan kertas penyelidikan khusus serantau yang inovatif seperti “Idea Besar: Carta ASEAN” dan menyudahkan ujian tekanan lengkap di rantau ini pada September. Selain ekuiti, pasukan kerja kami turut menyediakan analisis mengikut jadual mengenai ekonomi mikro serantau dan negara yang diliputi, penyelidikan pendapatan tetap dan tukaran matawang asing. Pasukan penyelidikan kami juga telah memenangi beberapa anugerah, dan yang paling menonjol adalah Anugerah Undian Broker Asiamoney, baru-baru ini.



Sesi plenari di persidangan Invest ASEAN Singapura.



Perdana Menteri Dato' Seri Najib Razak bersama Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar, pengurusan kanan Maybank dan ketua-ketua Bursa Saham ASEAN.

Kumpulan Derivatif Ekuiti dan Komoditi

Kumpulan Derivatif Ekuiti dan Komoditi (ECDG) telah mencapai tahun yang menggalakkan pada 2015. Mengenai perdagangan di bursa, kami mengekalkan kedudukan teratas dalam kalangan penerbit Waran Berstruktur di Malaysia dengan terbitan sejumlah 114 waran. Di Thailand, sehingga akhir 2015, kami berada di tempat kedua dalam senarai 12 penerbit waran derivatif. Mengenai perdagangan di kaunter pula, ECDG juga terus menyediakan pelabur dengan produk dan pelaburan berkaitan ekuiti dan komoditi, selain penyelesaian yang kompleks dan direka khusus untuk pelanggan korporat serta institusi di rantau ASEAN.

PERBANKAN KORPORAT

Perbankan Korporat menawarkan penyelesaian pembiayaan yang luas, daripada pembiayaan modal kerja jangka pendek hinggalah pinjaman kompleks, seperti pembiayaan projek rentas sempadan, pinjaman bersindiket dan pinjaman penyambung. Ia bekerjasama dengan rakan produk termasuk Perbankan Transaksi, Pasaran Global, Perbankan Pelaburan dan Maybank Islamic Berhad, dengan memanfaatkan kemahiran, industri dan kredit negara yang diliputi bagi menstruktur pinjaman berkualiti tinggi.

Sejajar dengan aspirasi kami untuk memberikan kelainan dalam pengalaman pelanggan, Perbankan Korporat memulakan transformasi pada 2015 untuk terus mengukuhkan tawaran produk dan penyelesaian kepada pelanggan korporat di Malaysia dan seluruh rantau. Dengan transformasi ini, Perbankan Korporat telah meningkatkan lagi tumpuan dengan mengambil pendekatan holistik bagi meningkatkan penyesuaian dan pelaksanaan saranan pembiayaan kepada pelanggan. Berlandaskan kepada pencapaian “Kecemerlangan Produk dan Operasi”, transformasi kami telah mengalami perubahan struktur, pengurusan bakat, proses penyusunan semula serta penambahbaikan sistem.

Selain itu, Perbankan Korporat telah memulakan langkah penting untuk mengurus portfolio pinjaman sejajar dengan sasaran pulangan dan kecekapan modal. Pendekatan proaktif dan pencegahan telah diambil bagi memastikan kualiti aset, di tengah-tengah cabaran dan ketidakpastian dalam persekitaran operasi.



(Dari kiri) Chan Jiaheng, Pengarah Urusan Fajarbaru-Beulah (Melbourne) Pty Ltd dan Caroline Teoh, Pengarah Urusan Perbankan Korporat, Perbankan Global di majlis memeterai perjanjian bagi kemudahan untuk membiayai sebahagian dari projek kediaman Gardenhill di Melbourne, Australia pada Julai 2015.

Pada 2015, jumlah pendapatan Perbankan Korporat meningkat sebanyak 4.0% T-ke-T kepada RM2.48 bilion (2014: RM2.38 bilion) di sebalik pertumbuhan pasaran yang perlahan, manakala keuntungan sebelum cukai ditutup 3.6% lebih tinggi dalam tahun kewangan 2015. Pertumbuhan ini khususnya disumbangkan oleh peningkatan penggunaan berikutan pelaksanaan inisiatif kecekapan modal dan pengurusan kos kami. Kualiti portfolio pinjaman Perbankan Korporat kekal kukuh dengan kualiti aset yang stabil.

Pada 2016, kami akan melanjutkan inisiatif transformasi untuk memberikan saranan kewangan yang lebih baik kepada pelanggan kami dengan tumpuan mengukuhkan pasaran serantau utama iaitu Singapura, Indonesia dan Wilayah Besar China.

Perbankan Global

PERBANKAN TRANSAKSI

Perbankan Transaksi terdiri daripada lima barisan perniagaan: Pengurusan Tunai, Pembiayaan Perdagangan dan Rantaian Perbekalan, Pembiayaan Perdagangan dan Komoditi Berstruktur, Institusi Kewangan dan Perkhidmatan Sekuriti.

Pada 2015, Perbankan Transaksi mengekalkan kedudukan sebagai Bank Transaksi utama di Malaysia dengan penguasaan pasaran Pembiayaan Perdagangan sebanyak 25.7% (sehingga September 2015) dan Pengurusan Tunai sebanyak 36.0% (nilai transaksi; sehingga September 2015). Selain itu, kami juga mengekalkan penguasaan pasaran sebanyak 11.9% (sehingga November 2015) untuk deposit korporat di Malaysia di sebalik peningkatan tekanan persaingan. Bersama dengan Pasaran Global, Perbankan Transaksi telah berjaya melancarkan khidmat Nasihat Penyelesaian Perdagangan dan Perbendaharaan dalam negara untuk memudahcara aliran perdagangan, tunai dan tukaran matawang asing serta meningkatkan pendapatan fi secara efektif.

Pada 2015, Perbankan Transaksi turut menjadi tajuk utama akhbar menerusi pelbagai pelancaran produk dan usaha sama. Kami melancarkan usaha sama Perkhidmatan Kustodi Islam dengan Maybank Islamic Berhad pada Januari 2015 untuk memanfaatkan para pelanggan domestik dan serantau yang patuh Syariah. Penyelesaian ini disasarkan kepada pelabur institusi utama Malaysia, syarikat berkaitan kerajaan dan dana kekayaan berdaulat dengan anggaran aset di bawah pengurusan (AUM) sebanyak RM1.4 trilion.

Dengan penubuhan ini, Perkhidmatan Kustodi Islam berupaya memanfaatkan keupayaan dan kemahiran yang sedia ada dalam Maybank Islamic Berhad bagi menjana keupayaan Kumpulan untuk menyediakan para pelanggannya dengan barisan penyelesaian perkhidmatan pelaburan berlandaskan Syariah termasuk kustodi global, sub-kustodi, perakaunan dan pentadbiran dana, agensi pindahan dan juga perkhidmatan pemegang amanah.

Di peringkat serantau, kami terus meningkatkan asas di Asia dengan membina perhubungan dengan institusi korporat dan kewangan bagi menyokong keperluan pelanggan serantau. Pada Julai 2015, Perbankan Transaksi menjalin hubungan dengan Kasikornbank Pcl, peneraju perbankan komersial untuk meneroka peluang perniagaan yang muncul daripada penubuhan AEC. Satu Memorandum Persefahaman (MOU) telah ditandatangani, yang menyaksikan kedua-dua bank memberikan khidmat nasihat kepada pelanggan, rujukan pelanggan untuk meningkatkan perniagaan merentas sempadan dan meneroka rangka kerja usaha sama bidang-bidang perniagaan lain.

Di Wilayah Besar China, Perbankan Transaksi telah mencapai persetujuan untuk bekerjasama dengan China UnionPay Merchant Services (China UMS) untuk meneroka pasaran kutipan pembayaran kad di China — pasaran yang menawarkan potensi sekurang-kurangnya RMB14.0 trilion setahun dan bersandarkan kepada pertumbuhan tahunan sebanyak 26.0%. Maybank merupakan bank perintis Malaysia yang memeterai perjanjian ini dengan China UMS, yang merupakan peneraju terminal pusat jualan (POS) di China dengan penguasaan pasaran sebanyak 40.0%. Usaha sama ini dijangka akan meningkatkan perniagaan pengurusan tunai di China kerana kami kini boleh menawarkan penyelesaian pungutan dan pembayaran yang lengkap kepada pelanggan. Usaha sama ini dijangka akan memanfaatkan pelanggan-pelanggan korporat Maybank sedia ada yang terlibat dalam perniagaan runcit di China, termasuk pengedar kenderaan, rangkaian makanan dan minuman, pusat beli-belah dan hotel.



(Dari kiri) John Wong, Pengarah Urusan Perbankan Transaksi, Datuk Cheong Kwee Heng, Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Wilayah Besar China, Zhang Yong Tao, Naib Presiden China UMS dan Liu De Wei, Pengurus Besar China UMS pada majlis memeterai memorandum persefahaman di Shanghai.



(Dari kiri) Pipit Aneaknithi, Naib Presiden Eksekutif Kasikornbank Pcl dan John Wong, Pengarah Urusan Perbankan Transaksi Maybank pada majlis memeterai memorandum persefahaman di Kuala Lumpur.

Melangkah ke hadapan, Perbankan Transaksi akan meneruskan usaha untuk mengendalikan beberapa inisiatif strategik untuk terus mengukuhkan operasi serantau kami. Selain usaha berterusan untuk mengukuhkan tawaran produk dan saluran, kami juga memberi tumpuan kepada usaha memperluaskan penyelesaian modal kerja kepada pelanggan di rantau ini dan terus melaksanakan penambahbaikan taktikal dalam semua bidang bagi meningkatkan pengalaman pelanggan. Kami turut merancang untuk mengembangkan perniagaan Institusi Kewangan, Perkhidmatan Sekuriti dan Pembiayaan Berstruktur di seluruh rantau ini.

Perbankan Global

PASARAN GLOBAL

Pasaran Global menyediakan rangkaian bersepadu produk dan perkhidmatan perbendaharaan di 11 negara seluruh dunia di mana kami beroperasi. Produk dan perkhidmatan ini termasuk tukaran matawang asing, instrumen pasaran wang, sekuriti pendapatan tetap, kadar matawang/faedah derivatif dan lain-lain produk berstruktur. Kami bekerjasama erat dengan kumpulan kerja segmen pelanggan untuk menyediakan produk dan penyelesaian pasaran kewangan yang memenuhi keperluan pelanggan.

Kami tetap teguh dalam operasi di ASEAN kerana kami terus memegang pelantikan yang diberikan oleh Bank Pusat sebagai Pengedar Prinsipal bagi bon kerajaan di pusat Pasaran Global utama kami. Maybank turut dilantik oleh People's Bank of China sebagai penggerak pasaran bagi Renminbi berbanding Ringgit (RMB/MYR) dan Renminbi berbanding Dolar Singapura (RMB/SGD). Sementara itu, di Malaysia, Maybank dan Maybank Islamic masing-masing telah dilantik sebagai Pengedar Prinsipal dan Pengedar Prinsipal Islam (i-PD) oleh Bank Negara Malaysia. Pelantikan ini adalah bukti kepada amalan pengurusan risiko yang baik dan keupayaan kami dalam menguruskan transaksi dalam jumlah yang besar di kedua-dua pasaran utama dan sekunder.

Pada 2015, kami terus membina keupayaan penyelesaian kewangan untuk memenuhi keperluan pelaburan dan lindung nilai pelanggan ketika kami menyerapkan keupayaan penstrukturan di seluruh ASEAN dan Asia Utara. Ini boleh dilihat menerusi pertumbuhan jumlah urus niaga perniagaan kadar faedah dan tukaran matawang asing derivatif dan pendapatan pelanggan kami dalam tahun-tahun kebelakangan. Kami juga terus melabur dalam operasi di ASEAN dengan melaksanakan Sistem Pengurusan Risiko Perdagangan Global di Kemboja dan Vietnam, sebagai tambahan kepada regionalisasi platform elektronik untuk meningkatkan kecekapan harga dan pelaksanaan bagi produk vanilla di seluruh rangkaian global kami.

Pada 2015, Pasaran Global mencapai pertumbuhan pendapatan yang berdaya tahan walaupun perniagaan berdepan persekitaran tidak menentu. Ini disebabkan francais yang sudah berakar umbi dan model perniagaan serba boleh yang membolehkan kami untuk meraih manfaat daripada peluang perniagaan yang timbul daripada syarat-syarat pasaran. Ketika pendapatan perdagangan lemah di seluruh pasaran pada 2015, prestasi pendapatan kami terus disokong oleh buku pelaburan. Di seluruh rantau, Pasaran Global mencatatkan pertumbuhan pendapatan yang menggalakkan sebanyak 6.5% T-ke-T kepada RM2.78 bilion (TK2014: RM2.61 bilion), didorong sumbangan pendapatan yang stabil daripada kedua-dua pusat perbendaharaan domestik dan serantau. Keuntungan sebelum cukai meningkat 1.8% kepada RM2.26 bilion berbanding tahun sebelumnya.

Pada 2016, Pasaran Global akan meneruskan momentum ini untuk mengukuhkan penawaran produk dan terus melabur dalam platform serantau kami.



Pasukan kerja Pasaran Global Maybank dan Penyelidikan bersama barisan penceramah di Seminar Ekonomi yang berlangsung di Mandarin Oriental, Kuala Lumpur pada November 2015.

Perbankan Global

PENGURUSAN ASET

Maybank Asset Management Group merupakan cabang pengurusan dana Kumpulan Maybank yang menyediakan rangkaian luas penyelesaian pelaburan berbilang aset, baik konvensional mahupun Islam, menerusi bahagian pengurusan dana dan ekuiti persendirian. Teras kecekapan kami terletak pada kepakaran yang menjurus kepada rantau Asia, yang memberikan kami pemahaman terperinci mengenai pasaran serantau mahupun domestik.

Pada 2015, kami terus memperluaskan kepakaran pelaburan menerusi pulangan mutlak dan pelaburan alternatif. Kami juga mengukuhkan keupayaan pembuatan produk dan pengedaran dengan kejayaan seperti berikut:

- Melancarkan dana Ekuiti-I ASEAN Wilayah Besar China Maybank Boser, dana patuh Syariah pertama yang diperkenalkan di bawah skim passport ASEAN dan diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Dana itu juga menandakan kerjasama perintis kami dengan syarikat pengurusan aset terkemuka China.
- Melancarkan Dana Pendapatan Tetap Maybank – siri kedua dan ketiga.
- Menubuhkan usaha sama strategik dengan Hastings Management Pty Ltd untuk menjadi penyedia penyelesaian pelaburan pilihan utama Asia menerusi kepelbagaian tawaran produk termasuk penyelesaian pelaburan alternatif Islam.
- Pengiktirafan bagi kategori 'Produk Islam Terbaik' dan 'Rising Star' bagi Malaysia di "Anugerah Asia Asset Management Best" of the Best 2015.

Ketika kami terus menumpukan kepada Asia menerusi kehadiran kami di ASEAN, kami terdorong dengan pertumbuhan AUM 20% yang membanggakan dicapai pada tahun kewangan 2015 kepada RM18 bilion pada 31 Disember 2015.

Melangkah ke hadapan, Maybank Asset Management Group telah membariskan inisiatif khusus untuk mengembangkan lagi kapasiti dan keupayaan perniagaan, termasuk meningkatkan tumpuan terhadap pengedaran alternatif dan usaha sama strategik dengan firma pelaburan global utama. Pengurusan Aset Maybank Singapura juga akan memulakan passport Dana Ekuiti dan Pendapatan Asia di rantau ini manakala Pengurusan Aset Maybank Indonesia akan memanfaatkan saluran pengedaran Maybank Indonesia untuk mengembangkan dana perlindungan modalnya. Untuk ini, Dana Ekuiti Syariah Maybank telah diperkenalkan baru-baru ini untuk menyokong pembangunan Pasaran Modal Syariah di Inonesia.



(Dari kiri) Datuk Mohaiyani Shamsudin, Pengerusi Maybank Asset Management Group (MAMG), Nor' Azamin Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif MAMG, Robert Campbell, Pengarah Asia, Hastings Management Pty Ltd, Dato' Azian Mohd Noh, Pengerusi Maybank Islamic Asset Management (MIAM), dan Ahmad Najib Nazlan, Ketua Pegawai Eksekutif MIAM.

Majlis memeterai memorandum persefahaman di antara Maybank Asset Management dan Hastings Management Pty Ltd pada Forum Ekonomi Islam ke-11 (WIEF), di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 4 November 2015.



(Dari kiri) Bpk Denny R. Thaher – Presiden Direktor & Ketua Pegawai Eksekutif, PT Maybank Asset Management, Ibu Ir. Nurhaida, MBA, Ketua Eksekutif Fungsi Penyelia Pasaran Modal, Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Indonesia (OJK), dan Nor' Azamin Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Asset Management Group.

Berkongsi maklumat terkini pasaran dan pelancaran Dana Ekuiti Syariah Maybank di Majlis Perjumpaan Pelabur Pengurusan Aset Maybank & Sidang Media yang berlangsung di Mulia Hotel, Jakarta pada 19 Oktober 2015.

Perbankan Global

JANJI NIAGA UTAMA YANG DISELESAIKAN PADA 2015

<p>Malaysia</p> <p>Mah Sing Group Berhad</p> <p>Sehingga RM630.0 juta Terbitan Hak Pengurus Tajajamin Bersama Tajajamin Bersama</p> <p>Februari 2015</p>	<p>Malaysia</p> <p>Weststar Aviation Services Sdn Bhd</p> <p>RM1.9 bilion Kemudahan Pembiayaan Berjangka Murabahah Bersindiket & Modal Kerja Islam Pengatur Utama Bermandat Pemberi pinjaman</p> <p>Februari 2015</p>	<p>Malaysia</p> <p>SMRT Holdings Berhad</p> <p>RM51.9 juta Penggabungan & Pengambilalihan Penasihat Utama</p> <p>Mac 2015</p>	<p>Malaysia</p> <p>SMRT Holdings Berhad</p> <p>RM11.53 juta Penempatan Persendirian Penasihat Utama Ejen Penempatan</p> <p>Mac 2015</p>	<p>Malaysia</p> <p>Mah Sing Group Berhad</p> <p>Sehingga RM600.0 juta Program Sukuk Musharakah Kekal Tiada Penarafan Pengurus Utama Bersama</p> <p>Mac 2015</p>	<p>Malaysia</p> <p>PETRONAS Capital Ltd</p> <p>AS\$15 bilion Program Nota Global Jangka Sederhana Pengurus Buku Bersama</p> <p>Mac 2015</p>	<p>Malaysia</p> <p>PETRONAS Global Sukuk Ltd</p> <p>AS\$1.25 bilion Sijil Amanah Islam Pengurus Buku Bersama</p> <p>Mac 2015</p>
<p>Malaysia</p> <p>Impian Bebas Sdn Bhd JV KLCC (Holdings) Sdn Bhd & Sapura Resources Berhad</p> <p>Sehingga RM1.08 bilion Pembiayaan Berjangka Janji Niaga Kelab Islam Bank Penyelaras Pengatur Utama Bersama Ejen Kemudahan Ejen Sekuriti</p> <p>April 2015</p>	<p>Malaysia</p> <p>Cititower Sdn Bhd JV KLCC (Holdings) Sdn Bhd & QD Asia Pacific Ltd</p> <p>Sehingga RM3.2 bilion Pembiayaan Berjangka Islam Bersindiket Pengatur Utama Bermandat Bersama Pengatur Buku Penaja Jamin Bersama</p> <p>April 2015</p>	<p>Malaysia</p> <p>Point Zone (M) Sdn Bhd KPJ Healthcare Bhd</p> <p>Sehingga RM1.5 bilion Sukuk Penasihat Utama Bersama Pengatur Utama Bersama Pengurus Utama Bersama Ejen Kemudahan Penasihat Syariah</p> <p>April 2015</p>	<p>Malaysia</p> <p>IJM Corporation Berhad</p> <p>RM1.98 bilion Penswastaaan IJM Land Berhad Penasihat Prinsipal</p> <p>April 2015</p>	<p>Malaysia</p> <p>ENRA GROUP BERHAD</p> <p>GBP6.38 juta Pengambilalihan bangunan pejabat 5 tingkat di London oleh Fitzrovia Development Ltd Penasihat Prinsipal</p> <p>April 2015</p>	<p>Malaysia</p> <p>Malakoff Corporation Berhad</p> <p>RM3.1 bilion Tawaran Awam Permulaan (IPO) Pengurus Transaksi Penasihat Utama Bersama Penyelaras Global Bersama Pengatur Buku Bersama Pengurus Tajajamin Bersama Penaja Jamin Bersama</p> <p>April 2015</p>	<p>Malaysia</p> <p>Eco World – Ballymore Holding Company Limited</p> <p>Sehingga GBP1.1 bilion Pinjaman Bersindiket Pengatur Utama Bermandat Bersama Pengatur Buku Bersama</p> <p>April 2015</p>
<p>Malaysia</p> <p>Jambatan Kedua Sdn Bhd</p> <p>Sehingga RM4.6 bilion Nota Berjangka Sederhana Islam Pengatur Utama Bersama Pengurus Utama Bersama Pengatur Buku Bersama Ejen Kemudahan Pembiayaan Penasihat Kewangan</p> <p>Mei 2015</p>	<p>Malaysia</p> <p>Dayang Enterprise Holdings Berhad</p> <p>RM841 bilion Tawaran Am Mandatori (MGO) Perdana Petroleum Bhd Penasihat Prinsipal</p> <p>Mei 2015</p>	<p>Malaysia</p> <p>Genting Plantations Berhad</p> <p>Sehingga RM1.0 bilion Terbitan Sukuk Murabahah Pengurus Utama Bersama Pengurus Buku Bersama</p> <p>Jun 2015</p>	<p>Malaysia</p> <p>Kuala Lumpur Kepong Berhad</p> <p>Sehingga RM1.6 bilion Program IMTN Pelbagai Matawang Penasihat Utama Bersama Pengatur Utama Bersama Pengurus Utama Bersama</p> <p>Ogos 2015</p>	<p>Malaysia</p> <p>Genting Malaysia Berhad</p> <p>RM2.4 bilion Program Nota Berjangka Sederhana Penasihat Bersama Pengatur Utama Bersama Pengurus Utama Bersama Pengatur Buku Bersama</p> <p>Ogos 2015</p>	<p>Malaysia</p> <p>Wing Tai Malaysia Berhad</p> <p>RM182 juta Terbitan Hak Penasihat Prinsipal</p> <p>September 2015</p>	<p>Malaysia</p> <p>Alliance Bank Malaysia Berhad</p> <p>RM900 juta Nota Berjangka Sederhana Subordinat Pengurus Utama Bersama Pengatur Buku Bersama</p> <p>Oktober 2015</p>

Perbankan Global

Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia
Malakoff Corporation Berhad	Jimah East Power Sdn Bhd	Tanjung Pinang Development Sdn Bhd	Jana Pendidikan Malaysia Sdn Bhd	West Coast Expressway Sdn Bhd	Kumpulan Perangsang Selangor Berhad	Prasarana Malaysia Bhd
RM444.0 juta	Sehingga RM10.0 bilion	Sehingga RM1.084 bilion	Sehingga RM1.2 bilion	RM1.50 bilion	RM78.05 juta	Sehingga RM5.0 bilion
Penempatan Saham Sekunder	Terbitan Sukuk Murabahah	Pembiayaan Berjangka Murabahah Bersindiket	Program Nota Berjangka Sederhana	Kemudahan Pinjaman Berjangka Bersindiket	Pelupusan Kepentingan Ekuiti dalam Titisan Modal (M) Sdn Bhd kepada Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd	Terbitan Sukuk Murabahah
Pengatur Buku Bersama	Pengurus Utama Bersama Pengatur Buku Bersama	Penasihat Prinsipal Bersama Pengatur Utama Bersama Penaja Jamin Bersama Pengatur Buku Bersama Pemberi Pinjaman	Pengatur Utama Bersama Pengurus Utama Bersama Pelanggan	Pengatur Utama Bermandat Bersama Pembiaya	Penasihat Prinsipal	Penasihat Bersama Pengurus Utama Bersama
November 2015	Disember 2015	Disember 2015	Disember 2015	Disember 2015	Disember 2015	Disember 2015
Singapura	Singapura	Singapura	Singapura	Hong Kong	Hong Kong	Hong Kong
Hap Seng Consolidated Berhad	Frasers Centrepoint Limited	PacificLight Power Pte Ltd / Pacificlight Energy Pte Ltd	Viva Industrial Trust	Samson Paper Company Ltd	Fosun International Limited	Wilayah Pentadbiran Khas Kerajaan Hong Kong Republik Rakyat China
Sehingga S\$52.5 juta	S\$700 juta	S\$1.1 bilion	S\$63 juta	HKD728 juta	AS\$800 juta	AS\$1 bilion
Tawaran sebahagian bagi 51% dalam Hafary Holdings Limited	Sekuriti Subordinat Kekal	Kemudahan Kredit Bersindiket	Penempatan Utama	Kemudahan Berjangka Bersindiket	Pinjaman Berjangka Bersindiket	Sukuk Wakalah
Penasihat Kewangan Tunggal	Penasihat Global Bersama Pengurus Utama Bersama Pengatur Buku Bersama	Penasihat Kewangan Pengatur Utama Bermandat Penajajamin Bank Penerbit SBLC Ejen Kemudahan/Sekuriti	Pengatur Buku Bersama dan Ejen Penempatan	Pengatur Utama Bermandat Bersama Pengatur Buku Penajajamin Bersama	Pengatur Utama Bermandat dan Pengatur Buku	Pengurus Bersama
Februari 2015	Mac 2015	April 2015	Jun 2015	Mac 2015	Mei 2015	Jun 2015
Hong Kong	Filipina	Filipina	Filipina	Filipina	Turki	Emiriah Arab Bersatu
Zhuhai Holdings Investment Group Limited	National Grid Corporation of the Philippines	Petron Corporation	Petron Corporation	San Miguel Consolidated Power Corporation	KT Kira Sertifikalari Varlik Kiralama A.S.	DIB Sukuk Limited
HKD2 bilion	PHP1.0 bilion	AS\$78.57 juta	AS\$23.8 juta	AS\$45.0 juta	RM300 juta	AS\$750 juta
Pinjaman Berjangka Bersindiket	Nota Korporat Kadar Tetap	Kemudahan Pembiayaan 5-Tahun	Bank Penstrukturan Kemudahan Berjangka Bersindiket "Backstop" 5-Tahun	Kemudahan Pinjaman Berjangka Bersindiket 7-Tahun	Sukuk Wakalah	Sukuk Wakalah
Pengatur Utama Bermandat dan Pengatur Buku	Pengatur Utama	Bank Penstrukturan Pengatur Utama Bermandat & Pengurus Buku	Pengatur Utama Bermandat Pengatur Buku	Pengatur Utama Bermandat & Pengatur Buku	Penasihat Utama Bersama Pengatur Utama Bersama Pengurus Utama Bersama Pengatur Buku Bersama Penasihat Syariah Bersama Pemegang Amanah Sukuk	Pengurus Utama Bersama Pengatur Buku Bersama
Julai 2015	Jun 2015	Julai 2015	Julai 2015	Disember 2015	Mac 2015	Jun 2015

Operasi Luar Negara

Singapura



DATUK LIM HONG TAT
Ketua Pegawai Eksekutif, Maybank Singapura

“Dengan memanfaatkan keupayaan entiti Maybank di Singapura, kami telah menyediakan penyelesaian kewangan yang mencerminkan keunikan Maybank. Menerusi pelbagai inisiatif usaha sama, kami mengenalpasti perniagaan baru yang penting dan mengukuhkan kedudukan sebagai suatu syarikat utama di Singapura. Walaupun berdepan masa hadapan yang mencabar, kami akan meneruskan kerjasama lebih erat dan bersinergi untuk menyerlahkan potensi besar francais kami di Singapura.”

TINJAUAN 2016

Ekonomi Singapura dijangka berkembang antara 1.0% hingga 3.0% dalam tahun kewangan 2016. Industri berkaitan perdagangan seperti pembuatan dan perkapalan dijangka kekal lemah disebabkan oleh persekitaran luaran yang mencabar, khususnya ekonomi China yang perlahan. Dari sudut positif, sektor berorientasikan domestik seperti pembinaan dan penjagaan kesihatan mungkin menyaksikan pertumbuhan yang secara relatifnya kukuh.

Sementara itu, harga hartanah di Singapura kemungkinan akan terus lemah pada 2016, berikutan kombinasi kadar faedah yang meningkat dan lebih bekalan yang berterusan akan terus melembapkan sentimen pasaran. Jika tidak berlaku sebarang kejutan ekonomi di luar jangkaan, risiko kejatuhan pasaran hartanah masih rendah ketika ini.

Keutamaan Kami pada 2016

- Memanfaatkan kombinasi keupayaan Maybank Singapura, Maybank Kim Eng, Etiqa dan Maybank Asset Management untuk memberikan penyelesaian kewangan menyeluruh kepada pelanggan kami.
- Memperdalamkan penglibatan di seluruh segmen pelanggan utama dan meningkatkan jualan silang.
- Memanfaatkan saluran maya untuk mengukuhkan keupayaan pengedaran.
- Memerangkap aliran perdagangan merentas sempadan, pelaburan dan aset di bawah pengurusan di rantau ini.
- Mengukuhkan asas deposit dengan menawarkan barisan urus niaga dan perkhidmatan pengurusan kekayaan yang berbeza.
- Mengembangkan tawaran penyelesaian Islam sebagai alternatif kepada para pelanggan.

Sorotan Utama pada 2015

- Keuntungan operasi pada tahun kewangan 2015 meningkat 5.3% berikutan peningkatan perolehan sebanyak 4.5%.
- Pembiayaan dan deposit Maybank Singapura mengatasi industri dengan pertumbuhan sebanyak 6.0% dan 10.2% masing-masing.
- Memenangi anugerah “Kecemerlangan dalam Perbankan Mudah Alih” di Anugerah Perbankan Runcit International Asia Trailblazer ke-6.
- Memenangi anugerah Membina Komuniti di Anugerah Kreatif CSR Singapura 2015.

ULASAN

Maybank Singapura merupakan Bank Kelayakan Penuh (QFB) dengan saiz aset bersih kira-kira SG\$60.96 bilion serta lebih daripada 1,800 kakitangan. Ditubuhkan sejak 1960, kami telah memiliki operasi yang ketara bagi pasaran perbankan runcit dan pemborongan.

Rangkaian kami termasuk 26 lokasi perkhidmatan di Singapura, satu daripada bank asing terbesar di negara ini. Kami turut menyertai atm5 — satu-satunya rangkaian perkongsian mesin juruwang automatik (ATM) di Singapura dari kalangan tujuh QFB yang menyertainya, dengan gabungan capaian lebih daripada 200 ATM. Beserta dengan pelbagai platform perbankan digital, liputan pengedaran kami dikira lengkap.

Visi kami adalah untuk menjadi kumpulan perkhidmatan kewangan asing yang utama di Singapura. Sehingga kini, kelebihan terbesar yang membezakan kami adalah manfaat gabungan keupayaan produk dan pengedaran Kumpulan untuk memberikan penyelesaian kewangan yang kompetitif dan menyeluruh.

Operasi Luar Negara Singapura

PRESTASI KEWANGAN 2015

Keuntungan sebelum cukai bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2015 adalah sebanyak SG\$400.63 juta. Jumlah ini adalah 7.4% lebih rendah berbanding tahun sebelumnya. Bagaimanapun, keuntungan operasi meningkat sebanyak 5.3% berikutan jumlah pendapatan yang meningkat 4.5%.

Pendapatan berasas dana bersih naik 13.4% kepada SG\$580.31 juta didorong oleh asas pinjaman yang berkembang dan margin yang lebih baik. Pendapatan berasaskan fi turun 11.7% kepada SG\$249.97 juta berikutan penurunan dalam pendapatan perbendaharaan dan pengurusan kekayaan yang telah mengimbangi kenaikan dalam fi berkaitan kredit.

Jumlah pinjaman meningkat sebanyak 6.0% untuk mencapai sejumlah SG\$37.15 bilion pada Disember 2015 manakala pinjaman di seluruh sistem tidak berubah. Di tengah-tengah persekitaran ekonomi yang lemah, kualiti aset merosot sedikit dengan nisbah rosot nilai kasar meningkat kepada 0.5% daripada 0.2% pada tahun sebelumnya.

Jumlah deposit berkembang sebanyak 10.2% kepada SG\$43.55 bilion sehingga Disember 2015. Pertumbuhan ini juga lebih pantas berbanding kadar pertumbuhan industri sebanyak 4.6%.

SOROTAN PERNIAGAAN UTAMA

Pemacu Tunggal — Mengeratkan hubungan kerjasama

Di tengah-tengah strategi perniagaan adalah model Pemacu Tunggal, yang memanfaatkan usahasama bersama Kumpulan untuk meletakkan Maybank sebagai sesuatu institusi perkhidmatan kewangan utama di Singapura.

Tahun 2015 terus menyaksikan kerjasama lebih erat antara entiti Kumpulan di Singapura. Sebagai contoh, Maybank Singapura dan Maybank Kim Eng bersama menjayakan 12 janji niaga perbankan pelaburan di Singapura dengan nilai SG\$7 bilion. Bersama Etiqa dan Maybank Asset Management, kami turut memperkenalkan produk insurans dan pelaburan untuk memenuhi keperluan komuniti yang luas.

Segmen Pelanggan

Model operasi baru telah diperkenalkan pada 2015 sebagai sebahagian daripada pelan tranformasi PKS Runcit (RSME). Antaranya, rangka kerja pengedaran jualan dan kad skor telah diperkenalkan untuk membantu mempercepatkan pertumbuhan perniagaan dan mendorong pertumbuhan portfolio RSME sebanyak 19.8% pada akhir Disember 2015.

Berikutan pelancaran Kekayaan Premier pada 2014, asas pelanggan kami meningkat lebih dua kali ganda pada 2015 manakala jumlah aset kewangan melonjak 84.4% disebabkan oleh penambahan bilangan produk yang ditawarkan.

Mengembangkan Capaian Serantau

Berikutan penubuhan unit Meja Malaysia pada 2014, dua unit tambahan telah diperkenalkan pada 2015 untuk meraih peluang-peluang pembiayaan merentas sempadan di China dan Indonesia – dua daripada negara ekonomi paling dinamik di rantau ini. Menerusi ketiga-tiga unit meja berkenaan, kami telah menempah lebih daripada SG\$1 bilion nilai pendedahan serantau di Singapura.

Mengukuhkan kepimpinan kami dalam Kewangan Islam

Sejak inisiatif “Mendahulukan Islam” diperkenalkan pada 2014, kami terus menyaksikan minat di kalangan para pelanggan kami terhadap variasi produk perbankan Islam. Sehingga akhir Disember 2015, jumlah deposit Islam meningkat sebanyak 64.2% manakala pembiayaan Islam naik hampir empat kali ganda. Ini menunjukkan terdapatnya permintaan yang kukuh terhadap pinjaman kenderaan dan perniagaan berjangka Islam.

Operasi Luar Negara Indonesia



TASWIN ZAKARIA
Presiden Direktor, Maybank Indonesia

“Tahun 2015 merupakan tahun transformasi dan integrasi bagi Maybank Indonesia. Pada 23 September 2015, PT Bank Internasional Indonesia Tbk telah menukar namanya kepada PT Bank Maybank Indonesia Tbk — bagi mengukuhkan identiti Kumpulan Maybank yang menumpukan kepada misi Menginsankan Perkhidmatan Kewangan untuk semua pemegang kepentingannya. Transformasi ini akan menjadikan kami lebih besar, lebih baik dan lebih kukuh.

Kami berhasrat menjadi peneraju penyedia perkhidmatan kewangan di Indonesia, didorong kakitangan yang komited dan berinovasi, mewujudkan nilai dan berkhidmat untuk komuniti. Menerusi usaha ini, kami percaya bahawa kami mampu mencapai matlamat untuk menginsankan perkhidmatan kewangan.”

Keutamaan Kami pada 2016

- Memperdalamkan pelaksanaan Transformasi Serantau Indonesia (IRT) untuk mendorong penerokaan serantau dan peningkatan produktiviti.
- Pertumbuhan pinjaman dengan Strategi Kecekapan Modal dan pada masa sama meningkatkan Kualiti Aset.
- Mengukuhkan penggalak pertumbuhan akaun semasa dan simpanan (CASA).
- Mempercepatkan pertumbuhan pendapatan fi menerusi kepelbagaian produk.
- Kecemerlangan operasi untuk meningkatkan produktiviti dan menambahbaik kecekapan.
- Perbankan Digital untuk meningkatkan penembusan pelanggan dan meningkatkan pengalaman pelanggan.

TINJAUAN 2016

Di tengah-tengah kelembapan ekonomi global dan kegawatan pasaran kewangan global, pertumbuhan ekonomi Indonesia dijangka pulih daripada 4.8% pada 2015 kepada 5.2% pada 2016. Sumber utama pertumbuhan ekonomi Indonesia dijangkakan daripada perbelanjaan kerajaan khususnya penerusan pantas projek-projek infrastruktur dan lain-lain perbelanjaan modal. Selain itu, pertumbuhan ekonomi Indonesia tahun ini turut dijangka mendapat sokongan daripada kadar kepantasan pelaburan yang kukuh, disokong oleh dasar kerajaan untuk memudahkan pelaburan-pelaburan berkenaan. Sementara itu, eksport dijangka terus dikekang oleh permintaan global yang lemah yang telah menyebabkan kepada kejatuhan harga komoditi. Penggunaan swasta dijangka berkembang sederhana sebanyak 5.0%, disokong oleh penurunan monetari yang dilaksanakan oleh Bank Indonesia.

Sorotan Utama pada 2015

- Di tengah-tengah kedudukan pasaran domestik yang mencabar, keuntungan dan pulangan Maybank Indonesia bagi tahun penuh 2015 meningkat dengan ketara — disokong oleh pertumbuhan pendapatan fi yang kukuh, kunci-kira-kira yang mantap dan kedudukan mudah tunai yang lebih baik.
- Keuntungan bersih mencatat sejumlah IDR1.14 trilion bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2015, melonjak sebanyak 60.9% berbanding tahun sebelumnya.
- Perbankan Syariah terus menunjukkan prestasi yang kukuh sepanjang 2015 dengan aset Syariah sebanyak IDR15.99 trilion pada Disember 2015, yang menyumbang sebanyak 10.1% kepada jumlah aset Bank. Bank Syariah Maybank Indonesia meningkat dari segi kedudukannya kepada tempat kelima dari jumlah aset dalam industri Perbankan Islam pada Disember 2015 berbanding tempat kelapan pada Disember 2014, dan berada di kedudukan No. 1 dalam kategori Unit Perniagaan Syariah pada Disember 2015.
- PT Bank Internasional Indonesia Tbk telah menukar namanya kepada PT Bank Maybank Indonesia Tbk, sekali gus mengukuhkan identitinya sebagai entiti yang tidak boleh diasingkan daripada Kumpulan Maybank.

Kadar inflasi di Indonesia dijangka akan menyederhana dan secara relatifnya kekal tidak berubah pada 2016 — untuk mencatat sebanyak 4.7% T-ke-T pada 2016 berbanding 3.4% pada 2015. Peningkatan kadar inflasi ini dijangka disebabkan oleh peningkatan harga makanan berikutan kurangnya bekalan akibat kesan daripada El Nino. Bagi mengawal inflasi, kerajaan telah melaksanakan siri langkah menstabilkan harga komoditi. Selain itu, kerajaan akan bekerjasama dengan bank pusat untuk memantau inflasi di rantau yang berbeza.

Operasi Luar Negara Indonesia

Selari dengan dasar Bank Indonesia untuk melonggarkan dasar monetari dan makro-berhemat, kadar anggaran Bank Indonesia (BI) pada 2016 telah diturunkan kepada 6.75%, turun 75 mata asas daripada 7.50% tahun lalu. Penurunan kadar BI ini akan diikuti dengan penurunan dalam kadar pinjaman bank, yang akan meningkatkan permintaan untuk kredit. Ini dapat merangsang ekonomi Indonesia.

Sementara itu, sejajar dengan kegawatan pasaran kewangan global berikutan kesan kelemahan ekonomi di China, ancaman terhadap penilaian penurunan semula Yuan, ancaman terhadap kenaikan kadar Rizab Persekutuan AS, dan kejatuhan harga komoditi, terutamanya minyak, nilai Rupiah akan terus menerima tekanan tahun ini. Matawang ini dijangka berada sekitar 13,500 hingga 14,500 bagi setiap AS\$ tahun ini dan dijangka akan ditutup sekitar 14,500 pada akhir tahun 2016, turun sedikit berbanding 13,795 pada akhir 2015.

PT BANK MAYBANK INDONESIA TBK

PT Bank Maybank Indonesia Tbk (Maybank Indonesia) merupakan satu daripada bank terbesar di Indonesia dengan 56 tahun pengalaman dan terkenal sebagai peneraju dalam perkhidmatan perbankan yang cemerlang. Perkhidmatan perbankan dan kewangan kami bermatlamat untuk menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan individu dan korporat menerusi segmen Perbankan Runcit, Perbankan Perniagaan dan Perbankan Global, serta syarikat subsidiari, PT Wahana Ottomitra Multiartha Tbk (WOM Finance) dan PT Maybank Indonesia Finance (Maybank Finance) yang masing-masing menyediakan pembiayaan motosikal dan kereta.

Kehadiran perbankan kami di seluruh wilayah di Indonesia adalah menerusi 456 cawangan yang terdiri daripada 454 cawangan domestik termasuk sembilan cawangan Syariah dan 27 pejabat fungsi mikro, ditambah lagi dengan dua cawangan luar negara setiap satu di Mauritius dan Mumbai, India. Maybank Indonesia turut menyediakan perkhidmatan e-perbankan menerusi perbankan mudah alih, Maybank M2U, perbankan internet, perbankan tunai mudah alih (MKK) dan 1,605 mesin ATM termasuk Mesin Deposit Tunai (CDMs) di seluruh negara. Kami merupakan satu daripada beberapa bank di Indonesia yang berhubung dengan semua rangkaian ATM Indonesia iaitu ATM PRIMA, ATM BERSAMA, ALTO, dan CIRRUS serta rangkaian MEPS di Malaysia dan ATM Maybank di Malaysia and Singapura.

PRESTASI KEWANGAN

Keuntungan bersih Maybank Indonesia berjumlah IDR1.14 trilion untuk tahun penuh berakhir 31 Disember 2015 berbanding IDR0.71 trilion dalam tahun sebelumnya berakhir 31 Disember 2014. Prestasi kukuh ini dicapai menerusi margin faedah bersih yang lebih baik, pertumbuhan kukuh pendapatan berasaskan fi Bank kerana pertumbuhan pinjaman industri lemah sepanjang tahun, pencapaian cemerlang Perbankan Syariah dan disiplin pengurusan kos.

Bank terus menguruskan tekanan daripada akaun korporat yang disebabkan oleh kenaikan paras Pinjaman Tidak Berbayar (NPL) dan berhati-hati dengan kualiti pinjaman kerana perniagaan masih terjejas oleh kelembapan ekonomi semasa.

Perbankan Perniagaan kami terus menjadi tulang belakang dalam menjana pendapatan. Usaha kami dalam memprofil semula portfolio korporat dan menyusun semula perniagaan juga telah mula menunjukkan hasil yang positif. Bank ini mengukuhkan tumpuannya kepada profil semula portfolio korporat dan penyusunan semula perniagaan dengan selera risiko yang ditakrifkan semula ke arah kredit korporat yang lebih berkualiti tinggi untuk meningkatkan kualiti aset. Melangkah ke hadapan, kami bersedia untuk melihat pertumbuhan dalam Perbankan Global.

Bank ini juga terus menambah baik sistem pengurusan tunai, penyelesaian rantaian bekalan kewangan yang kukuh, dan kemudahan perbankan mudah alih berasaskan internet, Maybank M2U. Kesemua ini menyumbang kepada kedudukan mudah tunai yang lebih baik. Nisbah Pinjaman berbanding Pembiayaan (Bank sahaja, tidak termasuk subsidiari) kekal menggalakkan pada 85.1% sehingga 31 Disember 2015.

Perbankan Syariah telah menunjukkan sumbangan yang ketara terhadap keseluruhan prestasi Bank yang lebih baik dan terus menunjukkan keputusan yang menggalakkan pada tahun 2015. Jumlah pembiayaan Syariah berkembang sebanyak 52.8% daripada IDR5.68 trilion pada Disember 2014 kepada IDR8.67 trilion pada Disember 2015, menyumbang 7.7% kepada portfolio jumlah pembiayaan Bank. Keuntungan bersih Perbankan Syariah naik dengan ketara daripada IDR98.36 bilion pada Disember 2014 kepada IDR287.92 bilion pada Disember 2015.

Perolehan Bank terus mengukuh, didorong oleh peningkatan margin faedah bersih (NIM) menerusi disiplin harga pinjaman dan pengurusan pembiayaan yang aktif, serta kepelbagaian pendapatan berasaskan fi, yang juga didorong oleh fi khidmat nasihat, transaksi tukaran matawang asing dan lain-lain fi.

Pada masa yang sama, disiplin usaha pengurusan kos dalam tahun kewangan menyaksikan Bank ini meningkatkan nisbah kos kepada pendapatan (CIR) kurang daripada 60% pada 31 Disember 2015.

Maybank Indonesia melaksanakan strategi pertumbuhan kecekapan modal yang membolehkannya untuk memelihara modalnya. Nisbah Kecekapan Modal (CAR) kami berjumlah 15.17% pada Disember 2015.

Memandangkan persekitaran operasi semasa, kami tetap optimis dengan terus mencari peluang untuk pertumbuhan yang mampan. Sebagai sebahagian daripada Kumpulan Maybank, kami mempunyai kelebihan untuk memanfaatkan sinergi kumpulan di seluruh rantau ini dan untuk menembusi pasaran, yang timbul daripada aktiviti ekonomi di rantau yang menjadi tumpuan kami, iaitu China dan ASEAN, khususnya. Kami jangkakan ekonomi negara ini kekal teguh berbanding tempat-tempat lain di dunia. Penyusunan semula jenama kami baru-baru diselaraskan dengan Kumpulan Maybank akan membolehkan Bank memanfaatkan lagi kekuatan Kumpulan yang berbeza. Kami berharap akan menghasilkan keputusan yang membanggakan dan memberikan nilai yang lebih baik kepada semua pemegang kepentingan kami.

PENCAPAIAN

Inovasi produk daripada Perbankan Perniagaan terus menjana pertumbuhan dalam portfolio Perbankan Perniagaan dan aliran perolehan. Pada 2015, Perbankan Perniagaan, antara lain, telah dianugerahkan dengan "Financial Insights Innovation Awards 2015 (FIIA 2015) oleh IDC Financial Insights untuk CoOLPay (Corporate On-Line Payment – Pembayaran Korporat Dalam Talian) dan "Sinergi (Distribution Card) for Financial Supply Chain Management" (FSCM). Bank ini juga menerima "Anugerah Bank PKS Terbaik 2015" oleh Alpha Southeast Asia daripada sejumlah 200 bank yang bertanding di seluruh Asia Tenggara.

Perbankan Runcit turut merekodkan prestasi yang lebih baik bersama-sama subsidiari Maybank Finance dan WOM Finance yang menyediakan impak positif kepada prestasi keseluruhan Bank. Dengan prestasi cemerlang ini, Maybank Finance telah menerima anugerah daripada Indonesia Multifinance Award (IMA) sebagai "Syarikat Tidak Senarai Pelbagai Pembiayaan Terbaik" bagi kategori saiz aset IDR1 hingga IDR5 trilion, dan daripada Infobank sebagai "Bank Pelbagai Pembiayaan Terbaik".

Operasi Luar Negara Indonesia

Perbankan Elektronik telah mengalami pertumbuhan yang pesat menerusi pelancaran kemudahan perbankan mudah alih Maybank M2U baru-baru ini, kejayaan platform perbankan mudah alih yang digunakan oleh Kumpulan Maybank. Ini telah membantu melonjakkan pertumbuhan jumlah urus niaga e-saluran Bank ini.

Berikutan pelaksanaan “Strategi Mengutamakan Syariah” dan model penyusunan perniagaan pada 2014, unit perniagaan Syariah terus menunjukkan prestasi yang cemerlang. Unit perniagaan Syariah ini turut mencapai pelbagai anugerah, termasuk No.1 bagi Anugerah Kewangan Islam 2015 bagi Unit Pembiayaan Syariah Paling Mahal dan Juara utama Kejohanan Kewangan Islam 2015 oleh KARIM Business Consulting. Ia turut menerima Anugerah Kewangan Syariah Infobank 2015 dengan predikat “Sangat Baik” Unit Syariah Pembiayaan-i dengan aset lebih daripada IDR5 trilion oleh Infobank.


Kami menerima dua anugerah bagi amalan pelaporan kami. Kami berada di tempat ketiga untuk Anugerah Pelaporan Kemampanan bagi kategori Perkhidmatan Kewangan oleh Pusat Pelaporan Kemampanan Nasional (NCSR) dan di tempat kedua untuk anugerah “Pelaksanaan GCG Terbaik” untuk kategori Pendedahan dan Ketelusan daripada Lembaga

Perkhidmatan Kewangan dengan kerjasama Institut Pengarah Korporat Indonesia. Di samping itu juga, kami menduduki tempat keempat bagi kategori Anugerah Perbankan Indonesia untuk Perbankan Konvensional (Buku III) yang diberikan oleh Perbanas Institute dan majalah Economic Review.

Maybank Indonesia memenangi anugerah Platinum di Anugerah CSR Global 2015 yang dianjurkan oleh Pinacple Group International bagi kategori Memperkasakan Wanita. Satu lagi anugerah diterima daripada program pemerksaan wanita untuk ahli Komida (Koperasi Mitra Dhuafa) dan ASPUK (Asosiasi Pendamping Perempuan Usaha Kecil) untuk program pembiayaan mikro dan celik kewangan.

Maybank Indonesia sekali lagi dipilih sebagai satu daripada syarikat dalam senarai “50 Jenama Indonesia Paling Berharga” bersama 12 bank terkemuka di Indonesia. Maybank Indonesia diiktiraf sebagai institusi kewangan yang boleh memberikan nilai yang baik terhadap jenama.

Senarai penuh bagi anugerah dan peniktirafan berkenaan boleh dirujuk di muka surat 206.



Operasi Luar Negara Antarabangsa



POLLIE SIM

Ketua Pegawai Eksekutif, Antarabangsa

“Pada 2015, pasukan kerja Antarabangsa telah menumpukan kepada usaha merealisasikan agenda serantau. Kami memanfaatkan keupayaan serantau untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan dan meraih prestasi cemerlang dalam tahun berkenaan. Kami telah melaksanakan inisiatif transformasi baru di pasaran utama Wilayah Besar China, Filipina dan Indochina.

Kami kekal komited terhadap pasaran di mana kami beroperasi. Selaras dengan misi untuk menginsankan perkhidmatan kewangan, kami berharap dapat bekerjasama dengan pelanggan dalam usaha mencapai misi kami untuk mencatat pertumbuhan dan meraikan pencapaian itu bersama-sama.”

TINJAUAN 2016

Di sebalik ketidakpastian dalam tinjauan ekonomi Asia pada 2016, Filipina dan Vietnam dijangka terus berkembang. Dengan operasi global kami yang berkembang luas, kami akan terus mengembangkan kapasiti dan keutamaan kami untuk menyediakan perkhidmatan kepada seluruh pelanggan serantau.

Keutamaan kami pada 2016

- Menumpukan kepada usaha meningkatkan pendapatan fi, jualan silang dan produktiviti.
- Memperdalamkan profil mudah tunai dengan mengukuhkan pungutan deposit.
- Mengukuhkan pengurusan kualiti aset.

Sorotan Utama pada 2015

- Pada 2015, bahagian Antarabangsa (termasuk syarikat sekutu) mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.11 bilion kepada Kumpulan, lebih tinggi berbanding RM996.95 juta yang disumbangkan pada 2014.
- Sebagai sebahagian daripada pengembangan lokasi strategi yang berterusan, kami berjaya menubuhkan cawangan di Kunming dan Yangon, serta cawangan yang akan ditubuhkan di Shenzhen. Penubuhan Cawangan Maybank Kunming dan Maybank Yangon telah mewujudkan potensi lebih besar untuk menarik aliran perdagangan dalam Rantau Kecil Wilayah Besar Mekong (GMS).
- Cawangan Maybank Yangon telah ditubuhkan pada 2015, melengkapkan kehadiran kami di kesemua 10 negara ASEAN, dan bersedia untuk merebut peluang pasaran yang luas dengan menarik aliran perdagangan, modal, pelaburan dan kekayaan di Asia.

KEUTAMAAN STRATEGIK KAMI

Sejak penubuhannya pada 2014, struktur serantau strategik operasi Antarabangsa telah berjaya menarik sinergi usaha sama. Pengetahuan mendalam terhadap pasaran di Asia telah memberikan kami kelebihan daya saing untuk memenuhi keperluan pelanggan perbankan di seluruh rantau ini. Pada 2015, kami terus mengembangkan penguasaan pasaran dengan korporat besar, PKS, pelabur institusi dan pelanggan kaya di negara-negara kami beroperasi, khususnya di pasaran pertumbuhan kami seperti Wilayah Besar China, Filipina dan Indochina.

MEMACU PERTUMBUHAN DENGAN MODEL OPERASI PERNIAGAAN MAMPAN


Kami memperkenalkan program transformasi baru untuk pasaran pertumbuhan supaya dapat memacu prestasi ke tahap yang berikutnya. Tumpuan pertumbuhan kami selari dengan penekanan terhadap pembinaan rangka kerja pengurusan risiko yang berdisiplin. Kami mahu memberikan nilai mampan jangka panjang kepada pelanggan dan pemegang kepentingan kami.

MEMPERCEPATKAN KEUNTUNGAN

Perolehan bahagian Antarabangsa berkembang sebanyak 26.1% dalam tahun kewangan ini, bersandarkan kepada pertumbuhan pembiayaan dan deposit yang stabil, masing-masing sebanyak 24.7% dan 25.0%. Keseluruhannya, keuntungan sebelum cukai bahagian Antarabangsa (termasuk syarikat sekutu) meningkat 10.9% T-ke-T berbanding RM996.95 juta pada TK2014 kepada RM1.11 bilion pada 2015. Overhead meningkat sebanyak 24.4% pada 2015, selari dengan aktiviti pengembangan sepanjang tahun berkenaan.

Pembiayaan kasar berjumlah RM46.91 bilion, didorong oleh pembiayaan berjangka dan kredit berpusingan. Deposit berjumlah RM36.18 bilion, dengan peningkatan 62.1% dalam akaun semasa dan simpanan (CASA).

Operasi Luar Negara Antarabangsa



WILAYAH BESAR CHINA

ULASAN

Maybank Wilayah Besar China terdiri daripada Hong Kong, Shanghai, Beijing dan Kunming, serta Shenzhen yang bakal dibuka. Kami menyediakan perkhidmatan perbankan pemborongan dan pelaburan kepada pelanggan komersial dan korporat di Hong Kong dan China, serta mengkhusus dalam penyelesaian merentas sempadan antara Wilayah Besar China dan ASEAN.

TINJAUAN 2016

China dan Hong Kong dijangka mencatat kenaikan pertumbuhan KDNK yang sederhana, masing-masing sebanyak 6.0% dan 2.5%.

Walaupun ekonomi perlahan, harga komoditi menerima tekanan dan nilai Renminbi diturunkan oleh People's Bank of China (PBOC), kami masih positif kerana ekonomi berkembang daripada berasaskan eksport kepada penggunaan domestik.

Kami yakin dengan inisiatif "One Belt One Road" (OBOR) di China untuk memulihkan laluan perdagangan purba, akan meningkatkan laluan perhubungan perdagangan dan budaya antara China dan Eropah menerusi Asia Tengah dan Asia Tenggara.

Keutamaan Kami pada 2016

- Terus mengukuhkan keupayaan Perbankan Transaksi dan Perbendaharaan untuk lebih memudahkan aliran perdagangan antara China-ASEAN.
- Untuk meningkatkan deposit dan menarik pelanggan tempatan di Hong Kong dan China.
- Mengukuhkan keupayaan RMB dengan memanfaatkan lesen perniagaan RMB yang diberikan oleh Suruhanjaya Peraturan Perbankan China (CBRC) di cawangan kami di China.

SOROTAN PENCAPAIAN PADA 2015


Cawangan Maybank Kunming Branch dirasmikan pembukaannya pada 9 April 2015. Beserta dengan pembukaan Cawangan Maybank Yangon, cawangan ini telah melengkapkan penglibatan kami di GMS, sekali gus memudahkan aliran rentas sempadan yang luas.

Maybank merupakan Pengatur Mandat Utama (MLA) untuk beberapa janji niaga utama seperti Zhuhai Holdings Investment Group Limited dan Fosun International Limited.

Kami turut mencapai kejayaan dalam perniagaan Perbendaharaan dan Perbankan Transaksi. Cawangan Maybank Beijing dan Maybank Kunming telah diberikan kelulusan lesen perniagaan RMB oleh CBRC pada Oktober 2015.

SOROTAN UTAMA PRESTASI KEWANGAN PADA 2015

- Maybank Wilayah Besar China mencatatkan pertumbuhan perolehan sebanyak 31.7% T-ke-T disokong oleh pendapatan pembiayaan dan fi yang tinggi. Bagaimanapun keuntungan sebelum cukai turun sebanyak RM213.91 juta atau 71.3% T-ke-T, kesan daripada peruntukan kerugian pinjaman yang dibuat pada TK2015.
- Pembiayaan kasar berkembang sebanyak 9.1% T-ke-T, disokong oleh pertumbuhan dalam pinjaman berjangka. Sementara itu, deposit meningkat dengan ketara sebanyak RM6.71 bilion atau 71.3% T-ke-T, disebabkan oleh CASA dan deposit tetap yang tinggi.



Operasi Luar Negara Antarabangsa

MAYBANK FILIPINA

ULASAN

Maybank Philippines Incorporated (MPI) merupakan bank komersil khidmat penuh yang menyediakan perkhidmatan perbankan runcit dan pemborongan. Dengan manfaat rangkaian 79 cawangan di seluruh negara, kami menawarkan pelbagai penyelesaian kewangan yang disesuaikan untuk pelanggan mewah, dan syarikat-syarikat peringkat teratas di Filipina. Kami juga terlibat dalam operasi perbendaharaan, dengan penekanan kepada operasi pasaran wang dan perdagangan tukaran matawang asing.

TINJAUAN 2016

Dikalangan 5 negara ASEAN, ekonomi Filipina dijangka mencatatkan prospek pertumbuhan paling cerah dengan KDNK berkembang sebanyak 6.5% pada 2016. Ini dijangka akan disokong oleh asas makro ekonomi yang menggalakkan dan penggunaan domestik yang mantap.

Keutamaan Kami pada 2016

- Memanfaatkan kepada permintaan yang semakin meningkat untuk perkhidmatan perbankan konsumer, dan tumpuan terhadap pengembangan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada Pelanggan Premier dan RSME.
- Mengukuhkan pengurusan kualiti aset.
- Mengembangkan segmen korporat peringkat pertengahan.

SOROTAN PENCAPAIAN 2015

Pada 2015, penguasaan pasaran kami dalam Pembiayaan Automotif meningkat kepada 7.5%, apabila purata tempahan pinjaman automotif setiap bulan mencatat rekod PHP1 bilion.


MPI telah memenangi tiga anugerah: Global Trade Review (GTR) — Bank Pembiayaan Perdagangan Islam Terbaik, Janji Niaga GTR Terbaik 2014 — Pembiayaan Projek : “Wind Farm” 2014, serta antara lima Syarikat Broker Pendapatan Tetap Terbaik 2014.

Bagi perbankan global, MPI telah menjadi Pengurus Mandat Utama (MLA) bagi korporat besar seperti Petron Corporation dan San Miguel Corporation.

Aplikasi Perbankan Mudah Alih M2U telah berjaya dilancarkan, ketika kami berusaha untuk mewujudkan pengalaman pelanggan yang lancar untuk para pelanggan di Filipina.

SOROTAN UTAMA PRESTASI KEWANGAN PADA 2015

- Pendapatan meningkat sebanyak 37.0% T-ke-T, diterajui oleh pendapatan faedah bersih dan pendapatan fi, masing-masing naik 38.5% dan 29.6%. Keseluruhannya, keuntungan sebelum cukai naik 47.2% T-ke-T atau RM26.10 juta, didorong oleh perolehan yang tinggi daripada Kewangan Automotif, Perbankan Korporat dan Pasaran Global.
- Pembiayaan dan deposit kasar adalah tinggi dengan ketara berbanding tahun sebelumnya, dengan masing-masing mencatat pertumbuhan sebanyak 38.7% T-ke-T dan 40.9% T-ke-T.



Operasi Luar Negara Antarabangsa

MAYBANK INDOCHINA

ULASAN

Maybank Indochina terdiri daripada subsidiari — Maybank Cambodia PLC (MCP), serta cawangan penuh kami di Vietnam, Laos, dan Myanmar. Maybank memiliki 21 cawangan di Kemboja, dua di Vietnam, serta setiap satu di Laos dan Myanmar. Kami menawarkan perkhidmatan perbankan pemborongan kepada pelanggan komersil dan korporat di seluruh Indochina dan menyediakan perkhidmatan perbankan runcit di kedua-dua Kemboja dan Laos. Kami merupakan bank yang pertama dan satu-satunya dari Malaysia yang diberikan lesen perbankan asing oleh Central Bank of Myanmar, untuk beroperasi di Myanmar.

TINJAUAN 2016

Ekonomi rantau Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam (CLMV) dijangka mencatatkan purata kadar pertumbuhan KDNK sebanyak 7.0%. Prospek pertumbuhan ekonomi dan pelaburannya disokong oleh beberapa faktor, termasuk kos pembuatan, daya saing perdagangan dan dasar pelaburan. Kami kekal optimistik terhadap prospek pertumbuhan CLMV, dan melihat potensi perniagaan yang kukuh pada 2016 dan seterusnya.

Keutamaan Kami pada 2016

- Mengukuhkan keupayaan Perbankan Transaksi dan Perbendaharaan di rantau ini untuk memenuhi keperluan pelanggan merentas sempadan.
- Menggunakan Sistem Pengurusan Tunai Serantau dan meningkatkan kewangan perdagangan saranan produk.
- Terus mengembangkan perniagaan Perbankan Konsumer di Kemboja dan Laos.
- Memberi tumpuan untuk mempercepatkan francais Perbankan Global di Vietnam dan Myanmar, terutamanya dalam memudahkan Pelaburan Langsung Asing (FDI) dan perdagangan.

SOROTAN PENCAPAIAN PADA 2015


Di Kemboja, Maybank merupakan bank yang pertama melancarkan kad Debit Visa dengan manfaat serantau, dan kekal sebagai pemeroleh eksklusif untuk kad American Express. Perniagaan gadai janji dan Perusahaan Kecil dan Sederhana Runcit (RSME) turut memperoleh peningkatan di Kemboja pada 2015, dengan pertumbuhan pembiayaan meningkat sebanyak 40% dan 34% setiap satu. Kiriman wang dan pendapatan kewangan perdagangan berasaskan fi naik dengan ketara, disokong oleh peningkatan perkhidmatan kiriman dalam matawang asing dan kiriman wang dua jam antara Malaysia dan Vietnam. MCP telah memperoleh dua anugerah, iaitu “Bank Runcit Terbaik di Kemboja 2015” dan “Bank Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) 2015”.

Kami juga dianugerahkan lesen perbankan oleh Bank of Lao bagi penubuhan cawangan kedua di negara ini, yang dijangka memulakan operasi pada suku pertama 2016. Cawangan Maybank Yangon telah dibuka dengan rasminya pada Oktober 2015, sekali gus melengkapkan operasi kami di ASEAN. Ini juga menjadikan kami satu-satunya bank di ASEAN yang mempunyai kehadiran di kesemua 10 negara ASEAN.

Maybank Vietnam merupakan Pengatur Mandat Utama (MLA) untuk Syarikat Kewangan Kredit Kediaman Vietnam, yang telah dianugerahkan “Janji Niaga Terbaik di Vietnam 2015”.

SOROTAN UTAMA PRESTASI KEWANGAN PADA 2015

- Pertumbuhan perolehan yang kukuh sebanyak 54.7% T-ke-T, didorong oleh Kemboja dan Laos. Namun, keuntungan sebelum cukai naik 8.6% T-ke-T berikutan peruntukan kerugian pinjaman yang tinggi di Laos.
- Pendapatan fi, khususnya menyaksikan pertumbuhan yang ketara sebanyak 83.2% T-ke-T, didorong oleh Kemboja dan Vietnam.
- Pembiayaan berkembang 61.2% T-ke-T, didorong oleh pinjaman berjangka yang lebih tinggi. Deposit juga meningkat dengan ketara sebanyak 78.1% T-ke-T, khususnya disebabkan oleh deposit akaun semasa dan tetap.



Operasi Luar Negara Antarabangsa

LAIN-LAIN DI DUNIA

ULASAN

Kehadiran global kami berkembang dari hab kewangan utama hingga ke pasaran oportunist, menerusi enam cawangan lain di lokasi yang strategik seperti New York, London, Brunei, Labuan dan Bahrain.

TINJAUAN 2016

Pada 2016, ekonomi Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) dijangka kekal mencatatkan pertumbuhan KDNK yang stabil sebanyak 2.7% dan 2.4% setiap satu.

Keutamaan Kami pada 2016

- Mengukuhkan keupayaan Perbendaharaan di New York dan London, serta saluran aset ASEAN.
- Terus membina sinergi dengan Maybank Kim Eng di pasaran AS dan UK untuk menyediakan penyelesaian kewangan menyeluruh kepada pelanggan-pelanggan serantau.
- Memperkenalkan perniagaan RSME di Brunei.

SOROTAN PENCAPAIAN PADA 2015

Maybank telah berjaya melaksanakan Program Kertas Komersil (Nota) AS (Program CP) pada Oktober 2015. Di bawah program CP ini, cawangan Maybank New York akan menerbitkan Nota sehingga jumlah agregat maksimum sebanyak AS\$500 juta dengan nilai nominal.


Kekayaan Premier telah dilancarkan di cawangan Maybank London dan Maybank Brunei.

Cawangan Maybank Brunei telah menerima anugerah sebagai "Bank Asing Paling Pantas Berkembang di Brunei 2015" oleh Global Banking & Finance Review.

Pada 30 September 2015, Maybank telah menyelesaikan penjualan Maybank (PNG) Limited dan Mayban Property (PNG) Limited kepada Kina Ventures Ltd, untuk pertimbangan tunai sebanyak Kina352.8 juta (bersamaan kira-kira RM546.8 juta).

SOROTAN UTAMA PRESTASI KEWANGAN PADA 2015


- Prestasi kluster meningkat dengan pertumbuhan perolehan sebanyak 5.8% T-ke-T. Keuntungan sebelum cukai naik dengan ketara sebanyak 57.7% berbanding tahun sebelumnya, disebabkan oleh pertumbuhan kukuh dalam pendapatan faedah bersih beserta pengiraan semula peruntukan dalam tahun kewangan.
- Pembiayaan kasar naik sebanyak 27.5% T-ke-T untuk menutup tahun kewangan dengan sejumlah RM21.49 bilion.



SYARIKAT-SYARIKAT SEKUTU

SOROTAN UTAMA PRESTASI KEWANGAN PADA 2015

Perkongsian keuntungan daripada syarikat-syarikat sekutu, iaitu MCB Bank, An Binh Bank dan Uzbek Leasing International, naik sebanyak 31.0% T-ke-T kepada RM211.21 juta pada 2015, bersandarkan kepada pertumbuhan kukuh dalam pendapatan faedah bersih dan pendapatan fi.



Insurans & Takaful



KAMALUDIN AHMAD

Ketua Kumpulan, Insurans & Takaful
Ketua Pegawai Eksekutif, Maybank Ageas Holdings Berhad

“Walaupun 2015 merupakan tahun yang mencabar, saya percaya kekuatan yang dimiliki Etiqa membolehkan kami untuk menghadapi masa-masa yang mencabar ini. Melangkah ke hadapan, tumpuan kami adalah untuk mengekalkan kedudukan sebagai peneraju di pasaran dan mencari peluang-peluang yang menguntungkan di mana sahaja yang boleh ditemui. Perkembangan pantas dalam tingkah laku pelanggan memberikan cabaran buat kami. Kami melihat perkembangan ini sebagai peluang untuk meningkatkan tumpuan terhadap pelanggan menerusi keupayaan inovasi dan seterusnya menangani kepelbagaian keperluan pengguna untuk memberikan pengalaman hebat buat pelanggan menerusi platform yang lebih inovatif. Tumpuan kami untuk memberikan penyelesaian dan perkhidmatan yang memacu inovasi dan nilai perniagaan, membangunkan kakitangan dan keupayaan, dan menguruskan kos secara optimum. Kami mempunyai harapan besar untuk meningkatkan kecekapan dan inovasi.”

Keutamaan Kami pada 2016

- Menilai pengembangan antarabangsa untuk meraih kehadiran yang lebih ketara dalam pasaran pertumbuhan tinggi dengan memanfaatkan penerokaan perbankan Kumpulan di seluruh ASEAN dan kepakaran Etiqa dalam takaful dan bankasurans.
- Memperkayakan pengalaman pelanggan dengan terus memberikan penekanan terhadap keprihatinan, profesionalisme, integriti dan keberanian ketika berurusan dengan pelanggan.
- Mendalamkan tumpuan terhadap pengenalan produk inovatif berdasarkan keperluan pengguna dan pembangunan pasaran/antarabangsa.
- Memanfaatkan teknologi dengan memudahkan proses-proses, meningkatkan penggunaan pemrosesan langsung dan akses masa sebenar untuk memberikan pengalaman pelanggan sebenar serta pemahaman lebih baik terhadap keperluan pelanggan dan kecekapan kos.

Sorotan Prestasi 2015

- Kami merupakan peneraju pasaran dalam kedua-dua perniagaan insurans dan takaful di Malaysia.
- Etiqa Insurance Berhad (EIB), Etiqa Takaful Berhad (ETB) dan Etiqa Insurance Private Limited (EIPL), masing-masing telah diberi penarafan Kekukuhan Kewangan Penginsuran (IFS) “A” oleh Fitch Ratings.
- Pelanggan kini boleh membeli produk bukan motor dalam talian laman portal dengan pelancaran jualan langsung baru di www.etiqa.com.my.
- Etiqa telah menubuhkan kehadiran di Filipina menerusi AsianLife and General Assurance Corporation (ALGA), lesen penanggung insurans komposit yang memanfaatkan Maybank Philippines Incorporated (MPI) untuk menawarkan produk insurans hayat dan am kepada pelanggan.
- Pada Mac 2015, EIPL telah menyediakan perlindungan insurans kebakaran untuk hartanah Lembaga Pembangunan Perumahan (HDB) yang melibatkan ruang komersial selama tiga tahun.
- EIPL juga merupakan penanggung insurans pertama di Singapura yang menawarkan jualan dalam talian bagi Pembelian Langsung Insurans (DPI), kategori produk insurans yang dijual tanpa nasihat kewangan dan komisyen.

ULASAN

Kumpulan menawarkan produk insurans dan takaful menerusi subsidiari insurans dan takaful di bawah jenama “Etiqa”. Syarikat pegangan sahamnya adalah Maybank Ageas Holdings Berhad (MAHB). MAHB adalah syarikat dengan 69.05% sahamnya dimiliki oleh Etiqa International Holdings Sdn Bhd, syarikat subsidiari milik penuh Maybank dan 30.95% saham dimiliki oleh Ageas Insurance International N.V. Entiti beroperasi di bawah MAHB adalah: Etiqa Insurance Berhad (EIB) di Malaysia, serta Etiqa Insurance Pte. Ltd. (EIPL) di Singapura untuk Insurance, serta Etiqa Takaful Berhad (ETB) di Malaysia untuk Takaful. Etiqa sentiasa berhasrat untuk menyokong pertumbuhan serantau Kumpulan menerusi kehadirannya di Singapura menerusi EIPL, dan di Filipina menerusi ALGA.

Etiqa memiliki agensi yang kuat terdiri daripada 12,000 ejen dan 31 cawangan di seluruh Malaysia. Kami turut memiliki rangkaian pengedaran Bankasurans dan Bankatakaful menerusi lebih 400 cawangan Maybank dan bank pihak ketiga.

Insurans & Takaful

Kami menawarkan jualan langsung kepada pengguna internet menerusi laman portal, www.etiqa.com.my, www.motortakaful.com dan juga menerusi www.maybank2u.com.my milik Kumpulan. Selain itu, Etiqa juga ditawarkan menerusi koperasi, broker dan institusi yang membawanya dekat dengan pelanggan serta meningkatkan capaiannya di pasaran Malaysia.

Kami bekerjasama dengan rakan perniagaan dan pelanggan untuk meningsankan industri insurans dan takaful. Ini selari dengan aspirasi Kumpulan untuk menginsankan perkhidmatan kewangan di seluruh Asia. Semangat Etiqa disokong oleh kekuatan, kepakaran dan asas Kumpulan yang kukuh dan dipacu oleh profesionalisme, keprihatinan, keberanian dan integriti kakitangannya.

Jenama Etiqa menawarkan perkhidmatan unik dan tersendiri meliputi semua jenis dan kelas insurans hayat dan am serta takaful keluarga dan am menerusi rangkaian pengedaran pelbagai saluran, termasuk Bankasurans, Broker dan Pengedaran Langsung. Produk hayat dan keluarganya yang luas termasuk endowmen, insurans berjangka, kemalangan peribadi, pendidikan, insurans berkaitan pelaburan dan perubatan, manakala produk insurans konvensional dan takaful terdiri daripada polisi kebakaran, kenderaan, penerbangan, marin dan kejuruteraan.

EIB sekali lagi mengekalkan penarafan "A" oleh Fitch Ratings. Penarafan ini mencerminkan profil perniagaannya yang kukuh dalam pasaran insurans hayat dan am tempatan, keupayaan pengedaran yang luas, prestasi operasi yang konsisten, kualiti yang mantap dan pendekatan pelaburan yang berhemat. Penarafan ini turut mengiktiraf kedudukan modal EIB yang kukuh atas asas pelarasan risiko dan amalan rizab yang menggalakkan.

Sementara itu, penarafan "A" mencerminkan keuntungan operasi dan mudah tunai yang menggalakkan, dan kedudukan pasaran yang dominan dalam sektor takaful am dan keluarga di Malaysia. Penarafan ini turut mengenalpasti kedudukan ETB sebagai subsidiari operasi teras dalam Kumpulan.

Di Singapura, EIPL telah diiktiraf oleh Fitch dengan penarafan "A". Penarafan ini mengiktiraf sokongan EIPL terhadap aspirasi serantau Etiqa.

TINJAUAN 2016

Sektor insurans dan takaful di Malaysia dijangka kekal stabil pada 2016, disokong oleh permodalan yang kukuh dalam industri, dibina atas rangka kerja peraturan yang mantap dan amalan modal yang ditetapkan oleh pengawal selia di Malaysia. Modal yang kukuh akan menyokong pertumbuhan premium sektor dan potensi ketidaktentuan taja jamin. Permintaan domestik yang stabil dan penembusan insurans yang rendah akan terus menyokong pertumbuhan sektor insurans am dan takaful. Pertumbuhan bagi polisi berkaitan pelaburan dijangka akan kekal kukuh berikutan kadar faedah yang rendah. Syarikat insurans hayat dijangka akan meningkatkan penerokaan produk berkaitan kesihatan dan persaraan berikutan pertambahan jangka hayat dan kenaikan kos perubatan.

Penyakhawalseliaan kadar tarif pada 2016 dijangka akan memberikan impak yang bercampur-campur, dengan syarikat insurans motor berkemungkinan mendapat manfaat daripada fleksibiliti lebih besar dari segi meletakkan harga terhadap risiko secukupnya, justeru ini akan menyebabkan persaingan harga di kalangan syarikat insurans kebakaran dan menurunkan keuntungannya. Pertumbuhan industri insurans am dijangka tidak berubah berikutan penurunan nilai pasaran terhadap harga kenderaan terpakai dan juga jualan kereta baru. Pertumbuhan industri insurans am mampu memberi impak berdasarkan dua faktor ini memandangkan 50% daripada portfolionya adalah terdiri daripada perniagaan bermotor.


Aktiviti penggabungan dan pengambilalihan dijangka akan meningkat berikutan tahun 2015 yang senyap, dipacu oleh keperluan pihak pengawal selia supaya syarikat berkaitan mengasingkan operasi hayat dan bukan-hayat menjelang 2018.

Bagi menyokong pembangunan jangka panjang insurans hayat dan takaful keluarga, inisiatif khusus di bawah Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga akan diperkenalkan secara berperingkat-peringkat mulai 2016. Pengendali Insurans Hayat/Takaful Keluarga diperlukan untuk menyediakan akses dalam talian untuk akaun insurans dan takaful bagi pemilik polisi/peserta takaful serta panduan perkhidmatan untuk meningkatkan kesedaran pengguna terhadap perkhidmatan nasihat kewangan produk insurans dan takaful, yang akan diperkenalkan pada 1 Julai 2016.

PRESTASI KEWANGAN

Gabungan premium kasar mencatat pertumbuhan sebanyak 2.4% T-ke-T kepada RM5.14 bilion. Ini terutamanya disumbangkan oleh pertumbuhan kukuh perniagaan Insurans am dan takaful.

Premium/Sumbangan Kasar




Nota :

* Dis 2011 angka 12-bulan dinyatakan semula (Angka Dis 2011 sebanyak RM2.32 bilion adalah berdasarkan kepada prestasi 6 bulan berikutan perubahan Tahun Kewangan dari Jun kepada Disember).

Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) bagaimanapun berkurangan 21.6% kepada RM601.73 juta berikutan pasaran ekuiti yang tidak menggalakkan dan prestasi pendapatan tetap yang buruk telah memberi kesan terhadap pulangan semua dana. Jumlah aset susut 2.4% kepada RM30.87 bilion berbanding RM31.63 bilion dalam tahun sebelumnya.

Keuntungan Sebelum Cukai




Nota :

* Dis 2011 merupakan angka 12-bulan dinyatakan semula (Angka Dis 2011 sebanyak RM280.23 juta adalah berdasarkan kepada prestasi 6 bulan berikutan perubahan dalam Tahun Kewangan dari Jun kepada Disember).


** Angka dinyatakan semula berikutan pelarasan tahun audit sebelumnya

Insurans & Takaful



Dalam tahun kewangan, perniagaan Hayat/Keluarga telah terjejas berikutan penurunan perniagaan Premium Tunggal berasaskan keseluruhan sentimen yang rendah terhadap produk berkaitan pelaburan. Walaubagaimanapun, jumlah perniagaan dikekalkan pada tahap yang sama seperti tahun sebelumnya disebabkan oleh pertumbuhan ketara yang dicatat oleh produk premium biasa. Perniagaan Insurans Am/Takaful naik lebih 4.3% berbanding tahun sebelumnya berikutan peningkatan perniagaan Motor dan Marin, Penerbangan dan Transit (MAT).

Sumbangan perniagaan daripada pelbagai segmen ditunjukkan seperti di bawah:



Secara keseluruhan, premium kasar insurans konvensional turun 2.1% T-ke-T kepada RM2.76 bilion, menyumbang 53.8% kepada jumlah premium kasar/sumbangan manakala sumbangan kasar takaful naik 8.1% T-ke-T kepada RM2.38 bilion.

Entiti takaful mengekalkan kedudukan sebagai syarikat terunggul dalam industri, dengan penguasaan pasaran sebanyak 47.1% dalam Takaful Am dan 20.6% bagi perniagaan baru Takaful Keluarga (Statistik ISM 12 bulan berakhir pada 30 September 2015).

INOVASI PRODUK

Pada 2015, kami meneruskan janji untuk menginsankan produk insurans dan takaful bagi pelanggan. Produk kami memenuhi keperluan untuk melindungi nilai aset pelanggan individu atau korporat. Pelanggan individu atau syarikat sekutu dengan kumpulan, seperti kakitangan

syarikat, disediakan dengan produk yang menyediakan pampasan apabila berlaku kematian, hilang upaya, penyakit yang serius, atau dimasukkan ke hospital atau sekiranya berlaku kerosakan yang timbul daripada kejadian yang tidak diduga seperti kebakaran, kecurian, kemalangan dan banjir. Produk kami juga menyediakan pelanggan dengan kemudahan simpanan dan melabur untuk masa depan, untuk peristiwa-peristiwa penting seperti pendidikan anak, persaraan atau dana untuk kecemasan.

Dalam tahun kewangan, produk-produk baru dan sedia ada telah dilancarkan ke saluran pengedaran dalam talian untuk meluaskan penampilan kami kepada pelanggan. Kami juga mempertingkatkan produk sedia ada dengan ciri-ciri tambahan untuk menaik taraf manfaat beberapa produk bagi memastikan bahawa terus memenuhi keperluan pelanggan dalam pasaran.

Berikut adalah produk utama yang dilancarkan pada 2015:

Pelan Hayat Diperkayakan

Pelan perlindungan sepanjang hayat yang menyediakan pelanggan dengan manfaat pampasan kematian, hilang upaya atau perlindungan sehingga usia 88 tahun. Selain itu, pelbagai jenis perlindungan tambahan boleh dimasukkan bagi menyediakan kepelbagaian perlindungan insurans untuk perubatan, penyakit berkaitan wanita, kemalangan dan penyakit kanak-kanak.

i-DoubleSecure

Pelan perlindungan Takaful berjangka, dijual menerusi saluran dalam talian menyediakan pelanggan dengan manfaat kematian dan hilang upaya yang terhasil daripada kejadian sengaja atau tidak sengaja. Produk ini menawarkan proses permohonan yang mudah, pilihan liputan fleksibel dan bayaran dalam talian untuk keselesaan kemudahan akses oleh pelanggan.

KECEMERLANGAN OPERASI

Tahun 2015 menyaksikan usaha berterusan untuk memacu pertumbuhan keuntungan dan juga menambah baik kos dan produktiviti di seluruh Etiqa. Dengan mentransformasikan bahagian-bahagian perniagaan kami sejak penggabungan 10 tahun lalu, kami mempunyai keyakinan kukuh bahawa ini adalah masa yang terbaik untuk meningkatkan inisiatif Kecemerlangan Operasi (OE).

Kami telah mencatatkan beberapa pencapaian yang membanggakan yang telah didorong oleh inisiatif (OE) ini. Satu daripadanya adalah kejayaan melaksanakan dan menggunakan kaedah Pemprosesan Langsung (STP) menerusi platform iOS oleh ejen Etiqa di Malaysia pada Mac 2015. Aplikasi ini membolehkan permohonan insurans dan takaful dalam talian, memberikan pengalaman sebenar kepada pelanggan dan mencerminkan kepekaan kami terhadap keperluan pelanggan dan kecekapan kos.

Etiqa juga telah berjaya melancarkan portal jualan langsung baru di www.etiqa.com.my. Produk yang dilancarkan pada 2015 terdiri daripada “i-DoubleSecure”, pelan takaful keluarga, dan “World Traveller Care”, pelan insurans dan takaful perjalanan.

Di seberang tambak, Etiqa Insurance Private Limited (EIPL) menjadi syarikat insurans pertama di Singapura yang menawarkan jualan insurans Belian Langsung dalam talian, kategori produk insurans yang dijual tanpa nasihat kewangan dan komisyen.

KEHADIRAN ANTARABANGSA

Etiqa Insurance Private Limited (EIPL) Singapura

Pada 1 April 2015, Skim Pindahan perniagaan insurans am Etiqa Insurance Berhad kepada perniagaan insurans am EIPL Singapura telah berjaya diselesaikan. Sehubungan ini, EIPL telah ditubuhkan sebagai perniagaan insurans hayat dan am di negara ini. Langkah ini bertujuan untuk mengukuhkan jenama dan meraih pasaran di Singapura.

EIPL telah dilancarkan dengan rasminya pada 17 April 2015 dengan TYT Dato’ Husni Zai Yaacob, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura sebagai tetamu kehormat.

Insurans & Takaful

Walaupun tumpuan utamanya masih lagi pada saluran Bankasurans, bagi mengembangkan Perniagaan Hayat, beberapa saluran pengedaran baru bagi pertumbuhan perniagaannya telah diperkenalkan, termasuk saluran broker antarabangsa, Penasihat Kewangan Bebas (IFA), dan perniagaan langsung dalam talian. Syarikat telah melancarkan produk yang sesuai untuk memenuhi keperluan segmen pasaran yang berbeza dari pasaran pelanggan kebanyakan hingga pelanggan kaya. Rangkaian pengedaran yang lengkap dan pelbagai jumlahnya amat perlu bagi EIPL kekal berdaya saing dalam pasaran tempatan.

Pertumbuhan agensi disumbang oleh pertumbuhan perniagaan baru dan skim moto peribadi, manakala peningkatan dalam perniagaan Broker sebahagian besarnya disebabkan oleh perniagaan-perniagaan lain. Saluran langsung terus berkembang, khususnya bagi insurans kebakaran memandangkan Etiqa merupakan satu-satunya penanggung insurans kebakaran asas untuk Lembaga Pembangunan Perumahan (HDB) dan penglibatan kami ke dalam pendigitalan dan media sosial telah memberikan kami kelebihan untuk memasarkan produk-produk dalam talian yang seumpamanya.

AsianLife dan General Assurance Corporation (ALGA) Filipina

Tahun 2014 menandakan kemasukan kami ke Filipina menerusi ALGA, penanggung berlesen komposit dengan perniagaan yang menumpukan kepada Insurans Kesihatan dan Hayat Kumpulan.

Pengambilalihan terhadap ALGA dibuat menerusi pindahan 100% saham ATR Holdings sedia ada kepada EIHSB yang merupakan kawalan efektif terhadap ALGA sebanyak 50.28%.

Baru-baru ini ALGA memulakan Perhubungan Bankasurans dengan MPI untuk menawarkan produk Insurans Hayat dan Am kepada pelanggannya.

ALGA menyediakan rangkaian produk yang luas termasuk Kesihatan Kumpulan dan Insurans Kemalangan, Hayat Kumpulan, Insurans Individu dan Insurans Mikro. Selama bertahun-tahun, ia telah membina reputasi yang kukuh bagi perkhidmatan yang pantas, serta merta dan boleh diharap dan ia kini merupakan peneraju bagi insurans manfaat kakitangan bagi memastikan lebih daripada 390,000 eksekutif, pekerja dan tanggungan untuk lebih daripada 1,000 syarikat multi nasional dan syarikat tempatan di seluruh Filipina. ALGA turut menawarkan pinjaman kepada para guru dan pelan pendidikan.

MENINGKATKAN PENGALAMAN PELANGGAN

Memberikan lebih banyak tumpuan kepada pelanggan bukan hanya kata-kata, tetapi ia adalah satu keperluan teras perniagaan. Pendekatan ini memerlukan kami untuk memahami siapakah pelanggan kami, bagaimana mereka mentakrifkan interaksi dengan kami, dan peranan kami dalam memberikan pengalaman menyeluruh.

Di Etiqa, kami mahu memenuhi keperluan para pelanggan dan menjangkau jangkauan mereka dalam setiap interaksi. Keupayaan kami untuk melaksanakannya bergantung kepada bagaimana 'sikap keutamaan pelanggan' ditanamkan dalam diri kami.

Untuk mengukur bagaimana pelanggan menilai perhubungan mereka dengan kami, kami telah mula mengukur Skor Perhubungan Pelanggan (CRS) dengan mendapatkan maklum balas daripada dua pusat sentuhan utama iaitu pusat perhubungan dan cawangan di mana para pelanggan ditanya apakah kemungkinan mereka akan mencadangkan Etiqa kepada rakan-rakan dan keluarga mereka.

Keputusannya amat menggalakkan. Sehingga 31 Disember 2015, kira-kira 70% daripada pelanggan Etiqa akan mencadangkan perkhidmatan dan produk Etiqa kepada keluarga dan rakan-rakan mereka.

Selain itu, Etiqa terus menggalakkan kepimpinan kanannya untuk berhubung dengan pelanggan di pusat-pusat sentuhan pelanggan dengan matlamat untuk mengenalpasti halangan terhadap pengalaman positif pelanggan. Pihak pengurusan turut memberikan penekanan terhadap keprihatinan, profesionalisme, integriti dan keberanian dalam sesi penglibatan kakitangan, dengan menggunakan pelbagai media termasuk video.



Contoh melalui teladan tentang budaya mengutamakan pelanggan — Kamaludin Ahmad, Ketua, Insurans & Takaful Kumpulan melayan seorang pelanggan di meja penyambut tetamu di Cawangan Etiqa di Dataran Maybank, Bangsar.

Sebagai sebahagian daripada penglibatan berterusan dengan para pelanggan dalam talian, Etiqa telah melancarkan, "Etiqapedia", siri video pendek mengenai pendidikan dan maklumat asas tentang insurans. Etiqapedia boleh ditonton di www.youtube.com/etiqa.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Anugerah Penyedia Takaful Terbaik — 9 Mac

ETB sekali lagi telah mendapat anugerah "Penyedia Takaful Terbaik" di majlis Anugerah Tahunan Islamic Finance News (IFN) di Shangri-La Hotel, Kuala Lumpur. Menerusi pertandingan untuk kategori yang paling sengit ini, ETB telah mengalahkan 80 calon untuk memenangi anugerah ini untuk tiga tahun berturut-turut.

Anugerah Perintis Pasaran — 27 Mac

Kemudahan Sukuk Musharakah Subordinated ETB bernilai RM300 juta telah memenangi anugerah "Perintis Pasaran" RAM kerana menjadi Sukuk Takaful Pertama Dunia. Ahmad Rizlan Azman, Ketua Pegawai Eksekutif ETB menerima anugerah ini daripada Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, pada Anugerah RAM Tahunan ke-12.

Kecemerlangan Pengalaman Pelanggan — 14 Mei

EIB diiktiraf sebagai Juara bagi Kecemerlangan Pelanggan pada majlis Anugerah Kecemerlangan Pengalaman Pelanggan Frost & Sullivan 2015 yang berlangsung di Kuala Lumpur. EIB telah menerima beberapa anugerah untuk kecemerlangan pengalaman pelanggan. Pengiktirafan ini adalah berasaskan kepada Indeks Proprietari Pengalaman Pelanggan (CEI) Frost & Sullivan - ukuran kualiti perkhidmatan dan pengalaman yang akan dilalui pelanggan meliputi keseluruhan pengalaman, cawangan, pengalaman layan diri dan pengalaman mudah alih.

Janji Niaga Kewangan Islam Inovatif Terbaik — 8 Jun

Kemudahan Sukuk Musharakah Subordinat ETB berjumlah RM300 juta telah menerima pujian bagi "Janji Niaga Kewangan Islam Inovatif Paling Cemerlang". Anugerah ini telah diterima oleh Norlia Mat Yusof, Ketua Pegawai Pelaburan Etiqa Insurans & Takaful pada Anugerah Kewangan Islam The Asset Triple 'A' 2015 yang berlangsung di Mandarin Oriental Kuala Lumpur.

Syarikat Takaful Paling Terkemuka — 4 Disember

ETB, sekali lagi diberi anugerah sebagai "Syarikat Takaful Paling Terkemuka" di majlis Anugerah Kewangan Islam KLIFF 2015, di Hotel Royale Chulan, di Kuala Lumpur. Anugerah yang disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan diterima oleh Ahmad Rizlan Azman, Ketua Pegawai Eksekutif ETB. Ini menandakan tahun ke-7 ia telah memenangi anugerah berprestij ini.

Insurans & Takaful

5 Firma Pelaburan Bon Matawang Asia Terbaik — 4 Disember

Etiqa, sekali lagi diberi penghormatan sebagai satu daripada 5 Firma Pelaburan Bon Matawang Asia Terbaik 2015. Majlis penganugerahan berlangsung di Hotel Four Seasons, Singapura oleh The Asset Benchmark Research. Etiqa turut berbangga dalam meraikan kejayaan tiga kakitangannya yang menerima anugerah industri berprestij ini. Anugerah ini diterima berikutan proses pemilihan yang ketat dalam industri pelaburan dan ia juga menjadi bukti terhadap kemahiran dan komitmen kakitangan untuk memberikan hasil yang berkualiti. Hasaliza Hassan, Pengurus Dana Kanan, bahagian Pendapatan Tetap (EIB) telah dinobatkan sebagai salah seorang daripada pelabur paling bijak manakala Norhayati Yunus, Pengurus Dana Kanan, bahagian Pendapatan Tetap (ETB) dan Chu Keng Pang, Ketua, bahagian Pendapatan Tetap (EIB) telah menerima anugerah pelabur dengan kepujian tertinggi bagi bon Ringgit Malaysia.

PROGRAM TANGGUNGJAWAB KORPORAT/ZAKAT

Kami amat komited untuk mengembalikan semula apa yang kami perolehi kepada komuniti menerusi program Tanggungjawab Korporat/Zakat (CSR/CZR). Pada 2015, dua program zakat terbesar adalah seperti berikut:

Pembinaan 46 Rumah Kekal untuk Mangsa Banjir Gua Musang dan Kuala Krai, Kelantan

Pada 2015, ETB telah berjanji untuk membina 46 rumah kekal untuk mangsa-mangsa banjir di Kelantan yang telah kehilangan rumah akibat banjir yang melanda negeri ini pada Disember 2014. Program ini dibuat dengan kerjasama Islamic Aid Malaysia (IAM) dalam usaha untuk mengurangkan bebanan mangsa.

Projek pembinaan ini merupakan projek terbesar CZR pernah dilaksanakan dan dibiayai sepenuhnya oleh mana-mana korporat Malaysia untuk mangsa banjir. Sejumlah RM2.4 juta telah diperuntukkan bagi pembinaan 31 buah rumah di Kampung Lebir, Gua Musang dan 15 rumah di Pahi, Kuala Krai.

Pembinaan 46 buah rumah di Gua Musang dan Kuala Krai ini telah dibiayai oleh dana zakat ETB dan para pelanggan menerusi tabung amal jariah, yang dijana daripada sumbangan lebihan.

Setiap rumah memiliki ruang tamu, ruang makan, dapur, bilik air dan bilik mandi serta tiga buah bilik tidur. Sebagai sebahagian daripada pelan tebatan banjir, setiap rumah dibina 8 kaki lebih tinggi dari tanah dengan tiang-tiang dibina sebagai sebahagian daripada struktur rumah. Saiz dan kualiti rumah-rumah berkenaan dibina mengikut spesifikasi kerajaan. Majlis pecah tanah telah dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif ETB, Ahmad Rizlan Azman dan disaksikan oleh Presiden IAM, serta wakil dari Kuala Krai dan Gua Musang Land dan Pejabat Daerah, Unit Perancang Ekonomi Kelantan (EPU) dan Majlis Sekuriti Kebangsaan.



Sebahagian daripada 46 penerima rumah yang dibina untuk mangsa banjir di Kelantan menerima kunci rumah baru mereka daripada Ketua Pegawai Eksekutif ETB, Ahmad Rizlan Azman.

Majlis penyerahan diadakan pada 3 Oktober 2015, dirasmikan oleh Ahmad Rizlan Azman. Majlis ini turut dihadiri jawatankuasa Syariah yang terdiri daripada Dr. Ismail Mohd @ Abu Hassan, Dr. Mohammad Deen Mohd Napiah dan Ustaz Ahmad Jailani Abdul Ghani.

Pembinaan dua jambatan di Pekan dan asrama Rumah Anak Yatim Nur Iman, Kuantan

ETB turut menyumbang wang zakat dan amal jariah berjumlah RM808,000 untuk meningkatkan kualiti kehidupan dan ekonomi penduduk kampung di Pekan dan Kuantan.

Daripada jumlah dana berkenaan, RM340,000 telah diperuntukkan bagi pembinaan dua buah jambatan di Pekan dan RM350,000 lagi untuk membina asrama Rumah Anak Yatim Nur Iman di Kuantan.

Kami turut memperuntukkan sebanyak RM100,000 untuk menyediakan 20 jaring ikan untuk kegunaan perkampungan nelayan di Tanjung Lumpur dan pelbagai kelengkapan untuk membantu pemilik perniagaan kecil mendapatkan barangan yang diperlukan bagi memulakan perniagaan. Baki sebanyak RM18,000 telah digunakan untuk menyediakan pek makanan asas untuk 200 keluarga yang memerlukan.

ETB telah bekerjasama dengan IAM untuk mengendalikan inisiatif pemberian zakat tanggungjawab korporat ini. Majlis yang berlangsung selama dua hari ini menyaksikan sukarelawan mendekati komuniti di Pekan dan Kuantan. Dua buah jambatan sepanjang 50-meter telah dibina untuk menghubungkan Kampung Landai, Kampung Api Larat dan Kampung Meranti di Pekan.

Jambatan ini dirasmikan pada 10 Oktober 2015 oleh adinda Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Yang Mulia Lt. Kol. Tengku Dato' Sri Kamarulzaman Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Sir Abu Bakar.



Ahmad Rizlan, Ketua Pegawai Eksekutif ETB menyerahkan barangan keperluan asas seperti peti sejuk, dapur memasak dan periuk nasi kepada penerima rumah baru di Kelantan.



Yang Mulia Lt. Kol. Tengku Dato' Sri Kamarulzaman Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Sir Abu Bakar dan Ketua Pegawai Eksekutif ETB, Ahmad Rizlan Azman, merasmikan satu daripada jambatan yang dibiayai menggunakan dana zakat dan amal jariah Etiqa.

Perbankan Islam Kumpulan



DATO' MUZAFFAR HISHAM

Ketua Kumpulan, Perbankan Islam
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Maybank Islamic Berhad

“Dalam merealisasikan aspirasi kami untuk menjadi Pemimpin Kewangan Islam Global menjelang 2015, kami telah memberi tumpuan sepanjang tempoh lima tahun lalu untuk mencapai pertumbuhan sasaran skala global, yang telah menyebabkan kami menjadi satu daripada bank Islam utama di dunia. Ini adalah satu perkembangan yang amat bermakna berbanding kedudukan ke-11 pada 2009. Kejayaan ini boleh dikaitkan dengan asas-asas yang dibina dalam memaksimumkan kecekapan dalam bidang Syariah, risiko dan pengurusan kunci kira-kira dan pelaksanaan tersusun dalam memacu perniagaan perbankan Islam di seluruh Kumpulan Maybank, di peringkat domestik dan serantau. Melangkah ke hadapan, kami akan terus memanfaatkan kekuatan untuk membuat pembaharuan dalam bidang-bidang kewangan Islam yang unik dan menyediakan penyelesaian nilai tambah untuk pelanggan kami sebagai sebahagian daripada meneruskan misi untuk menginsankan perkhidmatan kewangan bagi komuniti kami.”

Keutamaan Kami pada 2016

- Penekanan kepada penyelesaian tumpuan pelanggan menerusi tawaran inovatif bagi produk dan perkhidmatan Islam serta meningkatkan kecekapan kunci kira-kira dan pengurusan risiko.
- Mengembangkan peranan Zakat dan Wakaf bagi meningkatkan sumbangan kami kepada komuniti dan terus memajukan misi untuk “Menginsankan Perkhidmatan Kewangan”.
- Menetapkan kedudukan kami sebagai pusat rujukan global tentang pengetahuan dan amalan terbaik Syariah menerusi Pusat Kecemerlangan Syariah.

STRATEGI, ASPIRASI, TINJAUAN

Ulasan 2010-2015

Pada 2010, Kumpulan Maybank memulakan program transformasi lima tahun untuk menetapkan kedudukan Kumpulan sebagai Peneraju Serantau dalam Perkhidmatan Kewangan menjelang 2015 menerusi 5 matlamat strategik. Satu daripada matlamat ini adalah untuk berkembang daripada Bank Islam Terbesar di ASEAN kepada Peneraju Kewangan Islam Global. Perbankan Islam Kumpulan Maybank (MGIB), subsidiari Islam Kumpulan Maybank, berperanan penting dalam memacu aspirasi ini.

Langkah transformasi kami bermula dengan penubuhan ‘House of Maybank’ pada 2010 yang mana Struktur Korporat Kumpulan Maybank telah memperkenalkan tema ‘Inspirasi Islam’ yang merentas semua teras perniagaan Perkhidmatan Kewangan Komuniti, Perbankan Global serta Insurans & Takaful bagi memastikan sinergi dan transformasi berkesan di seluruh Kumpulan. Langkah ini terus diperkukuhkan dengan pelaksanaan strategi “Mendahulukan Islam” di Malaysia pada 2011 yang mana pelanggan ditawarkan dengan produk perbankan Islam sebagai pilihan pertama.

Sorotan Utama pada 2015

- Kami merupakan bank Islam terbesar di ASEAN dan Malaysia serta satu daripada bank Islam global terkemuka dengan jumlah aset sebanyak AS\$36.42 bilion pada tahun kewangan 2015.
- Kami merupakan bank Islam peneraju di rantau ini dengan kehadiran di Indonesia dan Singapura. Kami terus menerajui pasaran di Singapura dengan pengenalan produk/servis pertama dalam industri, manakala pengembangan kami di Indonesia terus mengukuhkan kedudukan kami dari tempat ke-12 pada TK2013 kepada tempat ke-5 pada TK2015.
- Kami kekal sebagai peneraju penyedia penyelesaian kewangan Islam inovatif. Satu daripada inovasi utama pada TK2015 adalah “Akaun Pelaburan Mudarabah”, akaun pelaburan yang menyediakan pelanggan dengan akses kepada aset perbankan, sekali gus menawarkan laluan pelaburan baru yang berpotensi untuk menghasilkan pulangan lebih tinggi berbanding akaun perbankan tradisional.
- Kami berjaya melancarkan Pusat Kecemerlangan Syariah (SCOE) pada 2015, pusat yang pertama ditubuhkan oleh sebuah institusi kewangan, ketika kami berusaha untuk menjadi pusat rujukan global mengenai pengetahuan dan amalan terbaik Syariah.
- Bersama Kumpulan Maybank, kami menjadi peneraju pengatur sukuk di peringkat global. Secara konsisten kami berada dalam empat Senarai “Sukuk Global” dan tiga terbaik bagi Senarai “Sukuk Ringgit” untuk lima tahun berturut-turut.

Perbankan Islam Kumpulan

Kejayaan strategi ini telah memajukan kedudukan penguasaan pasaran deposit dan kewangan Maybank Islamic sebagai No.1 pada 2011, dan sehingga Disember 2015 kami terus mengekalkan kedudukan teratas dengan penguasaan pasaran sebanyak 26.3% dan 33.5% setiap satu. Sehingga Disember 2015, nisbah pembiayaan Islam kepada jumlah pembiayaan domestik Kumpulan Maybank mencecah sebanyak 50.8%, jauh melepasi sasaran strategik dengan sumbangan satu pertiga menjelang 2015, dan sasaran Bank Negara Malaysia sebanyak 40% bagi penguasaan kewangan Islam berbanding pembiayaan domestik Islam menjelang 2020¹.

Dalam merealisasikan aspirasi kami, tempoh lima tahun lalu telah menumpukan kepada sasaran pertumbuhan untuk mencapai skala global, yang telah menjadikan kami satu daripada bank-bank Islam utama di dunia - satu perkembangan yang amat bermakna daripada kedudukan global kami di tempat ke-11 pada tahun 2009. Selain itu, kami terus menjadi peneraju bank Islam di ASEAN dengan saiz aset AS\$36.42 bilion sehingga Disember 2015. Bersama Maybank Investment Bank, kami telah mengekalkan kedudukan dalam senarai empat syarikat teratas dalam Senarai Sukuk Sukuk Global Bloomberg dan tiga teratas bagi Senarai Sukuk Ringgit. Ini sekali gus menetapkan kedudukan kami sebagai pengatur sukuk utama dunia.

Berikutan keberkesanan strategi "Mendahulukan Islam" di Malaysia, ia telah dilaksanakan di Indonesia pada 2014. Selain itu, penambahan kesedaran terhadap produk dan perkhidmatan Syariah, rombakan tawaran Syariah serta pengembangan rangkaian pengedaran yang mengubah cawangan dari hanya menawarkan perbankan konvensional kepada cawangan gabungan yang bersama menawarkan perbankan Konvensional dan Syariah, telah meningkatkan kedudukan Unit Usaha Syariah (UUS) Bank Maybank Indonesia (BMI) daripada tempat ke-12 terbesar pada TK2013 ke tempat ke-5 pada TK2015, dari segi saiz aset. Di Singapura, kami terus menjadi perintis dalam memperkenalkan pelbagai lagi produk seperti pengenalan Akaun Simpanan Biasa Ar-Rihla pada 2011 (akaun simpanan khas untuk menunaikan Haji), melancarkan Kewangan Automotif Islam, Pembiayaan Hartanah kediaman Malaysia dan Pembiayaan Hartanah Komersial & Perindustrian Malaysia pada 2013, pengenalan kemudahan Pembiayaan Berjangka Perniagaan dan Perdagangan Islam serta deposit matawang asing pada 2014.

TINJAUAN


Kami kekal optimis dengan prospek perbankan Islam, baik di peringkat domestik dan global, kerana kami melihat peluang besar dalam bidang ini.

Melangkah ke hadapan, tumpuan kami adalah untuk memanfaatkan kedudukan kepimpinan global untuk terus memberi penekanan terhadap penciptaan nilai dan menjadikan kami pemimpin dalam pelbagai bidang. Secara prinsipnya, kami berhasrat untuk memanfaatkan kedudukan sebagai peneraju global dalam kewangan Islam untuk menghubungkan ASEAN ke seluruh dunia bagi "Menginsankan Perkhidmatan Kewangan" dengan meningkatkan lagi kewangan Islam yang menggalakkan tanggungjawab sosial kewangan/pelaburan, khususnya menerusi model inovatif wakaf dan zakat.

Pertumbuhan sedemikian seiring dengan usaha kami untuk mengukuhkan pengurusan risiko dan Syariah serta meningkatkan kecekapan dalam pengurusan kunci kira-kira.

SOROTAN PRESTASI 2015

- Maybank Islamic mencatatkan keuntungan sebelum cukai (PBT) RM1.64 bilion, pertumbuhan yang membanggakan sebanyak 5.1% pada 2015 dan Pulangan atas Ekuiti (ROE) yang menggalakkan sebanyak 15.6%.
- Jumlah pembiayaan kasar menunjukkan pertumbuhan yang cemerlang sebanyak 20.8% berbanding tahun kewangan sebelumnya kepada RM131.12 bilion. Hasilnya, sumbangan pembiayaan Maybank Islamic kepada jumlah pinjaman domestik dan pembiayaan Kumpulan Maybank meningkat kepada 50.8%.
- Maybank Islamic terus mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju, dengan penguasaan pasaran dari segi jumlah aset, pembiayaan dan deposit masing-masing sebanyak 29.2%, 33.5% dan 26.3%. (Sumber: Statistik Buletin Bulanan BNM Disember 2015). Bagi asas disatukan, jumlah pendapatan bagi Perbankan Islam Kumpulan Maybank meningkat kepada RM3.94 bilion, yang menunjukkan pertumbuhan tahun ke tahun yang luar biasa sebanyak 20.4%, dengan sumbangan yang lebih baik dari pasaran antarabangsa.



Nota:
¹ Sumber: Pelan Rangka Kerja Sektor Kewangan 2011-2020, Bank Negara Malaysia.


Perbankan Islam Kumpulan

PRESTASI PERNIAGAAN

Keputusan Segmen Perniagaan


Pembiayaan

- Bagi TK2015, pembiayaan menyaksikan pertumbuhan menggalakkan sebanyak 20.8% T-ke-T hasil daripada peningkatan sebanyak RM22.58 billion, yang disokong oleh jumlah modal yang sewajarnya dengan nisbah jumlah modal sebanyak 16.48%.
- Pertumbuhan telah mengatasi pertumbuhan pembiayaan industri sebanyak 17.8%.
- Pembiayaan CFS berkembang sebanyak 19.0% T-ke-T atau RM15.72 bilion, manakala pembiayaan yang diagihkan oleh GB meningkat atau 26.6% berbanding tahun kewangan sebelumnya sebanyak RM6.86 bilion.



Prestasi Pembiayaan : Deposit dan Akaun Pelaburan

- Deposit dan Akaun Pelaburan meningkat sebanyak RM23.75 bilion atau 23.8% T-ke-T.
- Kedua-dua portfolio CFS dan GB berkembang sebanyak 34.6% dan 12.4% untuk menutup tahun kewangan dengan jumlah sebanyak RM69.18 bilion dan RM54.26 bilion, masing-masing.



SOROTAN PRODUK UTAMA

Tahun 2015 merupakan tahun yang penting dalam industri perbankan Islam apabila Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA 2013) mula berkuat kuasa. Ini telah menyebabkan perubahan dalam industri yang membolehkan kami untuk melangkah lebih jauh berbanding pesaing dan berkembang melangkaui fungsi tradisional perantara kredit untuk menjadi perantara pelaburan. Dengan sepenuh tumpuan terhadap inovasi, inilah yang membezakan kami berbanding yang lain ketika kami berusaha menunaikan janji untuk menjadi peneraju penyedia produk dan perkhidmatan kewangan yang inovatif dan mewujudkan lebih banyak nilai saranan produk untuk semua pelanggan dan pemegang kepentingan kami.

Nilai Saranan Produk

- **Akaun Pelaburan Mudarabah (IA) — satu saranan inovatif**
Peristiwa penting pada 2015 adalah inisiatif untuk mengklasifikasi semula akaun deposit berasaskan Mudarabah yang layak kepada Akaun Pelaburan Mudarabah (IA) untuk para pelanggan yang memilih untuk berbuat demikian, sejajar dengan keperluan peralihan oleh Bank Negara Malaysia di bawah IFSA 2013.

Ciri-ciri IA menyediakan para pelanggan dengan ketelusan dan pendedahan di mana dana dilaburkan, sekali gus meningkatkan langganan produk dengan memahami risiko yang diambil.

Pelancaran IA terus menonjolkan Maybank Islamic berbanding persaingan kerana ia kini merupakan satu daripada hanya beberapa bank dalam industri yang menawarkan produk IA.

Sejak pengelasan semula pada Julai 2015, minat terhadap produk ini, yang menawarkan pelanggan potensi pulangan yang lebih tinggi dan lebih stabil, telah meningkat. Ini kerana ia telah mendapat daya tarikan dan terus menarik pelanggan sedia ada dan baharu.

Perbankan Islam Kumpulan

• Obligasi Pembayaran Bank-i (BPO-i)

Pengenalan BPO-i Patuh Syariah yang pertama di dunia meletakkan Bank ini pada kedudukan yang lebih tinggi daripada pesaing dalam merintis inovasi. Pilihan instrumen penyelesaian perdagangan inovatif ini merapatkan jurang antara surat kredit LC-i dan pembukaan akaun perdagangan, yang menyediakan pelanggan dengan proses pembayaran yang efektif dan pantas.

• Perkhidmatan Kustodi-i

Pelancaran Perkhidmatan Kustodi-i Maybank Islamic melengkapkan tawaran produk pembiayaan Islam Kumpulan dengan menyediakan kepada pelanggan pelbagai penyelesaian perkhidmatan pelaburan termasuk kustodi global, kustodi kecil, perakaunan dan pentadbiran dana, agensi pindahan dan juga pemegang amanah.

Tidak sampai setahun sejak dilancarkan, Bank ini telah mendapat mandat yang besar daripada institusi kewangan dan bukan kewangan.

Menyokong Inisiatif Pembinaan Bangsa

Maybank Islamic terus menyokong pelbagai inisiatif kerajaan dalam bidang-bidang utama yang memberi penekanan terhadap penyertaan lebih besar dalam penciptaan kekayaan untuk komuniti PKS, kedudukan kepimpinan wanita dan tanggungjawab sosial korporat.

Untuk segmen PKS, hubungan strategik dengan TERAJU (Unit Pemandu Agenda Bumiputera) telah ditubuhkan bagi menyokong memperkasakan ekonomi PKS dengan membantu mereka menjana buah fikiran dan mencapai hasrat mereka dalam meneroka perniagaan yang berjaya.

Usaha sama kami dengan Credit Guarantee Corporation (CGC) telah diperkukuhkan lagi dengan pelancaran Jaminan Portfolio PKS (SPG) untuk semua PKS dan BB.

Kami telah melancarkan Microfinance-i untuk membantu segmen yang kurang atau tidak boleh mendapat kemudahan perbankan bagi merealisasikan aspirasi keusahawanan mereka. Kami turut memeterai perjanjian dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk Pakej Pembiayaan Rumah bagi pelanggan yang kurang berkemampuan mendapat kemudahan perbankan.

Program Perumahan Pertama 1Malaysia (PR1MA) turut menerima peruntukan pembiayaan akhir sebanyak RM1 bilion daripada Kumpulan Maybank, termasuk dana Islam daripada Maybank Islamic untuk menyokong projek perumahan PR1MA berkualiti tinggi.



Pertukaran dokumen antara Kerajaan Negeri Selangor dan Maybank Islamic.

Mengisankan Perkhidmatan Kewangan

Perhubungan dengan pelanggan dan pemegang kepentingan yang bernilai sentiasa menjadi keutamaan kami dalam misi mengisankan perkhidmatan kewangan Kumpulan.

Dengan bertindak balas terhadap para pelanggan ketika memerlukan menjadi keutamaan kami dan satu daripadanya adalah ketika banjir melanda Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Kedah dan Johor pada akhir 2014. Beberapa pakej produk telah dilancarkan sebaik banjir surut untuk membantu pelanggan runcit, PKS dan Perbankan Perniagaan (BB) seperti "Mortgage Credit Express" (MCE), Pakej Penebusan Sebahagian ASB dan Kemudahan Bantuan Khas Bank Negara.

Untuk menyediakan PKS bagi pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), kami telah melancarkan GST PKS Aid-i, iaitu kemudahan pembiayaan khas untuk membantu mereka mendapatkan modal kerja.

Di Maybank Islamic, kami amat percaya kepentingan pendidikan untuk generasi masa hadapan. Skim Prihatin Pendidikan 1Malaysia (SPP1M) telah dilancarkan untuk pelajar meneruskan pendidikan tinggi di universiti tempatan dan luar negara.

Sukuk dan Pembiayaan Korporat

Mengenai Perbankan Korporat dan sukuk, kami terus menyediakan penyelesaian pembiayaan Islam yang setiap satunya disediakan untuk memenuhi keperluan pelanggan Maybank di seluruh dunia.

Janji Niaga Sukuk Terpilih

SapuraKencana Petroleum Bhd, menerusi syarikat subsidiari SapuraKencana TMC Sdn Bhd (SKTMC)	Sukuk Murabahah AS\$200.0 juta di bawah Program Sukuk Pelbagai Matawang RM7.0 bilion (atau bersamaan dengannya)	Penasihat Prinsipal, Pengatur Utama dan Pengurus Utama Tunggal untuk Terbitan Pertama, Penasihat Syariah
International Finance Facility for Immunisation Company (IFFIm) menerusi IFFIm Sukuk Company II Limited	Sijil Amanah Islam AS\$200.0 juta	Penasihat Prinsipal, Pengatur Utama dan Pengurus Utama Tunggal untuk Terbitan Pertama, Penasihat Syariah Bersama
PT Garuda Indonesia (Persero) Tbk menerusi Garuda Indonesia Global Sukuk Limited	Sijil Amanah Islam AS\$500.0 juta	Pengurus Utama Bersama, Pengurus Buku, Penasihat Syariah Bersama
Petroleum Nasional Berhad	Sijil Amanah AS\$1.25 bilion	Pengurus Buku
Jimah East Power Sdn Bhd	Sukuk Murabahah RM8,980.0 juta	Pengurus Utama Bersama, Pengurus Buku Bersama
Dubai Islamic Bank menerusi DIB Sukuk Limited	Sijil Amanah Islam AS\$750.0 juta	Pengurus Utama Bersama, Pengurus Buku Bersama

Menang Anugerah

Perbankan Islam Kumpulan

Janji Niaga Sukuk Terpilih

Sapura Kencana Petroleum Bhd, menerusi syarikat subsidiari SapuraKencana TMC Sdn Bhd (SKTMC)	Kemudahan Pembiayaan Berjangka Murabahah Bersindiket bersamaan AS\$2,100.0 bilion	Bank Penyelaras, Pembiaya
Cititower Sdn Bhd	Pembiayaan Berjangka Islam Bersindiket RM3,200.0 juta	Pengatur Utama Bermandat Bersama, Pengurus Buku Bersama, Pembiaya
Impian Bebas Sdn Bhd	Pembiayaan Berjangka Islam Bersindiket RM1.08 bilion	Bank Penyelaras, Pengatur Utama Bersama, Pembiaya
THP Bay Pavillions Corporation (syarikat subsidiari milik penuh TH Properties Sdn Bhd)	Pembiayaan Berjangka Islam AUD96.0 juta	Pembiaya
THP Australia Corporation (syarikat subsidiari milik penuh TH Properties Sdn Bhd)	Pembiayaan Berjangka Islam AUD100.0 juta	Pembiaya
Tanjung Pinang Development Sdn Bhd (syarikat subsidiari Eastern & Oriental Bhd)	Pembiayaan berjangka Islam bersindiket RM1.084 bilion	Pengatur Utama Bersama, Penajamin Bersama, Pengurus Buku Bersama, Penasihat Prinsipal Bersama, Pembiaya

Pada 2015, Maybank Islamic turut mengembangkan capaiannya di pasaran kewangan Islam antarabangsa dengan pengenalan produk pembiayaan Islam di Maybank Hong Kong. Dengan selesainya kemudahan pembiayaan Islam dua hala untuk syarikat subsidiari terbabit dalam minyak dan gas yang berpangkalan di China berjumlah RMB300.0 juta, Maybank Islamic berusaha untuk membangunkan Maybank Hong Kong sebagai platform untuk berhubung dengan pelanggan korporat di Hong Kong dan Wilayah Besar China.

Pencapaian kami dalam bidang sukuk telah diiktiraf oleh beberapa penerbitan terkemuka dalam industri kewangan Islam:

TK2015 Bloomberg	3 Terbaik – Pengurus Utama Sukuk Malaysia
	5 Terbaik – Pengurus Utama Sukuk Global
TK2015 dealogic	3 Terbaik – Pengurus Utama Sukuk Malaysia
	5 Terbaik – Pengurus Utama Sukuk Global

Sebagai bukti komitmen ke arah pembangunan industri perbankan Islam di Malaysia, Maybank Islamic telah menerajui inisiatif Bank Negara yang dikenali sebagai “Platform Akaun Pelaburan” atau “IAP”, bersama dengan tiga lagi bank Islam tempatan. Mula beroperasi pada 18 Disember 2015, IAP adalah platform berbilang bank yang berpusat untuk menyediakan opsyen pembiayaan baru untuk para usahawan yang memiliki projek yang baik dan berdaya maju, serta peluang kepada sektor swasta dan juga pelabur awam dan institusi untuk membiayai projek-projek ini.

PASARAN ANTARABANGSA

MGIB beroperasi menerusi lebih daripada 400 cawangan dan ‘tetingkap’ di seluruh Singapura, Indonesia, London, Labuan, Bahrain dan Hong Kong.

Di Indonesia, unit Syariah Maybank Indonesia sekali lagi menunjukkan pertumbuhan yang amat agresif hampir dua kali ganda dari segi jumlah aset pada tahun kewangan sejak 2012. Transformasi model perniagaan dan pelaksanaan strategi Mendahulukan Islam merupakan kunci bagi pertumbuhan menggalakkan ini. Sehingga Disember 2015, PBT mencatatkan pertumbuhan tahun kewangan sebanyak 192.7% untuk mencatat rekod keuntungan sebanyak IDR287.92 bilion manakala jumlah pembiayaan meningkat sebanyak 52.8% T-ke-T untuk mencapai sejumlah IDR8.67 trilion dan deposit berkembang 53.6% T-ke-T kepada IDR6.39 trilion.

Pada 2015, lain-lain operasi MGIB di Indonesia, menerusi Maybank Syariah Indonesia (MSI), telah mengutamakan peningkatan model perniagaannya dengan menumpukan terhadap pertumbuhan pendapatan berasaskan yuran dan pelaksanaan model ‘ringan aset’ untuk meningkatkan keuntungan dan mudah tunai entitinya.

Sementara itu, tumpuan kami di Singapura adalah untuk menetapkan kedudukan operasinya sebagai pusat pembiayaan serantau bagi menyokong pertumbuhan serantau bagi perniagaan perbankan Islam dan meletakkan Singapura sebagai pintu laluan antara ASEAN dengan negara-negara lain di dunia. Sehingga Disember 2015, jumlah pembiayaan berkembang sebanyak 54.4% T-ke-T dan deposit pelanggan berkembang sebanyak 64.2% T-ke-T.

Melangkah ke hadapan, kami akan terus memanfaatkan kekuatan pengedaran dan sumber tenaga mahir kami untuk mengukuhkan kedudukan kepimpinan global kami sebagai penyedia kewangan pilihan merentasi geografi.

MENYUMBANG UNTUK KOMUNITI

Pada 2015, kami tetap berpegang kepada janji untuk berkongsi kejayaan dengan menyumbang semula kepada masyarakat, dalam bidang kesihatan dan pendidikan kanak-kanak. Keterangkuman Kewangan dan Tanggungjawab Korporat ini membentuk teras saranan perbankan Islam. Inisiatif ini merangkumi komitmen kami untuk melaksanakan program tanggungjawab korporat jangka panjang untuk menyokong kebajikan masyarakat di Malaysia dan di seluruh ASEAN.

Usaha sama dengan Institut Jantung Negara (“IJN”)

Maybank Islamic, menerusi usaha sama dengan Yayasan Maybank telah memulakan kerjasama lima tahun dengan IJN pada 2012, untuk mewujudkan komitmen berkesan ke arah pembangunan yang mampan dalam bidang kesihatan kanak-kanak. Kami telah berjanji menyumbang sejumlah RM2.5 juta untuk kanak-kanak kurang bernasib baik di seluruh negara yang mengidap penyakit jantung kongenital, dan pada 2014 mengembangkan inisiatif ini ke negara ASEAN. Setakat ini, 52 pesakit dari pelbagai negara, termasuk empat dari Indonesia telah menerima bantuan kewangan daripada program ini dan telah berjaya menjalani pembedahan.

• “Cycle Save A Child’s Heart 2.0”

Acara amal basikal kali kedua telah berlangsung di Ipoh, Perak dan telah dirasmikan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim. Acara ini disertai oleh lebih 1,500 penunggang basikal yang penuh bersemangat dan telah menjana sebanyak RM100,000 untuk Pusat Jantung Kongenital Kanak-kanak (PCHC), IJN.

Perbankan Islam Kumpulan



DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menyerahkan cek sumbangan kepada Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) IJN disaksikan oleh Pengerusi dan CEO Maybank Islamic.

Program berkaitan Zakat

Sumbangan zakat berjumlah RM19.19 juta diberikan dan daripada jumlah ini RM10 juta telah diperuntukkan untuk mereka yang kurang bernaib baik menerusi Majlis Agama Islam Negeri dan sebahagian lagi disalurkan secara langsung kepada mereka yang memerlukan.

- **Pendidikan**

Di bawah tema pendidikan, sejumlah RM2.7 juta telah diperuntukkan untuk program asuhan dan menyeluruh dikenali sebagai “Semarak Ilmu” dengan kerjasama Yayasan Pelajaran Mara (YPM). Di bawah program ini, sejumlah 1,000 pelajar telah dijadikan anak angkat oleh Maybank Islamic dan disediakan dengan wang saku, buku rujukan tambahan dan menyertai kem motivasi. Di kalangan anak-anak ini, 300 pelajar telah diberikan program tuisyen untuk persediaan menghadapi peperiksaan penting, manakala yang lain telah menyertai pengajian membaca Al-Quran. Mereka yang menyertai pengajian tinggi di dalam dan luar negara telah disediakan dengan bantuan kewangan.

Kami telah menyumbang sejumlah RM1.31 juta kepada 12 universiti tempatan dan luar negara serta 233 pelajar yang mengikuti pengajian tinggi.



Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Islamic, Dato' Muzaffar Hisham bersama anak angkat Maybank Islamic di kem motivasi anjuran Yayasan Pelajaran Mara.

- **Bencana Alam — Bantuan Banjir**

Dana Bantuan Banjir sebanyak RM5 juta telah diperkenalkan pada 2015 untuk memberi sokongan dan bantuan kepada mangsa banjir (termasuk kakitangan Kumpulan Maybank) di Pantai Timur. Bantuan ini diberikan dalam bentuk pembaikan dan pembinaan semula rumah, peruntukan keperluan barangan elektrik, wang saku untuk kanak-kanak sekolah serta bekalan perubatan dan kesihatan.

Selain daripada bantuan kewangan berjumlah RM2.19 juta, dana selebihnya telah disalurkan untuk pembinaan semula 34 rumah di Kelantan dan Pahang, lengkap dengan perabot dan kelengkapan elektrik. Keluarga lain juga turut dibantu dengan memperuntukkan bekalan makanan asas dan baja cecair mikro untuk menanam semula pokok getah yang musnah ketika banjir.

Seramai 317 keluarga telah menerima manfaat daripada dana berkenaan.

- **Memperkasakan Komuniti**

Program ini meliputi pendidikan, keusahawanan dan kehidupan komuniti Asnaf di PPR Batu Muda, Kuala Lumpur. Sokongan sara hidup ini diberikan kepada 50 keluarga dalam bentuk keperluan asas makanan bulanan dan kit kebersihan serta pengangkutan ke sekolah untuk anak-anak mereka, pengangkutan ke hospital untuk mereka di bawah penjagaan kesihatan dan kelas tuisyen untuk 74 orang kanak-kanak. Lima usahawan dari komuniti yang dibantu juga telah disediakan dengan modal perniagaan dan program keusahawanan.

Pelancaran Pusat Kecemerlangan Syariah (SCOE) dan Pusat Maya SCOE

SCOE telah dilancarkan oleh Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz pada 24 Februari 2015 dan menjadi inisiatif pertama di negara ini yang melibatkan institusi kewangan tempatan. Laman web SCOE di buka kepada umum dan menyediakan sejumlah besar bahan kewangan Islam termasuk rencana, kertas penyelidikan, video dan fatwa berkaitan kewangan Islam.



Gabenor Bank Negara Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz bersama penerima biasiswa Maybank Islamic.

Inisiatif SCOE

- **Pemikiran Pemimpin dan Syarahan Umum**

Acara pertama yang dianjurkan adalah pada pelancaran SCOE oleh Pemegang Pertama, Kerusi Kewangan Islam INCEIF, Professor Dr Abbas Mirakhor.

- **Anugerah Tajaan Kewangan Maybank Islamic (MIFSA)**

Sehingga kini, seramai sembilan pelajar dari Malaysia, Singapura dan Indonesia telah diberikan tajaan untuk mengikuti Sarjana Sains dalam Kewangan Islam di INCEIF.

- **Program kesedaran umum**

Dalam usaha untuk memberikan pengetahuan kepada masyarakat, 13 rencana bersiri mengenai Syariah dan kewangan Islamic telah diterbitkan dalam akhbar berbahasa Malaysia sepanjang tahun 2015.

Teknologi Kumpulan



MOHD SUHAIL AMAR SURESH

Ketua Pegawai Teknologi Kumpulan

“Inovasi Teknologi bergerak begitu pantas dan dengannya, peluang dan perniagaan baru terbentang luas. Dengan membuat pelaburan dalam tenaga insan, dan menggerakkan semangat dan membina budaya ketekunan bekerja, Teknologi Kumpulan berada pada kedudukan terbaik untuk menjadi Rakan Kongsi yang Dipercayai Dalam Memacu “Nilai Perniagaan@Kepantasan”.

Keutamaan Kami pada 2016

- Membina keupayaan dalaman untuk menyokong Visi dan Misi 2020 Kumpulan Maybank.
- Meningkatkan saluran digital dan tawaran teknologi untuk menghasilkan pengalaman perbankan yang selesa dengan Maybank.
- Mengkaji keperluan dalaman untuk mengoptimumkan sistem bagi menjayakan fungsi yang mantap pada kos yang cekap, stabil dan berskala, termasuk pengembangan keupayaan teknologi bagi menampung keperluan pertumbuhan masa hadapan.
- Menyediakan kaedah usaha sama selamat untuk Kumpulan di seluruh rantau ini.
- Melabur dalam pembangunan bakat tenaga mahir dalaman untuk menjadi Pakar Sesuatu Bidang dan Pusat Kecemerlangan.

Sorotan Utama pada 2015

- Memacu pelaksanaan keupayaan perniagaan dengan 85% daripada projek utama dilaksanakan mengikut jadual.
- Inovasi dan kepimpinan Teknologi menerusi pelaksanaan perbankan internet di Maybank Indonesia, integrasi dengan teknologi “pemakaian” dan meningkatkan pengalaman pengguna.
- Membolehkan Agenda Nasional menerusi pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dan Sistem Pembayaran Bil Nasional (NBPS).
- Membolehkan keselamatan siber untuk melindungi para pelanggan dengan melabur dalam keupayaan pertahanan dalaman dan luaran.

Teknologi dan Perbankan telah berkembang sejak 30 tahun yang lalu. Teknologi dalam Perbankan mula memudahkan proses perbankan pelanggan menerusi pengenalan Mesin Juruwang Automatik (ATM) dan Perbankan Telefon pada 1980an. Trend ini berubar kepada “Perbankan Pembolehcara” di mana sahaja pada bila-bila masa dalam tahun 1990-an menerusi pelancaran Internet dan Perbankan Mudah Alih. Awal abad ke-21 telah melahirkan “Perbankan Tanpa Sempadan” menerusi ATM global, kemudahan pembayaran dalam talian dan belian dalam talian. Kini, kami menyaksikan satu lagi peralihan paradigma dengan peningkatan kadar inovasi teknologi yang akan memacu era “Perbankan Digital” yang mana institusi perbankan perlu mengejar dan mendapatkan manfaat daripada perkembangan teknologi.

Menerusi Teknologi Kumpulan, kami sentiasa bekerjasama dengan unit perniagaan dan mencari kaedah baharu untuk berinteraksi dengan pelanggan. Sebagai contoh, untuk teknologi “pemakaian”, pembangunan perbankan generasi akan datang menerusi Perbankan Digital serta peluang-peluang dalam bidang perniagaan baharu seperti pinjaman sesama rakan perbankan.

Pada 2015, tumpuan kami adalah terhadap yang berikut:



Memacu Perniagaan
Meningkatkan Keupayaan



Inovasi Teknologi dan
Kepimpinan



Menjayakan
Agenda Nasional



Meningkatkan Sekuriti Siber untuk
melindungi para pelanggan

Teknologi Kumpulan



MEMACU PELAKSANAAN KEUPAYAAN PERNIAGAAN

Teknologi Kumpulan menjayakan lebih daripada 100 projek utama di seluruh Kumpulan setiap tahun. Projek-projek ini menghasilkan keupayaan, produk dan saluran baharu untuk perniagaan dan pelanggan. Melaksanakan projek dalam tempoh yang ditetapkan dan konsisten akan membolehkan kepastian ke pasaran dan mengurangkan pembaziran memandangkan kelewatan projek akan menyebabkan kerugian berjuta-juta dolar dari segi peluang kos peluang dan kos lebihan.

Pada 2014, beberapa perubahan rangka kerja utama dan proses telah dibuat terhadap Pengurusan Projek dan Pelaporan Teknologi di seluruh Kumpulan. Hasilnya amat menggalakkan – 85% daripada projek utama dilaksanakan mengikut jadual dalam tahun 2015. Ini amat jauh melepasi kelaziman dalam industri iaitu antara 50% hingga 60%, berdasarkan kepada Data Metrik Utama IT 2016 yang diterbitkan oleh Gartner pada 14 Disember 2015.

Beberapa keupayaan utama yang dihasilkan pada 2015:

Pengembangan Sistem Serantau

- Sistem Perbendaharaan Kumpulan di Kemboja dan Vietnam

Maybank berjaya melaksanakan Sistem Perbendaharaan Kumpulan untuk Vietnam dan Kemboja pada April dan Jun 2015 setiap satu. Vietnam dan Kemboja kini merupakan sebahagian daripada platform bersama dan sedadu digunakan oleh semua pusat Pasaran Global Maybank — menyelaraskan prosedur operasi serantau di seluruh pusat Pasaran Global dengan integrasi yang lancar ke Pelaporan Risiko Kumpulan.

Tadbir Urus & Pelaporan Serantau

- Program Enterprise Risk Data Mart (RITA)

Program Enterprise Risk Data Mart (RITA) membolehkan penggabungan data untuk pelbagai negara di mana Maybank beroperasi dan menyediakan data yang diperkayakan untuk pengurusan dalaman, pematuhan dengan standard tempatan dan antarabangsa seperti keperluan Jawatankuasa Basel Mengenai Penyeliaan Perbankan (BCBS 239) dan peraturan pelaporan. Fasa 1 RITA telah dilaksanakan pada 27 Mei 2015 yang menyediakan sumber data tunggal dari negara-negara di bawah sektor Antarabangsa untuk produk perbankan teras, perdagangan dan perbendaharaan untuk memenuhi keperluan Risiko dan Pengawal Seliaan.

Memacu Kerjasama Dalaman

- Direktori Kakitangan Kumpulan

Dilancarkan pada awal 2015, Direktori Kakitangan Kumpulan merupakan pusat pengumpulan pertama mengenai kakitangan, kumpulan kerja, maklumat perhubungan dan carta organisasi. Ia boleh dirujuk dari mana-mana dalam Kumpulan oleh kakitangan Maybank yang sah bagi membolehkan pencarian yang cepat dan tepat mengenai rakan sekerja di seluruh Kumpulan.



INOVASI TEKNOLOGI DAN KEPIMPINAN

Teknologi Kumpulan berada di hadapan dalam memacu Inovasi Teknologi dan Kepimpinan menerusi kerjasama dengan unit perniagaan mengenai produk dan saluran, sentiasa meningkatkan pengalaman pelanggan dan melaksanakan sistem utama ke peringkat serantau.

Bukti kejayaan ini adalah kedudukan No. 1 yang konsisten bagi “Laman Web Paling Banyak dilawati di Malaysia” berdasarkan laman web Alexa yang menyenaraikan laman utama di Malaysia, dan peningkatan aliran pelawat sebanyak 19% dalam saluran pelanggan utama kami pada 2015.

Pengenalan Pesat Saluran Digital

- Platform Perbankan Mudah Alih Serantau Indonesia

Perbankan Mudah Alih Serantau kami telah berkembang pesat dari Malaysia dan Filipina pada 2014 dan Indonesia pada 2015. Berjaya diperkenalkan pada Februari 2015, pelanggan Indonesia kami kini boleh mengakses paparan standard untuk semua peranti pengguna yang memiliki keupayaan yang diperkayakan dan mampu untuk melaksanakan transaksi perbankan di mana sahaja, pada bila-bila masa seperti pindahan dana ke peranti mudah alih yang lain (M2M), penempatan Deposit Tetap (FD), pertanyaan mengenai unit amanah dan pertanyaan pertukaran matawang asing.



Mengintegrasikan Dengan Gaya Hidup Pelanggan

- Mengembangkan penggunaan Maybank2u di Apple Watch

Maybank mengambil satu lagi langkah yang besar dengan memperkenalkan kepada umum perbankan internet menerusi Apple Watch pada 4 Jun 2015. Ini adalah penglibatan pertama kami membabitkan Teknologi Pemakaian dan ia termasuk sambungan mudah alih Maybank2u ke Apple Watch, Quick Balance untuk pertanyaan baki akaun semasa dan simpanan serta kad kredit dengan nombor pengenalan peribadi (PIN) dan petunjuk baki akaun.



Teknologi Kumpulan

Sentiasa Meningkatkan Pengalaman Pelanggan

- Pembukaan Akaun dan Pemprosesan Langsung Kad

Meletakkan pelanggan sebagai tumpuan telah mendorong kami untuk sentiasa meningkatkan Penglibatan dan Pengalaman Pelanggan. Dengan memudahkan dan mengautomatikan proses, telah memudahkan urusan pemprosesan kami dan meningkatkan tempoh kelulusan hampir kepada masa sebenar.


Pada November 2015, para pelanggan boleh membuka akaun semasa atau simpanan, memohon kad kredit baru, pemindahan baki kad dan "EzyPay Plus", hampir kepada masa sebenar menerusi internet dan aplikasi perbankan mudah alih.



Pelaksanaan Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST) di Malaysia

Pelaksanaan Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST) pada 1 April 2015 merupakan satu daripada projek peningkatan sistem IT Maybank yang terbesar. Perkembangan besar-besaran ini memerlukan kerjasama antara unit perniagaan dan IT untuk mentafsir dan menterjemahkan peraturan GST serta langkah-langkah bagi memenuhi keperluan untuk menjayakannya dan seterusnya membangunkan penambahbaikan untuk 128 sistem di seluruh Maybank Malaysia, Maybank Investment Bank Berhad dan Etiqa Berhad.

Kejayaan dan kelancaran sehingga pelaksanaan GST pada 1 April 2015 merupakan bukti terhadap dedikasi, komitmen dan ketabahan warga Maybank.



Unit Perniagaan dan IT bekerja bersama-sama ketika pelaksanaan GST.

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) Malaysia

Sehingga 1 Julai 2015, Maybank telah menyelesaikan semua penukaran yang perlu dilakukan kepada lebih daripada 400,000 akaun untuk selaras dengan pematuhan dasar Akaun Pelaburan baru (IA) di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) 2013 yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).



Sistem Pembayaran Bil Nasional (NBPS) Malaysia

Diperkenalkan oleh BNM dan diterajui oleh Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear), dengan objektif untuk menggalakkan penggunaan pembayaran bil dan invoice dalam talian yang ditawarkan menerusi Internet dan Perbankan Mudah Alih institusi kewangan seperti Maybank2u, NBPS, atau lebih dikenali sebagai JomPAY. Ia merupakan kemudahan untuk mempercepatkan perpindahan kepada e-pembayaran dan menawarkan pengguna dengan kemudahan untuk membayar bil di mana-mana bank.



Melindungi Kumpulan daripada Serangan Siber

Kami melihat pecutan dalam kekerapan dan peningkatan kematangan serangan siber sejak tiga tahun lalu yang menyebabkan perlunya pengawasan dan perkembangan pertahanan yang berterusan. Teknologi Kumpulan telah melabur bagi meningkatkan keupayaan dalaman dan luaran untuk melindungi Kumpulan dan pelanggan daripada jenayah siber.

Pencapaian Utama sehingga kini

- Membina keupayaan dalaman untuk mengendalikan Ujian Penembusan Sekuriti (dulunya menggunakan penyumberan luar).
- Menubuhkan pemantauan sekuriti dan unit maklum balas yang aktif setiap masa (24/7). Secara purata, sebanyak 90 kes dilaporkan/dikesan setiap bulan.
- Mengendalikan penilaian terhadap pelbagai entiti di seluruh kumpulan.

Operasi Kumpulan



JEROME HON

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan

“Kami akan terus berusaha memperbaiki dan menyeragamkan pemprosesan kami dengan objektif untuk meningkatkan produktiviti dan memastikan kos yang rendah. Kami juga akan memberi penekanan terhadap kesedaran amalan pematuhan operasi dan pengurusan risiko.”

Keutamaan Kami pada 2016

- Merealisasikan potensi penuh hab serantau pertama iaitu Malaysia/Singapura.
- Menetapkan Hab Pembrosesan Perbendaharaan dan pejabat sokongan berpusat untuk China di Shanghai.
- Melaksanakan strategi pendigitalan ke arah persekitaran tanpa kertas.

Sorotan Utama 2015

- Pelaksanaan hab serantau di Malaysia dan Singapura dalam Suku ke-4 tahun kewangan 2015.
- Pemusatan lima aktiviti di Maybank Indonesia.
- Melaksanakan Sistem Pengurusan Cagaran Perbendaharaan Kumpulan di Malaysia.
- Pemusatan pejabat perantara bagi aktiviti Perdagangan Berstruktur Serantau di Singapura.

STRATEGI OPERASI KUMPULAN PADA 2016

Visi kami adalah untuk membina budaya berprestasi tinggi dan pelaksanaan model operasi kos berkesan di seluruh rantau, menawarkan pelaksanaan kualiti perkhidmatan dengan standard global. Kami bermula dengan menggabungkan pelbagai operasi pasukan kerja sokongan pejabat, menerapkan kecemerlangan operasi dan mengukuhkan kesedaran risiko dan budaya dalam perkhidmatan.

Pada 2015, kami menumpukan kepada usaha memperkemaskan operasi serantau, termasuk penubuhan hab operasi pertama kami di Malaysia dan Singapura, dan memacu budaya risiko yang lebih mendalam di rantau ini.

Memasuki tahun 2016, kami akan menumpukan kepada pengembangan dan penubuhan hab pemprosesan Perbendaharaan Antarabangsa, melaksanakan standard yang diiktiraf di dunia, dan akan terus melabur terhadap keupayaan kakitangan kami.

ULASAN OPERASI KUMPULAN 2015

Tahun 2015 menandakan tahun permulaan dan pelaksanaan pelbagai pelan yang telah ditetapkan pada 2014. Paling ketara adalah penubuhan hab serantau di Malaysia dan Singapura yang telah dilaksanakan pada suku akhir 2015 untuk Penjelasan Cek Masuk dan Pindahan Telegrafik Keluar di Singapura. Pelaksanaan penuh operasi perdagangan dan perbendaharaan akan diselesaikan pada 2016.


Maybank Indonesia juga terus memacu kecemerlangan operasi dengan pemusatan Pembayaran Gaji, Percantuman ATM/CDM dan Pelaporan Bulanan Cawangan ke pusat pejabat sokongan tunggal serta penggabungan pindahan semua pemprosesan dana dan deposit tetap di empat buah pusat serantau.

Operasi Perbendaharaan Malaysia turut melaksanakan Sistem Pengurusan Cagaran Perbendaharaan Kumpulan mengautomatikan pengurusan cagaran dan risiko kredit yang mungkin timbul daripada transaksi REPO, Pertukaran Asing dan portfolio Tukaran Matawang Asing dan portfolio derivatif di kaunter.

Selain daripada pelaksanaan inisiatif yang telah disebutkan, kami turut memberi tumpuan kepada penambahbaikan proses sedia ada dan perkhidmatan menerusi proses semakan serta menggalakkan kecemerlangan operasi. Ini jelas ditunjukkan apabila unit Terminal Pembayaran/Layan Diri (SST) Serantau telah diiktiraf kerana prestasi yang cemerlang dalam pengendalian pembayaran antarabangsa - memenangi pelbagai anugerah seperti Anugerah Pengiktirafan Kualiti JP Morgan Chase Bank MT202/ MT103, Anugerah Penghargaan Kecemerlangan Operasi Wells Fargo Bank dan Anugerah Penghargaan Kecemerlangan Operasi Deutsche Bank.

Operasi Kumpulan

Di peringkat global, kami terus mengekalkan 4,182 mesin khidmat layan diri (SST) di enam negara. Untuk mengurangkan risiko operasi dan meningkatkan produktiviti, kami aktif mengurangkan kehadiran kami di kawasan berisiko tinggi dan di mana penggunaannya rendah, dan digantikan dengan ATM SRM (iaitu mesin yang boleh kitar semula wang kertas). Selain memusatkan pemantauan 4,182 SST, pasukan kerja SST telah menyediakan sokongan kepada operasi kami di Indonesia (1,605 SST), Filipina (95 SST) dan Singapura (75 SST).



**LEBIH DARIPADA 5,900
SST DI SELURUH DUNIA,
YANG MANA 4,182 SST
MENAWARKAN AKSES
TEPAT MASA DAN
PEMANTAUAN BERPUSAT**



“ Bagi pihak Maybank Indonesia, **saya membina perhubungan jangka panjang dengan pelanggan PKS** bagi menyokong perniagaan dan keperluan pembiayaan peribadi untuk membolehkan mereka maju dan berkembang. Platform serantau Maybank membolehkan para pelanggan untuk berurusan dengan lancar dan berkembang di rantau ini dengan sokongan rakan perbankan yang bertanggungjawab. ”

Lidiya Natalia

Pegawai Perhubungan Kanan
Cawangan Diponegoro, Medan, Indonesia
Eksekutif Terbaik 2014

TADBIR URUS & TANGGUNGJAWAB KORPORAT

- 146 Penyata Tadbir Urus Korporat
- 162 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman
- 166 Laporan Jawatankuasa Audit
- 172 Pengurusan Risiko & Pematuhan Kumpulan
- 179 Laporan Jawatankuasa Syariah Kumpulan
- 181 Penyata Kemampunan

PENCAPAIAN

- 190 Maybank Dalam Media
- 196 Ulasan Peristiwa 2015
- 204 Anugerah & Pengiktirafan

MAKLUMAT LAIN

- 207 Analisis Pegangan Saham
- 209 Klasifikasi Pemegang Saham
- 209 Perubahan Dalam Modal Saham
- 212 Hartanah Dimiliki oleh Kumpulan Maybank
- 213 Senarai 10 Hartanah Utama Dimiliki oleh Kumpulan Maybank
- 214 Maklumat Korporat
- 215 Direktori Kumpulan

MAKLUMAT AGM

- 218 Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke-56
- 220 Penyata Iringan Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke-56
- 212 Kalendar Kewangan
 - Borang Proksi

Penyata Tadbir Urus Korporat

PENGENALAN

Cara mana amalan Tadbir Urus Korporat di Maybank mencerminkan komitmen tidak berbelah bahagi Lembaga Pengarah dalam menggalakkan budaya integriti dan ketelusan dalam Kumpulan, ketika Lembaga sentiasa berusaha untuk mencapai nilai jangka panjang yang mampan bagi semua pemegang kepentingan Kumpulan. Model Tadbir Urus Korporat Kumpulan telah dibangunkan dengan memikirkan perkara ini dan pendekatan pintas ini adalah untuk memastikan eksekutif berada ditempatnya dan wujud keseimbangan antara eksekutif dalam konteks kepimpinan, strategi, pengawasan dan kawalan dalaman untuk memastikan pengurusan risiko yang berkesan.

Penyata Tadbir Urus Korporat ini bertujuan menyediakan gambaran yang penting terhadap amalan tadbir urus korporat Kumpulan kepada para pelabur. Model Tadbir Urus Korporat Kumpulan Maybank menggunakan keperluan dan garis panduan yang berikut:

1. Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 (Kod);
2. Garis Panduan Tadbir Urus Korporat Bank Negara Malaysia (BNM) bagi Institusi Berlesen (BNM/GP1) yang disemak semula;
3. Keperluan Penyenaian (Keperluan Penyenaian) Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia);
4. Buku Hijau Peningkatan Kecekapan Lembaga Pengarah (Buku Hijau) oleh Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC);
5. Panduan Tadbir Urus Korporat: Ke Arah Kecemerlangan Lembaga Pengarah Edisi kedua (Panduan CG) oleh Bursa Malaysia; dan
6. Kad Skor Tadbir Urus Korporat Malaysia-ASEAN oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG).

Selain mematuhi syarat keperluan dan garis panduan tempatan yang telah ditetapkan, Maybank turut memantau perkembangan dalam piawaian Korporat Tadbir oleh organisasi dan institusi utama serta mempunyai reputasi di rantau ini dan di seluruh dunia untuk memastikan bahawa Tadbir Urus Korporat yang diamalkannya adalah mengikut piawaian tertinggi.


Komitmen kukuh Kumpulan dalam bidang Tadbir Urus Korporat ini terbukti apabila Maybank telah menerima Anugerah Laporan Korporat Tahunan Nasional (NACRA) 2015 kerana menunjukkan standard tinggi terhadap Tadbir Urus Korporat, termasuk Anugerah Platinum untuk "Laporan Tahunan Paling Cemerlang" dan juga yang berikut:

- Anugerah Laporan Tanggungjawab Sosial Korporat Terbaik (Platinum)
- Anugerah Kecemerlangan Industri (Sektor Kewangan)
- Laporan Tahunan Rekaan Terbaik (Emas)
- Laporan Tahunan Terbaik Bahasa Malaysia (Perak).

Pencapaian lain yang diterima dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

- 50 Syarikat Senarai Awam Terbaik ASEAN oleh Forum Pasaran Modal ASEAN berdasarkan kepada Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN;
- Anugerah Pengiktirafan Merit Tadbir Urus Korporat 10 Senarai Terbaik dan Anugerah Pengiktirafan Keseluruhan Terbaik CG oleh Kumpulan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti berdasarkan Indeks Ketelusan Tadbir Urus Korporat Malaysian-ASEAN.

Asas kepada kejayaan Lembaga Pengarah dalam menerapkan amalan tadbir urus korporat dalam Kumpulan ini adalah Model Tadbir Urus Korporat Model yang telah digunakan oleh Maybank, seperti carta di bawah:



Penyata Tadbir Urus Korporat

Lembaga Pengarah menyedari cabaran yang mungkin dihadapi Kumpulan pada masa hadapan dan keperluan untuk mengkaji semula model tadbir urusnya secara berterusan untuk memastikan kesesuaian dan keberkesanan dalam keadaan persekitaran yang sentiasa berubah di mana sahaja Kumpulan beroperasi.

Sehubungan itu, Lembaga Pengarah dengan sukacita memaklumkan kepada para pemegang saham mengenai model dan tahap pematuhannya sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, seperti yang dinyatakan di bawah.

LEMBAGA PENGARAH

Piagam Lembaga Pengarah

Sebagai mengakui bahawa amalan tadbir urus korporat yang mantap dan difikirkan dengan baik adalah penting untuk melindungi kepentingan pihak yang berkepentingan dengannya, Lembaga Pengarah Maybank sentiasa berpandukan kepada Buku Panduan Lembaga Pengarah (Buku Panduan). Buku ini adalah berkenaan peranan, kuasa, tugas dan fungsi Lembaga Pengarah. Buku panduan ini disemak semula sekurang-kurangnya setiap dua tahun sekali.

Buku Panduan ini bukan sahaja mencerminkan amalan semasa terbaik dan kaedah-kaedah serta peraturan yang diguna pakai, ia juga menggariskan proses dan prosedur untuk memastikan keberkesanan dan kecekapan Lembaga Pengarah Kumpulan dan jawatankuasanya. Ia merupakan sebuah dokumen dinamik yang perlu dikemas kini dari semasa ke semasa untuk mencerminkan perubahan dasar, proses dan prosedur serta pindaan kepada peraturan dan kawal selia yang berkenaan.

Lembaga-lembaga Pengarah subsidiari Kumpulan dan syarikat bersekutu, di dalam dan luar negara, digalakkan untuk menggunakan Buku Panduan yang seumpamanya untuk setiap entiti korporat masing-masing.

Buku Panduan ini, antara lain mengandungi terma-terma rujukan yang nyata serta had kuasa Lembaga Pengarah dan jawatankuasanya, dan pelbagai dasar dalaman yang berkenaan.

Buku Panduan ini mengandungi bab-bab seperti berikut:

1. Piawaian pelaksanaan perniagaan Kumpulan (Cadangan 1.3 daripada MCCG 2012);
2. Tugas dan kewajipan para Pengarah;
3. Pelantikan dan perletakan jawatan para Pengarah;
4. Struktur Tadbir Urus;
5. Prosiding Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya;
6. Imbuhan dan manfaat untuk para Pengarah;
7. Penyaluran maklumat kepada Lembaga Pengarah;
8. Program latihan dan induksi;
9. Penilaian Tahunan Lembaga Pengarah;
10. Konflik kepentingan dan transaksi pihak berkaitan; dan
11. Dasar-dasar utama lain bagi Bank dan Kumpulan.

Peranan dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Perniagaan dan hal ehwal Maybank serta Kumpulan adalah diurus di bawah arahan dan pengawasan Lembaga Pengarah Maybank, yang juga mempunyai tanggungjawab untuk mengkaji semula dan meluluskan strategi keseluruhan perniagaan, organisasi dan dasar-dasar penting Maybank dan Kumpulan.

Lembaga Pengarah juga menetapkan nilai teras Kumpulan dan mengguna pakai piawaian yang sesuai bagi memastikan Maybank beroperasi dengan integriti dan selaras dengan peraturan dan kawal selia yang bersesuaian.

Lembaga Pengarah mempunyai jadual rasmi berkaitan hal-hal untuk diputuskan yang meliputi antara lain, seperti yang berikut:

- Mengkaji semula dan meluluskan strategi dan pelan perniagaan untuk Maybank dan Kumpulan bagi memastikan ianya selaras dengan wawasan dan misi Kumpulan;
- Mengenal pasti dan menguruskan risiko utama yang mempengaruhi Kumpulan termasuk mewujudkan dan meluluskan dasar-dasar yang relevan untuk pencegahan perubahan wang haram, dan amalan anti-persaingan;
- Mengkaji semula kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman Kumpulan;
- Mengawasi pengendalian dan prestasi perniagaan Kumpulan;
- Mengkaji semula perancangan penggantian dan rancangan pengurusan bakat bagi Kumpulan, dan meluluskan pelantikan dan pampasan kakitangan pengurusan kanan;
- Meluluskan dasar baharu berkaitan kepelbagaian lembaga pengarah, gaji kakitangan dan faedah;
- Meluluskan perubahan struktur organisasi korporat;
- Meluluskan pelantikan para Pengarah dan emolumen serta faedah selaras dengan undang-undang yang sesuai;
- Meluluskan dasar yang berkaitan dengan program penjenamaan korporat, perhubungan awam, perhubungan pelabur dan program komunikasi pemegang saham; dan
- Mengkaji semula strategi Kumpulan mengenai promosi kemampanan yang memberi tumpuan kepada aspek alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

Selain daripada peruntukan khusus untuk Lembaga Pengarah dalam Terma Rujukan seperti ditetapkan dalam Buku Panduan, tanggungjawab untuk menguruskan aktiviti perniagaan Maybank diserahkan kepada Pengarah Eksekutif dan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (PCEO Kumpulan), yang akan melaporkan kepada Lembaga Pengarah.

Beberapa penerangan mengenai bagaimana Lembaga Pengarah melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka dalam tahun kewangan seperti yang dinyatakan di bawah:

- **Pelan Penggantian**
Lembaga Pengarah mengkaji saiz dan komposisi berdasarkan undang-undang yang sedia ada, peraturan-peraturan dan dasar-dasar dalaman Kumpulan mengenai tempoh jawatan pengarah, bukan sahaja untuk memastikan kesinambungan dalam memenuhi matlamat jangka panjang dan objektif, tetapi juga untuk mengesahkan bahawa pengetahuan, pengalaman dan kemahiran ahli-ahlinya amat sesuai untuk memenuhi permintaan dalam landskap industri kewangan yang sentiasa berubah.
- **Semakan Struktur Kumpulan**
Lembaga Pengarah menyemak struktur organisasi Kumpulan untuk memastikan dan menangani cabaran yang dihadapi dalam memenuhi objektif yang dinyatakan dalam strukturnya, termasuk mempercepatkan dan menyokong prestasi serantau, meningkatkan kecekapan, produktiviti dan kecemerlangan operasi.
- **Semakan Strategi Saluran Sosial**
Lembaga Pengarah menyemak kemajuan strategi saluran sosial Kumpulan untuk menilai pencapaian dalam bidang-bidang risiko reputasi dan kepandaian perniagaan, pemasaran dan promosi, kesetiaan dan penglibatan pelanggan serta perkhidmatan pelanggan menerusi saluran dan perdagangan sosial.
- **Tanggungjawab Korporat dan Kemampanan**
Lembaga Pengarah menyemak kemajuan pelan tanggungjawab korporat dan kemampanan Kumpulan untuk memastikan perkembangan dan cabaran yang dihadapinya dalam meneruskan inisiatif CR Kumpulan yang disokong menerusi tiga tunjang utama iaitu Komuniti dan Kewarganegaraan, Masyarakat dan Akses kepada Produk dan Perkhidmatan.

Penyata Tadbir Urus Korporat

• Semakan Struktur Tadbir Urus Kumpulan

Lembaga berunding dengan penasihat profesional bebas yang dilantik, menyemak semula struktur tadbir urus Kumpulan, membandingkan samping struktur tadbir urus anak syarikat utama, terutama yang beroperasi dalam bidang kuasa asing, untuk menentukan kecukupan pengawasan Lembaga Pengarah berbanding undang-undang tempatan, undang-undang dan peraturan (serta dokumen masing-masing) yang melibatkan entiti tersebut.

• Dasar Dalaman Kumpulan

Lembaga Pengarah menggunakan dasar mengenai kakitangan pengarah dalam syarikat-syarikat luaran dan juga dasar terhadap pendedahan korporat, seperti yang dinyatakan dengan lebih terperinci dalam perenggan berikut dalam Penyata Tadbir Urus Korporat ini.

Saiz, Komposisi dan Keseimbangan Lembaga Pengarah

Dalam tahun kewangan, tiga orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif iaitu Dato' Mohd Salleh Hj Harun, Encik Cheah Teik Seng dan Encik Erry Riyana Hardjapameka telah membuat keputusan untuk tidak memperbaharui tempoh jawatan masing-masing, mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan (FSA), 2013 dan seterusnya telah meletakkan jawatan sebagai Pengarah Maybank. Tahun Kewangan ini juga menyaksikan pelantikan Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif iaitu Encik Edwin Gerungan. Profil mengenainya boleh dirujuk di muka surat 51 Laporan Tahunan ini.

Sehubungan perkembangan berkenaan, kini terdapat 10 orang Pengarah dalam Lembaga Pengarah Maybank. Daripada jumlah ini, enam adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, tiga adalah Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif (pemegang amanah bagi Permodalan Nasional Berhad (PNB)) dan seorang adalah Pengarah Eksekutif Bukan Bebas (Presiden & CEO Kumpulan). Komposisi Lembaga Pengarah ini telah melebihi keperluan yang ditetapkan dalam Keperluan Penyenaraian memandangkan lebih separuh daripada bilangannya adalah Pengarah Bebas.

Dalam membuat pertimbangan mengenai saiz ahlinya, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa ia tidak seharusnya terikat untuk mengekalkan bilangan tetap Lembaga Pengarah dalam satu-satu masa. Ia sebaliknya akan menimbang dari segi kecekapan keseluruhan Lembaga Pengarah, termasuk sama ada bilangannya yang sedia ada adalah jumlah yang terkawal dan tidak akan menghalang atau menjejaskan keupayaan pengarah untuk menyumbang pemikiran dan idea-idea mereka dengan lebih bermakna.

Sebagai sebahagian daripada pelan penggantian, Lembaga Pengarah akan menambah ahli baru untuk menangani, antara lain, keperluan untuk mempunyai lebih ramai wanita dalam Lembaga Pengarah, bagi melaksanakan agenda negara. Para Pengarah menyediakan pelbagai pengetahuan, pengalaman dan kemahiran dalam bidang utama seperti perakaunan, undang-undang, sekuriti, operasi dan pembangunan perniagaan antarabangsa, kewangan dan risiko pengurusan. Profil ringkas setiap ahli Lembaga Pengarah dikemukakan di muka surat 46 hingga 51 Laporan Tahunan ini.

Kepelbagaian dan Keterangkuman

Lembaga Pengarah komited untuk memastikan kepelbagaian dan keterangkuman dalam komposisi dan pertimbangan, dan Kumpulan percaya bahawa kepelbagaian itu akan memberi kesan positif dan nilai yang relevan kepada Kumpulan. Dalam hal ini, Lembaga Pengarah mempertimbangkan kepelbagaian dari beberapa aspek yang berbeza, termasuk jantina, umur, latar belakang budaya dan pendidikan, etnik, kewarganegaraan, pengalaman profesional, kemahiran, pengetahuan dan tempoh perkhidmatan.

Semua ini termasuk dalam Dasar Kepelbagaian Jantina Lembaga Pengarah Kumpulan Maybank (Dasar Kepelbagaian Jantina). Di bawah dasar ini, Lembaga Pengarah

menerima pakai matlamat yang boleh diukur dari semasa ke semasa iaitu mengekalkan sekurang-kurangnya seorang (1) Pengarah Wanita dalam Lembaga Pengarah dan minimum 20% perwakilan wanita menjelang tahun 2016. Untuk mencapai matlamat ini, proses pemilihan bagi pelantikan Pengarah melibatkan penyenaraian pendek calon yang berpotensi termasuk sekurang-kurangnya seorang (1) perwakilan wanita bila mana dirasakan perlu dan keutamaan diberikan terhadap pelantikan seorang Pengarah wanita untuk mengisi kekosongan jawatan kerana persaraan atau perletakan jawatan Pengarah wanita. Lembaga Pengarah juga berhasrat untuk mencapai manfaat yang lebih besar dengan memberi tumpuan kepada bakat individu, kebolehan dan pengalaman tentang objektif Kumpulan untuk menjadi peneraju perkhidmatan kewangan serantau yang menuntut kecekapan, kemahiran dan pengalaman yang luas.

Kehadiran Maybank di peringkat antarabangsa juga luas dan agak ketara, khususnya di Indonesia. Sehubungan ini, persaraan Encik Erry Riyana Hardjapamekas dalam tahun kewangan, diisi dengan pelantikan Encik Edwin Gerungan, seorang ahli perbankan dari Indonesia yang memiliki pengalaman antarabangsa.

Para Pengarah Bukan Eksekutif

Komposisi semasa Lembaga Pengarah, dengan sebahagian besarnya terdiri daripada para Pengarah Bukan Eksekutif, membantu Lembaga Pengarah untuk memastikan dan menyediakan pandangan terhadap pengurusan yang kukuh dan berkesan. Komposisi ini juga mencerminkan kepentingan pemegang saham utama Maybank yang diwakili secukupnya menerusi pelantikan pengarah penama, yang menyeimbangi kepentingan para pemegang saham minoriti. Para Pengarah Bukan Eksekutif tidak terlibat dalam pengurusan harian Maybank dan tidak terlibat dalam mana-mana urusan perniagaan atau hubungan lain dengan Maybank (selain daripada situasi yang dibenarkan mengikut peraturan) bagi memastikan mereka benar-benar berupaya melaksanakan penilaian bebas dan bertindak untuk kepentingan Kumpulan dan para pemegang saham. Seterusnya, Lembaga Pengarah berpuas hati dan yakin, tiada individu atau kumpulan Pengarah mempunyai kuasa yang berpotensi menimbulkan konflik kepentingan. Berlandaskan keperluan BNM/GP1, tiada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Maybank mempunyai lebih daripada 5% ekuiti kepentingan dalam institusi berlesen atau syarikat berkaitan dan tiada seorang pun daripada mereka mempunyai hubungan dengan pemegang saham utama institusi berlesen.

Para Pengarah Bukan Eksekutif Maybank terus proaktif dalam melibatkan diri dengan pengurusan kanan dan pihak lain yang berkaitan seperti juruaudit luaran/dalaman serta unit-unit Pematuhan dan Risiko Maybank. Mereka memastikan bahawa pelbagai kebimbangan dan isu-isu relevan kepada pengurusan serta pengawasan perniagaan dan operasi Bank dan Kumpulan ditangani dengan baik. Komitmen Lembaga Pengarah untuk memastikan tadbir urus yang baik dalam mempertimbangkan isu-isu utama terbukti dengan pengenalan "waktu Perbincangan Lembaga Pengarah Tanpa Pengurusan" (di mana sesi ini hanya melibatkan Pengarah Bukan Eksekutif) sebagai item kekal dalam agenda mesyuarat bulanan Lembaga Pengarah (di akhir setiap mesyuarat).

Lembaga Pengarah memastikan semua Pengarah Bukan Eksekutif memiliki kualiti-kualiti berikut:

- Mampu mencabar andaian, pendapat atau pandangan orang lain dengan persoalan bijak, perdebatan yang membina dan teliti, dan tidak dipengaruhi perasaan dalam membuat keputusan melibatkan kepentingan Maybank;
- Sentiasa bersedia untuk mempertahankan pandangan, kepercayaan dan pendapat sendiri untuk kepentingan utama Maybank; dan
- Memiliki pemahaman yang baik mengenai aktiviti perniagaan Bank untuk memberi maklum balas tepat berhubung isu-isu strategik dan teknikal yang dikemukakan oleh Lembaga Pengarah.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Dasar Kebebasan Lembaga Pengarah

Dasar Kebebasan Pengarah Kumpulan ini merumuskan pendekatan Maybank dalam menentukan sejauh mana pengarah itu adalah bebas. Ia menyediakan satu garis panduan bagi pihak Lembaga Pengarah dan subsidiari berlesen yang berkaitan dalam penilaian kebebasan bagi setiap Pengarah Bebas.

Sejajar dengan Dasar Kumpulan mengenai Kebebasan Pengarah dan Cadangan dalam kod berkenaan, Lembaga Pengarah melalui NRC menilai kebebasan Pengarah Bebas berikutan pelantikannya, semasa pelantikan semula dan dalam setiap acara, setiap tahun. Selaras dengan cadangan yang ditetapkan, tempoh perkhidmatan bagi Pengarah Bebas telah dihadkan dalam tempoh maksimum sembilan tahun, yang mana apabila selesai tempoh ini, Pengarah Bebas hanya boleh terus berkhidmat dalam Lembaga selepas penjawatan semula sebagai Pengarah Bukan Bebas. Dalam hubungan ini, Lembaga mengakui bahawa kebebasan individu tidak dapat ditentukan sewenang-wenangnya atas dasar tempoh satu set masa sahaja. Lembaga Pengarah juga berpendapat bahawa tempoh yang berterusan boleh membawa kestabilan yang besar kepada Lembaga dan mengakui hakikat bahawa ia telah mendapat manfaat daripada ahli Lembaga yang mempunyai lebih masa meraih pandangan yang berharga dalam Kumpulan dan pasarannya. Justeru, dalam keadaan tertentu, para pemegang saham boleh memutuskan bahawa seorang Pengarah Bebas boleh kekal selepas tempoh sembilan tahun, jika Lembaga Pengarah berpuas hati (selepas semakan oleh NRC) bahawa Pengarah berkenaan boleh kekal bebas dari segi karektor dan penilaiannya, dan akan terus mengemukakan cabaran objektif dan membina terhadap andaian dan pandangan yang dikemukakan oleh pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah. Dalam keadaan itu, Lembaga boleh membenarkan para pemegang saham untuk membuat keputusan sama ada Pengarah tersebut harus terus dikekalkan sebagai Pengarah Bebas (walaupun hakikat tempoh perkhidmatan beliau telah melebihi tempoh 9 tahun), dengan justifikasi yang kukuh yang diberikan oleh Lembaga untuk menyokong cadangan.

Ketika ini, tiada di kalangan Lembaga pengarah bebas yang telah mencapai tempoh 9 tahun di Maybank.

Penilaian Bebas

NRC mengendalikan penilaian bebas melalui Lembaga Pengarah dan Penilaian Tahunan Rakan Setara serta juga proses Penilaian Kesesuaian dan Kelayakan dengan mengambil kira kemahiran para pengarah, pengalaman, sumbangan, latar belakang, hubungan ekonomi dan keluarga, tempoh jawatan para pengarah dan akuan diri Pengarah Bebas mengenai kepatuhan mereka dengan kriteria kebebasan di bawah BNM/GP1, Keperluan Penyenaraian dan juga Dasar Maybank mengenai Kebebasan Pengarah.

NRC menentukan keupayaan Pengarah Bebas untuk terus memberikan pertimbangan yang bebas dan objektif terhadap perbincangan Lembaga Pengarah serta juga menimbang jika terdapat apa-apa alasan atau sebab yang mendapat perhatian NRC yang boleh menjejaskan status kebebasan para Pengarah Bebas Maybank.

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa enam Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (NEDs), iaitu Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil, Dato' Seri Ismail Shahudin, Dato' Dr Tan Tat Wai, Dato' Johan Ariffin, Datuk Mohaiyani Shamsudin dan Datuk R. Karunakaran telah memenuhi kriteria bebas di bawah BNM/GP1, Keperluan Penyenaraian serta Dasar Maybank Mengenai Kebebasan Pengarah.

Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif

Selari dengan amalan terbaik tadbir urus korporat, Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil terus memainkan peranan beliau sebagai Pengarah Kanan Bebas (SID) Lembaga Pengarah di mana sebarang isu atau kebimbangan pemegang saham dan pihak yang berkepentingan akan diajukan.

Tanggungjawab utamanya adalah untuk menangani isu-isu yang mungkin dikemukakan oleh pemegang saham. Tan Sri Datuk Dr Hadenan akan meletak jawatan pada AGM yang akan diadakan dan peranannya akan diambil alih oleh Dato' Seri Ismail Shahudin, yang juga merupakan Naib Pengerusi.

Dato' Seri Ismail Shahudin boleh dihubungi di e-mel beliau: ismail.s@maybank.com.

Proses Pelantikan Lembaga Pengarah

Terdapat prosedur formal dan telus bagi pelantikan Pengarah baharu ke dalam Lembaga Pengarah, tanggungjawab utama yang telah diberikan kepada Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan ("NRC"). Tanggungjawab tersebut termasuk penyaringan, mengendalikan pemilihan awal terhadap calon-calon dalaman dan luar, melaksanakan penilaian yang diperlukan dan menaksir keupayaan calon-calon untuk melaksanakan tugas mereka dengan berkesan dan cekap sebelum mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusannya. NRC juga memastikan calon-calon memenuhi syarat-syarat yang relevan daripada segi kemahiran dan kecekapan teras, pengalaman, integriti dan masa untuk menjalankan tugas sebagai pengarah.

Prosedur ini adalah sejajar dengan Dasar Kesesuaian dan Kelayakan Kumpulan yang berkuat kuasa sejak bulan Ogos 2006 dan baru-baru ini disemak dan dipinda untuk menggabungkan Peruntukan baharu seperti dikehendaki di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA), Garis Panduan BNM bagi Kriteria Kesesuaian dan Kelayakan dan BNM/GP1. Selaras dengan prosedur ini, NRC mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah calon yang sesuai untuk jawatan pengarah dan pelantikan pengurusan kanan utama Maybank dan subsidiari-subsidiari yang berkenaan.


Dasar Kesesuaian dan Kelayakan menggariskan sifat dan kelayakan calon untuk menentukan kesesuaiannya, antara lain dalam hal pengurusan dan pengalaman kepimpinannya, yang seharusnya berada di tahap yang paling kanan dalam kumpulan perkhidmatan kewangan tempatan atau antarabangsa terkemuka, syarikat awam atau firma/badan profesional. Daripada segi kemahiran keahlian dan latar belakang calon, beliau sebaik-baiknya mempunyai pelbagai kemahiran, termasuklah dalam bidang perniagaan, undang-undang dan kewangan, pengetahuan profesional dan pengalaman dalam industri kewangan serta pengalaman dalam pasaran serantau dan antarabangsa. Dasar Kesesuaian dan Kelayakan turut membantu mengenalpasti jurang kemahiran dalam komposisi Lembaga Pengarah.

Aspek-aspek ini dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah dalam membuat pemilihan, dengan bantuan NRC:

1. Jujur, integriti dan reputasi – seseorang itu perlu mempunyai kualiti-kualiti utama seperti jujur, integriti, tekun, pemikiran terbuka dan keadilan.
2. Cekap dan berupaya – seseorang itu mestilah mempunyai kemahiran yang sewajarnya serta keupayaan dan komitmen untuk melaksanakan tugas-tugasnya.
3. Integriti kewangan – seseorang itu mampu menguruskan hutang atau hal ehwal kewangannya secara berhemah.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Dasar Proses Pencalonan untuk melantik Pengerusi, Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Institusi Berlesen dalam Kumpulan (Dasar Proses Pencalonan) menyatakan dengan jelas dan telus proses pencalonan ini melibatkan lima tahap seperti berikut:-



Permohonan pelantikan calon-calon tersebut akan dihantar kepada BNM untuk pengesahan di bawah FSA atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) (mana-mana yang berkenaan), tertakluk kepada kelulusan lembaga berkaitan di dalam Kumpulan.

Proses pelantikan bagi Pengarah Eksekutif juga ketat untuk memastikan calon terbaik akan dipilih untuk pelantikan jawatan eksekutif tertinggi demi kepentingan Kumpulan. Prosedur tersebut merangkumi pengenalpastian calon berpotensi (sama ada dalaman atau luaran) oleh jawatankuasa istimewa Lembaga Pengarah, yang dikawal oleh jangkaan peranan dan keupayaan yang diterangkan dan dikehendaki oleh Lembaga Pengarah. Proses ini termasuk menemuramah, diikuti dengan penyerahan kepada NRC untuk perbincangan sebelum pemberian cadangan muktamad kepada Lembaga Pengarah untuk pengesahan dan akhirnya diserahkan kepada BNM untuk kelulusan.

Maybank juga mengadakan penilaian tahunan berdasarkan kesesuaian Lembaga Pengarah untuk terus menduduki kedudukan kepimpinan strategik selepas proses pelantikan, sejajar dengan Dasar Kesesuaian dan Kelayakan Kumpulan dan selari dengan Garis Panduan BNM bagi Kriteria Kesesuaian dan Kelayakan dan BNM/GP1. Penilaian kesesuaian dan kelayakan melibatkan akuan diri oleh para Pengarah serta pemeriksaan bebas ke atas kepentingan perniagaan mereka dengan mematuhi seksyen 59 FSA, seksyen 68 IFSA (di mana berkenaan) dan BNM / GP1 untuk memastikan kesesuaian kepada para Pengarah untuk terus berkhidmat sebagai pengarah Maybank.

Pelan Penggantian

Dasar Kesesuaian dan Kelayakan yang diperkenalkan pada tahun 2006 menggariskan had terhadap tempoh jawatan pengarah untuk Pengarah Bukan Eksekutif Maybank yang telah mencapai usia 70 dan ke atas, dan mereka yang telah berkhidmat sebagai Lembaga Pengarah selama 12 tahun atau lebih. Seterusnya, Dasar Tempoh Jawatan Pengarah (Tempoh Dasar) telah dilaksanakan pada tahun 2014 untuk menggabungkan kedua-dua peruntukan yang berkait untuk tempoh pengarah seperti yang tertera dalam Dasar Kesesuaian dan Kelayakan dan juga Dasar Kebebasan Pengarah. Ini bertujuan untuk mengukuhkan dasar Kumpulan dalam menghadkan tempoh Lembaga Pengarah Bukan Bebas Maybank dan juga Kumpulan.

Pelantikan Lembaga Pengarah Maybank bukan merupakan pertimbangan persendirian tetapi sebagai komponen pelan penggantian Lembaga. Di dalam konteks ini, had umur dan tempoh pengarah seperti yang dinyatakan di dalam Dasar Tempoh membolehkan Lembaga Pengarah untuk meneliti dan menilai rancangan penggantian secara berkala, bukan sahaja untuk memastikan kesinambungan dalam memenuhi objektif tempoh jangka panjang dan pendek tetapi juga untuk mengesahkan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran ahli yang selari untuk memenuhi keperluan landskap industri kewangan yang sentiasa berubah.

Dengan bantuan NRC, maklumat peribadi calon-calon berkenaan yang diperolehi dari semasa ke semasa dari sumber dalaman dan juga luaran (termasuk institusi yang mengekalkan maklumat-maklumat penting bagi para pengarah yang mempunyai latar

belakang industri kewangan) akan disemak semula bagi memastikan bahawa Lembaga Pengarah akan sentiasa ada calon-calon yang berwibawa untuk dipilih jika ia diperlukan atau sebaliknya, bagi menggantikan ahli yang bersara atau meletak jawatan sebagai Lembaga Pengarah.

Persaraan, Pemilihan Semula dan Pelantikan Semula Pengarah

Semua Pengarah Maybank termasuk PCEO Kumpulan sebagai Pengarah Eksekutif adalah tertakluk kepada pemilihan semula oleh para pemegang saham. Mereka juga tertakluk kepada persaraan mengikut giliran sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun mengikut Keperluan Penyenaraian dan Artikel 96 dan 97 Artikel Tataurus Maybank. Sokongan Lembaga Pengarah untuk pemilihan semula Pengarah bukan automatik dan tertakluk kepada penilaian prestasi yang memuaskan.

Pertamanya, NRC menilai para Pengarah yang akan dipilih semula pada Mesyuarat Agung Tahunan dan kemudian akan mengemukakan cadangannya kepada Lembaga Pengarah untuk perbincangan dan kelulusan. Setelah mendapat pengesahan Lembaga Pengarah, maklumat yang relevan termasuk justifikasi mengenai pelantikan semula itu kemudiannya dikemukakan kepada BNM untuk kelulusan jika tempoh pelantikan Pengarah ini hampir tamat.

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor, Dato' Seri Ismail Shahudin dan Dato' Dr Tan Tat Wai, semuanya akan bersara mengikut Artikel 96 dan 97 dalam Aktikel Tataurus Maybank, akan memohon pemilihan semula pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan diadakan.

Encik Edwin Gerungan telah dilantik dalam tahun kewangan sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Maybank. Beliau akan bersara pada AGM kelak menurut Artikel 100 dalam Artikel Tataurus berkenaan. Encik Edwin juga akan turut memohon untuk dipilih semula pada AGM.

Seperti yang dinilai oleh NRC dan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah, kesemua Pengarah telah memenuhi keperluan Lembaga Pengarah dan telah melakukan tugas yang baik selain menjadi teladan kepada yang lain serta menyumbang kepada perbincangan Lembaga Pengarah. Justeru, Lembaga akan mengesyorkan kepada pemegang saham mengenai pemilihan masing-masing.

Kecekapan Lembaga Pengarah dan Pengarah Individu

NRC mengikut proses yang formal dan telus untuk menilai keberkesanan setiap Pengarah, Lembaga Pengarah serta keseluruhan majlis, serta prestasi PCEO Kumpulan (berdasarkan Kad Skor Seimbang) mengikut kemahiran dan pengalaman masing-masing selaras dengan Penilaian Tahunan Lembaga Pengarah dan Rakan Kerja. Prosedur ini akan dijalankan selepas tahun kewangan berakhir.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Penilaian ini terutamanya berdasarkan jawapan ke atas soal selidik yang disediakan di peringkat dalaman oleh Perkhidmatan Korporat dan Perundangan (GSC) Maybank yang mengambil kira amalan terbaik yang sedia ada. Borang penilaian diagihkan kepada semua ahli Lembaga Pengarah dan meliputi topik termasuk tanggungjawab Lembaga Pengarah berhubung perancangan strategik, pengurusan risiko, pengurusan prestasi, laporan kewangan, audit dan proses dalaman, pengurusan sumber manusia, tanggungjawab sosial korporat, komunikasi, tadbir urus korporat serta kepentingan dan nilai pemegang saham. Bidang lain yang dinilai termasuk komposisi dan saiz Lembaga Pengarah, sumbangan setiap ahli Lembaga Pengarah di mesyuarat termasuk maklumat dan sokongan yang diberikan kepada Lembaga Pengarah.

Pengerusi Lembaga Pengarah (dan Pengerusi NRC, dalam keadaan yang sesuai), berbincang dengan setiap ahlinya tentang bidang-bidang prestasi yang boleh diperbaiki, serta latihan yang diperlukan.

Program Tindakan Penambahbaikan ("AIP")

Bersempena dengan Penilaian Tahunan Lembaga Pengarah dan Rakan Setara, ahli Lembaga Pengarah secara individu juga digalakkan untuk memberi maklum balas kepada pihak pengurusan kanan dalam bidang-bidang untuk penambahbaikan. Semua maklum balas yang diterima pada mulanya akan diterima dan disusun oleh GCS dan selepas itu diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk semakan dan pengesahan akhir. AIP termasuk pelbagai bidang seperti pelan penggantian untuk pengurusan kanan, tanggungjawab korporat atau risiko pengurusan, dan dipantau oleh Lembaga Pengarah dua kali setahun untuk menentukan kemajuan pelan tindakan masing-masing yang dibangunkan oleh pihak pengurusan kanan selaras dengan maklum balas yang diterima oleh Lembaga Pengarah.

Peranan dan Tanggungjawab Pengerusi dan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Peranan dan tanggungjawab Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan dibahagikan dengan jelas, ditakrif dan didokumentasikan serta diluluskan oleh Lembaga Pengarah, selari dengan amalan terbaik dan pemantauan oleh Pengurusan. Perbezaan ini membolehkan pemahaman yang lebih baik dan pengagihan tanggungjawab bidang kuasa dan akauntabiliti. Struktur hierarki yang jelas dengan pendekatan fokus dan had kuasa berkaitan juga memudahkan kecekapan dan mempercepatkan proses membuat keputusan.

Pengerusi

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor ialah Pengerusi Maybank sejak 1 Oktober 2009. Sebelum dilantik sebagai Pengerusi Maybank, beliau merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Maybank dari bulan Julai 2004 hingga Februari 2009. Beliau tidak pernah memegang jawatan eksekutif di Maybank. Beliau sebelum ini pernah menjadi pengerusi bagi dua buah syarikat senarai awam iaitu Shell Refining Company Berhad dan Maxis Communications Berhad, serta sebagai Pengarah Woodside Petroleum Ltd, syarikat senarai awam berpangkalan di Australia dari Disember 2007 hingga April 2011.

Pengerusi menerajui Lembaga Pengarah dan turut bertanggungjawab untuk memastikan prestasi Lembaga Pengarah yang berkesan. Beliau sentiasa bekerjasama dengan ahli Lembaga Pengarah lain dalam merangka dasar untuk menyelaraskan aktiviti perniagaan yang diterajui oleh pengurusan kanan selaras dengan matlamat dan aspirasi Kumpulan, di samping memantau pelaksanaannya. Beliau turut memastikan tindakan dan perbincangan Lembaga Pengarah, di mana perbincangan yang bermanfaat mengenai perincian isu adalah digalakkan untuk mencerminkan tahap kesangsian dan kebebasan yang sewajarnya.

Pengerusi juga mengetuai usaha untuk memastikan kesesuaian dan keberkesanan program perancangan pengganti untuk Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan. Beliau juga menggalakkan hubungan kerja yang sihat dengan PCEO Kumpulan dan menyediakan sokongan yang diperlukan serta nasihat yang sesuai. Beliau menunjukkan standard tertinggi amalan tadbir urus korporat dan memastikan bahawa amalan-amalan ini dimaklumkan kepada pemegang kepentingan secara kerap.

Seperti biasa, Pengerusi akan sentiasa cuba untuk memastikan bahawa keputusan Lembaga Pengarah dicapai secara sebulat suara (dan sekiranya gagal, akan mencerminkan kehendak majoriti), dan apa-apa kebimbangan atau percanggahan pendapat oleh mana-mana Pengarah pada apa-apa perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah, atau mana-mana jawatankuasanya, serta keputusan mesyuarat, akan sewajarnya ditangani dan direkodkan dalam minit mesyuarat.

Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Datuk Abdul Farid Alias ialah Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pengarah Eksekutif Maybank sejak 2 Ogos 2013.

Datuk Abdul Farid telah diberikan tanggungjawab tertentu oleh Lembaga Pengarah atas kapasiti jawatannya dan mengawasi operasi harian bagi memastikan pengurusan Kumpulan berjalan dengan lancar dan berkesan.

Selain itu, beliau bertanggungjawab untuk menggariskan rancangan jangka sederhana dan panjang untuk mendapat kelulusan Lembaga Pengarah dan bertanggungjawab melaksanakan dasar-dasar dan keputusan Lembaga Pengarah, serta menyelaras pembangunan dan pelaksanaan strategi perniagaan dan korporat, khususnya dengan memastikan semuanya dikendalikan untuk mencapai hasil yang diharapkan, khasnya pembentukan tindakan pembaikan bagi mengatasi masalah yang dikenal pasti. Beliau juga bertanggungjawab untuk membangunkan dan menterjemah strategi menjadi matlamat dan keutamaan, serta menetapkan dasar strategik dan arah operasi perniagaan, pelaburan dan aktiviti lain mengikut kawalan pengurusan risiko yang berkesan.

PCEO Kumpulan memastikan amalan pengurusan kewangan dilaksanakan pada tahap tertinggi daripada segi integriti dan ketelusan untuk manfaat pemegang saham serta perniagaan dan hal ehwal Maybank dijalankan secara beretika dan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

PCEO Kumpulan turut diberi tanggungjawab untuk memastikan faktor sosial dan persekitaran tidak diabaikan walaupun matlamat utama memaksimumkan pulangan pemegang saham. Beliau ditugaskan membangun dan mengekalkan program komunikasi dan dialog yang kukuh dengan pemegang saham, pelabur, penganalisis dan juga kakitangan, selain menyediakan kepimpinan yang berkesan bagi Kumpulan. Beliau juga bertanggungjawab memastikan tahap kecekapan pengurusan yang tinggi serta pelaksanaan rancangan penggantian pengurusan yang cekap bagi mempertahankan kemampuan operasi. PCEO Kumpulan, berdasarkan kedudukannya sebagai ahli Lembaga Pengarah, juga berfungsi sebagai perantara Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan.

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah mengadakan mesyuarat setiap bulan berserta mesyuarat tambahan apabila terdapat masalah mendesak yang perlu diputuskan di antara tempoh mesyuarat yang telah dijadualkan. Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, Lembaga Pengarah bermesyuarat sebanyak 15 kali untuk berunding dan mempertimbangkan pelbagai perkara penting yang memerlukan panduan dan kelulusannya.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Semua Pengarah telah memenuhi syarat keperluan kehadiran mesyuarat 50% seperti dinyatakan dalam Keperluan Penyenaian. Maklumat mengenai kehadiran setiap Pengarah dan Lembaga Pengarah dan setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah Maybank dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 dibentangkan dalam gambarajah di bawah.

Amalan semasa adalah memilih ahli Lembaga Pengarah untuk menganggotai Lembaga Pengarah syarikat subsidiari, terutamanya di luar negara. Ia diteruskan untuk mengekalkan kawalan dan memastikan operasi subsidiari masing-masing selaras dengan strategi dan matlamat Kumpulan.

Pada masa yang sama, lebih ramai anggota utama Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan akan menyertai Lembaga Pengarah subsidiari bagi memastikan tadbir urus Kumpulan sentiasa memberi tumpuan kepada strategi dan operasi, selaras dengan aspirasi korporat Maybank dan pembesaran operasi serantau.

Ini berdasarkan Dasar Pelantikan Eksekutif Kanan Kumpulan Maybank sebagai Pengarah Anak Syarikat Kumpulan Maybank yang merangkumi prinsip panduan, proses kelulusan yang perlu dan pemilihan entiti untuk pelantikan Eksekutif Kanan Kumpulan sebagai Pengarah. Eksekutif Kanan yang telah dilantik adalah dari Majlis Eksekutif Kumpulan, Pengurusan Kanan dan eksekutif lain yang dianggap bersesuaian oleh PCEO Kumpulan. Tambahan pula, pelantikan dan penamaan calon bagi Eksekutif Kanan sebagai pengarah anak syarikat adalah berdasarkan tier anak-anak syarikat mengikut Rangka Kerja Tier Matriks Kumpulan. Selain itu, Dasar Kumpulan mengenai Kakitangan Pengarah dalam Syarikat Luar membenarkan pengurusan kanan terpilih, terutamanya wanita, untuk mengambil pengarah dalam syarikat tersenarai awam, tertakluk kepada kriteria dan had tertentu yang perlu dipatuhi. Ini membolehkan eksekutif berkenaan untuk mendapat pendedahan dan pengalaman yang akan menjadi manfaat kepada mereka dalam jangka pendek dan panjang.

Nama Pengarah	Bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah			Bilangan Mesyuarat Jawatan Semakan Kredit (CRC)			Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Audit (ACB)		
	Bilangan	Hadir	%	Bilangan	Hadir	%	Bilangan	Hadir	%
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor	15	15	100	-	-	-	-	-	-
Dato' Mohd Salleh bin Hj Harun ¹	12	12	100	-	-	-	-	-	-
Datuk Abdul Farid bin Alias	15	15	100	14	8	57	-	-	-
Tan Sri Datuk Dr Hadenan bin A. Jalil ²	15	9	60	-	-	-	14	9	64
Dato' Seri Ismail bin Shahudin ³	15	15	100	13	11	85	-	-	-
Dato' Dr Tan Tat Wai	15	15	100	-	-	-	-	-	-
Encik Cheah Teik Seng ⁴	8	8	100	-	-	-	10	10	100
Dato' Johan bin Ariffin	15	13	87	14	12	86	14	14	100
Datuk Mohaiyani binti Shamsudin ⁵	15	15	100	14	9	64	-	-	-
Encik Erry Riyana Hardjapamekas ⁶	6	3	50	-	-	-	8	6	75
Datuk R. Karunakaran ⁷	15	15	100	13	12	92	5	5	100
Encik Cheng Kee Check	15	15	100	14	14	100	14	14	100
Encik Edwin Gerungan ⁸	7	7	100	3	3	100	-	-	-

Nama Pengarah	Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)			Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Penamaan & Imbuan (NRC)			Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Skim Saham Kakitangan (ESS)		
	Bilangan	Hadir	%	Bilangan	Hadir	%	Bilangan	Hadir	%
Dato' Mohd Salleh bin Hj Harun ¹	-	-	-	10	10	100	5	5	100
Tan Sri Datuk Dr Hadenan bin A. Jalil ²	-	-	-	11	4	36	5	2	40
Dato' Seri Ismail bin Shahudin ³	7	7	100	2	2	100	1	1	100
Dato' Dr Tan Tat Wai	9	9	100	11	11	100	5	5	100
Encik Cheah Teik Seng ⁴	6	6	100	-	-	-	-	-	-
Datuk Mohaiyani Shamsudin ⁵	2	2	100	-	-	-	-	-	-
Datuk R. Karunakaran ⁷	2	2	100	11	10	91	5	4	80
Encik Edwin Gerungan ⁸	2	2	100	3	3	100	2	2	100

- Bersara daripada perkhidmatan berkuatkuasa mulai 17 November 2015 menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Beliau juga tidak lagi Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa NRC dan ESS.
- Meletakkan jawatan daripada NRC dan ESS berkuatkuasa mulai 17 November 2015.
- Meletakkan jawatan daripada RMC dan perantikan seterusnya sebagai Ahli Jawatankuasa kepada kedua-dua NRC dan ESS pada 9 November 2015. Beliau juga telah meletakkan jawatan sebagai Pengerusi CRC berkuatkuasa mulai 15 Disember 2015.
- Bersara daripada perkhidmatan pada 25 Ogos 2015 menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Beliau juga bersara daripada menjadi ahli ACB dan RMC.
- Dilantik sebagai Ahli untuk RMC mulai 9 November 2015.
- Bersara daripada perkhidmatan mulai 24 Jun 2015 menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Beliau juga tidak lagi menjadi ahli ACB.
- Dilantik sebagai Ahli ACB dan RMC, masing-masing mulai 10 Ogos 2015 dan 9 November 2015.
- Dilantik sebagai Pengarah pada 24 Ogos 2015. Beliau seterusnya dilantik sebagai Ahli CRC pada 13 Oktober 2015, NRC dan ESS pada 26 Oktober 2015 dan RMC pada 9 November 2015.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Imbuan Para Pengarah

Lembaga Pengarah percaya bahawa satu perkara yang perlu diberi perhatian supaya Lembaga kekal efektif dalam menjalankan tugas-tugas serta tanggungjawabnya adalah menetapkan satu pakej imbuan yang adil dan komprehensif. Pakej tersebut perlu setimpal dengan kepakaran, kemahiran, tanggungjawab serta risiko sebagai seorang pengarah dalam sebuah institusi kewangan.

Selari dengan tadbir urus korporat yang baik, Lembaga Pengarah telah menetapkan hasratnya untuk menyemak imbuan NED untuk Maybank dan syarikat-syarikat di bawah kumpulan tersebut secara berkala sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tiga tahun. Memandangkan baru-baru ini pemegang saham telah meluluskan semakan semula struktur imbuan Pengarah pada mesyuarat agung tahunan ke-55 yang berlangsung pada 7 April 2015, Lembaga Pengarah tidak akan mencadangkan sebarang perubahan dibuat terhadap struktur fi dalam AGM ke-56 akan datang.

Ringkasan jumlah imbuan Pengarah, yang membezakan antara Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif, secara agregat dengan pengkategorian mengikut komponen yang sewajarnya dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, adalah seperti berikut:

	Gaji (RM)	Bonus (RM)	Yuran Pengarah (RM)	Emolumen Lain (RM)	Faedah Seumpamanya (RM)	ESS (RM)	Jumlah (RM)
Pengarah Eksekutif							
Datuk Abdul Farid bin Alias	1,800,000	2,250,000		944,932	36,772	1,358,629	6,390,333
JUMLAH	1,800,000	2,250,000		944,932	36,772	1,358,629	6,390,333
Pengarah Bukan-Eksekutif							
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor			919,999	574,000	27,416		1,521,415
Dato' Mohd Salleh bin Hj Harun ²			621,694	35,500	21,049		678,243
Tan Sri Datuk Dr Hadenan bin A. Jalil			497,833	29,500	3,055		530,388
Dato' Seri Ismail bin Shahudin			479,916	46,000	-		525,916
Dato' Dr Tan Tat Wai			504,999	50,000	-		554,999
Encik Cheah Teik Seng ³			335,940	28,000	2,025		365,965
Dato' Johan bin Ariffin			459,999	45,500	3,580		509,079
Datuk Mohaiyani binti Shamsudin			434,333	35,000	-		469,333
Encik Erry Riyana Hardjapamekas ⁴			262,083	10,500	-		272,583
Datuk R. Karunakaran			446,688	58,000	3,055		507,743
Encik Cheng Kee Check			367,249	52,000	-		419,249
Encik Edwin Gerungan ⁵			128,809	22,000	-		150,809
JUMLAH			5,459,542	986,000	60,180		6,505,722
JUMLAH KESELURUHAN	1,800,000	2,250,000	5,459,542	1,930,932	96,952	1,358,629	12,896,055

Nota:

- Bayaran kepada Pengarah termasuk amaun jumlah terakur dibayar secara retrospektif mulai 1 Januari 2014 kepada setiap Pengarah Bukan Eksekutif selaras dengan kelulusan para pemegang saham yang diperoleh pada Mesyuarat Agung Tahun ke-55 yang berlangsung pada 7 April 2015.
- Bersara daripada perkhidmatan mulai 17 November 2015 menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Beliau juga tidak lagi menjadi Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa NRC dan ESS.
- Bersara daripada perkhidmatan mulai 25 Ogos 2015 menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Beliau juga tidak lagi menjadi ahli ACB dan RMC.
- Bersara daripada perkhidmatan mulai 24 Jun 2015 menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Beliau juga tidak lagi menjadi ahli ACB.
- Dilantik sebagai Pengarah pada 24 Ogos 2015. Beliau seterusnya dilantik sebagai Ahli CRC pada 13 Oktober 2015, NRC dan ESS pada 26 Oktober 2015 dan RMC pada 9 November 2015.

Emolumen lain bagi Pengarah Eksekutif termasuk kos pencen, elaun, gratuti persaraan dan pembayaran balik. Manfaat berupa barangan bagi Pengarah Bukan Eksekutif termasuk keahlian kelab golf manakala manfaat berupa barangan bagi Ketua dan Wakil Ketua termasuk seorang pemandu, sebuah kereta dan elaun minyak.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Kualiti dan Penyediaan Malumat untuk Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah mempunyai akses penuh dan tidak terbatas terhadap semua maklumat berkaitan perniagaan dan hal ehwal serta nasihat dan khidmat pengurusan kanan Kumpulan. Selain daripada mesyuarat Lembaga Pengarah rasmi, Pengerusi juga mengekalkan komunikasi yang kerap dengan PCEO Kumpulan untuk membincangkan hal-hal khusus dan dibantu pula oleh Setiausaha Syarikat dalam memastikan komunikasi yang kerap dan pada waktunya antara pengurusan kanan dan Lembaga Pengarah pada setiap masa.

Para Pengarah juga kerap dimaklumkan tentang sebarang peraturan dan garis panduan baharu, serta sebarang pindaan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia Securities Berhad, Suruhanjaya Sekuriti, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan pihak berkuasa lain, termasuk cadangan perubahan dalam undang-undang korporat Malaysia mahupun antarabangsa, terutamanya kesan daripada perubahan atau pindaan tersebut ke atas para Pengarah khususnya, dan Bank serta Kumpulan secara amnya.

Tujuan utama Garis Panduan Agenda Tahunan Lembaga Pengarah adalah untuk membawa perhatian Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengarah yang berkaitan serta pengurusan kanan berhubung hal-hal selain dari “kebiasaan” bagi sepanjang tahun tersebut untuk memudah cara perancangan yang lebih baik di samping lebih berkesan daripada segi masa untuk pelbagai pihak yang terbabit. Ia juga mewujudkan disiplin yang lebih tinggi bagi pihak pengurusan kanan terhadap agenda tersebut. Pada masa yang sama, tumpuan sebegini membolehkan Lembaga Pengarah menimbang dan menyumbang ke arah perbincangan yang lebih bernilai dan berkesan tentang sesuatu isu pilihan dan hal-hal berkaitan. Sebagai reaksi kepada kemajuan teknologi dalam dunia digital, pihak Pengurusan telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan mesyuarat Lembaga Pengarah secara elektronik di mana kertas-kertas berkaitan di muat naik ke dalam platform yang selamat, iaitu, BoardPA C yang boleh diakses melalui peranti tablet.

Sebelum setiap mesyuarat Lembaga Pengarah, agenda bersama dengan laporan menyeluruh untuk setiap senarai agenda yang bakal dibahaskan, akan dikemukakan kepada setiap Pengarah sekurang-kurangnya lima hari genap sebelum mesyuarat yang diadakan untuk membolehkan pengarah-pengarah mendapatkan penjelasan lanjut di mana perlu, agar dimaklumkan sepenuhnya sebelum mesyuarat.

Selain itu, minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah dan pelbagai Jawatankuasa Pengarah Bank memasukkan perbincangan oleh ahli-ahli pada setiap mesyuarat dalam mencapai keputusan. Minitnya adalah tepat dan padat. Draf minit mesyuarat dikeluarkan untuk edaran kepada Lembaga Pengarah dalam tempoh satu minggu selepas mesyuarat untuk maklum balas awal dan cadangan sebelum dikemukakan pada mesyuarat yang berikutnya untuk pengesahan rasmi.

Ahli pengurusan kanan dijemput untuk menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah untuk melaporkan mengenai perkara berkaitan bidang masing-masing, dan juga untuk memberi ringkasan dan mengemukakan maklumat terperinci kepada Pengarah-pengarah tentang cadangan yang dikemukakan untuk pertimbangan. Maklumat tambahan atau penjelasan mungkin diperlukan, khususnya berkaitan isu yang rumit dan teknikal yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah. Bagi memastikan kualiti laporan pihak Lembaga adalah yang tertinggi dan disediakan selaras dengan keperluan amalan terbaik dan berdasarkan jangkaan Lembaga tersebut, para Pengarah diberikan ruang untuk mengemukakan maklum balas bertulis ketika setiap mesyuarat untuk memberi penarafan terhadap kualiti laporan-laporan tersebut dan juga sesi membincangkannya.

Setiausaha Syarikat

Dalam tugasnya sebagai Setiausaha Syarikat, Penasihat Perundangan dan Setiausaha Syarikat bertanggungjawab menasihati Lembaga Pengarah mengenai isu berkaitan pematuhan korporat terhadap undang-undang peraturan dan prosedur berkaitan yang memberi kesan kepada Lembaga Pengarah dan Kumpulan serta amalan tadbir urus terbaik. Beliau juga bertanggungjawab memberi nasihat kepada Pengarah mengenai

tanggungjawab dan tugas mereka untuk mendedahkan kepentingan mereka dalam sekuriti, pendedahan sebarang konflik kepentingan dalam transaksi yang melibatkan Maybank, larangan menjalankan transaksi sekuriti dan halangan ke atas pendedahan bagi maklumat yang sensitif harga. Semua Pengarah mempunyai akses kepada nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat dan Indeks Kepuasan Lembaga Pengarah bertindak sebagai mekanisme penilaian kepada sokongan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Setiausaha Syarikat kepada Lembaga Pengarah, dalam tahun kewangan.

Indeks Kepuasan Lembaga Pengarah

Indeks Kepuasan Lembaga Pengarah (BSI) yang dibuat setiap tahun, menunjukkan inisiatif penting untuk memastikan sokongan berterusan yang mencukupi disediakan oleh Setiausaha Syarikat kepada Lembaga Pengarah untuk membantu Pengarah dalam melaksanakan tugas mereka dengan berkesan. BSI telah dijalankan pada Disember 2015 untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

Bidang penilaian termasuk transaksi dan kecekapan operasi, termasuk kualiti minit Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, kertas dan pengaturan mesyuarat, pengurusan latihan dan pengetahuan, serta khidmat nasihat mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan tugas Pengarah seperti pendedahan kepentingan dan larangan terhadap dagangan. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada ahli Lembaga Pengarah, mereka secara umumnya berpuas hati dengan sokongan yang diberikan dalam tahun kewangan yang ditinjau dan beberapa bidang telah dikenal pasti untuk penambahbaikan.

Nasihat Profesional Bebas

Nasihat profesional bebas boleh diperolehi oleh mana-mana pengarah, menerusi perbelanjaan Maybank di mana perlu, dalam menjalankan tugas mereka selaras Dasar dan Prosedur Maybank Mengenai Akses kepada Nasihat Profesional Bebas, Pengurusan Kanan dan Setiausaha Syarikat oleh Pengarah Kumpulan Maybank. Salinan mana-mana laporan, nasihat dan cadangan yang diberikan oleh penasihat profesional bebas kepada Pengarah yang berkenaan akan dikemukakan oleh Pengarah tersebut kepada Setiausaha Syarikat, dan di mana perlu, beliau akan mengedarkannya kepada Pengarah lain untuk memastikan mereka dimaklumkan tentang isu-isu yang boleh memberi kesan kepada kepentingan, pertumbuhan dan prestasi Kumpulan.

Latihan Para Pengarah

Lembaga Pengarah mengakui pentingnya pendidikan secara berterusan kepada pengarah-pengarah untuk memastikan mereka dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang perlu untuk menjalankan tugas-tugas mereka dan menghadapi cabaran-cabaran Lembaga Pengarah.

Sepanjang tahun kewangan, kesemua ahli Lembaga Pengarah telah mematuhi dasar dalaman dimana ia memerlukan mereka menghadiri pelbagai program latihan dan bengkel mengenai isu-isu yang berkaitan dengan Kumpulan, termasuk program latihan utama bagi Pengarah institusi kewangan, iaitu Pendidikan Pengarah-pengarah institusi kewangan (FIDE).

Lembaga Pengarah terus menilai keperluan latihan para Pengarah dengan merujuk kepada penilaiannya dan mengenal pasti bidang-bidang utama yang menjadi tumpuan bagi program latihan.

Program latihan, persidangan dan forum yang dihadiri oleh para Pengarah bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:

FIDE/ICLIF/FIDE Forum

- 2015 – Kajian imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif
- Forum Dialog FIDE dengan Gabenor, Bank Negara Malaysia

Penyata Tadbir Urus Korporat

- Tadbir Urus risiko Lanjutan & pengurusan risiko
- Kepimpinan Strategik Lembaga Pengarah: “Inovasi & Pertumbuhan Dalam Tempoh Tidak Menentu”

Lain-lain Seminar/Persidangan Luar

- “Menguruskan Kemelut Kewangan”, dianjurkan oleh Perbadanan Insurans Deposit Indonesia
- Persidangan Pasaran Modal ASEAN, dianjurkan oleh Maybank Investment Bank
- Invest ASEAN Filipina, dianjurkan oleh Maybank Investment Bank
- MIT Faculty Insights: Prof Roberto Rigobon, dianjurkan oleh Asia School of Business dengan kerjasama MIT Sloan School of Management
- Forum Kepimpinan ASEAN ke-12, dianjurkan oleh ASLI
- Program Pengarah Pasaran Modal, dianjurkan oleh SIDC @ Suruhanjaya Sekuriti
- Sidang Kemuncak Ekonomi Kewangan ASEAN ke-2 2015, dianjurkan oleh Financial Times
- “Menerajui Perubahan Meletakkan Wanita Sebagai Lembaga Pengarah”, dianjurkan oleh PEMANDU
- Persidangan Jawatankuasa Audit 2015 — “Menyahut Cabaran Masa Kini”, dianjurkan oleh Malaysia Institute of Accountants and The Institute of internal Auditors Malaysia

Institut Akauntan Malaysia dan Institut Juruaudit Dalaman Malaysia

- Invest Malaysia 2015, anjuran Bursa Malaysia Berhad
- Simposium Pasaran Modal Dunia 2015 – Pasaran dan Teknologi: “Memacu Pertumbuhan Masa Depan Melalui Inovasi”, yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Sekuriti
- Simposium Kemampanan: “Perniagaan Bertanggungjawab. Pelaburan Bertanggungjawab”, dianjurkan oleh Bursa Malaysia Berhad
- Program Akreditasi Mandatori, dianjurkan oleh Bursatrade Sdn Bhd
- Forum Kemampanan Global dan impak Pelaburan, dianjurkan oleh Bursa Malaysia Berhad
- Taklimat Swap Hadapan oleh Tim Andriesen, Pengarah Urusan, Produk Komoditi, CME, dianjurkan oleh Bursa Malaysia Berhad
- Forum Ekonomi Dunia Islami (WIEF) ke-11

Latihan Dalaman Maybank

- Bengkel Risiko Tahunan Kumpulan Maybank
- Sesi Luar Lembaga Pengarah Maybank — Transformasi Digital: Dari “Apa” ke “Bagaimana”
- Sesi Ulangan Pencegahan Pengubahan Wang Haram & Pembiayaan Keganasan (AML/CFT)
- Siri Guru: “Jadikan Kenyataan” oleh Red Hong Yi
- Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik, kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

Pada akhir tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, Semua Pengarah telah mematuhi Program Akreditasi Mandatori (MAP), selaras dengan Keperluan Penyenaraian.

Selain daripada menghadiri pelbagai program latihan, sebilangan Pengarah juga telah dijemput untuk berucap di persidangan dan seminar yang dianjurkan oleh badan-badan kawal selia dan persatuan profesional.

Program Induksi

Diselaraskan oleh pihak GCS, program induksi yang komprehensif juga telah ditubuhkan untuk memudahkan Pengarah-Pengarah baru mengenai peranan baru mereka dan membantu dalam pemahaman mereka terhadap pengurusan dan operasi Kumpulan.

Pengarah-Pengarah baru juga digalakkan untuk menghadiri program dengan secepat mungkin selepas pelantikan yang biasanya dijalankan dalam tempoh dua hari selepas pelantikan. Program ini turut merangkumi sesi kaedah intensif bersama PCEO Kumpulan dan seluruh ahli EXCO Kumpulan. Pengarah-Pengarah baru akan diberi taklimat dan dibawa lebih terperinci mengenai cabaran dan isu-isu yang dihadapi oleh Kumpulan. Program ini merangkumi skop yang meluas, seperti perniagaan dan strategi Kumpulan, proses kerja dan Jawatankuasa Jawatankuasa Lembaga, serta tugas dan tanggungjawab Pengarah.

PROFESIONALISME LEMBAGA PENGARAH

Jawatan Pengarah dalam Syarikat-syarikat lain

Sebagai mematuhi syarat Keperluan Penyenaraian dan selari dengan amalan terbaik saranan Buku Hijau, setiap ahli Lembaga Pengarah tidak boleh memegang lebih daripada lima jawatan Pengarah dalam syarikat senarai awam. Ini adalah supaya mereka boleh melaksanakan tugas secara berkesan bagi memastikan komitmen, sumber dan masa ditumpukan sepenuhnya ke arah melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan.

Walaupun Lembaga Pengarah menghargai pengalaman dan perspektif yang diperoleh oleh Pengarah Bukan Eksekutif daripada perkhidmatan mereka di syarikat-syarikat, pertubuhan dan persatuan lain. Buku Panduan Lembaga Pengarah menetapkan Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif mesti berunding dengan Pengerusi untuk penerimaan apa jua pelantikan syarikat-syarikat lain supaya memastikan ia tidak akan menjejaskan komitmen masa dan tanggungjawab kepada Lembaga Pengarah Maybank dan Kumpulan.

NRC menilai kebebasan seseorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dalam subsidiary berlesen Kumpulan Maybank berdasarkan satu deklarasi yang menyatakan mereka tidak menerima arahan dari mana-mana pihak termasuk Maybank. Dalam hal ini, semua Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Maybank telah mematuhi keperluan BNM/GP1 yang berkaitan. Selain itu, setiap subsidiari utama dalam Kumpulan juga telah melantik Pengarah Bebas Bukan Eksekutif yang bukan ahli kepada Lembaga Pengarah Maybank untuk memastikan keseimbangan optimum di antara ahli lembaga pengarah daripada segi pengarah bebas dalaman dan luaran.

Percanggahan Kepentingan

Sememangnya menjadi amalan Kumpulan Maybank yang memerlukan ahli-ahli Lembaga Pengarah membuat surat akuan pada mesyuarat Lembaga Pengarah sekiranya mereka mempunyai kepentingan dalam cadangan yang sedang dipertimbangkan termasuk kepentingan yang wujud menerusi keluarga rapat ahli Lembaga Pengarah, selari dengan pelbagai keperluan berkanun mengenai pendedahan kepentingan Pengarah. Dalam setiap keadaan, mana-mana pengarah yang berkepentingan akan mengecualikan diri mereka dari menghadiri perbincangan dan perbahasan. Ini ditunjukkan dalam minit mesyuarat tersebut.

Urus niaga Dalaman

Pengarah, kakitangan pengurusan utama dan pegawai kanan Kumpulan Maybank dilarang terbabit dalam transaksi sekuriti atau apa jua yang berkaitan hartanah berdasarkan maklumat dan pengetahuan sensitif yang belum dimaklumkan kepada awam. Peraturan ini selari dengan Keperluan Penyenaraian dan peruntukan yang berkaitan dalam Akta Pasaran & Perkhidmatan (Pindaan) 2015. Notis untuk tempoh dagangan saham Maybank ditutup diedarkan terlebih dahulu kepada para Pengarah, kakitangan pengurusan utama dan pegawai-pegawai kanan yang berpotensi memiliki maklumat dan pengetahuan sensitif. Apa jua urusan saham oleh para Pengarah dan pegawai kanan akan didedahkan kepada umum, selaras dengan peruntukan yang berkaitan dalam Keperluan Penyenaraian.

Penyata Tadbir Urus Korporat

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Pengagihan tanggungjawab tadbir urus tertentu telah dilaksanakan oleh Lembaga Pengarah bagi pihak jawatankuasa-jawatankuasa Pengarah yang beroperasi menurut terma rujukan yang jelas bagi membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Walaupun Lembaga Pengarah telah memberi kuasa kepada jawatankuasa-jawatankuasa ini untuk membincangkan dan membuat keputusan untuk beberapa perkara operasi, tugas utama membuat keputusan akhir tetap milik Lembaga Pengarah keseluruhannya. Pengerusi Jawatankuasa Lembaga akan mengusulkan dan membentangkan laporan mengenai aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang berkenaan di mesyuarat Lembaga pada setiap bulan.

Jawatankuasa Lembaga Pengarah adalah seperti berikut: -

1. Jawatankuasa Audit
2. Jawatankuasa Semakan Kredit
3. Jawatankuasa Penamaan dan Imbuan
4. Jawatankuasa Pengurusan Risiko
5. Jawatankuasa Skim Saham Kakitangan

Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit telah diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyiasat sebarang aktiviti mengikut Terma-terma Rujukannya dan memiliki akses tanpa had dalam audit luaran dan dalaman serta ahli pengurusan kanan Kumpulan.

Aktiviti yang dilakukan oleh Jawatankuasa Audit yang bermesyuarat 14 kali dalam tahun kewangan, telah diringkaskan dalam Laporan Jawatankuasa Audit dan Terma-terma Rujukannya sebagaimana dinyatakan di muka surat 166 Laporan Tahunan ini. Ahli Jawatankuasa Audit adalah seperti yang tertera di muka surat 166 dalam Laporan Tahunan ini.

Jawatankuasa Semakan Kredit

Tanggungjawab Jawatankuasa Semakan Kredit termasuk yang berikut:

1. Untuk menyemak/menolak pinjaman yang di luar kuasa budi bicara Jawatankuasa Kredit Pengurusan Kumpulan (GMCC);
2. Mengkaji semula/menolak, dengan kuasa untuk membantah atau menyokong, semua cadangan yang dikemukakan oleh GMCC kepada Lembaga untuk kelulusan/ pengesahan;
3. Mengkaji semula/menolak, dengan kuasa untuk membantah atau menyokong, semua had global (dan mana-mana peningkatan ke atasnya) yang disarankan oleh GMCC kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Juga untuk mengesahkan setiap tahun had global sedia ada yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan dicadangkan oleh GMCC untuk pembaharuan;
4. Menjalankan lain-lain tanggungjawab yang mungkin diserahkan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa; dan
5. Untuk mengawasi keseluruhan fungsi pengurusan kredit yang meliputi, tetapi tidak terhad kepada, portfolio, proses awal-ke-akhir, infrastruktur, sumber dan tadbir urus.

Jawatankuasa telah bertemu sebanyak 14 kali dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015. Ahli Jawatankuasa Semakan Kredit dan butiran lanjut tentang kehadiran mesyuarat telah dinyatakan pada muka surat 152 Laporan Tahunan ini.

Jawatankuasa Penamaan dan Imbuan (NRC)

NRC terdiri daripada Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif yang kesemuanya adalah juga bebas dan dipengerusikan oleh seorang Pengarah Bebas.

Tanggungjawab NRC antaranya adalah seperti berikut:

1. Untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan, kenaikan pangkat dan imbuan serta dasar pampasan bagi eksekutif dalam jawatan pengurusan utama;
2. Untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah, rangka kerja bagi Pembangunan Kepimpinan Kumpulan;
3. Untuk menyelia pemilihan Pengarah dan komposisi am Lembaga Pengarah Maybank (saiz, kemahiran dan keseimbangan antara Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif);
4. Untuk mengkaji keberkesanan Lembaga Pengarah bagi memastikan ia selari dengan hala tuju strategik Kumpulan;
5. Untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah Maybank, rangka kerja dan dasar imbuan para Pengarah meliputi yuran, elaun dan faedah barangan akibat menjalankan tugas mereka sebagai Pengarah bagi semua Lembaga Pengarah dan jawatankuasa serta bagi PCEO Kumpulan dan para pegawai pengurusan kanan;
6. Untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah Maybank tentang dasar berkaitan tempoh perkhidmatan Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif;
7. Untuk menilai prestasi dan keberkesanan individu dan ahli-ahli Lembaga Pengarah secara kumpulan termasuk Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan subsidiari-subsidiarinya serta prosedur bagi membuat penilaian;
8. Untuk mencadangkan langkah-langkah dalam meningkatkan keberkesanan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasanya;
9. Untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah Maybank, satu rangka kerja / model pengurusan prestasi, termasuk mengadakan parameter bagi sasaran prestasi yang sesuai dan penanda aras bagi Kad Skor Seimbang PCEO Kumpulan di awal setiap tahun kewangan;
10. Untuk menyediakan perancangan penggantian, pengurusan bakat dan penilaian prestasi eksekutif dalam jawatan pengurusan utama;
11. Untuk menimbang dan mencadangkan penyelesaian kepada isu-isu konflik kepentingan yang menjejaskan Pengarah-pengarah;
12. Untuk membuat penilaian tahunan supaya memastikan para Pengarah, individu utama yang bertanggungjawab dan Setiausaha Syarikat tidak hilang kelayakan di bawah subseksyen 59 (1) Akta Perkhidmatan Kewangan, 2013; dan
13. Untuk menyemak keperluan dan program latihan untuk para Pengarah.

Aktiviti utama NRC pada 2015 diringkaskan seperti berikut:-

1. Penilaian prestasi Lembaga Pengarah secara keseluruhan sebagai satu Penilaian Tahunan Lembaga Pengarah, meliputi prestasi Lembaga Pengarah, Jawatankuasa lembaga dan Para Pengarah untuk memastikan keberkesanannya;
2. Penilaian prestasi Pengarah-Pengarah, terutamanya yang akan bersara di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan pengesyoran kepada Lembaga untuk pelantikan semula;
3. Pengesyoran kepada Lembaga Pengarah ke atas keseimbangan dan saiz Lembaga Pengarah dan kemahiran para Pengarah dikehendaki dan pengalaman dalam memastikan keberkesanan Lembaga Pengarah;
4. Mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah program latihan yang sesuai untuk dihadiri dan relevan kepada industri dan di mana Maybank beroperasi;
5. Menesyorkan kepada Lembaga Pengarah mengenai kajian semula ke atas komposisi Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah Jawatankuasa Kumpulan Maybank;
6. Penilaian Kecergasan dan kewajaran Pengarah dan Eksekutif Kanan berkaitan dengan pelantikan mereka mengenai Lembaga Pengarah Maybank dan anak-anak syarikatnya;
7. Cadangan untuk melantik/pelantikan semula calon-calon yang sesuai sebagai ahli Jawatankuasa Syariah Maybank Islamic Berhad;

Penyata Tadbir Urus Korporat

8. Penilaian dan pengesyoran kepada Lembaga mengenai kajian imbuhan untuk Pengarah Bukan Eksekutif Maybank;
9. Menilai dan mengesyorkan kepada Lembaga mengenai prestasi ahli Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan serta mengkaji semula imbuhan mereka;
10. Menilai dan mengesyorkan kepada Lembaga mengenai pelantikan eksekutif kanan untuk jawatan pengurusan utama dalam Kumpulan;
11. Kajian semula mengenai pelan penggantian dan pengurusan bakat Eksekutif kanan Maybank; dan
12. Mengesyorkan kepada Lembaga berhubung semakan tahunan jumlah ganjaran untuk Eksekutif Maybank.

NRC telah mengadakan 11 mesyuarat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015. Ahli-ahli NRC dan butir-butir kehadiran mesyuarat oleh ahli-ahli tertera pada muka surat 152 dalam Laporan Tahunan ini.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)

Peranan dan tanggungjawab RMC termasuk yang berikut:-

1. Untuk mengkaji semula dan meluluskan strategi pengurusan risiko, rangka kerja risiko, dasar-dasar risiko, toleransi risiko dan had penerimaan risiko;
2. Untuk mengkaji semula dan menilai kecukupan dasar dan rangka kerja pengurusan risiko dalam mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko dan sejauh mana mereka beroperasi dengan berkesan;
3. Untuk memastikan infrastruktur, sumber dan sistem tersedia untuk pengurusan risiko, iaitu memastikan kakitangan yang bertanggungjawab melaksanakan sistem risiko pengurusan menjalankan tugas berkenaan secara bebas daripada kegiatan pengambilan risiko institusi kewangan; dan
4. Untuk mengkaji semula laporan berkala tentang pendedahan risiko, komposisi portfolio risiko dan kegiatan pengurusan risiko.

Tugas khusus Jawatankuasa Pengurusan Risiko dalam mengurus risiko meliputi yang berikut:-

1. Untuk mengkaji semula kesan risiko ke atas kecukupan modal serta keuntungan dan kualiti aset di bawah senario tekanan;
2. Mengkaji semula dan menilai proses penilaian kecukupan modal dalaman (ICAAP), tahap modal kawal selia dan dalaman bagi Maybank, berbanding profil risikonya;
3. Mengkaji semula dan mencadangkan tindakan strategik yang perlu diambil oleh Bank akibat peraturan kawal selia yang memberi kesan kepada amalan pengurusan risiko untuk kelulusan Lembaga Pengarah;
4. Untuk mengkaji semula, mencadangkan dan meluluskan langkah-langkah pembetulan untuk menangani kebimbangan terhadap risiko seperti yang diketengahkan oleh pelbagai pihak berkuasa kawal selia setempat, di mana berkaitan;
5. Untuk mengkaji semula dan meluluskan produk dan perkhidmatan baharu dan memastikan pematuhan dengan garis panduan sedia ada yang dikeluarkan oleh BNM atau badan kawal selia yang berkenaan;
6. Untuk menyelia resolusi keputusan Penarafan Risiko Komposit BNM bagi Kumpulan Maybank;
7. Menyediakan pengawasan mengenai kebimbangan pengurusan risiko khusus dalam Sektor Perniagaan Kumpulan;
8. Menyerahkan isu-isu operasi yang bersesuaian kepada Pengurusan untuk tindakan mereka yang selanjutnya;
9. Untuk menjalankan tanggungjawab lain yang diserahkan kepadanya oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa; dan
10. Mengkaji semula dan meluluskan Terma Rujukan (TORs) Jawatankuasa Risiko Eksekutif dan RMC di peringkat cawangan subsidiari atau luar negeri.

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, sembilan mesyuarat telah diadakan. Pengerusi dan kesemua ahli Jawatankuasa merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Ahli RMC dan maklumat kehadiran ahliahlinya dinyatakan dalam muka surat 152 Laporan Kewangan ini.

Jawatankuasa Skim Saham Kakitangan (Jawatankuasa ESS)

Skim Saham Kakitangan (ESS) ditubuhkan bagi memberikan pelan insentif jangka panjang dan juga untuk menyelaraskan kepentingan kakitangan dengan matlamat Kumpulan Maybank. Ini bagi mewujudkan peningkatan nilai yang berterusan bagi organisasi dan pemegang saham. Tawaran pertama di bawah ESS ini diberikan pada 23 Jun 2011 kepada semua kakitangan yang layak.

Lembaga Pengarah telah menyerahkan tanggungjawab kepada Jawatankuasa ESS untuk menentukan semua persoalan terhadap dasar dan kewajaran daripada pentadbiran ESS dan untuk melaksanakan langkah-langkah perlu untuk menjana yang terbaik bagi pihak Bank.

Tanggungjawab menyeluruh Jawatankuasa ESS seperti digariskan dalam Terma Rujukan termasuk untuk mentadbir ESS dan untuk mencadangkan sasaran/kriteria kewangan dan prestasi kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan sebelum pelaksanaan serta apa jua syarat yang dirasakan sesuai.

Semua ahli Jawatankuasa ESS merupakan Pengarah Bukan Eksekutif. Mesyuarat diadakan pada bila-bila masa Jawatankuasa ESS diperlukan untuk mempertimbangkan hal-hal penting dalam kadar segera.

Sebanyak lima mesyuarat Jawatankuasa ESS telah diadakan dalam tahun kewangan yang dikaji. Ahli Jawatankuasa ESS dan maklumat mengenai kehadiran mesyuarat ahli-ahlinya dinyatakan dalam muka surat 152 Laporan Tahunan ini.

JAWATANKUASA PENGURUSAN PERINGKAT EKSEKUTIF (ELC)

Dengan sokongan Lembaga Pengarah, PCEO Kumpulan telah mewujudkan pelbagai ELC dan memberikan sebahagian kuasanya untuk membantu dan menyokong Jawatankuasa Lembaga Pengarah berkaitan operasi Bank. ELC utama, yang mana kebanyakan dipengerusikan oleh PCEO Kumpulan atau Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan adalah seperti berikut:

- Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan
- Jawatankuasa Pengurusan Kredit Kumpulan
- Jawatankuasa Audit Dalaman
- Jawatankuasa Risiko Eksekutif
- Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti
- Jawatankuasa Kakitangan Kumpulan
- Jawatankuasa Pemerolehan Kumpulan
- Jawatankuasa Hala Tuju IT Kumpulan

PERHUBUNGAN PELABUR DAN KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM

Perhubungan Pelabur (IR) merupakan bahagian kritikal dalam rangkai kerja tadbir urus korporat Maybank bagi memastikan para pemegang saham, pemegang kepentingan, pelabur dan komuniti pelaburan di dalam dan luar negara diberikan maklumat yang sewajarnya, tepat pada masa dan komprehensif tentang Kumpulan. Unit IR Maybank komited dalam menyediakan komunikasi terbuka dan efektif untuk memperbaiki tahap pendedahan dan ketelusan.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Dalam tahun kewangan, Lembaga Pengarah menggunakan Dasar Pendedahan Korporat dan Prosedur Kumpulan (Dasar Pendedahan Korporat Kumpulan) untuk menggantikan dasar Perhubungan Pelabur Kumpulan. Pendedahan Dasar Korporat Kumpulan telah berkembang di dalam dasar Skop Kumpulan yang terdahulu mengenai hubungan pelabur dengan memperluaskan skop pendedahan korporat yang meluas dan bukannya hanya kepada komuniti pelaburan. Perubahan ini selaras dengan pendedahan korporat panduan Bursa Malaysia 2012 yang menggalakkan penyebaran maklumat kepada pemegang saham dan pelabur dengan kadar segera dan tepat masa, dan juga mencadangkan penggunaan dasar mengenai pendedahan korporat. Satu salinan dasar pendedahan korporat Kumpulan boleh didapati di laman web korporat di www.maybank.com.

Keputusan Suku Tahun

Keputusan kewangan suku tahunan Maybank dikeluarkan pada waktu rehat dagangan tengah hari yang segera diikuti dengan taklimat media dan penganalisis dan/atau sidang panggilan. Taklimat media dan penganalisis dikendalikan serentak dengan sidang panggilan dalam tempoh separuh tahun dan tahun kewangan penuh. Sidang panggilan pula diadakan dalam suku pertama dan ketiga. Penyata kewangan, kertas pembentangan dan siaran media turut dihantar secara e-mel selain disediakan untuk tontonan umum di laman sesawang korporat bagi menyediakan pemahaman lebih baik kepada pemegang saham mengenai prestasi Maybank. Tempoh berdamai selama dua minggu sebelum pengumuman keputusan kewangan diambil bagi mengelakkan prestasi kewangan terkini terdedah secara tidak sengaja.

Persidangan dan Jelajah Promosi

Perhubungan pihak berkepentingan dikendalikan melalui persidangan dan jelajah promosi yang dianjurkan di dalam atau luar negara, di mana pengurusan kanan akan berkomunikasi mengenai strategi Kumpulan, kemajuan pelbagai inisiatif dan maklumat terkini untuk membolehkan pihak berkepentingan memahami operasi Maybank dengan lebih baik.

Mesyuarat Pelabur

Unit Perhubungan Pelabur mengadakan mesyuarat pertemuan secara bersemuka dan berkumpulan dengan penganalisis, pelabur dan pelabur berpotensi sepanjang tahun bagi menyediakan maklumat yang konsisten untuk komuniti pelabur. Pertemuan dengan pengurusan kanan turut disediakan bagi memastikan penganalisis dan pelabur-pelabur yang penting boleh bertemu dengan eksekutif utama. Unit Perhubungan Pelabur turut berhubung dengan rakan di Indonesia, menyelaraskan aktiviti IR bagi penganalisis dan pelabur untuk bertemu dengan pengurusan syarikat subsidiari Maybank, Bank Internasional Indonesia.

Hari Pelabur

Hari pelabur dianjurkan beberapa kali dalam setahun untuk menyediakan platform bagi unit-unit perniagaan terpilih, diketuai oleh ahli Jawatankuasa Eksekutif masing-masing, bertemu dengan para penganalisis dan pelabur. Ia bertujuan menjelaskan mengenai strategi perniagaan, operasi dan prestasi kewangan yang membolehkan ketelusan lebih besar dan pemahaman lebih terperinci mengenai fungsi-fungsi perniagaan utama dalam Kumpulan Maybank.

Laman Sesawang Korporat Kumpulan

Laman sesawang korporat Maybank di www.maybank.com menyediakan laluan lengkap dan mudah untuk maklumat terkini mengenai Kumpulan. Maklumat yang terkandung di laman sesawang ini termasuk profil korporat, profil pengurusan kanan, maklumat saham dan dividen termasuk Pelan Pelaburan Semula Dividen, pembentangan kertas kerja pelabur, keputusan kewangan, laporan tahunan, berita korporat, serta operasi Maybank dan syarikat subsidiarinya di seluruh dunia. Sebagai tambahan, maklumat

tentang Struktur Tadbir Urus dan rangka kerja Kumpulan juga disiarkan dalam laman web Korporat Kumpulan.

Pengunjung laman sesawang ini juga boleh mendapatkan maklumat terkini mengenai Maybank menggunakan e-mel dan saluran RSS menerusi langganan di laman sesawang. Selain itu, pemegang kepentingan boleh mendapatkan pengumuman yang dibuat oleh Maybank kepada Bursa Malaysia di laman sesawang Bursa Malaysia di www.bursamalaysia.com.

Laporan Tahunan

Laporan tahunan Maybank menyediakan laporan yang lengkap mengenai operasi dan prestasi kewangan Kumpulan bagi tahun dalam kajian. Ia menyediakan pendedahan penuh dan mematuhi peraturan yang sewajarnya untuk memastikan ketelusan. Laporan tahunan juga dicetak dalam bentuk ringkasan disertakan bersama dengan CD-ROM. Laporan tahunan versi dalam talian juga boleh didapati di laman sesawang korporat Maybank.

Liputan Media

Liputan media mengenai Maybank dan pengurusan kanan, sama ada menerusi media cetak atau liputan TV turut menjadi alat perhubungan untuk menyediakan publisiti yang meluas dan meningkatkan pemahaman umum mengenai perniagaan Maybank di kalangan pelabur dan awam.

Penarafan Kredit

Penarafan kredit Maybank disediakan oleh enam agensi penarafan iaitu Standard and Poor's, Fitch Ratings, Moody's Investors Services, RAM Rating Services Berhad (RAM Ratings), Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC) dan Capital Intelligence, sebagai sebahagian daripada penyediaan pendapat yang bebas mengenai kedudukan kewangan dan kewajaran kredit Maybank serta terbitan hutang kepada pelabur pendapatan tetap dan lain-lain pemegang kepentingan.

Maklumat Terperinci Jurucakap IR:

Dato' Mohamed Rafique Merican
Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan
Hubungi: (6)03 2074 7878
E-mel: rafique@maybank.com

Chan Hung Chee
Pemangku Ketua, Pelaporan Prestasi Kumpulan & Perhubungan Pelabur
Hubungi: (6)03 2053 3949
E-mel: hungchee.c@maybank.com

Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti-aktiviti perhubungan pelabur yang dilaksanakan sepanjang tahun ini, Sila rujuk di bahagian perhubungan pelabur di muka surat 91.

MESYUARAT AGUNG

Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) dan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) Kumpulan merupakan platform utama untuk interaksi secara dua hala antara pemegang-pemegang saham, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kumpulan. Selari dengan demokrasi pemegang saham dan polisi ketelusan yang digunakan oleh Kumpulan, kelulusan pemegang saham diperlukan dalam setiap perkara termasuk, tetapi tidak terhad kepada pemilihan dan pelantikan pengarah-pengarah, penggabungan yang signifikan, pembelian dan penjualan serta pelantikan juruaudit dan pembayaran dividen.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Kehadiran pemegang saham pada mesyuarat agung Kumpulan adalah tinggi sebagaimana ditunjukkan dengan kehadiran 3,533 pemegang saham dalam AGM ke-55 bagi tahun kewangan 2014. Penyertaan aktif pemegang saham adalah digalakkan semasa AGM, yang menjadi platform terbuka kepada pemegang saham untuk mengemukakan soalan-soalan yang berkaitan dengan item-item dalam agenda AGM dan tindak balas serta penjelasan yang wajar diberikan segera oleh ahli Lembaga kepada para pemegang saham.

Maybank meneruskan amalan menggalakkan para pemegang saham untuk menghantar soalan-soalan secara bertulis lebih awal sebelum mesyuarat bermula, menggunakan borang-borang yang disediakan semasa pendaftaran. Saluran tambahan ini yang memberi peluang kepada pemegang saham menanyakan soalan mereka, membolehkan Bank menyediakan jawapan lebih awal dan mengumpulkan soalan-soalan yang sama supaya jawapan yang lebih komprehensif dapat diberikan. Langkah ini menyebabkan mesyuarat berjalan secara lebih berkesan dan memberikan Bank peluang menangani lebih banyak soalan daripada peserta. Ia bukanlah untuk menyekat hak para pemegang saham daripada bercakap di dalam mesyuarat. Malah para pemegang saham masih lagi boleh mengutarakan soalan atau memberi pandangan selepas sesi soal jawab bertulis selesai.

Di samping itu, pertanyaan yang dibuat oleh MSWG mengenai perniagaan Maybank atau isu-isu tadbir urus penting lain yang ditimbulkan sebelum mesyuarat serta maklum balas Maybank akan dikongsi dengan semua para pemegang saham semasa AGM. Keputusan undian bagi setiap resolusi juga diumumkan segera kepada para pemegang saham di dalam AGM selepas proses undian. Minit mesyuarat AGM turut disediakan di laman sesawang Maybank.

Selari dengan Cadangan mengenai undian pemilihan, Maybank sentiasa membuat persediaan bagi pemilihan untuk semua resolusi di AGM termasuk pelantikan pemerhati luar untuk memastikan prosedur proses pemilihan yang memuaskan sebelum AGM dan memantau pengiraan undi semasa AGM sekiranya terdapat permintaan yang sah untuk pungutan suara. Lembaga Pengarah turut memberi perhatian mengenai pemilihan dalam talian, 'e-voting' dan akan mencari kesesuaian dan kemungkinan untuk menggunakan pendekatan elektronik bagi kedua-dua proses mengangkat tangan dan undian pemilihan. Ini dapat memudahkan penyertaan pemegang saham berikutan asasnya yang lebih besar dan kerumitan berkaitan logistik dengan mengambil kira tentang keutuhan aplikasi itu, kesesuaian penggunaannya, kos dan keberkesannya.

Selain daripada AGM dan EGM, para pemegang saham dan pemerhati pasaran juga dialu-alukan untuk mengemukakan persoalan pada bila-bila masa melalui Bahagian Hal Ehwal Korporat dan Bahagian Perhubungan Pelabur Kumpulan.

STRUKTUR PEMILIKAN

Saham-saham Maybank kebanyakannya dipegang oleh pemegang saham institusi yang menguasai struktur pemilikannya. Sehingga 31 Disember 2015, tiga pemegang saham teratas ialah Skim Amanah Saham Bumiputra (ASB) dengan pegangan 36.82%, Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebanyak 15.89% dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) 5.65%, menjadikan jumlah keseluruhan 58.36%.

Walaupun ketiga-tiga pemegang utama saham Maybank menguasai lebih separuh daripada jumlah modal berbayarnya, Maybank tidak tertakluk kepada sebarang pengaruh daripada para pemegang saham utama yang juga tidak memegang jawatan pengurusan dalam Kumpulan. Pengaturan sebegini memastikan tahap tadbir urus korporat berada pada paras tertinggi dan membolehkan Kumpulan sentiasa berusaha untuk mewujudkan nilai bagi pemegang sahamnya.

Struktur pemegang saham Maybank adalah telus dan dinyatakan di muka surat 207 Laporan Tahunan ini. Sebarang maklumat terkini dalam struktur pemegang saham boleh didapati dengan mengemukakan permintaan kepada kakitangan pengurusan yang menjaga Perhubungan Pelabur. Struktur pemegang saham sedia ada secara keseluruhannya mengandungi Saham Biasa dan tidak mempunyai perbezaan kelas. Tiada had bagi pemegang Asing dan Tatacara dan Tataurus Syarikat tidak mempunyai sebarang peruntukan jelas yang menghalang sebarang pemerolehan. Bagaimanapun, Bank adalah tertakluk kepada FSA, yang mengandungi sekatan tertentu terhadap pemilikan saham.

KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

Pelaporan Kewangan dan Pendedahan

Pelaporan Kewangan

Lembaga Pengarah memegang amanah untuk membentangkan penilaian yang jelas, seimbang dan bermakna terhadap kedudukan kewangan, prestasi dan prospek Kumpulan dan bank kepada para pemegang saham dan awam. Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Audit untuk menyelia proses laporan kewangan dan mutu penyata kewangan tersebut.

Pendedahan mengenai Ulasan, Petunjuk dan Laporan Kewangan

Ulasan kewangan Kumpulan dan Maybank serta petunjuk bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 dikemukakan pada muka surat 84 hingga 90 dalam Laporan Tahunan ini.

Penyata kewangan Kumpulan dikemukakan di muka surat 31 hingga 268 dalam Laporan Tahunan (Penyata Kewangan) dan keputusan kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 diumumkan kepada orang ramai pada 25 Februari 2016, kurang daripada 60 hari selepas tahun kewangan Maybank berakhir.

Penyata Tanggungjawab Pengarah

Lembaga Pengarah juga memastikan bahawa penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang disediakan setiap tahun kewangan memberi satu pandangan yang benar dan adil selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan Keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Penyata Tanggungjawab Pengarah berhubung persediaan penyata kewangan beraudit bagi Kumpulan dan Bank dinyatakan dalam muka surat 12 buku Penyata Kewangan Laporan Kewangan 2015.

Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah secara keseluruhannya bertanggungjawab memastikan sistem kawalan dalaman yang kukuh, merangkumi kawalan kewangan, operasi dan pematuhan serta pengurusan risiko bagi memastikan pelaburan pemegang saham, kepentingan pelanggan dan aset Kumpulan dilindungi. Keberkesanan pengurusan risiko dan kawalan dalaman sentiasa disemak secara berterusan untuk dipastikan berfungsi secukupnya dan berkesan.

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah ("ACB") menilai dari semasa ke semasa, keberkesanan dan kecukupan sistem kawalan dalaman Kumpulan dengan meninjau tindakan yang diambil terhadap kesilapan/kekurangan yang dikenal pasti dalam laporan-laporan yang disediakan oleh Audit Kumpulan di mesyuarat-mesyuarat yang dijadualkan. Jawatankuasa Audit juga menyemak cadangan dan maklum balas pengurusan untuk memastikan perkara tersebut ditangani dengan secukupnya dan segera.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Penyata berhubung Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman telah dikemukakan pada muka surat 162 hingga 165 Laporan Tahunan ini dan ia memberikan gambaran keseluruhan keadaan kawalan dalaman Kumpulan.

Dasar Pemberi Maklumat

Kumpulan Maybank menyokong keterbukaan dan ketelusan dalam komitmen mereka kepada mutu integriti dan akauntabiliti.

Talian Aduan Integriti (sebelum ini dikenali sebagai Talian Aduan Laporan Penyelewengan) yang dilaksanakan pada tahun 2004 menyediakan talian bagi semua kakitangan untuk melaporkan yang betul, dipercayai, tanpa kandungan fitnah, terhadap sebarang penyelewengan atau salah laku termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kejadian tidak beretika seperti kegiatan jenayah atau pelanggaran undang-undang/peraturan oleh kakitangan lain atau sesiapa yang berurusan dengan Kumpulan melalui saluran-saluran berikut:

- Talian Bebas Tol bagi Rakaman Mesej 1-800-38-8833 atau dari seberang laut 603-20268112
- Alamat e-mel yang dilindungi di integrity@maybank.com.my
- Peti Surat Terjamin, Peti Surat 11635, 50752 Kuala Lumpur, Malaysia

Rahsia mengenai semua yang dibangkitkan termasuk Identiti pemberi maklumat dilindungi di bawah Polisi ini.

Dasar Anti-Penipuan Kumpulan

Kumpulan Maybank mempunyai Polisi Anti-Penipuan yang menyediakan strategi, prinsip dan dasar yang meluas untuk Kumpulan dalam hal berkaitan dengan penipuan untuk menggalakkan piawaian integriti yang tinggi. Dasar ini menawarkan program yang mantap dan komprehensif, serta kawalan bagi Kumpulan dan sorotan mengenai peranan dan tanggungjawab di setiap peringkat untuk mencegah dan memberi maklum balas terhadap penipuan.

Ikrar Integriti korporat

Kumpulan Maybank kekal komited untuk mengekalkan ketulusan piawaian tinggi Tadbir Urus Korporat dan ketelusan untuk mengembangkan perniagaan kami secara bertanggungjawab dan menguntungkan. Dalam kesinambungan selepas menandatangani ikrar integriti korporat (CIP), seterusnya kajian CIP yang dijalankan selepas itu oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (MACC) pada tahun 2013 adalah salah satu langkah progresif semulajadi sebagai satu cara ke hadapan ke arah menyemai integriti dalam Kumpulan Maybank.

Kumpulan sentiasa mempertingkatkan pemprosesan dan sistemnya untuk mewujudkan suasana perniagaan yang bebas daripada penyelewengan dalam menjalankan perniagaan dan interaksi dengan rakan niaga dan pihak berkepentingan yang lain.

Hubungan dengan juruaudit

Audit Dalaman

Fungsi Audit Kumpulan melaporkan kepada ACB dan mempunyai akses tidak terhad kepada ACB. Fungsinya adalah bebas daripada sebarang aktiviti atau operasi unit-unit lain. Audit Kumpulan secara kerap menilai keberkesanan proses pengurusan berisiko, mengkaji semula keberkesanan sistem kawalan dalaman dan kawalan pematuhan di seluruh Bank dan Kumpulan. Ketua Audit Eksekutif Kumpulan dijemput untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Audit untuk memudah cara penyampaian laporan audit. Minit mesyuarat itu kemudiannya akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman dan rujukan berguna khususnya jika terdapat isu-isu penting yang ingin diketengahkan kepada Lembaga Pengarah.

Juruaudit Luar

ACB dan Lembaga Pengarah memberikan tumpuan yang penting terhadap objektif dan kebebasan Juruaudit Bank, iaitu Tetuan Ernst & Young, dalam menyediakan laporan yang relevan dan telus kepada pemegang saham. Memastikan pendedahan sepenuhnya mengenai perkara-perkara, Juruaudit Bank kerap dijemput untuk menghadiri Mesyuarat ACB (termasuk Mesyuarat Agung Tahunan). Pada tahun 2015, Juruaudit Bank telah bermesyuarat sebanyak sekali dengan ACB tanpa kehadiran pengurusan kanan. Juruaudit Bank juga telah menyediakan jaminan bertulis mereka kepada Kumpulan berhubung dengan pendirian mereka dalam tahun kewangan 2015.

Laporan penuh Jawatankuasa Audit yang menggariskan peranan berkenaan kepada juruaudit dalam dan luaran dikemukakan dalam muka surat 166 hingga 171 Laporan Tahunan ini.

Kod Etika dan Perilaku Kumpulan Maybank

Selain BNM/GP1 dan Kod Etika Pengarah Syarikat yang diwujudkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Kumpulan juga mempunyai Kod Etika dan Perilaku yang menyatakan prinsip-prinsip dan piawaian amalan terbaik dalam industri perkhidmatan kewangan, yang dipatuhi oleh para Pengarah dan kakitangannya. Kedua-dua pihak itu dikehendaki supaya menjunjung integriti yang tertinggi ketika menjalankan tugas dan berurusan dengan pihak berkepentingan, pelanggan, rakan pekerja dan pengawal selia. Ini adalah selaras dengan Nilai-nilai Teras Kumpulan yang menekankan etika perilaku ketika berurusan dengan pihak ketiga dan kakitangan.

Program yang diadakan pada peringkat Kumpulan untuk menerapkan etika yang betul dan juga pematuhan kepada Kod Etika Maybank buat seluruh kakitangan Maybank adalah seperti berikut:-

1. E-Pembelajaran tahunan bagi Pengisytiharaan Kod Etika;
2. Latihan untuk kakitangan yang baru; dan
3. E-kapsul – mesej ditayangkan melalui MyPortal untuk mengingatkan dan memastikan pematuhan kepada Kod Etika.

Penyata Tadbir Urus Korporat

MAKLUMAT PEMATUHAN TAMBAHAN PADA 31 DISEMBER 2015

Tanggungjawab Korporat

Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa satu keseimbangan yang baik berjaya dicapai antara usaha mewujudkan nilai dengan tanggungjawab korporat. Perincian inisiatif tanggungjawab korporat Kumpulan dinyatakan pada muka surat 181 hingga 189 dalam Laporan Tahunan ini.

1. Penggunaan Perolehan

(i) Membiayai modal kerja Maybank, perbankan am dan lain-lain tujuan korporat:

- a) Nota Senior AS\$50.0 juta diterbitkan pada 29 Januari 2015
- b) Nota Senior CNY410.0 juta diterbitkan pada 5 Mac 2015
- c) Nota Senior SGD50.0 juta diterbitkan pada 10 April 2015
- d) Samurai Bond JPY18.5 billion diterbitkan pada 30 April 2015
- e) Samurai Bond JPY12.8 billion diterbitkan pada 30 April 2015
- f) Nota Senior JPY12.0 bilion diterbitkan pada 10 Jun 2015
- g) Nota Senior SGD54.0 juta diterbitkan pada 26 Jun 2015
- h) Nota Senior AS\$160.0 juta diterbitkan pada 7 Julai 2015
- i) Nota Senior SGD50.0 juta diterbitkan pada 10 Julai 2015
- j) Nota Senior SGD277.75 juta diterbitkan pada 23 Julai 2015
- k) Nota Senior SGD102.0 juta diterbitkan pada 24 Julai 2015
- l) Nota Senior CNY323.0 bilion diterbitkan pada 11 Ogos 2015
- m) Nota Subordinat Peringkat 2 RM2.2 bilion diterbitkan pada 19 Oktober 2015
- n) Nota Subordinat Peringkat 2 RM1.1 bilion diterbitkan pada 27 Oktober 2015
- o) Nota Senior HKD435.0 juta diterbitkan pada 20 November 2015
- p) Nota Senior RM220.0 juta diterbitkan pada 24 November 2015

(ii) Pelan Pelaburan Semula Dividen (DRP) – Sedang dijalankan

- (a) Jumlah bersih daripada DRP (selepas ditolak anggaran perbelanjaan DRP) adalah bertujuan membiayai pertumbuhan berterusan dan pengembangan Kumpulan Maybank.

2. Belian Balik Saham

Maybank tidak membuat sebarang cadangan bagi pembelian balik saham pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

3. Opsyen, Waran atau Sekuriti Boleh Tukar

Maybank tidak menerbitkan sebarang opsyen, waran atau saham boleh tukar sepanjang tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2015, kecuali opsyen berkaitan Skim Saham Kakitangan.

4. Pengeanaan Sekatan dan/atau Penalti

Tiada sebarang sekatan dan/atau penalti material telah dikenakan ke atas Maybank dan subsidiarinya, pengarah atau pihak pengurusan oleh badanbadan kawal selia berkaitan, yang diumumkan kepada pihak awam dalam tahun berakhir pada 31 Disember 2015.

5. Fi Bukan Audit

Fi Bukan Audit dibayar kepada juruaudit-juruaudit luar, Ernst & Young, untuk tahun ini berjumlah RM8,178,000 untuk Kumpulan dan RM5,509,000 untuk Maybank.

6. Perbezaan dalam Keputusan Kewangan

Tiada unjuran keuntungan yang dikeluarkan oleh Maybank dan subsidiarinya dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

7. Jaminan Keuntungan

Tiada sebarang jaminan keuntungan dikeluarkan oleh Maybank dan subsidiarinya dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

8. Kontrak Material

Tiada kontrak material telah dimeterai oleh syarikat dan subsidiarinya melibatkan pengarah pengarah dan pemegang saham utama, sama ada masih lagi kekal wujud pada akhir tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2015 atau dimeterai sejak akhir tahun kewangan sebelumnya.

9. Dasar Penilaian

Kumpulan tidak menilai semula hartanah bertanah yang dikelaskan di bawah Hartanah dan Peralatan. Dasar penilaian semula hartanah bertanah diklasifikasi sebagai Pelaburan Hartanah dinyatakan dalam Nota 2.3(xiii) Penyata Kewangan Laporan Tahunan 2015.


10. Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan dalam Bentuk Perolehan atau Perdagangan (RRPT)

Syarikat tidak memeterai atau mendapatkan mandat daripada para pemegang sahamnya terhadap sebarang RRPT bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

11. American Depository Receipt Programme (ADR)

Sehingga 31 Disember 2015, jumlah ADR yang masih ada adalah 6,073,441. Peratusan sekuriti yang ADRs keluarkan terhadap Maybank yang diterbitkan dan modal berbayar adalah 0.0622%.

Penyata ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 28 Januari 2016.



TAN SRI DATO' MEGAT ZAHARUDDIN MEGAT MOHD NOR

Pengerusi Lembaga Pengarah

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Tahun Kewangan berakhir pada 31 Disember 2015

PENGENALAN

Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman ini disediakan selaras dengan Syarat Penyenaian Bursa Malaysia Securities Berhad yang memerlukan Lembaga Pengarah untuk memasukkan kenyataan ke dalam Laporan Tahunan Syarikat mengenai keadaan kawalan dalamannya. Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang telah disemak semula memerlukan semua syarikat tersenarai untuk mewujudkan rangka kerja pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman yang kukuh demi menguruskan risiko dan menjaga pelaburan para pemegang saham serta aset syarikat. Oleh itu, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya menyediakan Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman yang selaras dengan “Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman – Garis Panduan untuk Pengarah Syarikat Senarai Awam” yang disahkan oleh Bursa Malaysia.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah sedar akan seluruh tanggungjawab dalam mewujudkan rangka kerja pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman yang kukuh disamping menyemak kecukupan dan keberkesannya. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa rangka kerja pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman adalah direka untuk menguruskan risiko-risiko Kumpulan di dalam lingkungan tahap risiko yang boleh diterima dan bukan untuk melenyapkan risiko kegagalan dalam mencapai matlamat perniagaan serta objektif Kumpulan. Justeru ia hanya boleh memberi kepastian yang munasabah dan bukan kepastian sepenuhnya terhadap sebarang kesilapan penyata kewangan material, kerugian atau penipuan.

Lembaga Pengarah telah menyediakan struktur tadbir urus untuk memastikan pemantauan efektif terhadap risiko dan kawalan dalam Kumpulan. Lembaga Pengarah berpuas hati dengan Kumpulan yang telah melaksanakan satu proses yang berterusan untuk mengenal pasti, menilai, memantau, mengurus dan bertindak balas terhadap risiko penting yang dihadapi oleh Kumpulan dalam pencapaian matlamat dan objektif perniagaan dengan mengambil kira perubahan dalam persekitaran perniagaan dan keperluan kawal selia. Hasil daripada proses ini dipantau rapi dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan. Proses berterusan ini telah berlangsung sepanjang tahun kewangan yang dikaji sehingga tarikh kelulusan Penyata ini untuk dimasukkan dalam Laporan Tahunan.

Lembaga Pengarah menerima laporan pada setiap bulan berkaitan dengan perkembangan peraturan dan kekurangan pematuhan yang dikenal pasti dalam Kumpulan. Lembaga Pengarah memberi tumpuan kepada kekurangan yang dilaporkan, memahami punca dan mengarahkan Pengurusan untuk mengambil semua langkah yang perlu untuk membetulkan keadaan yang telah menyebabkan kekurangan pematuhan. Ini termasuk pelan pemulihan khusus dan susulan tindakan untuk memastikan kekurangan ditangani.

TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN

Pengurusan bertanggungjawab secara keseluruhannya dalam melaksanakan dasar Lembaga Pengarah dan prosedur risiko serta kawalan dan peranannya termasuk:

- Mengenal pasti dan menilai risiko-risiko yang dihadapi dan pencapaian matlamat perniagaan dan strategi-strateginya;
- Membentuk dasar yang berkaitan dan prosedur untuk mengurus risiko-risiko tersebut;
- Merangka, melaksana dan memantau keberkesanan rangka kerja pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman;
- Melaksanakan dasar-dasar yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- Melaksanakan tindakan pemulihan untuk menangani kekurangan pematuhan diarahkan oleh Lembaga; dan
- Melaporkan kepada Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa mengenai sebarang perubahan berkenaan risiko dan tindakan pembetulan.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO DAN SISTEM KAWALAN DALAMAN

Proses utama yang telah diwujudkan oleh Lembaga Pengarah di dalam menyemak kecukupan dan kecekapan rangka kerja pengurusan dan sistem kawalan dalaman termasuk seperti yang berikut:

Rangka Kerja Pengurusan Risiko

Pengurusan risiko melibatkan penubuhan prinsip risiko dan strategi sebagai asas teras dalam memacu budaya dan amalan pengurusan risiko yang kukuh di seluruh Kumpulan. Memandangkan pengurusan risiko adalah disiplin teras Kumpulan, ia disokong oleh sebuah set prinsip utama yang menjadi asas bagi amalan dan proses-proses pengurusan risiko Kumpulan:

Prinsip	Penerangan
1. Menubuhkan selera dan strategi risiko	Selera risiko menjelaskan sifat, jenis dan tahap risiko Kumpulan yang sanggup diterima dan perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
2. Menyediakan modal yang mencukupi	Pendekatan Kumpulan terhadap pengurusan modal didorong oleh objektif strategik Kumpulan dan mengambil kira persekitaran kawal selia, ekonomi dan komersil yang relevan di mana Kumpulan beroperasi.
3. Memastikan fungsi tadbir urus dan pengawasan yang betul	Terdapat struktur tadbir urus Kumpulan yang jelas, berkesan dan mantap yang menggariskan tanggungjawab dengan jelas, telus dan konsisten dalam Kumpulan.
4. Menggalakkan budaya risiko yang kukuh	Menginstitusikan budaya risiko kukuh yang menyokong dan menyediakan standard dan insentif yang sesuai untuk tingkah laku profesional dan bertanggungjawab.
5. Melaksanakan dasar risiko yang mantap	Pelaksanaan rangka kerja risiko dan dasar bersepadu untuk memastikan amalan dan proses pengurusan risiko yang efektif di setiap peringkat.
6. Melaksanakan proses pengurusan risiko yang kukuh	Pelaksanaan proses pengurusan risiko yang baik untuk mengenalpasti secara aktif, mengukur, mengawal, memantau dan melaporkan risiko yang wujud dalam setiap produk, aktiviti, proses, sistem dan pendedahan Kumpulan.
7. Memastikan sumber yang mencukupi	Memastikan adanya sumber dan sistem infrastruktur yang mencukupi bagi membolehkan pengurusan risiko yang berkesan.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Tahun Kewangan berakhir pada 31 Disember 2015

Selera Risiko

Selera risiko merupakan komponen yang penting dalam rangka kerja pengurusan risiko yang mantap dan didorong oleh kedua-dua lembaga kepimpinan atas-ke-bawah dan penglibatan pihak pengurusan bawah-ke-atas di setiap peringkat. Selera risiko Kumpulan membolehkan Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan untuk berkomunikasi, memahami dan menilai jenis dan tahap risiko yang Kumpulan sedia menerima bagi mencapai objektif perniagaannya. Pembangunan selera risiko disepadukan ke dalam proses perancangan strategi dan perniagaan tahunan dan disesuaikan dengan perubahan perniagaan dan keadaan pasaran. Selera risiko Kumpulan mengimbangi keperluan semua pihak yang berkepentingan dengan bertindak masing-masing sebagai pengelola risiko, dan pemacu aktiviti perniagaan masa depan dan semasa. Kemantapan selera risiko itu dilakukan melalui sebuah set penyata selera risiko yang mentakrifkan selera risiko Kumpulan terhadap kesemua bahan-bahan risiko dalam Kumpulan.

Tadbir Urus & Pengawasan Risiko

Model tadbir urus risiko menyediakan struktur tadbir urus yang telus dan berkesan bagi menggalakkan penglibatan aktif Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan dalam proses pengurusan risiko untuk memastikan pandangan risiko yang seragam di seluruh Kumpulan. Model tadbir urus bertujuan untuk meletakkan kebertanggungjawaban dan pemilikan, sambil membantu memudahkan tahap kebebasan yang sesuai dan pembahagian tugas antara tiga (3) peringkat pertahanan termasuk unit pengambilan risiko, unit kawalan risiko dan audit dalaman. Maklumat lanjut mengenai tiga barisan pertahanan ini boleh didapati dalam bahagian pengurusan risiko di muka surat 174 hingga 175.

Budaya Risiko

Budaya risiko dan pematuhan Kumpulan digerakkan dari atas dan dilengkapi dengan nada dari tengah, yang berakar umbi dalam semua peringkat perniagaan dan aktiviti. Sebagai sebahagian daripada budaya risiko dan pematuhan ini, Kumpulan telah menanamkan budaya pematuhan di mana Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan dan setiap kakitangan Kumpulan adalah komited untuk mematuhi keperluan garis panduan undang-undang, peraturan-peraturan dan pengawal selia. Komitmen ini jelas ditunjukkan menerusi penubuhan dasar pematuhan dan garis panduan yang kukuh bagi memastikan risiko ketidakpatuhan diurus dengan berkesan.

Amalan & Proses Pengurusan Risiko

Amalan pengurusan risiko Kumpulan membolehkan Kumpulan untuk mengenalpasti, mengukur, mengawal, memantau dan melaporkan pendedahan risiko secara sistematik di seluruh Kumpulan.



Rangka Kerja Pengurusan Pematuhan

Rangka kerja ini menyediakan dasar dan garis panduan asas mengenai pengurusan dan pengawasan pematuhan bagi Kumpulan. Ia digunakan dan dilaksanakan oleh semua perniagaan, sektor sokongan, negara dan syarikat subsidiari Kumpulan.

Rangka kerja ini berfungsi sebagai alat utama untuk Pegawai Pematuhan bersama Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Risiko (peringkat Lembaga Pengarah dan Pengurusan), Pengurusan Kanan dan semua kakitangan untuk memahami, mematuhi dan menguruskan risiko pematuhan.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam

Tahun Kewangan berakhir pada 31 Disember 2015

Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah

Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah Kumpulan menetapkan jangkaan struktur tadbir urus Syariah serta proses dan pengaturan semua perniagaan dan negara dalam Kumpulan yang melaksanakan transaksi perniagaan Islam. Ini bagi memastikan bahawa semua operasi dan aktiviti perniagaan adalah sejajar dengan Syariah dan juga untuk menyediakan panduan lengkap untuk Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Syariah Kumpulan dan Pengurusan dalam melaksanakan tugas-tugas mereka yang berkaitan dengan Syariah.

Semua perniagaan, negara dan subsidiari Kumpulan telah menggunakan rangka kerja ini dan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa matlamat dan operasi perniagaan yang berkaitan sentiasa selaras dengan Syariah.

Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah Kumpulan ini dicerminkan oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan yang berkesan serta bertanggungjawab, Jawatankuasa Syariah bebas yang berwibawa dan bertanggungjawab, disokong oleh fungsi Syariah dalaman yang kukuh.

Secara menyeluruh, mekanisme tadbir urus patuh Syariah dilaksanakan menerusi empat (4) peringkat pertahanan yang memenuhi kedua-dua pra-pelaksanaan dan pasca pelaksanaan. Empat barisan pertahanan ini adalah 1: Pengurusan dan Unit Perniagaan 2: Penasihat Syariah dan Penyelidikan, 3: Risiko Syariah dan 4: Audit dan Semakan Syariah.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Teknologi

Pengurusan Risiko Teknologi merupakan disiplin yang sistematik untuk mengenalpasti punca kegagalan dalam fungsi berkaitan teknologi dalam organisasi, penilaian impak risiko kepada perniagaan dan mengambil tindakan pemulihan risiko yang sewajarnya.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Teknologi yang lengkap memastikan perhatian secukupnya terhadap amalan terbaik untuk mengawal reputasi Kumpulan. Ia mengekalkan tahap perkhidmatan yang tinggi untuk pelanggan, dan juga unit perniagaan dalam Kumpulan. Ini dilakukan dengan pertimbangan yang sewajarnya diberikan kepada garis panduan peraturan serantau.

Rangka kerja ini dipakai di seluruh Kumpulan, termasuk subsidiari dan operasi luar negara yang perlu menggunakan prinsip rangka kerja sambil mematuhi keperluan tempatan.

Sistem Kawalan Dalam

Elemen utama sistem kawalan dalaman yang diwujudkan oleh Lembaga Pengarah menyediakan tadbir urus berkesan dan gambaran menyeluruh kawalan dalaman, termasuk:

- Struktur Operasi Kumpulan**
 Lembaga Pengarah telah menubuhkan struktur organisasi yang menyatakan dengan jelas mengenai tanggungjawab, had bidang kuasa dan akauntabiliti yang diselaraskan dengan keperluan perniagaan dan operasi bagi menyokong penyelenggaraan kawalan persekitaran yang kukuh.
- Pelan Perniagaan Tahunan dan Bajet**
 Pelan perniagaan tahunan dan bajet dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Pencapaian prestasi dikaji semula terhadap keputusan yang disasarkan setiap bulan bagi membolehkan tindak balas dan tindakan pembetulan diambil untuk mengurangkan risiko. Lembaga Pengarah mengkaji laporan daripada pengurusan tentang perangkaan operasi utama, dan juga perkara berkaitan undang-undang dan peraturan. Lembaga Pengarah turut meluluskan sebarang perubahan atau pindaan dasar Kumpulan.

- Pengawasan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)**

Lembaga Pengarah telah menyerahkan tanggungjawab untuk menyemak semula keberkesanan pengurusan risiko kepada RMC. Keberkesanan sistem pengurusan ini dipantau dan dinilai oleh fungsi Risiko Kumpulan, secara berterusan. Sebarang kelulusan dasar dan rangka kerja yang dibentuk untuk mengenal pasti, mengukur dan memantau pelbagai komponen risiko, akan disemak semula dan dicadangkan oleh RMC kepada Lembaga Pengarah. Selain itu, RMC juga menyemak dan menilai tahap kelengkapan dasar-dasar pengurusan risiko bagi memastikan yang infrastruktur, sumber dan sistem sentiasa tersedia bagi pengurusan risiko. Maklumat lanjut mengenai RMC dimasukkan dalam Penyata Tadbir Urus Korporat di muka surat 157.

- Lain-lain Jawatankuasa Lembaga**

Lain-lain Jawatankuasa Lembaga, iaitu Jawatankuasa Semakan Kredit, Jawatankuasa Penamaan dan Ganjaran dan Jawatankuasa Skim Saham Kakitangan ditubuhkan untuk membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tanggungjawab tadbir urus dan fungsi pengawasannya seperti yang diserahkan oleh Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk menyemak semua perkara dalam skop yang ditakrifkan dalam terma rujukan masing-masing dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah mengenai cadangan mereka. Maklumat lanjut mengenai pelbagai Jawatankuasa Lembaga dimasukkan dalam Penyata Tadbir Urus Korporat dari muka surat 156 hingga 157.

- Jawatankuasa Pengurusan Peringkat Eksekutif**

Pelbagai Jawatankuasa Pengurusan Peringkat Eksekutif (ELCs) turut ditubuhkan oleh Pengurusan untuk membantu dan menyokong pelbagai Jawatankuasa Lembaga dalam memantau bidang teras operasi perniagaan. (ELC) ini termasuk Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan, Jawatankuasa Kredit Pengurusan Kumpulan, Jawatankuasa Risiko Eksekutif, Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti, Jawatankuasa Pemerolehan Kumpulan, Jawatankuasa Pemandu IT Kumpulan dan Jawatankuasa Kakitangan Kumpulan.

- Dasar Kawalan Bertulis**

Dasar Kawalan Pengurusan (MCP) dan Dasar Kawalan Dalam (ICP) bertulis juga disediakan daripada Pengurusan. MCP menggariskan tanggungjawab khusus pelbagai pihak termasuk Pengurusan, Jawatankuasa Audit Dalam (IAC) dan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah berkaitan kawalan dalaman. ICP bertujuan mewujudkan kesedaran di kalangan semua kakitangan mengenai komponen kawalan dalaman dan dasar kawalan asas.

- Dasar Anti-Penipuan**

Terdapat Garis Panduan Anti-Penipuan dilaksanakan untuk menyediakan prinsip, strategi dan dasar meluas bagi Kumpulan untuk digunakan dalam urusan berkaitan penipuan bagi menggalakkan piawaian integriti yang tinggi. Garis panduan ini mewujudkan program dan kawalan yang mantap dan lengkap bagi Kumpulan dan juga menyetujui peranan dan tanggungjawab pada setiap tahap bagi mengelak serta bertindak balas terhadap penipuan.

- Maklumat Terkini dan Komunikasi mengenai Prinsip Pengurusan Risiko, Dasar, Prosedur dan Amalan**

Prinsip pengurusan risiko, dasar, prosedur dan amalan disemak dan dikemaskini dengan kerap untuk memastikan ia relevan dan mematuhi undang-undang dan peraturan semasa dan boleh digunakan. Ia juga disediakan dan diberi maklum kepada semua kakitangan. Kumpulan turut menggunakan dasar

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Tahun Kewangan berakhir pada 31 Disember 2015

memberi maklumat, menyediakan saluran kepada kakitangan untuk membuat laporan terhadap penyelewengan yang berlaku atau yang disyaki, salah laku atau pencabulan dasar-dasar Kumpulan dan peraturan, dengan menggunakan pendekatan yang selamat dan sulit.

- Rangka Kerja Pemerolehan dan Kuasa Budi Bicara Bukan Kredit**
Rangka kerja yang jelas dengan had bidang kuasa yang sewajarnya telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk aktiviti pemerolehan & pelupusan aset, hapus kira operasi, derma, serta kelulusan perbelanjaan am dan operasi.
- Arahan Amalan Standard**
Dasar dan prosedur disediakan bagi memastikan pematuan terhadap kawalan dalaman serta undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Dasar dan prosedur ini dinyatakan dalam Arahan Amalan Piawai Kumpulan (SPI) dan dikemas kini dari semasa ke semasa sejajar dengan perubahan persekitaran perniagaan atau garis panduan kawal selia. SPI ini disiarkan di dalam portal komunikasi yang disediakan untuk semua kakitangan.
- Dasar dan Garis Panduan Sumber Manusia**
Dasar dan garis panduan mengenai pengambilan kakitangan dan kenaikan pangkat disediakan dalam Kumpulan untuk memastikan bahawa individu yang tepat dan sesuai dipilih untuk mengisi kekosongan jawatan. Program latihan rasmi sama ada secara bersemuka atau menerusi e-pembelajaran, penilaian prestasi separuh dan sepenuh tahun dan lain-lain prosedur yang wajar diletakkan untuk memastikan bahawa kakitangan diberikan latihan yang mencukupi dan berupaya untuk membolehkan mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan. Garis panduan yang wajar juga disediakan bagi penamatan kakitangan.
- Nilai Teras dan Kod Etika dan Tingkah Laku**
Nilai teras Kumpulan, T.I.G.E.R. (Kerja Berpasukan, Integriti, Kemajuan, Kecemerlangan dan Keberkesanan, Menjalini Perhubungan) merupakan prinsip panduan yang penting untuk memacu etika tingkah laku. Ia seterusnya dilengkapi dengan Kod Etika dan Perilaku yang menetapkan prinsip yang padu dan standard amalan baik yang dipatuhi semua.

AUDIT DALAMAN

Fungsi Audit Dalaman

Fungsi Audit Dalaman berpandukan Piagam Audit dengan Ketua Eksekutif Audit Kumpulan (GCAE) melaporkan terus kepada ACB Bank serta kepada Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (GPCEO). Fungsi ini bebas daripada aktiviti atau operasi lain-lain unit. Audit Dalaman akan menyemak secara kerap operasi Kumpulan dan sistem kawalan dalaman untuk memeriksa dan menilai kecukupan dan keberkesanan kawalan kewangan dan operasi. Risiko-risiko penting dan amalan tidak memenuhi pematuan yang memberi kesan kepada Kumpulan diketengahkan dan cadangan penambahbaikan berkenaan disediakan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan risiko, sistem kawalan dalaman dan proses tadbir urus. Pengurusan memastikan tindakan pemuliharaan diambil dengan segera, mencukupi dan berkesan. Laporan status penemuan audit juga dibentangkan kepada ACB dan IAC dengan kerap untuk pertimbangan dan pengesanan.

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (ACB)

ACB merupakan Jawatankuasa Lembaga yang ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah untuk membantu dalam pelaksanaan tadbir urus dan pengawasan tanggungjawab terhadap Fungsi Audit Dalaman seperti yang ditugaskan oleh Lembaga Pengarah dan ini termasuk penilaian kawalan dalaman Kumpulan melalui fungsi Audit Dalaman. ACB bertemu pada

masa yang ditetapkan untuk menyemak penemuan yang dikenalpasti dalam laporan dan penyiasatan yang disediakan oleh Audit Dalaman. Minit mesyuarat ACB kemudiannya akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah. Maklumat lanjut mengenai aktiviti yang dijalankan oleh ACB dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit, yang dinyatakan dalam muka surat 166 hingga 171.

Jawatankuasa Audit Dalaman

IAC merupakan Jawatankuasa pengurusan yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan (GCFO) dan terdiri daripada wakil-wakil kanan dari barisan perniagaan yang berbeza. IAC bermesyuarat pada masa yang ditetapkan untuk membincangkan semua laporan hasil penemuan serta penyiasatan dan memutuskan tindakan bersesuaian yang diperlukan. Jika perlu, wakil dari pihak yang sedang diaudit akan diminta menghadiri mesyuarat IAC bagi membincangkan lebih terperinci dan menyelesaikan masalah dengan segera. Minit mesyuarat IAC kemudiannya akan dibentangkan kepada ACB bersama dengan laporan audit. IAC juga menyusuli sebarang tindakan yang diputuskan oleh ACB.

JAMINAN PIHAK PENGURUSAN

Lembaga telah menerima jaminan yang munasabah daripada Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan bahawa pengurusan risiko Kumpulan dan sistem kawalan dalaman beroperasi dengan cukup baik dan berkesan dalam semua aspek material dalam tahun kewangan yang dikaji, dan sehingga tarikh kelulusan Penyata ini untuk dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan berdasarkan kepada pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman yang digunakan oleh Kumpulan. Dengan mengambil kira jaminan daripada Pengurusan dan input daripada penyedia jaminan yang berkaitan, Lembaga berpendapat bahawa pengurusan risiko Kumpulan dan sistem kawalan dalaman beroperasi secukupnya dan berkesan untuk melindungi pelaburan pemegang saham dan aset syarikat.

ULASAN PENYATA JURUAUDIT LUAR

Juruaudit luar telah membuat semakan mengenai Penyata Kawalan Dalaman ini untuk dimuatkan ke dalam laporan tahunan berakhir pada 31 Disember 2015. Juruaudit luar mengendalikan semakan ini selaras dengan Cadangan Panduan Amalan 5 (Pindaan): Panduan untuk Juruaudit bagi Ulasan Penyata Pengarah mengenai Kawalan Dalaman (RPG 5) yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. Semakan ini telah dijalankan bagi menilai sama ada Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman telah disokong oleh kedua-dua dokumen yang telah disediakan oleh atau untuk para Pengarah dan secara wajarnya mencerminkan proses-proses yang digunakan oleh para Pengarah dalam mengkaji semula kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman Kumpulan tersebut. RPG 5 tidak memerlukan juruaudit luar untuk mempertimbangkan sama ada Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman Pengarah merangkumi semua risiko dan kawalan, atau untuk membentuk satu pendapat tentang keberkesanan prosedur risiko dan kawalan Kumpulan. RPG 5 juga tidak memerlukan juruaudit luar untuk mempertimbangkan sama ada proses untuk berdepan dengan aspek kawalan dalaman yang penting bagi sebarang perkara besar yang didedahkan di dalam laporan tahunan, sebenarnya mengurangkan risiko yang telah dikenalpasti atau memulihkan masalah yang akan timbul. Berdasarkan kepada ulasan mereka, juruaudit luar telah melaporkan kepada Lembaga Pengarah bahawa tiada perkara yang timbul pada pemerhatian mereka, yang boleh menyebabkan mereka percaya bahawa Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman ini tidak konsisten dengan pemahaman mereka berkaitan proses-proses yang telah digunakan oleh Lembaga Pengarah di dalam kajian semula mengenai kecukupan dan integriti kawalan dalaman Kumpulan.

Laporan Jawatankuasa Audit

Ahli Jawatankuasa Audit Maybank:



Tan Sri Datuk Dr. Hadenan A. Jalil
(Pengerusi)



Dato' Johan Ariffin
(ahli)



En. Cheng Kee Check
(ahli)



Datuk R. Karunakaran
(ahli)

A. KOMPOSISI DAN TERMA RUJUKAN

Komposisi

- Jawatankuasa dilantik oleh Lembaga Pengarah daripada kalangan pengarah-pengarah bukan eksekutif dan haruslah mempunyai sekurang-kurangnya tiga orang ahli. Pengerusi dan majoriti daripada Ahli Jawatankuasa Audit mestilah merupakan pengarah-pengarah bebas dan sekurang-kurangnya seorang daripada mereka mestilah:
 - merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA); atau
 - jika bukan ahli MIA, beliau mesti mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja; dan
 - beliau mesti telah lulus peperiksaan yang dikhususkan di bawah Bahagian 1 Jadual Pertama Akta Akauntan, 1967; atau
 - beliau mestilah seorang ahli bagi satu (1) daripada persatuan akauntan yang telah dikhususkan di bawah Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan, 1967.
 - memenuhi keperluan lain seperti yang ditetapkan atau diluluskan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia).
- Sekiranya terdapat kekosongan dalam jawatankuasa audit hingga mengakibatkan ketidakpatuhan dengan syarat di atas, kekosongan itu hendaklah diisi dalam masa tiga (3) bulan.
- Apabila Pengerusi tidak dapat menghadiri mesyuarat, ahli-ahli hendaklah melantik salah seorang daripada mereka sebagai Pengerusi.
- Semakan semula keahlian mesti dilakukan sekali setiap tiga (3) tahun. Semakan semula ini adalah berkenaan dengan terma-terma penjawatan dan prestasi ahli.

Mesyuarat

- Mesyuarat harus diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan atau mengikut kekerapan yang akan diputuskan oleh Jawatankuasa. Jawatankuasa boleh menjemput mana-mana individu untuk menghadiri mesyuarat bagi membantu perbincangannya. Sekurang-kurangnya setahun sekali, Jawatankuasa akan mengadakan pertemuan dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak pengurusan kanan.
- Jawatankuasa akan mengawal selia prosedur sendiri terutamanya yang berkaitan dengan panggilan mesyuarat, notis yang perlu diberikan untuk mengadakan mesyuarat-mesyuarat tersebut, pengundian serta perjalanan mesyuarat, penyimpanan minit-minit mesyuarat serta penjagaan, penerbitan dan pemeriksaan minit-minit tersebut.

- Atas permintaan juruaudit luar, suatu mesyuarat akan diadakan untuk menimbang apa jua perkara yang difikirkan yang perlu diberi perhatian oleh para pengarah dan pemegang saham.

Korum

Korum terdiri daripada dua (2) orang yang mana kedua-duanya perlu merupakan pengarah bebas.

Setiausaha

Penasihat Perundangan Kumpulan & Setiausaha Syarikat, Encik Wan Marzimin Wan Muhammad adalah Setiausaha kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (ACB).

Bidang Kuasa

Jawatankuasa diberikan kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk:

- Menyiasat apa jua aktiviti atau perkara di dalam lingkungan terma-terma rujukan.
- Memiliki sumber yang diperlukan untuk melaksanakan tugas.
- Memiliki akses penuh dan tidak terhad kepada apa jua maklumat dan dokumen yang melibatkan aktiviti.
- Memiliki saluran komunikasi langsung dengan juruaudit luar, individu yang terlibat dalam mengendalikan fungsi dan aktiviti audit dalaman dan Pengurusan Kanan Bank dan serta subsidiarinya.
- Melaporkan dengan segera kepada Bursa Malaysia mengenai perkara-perkara yang tidak dapat diselesaikan dengan cara yang memuaskan, yang melanggar Keperluan Penyenaraian.
- Mendapatkan khidmat nasihat perundangan atau profesional bebas lain dan mendapatkan khidmat pihak luar yang mempunyai pengalaman dan kepakaran perlu.
- Mengadakan mesyuarat dengan juruaudit dalaman dan/atau luaran, tanpa kehadiran para pengarah dan kakitangan lain, apabila difikirkan perlu.
- Menjalankan atau melaksanakan apa-apa aktiviti lain sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa atau yang diberikan oleh Lembaga dari masa ke semasa.

Laporan Jawatankuasa Audit

B. TUGAS & TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit seharusnya termasuk mengkaji, menilai dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah mengenai yang berikut:

1. Audit Dalam

- Mengkaji dan meluluskan skop audit dalaman dan pelan audit yang meliputi operasi tempatan dan luar negara, kelengkapan skop, fungsi dan sumber fungsi audit dalaman dan sama ada ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya.
- Mengkaji dan menilai laporan audit dalaman serta laporan siasatan dan sama ada tindakan sewajarnya diambil terhadap cadangan fungsi audit dalaman.
- Menilai dan meluluskan pelantikan dan pemberhentian Ketua Eksekutif Audit Kumpulan.
- Mengkaji dan menilai prestasi kakitangan kanan audit dalaman, termasuk imbuhan dan kenaikan gaji tahunan.
- Untuk mengambil tahu tentang peletakan jawatan kakitangan audit dalaman dan sebab peletakan jawatan.

2. Audit Luar

- Mengkaji pelantikan, penamatan dan peletakan jawatan juruaudit luar dan yuran audit, dan membuat saranan yang sewajarnya kepada Lembaga mengenai perkara yang sama, sebagaimana difikirkan perlu oleh Jawatankuasa.
- Meluluskan skop audit luar dan pelan audit juruaudit luar merangkumi operasi tempatan dan luar negara, setakat yang diizinkan oleh undang-undang, kaedah dan peraturan yang berkenaan bagi setiap bidang kuasa di mana Kumpulan beroperasi.
- Mengkaji prestasi juruaudit luar dan menilai kelayakan, kepakaran, sumber dan keberkesanan mereka, termasuk penilaian objektif dan prestasi.
- Mengkaji kebebasan juruaudit luar, kecuali semakan terhadap juruaudit luar yang dilantik oleh entiti operasi yang telah menubuhkan jawatankuasa audit mereka sendiri yang juga akan mengkaji semula kebebasan juruaudit luar masing-masing.
- Mengkaji penilaian terhadap kecukupan dan kecekapan sistem kawalan dalaman oleh juruaudit luar.
- Mengkaji Memorandum Cadangan oleh juruaudit luar dan maklum balas pihak Pengurusan termasuk status cadangan audit yang terdahulu.
- Mengkaji bantuan yang diberikan oleh pegawai-pegawai Kumpulan kepada juruaudit luar dan sebarang kesulitan yang dihadapi dalam menjalankan kerja audit, termasuk sekatan terhadap skop aktiviti atau akses kepada maklumat yang diperlukan.
- Meluluskan perkhidmatan bukan audit yang disediakan oleh juruaudit luar.

3. Laporan Kewangan

Mengkaji penyata kewangan suku tahun dan akhir tahun dengan memberi tumpuan, khususnya kepada kebolehpercayaan terhadap maklumat yang dinyatakan, perubahan dalam dasar perakaunan, peristiwa penting dan luar biasa serta mematuhi standard perakaunan dan keperluan undang-undang lain.

4. Transaksi Pihak Yang Berkaitan

Mengkaji mana-mana transaksi pihak berkaitan dan konflik kepentingan yang mungkin timbul dalam Bank dan Kumpulan termasuk transaksi, prosedur atau perilaku yang menimbulkan persoalan mengenai integriti pihak Pengurusan.

5. Laporan Tahunan

- Mengkaji dan meluluskan "Laporan Jawatankuasa Audit" untuk dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan, setiap tahun.
- Mengkaji Kenyataan Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman tahunan untuk dimasukkan ke dalam laporan tahunan.

6. Penyiasatan

Mengarahkan penyiasatan terhadap apa jua aktiviti atau perkara dalam lingkungan terma rujukannya.

7. Perkara-perkara lain

Bertindak ke atas perkara-perkara lain yang dianggap perlu atau yang diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah.

C. AKTIVITI ACB SEPANJANG TAHUN

Kehadiran mesyuarat

Sebanyak 14 mesyuarat ACB telah diadakan sepanjang tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2015 dan kehadiran bagi setiap ahli ACB adalah seperti yang berikut:

Komposisi dan Nama Ahli Jawatankuasa	Bilangan mesyuarat yang dihadiri sepanjang tempoh yang dikaji
1. Tan Sri Datuk Dr. Hadenan A. Jalil (Pengerusi)* - Dilantik pada 15/7/2009 - Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	9/14
2. Dato' Johan Ariffin (ahli) - Dilantik pada 26/8/2009 - Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	14/14
3. Mr. Cheng Kee Check (ahli) - Dilantik pada 1/12/2014 - Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	14/14
4. Datuk R. Karunakaran - Dilantik pada 10/8/2015 - Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	5/5
5. En. Cheah Teik Seng (ahli) - Bersara berkuatkuasa 25/8/2015 - Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	10/10
6. En. Erry Riyana Hardjapamekas (ahli) - Bersara berkuatkuasa 24/6/2015 - Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	6/8

* Tan Sri Datuk Dr. Hadenan tidak hadir dalam mesyuarat berikutan masalah kesihatan. Mengikut terma rujukan Jawatankuasa, para ahli telah melantik Dato' Johan untuk mempengerusikan mesyuarat berkenaan, sepanjang ketiadaan Tan Sri Datuk Dr. Hadenan.

Laporan Jawatankuasa Audit

Sejajar dengan Keperluan Penyenaian Bursa Malaysia, ACB Maybank terdiri daripada empat (4) pengarah bukan eksekutif dan dipengerusikan oleh Tan Sri Datuk Dr. Hadenan A. Jalil yang merupakan pengarah bebas. Dalam tempoh yang dikaji, Datuk R. Karunakaran (bebas) dan En. Cheng Kee Check (bukan bebas) telah dilantik sebagai ahli ACB yang baharu berikutan peletakan jawatan En. Cheah Teik Seng dan En. Erry Riyana Hardjapamekas.

Dengan perubahan keahlian ini, ACB kini terdiri daripada tiga (3) pengarah bebas dan seorang (1) pengarah bukan bebas. Ini telah memenuhi Keperluan Penyenaian Bursa Malaysia bahawa majoriti ahli ACB mestilah terdiri daripada pengarah bebas.

Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan (GCFO) telah dijemput menghadiri kesemua mesyuarat ACB untuk memudahcara perbincangan dan juga memberikan penjelasan terhadap isu berkaitan audit. Pengurusan yang terlibat dengan audit juga dijemput untuk menyediakan penerangan kepada ACB terhadap kecuaiian kawalan tertentu dan isu-isu yang timbul daripada laporan audit yang berkaitan. Ketua Eksekutif Kumpulan Audit (GCAE) dan Ketua-ketua Jabatan fungsi Audit Kumpulan masing-masing telah menghadiri mesyuarat ACB untuk membentangkan laporan audit dalaman masing-masing, manakala juruaudit luaran telah dijemput untuk membincangkan Surat Pengurusan, Memorandum Perancangan Audit (APM) dan perkara-perkara mereka yang lain yang berkenaan. Selain daripada mesyuarat yang dijadualkan, ahli-ahli ACB juga menghadiri satu (1) sesi dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan.

ACB bertemu untuk membincang dan mengkaji keputusan kewangan suku tahun belum diaudit dan penyata kewangan audit tahunan bagi Bank dan Kumpulan Maybank. Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (GPCEO) dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan (GCFO) telah dijemput untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat berkenaan, bersama dengan juruaudit luar.

Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dalam tempoh kewangan yang dikaji, ACB telah mengendalikan aktiviti-aktiviti yang berikut:

Audit Dalaman

1. Meluluskan Pelan Audit Tahunan Kumpulan bagi Tahun Kewangan 2015 bagi memastikan skop liputan yang mencukupi dan sumber-sumber juga mencukupi bagi membolehkan audit dalaman melaksanakan dan mengendalikan fungsi mereka dengan berkesan.
2. Meluluskan Pelan Audit Tahunan Kumpulan Disemak Semula setiap setengah tahun untuk memastikan pelan ini kekal relevan memandangkan perubahan dalam persekitaran perniagaan dan juga permintaan daripada pihak pengawal selia, ACB dan Pengurusan.
3. Meneliti laporan bulanan prestasi audit mengenai status dan kemajuan tugas audit dalaman terhadap Pelan Audit yang diluluskan serta pengambilan, pertukaran dan peletakan jawatan kakitangan audit dalaman.
4. Meluluskan Carta Organisasi Audit Dalaman yang disemak semula yang timbul daripada penyusunan semula organisasi jabatan dalam Audit. Pelantikan jawatan penting dalam Audit Dalaman seperti yang disyorkan oleh GCAE yang timbul daripada Carta Organisasi yang disemak semula ini juga dibincangkan dan diluluskan oleh ACB.

5. Meluluskan Program Juruaudit Jemputan yang mana pakar daripada fungsi perniagaan dan sokongan dalam Kumpulan diundang untuk tugas audit yang singkat. Ini menggalakkan pemindahan pengetahuan dua hala di mana juruaudit jemputan boleh mendapatkan pemahaman yang lebih baik mengenai operasi perniagaan dari perspektif kawalan manakala juruaudit dalaman boleh meningkatkan pengetahuan teknikal mengenai perniagaan.
6. Membincangkan keputusan Kad Skor Seimbang (BSC) GCAE bagi tahun kewangan 2014 dan meluluskan pencapaian BSC.
7. Meluluskan penetapan matlamat GCAE bagi tahun kewangan 2015.
8. Meluluskan ganjaran berkaitan prestasi terhadap kakitangan Audit Dalaman termasuk GCAE bagi TK2014 berdasarkan kepada matriks yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
9. Membincangkan jurang prestasi dan kawalan yang dikemukakan dalam laporan audit dalaman, cadangan audit dan maklum balas Pengurusan terhadap kawalan kelemahan dan cadangan. Di mana perlu, mengarahkan GCFO untuk mengetengahkan kelemahan kawalan dan cadangan kepada EXCO Kumpulan untuk perbincangan.
10. Mengkaji laporan suku tahun "Status Pembetulan Penemuan Audit" dan membincangkan tindakan yang akan dilaksanakan oleh pihak Pengurusan bagi membetulkan keadaan dan masa yang diambil untuk memastikan kelemahan kawalan ditangani dan diselesaikan.
11. Mengkaji laporan audit yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia dan juga maklum balas pihak Pengurusan terhadap saranan Pengawal Selia, tindakan pemulihan yang diambil dan komitmen tempoh masa untuk membetulkan jurang berkenaan.
12. Menyemak minit mesyuarat ACB syarikat subsidiari untuk ulasan sistem pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman syarikat-syarikat subsidiari.
13. Menyemak minit mesyuarat Jawatankuasa Audit Dalaman (IAC) untuk ulasan mengenai perbincangan dan tindakan pemulihan yang diambil oleh Pengurusan terhadap kelemahan kawalan yang dikemukakan oleh juruaudit dalaman.
14. Mengarahkan siasatan diambil terhadap aktiviti atau perkara dalam bidang tugasannya.
15. Meluluskan Laporan Jawatankuasa Audit bagi TK2014 untuk dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan.
16. Menyemak dan meluluskan Penyata Pengurusan Risiko Pengarah dan Kawalan Dalaman bagi TK2014 untuk dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
17. Meluluskan Garis Panduan Tempoh Masa Pembetulan Penemuan Audit bagi memastikan penemuan audit diberikan perhatian secukupnya dan sewajarnya untuk dipulihkan sejajar dengan pendedahan risiko penemuan audit.

Laporan Jawatankuasa Audit

Pelaporan Kewangan

18. Mengkaji keputusan kewangan Bank dan Kumpulan Maybank suku tahun yang belum diaudit dan penyata kewangan tahunan telah diaudit untuk memastikan bahawa keperluan laporan kewangan dan pendedahan telah mematuhi standard perakaunan, dengan tumpuan khas terhadap perubahan dalam dasar perakaunan, serta peristiwa atau transaksi besar dan luar biasa.

Audit Luar

19. Semakan bersama juruaudit luar:

- APM menumpukan terhadap skop kerja bagi tahun kewangan yang turut meliputi bidang atau skop baharu penekanan audit seperti perubahan dalam undang-undang dan peraturan (contohnya, pelaksanaan GST), skop audit pelbagai lokasi, skop baharu yang meliputi audit sistem baru (contohnya, sistem Datamart), tempoh masa audit dan fi audit berkanun; dan
- Keputusan audit berkenaan, laporan audit yang relevan dan Surat Pengurusan bersama dengan maklum balas Pengurusan atau komen terhadap penemuan audit.

20. Mengkaji kesesuaian dan kebebasan juruaudit luar selaras dengan Dasar pada Pelantikan Juruaudit Luar Berkanun bagi Peruntukan Audit Berkanun dan Perkhidmatan Bukan Audit (dasar) yang diterima pakai sejak Disember 2011 dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan semula mereka. Dasar ini adalah selaras dengan Garis Panduan BNM mengenai Juruaudit Luar.

Penilaian bebas dan prestasi juruaudit luar dilakukan setiap tahun mengikut prosedur seperti berikut:

- Menyemak perilaku profesional juruaudit luar dengan mengambil kira maklumat yang ada daripada sumber awam atau bebas. Semakan ini dijalankan untuk memastikan:
 - i) Juruaudit luar yang dilantik adalah juruaudit berdaftar dengan Lembaga Pengawasan Audit;
 - ii) Juruaudit luar yang dilantik ini tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang melibatkan penipuan atau tidak jujur; dan
 - iii) Rakan setugas tidak pernah mempunyai sebarang rekod tindakan tatatertib yang dikenakan terhadapnya bagi perilaku tidak profesional.
- Menilai tahap pengetahuan, keupayaan dan pengalaman audit juruaudit luar dengan mengkaji yang berikut:
 - i) Maklumat peribadi rakan setugas dan rakan sependapat;
 - ii) Senarai entiti kepentingan awam dalam sektor perkhidmatan kewangan telah diaudit oleh rakan setugas dan rakan sependapat dalam tempoh dua (2) tahun lepas;
 - iii) Tahun pengalaman rakan setugas dalam mengaudit institusi kewangan; dan
 - iv) Jumlah hari yang diluahkan oleh rakan setugas dan rakan sependapat dalam audit lepas.

- Menilai prestasi juruaudit luar dengan mengkaji kualiti audit sebelumnya atau kerja yang telah dilakukan oleh juruaudit luar dan tahap penglibatan juruaudit luar bersama ACB. Berdasarkan penilaian, juruaudit luar telah mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan dengan ACB seperti yang ditunjukkan di bawah:

- i) Juruaudit luar telah memaklumkan ACB menerusi Laporan Jawatankuasa Audit bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2014 pada 28 Januari 2015 dan 17 Mac 2015;
- ii) Memorandum cadangan yang muncul daripada audit penyata kewangan bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2014 telah dibentangkan kepada ACB oleh juruaudit luar pada 24 Jun 2015;
- iii) Pada 30 Julai 2015, juruaudit luar telah mengemukakan kepada ACB mengenai Laporan Jawatankuasa Audit terhadap penyata pendapatan Bank belum diaudit untuk semakan terhad bagi tempoh enam bulan yang berakhir pada 30 Jun 2015; dan
- iv) Laporan APM berkenaan penyata kewangan audit bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2015 telah dikemukakan kepada ACB oleh juruaudit luar pada 20 Oktober 2015.

- Menilai prestasi juruaudit luar dengan mengkaji semula ketepatan masa serahan perkhidmatan. Juruaudit luar dapat melengkapkan audit bagi Bank dan Kumpulan Maybank dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti yang ditunjukkan di bawah:

- i) Penyata kewangan telah diaudit pada 31 Disember 2014 telah ditandatangani oleh juruaudit luar pada 26 Februari 2015;
- ii) Laporan bagi semakan terhad bagi tempoh kewangan berakhir 30 Jun 2015 telah ditandatangani oleh juruaudit luar pada 30 Julai 2015; dan
- iii) Tiada kesilapan audit lampau oleh juruaudit luar dalam penglibatan jaminan yang lalu.

- Menilai kebebasan dan objektiviti juruaudit luar dengan mengkaji yang berikut:

- i) Senarai khidmat nasihat yang diberikan oleh rakan setugas dan rakan sependapat dalam tempoh dua (2) tahun lalu;
- ii) Penemuan audit nilai tambah yang dibangkitkan oleh juruaudit luar dalam penyata kewangan audit baru-baru ini bagi Bank dan Kumpulan Maybank;
- iii) Pengisytiharan berkanun oleh rakan sepenglibatan yang mengesahkan bahawa beliau tiada perhubungan dengan, atau kepentingan dalam saham Bank;
- iv) Rakan sepenglibatan yang sedia ada tidak berkhidmat untuk Bank dan Kumpulan Maybank secara berterusan untuk tempoh lima (5) tahun; dan
- v) Juruaudit luar diperlukan untuk mengesahkan pematuhan terhadap Kod Perilaku yang mengetengahkan kepentingan untuk mengekalkan objektiviti dan kebebasan dalam asas suku tahun atau tahunan.

21. Mengkaji jaminan bertulis yang disediakan oleh juruaudit luar berkenaan kebebasan mereka.

Laporan Jawatankuasa Audit

22. Meluluskan pelantikan juruaudit luar untuk peruntukan perkhidmatan bukan audit. ACB telah memberi pertimbangan terhadap kriteria kualitatif dan kuantitatif sebelum meluluskan pelantikan juruaudit luar bagi peruntukan perkhidmatan bukan audit kepada Bank dan Kumpulan Maybank. Kriteria kualitatif dan kuantitatif berkenaan adalah seperti berikut:

- Menilai profesionalisme, kepakaran, kecukupan pengetahuan dan pengalaman juruaudit luar yang berkenaan;
- Mempertimbangkan konflik kepentingan yang akan timbul jika perkhidmatan bukan audit dilaksanakan oleh juruaudit luar;
- Mengkaji sebutan fi oleh firma audit lain dan juruaudit luar untuk perkhidmatan bukan audit; dan
- Memastikan sebutan fi oleh juruaudit luar untuk perkhidmatan bukan audit sepadan dengan skop perkhidmatan bukan audit.

Skim Saham Kakitangan (ESS)

23. Mengkaji peruntukan ESS bagi memastikan bahawa ia selari dengan matriks yang telah diluluskan.

Transaksi Pihak Berkaitan (RPT)

24. Mengkaji laporan transaksi pihak berkaitan dan membincangkan mengenai kaedah transaksi dan pendedahan yang betul telah dibuat selaras dengan keperluan penyenaaran.

Latihan Para Pengarah

25. Dalam tahun yang dikaji, Jawatankuasa yang berkenaan telah menghadiri pelbagai latihan dan maklumat mengenai latihan-latihan ini telah dilaporkan di bawah Penyata Tadbir Urus Korporat dari muka surat 154 hingga 155.

D. FUNGSI AUDIT DALAMAN

Kebebasan

Fungsi Audit Dalaman Kumpulan Maybank dilaksanakan secara dalaman untuk membantu Lembaga Pengarah mengawasi pihak Pengurusan dalam menyediakan pengurusan risiko, kawalan dalaman serta sistem tadbir urus yang kukuh. Fungsi Audit Dalaman adalah berpandukan Piagam Audit dengan GCAE melaporkan terus kepada ACB Bank serta kepada GPCEO, dan bebas daripada aktiviti atau operasi unit-unit lain. Jumlah kos yang ditanggung untuk mengekalkan fungsi Audit Dalaman bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 adalah kira-kira RM63.2 juta, yang kebanyakannya terdiri daripada gaji, perjalanan, perbelanjaan penginapan dan elaun sara hidup bagi tugas audit.

Lokasi	RM (juta)
Malaysia	32.7
Serantau	30.5
Jumlah Kumpulan	63.2

Tanggungjawab Utama

Tanggungjawab utama Audit Dalaman adalah untuk menjalankan ujian berkala ke atas keberkesanan dan kecukupan rangka kerja pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa rangka kerja dan sistem tersebut terus beroperasi dengan cekap dan berkesan. Aktiviti audit dalaman dijalankan berdasarkan kepada pelan audit berasaskan risiko yang merangkumi kedua-dua aktiviti jaminan dan perundingan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Audit. Skop liputan merangkumi semua unit dan operasi Bank dan Kumpulan. Dalam usaha untuk melaksanakan fungsinya dengan berkesan, juruaudit akan dihantar secara berterusan menjalani latihan untuk melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan produk dan kemahiran yang diperlukan terutamanya dalam bidang Syariah, Perbendaharaan, Kredit, Perbankan Pelaburan, Teknologi Maklumat dan Insurans & Takaful.

Fungsi Audit Dalaman bagi operasi Maybank dan syarikat-syarikat subsidiarinya disusun mengikut asas Kumpulan. Fungsi Audit Dalaman bagi setiap syarikat subsidiari di Filipina, Indonesia, Singapura, Thailand dan Kemboja diatur dengan baik dan disokong oleh kumpulan Audit Dalaman tempatan dengan tanggungjawab langsung kepada Jawatankuasa Lembaga Audit/Pengawal seliaan bagi syarikat-syarikat subsidiari yang berkenaan. Sokongan teknikal dan latihan dalam bidang audit tertentu seperti kredit, perbendaharaan, perbankan Islam, teknologi maklumat, pengurusan aset dan perbankan pelaburan, disediakan oleh Audit Kumpulan, di mana perlu bagi memastikan keseragaman dalam guna pakai standard dan proses-proses dan ujian pengauditan.

Laporan-laporan audit yang memberikan hasil audit yang dijalankan dari segi risiko pengurusan unit tersebut, keberkesanan operasi kawalan-kawalan dalaman, pematuhan keperluan-keperluan dalaman serta pengawalan dan keseluruhan pengurusan unit, diserahkan kepada Jawatankuasa Audit masing-masing untuk semakan semula. Isu-isu kawalan utama, risiko-risiko ketara serta usul-usul adalah diketengahkan, bersama dengan jawapan serta pelan tindakan pihak Pengurusan untuk penambahbaikan dan/atau pembedahan, di mana sesuai. Ini membolehkan Jawatankuasa Audit melakukan fungsi kawal selia dengan membentuk satu pendapat mengenai kecukupan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Pengurusan. Di mana sesuai dan berkenaan, ACB mengarahkan pengurusan untuk mengambil tahu tentang isu-isu yang dibangkitkan dan mewujudkan langkah-langkah yang perlu untuk mengukuhkan sistem kawalan dalaman berdasarkan cadangan Audit Dalaman.

Semua aktiviti audit dikendalikan selari dengan matlamat dan dasar Bank; sejajar dengan undang-undang dan peraturan. Ini juga sejajar dengan pematuhan dasar dan garis panduan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti dan yang dinyatakan dalam Kod Etika dan Standard Antarabangsa bagi Amalan Profesional Audit Dalaman (Standard) yang dikeluarkan oleh Institut Audit Dalaman (IIA).

Laporan Jawatankuasa Audit

Untuk mengekalkan kualiti fungsi Audit Dalaman dan sejajar dengan amalan terbaik, Program Jaminan Kualiti dan Penambahbaikan (QAIP) digunakan untuk menilai kualiti proses audit. QAIP merupakan penilaian berterusan dan berkala serta meliputi spektrum keseluruhan aktiviti audit dalaman. Program ini menilai kecekapan dan kebekersanan proses audit. Cadangan yang sewajarnya dan peluang-peluang untuk penambahbaikan akan dikenalpasti menerusi penilaian dalaman dan luaran. Penilaian dalaman dikendalikan setiap enam bulan oleh pasukan Jaminan Kualiti bebas dalam Audit Dalaman di bawah penyeliaan langsung GCAE, manakala penilaian kualiti luaran pula dikendalikan oleh penilai babas yang bertauliah setiap lima (5) tahun sekali. Bidang-bidang yang dikenalpasti untuk penambahbaikan daripada penilaian dalaman dan luaran ini akan dibentangkan dan dibincangkan pada mesyuarat Pengurusan IA untuk dibangunkan dengan pelan tindakan. Keputusan penilaian dalaman dan luaran ini akan turut dibentangkan kepada ACB untuk dibincangkan dan makluman.

Berikut adalah aktiviti yang dijalankan oleh Audit Dalaman dalam tahun kewangan 2015:

1. Melaksanakan Rangka Kerja COSO di Malaysia dan buat pertama kalinya di rantau di Filipina, Kemboja dan Vietnam bagi menilai kawalan dalaman. Rangka Kerja ini memastikan pendekatan yang lebih menyeluruh dan berstruktur untuk menilai kawalan formal (keras) dan tidak formal (lembut) dan juga menyediakan komunikasi yang lebih baik dengan Pengurusan untuk meningkatkan pemahaman mereka tentang konsep kawalan, justeru meningkatkan kecekapan operasi.
2. Menyediakan Pelan Audit Tahunan (AAP) menggunakan pendekatan berasaskan risiko, dengan mengambil kira rancangan pengembangan perniagaan Kumpulan serta input daripada Pengurusan Kanan dan ACB. AAP telah dibentangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit.
3. Mengendalikan ujian berkala terhadap unit perniagaan, operasi dan proses-proses yang telah dikenalpasti dalam pelan audit tahunan dan menyediakan penilaian bebas dan jaminan objektif terhadap kecukupan dan kecekapan pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus unit yang telah diaudit. Bidang-bidang yang diuji dalam tahun kewangan, antara lain, termasuk Saluran Pengedaran (Cawangan, Perbankan Internet dan Terminal Layan Diri), Infrastruktur Maklumat Teknologi serta Sekuriti, Sekuriti Siber, Enkripsi Media, Perniagaan Perbendaharaan, Tajajamin, dan sebagainya. Laporan Audit yang menyediakan keputusan audit yang dikendalikan beserta dengan pemerhatian audit terperinci, maklum balas pengurusan terhadap pemerhatian audit dan cadangan Audit Dalaman bagi memperbaiki dan meningkatkan sistem kawalan dalaman yang sedia ada dan prosedur kerja/pemprosesan, di mana perlu, telah dikeluarkan kepada para pengaudit, Pengurusan Kanan dan ACB.
4. Mengendalikan ulasan serantau (termasuk syarikat subsidiari luar negara dan cawangan) mengenai bidang kritikal seperti Pemetaan Barisan Perniagaan (BLM) bagi Operasi Caj Modal Risiko, Pengurusan Risiko Operasi, Perbankan Internet, Mesin Juruwang Automatik (ATM) Global, Ujian Tekanan, dan sebagainya bagi menyediakan penilaian menyeluruh tentang kawalan dari sudut pandangan Kumpulan. Ulasan bersama ini membolehkan kesedaran di kalangan pasukan Audit Dalaman serantau terhadap dasar dan amalan Kumpulan, mempercepatkan pemindahan pengetahuan dari Kumpulan Audit Dalaman dengan fungsi IA serantau, serta menyediakan bekalan sumber tenaga yang berkeupayaan kepada perniagaan dan fungsi sokong Kumpulan.
5. Menyediakan ulasan bebas dan objektif terhadap kecukupan dan kewajaran untuk menguatkuasakan kawalan dalaman bagi mengurangkan pendedahan risiko dalam pengenalan produk dan pelaksanaan sistem IT baru.
6. Mengambil bahagian dalam latihan Pengurusan Kesenambungan Perniagaan seperti Latihan Simulasi Krisis Enterpris, Operasi Pengasingan Langsung Perbendaharaan serta Pemulihan Bencana Langsung dan Latihan Simulasi melibatkan seluruh Bank dan Subsidiari untuk mengukur dan menilai kesiediaan perniagaan/sistem untuk meneruskan/pulih (sekiranya bencana) dalam tempoh masa yang dipersetujui.
7. Mengkaji semula tahap pematuhan dengan dasar dan prosedur dan keperluan berkanun yang telah diwujudkan untuk memastikan unit perniagaan mematuhi kehendak dan apa jua ketidakpatuhan telah dikemukakan kepada Pengurusan untuk pemulihan.
8. Mengendalikan semakan penilaian kualiti dalaman dua (2) kali setahun bagi Audit Kumpulan dan tiga (3) semakan terhadap fungsi IA di syarikat subsidiari luar negara iaitu di Filipina (Maybank Filipina), Thailand dan Kemboja untuk menilai pematuhan mereka dengan Piawaian IIA serta mengenal pasti peluang dan menyediakan cadangan untuk penambahbaikan, di mana perlu.
9. Mengendalikan siasatan terhadap aktiviti atau perkara seperti yang diarahkan oleh ACB dan Pengurusan Kanan. Hasil penemuan daripada penyiasatan telah dibentangkan kepada IAC dan ACB.
10. Menyaksikan proses pembukaan tender untuk pemerolehan perkhidmatan atau aset bagi memastikan aktiviti dalam proses tender ini dijalankan secara adil, telus dan konsisten.
11. Mengendalikan tugas spontan dan semakan khas yang diarahkan oleh ACB.
12. Menyediakan Laporan Jawatankuasa Audit dan Penyata Pengurusan Risiko serta Kawalan Dalaman untuk Laporan Tahunan Syarikat bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2015.

Pengurusan Risiko & Pematuhan Kumpulan



DR JOHN LEE

Ketua Pegawai Risiko Kumpulan

“Pengurusan risiko telah berkembang dari masa ke masa daripada satu bidang yang agak mudah hinggalah menjadi kompleks. Untuk masa hadapan, kami perlu merancang untuk menguruskan risiko ‘tahu apa yang tidak diketahui’ dan bersedia untuk risiko ‘perkara tidak diketahui langsung.’”

Keutamaan Kami pada 2016

Risiko Kumpulan akan terus mewujudkan nilai dan menyokong objektif perniagaan Kumpulan dan pada masa yang sama kekal berwaspada:

- Meningkatkan keupayaan pengurusan risiko bukan kewangan dan terus mengembangkan keupayaan kawalan bagi risiko baru muncul.
- Terus memacu dan menginstitusikan budaya risiko dan pematuhan di seluruh Kumpulan sebagai asas tadbir urus dan pendekatan pengurusan risiko Kumpulan.
- Mengoptimumkan portfolio Kumpulan untuk memastikan ia terus mempunyai kedudukan modal yang kukuh, dan penggunaan modal dan sumber yang cekap bagi memenuhi objektif perniagaan dan pertumbuhan pendapatan jangka panjang yang mampan.

Sorotan Utama pada 2015

Risiko Kumpulan memberi tumpuan untuk mengukuhkan saranan nilai kepada perniagaan bagi menyokong keutamaan strategik Kumpulan:

- Menyokong enjin pertumbuhan perolehan Kumpulan menerusi analisis kedinamikan ganjaran-risiko.
- Meningkatkan produktiviti dan kecekapan menerusi peningkatan bakat yang berterusan serta meningkatkan amalan pengurusan modal.
- Menanamkan budaya inovasi dan mengukuhkan amalan pengurusan risiko Kumpulan.
- Menyokong aspirasi serantau Kumpulan menerusi peningkatan risiko dan budaya pematuhan serta amalan di seluruh operasi Kumpulan.

ULASAN 2015

Persekitaran operasi pada 2015 adalah mencabar di tengah-tengah lanskap ekonomi, kewangan dan risiko yang berubah. Kami melihat iklim ekonomi global menjadi semakin tidak menentu disebabkan pelbagai ketidakpastian. Ini termasuk ketidakpastian bila Rizab Persekutuan akan meningkatkan kadar faedah, dan ini menyebabkan lebih banyak ketidakpastian di pasaran yang telah sedia lemah. Kami turut menyaksikan kelemahan harga komoditi dan juga kelemahan ekonomi China. Selain ekonomi yang tidak menentu ini, teknologi terus mengubah industri perbankan dan kewangan, sekaligus membentuk tingkah laku pelanggan. Ini bermakna, untuk kekal berada di hadapan, institusi kewangan perlu menjadi lebih lincah dan tangkas untuk memberikan perkhidmatan lebih baik dan lebih pantas kepada pengguna masa kini. Pengawal selia juga terus meningkatkan kawalan, dengan memperkenalkan pelbagai peraturan dan ini telah menambahkan kepada tekanan pematuhan.

Justeru, lanskap risiko telah berubah daripada risiko ekonomi kepada risiko bukan berkaitan ekonomi, dengan risiko persekitaran dan sosial yang semakin membimbangkan. Dengan perkembangan yang berlaku, terdapat keperluan untuk kami meningkatkan usaha bagi memastikan integrasi lebih lancar dengan sektor perniagaan dan berusaha lebih kuat untuk memastikan pengurusan yang sewajarnya dalam mengurangkan risiko-risiko ini.

Sebagai sebahagian daripada pembangunan keutamaan strategi 2015, kami mengenalpasti pemacu dalaman dan luaran utama yang akan memberi kesan kepada Kumpulan. Lanya terdiri daripada kombinasi perkara berkaitan ekonomi, sosial, persekitaran dan teknologi seperti yang ditunjukkan di halaman berikut.

Pengurusan Risiko & Pematuhan Kumpulan



IKLIM EKONOMI YANG SUKAR DIRAMAL

Iklm ekonomi tidak menentu ketika kadar faedah kekal rendah. Dicapur dengan kesan harga bahan bakar yang rendah, berupaya menghasilkan keadaan ekonomi yang berbeza.



PERSEKITARAN KAWAL SELIA

Krisis kewangan pada tahun 2008 telah membawa kepada rombakan peraturan. Meningkatnya keperluan terhadap peraturan akan menjadikan keadaan lebih sukar.



PERSAINGAN DARIPADA PESERTA BUKAN KEWANGAN

Peningkatan teknologi telah membuka ruang bagi peserta bukan kewangan untuk memasuki bidang yang dulunya didominasi oleh bank-bank tradisional.



KEBIMBANGAN SOSIAL

Ketidaksamaan negara, masyarakat, usia dan sebagainya, telah menyebabkan peningkatan tekanan sosial, seperti risiko politik, peningkatan kadar pengangguran, jurang kemahiran dan ketidaksamaan pendapatan.



TEKANAN PERSEKITARAN

Bilangan penduduk yang semakin meningkat, akan memberikan tekanan terhadap alam sekitar. Dunia sedang menghadapi masalah kekurangan air, pemanasan global dan cuaca yang melampau.



ANCAMAN SIBER

Peningkatan berterusan dalam penggunaan peranti mudah alih dan media sosial telah meningkatkan risiko teknologi dan potensi terhadap serangan siber.

Dengan cabaran-cabaran berkenaan, Risiko Kumpulan memberi tumpuan untuk terus mengukuhkan nilai kami terhadap perniagaan bagi menyokong keutamaan strategik Kumpulan.

Keutamaan Strategik	Pencapaian Utama
PECUTAN ENJIN PERTUMBUHAN PEROLEHAN 1	<ul style="list-style-type: none"> Menginstusikan penetapan harga berasaskan risiko di seluruh Kumpulan Meningkatkan dinamik ganjaran-risiko Kumpulan
TERUS MENINGKATKAN PRODUKTIVITI & KECEKAPAN 2	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan amalan pengurusan modal Meningkatkan kemahiran kakitangan Risiko Kumpulan menerusi Rangka Kerja Pengurusan Bakat Risiko
MEMAKSIMUMKAN PULANGAN PELABURAN & TRANSFORMASI 3	<ul style="list-style-type: none"> Menanamkan budaya inovasi menerusi pembangunan idea baru Mempertingkatkan kualiti tajajamin kredit Kumpulan
MEMPERCEPATKAN PENGEMBANGAN 4	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan budaya risiko dan pematuhan di seluruh Kumpulan Meningkatkan prestasi langkah-langkah risiko terlaras serantau

PENGURUSAN RISIKO ENTERPRIS MAYBANK

Dalam konteks operasi tahun 2015, pendekatan kami terhadap pengurusan risiko adalah untuk terus mengukuhkan dimensi berikut:

- Menguruskan profil risiko Kumpulan**
 - Terus melindungi dan mengekalkan kunci kira-kira yang kukuh;
 - Memastikan portfolio Kumpulan adalah selari dengan tahap selera dan strategi risiko; dan
 - Memperbaharui dan mengemaskini rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan untuk memandang ke masa hadapan.
- Mengoptimumkan portfolio pulangan risiko Kumpulan**
 - Memastikan pulangan sepadan dengan risiko yang diambil; dan
 - Menerapkan risiko terunggul dan risikan perniagaan, pengukuran prestasi berasaskan risiko dan pengurusan portfolio strategic.

Pengurusan Risiko & Pematuhan Kumpulan

- Meningkatkan tadbir urus yang kukuh**

- Sentiasa menerapkan tadbir urus risiko yang teguh di seluruh Kumpulan; dan
- Memastikan pematuhan kepada perubahan keperluan kawal selia tempatan dan global, serta amalan pengurusan risiko di seluruh Kumpulan.

Pendekatan kami terhadap pengurusan risiko adalah di seluruh perniagaan dan melibatkan budaya risiko yang kukuh sebagai asas dan pemacu terhadap amalan tadbir urus dan pengurusan risiko. Pengurusan risiko kami disokong oleh amalan terbaik Rangka Kerja Pengurusan Risiko Bersepadu yang komprehensif, yang sentiasa berkembang dan dipertingkatkan, untuk kekal relevan dan berkesan dalam persekitaran masa kini serta dalam perubahan masa dan risiko.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Ulasan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Berintegrasi Kumpulan							
RISIKO SEJAGAT	Risiko Entepris	Risiko Kewangan	Risiko Kredit	Risiko Tertumpu	Risiko Pasaran	Risiko Kadar Faedah	Risiko Mudah Tunai
	Risiko Operasi	Risiko Reputasi	Risiko Kawal Selia	Risiko Teknologi	Risiko Undang-undang	Risiko Model	Risiko Insurans
PRINSIP-PRINSIP RISIKO	i. Mewujudkan selera risiko dan strategi yang jelas tentang sifat, jenis dan tahap risiko Kumpulan yang sanggup diambil dan perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah ("Lembaga"). ii. Pengurusan modal didorong oleh objektif strategik Kumpulan dan mengambilkira persekitaran pengawal selia, ekonomi dan komersil yang berkaitan di mana Kumpulan beroperasi. iii. Tadbir urus dan pengawasan yang betul melalui struktur tadbir urus Kumpulan yang jelas, berkesan dan mantap dengan tanggungjawab yang ada dalam Kumpulan dinyatakan secara jelas, telus dan konsisten.			iv. Mempromosi budaya risiko yang kukuh bagi menyokong dan menyediakan standard dan insentif yang sesuai bagi tingkah laku profesional dan bertanggungjawab. v. Pelaksanaan rangka kerja dan polisi risiko bersepadu untuk memastikan amalan dan proses pengurusan risiko yang berkesan di semua peringkat. vi. Pelaksanaan proses pengurusan risiko yang betul untuk mengenalpasti, mengukur, mengawal, memantau dan melaporkan risiko yang wujud secara aktif dalam semua produk, aktiviti, proses, sistem dan pendedahan Kumpulan. vii. Memastikan sumber yang mencukupi dan infrastruktur sistem diwujudkan bagi membolehkan pengurusan risiko yang berkesan.			

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Bersepadu telah diterapkan sepenuhnya dalam fungsi perniagaan di seluruh Kumpulan dan disokong oleh satu set dasar dan prosedur risiko yang komprehensif. Pada tahun 2015, Rangka Kerja Pengurusan Risiko Bersepadu kekal berdaya tahan dan akan terus disemak semula dan diperbaharui untuk membolehkan:

- Perubahan dinamik risiko;
- Inovasi dan pembangunan produk baru;
- Pematuhan kepada keperluan peraturan yang berubah; dan
- Menerima pakai amalan terbaik dalam pengurusan risiko.

TADBIR USUS RISIKO

Proses tadbir urus di Maybank menyediakan struktur tadbir urus yang telus dan efektif yang menggalakkan penglibatan aktif daripada Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan dalam proses pengurusan risiko bagi memastikan pandangan terhadap risiko seragam di seluruh Kumpulan. Model tadbir urus bertujuan untuk meletakkan akauntabiliti dan pemilihan, sambil membantu tahap kebebasan dan pembahagian tugas yang sewajarnya. Struktur ini adalah berasaskan tiga peringkat pertahanan dan menetapkan pemberian kuasa, peranan dan tanggungjawab untuk menguruskan risiko di seluruh Kumpulan dengan cekap:

- Barisan Pertama: "Unit Pengambilan Risiko"**

- Terdiri daripada unit perniagaan dan sokongan yang bertanggungjawab untuk mengurus risiko yang wujud dari sehari ke sehari dalam perniagaan dan aktiviti kami.
- Memastikan pengawasan risiko yang berkesan, sejajar dengan pelaksanaan rangka kerja risiko, dasar dan prosedur serta kejelasan dalam fungsi dan amalan pengurusan risiko.

- Barisan Kedua: "Unit Kawalan Risiko"**

- Termasuk fungsi pengurusan dan pematuhan risiko untuk menyediakan pandangan dan panduan yang berkesan terhadap keberkesanan operasi rangka kerja pengurusan risiko.
- Unit ini mempunyai tanggungjawab yang serupa dengan barisan pertama pertahanan untuk proses dan aktiviti yang dimilikinya. Sebagai tambahan, mereka juga bertanggungjawab dalam memastikan pelaksanaan dan meneruskan rangka kerja, dasar dan alatan pengurusan risiko.

- Barisan Ketiga: "Audit Dalaman"**

- Audit dalaman membentuk barisan pertahanan ketiga dan menyediakan penilaian bebas dan pengesahan bahawa rangka kerja dan amalan pengurusan risiko adalah mencukupi bagi menyokong Kumpulan serta konsisten dengan standard kawal selia.

Pengurusan Risiko & Pematuhan Kumpulan

Model Tadbir Urus Risiko Kumpulan Maybank

LEMBAGA PENGARAH

Badan pentadbiran utama Kumpulan bertanggungjawab secara keseluruhan mengawasi risiko termasuk mendefinisikan struktur tadbir urus yang sesuai dan pengagihan kuasa

JAWATANKUASA RISIKO LEMBAGA PENGARAH

Jawatankuasa Audit

Bertanggungjawab terhadap fungsi audit termasuk, tetapi tidak terhad, kepada audit dalaman dan luaran Kumpulan.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)

Bertanggungjawab mengawasi risiko termasuk tetapi tidak terhad, kepada meluluskan strategi pengurusan risiko, rangka kerja dan polisi untuk risiko ketara yang dihadapi oleh Kumpulan.

Jawatankuasa Semakan Kredit (CRC)

Bertanggungjawab untuk mengkaji/bersejua/veto pinjaman baharu atau tambahan tertakluk kepada had kuasa yang ditentukan lebih awal.

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO PERINGKAT PENGURUSAN

JAWATANKUASA RISIKO EXCO

Jawatankuasa Audit Dalaman

Bertanggungjawab untuk menjalankan ujian berkala mengenai keberkesanan dan kecekapan rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman.

Jawatankuasa Risiko Eksekutif Kumpulan (ERC)

Bertanggungjawab melaksanakan strategi pengurusan risiko, rangka kerja dan polisi Kumpulan.

Jawatankuasa Pengurusan Aset & Liabiliti (ALCO) Kumpulan

Bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko pasaran dan mudah tunai melalui pengubalan strategi luas profil kunci kira-kira dan struktur pembiayaan Kumpulan.

Jawatankuasa Pengurusan Kredit Kumpulan (GMCC)

Bertanggungjawab terhadap kelulusan pinjaman/cadangan berdasarkan had kuasa yang ditetapkan.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi Kumpulan (GORMC)

Bertindak sebagai juara dan pemacu bagi pengurusan risiko operasi di seluruh Kumpulan.

Barisan Pertahanan Pertama

Unit Pengambilan Risiko

Pengurusan Risiko Harian

Barisan Pertahanan Kedua

Unit Kawalan Risiko

Pengawasan Rangka Kerja Risiko, Dasar & Prosedur

Barisan Pertahanan Ketiga

Audit Dalaman

Jaminan Bebas

Pengurusan Risiko & Pematuhan Kumpulan

BUDAYA RISIKO

Dalam Kumpulan Maybank, budaya risiko yang kuat merupakan prinsip asas pengurusan risiko kami dan berfungsi sebagai asas di mana ia membina struktur pengurusan risiko di seluruh enterpris.

Dalam Kumpulan, ciri-ciri utama terhadap budaya risiko yang kukuh dikenalpasti seperti yang berikut:

Ciri-ciri	Dalam Konteks Maybank
Kesamaan tujuan, nilai dan etika	
Minat, nilai dan etika individu adalah selari dengan organisasi.	<ul style="list-style-type: none"> Semua kakitangan Maybank berkongsi nilai teras Kumpulan di seluruh negara ia beroperasi Kumpulan merupakan ahli kepada Ikrar Integriti Korporat Malaysia
Penggunaan dan aplikasi sejagat	
Risiko dianggap wujud dalam semua aktiviti, daripada perancangan strategik hinggalah kepada operasi harian.	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan model Tadbir Urus Risiko di seluruh Kumpulan Melaksanakan Unit Risiko Tersembunyi (ERU) dalam unit perniagaan Pegawai Risiko Operasi dalam setiap jabatan
Organisasi pembelajaran	
Keupayaan bersama dalam organisasi untuk menguruskan risiko dengan lebih berkesan sentiasa ditingkatkan.	<ul style="list-style-type: none"> Program pembelajaran tahunan mengenai pengurusan risiko E-pembelajaran mengenai subjek pengurusan dan pematuhan risiko Pengesahan tahunan mengenai pengurusan dan pematuhan risiko
Komunikasi pada masa yang tepat, telus dan jujur	
Kakitangan selesa untuk bercakap secara terbuka serta ikhlas tentang risiko.	<ul style="list-style-type: none"> Sesi dialog dengan Pengurusan Kanan Menggunakan prinsip Jujur, Terbuka dan Dipercayai (H.O.T) Penggunaan Talian Integriti
Memahami nilai pengurusan risiko efektif	
Kakitangan faham dan penuh bersemangat menyatakan nilai pengurusan risiko yang berkesan.	<ul style="list-style-type: none"> Pelbagai kempen mengenai bidang tumpuan risiko dan pematuhan
Tanggungjawab – individu dan bersama	
Kakitangan mengambil tanggungjawab peribadi untuk menguruskan risiko dan dengan proaktif menarik orang lain untuk sama-sama terlibat.	<ul style="list-style-type: none"> Kaji selidik mengenai budaya risiko untuk mengukur dan meningkatkan sentimen
Jangkaan akan dicabar	
Kakitangan selesa mencabar orang lain, termasuk pihak berkuasa dan maklum balas ini diterima dengan positif.	<ul style="list-style-type: none"> Penglibatan dengan Pengurusan Kanan di Mesyuarat Jawatankuasa Mesyuarat Fungsional setiap suku tahun dengan Operasi Luar Negara

Budaya risiko dan pematuhan Kumpulan dipandu dari atas serta disokong di peringkat pertengahan, dan berakar umbi dalam semua peringkat aktiviti dan perniagaan. Sebagai struktur penting untuk tadbir urus risiko yang berkesan, ia terus dipromosi untuk memastikan budaya risiko dan pematuhan yang betul diterapkan dalam tingkah laku setiap individu dalam organisasi.

Sebagai sebahagian daripada budaya risiko dan pematuhan, kami juga telah menanamkan budaya pematuhan yang mana Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan dan semua kakitangan Kumpulan komited dalam mematuhi keperluan undang-undang berkaitan, peraturan-peraturan dan garis panduan kawal selia. Komitmen Kumpulan jelas ditunjukkan melalui penubuhan dasar dan garis panduan pematuhan yang ketat untuk memastikan risiko ketidakpatuhan Kumpulan diuruskan dengan berkesan. Langkah-langkah tersebut membantu mengurangkan kos menjalankan perniagaan yang timbul daripada penalti pihak kawal selia dan juga melindungi integriti dan reputasi Kumpulan. Langkah-langkah tersebut bukan sahaja memastikan kami mematuhi segala peraturan, tetapi juga melindungi integriti dan reputasi kami. Sokongan daripada Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan juga telah membolehkan kami untuk terus menginstitusikan budaya Pencegahan Pengubahan Wang Haram & Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) yang kuat dan untuk memastikan bahawa "Pematuhan Adalah Tanggungjawab Semua" di seluruh Kumpulan.

Di samping itu, pasukan kerja risiko dan pematuhan kami sentiasa terlibat dalam latihan dan pengiktirafan pematuhan tertentu untuk terus kekal dan mantap. Inisiatif pembelajaran dan program kesedaran juga diadakan sepanjang tahun untuk mengurangkan sebarang jurang pematuhan serta sentiasa menyemai budaya pematuhan di seluruh Kumpulan. Ini termasuk memperkukuhkan kawalan dan amalan AML /CFT Kumpulan untuk menguruskan secara proaktif risiko yang diketahui atau baru muncul di seluruh Kumpulan berkenaan Pengubahan Wang Haram/Pembiayaan Keganasan.

Pengurusan Risiko & Pematuhan Kumpulan

SELERA RISIKO

Selera risiko Kumpulan adalah komponen kritikal dalam rangka kerja pengurusan risiko Maybank yang pesat dan digerakkan oleh kepimpinan Lembaga dari atas-ke-bawah dan penglibatan pengurusan di semua peringkat secara bawah-ke-atas. Selera risiko Kumpulan Maybank membolehkan Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan berkomunikasi, memahami dan menilai jenis dan tahap risiko yang sedia diambil oleh Kumpulan dalam usaha mencapai objektif perniagaannya.

Pembangunan selera risiko Kumpulan Maybank telah diintegrasikan ke dalam perancangan dan strategi perniagaan tahunan Kumpulan dan boleh disesuaikan dengan keadaan perniagaan dan pasaran yang berubah-ubah. Selera risiko Kumpulan mengimbangkan keperluan semua pihak-pihak kepentingan dengan menjadi faktor pentadbir risiko, serta sebagai penggerak aktiviti perniagaan semasa dan masa depan.

Kemantapan selera risiko itu dilakukan menerusi satu set penyata selera risiko yang mentakrifkan selera risiko terhadap kesemua risiko ketara dalam Kumpulan. Selera risiko disokong oleh prinsip-prinsip berikut:

- **Modal**
 - Memastikan Kumpulan mengekalkan kedudukan modal yang kukuh; dan
 - Memastikan kecekapan penggunaan modal dan sumber bagi memenuhi objektif perniagaan.
- **Risiko**
 - Melindungi kunci kira-kira;
 - Menggunapakai pengurusan mudah tunai berhemat;
 - Memastikan kepelbagaian risiko yang mencukupi; dan
 - Mematuhi semua keperluan undang-undang di semua negara di mana Kumpulan beroperasi.

MASA DEPAN PENGURUSAN RISIKO MAYBANK

Memandangkan kerumitan persekitaran pada masa ini, keupayaan pengurusan risiko perlu berubah. Evolusi pengurusan risiko dari semasa ke semasa daripada situasi agak mudah kepada kompleks digambarkan seperti di bawah.



Di samping itu, dengan perubahan persekitaran dan realiti pasaran baru, kami akan perlu untuk terus memberi tumpuan kepada pembentukan nilai dan membangunkan idea-idea baharu untuk memikirkan semula pendekatan pengurusan risiko.

Dalam membuat persediaan untuk pengurusan risiko masa hadapan, kami akan memberi tumpuan terhadap perkara yang berkenaan:

- Meningkatkan Budaya dan Nilai;
- Meningkatkan Kapasiti dan Keupayaan; dan
- Membangunkan lebih banyak Risikan dan Pengawasan.

Kejayaan jangka panjang akan bergantung kepada reputasi amanah kami, berpegang kepada integriti dan standard yang tinggi dan etika tingkah laku profesional dalam usaha untuk menguruskan risiko dan mewujudkan nilai kepada Kumpulan.

• Strategi

- Memastikan pertumbuhan pendapatan jangka panjang yang mampan;
- Memastikan risiko sepadan dengan pulangan; dan
- Mengekalkan jenama kukuh bagi Kumpulan.

AML/CFT


Dengan trend yang sentiasa berubah dalam perubahan wang haram dan pembiayaan keganasan serta jangkaan kawal selia yang tinggi, kami sentiasa berusaha untuk menempatkan kawalan dan amalan AML/CFT yang mencukupi dan berkesan untuk menguruskan risiko ini secara proaktif.

Selain itu, kami akan terus mengkaji semula dan menambah baik sistem dan kawalan untuk menguruskan risiko ini dan untuk mematuhi undang-undang, peraturan-peraturan dan dasar-dasar dalaman. Antara lain, penambahbaikan telah dibuat kepada dasar-dasar, prosedur dan garis panduan yang menggariskan piawaian dan prinsip dalam mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan-peraturan berkaitan AML/CFT serta untuk berada sebaris dengan amalan terbaik global. Pendekatan berasaskan risiko ini adalah satu keperluan paling utama yang merangkumi semua elemen-elemen lain dalam dasar-dasar dan prosedur AML/CFT Kumpulan. Kawalan AML/CFT yang dimaktubkan ini akan setanding dengan tahap risiko yang berpunca dari setiap lokasi geografi, produk, perkhidmatan, saluran, dan sebagainya.

Sebagai sebahagian daripada komitmen kami ke arah mengukuhkan kawalan, kami akan terus melaksanakan semakan bertemakan AML/CFT lebih mendalam untuk menilai keberkesanan langkah-langkah kami ketika ini dalam memenuhi keperluan kawal selia jangkaan, dan kepatuhan dengan amalan terkemuka global.

Pengurusan Risiko & Pematuhan Kumpulan

Menginsankan Perkhidmatan Kewangan



Evolusi pengurusan risiko telah mendorong kami dalam perjalanan transformasi kami, yang telah berkembang dengan menggalakkan, dan membolehkan kami menjadi rakan perniagaan utama dalam menyokong aspirasi Kumpulan melalui pendekatan pengurusan risiko yang mantap.

Pada 2016, kami akan meneruskan pembentukan nilai dan menjadi komponen utama dalam menyokong pertumbuhan perniagaan sambil terus berhati-hati dalam meneruskan langkah bagi memastikan bahawa kami mempunyai tindakan susulan yang diperlukan.

Selaras dengan imperatif strategik Kumpulan, kami akan memberi tumpuan kepada tiga (3) teras utama:

1. BENAR-BENAR SERANTAU

- Menginstitusikan Budaya Risiko dan Pematuhan di Seluruh Kumpulan**

Budaya risiko bertindak sebagai satu daripada asas utama terhadap tadbir urus dan pendekatan pengurusan risiko kami. Sebagai satu struktur yang penting, kami akan terus memperjuangkan inisiatif ini dan menggalakkan budaya risiko dan pematuhan yang betul diamati dan dipamerkan dalam tingkah laku semua kakitangan Maybank. Budaya risiko kami dilengkapi dengan nilai-nilai teras, dengan nilai Integriti sebagai prinsip panduan untuk semua kakitangan Maybank mengamalkan budaya beretika dan pematuhan dalam menjalankan tugas mereka.

- Meningkatkan Pengurusan Risiko Sedang Muncul**

Dengan kemunculan risiko baru, misalnya meningkatnya kekerapan dan kecanggihan serangan siber, kami akan terus memberi tumpuan terhadap peningkatan keupayaan pengurusan risiko bukan kewangan. Sebagai contoh, kami telah melaksanakan inisiatif untuk menguruskan ancaman siber, dan akan terus mengembangkan keupayaan kawalan kami untuk risiko baru muncul. Kami akan terus meninjau penggunaan amalan global utama untuk menguruskan risiko-risiko baru muncul.

2. KECEKAPAN MODAL

- Mengoptimumkan Portfolio**

Mengoptimumkan portfolio kami untuk memastikan kami terus mempunyai kedudukan modal yang kukuh, serta penggunaan modal dan sumber yang cekap bagi memenuhi objektif perniagaan dan pertumbuhan pendapatan jangka panjang yang mampan. Kami akan terus bertindak sebagai rakan kongsi perniagaan untuk memberi tumpuan kepada pasaran dan produk yang lebih kuat dari segi ganjaran-risiko dan untuk menginstitusikan penetapan harga berasaskan risiko di seluruh Kumpulan.

3. PRODUKTIVITI & INOVASI

- Meningkatkan Kecekapan**

Kami akan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan produktiviti dan kecekapan bagi mengoptimumkan sumber di seluruh sektor ini. Dengan menggunakan metodologi kecemerlangan operasi Kumpulan, kami akan mengkaji semula fungsi dan proses kerja yang sedia bagi menyokong Kumpulan dalam meningkatkan produktiviti keseluruhan.

- Terus Meningkatkan Kemahiran Bakat**

Kami telah mewujudkan Rangka Kerja Pengurusan Bakat yang disediakan khusus bagi meningkatkan kemahiran kakitangan risiko dan pematuhan. Rangka kerja ini menerangkan dengan jelas kecekapan yang diperlukan serta mentakrifkan kurikulum dan laluan kerjaya bagi pembangunan bakat risiko. Sebagai sebahagian daripada kajian yang berterusan untuk memastikan kecekapan yang relevan dalam landskap risiko yang berubah-ubah pada masa ini, tumpuan pada 2016 adalah untuk terus menutup mana-mana jurang kecekapan dan membangunkan kakitangan risiko dan pematuhan kami.

Laporan Jawatankuasa Syariah Kumpulan

PENGENALAN

Jawatankuasa Syariah (SC) melaksanakan peranan pengawasan mengenai operasi dan aktiviti berkaitan Syariah dalam Kumpulan.

TADBIR URUS SYARIAH

Sudah termaktub bahawa semua operasi negara dan perniagaan di dalam Kumpulan Maybank mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk menubuhkan dan melaksanakan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah yang kukuh dan teguh dengan penekanan terhadap peranan fungsi utamanya.

Dalam hal ini, rangka kerja tadbir urus Syariah merangkumi:

- i) Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Syariah Kumpulan dan jawatankuasa pengawasan yang relevan mengenai aspek pematuhan operasi keseluruhan transaksi perniagaan Islam;
- ii) Pengurusan bertanggungjawab untuk menyediakan sumber mencukupi dan tenaga kerja berkemampuan untuk menyokong setiap fungsi yang terlibat dalam pelaksanaan tadbir urus Syariah yang mana Unit Perniagaan bertanggungjawab untuk mengenalpasti dan menguruskan risiko yang wujud dalam produk, perkhidmatan dan aktiviti;
- iii) Penasihat dan Penyelidikan Syariah mengendalikan penyelidikan Syariah dan turut memastikan bahawa semua struktur, terma dan syarat, dokumen perundangan dan aliran proses operasi dan prosedur adalah patuh Syariah;
- iv) Proses risiko Syariah mengenalpasti semua risiko ketidakpatuhan Syariah dan, di mana perlu, langkah-langkah pemulihan perlu diambil untuk mengurangkan risiko dan juga menentukan bahawa proses dan hasil tersebut memenuhi keperluan Syariah; dan
- v) Semakan dan pemeriksaan berkala terhadap risiko dan pematuhan Syariah serta sentiasa mengkaji proses dan pelaksanaan Syariah di seluruh Kumpulan yang dijalankan oleh fungsi Audit Syariah dan Kajian Syariah.

AHLI JAWATANKUASA SYARIAH

Jawatankuasa Syariah terdiri daripada tujuh ahli. Sila rujuk muka surat 59 hingga 60 untuk profil ahli Jawatankuasa Syariah.

Ahli Jawatankuasa Syariah Kumpulan	Warganegara	Status
Profesor Madya Dr. Aznan Hasan	Malaysia	Pengerusi
Profesor Madya Dr. Ahcene Lahsasna	Algeria	Ahli
Penolong Profesor Dr. Mohammad Deen Mohd Napiah	Malaysia	Ahli
Penolong Profesor Dr. Ismail bin Mohd @ Abu Hassan	Malaysia	Ahli
Dr. Marjan binti Muhammad	Malaysia	Ahli
Dr. Mohamed Fairouz Abdul Khir	Malaysia	Ahli
Ustaz Mohd Kamal Mokhtar	Singapura	Ahli

PELANTIKAN AHLI BARU

Dalam tahun kewangan 2015, Jawatankuasa Syariah telah melantik Ustaz Mohd Kamal Mokhtar sebagai ahli berkuatkuasa pada 1 September 2015.

TUGAS, TANGGUNGJAWAB & AKAUNTABILITI

1. Tanggungjawab dan akauntabiliti

Jawatankuasa Syariah dianggap dapat memahami bahawa semasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang ahli Jawatankuasa Syariah, mereka bertanggungjawab untuk semua keputusan Syariah, pendapat dan pandangan yang mereka berikan.

2. Menasihati Lembaga Pengarah dan negara atau perniagaan yang terlibat

Jawatankuasa Syariah dijangka menyokong dan memberi input dalam hal-hal berasaskan Syariah supaya negara-negara atau perniagaan-perniagaan dapat memastikan mereka sentiasa patuh kepada undang-undang Syariah.

3. Menyokong polisi dan prosedur Syariah

Jawatankuasa Syariah disasarkan menyokong dasar dan prosedur Syariah serta memastikan isi kandungannya tidak mempunyai unsur yang tidak selari dengan Syariah.

Laporan Jawatankuasa Syariah Kumpulan

4. Menyokong dan mengesahkan dokumen yang berkaitan

Untuk memastikan produk mematuhi undang-undang Syariah, Jawatankuasa Syariah mesti mengesahkan:

- i) Terma dan syarat yang terkandung dalam borang, kontrak, perjanjian atau dokumentasi undang-undang yang digunakan untuk melakukan transaksi; dan
- ii) Manual produk, iklan pemasaran, ilustrasi jualan dan risalah yang digunakan untuk menggambarkan produk.

5. Menilai kerja yang dijalankan oleh Kajian Syariah dan Audit Syariah

Untuk menilai kerja yang dilakukan oleh Kajian Syariah dan Audit Syariah bagi memastikan kepatuhan pada unsur Syariah yang merangkumi sebahagian daripada tugas mereka dalam menyediakan penilaian mereka pada kepatuhan Syariah dan jaminan pada maklumat yang tertera di dalam laporan tahunan.

6. Membantu pihak berkenaan dalam hal ehwal Syariah.

Pihak yang berkenaan di dalam Kumpulan seperti peguam bela, juruaudit dan perunding boleh mendapatkan khidmat nasihat berkaitan hal ehwal Syariah dari Jawatankuasa Syariah dan mereka dijangka untuk memberi pertolongan yang perlu kepada permintaan pihak tersebut.

7. Memberi nasihat tentang perkara yang perlu dirujuk kepada pihak berkuasa yang berkenaan dengan Syariah

Jawatankuasa Syariah boleh menasihati Kumpulan untuk berunding dengan pihak berkuasa Syariah lain mengenai perkara-perkara berkaitan Syariah yang tidak dapat diselesaikan.

8. Pematuhan

Jawatankuasa Syariah hendaklah pada setiap masa mematuhi dasar dan prosedur dalaman yang diguna pakai untuk melaksanakan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah Kumpulan serta keperluan dan piawaian yang ditetapkan oleh pengawal selia yang berkenaan berhubung perkara-perkara berkaitan Syariah, tadbir urus dan pematuhan.

MUZAKARAH DAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH BERSAMA

Jawatankuasa Syariah telah bermesyuarat sebanyak 20 kali termasuk 7 muzakarah khas dan kesemua ahli telah memenuhi keperluan minimum kehadiran mesyuarat di bawah Prosedur Operasi untuk Jawatankuasa Syariah dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah BNM. Ia mensyaratkan ahli Jawatankuasa Syariah perlu hadir sekurang-kurangnya 75% daripada kesemua mesyuarat yang berlangsung pada setiap tahun kewangan.

Sebagai tambahan kepada keperluan mesyuarat Jawatankuasa Syariah, dua (2) mesyuarat Jawatankuasa Kerja Syariah telah diadakan untuk membincangkan perkara-perkara keperluan segera.

Dalam usaha untuk memupuk perhubungan lebih erat dan pemahaman lebih mendalam terhadap isu Syariah dan pengurusan dalam Kumpulan Perbankan Islam, mesyuarat bersama Lembaga Pengarah MIB dan Jawatankuasa Syariah telah diadakan dua kali pada tahun kewangan 2015.

PENILAIAN JAWATANKUASA SYARIAH

Dalam mematuhi Rangka Kerja Tadbir Syariah BNM, Jawatankuasa Syariah akan melalui proses untuk menilai keberkesanan setiap ahli dan juga Jawatankuasa secara menyeluruh pada setiap tahun. Penilaian tahunan itu berdasarkan jawapan soal selidik yang terperinci yang disediakan secara dalaman selari dengan kaedah kaji selidik yang digunapakai oleh lembaga pengarah Maybank dan entiti-entiti yang lain. Soal selidik tersebut telah diedarkan kepada ahli Jawatankuasa dan merangkumi pertimbangan terhadap keberkesanan mereka dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab selain tahap kemahiran dan kecekapan setiap ahli dalam bidang kepakaran, seperti Syariah (usul fiqh atau fiqh muamalat) serta perbankan dan kewangan Islam. Selain itu, komposisi dan saiz Jawatankuasa Syariah dan tahap pencapaian setiap ahli juga akan dinilai.

Keputusan penilaian Jawatankuasa Syariah dibentangkan kepada Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran (NRC) untuk dikaji semula dan memberi cadangan ke atas langkah-langkah yang perlu untuk meningkatkan keberkesanan ahli yang sebelumnya.

LATIHAN

Sebagai sebahagian daripada inisiatif Kumpulan bagi mengukuhkan keupayaan ahli-ahli Jawatankuasa Syariah, satu siri latihan dalaman khas telah dijalankan untuk Jawatankuasa Syariah yang berkaitan dengan produk, keperluan kewangan dan pengurusan risiko. Latihan yang dijalankan sepanjang 2015 adalah seperti berikut:

Latihan Dalaman 2015

1. Ulasan Pengurusan Risiko
2. Keperluan Basel III
3. Produk Pembiayaan Perdagangan
4. Produk Perbendaharaan

Penyata Kemampuan

Ulasan

Langkah-langkah untuk mengatasi keadaan ekonomi semasa yang mencabar bukanlah hanya tentang 'memberi sumbangan' semata-mata, sebaliknya ia juga bertujuan 'memperkasakan' masyarakat yang memerlukan dalam meningkatkan kehidupan dan prospek masa hadapan, melalui keusahawanan serta menyediakan akses kepada kewangan, pendidikan dan latihan. Konteks yang lebih luas ini menyediakan tumpuan kepada pelaksanaan strategik Pelan Kemampuan 20/20, dokumen strategik kemampuan lima tahun yang telah diluluskan pada tahun 2014.



Penyata Kemampmanan

Pelan ini telah diwujudkan dengan tujuan untuk menjana kesan dan nilai menyeluruh yang berpanjangan berdasarkan tiga teras iaitu: Komuniti dan Kewarganegaraan, Warga Maybank dan Akses kepada Produk dan Perkhidmatan. Pada tahun 2015, kami telah mencapai kemajuan ke arah komitmen dan matlamat yang telah ditetapkan dalam Pelan Kemampmanan 20/20.

Setiap bahagian perniagaan dan kakitangan kami memainkan peranan dalam merealisasikan visi dan mencapai matlamat keseluruhan, iaitu: mewujudkan perniagaan menginsankan. Ia adalah komitmen jangka panjang, memberi tumpuan kepada perkara terbaik yang kami lakukan – menyatupadukan kehadiran fizikal meluas di rantau Asia, dengan memberi tumpuan kepada inovasi dan kepakaran kakitangan kami dalam menyediakan akses kepada pembiayaan untuk masa depan yang lebih baik.



KOMUNITI DAN KEWARGANEGARAAN



WARGA MAYBANK



AKSES KEPADA PRODUK DAN PERKHIDMATAN

KEMAMPMANAN DI MAYBANK

Kemampmanan di Maybank dipandu oleh dasar, sistem dan pembentukan keputusan yang tepat. Bukti kepada usaha yang telah dijalankan adalah kemasukan Maybank dalam Indeks FTSE4Good Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) Bursa Malaysia serta pelbagai anugerah untuk laporan kemampmanan.

Penyata dan Laporan Kemampmanan kami merujuk kepada tempoh daripada 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2015 (kecuali dinyatakan sebaliknya) dan:

- meliputi Maybank, seluruh anak syarikat dan pejabat serantau;
- tidak termasuk aktiviti penyumberan luar, usaha sama dan pembekal;
- telah memasukkan data kualitatif dan kuantitatif yang bersesuaian daripada beberapa tahun lalu – kami mula menilai kemajuan kami secara sistematik pada tahun 2013.

Data yang mantap membolehkan perbandingan tahun ke tahun dilakukan terhadap seluruh bahagian utama dalam perniagaan. Kami telah berusaha bersungguh-sungguh untuk memantau kesan hasil kerja kami terhadap ketiga-tiga teras ini.

Laporan Kemampmanan di Maybank

Untuk menggalakkan pemikiran baharu dan kerjasama dengan pihak berkepentingan, kami perlu menerima ketelusan dan penzahiran. Laporan kami mengikuti struktur dan set petunjuk yang dinyatakan di dalam Pelan. Perancangan ini mengambil masa selama lima tahun untuk dilaksanakan dan kami sangat komited melaporkan kemajuan melalui Laporan Kemampmanan tahunan.

Kami terus dipandu oleh Inisiatif Laporan Global (GRI), sebuah rangka kerja laporan yang diiktiraf global untuk kemampmanan juga Pindaan baharu kepada Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Sekuriti Berhad berkaitan Penyata Kemampmanan dalam Laporan Tahunan.

Tadbir Urus Kemampmanan

Di sebalik proses tadbir urus kami, terdapat beberapa siri dasar dan sistem. Tadbir urus di Maybank terletak pada kuasa Lembaga Pengarah. Ahli Jawatankuasa Eksekutif membincangkan dengan terperinci dan meluluskan semua perkara utama berkaitan dengan kemampmanan. Kumpulan Risiko, diketuai oleh Ketua Pegawai Risiko Kumpulan, menyelia keseluruhan strategi dan kemajuan risiko Kumpulan. Hal Ehwal Korporat & Kemampmanan Kumpulan (GCAS) adalah penjaga kepada Pelan Kemampmanan 20/20. Walau bagaimanapun, kemajuan Pelan adalah bergantung kepada pelbagai jabatan dan pasukan yang perlu memenuhi sasaran yang boleh diukur dan berskala.

Yayasan Maybank telah melalui transformasi ketara dengan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) pada 2014. Ketua Pegawai Eksekutif disokong oleh sebuah pasukan dan melaporkan terus kepada Lembaga Pemegang Amanah. Pada tahun akan datang, Yayasan Maybank juga akan menyemak semula Jawatankuasa Tanggungjawab Korporat (CRC) dengan bidang kuasa yang lebih luas melalui rangkuman pembuatan keputusan holistik di seluruh unit perniagaan serantau.



Maklumat lanjut boleh didapati melalui laman web Yayasan Maybank <http://maybanksustainability.com/#/who-we-are/corporate-governance/policies>



Sila layari laman web www.maybank.com/sustainability untuk maklumat lanjut

Penyata Kemampanan

PENGLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Merangka Pelan Kemampanan 20/20 tidak dilakukan secara terasing. Kami mengkaji isu paling penting yang Kumpulan perlu tangani jika ingin mewujudkan nilai masa hadapan di samping memenuhi pelbagai syarat misi dan kehendak perniagaan.

Kami menentukan apa yang benar-benar penting bersama-sama pihak berkepentingan. Penglibatan sedemikian berlaku melalui platform rasmi dan tidak rasmi. Kebimbangan pihak berkepentingan diamati dan kerap dilaporkan kepada pihak pengurusan. Selain kebimbangan pelbagai pihak berkepentingan, kami turut mengambil kira persekitaran ekonomi-makro, politik, sosial dan perundangan di mana kami beroperasi, melalui sistem pengurusan risiko yang berterusan.


Jadual 2: Platform Penglibatan Pihak Berkepentingan Utama

Kumpulan Pihak Berkepentingan	Platform Penglibatan
Pelanggan	<ul style="list-style-type: none"> Bancian Dasar Laman web/media digital/media umum Program pendidikan dan latihan
Komuniti	<ul style="list-style-type: none"> Laman web/media digital/media umum Program pendidikan dan latihan Pekerja sukarela, perkongsian dan pelaburan komuniti strategik
Kakitangan	<ul style="list-style-type: none"> Platform komunikasi berbilang Dasar dan prosedur Program pendidikan dan latihan Aktiviti sukarelawan dan penglibatan dalaman
Pelabur	<ul style="list-style-type: none"> Laporan Kewangan Taklimat Pelabur Persidangan dan Pameran Bergerak Hari Pelabur Mesyuarat Agung Tahunan
Pengawal Selia	<ul style="list-style-type: none"> Dasar Laman web/media digital/media umum



En. Eddin Khoo, Pengerusi-Pengarah PUSAKA menjalankan satu sesi bual bicara di Panggung KuAsh, Kuala Lumpur pada November 2015.

Penyata Kemampaan



KOMUNITI DAN KEWARGANEGARAAN

Kira-kira 1% daripada PATAMI disalurkan kepada program komuniti pada tahun 2015, menjadikan Maybank satu daripada warga korporat yang lebih aktif di Asia. Kami juga satu daripada korporat yang paling bercita-cita tinggi dalam mencapai matlamat untuk melabur demi kesan yang lebih hebat dengan adanya pelancaran program dengan kehadiran serantau.



Artis kurang upaya menunjukkan bakat mereka semasa pameran seni Nukilan Jiwaku di Menara Maybank.



Puan Nora Abd Manaf, Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan berbulu dengan penerima biasiswa semasa Majlis Anugerah Biasiswa Yayasan Maybank di Menara Maybank pada 10 Jun 2015.



Aktiviti tenun di Kompleks Pengembangan Tenun Pahang DiRaja Sultan Haji Ahmad Shah yang bertempat di Kampung Soi, Kuantan.

SOROTAN PENTING

Pendekatan kami untuk menyumbang semula kepada komuniti adalah melalui tiga cara. Dengan sasaran pelaburan sosial, usaha sukarela dan perkongsian berpanjangan, kami dapat menjaga komuniti di mana kami beroperasi. Yayasan Maybank adalah sebuah platform di mana kami dapat melibatkan diri dengan komuniti. Pada tahun ini, kami memberi tumpuan kepada dua program sedia ada, iaitu CashVille Kidz dan Mencapai Kemerdekaan & Keusahawanan Mampan (R.I.S.E), juga empat program utama baharu, iaitu: Memperkasa Belia, Penenun Eko Wanita Maybank, Pusat Latihan & Pembelajaran Maybank dan KataKatha. Maklumat lanjut untuk semua program ini dilaporkan dalam Laporan Kemampaan 2015.

Pelaburan seluruh Kumpulan dalam program-program komuniti dan kewarganegaraan adalah kira-kira 1% daripada PATAMI. Peserta untuk program R.I.S.E berjaya meningkatkan pendapatan perniagaan mereka. Program CashVille Kidz berjaya memberi manfaat kepada bilangan rekod pelajar dan telah mewujudkan kesedaran pada celik kewangan. Disebabkan kekuatan prestasi program ini, kami akan meluaskan program CashVille Kidz ke negara-negara ASEAN. Kami menyumbang lebih daripada RM14 juta untuk biasiswa Maybank, dan bilangan penerima biasiswa baharu pada tahun 2015 meningkat kepada 222 berbanding 157 pada tahun 2014.

IMPAK PROGRAM KAMI

CashVille Kidz, dengan kerjasama Money Tree disokong oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, berperanan sebagai platform untuk membina celik kewangan di kalangan pelajar di Malaysia. Dilancarkan pada tahun 2012, program ini memberi pengetahuan kepada kanak-kanak untuk menjadi celik kewangan melalui siri animasi TV. **CashVille Kidz** memupuk belia celik kewangan untuk menjadi berhemah dalam berbelanja dan memupuk tabiat menyimpan serta akhirnya membesar menjadi pelanggan yang bijak. Kemajuan peserta dikesan melalui penilaian celik kewangan sebelum dan selepas program. Pada tahun ini, kami telah melepasi sasaran yang diinginkan dengan memberi manfaat kepada 901 buah sekolah dan lebih daripada 50,000 orang pelajar.

R.I.S.E menangani kekurangan dalam program memperkasa ekonomi yang berkesan untuk Golongan Kurang Upaya (P.W.D) di Malaysia. **R.I.S.E** telah direka untuk menyokong komuniti kurang bernasib baik meningkatkan pendapatan mereka dan berdikari melalui latihan, bimbingan dan program mentor. Pada tahun 2015, **R.I.S.E** terus membina kapasiti P.W.D membolehkan mereka meningkatkan sumber pendapatan dan memperbaiki operasi perniagaan. Kualiti hidup para peserta bertambah baik apabila mereka mempunyai alatan untuk berdikari dalam hal-hal kewangan dan meningkatkan keyakinan diri. Pada tahun 2015, kami berjaya meningkatkan bilangan peserta daripada 80 kepada 241. Berikutan kejayaan **R.I.S.E** dalam fasa percubaan, ia telah dikembangkan ke Indonesia dan Filipina selain di Malaysia, serta mensasarkan seramai 1,800 penerima manfaat.

Penyata Kemampanan

Memperkasakan Belia (eMpowering Youth) adalah salah satu program yang membolehkan belia dalam institusi pengajian tinggi untuk pergi ke negara-negara ASEAN dan memulakan pelbagai projek komuniti dengan matlamat untuk mewujudkan kesan dalam komuniti. Program ini termasuk pementoran, latihan kepimpinan dan pelbagai projek perkhidmatan komuniti. **Memperkasakan Belia** membenarkan golongan muda mempelajari dan menyumbangkan pelbagai penyelesaian kepada isu-isu pembangunan masa kini. Pada tahun 2015, kami telah membelanjakan SGD327,800 pada geran untuk sembilan projek komuniti.

Penenun Eko Wanita Maybank menggalakkan penciptaan pekerjaan untuk penenun wanita di seluruh rantau ASEAN. Satu program baharu ditubuhkan, **Penenun Eko Wanita Maybank** akan memberi peluang kepada dan memperkasa golongan wanita yang tinggal dalam tahap kemiskinan melampau. Melalui latihan, pembinaan keupayaan dan pembiayaan mikro, golongan wanita akan mempunyai alatan untuk membantu keluarga mereka untuk menjadi bebas dari segi ekonomi. Secara meluas, program ini boleh meningkatkan pembangunan ekonomi dan beransur-ansur memperbaiki rangkuman kewangan wanita dalam rantau di mana kami beroperasi. Program ini masih dalam peringkat perancangan pada tahun 2015, dan rakan kongsi baharu serta pelbagai perancangan projek telah diluluskan.

Pusat Pembelajaran & Latihan Maybank (TLC) akan menyediakan pendidikan vokasional kepada belia dalam komuniti tertentu. Ia akan mewujudkan pelbagai peluang untuk golongan muda yang tidak mempunyai pendidikan asas atau latihan kemahiran dan memberi kesan positif ke atas komuniti mereka. Program **TLC Maybank** baharu ini masih dalam peringkat perancangan. Ia akan memperkasa golongan belia, mewujudkan peluang pekerjaan baharu dalam komuniti setempat, menggalakkan pembangunan pementoran dan meningkatkan pembangunan keupayaan untuk komuniti. Ini seterusnya boleh mengurangkan tahap pengangguran dalam golongan belia. Kami akan melaporkan kemajuan program ini selepas pelaksanaan tahun pertama pada tahun 2016.

KataKatha adalah istilah biasa digunakan dalam komuniti ASEAN yang membawa maksud 'berbual'. Inisiatif ini meraikan persamaan dan perbezaan budaya komuniti ASEAN. Dengan mencari pemimpin dalam bidang seni dan budaya daripada Singapura, Malaysia, Indonesia, Thailand dan Filipina, inisiatif ini berperanan sebagai satu platform budaya. Ianya bertujuan untuk mewujudkan interaksi lebih bermakna dan bual bicara antara pengamal serantau sedia ada dan baharu dalam bidang seni dan budaya di Asia Tenggara. Inisiatif KataKatha membawa negara-negara ASEAN bersama ke platform artistik ini, mempamerkan hasil karya kreatif seni dan budaya ASEAN kepada komuniti ASEAN serta dunia. Pada tahun 2015, Yayasan Maybank telah menganjurkan program 'Bicara Budaya dan Seni Asia Tenggara', yang memaparkan 10 artis ASEAN terkenal dengan meliputi lima universiti ASEAN.

PENILAIAN PRESTASI KOMUNITI DAN KEWARGANEGARAAN

Komitmen	Program	Petunjuk	Pegesan Tahun-ke-Tahun			
			2013	2014	2015	
Melabur untuk Kesan — Yayasan Maybank	Pendidikan	CashVille Kidz	Bil. pelajar dicapai	72,000	102,580	53,000
			Bil. sekolah (terkumpul)	180	660	901
		Biasiswa	Jumlah dikeluarkan (RM juta)	11.26	13.76	> 14.0
	Memperkasa Komuniti	R.I.S.E.	Bil. usahawan berjaya	-	280 (percubaan)	480
	Seni & Budaya	Nukilan Jiwaku	Bil. artis P.W.D disokong	25	28	80
	Gaya Hidup Sihat	Pusat Pemindahan Hepar di Hospital Selayang	Bil. pembedahan pemindahan hepar dijalankan di Hospital Selayang (terkumpul)	60	63	66
		Pusat Jantung Pediatrik Serantau, Institut Jantung Negara, Malaysia	Bil. pesakit (terkumpul)	-	42 (semenjak 2012)	52
	Bantuan Bencana	Kerjasama Dengan Mercy (bermula pada 2014)	Bil. penerima faedah	-	-	> 3,500
Kepelbagaian Alam Sekitar	Usahan pemuliharaan harimau	Jumlah sumbangan (RM juta)	n/a	1.2	0.48	

Penyata Kemampuan



WARGA MAYBANK



Untuk maklumat berkenaan inisiatif Maybank di tempat kerja, sila rujuk seksyen Modal Insan Kumpulan pada halaman 61 – 69

SOROTAN PENTING

Kami memberi tumpuan kepada pembangunan kakitangan dan kemampuan penglibatan kakitangan melalui platform seperti kaji selidik penglibatan kakitangan dan saluran komunikasi berbilang. Melabur dalam pembangunan jangka panjang kakitangan membenarkan kami memperbaiki kecekapan dan meningkatkan peluang kepada kakitangan untuk mencapai kecemerlangan dalam organisasi. Kami memupuk bakat sedia ada dan memberi sokongan kepada perkembangan kakitangan di setiap peringkat.

Pendekatan kami dalam kepelbagaian dan rangkuman adalah dengan mengekalkan tenaga kerja yang inklusif merangkumi kepelbagaian kaum dan jantina. Pendekatan ini memberi petunjuk tentang bagaimana kami menjalankan perniagaan, bekerjasama dan menyampaikan nilai di seluruh Kumpulan. Pada kami, keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan melibatkan inisiatif memupuk tenaga kerja yang lebih bahagia dan sihat. Kami mencapai ini dengan menggalakkan keseimbangan kerja dan kehidupan, serta kesejahteraan fizikal dan emosi.

Semangat kesukarelawan sememangnya ditanamkan di dalam diri setiap warga Maybank. Setiap tahun, kakitangan Maybank menyumbangkan masa dan kepakaran mereka demi memperbaiki kehidupan masyarakat di sekeliling mereka. Program sukarelawan utama Cahaya Kasih (CK) menggalakkan kakitangan kami untuk mewujudkan hubungan berpanjangan dengan penerima manfaat. Pada tahun 2015, seramai 23,541 kakitangan seluruh rantau dengan sukarela menyumbangkan 119,597 jam masa berkhidmat. Selain daripada program sukarela CK, seramai 17,220 kakitangan Maybank menyumbangkan masa dan kepakaran dalam sambutan perayaan dan aktiviti kebajikan lain. Pada Hari Global CR Maybank ke-6, seramai 22,000 kakitangan Maybank mengambil bahagian dalam inisiatif yang memberi kesan langsung kepada komuniti setempat.



Inisiatif program River of Life People Outreach (ROLPOP) pada Hari Global CR Maybank ke-6, pada tahun 2015.

ULASAN PRESTASI KAKITANGAN MAYBANK

Komitmen	Petunjuk	Pengesan Tahun-ke-Tahun		
		2013	2014	2015
Pembelajaran dan Pembangunan	Jumlah dibelanjakan (RM juta)	118.87	120	114
	Purata jam latihan setiap kakitangan	45.31 jam	33.68 jam	35 jam
Bakat dan Kepimpinan	% pekerja dinilai (Berdasarkan pekerja yang layak untuk mengambil bahagian dalam penilaian akhir tahun)	100%	100%	100%
	Keuntungan sebelum cukai setiap kakitangan (RM)	185,669	193,695	199,129
	Mobiliti antarabangsa (Bil. bakat)	100	>130	167
Tempat Kerja Pelbagai dan Inklusif	Wanita dalam pengurusan teratas, Band D dan ke atas (%)	31*	31*	35
	Wanita dalam pengurusan, Band G dan ke atas (%)	42*	46*	47
	Tenaga kerja wanita di bawah 30 tahun (%)	14.5	15.3	16.2
Keselamatan, Kesihatan dan Kesejahteraan	Program kesihatan dan kesedaran (bil. peserta)	>3,400	>5,000	5,000
Kakitangan Sukarela	Bilangan sukarelawan	23,513	26,200	23,541** (inisiatif CK)
	Jam sukarela	178,422	142,900	17,220** (sambutan perayaan dan aktiviti kebajikan lain)
				119,597** (inisiatif CK)
				122,917** (sambutan perayaan dan aktiviti kebajikan lain)

Nota :

* Tidak termasuk Maybank Indonesia.

** Mula mengesan berdasarkan program dan inisiatif semenjak tahun 2015.

Penyata Kemampanan



AKSES KEPADA PRODUK DAN PERKHIDMATAN

SOROTAN PENTING

Akses kepada produk dan perkhidmatan adalah penting bagi kami oleh kerana misi menginsankan perkhidmatan kewangan. Kami telah menetapkan matlamat untuk menyerap unsur Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) ke dalam produk dan perkhidmatan menjelang tahun 2020. Empat bidang keutamaan yang kami komited seperti yang dinyatakan dalam Pelan Kemampanan 20/20 adalah:

Komitmen kami terhadap Alam Sekitar bermakna mempertimbangkan kesan langsung dan tidak langsung perniagaan terhadap alam sekitar dan menguruskan jejak ekologi selaras dengan pertumbuhan serantau.

Tumpuan kami kepada pelanggan bermakna membina hubungan kukuh dan menyediakan akses mudah kepada perbankan dan kewangan dengan terma dan harga yang adil dan memberi khidmat nasihat yang mantap bersesuaian dengan keperluan mereka.

Pendigitalan kami bermakna menghargai tren dalam teknologi. Kami berhasrat untuk memanfaatkan penyelesaian digital demi meluaskan capaian dan membawa perkhidmatan kewangan kami lebih dekat dengan pelanggan.

Dalam pengawasan produk, kami memberi tumpuan kepada pengamalan tanggungjawab kewangan, menggalakkan rangkuman kewangan dan membantu pelanggan membina keupayaan kewangan. Kami komited memimpin pertumbuhan dan amalan pinjaman bertanggungjawab demi memenuhi komitmen ESG.

Akses Kepada Produk Dan Perkhidmatan — Kemajuan Kami

Komitmen Kepada Alam Sekitar

2015 menyaksikan pertumbuhan ekonomi perlahan di Malaysia serta di sebahagian rantau ini, membawa cabaran dalam melaksanakan inisiatif alam sekitar baharu. Walau bagaimanapun, kami telah memperbaiki rekod pengurusan jejak alam sekitar dalaman Maybank terutamanya dengan penglibatan kakitangan untuk menggunakan sumber dalam cara yang lebih berhemah dan cekap. Usaha ini membawa kepada pengurangan penggunaan kertas dan dapat menjimatkan penggunaan elektrik.

Sebagai sebahagian daripada komitmen kami terhadap alam sekitar, kami memberi tumpuan kepada pengurusan jejak karbon. Kami telah mengambil bahagian dalam Projek Pendedahan Karbon (CDP) untuk empat tahun – dan kami adalah institusi kewangan pertama di Malaysia yang mengambil bahagian.

Dalam laporan tahunan tahun lepas, pengiraan untuk Jejak Karbon terdiri daripada Pelepasan Langsung dan Pelepasan Tidak Langsung (penggunaan tenaga elektrik yang dibeli) daripada semua premis Maybank di Malaysia telah dilaporkan. Walau bagaimanapun, pengukuran tidak boleh diselaraskan dengan keperluan Standard Korporat Protokol Gas Rumah Hijau (GHG). Oleh itu, kami kini menyatakan semula Jejak Karbon bagi tahun 2014 berdasarkan Pelepasan Tidak Langsung sahaja untuk enam premis strategik di Malaysia, yang mana pengukuran adalah sejajar dengan Standard Korporat Protokol GHG.

Pada tahun 2015, kami telah mengesan Pelepasan Langsung GHG (Skop 1) dan Pelepasan Tidak Langsung GHG (Skop 2) untuk semua premis yang beroperasi di Malaysia, sejajar dengan Standard Korporat Protokol GHG. Ini adalah kerana beberapa pengesahan audit luaran yang belum selesai dan apabila diluluskan, akan dimasukkan dalam SR 2015.

Dalam usaha untuk mengurangkan jejak karbon pada tahun ini, kami telah menaik taraf sistem sedia ada di dalam premis dengan penggunaan peralatan lebih jimat tenaga. Kami juga telah memberi tumpuan kepada peningkatan keselamatan kebakaran dalam semua premis. Maklumat lanjut kesan alam sekitar akan disediakan dalam SR2015.

Pengurusan penggunaan kertas telah berkuat kuasa semenjak tiga tahun lalu. Kami telah mengguna pakai prosedur berkesan yang mana juga dapat mengurangkan penggunaan kertas di cawangan, dikenali sebagai Penyelesaian Cawangan Wilayah (RBS). Pada tahun 2015, kami merekodkan penjimatan sebanyak RM10.88 juta melalui transaksi tanpa kertas.



Penyata Kemampanan

Pendigitalan

Pendigitalan adalah tumpuan kami untuk bergerak maju ke hadapan. Dengan bilangan pengguna dalam talian berdaftar M2U pada 8.3 juta, jejak pendigitalan kami mengalami pertumbuhan signifikan dan merupakan kunci peluang untuk menyediakan akses kepada perkhidmatan.

Pengawasan Produk

2015 menyaksikan peningkatan bilangan syarikat baharu dan perusahaan sosial di Malaysia. Kami melihat tren potensi yang sangat besar untuk pertumbuhan ekonomi, pekerjaan dan pengurangan kadar kemiskinan. Maybank FinTech, yang bertujuan menyokong permulaan dan mengkomersilkan idea dalam bidang teknologi kewangan mula menunjukkan hasil. Program ini adalah merupakan yang pertama seumpamanya oleh sebuah bank di Asia Tenggara. Kami juga telah mewujudkan perkongsian dengan Pusat Kreativiti & Inovasi Global Malaysia (MaGIC) untuk meningkatkan keusahawanan di rantau ASEAN.

Maybank juga bergabung dengan SAGE, pembekal teknologi global, untuk bekerjasama dalam penyelesaian perbankan digital baharu untuk PKS di Malaysia yang akan membolehkan mereka melaksanakan pembayaran elektronik serta-merta melalui saluran perbankan dalam talian dan mudah alih terus dari modul Perakaunan dan Gaji mereka.

Rangka Kerja Keterangkuman dan Agenda Kepelbagaian Kumpulan (GIDA)

GIDA telah ditubuhkan pada March 2014 dengan tujuan untuk memastikan peningkatan perwakilan wanita dalam barisan kepimpinan di seluruh Kumpulan dan membolehkan penyertaan yang lebih besar demi menjana kekayaan rakyat di pelbagai negara kami beroperasi, terutamanya dalam komuniti PKS. Pelbagai inisiatif berjaya dibangunkan untuk memacu keputusan dalam Kumpulan serta di kalangan pelanggan.

Sejajar dengan Agenda Bumiputera negara 2014, Maybank telah melancarkan program Kecemerlangan Keusahawanan Bumiputera (BEE) pelbagai tahun yang memberi tumpuan kepada pembangunan usahawan Malaysia di seluruh rantaian nilai – daripada menyediakan pinjaman kepada kontraktor projek mega Bumiputera dan PKS sehingga kepada menyediakan program celik kewangan dan kewangan mikro untuk segmen yang tidak mendapat akses perbankan. Pada sembilan bulan pertama, program BEE ini telah melepasi sasarannya dan menyediakan pembiayaan sokongan melebihi RM650 juta kepada usahawan di seluruh negara.


Sokongan kepada PKS – program kami berdasarkan kemajuan tahun ke tahun.

Program	Petunjuk	2014	2015
Skim Jaminan Portfolio PKS (PG)	Jumlah dikeluarkan (RM juta)	230	293.46
Penglibatan Komuniti PKS	Bilangan usahawan dilatih	n/a	464

Pembiayaan Bertanggungjawab

Bagi menyokong penerapan unsur Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) ke dalam produk, pelaburan, amalan kredit dan rantaian bekalan Kumpulan, kami telah menetapkan pendirian untuk tidak terlibat dalam aktiviti perniagaan yang tidak selari dengan nilai Kumpulan. Pendirian ini adalah sebahagian daripada selera risiko Kumpulan dan telah dibangunkan dalam dasar Kumpulan yang digunakan dalam semua perkhidmatan yang disediakan.

Melangkah ke tahun 2016, kami akan terus meningkatkan komitmen terhadap Pembiayaan Bertanggungjawab dengan membangunkan lebih banyak garis panduan yang lebih terperinci untuk risiko penilaian sosial dan alam sekitar. Kakitangan yang terlibat akan ditingkatkan kemahiran mereka supaya seiring dengan perubahan risiko sosial dan alam sekitar.



Penyata Kemampanan

Pembiayaan Teknologi Hijau

Memandangkan kesedaran terhadap pemuliharaan alam sekitar semakin meningkat, permintaan terhadap projek karbon rendah, serta projek berdaya tahan iklim pun telah bertambah. Beberapa institusi telah pun memperuntukkan modal dan memacu aliran kewangan ke arah projek-projek tersebut. Kami juga terlibat dalam menilai penglibatan bidang ini. Satu langkah konkrit kami adalah menyokong Pembiayaan Teknologi Hijau. Pada tahun 2015, kami telah membiayai 20 projek di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau Malaysia (GTFS).

Rantaian Bekalan

Rantaian bekalan kami adalah luas dan memberi kesan pelbagai pihak berkepentingan. Kami menggunakan perkhidmatan mengambil pembekal tempatan sebanyak mungkin dengan tujuan memberi pulangan bermanfaat kepada ekonomi tempatan di mana kami beroperasi.

Pada tahun 2015, Perolehan Kumpulan menyemak semula kontrak standard bagi menggabungkan syarat khusus memaksa pembekal untuk mematuhi keperluan terhadap amalan pekerjaan yang adil, menghormati hak asasi manusia, tiada diskriminasi serta perlindungan alam sekitar. Gabungan fasal berkaitan buruh kanak-kanak telah pun berjaya dilaksanakan. Fasal-fasal lain akan disemak lebih lanjut dan siap pada tahun 2016.

SEMAKAN PRESTASI AKSES KEPADA PRODUK DAN PERKHIDMATAN**

Komitmen	Petunjuk	Pengesahan Tahun Ke Tahun		
		2013	2014	2015
Alam Sekitar	Jejak Karbon (Ton CO ₂ eq)# (Skop 2)	37,704.81 [^]	40,221.00 [*]	Menunggu pengesahan juruaudit luar
	Skor Projek Pendedahan Karbon (CDP)	67	71	Keputusan siap pada tahun 2016
	Penggunaan elektrik (kWh)	50,883,688 [^]	54,279,358 [*]	52,485,888[*]
	Penggunaan Air (m ³)	n/a	602,115.79 [*]	658,679.36[*]
	Penjimatan transaksi tanpa kertas (RM juta) melalui Penyelesaian Cawangan Wilayah	10	10.3	10.88
	Tempahan belian elektronik E-perolehan setiap bulan	4,300	4,036	5,752
Pendigitalan	Pengguna dalam talian berdaftar (M2U)	6.9 juta	7.8 juta	8.3 juta
	Bil. transaksi dalam talian	1.24 bilion	1.57 bilion	2.03 bilion
	Jumlah transaksi dalam talian (RM juta)	102.3	141.7	173.6
Pengawasan Produk	Pembiayaan PKS Runcit (RM bilion)	6.0	7.5	10.2

Nota:

Oleh kerana perubahan kaedah pengiraan, jumlah jejak pendedahan karbon dalam laporan ini adalah berbeza daripada Laporan Tahunan 2014. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk seksyen Komitmen Kepada Alam Sekitar, halaman 187.

[^] Berdasarkan lima premis strategik.

^{*} Berdasarkan enam premis strategik.

^{**} Malaysia sahaja.

Maybank Dalam Media



Januari

Relief effort gets RM400,000 boost

KUALA LUMPUR: The Maybank Foundation has awarded RM400,000 to help relief efforts in the aftermath of the recent flooding in the northern states of Kedah, Perlis and Terengganu.

The foundation's president, Datuk Dr Ahmad Farid, said the relief effort was a testament to the spirit of the foundation's members and staff.

"We are pleased to be able to contribute to the relief effort in this way," he said, adding that the foundation will continue to support relief efforts in the future.

RM300m special aid for victims hit by floods

Maybank special aid for victims hit by floods

Maybank special aid for victims hit by floods

Maybank special aid for victims hit by floods



A DECADE WITH MAYBANK

Farid: Banking sector still fundamentally strong

Farid: Banking sector still fundamentally strong

Farid: Banking sector still fundamentally strong

Maybank sees 20pc growth in mPOS

WORLDWIDE PAYMENT INNOVATION Bank aims to attract 4,000 SME merchants through tie-up with Alipay

WORLDWIDE PAYMENT INNOVATION Bank aims to attract 4,000 SME merchants through tie-up with Alipay

WORLDWIDE PAYMENT INNOVATION Bank aims to attract 4,000 SME merchants through tie-up with Alipay

Visually impaired to enjoy movies too

MAS and Maybank to make films available

MAS and Maybank to make films available

MAS and Maybank to make films available



Februari

Capitalise on Asean opportunity: Maybank CEO

Capitalise on Asean opportunity: Maybank CEO

Capitalise on Asean opportunity: Maybank CEO

RECORD

MAYBANK posted RM6.72 billion profit last year and its CEO Datuk Abdul Farid says it bodes results for the lender's considerable durability and strength.

MAYBANK posted RM6.72 billion profit last year and its CEO Datuk Abdul Farid says it bodes results for the lender's considerable durability and strength.

MAYBANK posted RM6.72 billion profit last year and its CEO Datuk Abdul Farid says it bodes results for the lender's considerable durability and strength.

Maybank Islamic diiktiraf terbaik

Aruturaf oleh Financial Times

The Banker buktikan kemampuan urus kekayaan

The Banker buktikan kemampuan urus kekayaan

The Banker buktikan kemampuan urus kekayaan

New offering completes Maybank Islamic services

Maybank Islamic services

Maybank Islamic services

Maybank Islamic services

馬銀行 Quick Balance

方便快速查看餘額

方便快速查看餘額

方便快速查看餘額

Mac

Maybank equity deals strong in Asean region

Maybank equity deals strong in Asean region

Maybank equity deals strong in Asean region

Maybank equity deals strong in Asean region

Smashing for charity

Smashing for charity

Smashing for charity

Exciting do for to the elderly

Exciting do for to the elderly

Exciting do for to the elderly

Exciting do for to the elderly



Maybank expects growth in SME retail financing

Maybank expects growth in SME retail financing

Maybank expects growth in SME retail financing

Maybank expects growth in SME retail financing

Maybank Dalam Media

Sila layari www.maybank.com/news untuk maklumat lanjut

April

Wider reach
MAYBANK's biggest bank in India with 100 branches, the bank has opened 100 branches in India, making it the largest bank in the country. The bank has also opened 100 branches in China, making it the largest bank in the country. The bank has also opened 100 branches in China, making it the largest bank in the country.

Boosting multi-currency lending
MAYBANK has approved the issuance of 15-dollar bonds to boost its multi-currency lending capabilities.

Maybank opens fourth branch in Greater China
Maybank has opened its fourth branch in Greater China, located in Yunnan. The bank is looking for the potential of the Chinese province to be a gateway to South Asia and ASEAN.

Maybank eyeing bigger share of financing market
MAYBANK is eyeing a bigger share of the financing market in Indonesia. The bank is looking for the potential of the Indonesian market to be a gateway to South Asia and ASEAN.

大獎得主馬賽地轎車
馬賽地轎車 (Mercedes-Benz) 獲頒發大獎。馬賽地轎車 (Mercedes-Benz) 獲頒發大獎。馬賽地轎車 (Mercedes-Benz) 獲頒發大獎。

Maybank Islamic's new IA offers higher returns
MAYBANK Islamic has launched a new Islamic Asset (IA) offering higher returns. The bank is looking for the potential of the Islamic market to be a gateway to South Asia and ASEAN.

Disabled 'Rise' to success with Maybank's help
A disabled individual has risen to success with the help of Maybank. The bank is looking for the potential of the disabled market to be a gateway to South Asia and ASEAN.

Mei

Maybank sells ops in PNG for RM418mil
MAYBANK has sold its operations in PNG for RM418 million. The bank is looking for the potential of the PNG market to be a gateway to South Asia and ASEAN.

Maybank AM aims for RM20b AUM this year
MAYBANK Asset Management (AM) aims for RM20 billion in Assets Under Management (AUM) this year. The bank is looking for the potential of the AM market to be a gateway to South Asia and ASEAN.

Maybank mahu kekal momentum
MAYBANK wants to maintain its momentum. The bank is looking for the potential of the market to be a gateway to South Asia and ASEAN.

Maybank raih Anugerah Pengambilan Kaitangan Terbaik Asia
MAYBANK has won the Best Partnership Award in Asia. The bank is looking for the potential of the market to be a gateway to South Asia and ASEAN.

ENCOURAGING START
MAYBANK has recorded a 6.2% net profit up 6.2pc. The bank is looking for the potential of the market to be a gateway to South Asia and ASEAN.

Jun

Treat yourself
MAYBANK is offering a 'Treat Yourself' campaign. The bank is looking for the potential of the market to be a gateway to South Asia and ASEAN.

Maybank-IJN charity cycle to start Aug 2
MAYBANK and IJN are launching a charity cycle starting on August 2. The bank is looking for the potential of the market to be a gateway to South Asia and ASEAN.

Pelajar buta antara 66 dapat biasiswa Yayasan MAYBANK
66 blind students have received scholarships from the MAYBANK Foundation. The bank is looking for the potential of the market to be a gateway to South Asia and ASEAN.

Maybank Islamic bantu 4,000 keluarga
MAYBANK Islamic has helped 4,000 families. The bank is looking for the potential of the market to be a gateway to South Asia and ASEAN.

Maybank Dalam Media



Julai

Kongsi rezeki bersama 6 pertubuhan kebajikan

Kumpulan Maybank bersama 6 pertubuhan kebajikan berhasrat baik...

Maybank makes it into Newsweek's green list

TOP IN ASIAN Bank only Malaysian company to get credit for environmental initiative

Maybank IB is Euromoney top investment bank

RECOGNITION It also won Best Domestic Equity House award by AsiaMoney

Maybank: Asean tech startups to flourish

Ogos

Roaring Q2

Maybank Q2 profit hits RM1.58b

CHALLENGE ENVIRONMENT But lender expects slower fair growth, spending

Maybank Islamic sumbang RM100,000 kepada IJN

Maybank first M'sian bank to operate in Myanmar

RM20j bantu beli kediaman

馬銀行獲布特投品牌獎

PUTRA

September

Maybank continues with its CSR helping Kidney patients

BY WINNIE HO

Maybank's continued commitment to corporate social responsibility (CSR) initiatives for underprivileged children through the National Kidney Foundation's Kidney Care...

Maybank sasar perbankan dalam talian meningkat

Pertumbuhan dipacu peningkatan penggunaan internet, telefon pintar

Maybank has set up an RM10b MTN programme...

Maybank sets up RM10b MTN programme

Maybank has set up an RM10b MTN programme...

2015 年 匯豐 銀行 獎

Maybank awarded 'Brand of the Year' at World Branding Forum

Maybank Dalam Media

Sila layari www.maybank.com/news untuk maklumat lanjut

Oktober



Aiming to be Myanmar's leading cross-border bank
Yongon branch to support wholesale and corporate clients as well as domestic banks

HUGE POTENTIAL: Yongon branch to support wholesale and corporate clients as well as domestic banks



Bank targets growth regions
STRONG MARKETS: Maybank to focus on Korea, China and India

Strategic focus



Maybank Investment Bank's regional reach pays off

Maybank IB issues 16 new European-style cash settled call warrants



Maybank expands branch network to Matang Jaya



Maybank Indonesia earnings soar
Search net profit up 77% as improved net interest income

November



29 残疾者获毕业证书



Maybank anjur program memperkasakan wanita



Innovative player selection process



An enterprise always looking to expand its footprints



Maybank expands wealth management business in Sarawak

Disember



Maybank IB gets multiple wins in Asiamoney poll



Maybank Islamic secures RM9b major mandates



Maybank's New Signature Tournament



Fulfilling kids' festive wish lists



马银行等密训计划 29 残疾者获毕业证书



Etiqa tingkat usaha permudah proses tuntutan banjar

Maybank Dalam Media



16 JANUARI



Pawagam Maybank-MAB untuk insan kurang penglihatan (NTV7)

25 FEBRUARI



Maybank Islamic melancarkan Pusat Kecemerlangan Syariah (Awani 502)

23 MAC



Maybank "Smash & Donate" (TV9)

16 APRIL



Maybank mengukuhkan perbankan digital menerusi pelancaran aplikasi baru (Bernama TV)

7 MEI



Pelancaran Dana Maybank Bosera (Bernama TV)

11 JUN



Anugerah biasiswa Maybank (NTV7)

6 JULAI



Maybank: Peningkatan penarafan Fitch satu keyakinan kepada ekonomi (TV3)

21 OGOS



Wawancara Ketua Pegawai Risiko Kumpulan Maybank bersama CNBC

1 SEPTEMBER



Pengumuman keputusan Kewangan Separuh Tahun Pertama 2015 (TV2)

19 OKTOBER



Maybank harap sistem tunggal diwujudkan di ASEAN (TV1)

12 NOVEMBER



Maybank harap permulaan baru bagi Kejohanan Maybank Malaysia (TV9)

15 DISEMBER



Yayasan Maybank memberi sumbangan kepada pelajar kurang bernasib baik (TV1)

Maybank Dalam Media



MaybankVideos



Maybank



@MyMaybank

Maybank telah melalui tahun yang menceriaikan dalam media digital ketika ia meneruskan inovasi terhadap kandungan dan mewujudkan peluang penglibatan yang mengujakan bersama peminat. Maybank ditempatkan pada kedudukan ke #13 dalam senarai 100 Bank Terkemuka dalam Media Sosial pada 2015.

29 APRIL 2015



YouTube Dekat dengan Anda

1.4 juta tontonan untuk cerita ini hasil nukilan Allahyarhamah Yasmin Ahmad untuk menunjukkan bagaimana Maybank berjaya menyentuh jiwa sebuah keluarga.

Sila imbas untuk tonton video



Maybank

5 FEBRUARI 2015



Terkini – latihan golf pada Kejohanan Terbuka Golf Maybank Malaysian 2015.

5 APRIL 2015



Siaran langsung Kejohanan Terbuka Badminton Maybank Malaysia 2015.

5 MEI 2015



Berkongsi maklumat mengenai program pengambilan bakat inovatif Maybank, "Go Ahead Challenge".

12 JUN 2015



Siaran langsung liputan meluas persidangan InvestASEAN.

7 SEPTEMBER 2015



Warga Maybank di seluruh dunia bersama menjayakan Hari CR Global 2015.

7 NOVEMBER 2015



Sambutan Deepavali dari kaca mata Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank.



@MyMaybank

31 JULAI 2015



Promosi "Trade & Give" Maybank, sebuah inisiatif yang membolehkan pelanggan membantu usahawan mikro.

3 OGOS 2015



Bergembira bersama penyokong kami dan menjadi viral!

25 OGOS 2015



Memberi peluang kepada peminat untuk bertemu artis kegemaran mereka.

27 OKTOBER 2015



Berkongsi misi #kemampuan Maybank.

27 NOVEMBER 2015



Kami menyediakan maklumat dan petua-petua mengenai kehidupan dan kewangan sepanjang tahun.

17 DISEMBER 2015



Menemukan peminat Star Wars di media sosial.

Ulasan Peristiwa 2015

- Korporat
- Perniagaan
- Tanggungjawab Korporat

Jan

9 JANUARI
 Maybank mengumumkan peruntukan kemudahan kewangan kecemasan berjumlah RM300 juta untuk membantu para pelanggan yang terlibat dengan banjir di Malaysia. Kemudahan ini diberikan kepada pelanggan dari kalangan peminjam gadai janji perumahan, unit amanah atau pembiayaan perniagaan termasuk perniagaan kecil dan sederhana runcit (SME) mengikut masalah yang dihadapi masing-masing.

12 JANUARI
 Yayasan Maybank mendermakan RM400,000 sebagai usaha pemulihan dan pembinaan semula surau yang musnah dalam banjir di Kuala Krai, Kelantan dan Sekolah Pendidikan Awal Nasunugan di Ormoc City, Filipina yang terjejas akibat Taufan Besar Haiyan yang melanda pada 2013.

14 JANUARI
 Bank Internasional Indonesia (BII) memeterai perjanjian dengan PT Citilink Indonesia untuk menyediakan kemudahan pembayaran kargo dalam talian menerusi BII CoOLPay (Pembayaran Dalam Talian Korporat) yang juga penyelesaian pembayaran menerusi internet bagi membolehkan ejen kargo untuk membuat bayaran kepada Citilink Cargo pada masa sebenar.

15 JANUARI
 Maybank melancarkan pawagam pertama di Asia Tenggara untuk golongan bermasalah penglihatan dengan kerjasama Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB). Dikenali sebagai Maybank – MAB Cinema, panggung wayang dengan Penerangan Audio (AD) ini boleh memuatkan sehingga 180 orang untuk sekali tayangan.



15 JANUARI
 Maybank Investment Bank dilantik sebagai Bank Pengatur, Pengatur Mandat Utama Bersama, Ejen Pelaburan dan Ejen Sekuriti untuk SapuraKencana Petroleum Berhad bagi Perjanjian Kemudahan Islam berjumlah AS\$2.3 bilion. Transaksi ini adalah kemudahan Islam terbesar di Malaysia setakat ini.

16 JANUARI
 Etiqa Takaful membantu mengurangkan beban mangsa banjir di Pantai Timur menerusi kerjasama dengan Islamic Aid Malaysia (IAM) untuk menghulurkan bantuan. Menerusi dana zakat Etiqa Takaful, bekalan keperluan bernilai RM317,000 telah disumbangkan kepada 1,000 keluarga di kawasan pedalaman di Kota Bahru dan Temerloh.

19 JANUARI
 Asia Miles dan Maybank mengumumkan usahasama bagi membolehkan pemegang kad Maybank di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Filipina untuk menebus mata ganjaran Asia Miles menggunakan mata ganjaran TREATS Points.

26 JANUARI
 Maybank bekerjasama dengan Maxis Berhad untuk melancarkan perkhidmatan Maybank mPOS bagi membolehkan Perusahasan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk memanfaatkan kemudahan pembayaran tanpa wayar bagi menyokong pertumbuhan perniagaan mereka. Maybank mPOS merupakan peranti pembayaran mudah alih yang membolehkan pihak saudagar untuk menerima bayaran menerusi kad pada bila-bila masa dan di mana jua.



29 JANUARI
 Maybank Filipina menganjurkan majlis pecah tanah bagi pembinaan Pusat Persembahan Kesenian Maybank yang terletak di Bonifacio Global City. Majlis ini dianjurkan oleh Bonifacio Arts Foundation, Inc. (BAFI) dan dihadiri oleh pihak berkepentingan serta para penyumbang dana. Maybank merupakan penyumbang pertama bagi projek ini yang dijangka siap dalam tempoh 18-20 bulan.



30 JANUARI
 Maybank Islamic menawarkan perkhidmatan Kustodi Islam Maybank untuk memanfaatkan pelanggan dalam dan luar negara. Perkhidmatan terbaru ini melengkapkan tawaran kewangan Islam Maybank.



Feb

6 FEBRUARI
 Sebagai sebahagian daripada usaha untuk membantu penduduk yang terjejas akibat banjir di beberapa kawasan di Malaysia, Yayasan Maybank telah menyumbang sebanyak RM100,000 kepada Tabung Bencana NSTP-Media Prima pada satu majlis khas yang diadakan sempena Kejohanan Terbuka Maybank Malaysia di Kuala Lumpur Golf and Country Club (KLGCC).

8 FEBRUARI
 Anirban Lahiri memenangi Trofi Seagram pada Edisi Ke-10 Golf Terbuka Maybank Malaysia.



11 FEBRUARI
 BII melaporkan keuntungan operasi sebelum peruntukan sebanyak IDR2.87 trilion bagi tahun kewangan penuh yang berakhir pada Disember 2014 berbanding IDR2.90 trilion dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya. Keuntungan bersih selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) dalam tahun kewangan berkenaan adalah sebanyak IDR699 bilion pada Disember 2014 berbanding IDR1.5 trilion dalam tahun sebelumnya.

12 FEBRUARI
 Maybank Kim Eng menaja Sidang Kemuncak "Cap10 ASEAN CEO" yang pertama bersama Bursa Malaysia di Kuala Lumpur. Ia dihadiri oleh lebih daripada 1,000 pemimpin ekonomi dan perdagangan dan juga peneraju utama 10 pasaran modal, 280 CEO dari Malaysia serta syarikat awam dan swasta berpangkalan di ASEAN, syarikat senarai awam, PKS dan lebih daripada 60 pengurus dana institusi dan syarikat broker. Ia bermatlamat untuk menarik perhatian terhadap peluang-peluang di ASEAN.

Sila layari www.maybank.com/events untuk maklumat lanjut

Ulasan Peristiwa 2015

Mar



14 FEBRUARI

Maybank Kemboja, menerusi kerjasama dengan Visa International, melancarkan kad Maybank Visa Debit, kad dwi-kegunaan pertama yang menyediakan laluan tempatan dan antarabangsa kepada akaun bank pemegang kad.



17 FEBRUARI

BII dilantik sebagai salah satu daripada 22 bank yang dibenarkan menyediakan pemudahcara pembayaran cukai menerusi sistem MPN G2 (Modul Penerimaan Negara Generasi 2).



23 FEBRUARI

Maybank melancarkan perkhidmatan semakan akaun "Quick Balance" yang pertama di Malaysia menerusi aplikasi Maybank2u yang direka khas untuk meningkatkan nilai saranan perkhidmatan perbankan mudah alihnya. Perkhidmatan baru ini membolehkan pelanggan untuk menyemak baki akaun mereka dengan hanya menekan satu butang.



24 FEBRUARI

Maybank Islamic melancarkan Pusat Kecemerlangan Syariah – pusat maya yang bertujuan untuk menjadi pusat khazanah pengetahuan dan rujukan Syariah mengenai amalan terbaik Syariah dalam kewangan Islam bagi memanfaatkan peserta industri, ahli akademik dan masyarakat umum. Dilancarkan oleh Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, pusat ini menunjukkan komitmen Maybank Islamic sebagai bank peneraju kewangan Islam di rantau ini untuk mendukung piawaian amalan Syariah yang tinggi dalam sektor kewangan Islam.



26 FEBRUARI

Maybank mengumumkan keuntungan bersih Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 telah mencatat satu lagi rekod baru dengan jumlah RM6.72 bilion, 2.5% lebih tinggi berbanding RM6.55 bilion yang dicatatkan dalam tahun sebelumnya. Keuntungan sebelum cukai (PBT) pula naik 2.7% kepada RM9.11 bilion berbanding RM8.87 bilion dalam tahun sebelumnya.



2 MAC

Fad'l Mohamed telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Investment Bank.



3 MAC

Maybank Philippines, Inc. dilantik oleh Manila North Tollways Corp. (MNTC) yang juga pemaju dan pemilik konsesi pembinaan Lebuhraya Utara Luzon sepanjang 90-km, bagi mengendalikan urusan penyediaan cek dan melaksanakan transaksi.



4 MAC

Maybank meraikan sambutan Tahun Baru Cina bersama 50 warga emas dari Rumah Sri Kenangan Cheras dan House of Joy di Menara Maybank. Para tetamu dihiburkan dengan persembahan tarian singa akrobatik dan upacara menggaul "Yee Sang". Mereka turut menerima "ang pow" dan cenderahati daripada pengurusan kanan Maybank.



8 MAC

Etiqa Insurance Berhad menaja acara separuh marathon pada Marathon Wanita Malaysia (MWM) yang berlangsung di Shah Alam sempena Hari Wanita Antarabangsa 2015. Acara larian ini diadakan setiap tahun untuk meraikan keupayaan wanita untuk turut serta dalam acara marathon dan berusaha mencapai kejayaan di luar jangkaan mereka.



9 MAC

Maybank Filipina merasmikan pelancaran aplikasi Maybank2u Mobile.



22 MAC

Yayasan Maybank mendermakan sebanyak RM1 juta kepada Pusat Pemindahan Hepar Hospital Selayang sempena acara kebajikan "Smash and Donate" yang menyaksikan selebriti popular, eksekutif korporat dan juga bekas pemain badminton dan pemain junior negara berentap di gelanggang badminton yang dianjurkan sempena kejohanan Badminton Terbuka Maybank Malaysia.



23 MAC

BII menyampaikan hadiah kepada pemenang utama "Platinum Access" yang merupakan pakej kembara ke lima benua kepada sebuah keluarga pemenang.



24 MAC

Maybank Kim Eng Securities (Thailand) bertindak sebagai Penasihat Kewangan Tunggal, Pengatur Tunggal, dan Penajajamin Utama bagi terbitan tawaran awam permulaan (IPO) untuk Platinum Group yang melibatkan THB5,180 juta – IPO hartanah terbesar dan IPO kedua terbesar di Thailand pada hari penetapan harga, pada 2015.



24 MAC

BII dan PT Garuda Indonesia (Persero) Tbk memeterai kemudahan pinjaman penyambung berjumlah AS\$100 juta (kira-kira IDR1.3 trilion).



26 MAC

BII menubuhkan usahasama dengan PT Maybank GMT Asset Management untuk menjadi agen jualan bagi produk dana mutualnya.

Ulasan Peristiwa 2015

Apr



26 MAC

Maybank Filipina, buat pertama kalinya dimasukkan ke dalam senarai 5 Peserta Utama Broker Pendapatan Tetap 2014 oleh Philippines Dealing System Group yang juga bursa pendapatan tetap sekunder di negara berkenaan. Anugerah ini diberikan kepada institusi kewangan yang telah menjana tiket perdagangan paling banyak dalam tahun berkenaan dan diukur menerusi jumlah transaksi sekuriti yang diurus niagakan mengikut nilai muka.



31 MAC

Maybank Kim Eng mengumumkan usahasama dengan KIVA, platform utama pembiayaan orang ramai dalam talian yang mempromosikan pembiayaan mikro kepada lebih 10,000 usahawan mikro di lima negara ASEAN.



31 MAC

Maybank Kim Eng menjadi tuan rumah bagi persidangan kedua Invest ASEAN bertemakan "Memfaatkan Kebangkitan Pengguna ASEAN" di Singapura. Persidangan ini mengumpulkan wakil dari lebih 11 negara termasuk 67 syarikat korporat yang melibatkan modal pasaran hampir AS\$152 bilion dan 452 pelabur dari 195 dana mewakili nilai Aset di Bawah Pengurusan sebanyak AS\$38.5 trilion.



1 APRIL

Maybank mengumumkan ia merupakan salah satu daripada dua buah bank yang memeterai perjanjian dengan Cititower Sdn Bhd untuk kemudahan pembiayaan Islam berjangka bersindiket bernilai RM3.2 bilion untuk tempoh 20 tahun yang merupakan sebahagian daripada dana yang dijana untuk pembiayaan projek bercampur di KLCC Park.



3 APRIL

Maybank Investment Bank bertindak sebagai Penasihat Prinsipal bagi penswastan syarikat subsidiari IJM Corporation Berhad, IJM Land Berhad, menerusi urusan korporat bernilai RM1.98 bilion dalam bentuk saham IJM dan tunai.



4 APRIL

Etiqa Takaful Berhad, dengan kerjasama Islamic Aid Malaysia, menggerakkan usaha bagi membina rumah kekal untuk mangsa banjir di Kelantan. Pembinaan sebanyak 46 buah rumah di Gua Musang dan Kuala Krai ini dibiayai menerusi dana zakat Etiqa Takaful dan tabung amal jariah para pelanggannya yang diperoleh daripada lebih agihan sumbangan.



7 APRIL

Maybank mencatat satu lagi kejayaan dengan pembukaan rasmi cawangan baharu di Kunming, Wilayah Besar China, yang menjadikannya bank pertama dari Malaysia dan satu daripada dua bank di Asia Tenggara yang beroperasi di Wilayah Yunnan di barat daya China.



14 APRIL

Maybank Islamic melancarkan Akaun Pelaburan Mudarabah, produk yang dilaburkan dalam portfolio aset yang pelbagai dengan pengekalan modal menjadi matlamat utama. Di bawah akaun ini, pelanggan boleh mengharapkan potensi pulangan yang lebih tinggi dan stabil daripada deposit mereka.



15 APRIL

Maybank melancarkan dua aplikasi perbankan digital baharu - Maybank Treats dan Maybank Property Finder Apps yang merupakan kemudahan pertama seumpamanya pernah diperkenalkan kepada pelanggan di Asia Tenggara. Pengenalan dua aplikasi ini bertujuan untuk mengukuhkan penglibatan digital Kumpulan serta meningkatkan kemudahan bagi pelanggan kad dan gadaai janji.



17 APRIL

Sempena meraikan Jubili Singapura (SG50), Maybank Singapura dan Etiqa Insurance Pte Ltd (EIPL) telah berikrar bersama-sama untuk menaja program insurans peribadi bernilai S\$500,000 yang menyediakan perlindungan kemalangan kepada 3,000 keluarga berpendapatan rendah. Setiap ketua keluarga dan enam anak dalam setiap keluarga akan menerima perlindungan kemalangan percuma untuk tempoh 2 tahun dengan dana perlindungan sehingga S\$50,000. Program ini mengembangkan lagi Skim Perlindungan Ketua Keluarga Maybank yang telah dimulakan sejak 2012, dan kini telah diberi nama baru iaitu Maybank-Etiqa Family Shield.



18 APRIL

Yayasan Maybank membantu lebih daripada 280 orang kurang upaya mencapai impian mereka untuk menjadi usahawan yang berjaya melalui program pemerkasaan ekonomi Tanggungjawab Korporat yang dikenali sebagai RISE dengan kerjasama syarikat People System Consultancy.



20 APRIL

Maybank Investment Bank merupakan satu daripada bank yang memeterai perjanjian dengan Impian Bebas Sdn Bhd untuk menyediakan pembiayaan Islam berjangka sindiket (ITF) RM1.08 bilion untuk tempoh 15 tahun. Maybank IB telah dilantik sebagai bank penyelaras dan pengatur utama bersama bagi ITF berkenaan.



24 APRIL

Maybank telah melancarkan terbitan sulung Bon Samurai, yang menjana JPY 31.3 bilion (bersamaan kira-kira AS\$261 juta) untuk tempoh matang tiga dan lima tahun. Terbitan ini merupakan bon Samurai yang pertama kali diterbitkan oleh sektor perbankan Malaysia, dan juga terbitan bon Samurai yang pertama dalam tahun fiskal 2015 di Jepun.



28 APRIL

BII meluaskan usahasama dengan Garuda Indonesia untuk melaksanakan mekanisme transaksi "Swap Matawang Silang".



29 APRIL

BII mengumumkan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) meningkat 33.5% kepada IDR255.6 bilion dalam suku pertama tahun kewangan berakhir 31 Mac 2015 berbanding IDR191.5 bilion dalam tempoh sebelumnya pada 31 Mac 2014.

Ulasan Peristiwa 2015

Mei



29 APRIL

Maybank Investment Bank bertindak sebagai Pengurus Transaksi, Penasihat Prinsipal Bersama, Pengatur Global Bersama, Pengurus Buku Bersama, Pengurus Penajamin Bersama, dan Penajamin Bersama bagi terbitan awam permulaan (IPO) Malakoff Corporation Berhad bernilai RM2.74 bilion. Transaksi ini merupakan IPO terbesar pada 2015 pada masa terbitan.



5 MEI

Maybank Asset Management Sdn Bhd, bersama Maybank Islamic Asset Management telah melancarkan dana ekuiti Islam pertama di bawah rangka kerja passport ASEAN yang dikenali sebagai Dana Ekuiti-i Wilayah Besar China-ASEAN Maybank Bosera untuk meraih potensi ekuiti di dalam Wilayah Besar China dan Asean.



11 MEI

Maybank memeterai perjanjian dengan Honda Malaysia Sdn Bhd bagi penyediaan Penyelesaian Perniagaan yang akan memudahkan pelbagai jenis perkhidmatan kewangan. Penyelesaian ini meliputi keseluruhan rangkaian bekalan daripada pembuatan kereta, pengedaran, peruncitan dan perkhidmatan selepas jualan untuk pembekal, pengedar dan pelanggan di Malaysia.



18 MEI

Maybank mengumumkan ia telah memeterai perjanjian jualan saham (SSA) dengan Kina Ventures Ltd dan Kina Securities Ltd dari Papua New Guinea, bagi tujuan cadangan pelupusan keseluruhan ekuiti Maybank dalam Maybank (PNG) Limited (MPNG) dan Mayban Property (PNG) Limited (MPPNG) kepada Kina Ventures.



22 MEI

Maybank mengumumkan diskaun antara 50%-90% bagi caj penghantaran wang ke Nepal bagi membantu komuniti negara itu termasuk pekerja asing dari Nepal yang berkhidmat di Malaysia yang mahu memindahkan wang kepada keluarga dan rakan-rakan mereka yang terlibat dalam gempa bumi di negara berkenaan.

Jun



25 MEI

Maybank Kim Eng menjadi tuan rumah bagi persidangan Invest ASEAN ketiga yang berlangsung di Ho Chi Minh City, Vietnam. Persidangan bertemakan "Vietnam: Kilang Global Masa Hadapan", telah menarik lebih daripada 200 peserta dari 10 buah negara termasuk 15 syarikat korporat dengan permodalan pasaran terkumpul hampir AS\$22.2bilion dan juga Aset di Bawah Pengurusan sebanyak AS\$5 trilion.



28 MEI

Kumpulan Maybank mengumumkan keuntungan bersih suku pertama sebanyak RM1.70 bilion, naik 6.2% daripada RM1.60 bilion yang dicapai dalam suku pertama 2014. Keuntungan sebelum cukai bagi suku berkenaan meningkat kepada RM2.24 bilion dari RM2.21 bilion tahun sebelumnya.



3 JUN

BII mengajur 'Anugerah Sukma BII' sebagai sebahagian daripada komitmennya terhadap pembangunan usahawan wanita yang mampan. Pemenang disokong oleh BII untuk menyertai program mentor pembangunan perniagaan.



5 JUN

Yayasan Maybank, melalui Maybank Filipina telah menyerahkan sumbangan tambahan sebanyak PHP500,000 untuk membiayai Persatuan Tenaga Kerja Maybank-Xavier Ecoville (MAXEMA) bagi program latihan kemahirannya. Maybank adalah rakan kongsi utama Projek Xavier Ecoville, satu program pemuliharaan berterusan untuk mangsa bencana Taufan Sendong pada 2012.



6 JUN

BII mengendalikan program untuk memperkasa para nelayan dan keluarga mereka di Indramayu, Jawa Barat dengan menyediakan bantuan berbentuk bot dan enjin bot, pukat dan penyelenggaraan. Bank turut menyediakan kemudahan penyimpanan sejuk untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran. Untuk anak-anak nelayan pula, BII telah menyediakan bantuan pendidikan kepada mereka berbentuk buku, sudut bacaan, komputer riba, projektor dan skrin serta bantuan dana untuk pengubahsuaian bangunan sekolah. Selain itu, kakitangan BII turut membersihkan pantai Karangsong.



10 JUN

Yayasan Maybank telah menyampaikan Anugerah Biasiswa Tahunan Kumpulan Maybank kepada seramai 66 pelajar cemerlang baharu yang layak menerima biasiswa ini sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan tanggungjawab korporat terhadap pendidikan.



11 JUN

Maybank telah melancarkan Treats Fair ke-11 dengan mensasarkan nilai jualan lebih daripada RM23 juta, iaitu kenaikan 10% lebih tinggi berbanding RM21 juta dalam tahun 2014. Kejayaan berterusan Treats Fair juga telah memperlihatkan perluasan penganjuran acara berkenaan ke rantau ini dengan pengenalan Treats Fair yang sama di Filipina.



12 JUN

BII dan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) telah mewujudkan perkongsian strategik untuk menyediakan kemudahan pinjaman dua langkah untuk Pusat Ekonomi PT Jepun Indonesia Economic Centre (JIAEC). Kemudahan pinjaman 10 tahun ini akan digunakan oleh JIAEC untuk membiayai pembangunan skim pelatih.



15 JUN

Maybank Kim Eng telah menjadi tuan rumah bagi Persidangan Invest ASEAN ke-4 bertemakan "Thailand: Gerbang ke GMS". Diadakan di Bangkok, persidangan ini telah menarik seramai 400 peserta dari 8 negara termasuk 30 syarikat korporat dengan jumlah permodalan pasaran sebanyak AS\$108 bilion dan 50 dana dari seluruh Asia dengan nilai Aset di Bawah Pengurusan sebanyak AS\$4.2 trilion.



26 JUN

Maybank telah menyerahkan lebih RM7.75 juta bayaran Zakat kepada 11 agensi Zakat Negeri pada Majlis Iftar Kumpulan Maybank bertempat di Masjid Wilayah Persekutuan. Sumbangan ini adalah sebahagian daripada jumlah zakat sebanyak RM19.2 juta oleh unit perbankan Islam Kumpulan Maybank, Maybank Islamic Berhad, bagi tahun kewangan 2014.

Ulasan Peristiwa 2015

Jul



7 JULAI

Maybank Filipina telah memeterai perjanjian dengan Tanay Rural Bank (TRB) Inc. dan TRB Investco bagi melaksanakan perjanjian escrow untuk meningkatkan modal TRB serta meningkatkan kemudahan pinjaman di kawasan mereka beroperasi.



8 JULAI

Maybank telah menawarkan pilihan elektronik kepada pelanggan sebagai hadiah pada musim perayaan Hari Raya sebagai sebahagian daripada usaha mempromosikan kemudahan tanpa tunai dan menawarkan lebih banyak keselesaan kepada pelanggan. Kemudahan ini terdiri daripada 'duit raya' elektronik dan Kad Hadiah Raya Maybank melalui Maybank2u, yang pertama seumpamanya di Malaysia.



13 JULAI

Maybank telah merintis penggunaan pengesahan biometric dalam perbankan mudah alih dengan pengenalan perkhidmatan Quick Touch pada aplikasi Maybank2u, pertama seumpamanya di Malaysia, yang turut membolehkan pelanggan untuk mengakses dan menyemak baki akaun mereka dengan hanya menggunakan cap jari pada peranti mudah alih untuk pengesahan.



15 JULAI

Maybank membentuk usahasama dengan KASIKORNBANK PCL, bank komersil ke-4 terbesar di Thailand dari segi aset, untuk mewujudkan dan membangunkan perkongsian strategik jangka panjang demi faedah bersama dalam bidang transaksi perbankan juga untuk menerokai peluang-peluang perniagaan yang timbul daripada pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC).



20 JULAI

Lebih daripada 1,100 pemohon yang terdiri daripada para graduan dan penuntut daripada universiti-universiti di Kemboja telah disenarai pendek untuk bertarung dalam pencarian utama finalis Cabaran Maybank Go Ahead. Setiap pasukan akan berentap dalam siri tugas yang direka khas untuk menguji daya fikir strategik mereka, perancangan taktikal dan tindak balas pantas yang akan menyumbang kepada pendapat perniagaan ketika berdepan dengan cabaran yang diberikan.



23 JULAI

Maybank telah memperkenalkan MaybankFintech, program pertama seumpamanya oleh bank di Asia Tenggara untuk membiayai syarikat permulaan teknologi selain menyokong dan menjana idea dalam bidang teknologi kewangan.



Ogos



30 JULAI

BII telah mengumumkan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) mereka meningkat sebanyak 13.9% kepada IDR388 bilion dalam separuh tahun pertama berakhir 30 Jun 2015 berbanding IDR341 bilion dalam tempoh sama tahun sebelumnya pada 30 Jun 2014.



31 JULAI

Maybank mengumumkan bahawa ia akan menganjurkan Kejohanan Golf Maybank Malaysia (MCM) pada Februari 2016. Acara yang dinaungi oleh Jelajah European dan Asia ini dibangunkan berikutan kejayaan perhubungan dengan kedua-dua persatuan golf ini sepanjang 10 tahun lalu menerusi penglibatan dalam Kejohanan Terbuka Maybank Malaysia (MMO).



1 OGOS

Maybank Cambodia dan Manulife Cambodia telah menandatangani perjanjian bankansurans bagi membolehkan Manulife menjual penyelesaian insurans hayat kepada pelanggan Maybank di seluruh negara. Perkongsian pengagihan dengan Manulife Cambodia ini merupakan perkongsian pertama antara Maybank dengan penanggung insurans hayat di Kemboja.



2 OGOS

Maybank Islamic menganjurkan acara kebajikan "Cycle: Save a Child's Heart 2.0" kali kedua, yang berlangsung di Ipoh, Perak. Acara ini dirasmikan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan DYMM Raja Permaisuri Perak, yang mana kedua-duanya telah menyertai acara berbasikal 10 kilometer untuk tetamu khas. Acara ini telah menjana RM100,000 untuk membiayai kos pembedahan kanak-kanak di rantau ini yang menghidap masalah jantung.



Ulasan Peristiwa 2015

Sep



5 OGOS

Berikutan kejayaan fasa perintis program R.I.S.E (Mendekati Kemerdekaan, Kemampunan Usahawan) oleh Yayasan Maybank, fasa kedua diteruskan lagi dengan tujuan untuk memanfaatkan seramai 1,800 orang di tiga negara dengan 70% daripadanya terdiri daripada Orang Kurang Upaya (PWDs). Program ini melibatkan tiga negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Filipina.



7 OGOS

Maybank telah menganjurkan majlis resepsi korporat sambutan Hari Raya bagi meraikan para pelanggan dan rakan kongsi perniagaannya. Sebagai salah satu usaha Kumpulan dalam berkongsi keceriaan perayaan dengan mereka yang kurang bernasib baik, seramai 80 orang anak-anak Rumah Kebajikan As-Safiyah dan Persatuan Kebajikan & Pendidikan Nur Kasih Selangor telah dijemput dan diraikan dengan pelbagai juadah dan diberikan duit raya.



12 OGOS

BII bersama-sama Yayasan Maybank telah memberi biasiswa kepada anak-anak cemerlang yang datang daripada keluarga yang memerlukan di 30 wilayah Indonesia bagi meneruskan pengajian mereka di sembilan universiti terkemuka di seluruh Indonesia.



17 OGOS

Maybank telah melancarkan konsep perbankan cawangan baharu dengan meletakkan sasaran pada pelajar Generasi Z dan milenia di kampus-kampus universiti, dikenali sebagai Maybank@Campus. "Ruang Kampus" yang pertama seumpamanya diberi nama Maybank@Monash telah dilancarkan di Universiti Monash Malaysia dan direka khas demi memenuhi keperluan unik para pelajar dan komuniti kampus.



18 OGOS

Maybank Filipina menjadi satu daripada konsortium 10 bank-bank tempatan yang mengambil bahagian dalam kemudahan pinjaman 15 tahun sebanyak PHP31.971 bilion untuk Therma Visayas Inc. (TVI), dengan sebahagian daripada peruntukkan akan digunakan untuk membina loji arang batu di Bandar Toledo, Cebu. Pinjaman ini merupakan antara kemudahan dalam matawang peso terbesar pernah dijana di pasaran domestik Filipina.



25 OGOS

Maybank Kim Eng telah menjadi tuan rumah untuk Persidangan Invest ASEAN ke-5 di Manila, Filipina. Persidangan yang bertemakan "Meraih Manfaat: Dividen Demografi ASEAN" telah menarik seramai 600 peserta dari 8 negara termasuk 29 syarikat korporat menghadiri persidangan dengan jumlah permodalan pasaran hampir AS\$93 bilion serta 77 dana dari seluruh dunia dengan nilai Aset di Bawah Pengurusan sebanyak AS\$637 bilion.



26 OGOS

Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank, Datuk Abdul Farid Alias telah mengadakan kunjungan hormat kepada Tuan Yang Terutama Benigno Simeon C. Aquino III, Presiden Republik Filipina di Istana Malacanang sempena Persidangan Invest ASEAN di Manila. Antara yang hadir adalah Setiausaha Jabatan Kewangan Filipina, Cesar Purisima dan Herminio M. Famatigan Jr., Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif, Maybank Filipina.



27 OGOS

Maybank telah mengumumkan keuntungan bersih untuk setengah tahun berakhir 30 Jun 2015 dengan peningkatan 3.4% daripada tahun sebelumnya kepada RM3.28 bilion.



29 OGOS

Sempena acara BII Maybank Bali Marathon, pihak BII telah menganjurkan acara Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di Gianyar, Bali sehari sebelum marathon berlangsung untuk menyediakan bantuan dengan memperkasakan ekonomi golongan kurang upaya, menyediakan sokongan berterusan untuk pendidikan masyarakat Gianyar dan juga pemuliharaan alam sekitar.



30 OGOS

BII telah berjaya menganjurkan BII-Maybank Bali Marathon (BMBM) ke-4 dengan penglibatan lebih daripada 5,000 peserta melibatkan 37 warganegara pelbagai negara.



5 SEPTEMBER

Kira-kira 22,000 kakitangan Maybank seluruh dunia meraikan Hari Global CR Maybank ke-6 bertemakan "Inspirasi Masyarakat Global" melalui penglibatan secara langsung dengan masyarakat di lokasi masing-masing dan terus membantu mempertingkatkan daya kehidupan dan/atau alam sekitar mereka melalui inisiatif mampan. Ini merupakan program masyarakat tunggal terbesar dilaksanakan secara serentak pada skala global dalam satu hari oleh syarikat berpangkalan di Malaysia.



14 SEPTEMBER

Maybank telah melancarkan satu lagi aplikasi digital pertama seumpamanya di Malaysia, 'Snap & Donate' yang membolehkan pelanggan untuk memberi sumbangan kepada waris amal dengan hanya mengambil gambar logo penerima manfaat atau pertubuhan kebajikan dengan menggunakan peranti telefon pintar dan seterusnya memberi sumbangan secara langsung melalui Maybank2u.



14 SEPTEMBER

Etiqa Takaful Berhad telah melancarkan i-DoubleSecure, pelan takaful keluarga pertama atas talian yang memberikan pelanggan kemudahan yang tiada tandingan dan kemudahan untuk membeli insurans serta-merta, dengan fleksibiliti untuk memilih tahap faedah dan tempoh pelan tersebut.



14 SEPTEMBER

BII mengukuhkan perkhidmatan digital dengan melancarkan aplikasi perbankan mudah alih Maybank2u untuk platform Android dan iOS.



17 SEPTEMBER

Maybank bekerjasama dengan syarikat teknologi global terkemuka SAGE, penyedia Perancangan Sumber Perusahaan (ERP) dan pembekal terbesar dunia terkemuka untuk segmen PKS, untuk menyediakan penyelesaian perbankan digital baharu kepada PKS di Malaysia. Perkongsian ini membolehkan PKS melaksanakan pembayaran elektronik serta-merta melalui saluran perbankan atas talian dan mudah alih, terus dari modul Perakaunan dan Penggajian mereka.

Ulasan Peristiwa 2015

Okt



23 SEPTEMBER

PT Bank Indonesia Tbk (BII) secara rasmi menukar namanya kepada PT Bank Maybank Indonesia Tbk (Maybank Indonesia) mengukuhkan lagi identiti korporat sebagai sebahagian daripada Kumpulan Maybank.



30 SEPTEMBER

Maybank telah menyelesaikan penjualan keseluruhan kepentingan ekuitinya dalam Maybank (PNG) Limited (MPNG) dan Mayban Property Limited (PNG) (MPNG) kepada Kina Ventures Ltd menerusi perjanjian penjualan saham yang dimeterai pada 18 Mei 2015.



30 SEPTEMBER

Maybank Indonesia dengan rasminya telah melancarkan Kekayaan Premier Maybank, penjenamaan semula perkhidmatan Pengurusan Kekayaan yang akan terus didorong oleh penawaran merentasi sempadan serantau Kumpulan.



2 OKTOBER

Maybank secara rasminya telah melancarkan operasinya di Myanmar yang bertujuan untuk memberi tumpuan kepada transaksi perbankan, pinjaman korporat dan perkhidmatan perbendaharaan sebagai sebahagian daripada objektifnya untuk mewujudkan perbankan merentasi sempadan yang terkemuka di Myanmar. Pembukaan cawangan Maybank Yangon ini telah dirasmikan oleh Timbalan Gabenor Bank Negara Myanmar, Tuan Yang Terutama U Set Aung dan Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia, Dato' Muhammad Ibrahim.



3 OKTOBER

15 keluarga daripada Kampung Pahi yang kehilangan rumah mereka pada Disember 2014 ekoran bencana banjir, masing-masing telah menerima kunci rumah baharu mereka daripada Etiqa Takaful dalam satu majlis penyerahan di Kelantan. Barang-barang keperluan asas rumah termasuk peti sejuk, dapur dan periuk nasi turut disumbangkan kepada keluarga ini.



Nov



6 OKTOBER

Siri Persidangan Invest ASEAN 2015 ke-6 dan yang terakhir telah diadakan di Jakarta, Indonesia. Bertemakan "Mendalami AEC: Peluang di Indonesia", persidangan ini telah menarik seramai 400 peserta dari 7 negara dan 25 syarikat korporat dengan jumlah permodalan pasaran hampir AS\$93 bilion serta 60 dana dari seluruh dunia dengan nilai Aset di Bawah Pengurusan sebanyak AS\$585 bilion.



10 OKTOBER

Maybank Indonesia dalam pakatannya dengan Institut Koperasi Indonesia (IKOPIN) telah bersetuju untuk menyediakan biasiswa penuh kepada pelajar cemerlang daripada keluarga kurang berkemampuan untuk melanjutkan pelajaran ke program diploma dan ijazah. IKOPIN, sebagai balasan akan mambantu Bank untuk menubuhkan koperasi bagi kemudahan komuniti nelayan di Karongsong, Indramayu di mana Maybank Indonesia telah mengendalikan program memperkasakan masyarakat.



29 OKTOBER

Maybank Indonesia telah mengumumkan keuntungan bersihnya bagi tempoh sembilan bulan berakhir 30 September 2015 meningkat 70.7% kepada IDR592 bilion daripada IDR347 bilion dalam tempoh sama sebelumnya berakhir 30 September 2014.



30 OKTOBER

Sebagai inisiatif untuk meningkatkan kewujudan Perbankan PKS Maybank dalam industri, Maybank Singapura telah bekerjasama dengan Persatuan Enterpris Kecil dan Sederhana (ASME) untuk mengiktiraf PKS yang telah berjaya menaikkan jenama mereka menerusi Anugerah Jenama Prestij Singapura (SPBA). Beberapa anugerah termasuk Jenama Serantau Maybank, Jenama Terkenal, Jenama Meyakinkan dan Jenama Warisan telah diserahkan kepada para pemenang PKS.



2 NOVEMBER

Maybank Indonesia dengan rasminya telah melancarkan logo barunya selaras dengan identiti jenama bank induknya, Maybank.



3 NOVEMBER

Maybank telah berjaya memperkenalkan Program Kertas Komersial AS di mana dari semasa ke semasa cawangan Maybank New York boleh menerbitkan nota sehingga jumlah agregat maksimum AS\$500 juta nilai nominal.



3-5 NOVEMBER

Maybank Islamic terlibat sebagai Rakan Strategik Forum Ekonomi Islam Dunia buat kali ketiga. Forum edisi ke-11 ini telah berlangsung di Kuala Lumpur bertemakan "Membina Daya Tahan Pertumbuhan Yang Seimbang."



5 NOVEMBER

Lebih daripada 1,000 orang wanita telah hadir untuk acara berunsur Kesihatan, Pemerksaan dan Memperkayakan (H.E.R) yang dianjurkan oleh Kumpulan Maybank, sempena bulan Kesedaran Kanser Payudara.



6 NOVEMBER

Maybank Asset Management Group memeterai kerjasama dengan pakar pengurusan dana infrastruktur global, Hastings Management Pty Ltd, untuk menyediakan peluang pelaburan infrastruktur patuh Syariah kepada pelabur di Asia. Maybank Asset Management akan menggabungkan kehadiran kukuh dan kekuatannya di ASEAN yang meliputi 10 negara bersama pakar pelaburan Hastings untuk mewujudkan perhubungan dana yang kukuh.



Ulasan Peristiwa 2015

Dis



7 NOVEMBER

Etiqa Takaful telah bekerjasama dengan Islamic Aid Malaysia untuk melancarkan program “Kembali ke Sekolah” dengan menyediakan baju sekolah, kasut, tudung, stoking dan beg sekolah untuk pelajar yang memerlukan di Sabah, Kedah dan Pulau Pinang. Setiap tahun, sebanyak 1,000 pelajar telah dipilih sebagai penerima untuk program tersebut.



9 NOVEMBER

Maybank telah meraikan sambutan perayaan Deepavali melalui acara khas bersama kanak-kanak dan warga emas. Lebih 60 kanak-kanak dari Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Pulau Carey dan 40 warga emas dari Pusat Jagaan Warga Tua Jashira, Bestari Jaya, telah disajikan dengan hidangan dan manisan berkaitan perayaan yang disambut, sebagai sebahagian daripada usaha Kumpulan untuk membawa keceriaan kepada golongan yang kurang bernasib baik.



12 NOVEMBER

Maybank Kim Eng Telah melancarkan inisiatif kesenian dan kebudayaan yang dinamakan KataKatha - Perbualan Mengenai Budaya dan Seni di Asia Tenggara. Inisiatif ini disokong oleh Yayasan Maybank. KataKatha telah membawa bersama 10 karyawan budaya utama dari Indonesia, Thailand, Filipina, Singapura dan Malaysia di Kuala Lumpur pada 12-15 November 2015.



16 NOVEMBER

Maybank telah meluaskan perniagaan Pengurusan Kekayaan dengan pembukaan Pusat Kekayaan Peribadi di Kuching, Sarawak dan ini merupakan pusat yang ke-5 yang dibuka selepas Kuala Lumpur, Singapura, Hong Kong dan London.



17 NOVEMBER

Maybank Indonesia telah bekerjasama dengan Visa WorldWide untuk melancarkan kad kredit Visa Infinite yang mensasarkan pelanggan premier.



19 NOVEMBER

Seramai 29 orang kurang upaya (OKU) telah mengikuti latihan intensif selama 5 bulan dalam bidang seni dan dengan jayanya telah menerima sijil tamat latihan mereka pada majlis yang berlangsung di Balai Seni Maybank. Majlis diadakan sempena pameran seni bertajuk “Nukilan Jiwaku” iaitu program latihan perintis yang dianjurkan oleh Yayasan Maybank menerusi kerjasama Majlis Pemulihan Malaysia (MCR) dan Universiti Malaya (UM).



23 NOVEMBER

Maybank menjadi bank yang pertama menjalin kerjasama dengan Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC) bagi meningkatkan lagi keupayaan syarikat permulaan di seluruh rantau ini.



26 NOVEMBER

Maybank mengumumkan keuntungan bersih bagi tempoh sembilan bulan berakhir 30 September 2015 meningkat sebanyak 8.3% kepada RM5.18 bilion berbanding tahun sebelumnya. Keuntungan Kumpulan sebelum cukai dalam tempoh berkenaan adalah 1.4% lebih tinggi kepada RM6.78 bilion.



30 NOVEMBER

Maybank telah memeterai memorandum persefahaman dengan China UnionPay Merchant Services (UMS) untuk meneroka pasaran pembayaran kad yang sedang berkembang di China. Maybank merupakan bank pertama di Malaysia yang menandatangani perjanjian dengan UMS China yang juga sedang meningkatkan perniagaan pengurusan tunai di China.



14 DISEMBER

Kira-kira 100 kanak-kanak dari lima buah rumah kebajikan di Lembah Klang telah menerima kejutan pada sambutan Krismas Maybank yang diadakan di Menara Maybank. Kanak-kanak dari Rumah Kids, Rumah Destiny, Pusat Jagaan Rumah Juara, Ray of Hope Children's Home dan City Revival Boys dan Girl's Home gembira menerima hadiah masing-masing seperti basikal, mainan, alat tulis, beg sekolah dan pakaian, sebagai sebahagian daripada usaha Kumpulan untuk membawa keceriaan kepada golongan yang kurang bernasib baik.



Sila layari www.maybank.com/events untuk maklumat lanjut

Anugerah & Pengiktirafan



Anugerah Putra Brand

NACRA 2015
Laporan Tahunan Terbaik (Platinum)

NACRA 2015
Anugerah Kecemerlangan Keseluruhan

NACRA 2015
Anugerah Laporan Tanggungjawab Sosial Korporat Terbaik (Platinum)

Anugerah The Edge Billion Ringgit Club 2015
Inisiatif Tanggungjawab Korporat Terbaik (Syarikat Modal Besar)

Anugerah World Branding
Jenama Tahunan Terbaik Malaysia



NACRA 2015
Maybank meraih 5 Anugerah Laporan Korporat Tahunan Nasional (NACRA) 2015 termasuk Laporan Tahunan Terbaik 2015 (Platinum), Laporan Tanggungjawab Sosial Korporat Terbaik (Platinum), Laporan Tahunan Lakaran Terbaik (Perak), Laporan Tahunan Bahasa Malaysia Terbaik (Perak) dan juga Anugerah Kecemerlangan Industri (Pasaran Utama) Kategori Kewangan.



The Banker
Pengurus Besar Maybank London, Dato' Nik Ahmad Farid Bin Nik Mohamed (tengah), menerima anugerah "Bank Terbaik 2015" bagi pihak Maybank daripada The Banker.



Anugerah Jenama Terbaik
Ketua Perbankan Korporat & Liputan Pelanggan, Maybank London, Ismail Haron (kanan), menerima Anugerah Jenama Terbaik Tahunan untuk Malaysia bagi pihak Maybank daripada Richard Rowles, Pengerusi World Branding Forum.

Anugerah & Pengiktirafan

ANUGERAH KUMPULAN

Majalah The Banker

- Bank Tahunan Terbaik

Anugerah Perniagaan ASEAN (ABA) 2015

- Ketua Pegawai Eksekutif Terbaik Tahunan

PwC Building Trust Award 2015

- Pemenang Terbaik No.1

Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) 2014

- Laporan Tahunan Terbaik Tahunan (Tempat Pertama)
- Anugerah Laporan Tanggungjawab Sosial Korporat Terbaik (Platinum)
- Anugerah Kecemerlangan Industri (Sektor Kewangan)
- Laporan Tahunan Lakaran Terbaik (Emas)
- Laporan Tahunan Terbaik Bahasa Malaysia (Perak)

Anugerah Peneraju Perniagaan CNBC Asia Ke-14 (ABLA)

- Anugerah Tanggungjawab Sosial Korporat CNBC ABLA – dianugerahkan kepada Datuk Abdul Farid Alias, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Maybank

Anugerah “Edge Billion Ringgit Club” 2015

- Inisiatif CR Terbaik – Tempat Pertama (Syarikat Modal Besar)

World Branding Forum (WBF)

- Jenama Tahunan Terbaik 2015

Anugerah Tahunan Terbaik Putra Brand 2015

- Jenama Terbaik Tahunan
- Jenama Terbaik Kategori Perbankan, Pelaburan & Insurans – Emas

Persatuan Perhubungan Pelabur Malaysia (MIRA)

Anugerah Perhubungan Pelabur 2015

- Ketua Pegawai Kewangan Terbaik bagi Perhubungan Pelabur (Syarikat Modal Besar)

Anugerah RAM League

- Anugerah Peneraju Pasaran 2014 – Anugerah Pematuhan Basel III Malaysia Pertama bagi Sekuriti Modal Pematuhan Tambahan Tahap 1

SUMBER INSAN KUMPULAN

Anugerah 100 Majikan Graduan Peneraju 2015

- Majikan Paling Popular bagi Perkhidmatan Perbankan dan Kewangan
- Tempat Kedua – Majikan Graduan Terbaik
- Inovasi Terbaik di Kampus
- Penggunaan Media Sosial Terbaik

Anugerah Inovasi Modal Insan 2015

- Jenama Majikan Cemerlang – Emas
- Pengurusan Bakat Cemerlang – Emas
- Media Sosial Sumber Insan Cemerlang – Perak
- Strategi Pengambilan & Pengekalan Kakitangan Cemerlang – Perak
- Pembangunan Graduan Cemerlang – Perak

Anugerah Pengambilan Kakitangan Asia 2015

- Anugerah Pemenang Utama bagi Pengambilan Kakitangan Dalam Terbilang
- Jenama Pembangunan Majikan Terbaik (Emas)
- Program Pengambilan Kakitangan Serantau Terbaik (Emas)
- Inovasi Pengambilan Kakitangan Terbaik (Emas)
- Program Pengambilan Kakitangan Graduan Terbaik (Perak)
- Penggunaan Media Digital Terbaik (Perak)
- Pengalaman Calon Kakitangan Terbaik (Perak)

PERUNDANGAN KUMPULAN

Anugerah Undang-Undang Malaysia – Perundangan Perniagaan Asia 2015

- Peguam Syarikat Terbaik
- Perkhidmatan Perbankan dan Kewangan Kategori Pasukan Kerja Dalam Terbilang

Perniagaan Perundangan Asia (ALB) - Anugerah Undang-undang Asia Tenggara 2015

- Anugerah Tertinggi – Kategori Pasukan Kerja Dalam Terbilang Perbankan Pelaburan Tahunan Terbaik (Kim Eng)
- Peguam Syarikat Terbaik (Kim Eng)

PERKHIDMATAN KEWANGAN KOMUNITI

Anugerah Industri Pengalaman Pelanggan Kebangsaan Ke-16 - Kategori Korporat

- Proses Pemantauan Kualiti (Terbuka) – Tempat Pertama
- Pusat Perhubungan Panggilan Keluar Terbaik Dalam Terbilang (Lebih 100 kerusi) – Tempat Kedua
- Tanggungjawab Sosial Korporat (Terbuka) – Tempat Kedua
- Pusat Perhubungan Panggilan Masuk Terbaik Dalam Terbilang (Lebih 100 kerusi) – Tempat Ketiga
- Pusat Perhubungan Panggilan Masuk Terbaik Dalam Terbilang (Kurang daripada 100 kerusi) – Tempat Ketiga

Kategori Individu

- Ketua Pasukan Pusat Perhubungan Terbaik (Keseluruhan)
- Ketua Pasukan Pusat Perhubungan Terbaik Panggilan Masuk (Lebih 100 kerusi) – Tempat Pertama
- Ketua Pasukan Pusat Perhubungan Terbaik Panggilan Keluar (Lebih 100 kerusi) – Tempat Pertama
- Pengurus Pusat Perhubungan Terbaik Panggilan Keluar (Lebih 100 kerusi) – Tempat Kedua
- Profesional Pusat Perhubungan Terbaik Panggilan Masuk (Lebih 100 kerusi) – Tempat kedua
- Profesional Pusat Perhubungan Terbaik Panggilan Keluar (Lebih 100 kerusi) – Tempat Kedua
- Ketua Pasukan Pusat Panggilan Terbaik Panggilan Keluar (Lebih 100 kerusi) – Tempat Ketiga
- Pengurusan Profesional Tenaga Kerja (Terbuka) – Tempat Ketiga

Anugerah Perbankan Peribadi Global PWM The Banker 2015

- Anugerah Negara : Bank Peribadi Tempatan Terbaik di Malaysia

Anugerah Bank Peribadi Terbaik Global Finance World 2015

- Bank Peribadi Terbaik (Malaysia)

Anugerah Perbankan Peribadi The Banker Global 2015

- Bank Peribadi Terbaik di Malaysia

Anugerah Pencapaian Negara FinanceAsia 2015

- Bank Peribadi Terbaik (Malaysia)

Anugerah Perbankan Peribadi Euromoney 2015

- Perkhidmatan Perbankan Peribadi Terbaik Keseluruhan di Malaysia (Kali ke-6)
- No. 1 bagi Perkhidmatan Khusus Kekayaan Bersih – Pelanggan Kaya Ultra (Lebih daripada AS\$30 juta)
- No. 1 bagi Kekayaan Bersih Perkhidmatan Khusus – Pelanggan Kaya (HNW) – (AS\$5 juta – AS\$30 juta)
- No. 1 bagi kekayaan bersih perkhidmatan khusus – Mewah “Super” (AS\$1 juta – AS\$5 juta)
- No. 1 bagi Keupayaan Perbankan Komersil
- No. 1 bagi Penyelidikan dan Nasihat Peruntukan Aset
- No. 1 bagi Penyumbang Derma dan Pelaburan Berimpak Sosial

Anugerah ICT Organisasi Industri Pengkomputeran Asia-Oceanian (ASOCIO) 2015

- Anugerah Merit bagi Organisasi Pengguna Terbaik

Anugerah Asia CEPI (Cards & Electronic Payments International)

- Kepimpinan – Institusional*** (Pemenang Keseluruhan)
- Anugerah Tertinggi: Kad Prabayar Terbaik (Kad Pra-bayar Shell easiGO Amex)
- Anugerah Tertinggi: Inisiatif Perkhidmatan NFC Terbaik (Micro Tag, Watch2Pay dan Debit Platinum Paywave)
- Anugerah Tertinggi: Kempen Pemasaran Terbaik (Kempen #ilove)
- Anugerah Tertinggi: Rekaan Kad Terbaik (PT BII Maybank (IND))
- Tawaran Kad Kredit Terbaik– Malaysia (Maybank 2 Kad Premier)
- Inisiatif Pembayaran Terbaik di Kalangan Bank (M2U VISA Direct – Pembayaran VISA Peribadi)
- Inisiatif Pembayaran Alternatif Terbaik – Keseluruhan ***(Pemenang Keseluruhan)
- Tawaran Pindahan Wang Terbaik (M2U Visa Direct – Pembayaran Peribadi VISA)

Anugerah Kecemerlangan Pengalaman Pelanggan Asia

- Tempat Ketiga: Anugerah Pengalaman Pelanggan Terbaik
- Anugerah Kehormat: Pengalaman Digital Terbaik

Anugerah & Pengiktirafan

Anugerah Pengiktirafan Kualiti J.P Morgan 2014

- Bahagian Pembayaran & Terminal Layan Diri (SST) Maybank menerima:
- Anugerah Pengiktirafan Kualiti MT 202 (Transaksi MT 202 sebanyak 13,647 berbanding jumlah debit minimum 8,000)
- Anugerah Pengiktirafan Kualiti MT 103 (Transaksi MT 103 sebanyak 65,167 berbanding jumlah debit minimum 10,000)

Anugerah Pengalaman Pelanggan dalam Perkhidmatan Kewangan (CXFS) Asia 2015

- Pemenang: Penggunaan Media Sosial Terbaik

Anugerah & Sidang Kemuncak Ke-25 PBI Global Wealth 2015

- PBI Asia Rising Star
- Anugerah Jurubank Muda Terbaik
- Anugerah Pujian Tertinggi:
- Bank Peribadi Terbaik
- Bank Serantau Asia Pasifik
- Tawaran Pelaburan Paling Efektif
- Model Perniagaan Paling Berinovasi
- Pengurus Kekayaan Terbaik – Perhubungan & Penglibatan Pelanggan

PERBANKAN GLOBAL

Global Banking & Finance Review

- Bank Asing Berkembang Paling Pantas di Brunei 2015 – Cawangan Maybank Brunei

Anugerah Kecemerlangan Euromoney 2015

- Maybank Investment Bank (Maybank IB) – Bank Pelaburan Terbaik di Malaysia

Anugerah bagi Penyelenggaraan Aset, Pelabur dan Pengurusan Dana The Asset Triple A 2015

- Perkhidmatan Maybank Securities: Kustodi Domestik Terbaik, Malaysia
- Mandat Kustodi Terbaik

Anugerah Pasaran Kewangan The Asian Banker 2015

- Bank Terbaik Sub-Kustodi (Malaysia)

The Asian Banker

- Anugerah Bank Runcit Terbaik di Malaysia 2015

Anugerah Institusi Kewangan Tahunan Terbaik Ke-9 Alpha Southeast Asia 2015

- Broker Runcit Terbaik di Malaysia, Thailand, Singapura, Filipina, Indonesia dan Vietnam (Kim Eng)
- Broker Institusi Terbaik di Malaysia, Filipina dan Indonesia (Kim Eng)
- Anugerah Marquee Khas untuk Broker Terbaik di Asia Tenggara (Kim Eng)

Anugerah Liga RAM

- Anugerah Kecemerlangan RAM 2014
- Anugerah Pengurus Utama 2014 mengikut nilai program – Tempat Pertama
- Anugerah Pengurus Utama 2014 mengikut jumlah terbitan – Tempat Kedua

- Anugerah Merit Khas
- Pengurus Utama Malaysia 2014 – Pasaran Sukuk & Pasaran Bon Korporat
- Anugerah Blueprint
- Anugerah Perintis Pasaran – Pengiktirafan Pengurus Utama
- Sekuriti Modal Tambahan Pertama Malaysia Tahap-1 – Program Tambahan Sekuriti Modal Maybank Tahap-1 sehingga RM10 bilion

Anugerah Perkhidmatan Dana Lindung Nilai HFM Asia 2015

- Broker Butik Utama Terbaik

INSURANS & TAKAFUL

Anugerah Tahunan Islamic Finance News (IFN)

- Penyedia Takaful Terbaik
- Sukuk Takaful Pertama Dunia – Kemudahan Sukuk Musharakah Subordinat Etiqa Takaful Berhad sehingga RM300 juta

Anugerah Kecemerlangan Pengalaman Pelanggan Frost & Sullivan 2015

- Industri Insurans Hayat Malaysia – Pengalaman Keseluruhan
- Industri Insurans Hayat Malaysia – Pengalaman Dalam Cawangan
- Industri Insurans Hayat Malaysia – Pengalaman Khidmat Layan Diri
- Industri Insurans Hayat Malaysia – Pengalaman Sistem Mudah Alih
- Industri Insurans Perubatan Malaysia – Pengalaman Dalam Cawangan
- Industri Insurans Perubatan Malaysia – Pengalaman Perkhidmatan Layan Diri

PERBANKAN ISLAM

Anugerah Kewangan Islam The Asset Triple A 2015

- Sindiket Pembiayaan Islam Terbaik/Pembiayaan Islam Berstruktur Terbaik
- Janji Niaga Kewangan Islam Inovatif Terbaik
- Sukuk REIT Terbaik
- Sukuk Modal Bank Terbaik - Kepujian
- Sukuk Hibrid Korporat/Sukuk Matawang Tempatan Terbaik
- Sukuk Korporat Terbaik
- Janji Niaga Islam Terbaik

Anugerah Kewangan Islam KLIFF 2015

- Syarikat Takaful Paling Cemerlang

Anugerah Kewangan Islam The Asset Triple A 2015

- Janji Niaga Inovatif Kewangan Islam Terbaik

Anugerah Perbankan Peribadi Global - PWM The Banker 2015

- Bank Peribadi Terbaik bagi Perkhidmatan Islam

Anugerah Liga RAM

- Anugerah Pengurus Utama (Islam) 2014 mengikut nilai program - Tempat Pertama

- Anugerah Pengurus Utama (Islam) 2014 mengikut jumlah terbitan – Tempat Pertama Bersama
- Sukuk Subordinat Kekal Pertama Dunia – Program Sukuk Kekal RM2.5 bilion Malaysia Airports Holding Berhad
- Janji Niaga Penanda Aras Hartanah Baru – Program Sukuk Murabahah Midciti Sukuk Berhad sehingga RM3 bilion nilai nominal
- Bon Renminbi pertama dunia oleh Cagamas Global Sukuk Berhad bernilai AS\$2.5 bilion – Program Sukuk Matawang Pelbagai

Anugerah Perbankan Peribadi Global The Banker 2015

- Bank Peribadi Terbaik bagi Perkhidmatan Islam

MAYBANK INDONESIA

Anugerah Inovasi IDC Financial Insights 2015

- Anugerah Inovasi Financial Insights 2015

Anugerah Pengalaman Perkhidmatan Cemerlang (ESE) 2015

- Tempat Ketiga Anugerah Pengalaman Perkhidmatan Cemerlang 2015 Kategori Perbankan Domestik Biasa oleh Carre-Center untuk Kepuasan Kesetiaan Pelanggan (Carre-CCSL) dan Bisnis Indonesia – Tempat Ketiga

Anugerah Pinacple Group International 2015

- Anugerah Platinum bagi Tanggungjawab Sosial Korporat Global (Kategori Memperkasakan Wanita)

Majalah Carre-Center for Customer Satisfaction Loyalty (Carre-CCSL) and Service Excellence

- Pusat Emel Perkhidmatan Pelanggan – Cemerlang
- Perbankan Biasa – Cemerlang
- Kad Kredit Platinum – Cemerlang
- Kad Kredit Biasa – Cemerlang
- Pusat Hubungan Mesin Juruwang Automatik – Terbaik

Anugerah Kecemerlangan Perkhidmatan Markplus WOW 2015

- Perkhidmatan Jabodetabek WOW untuk Perbankan Konvensional (Buku III) Terbaik

Jenama Paling Bernilai di Indonesia

- 50 Jenama Utama Indonesia Paling Bernilai

Anugerah Islamic Finance 2015 & Piala Kewangan Islam 2015 daripada Karim Business Consulting

- Tempat Pertama bagi Anugerah Kewangan Islam bagi Unit Kewangan Syariah Paling Mahal
- Juara bagi Kewangan Islam

Anugerah Tahunan Ke-9 Alpha Southeast Asia

- PKS Terbaik

Anugerah Perbankan Indonesia daripada majalah Perbanas Institute and Economic Review

- Tempat Ke-4 bagi Kategori Perbankan Konvensional (Buku III)

Institut Lembaga Pengarah Korporat Indonesia (IICD)

- Kategori Pendedahan dan Ketelusan Terbaik

Analisis Pegangan Saham

Pada 10 Februari 2016

Modal Saham Dibenarkan : 15,000,000,000
 Modal Saham Berbayar : 9,761,752,827
 Kategori Saham : Saham biasa RM1 sesaham
 Hak Mengundi : 1 undi bagi setiap saham biasa

Saiz Pegangan Saham	Bilangan Pemegang Saham	% Pemegang Saham	Jumlah Saham Yang Dipegang	% Modal Terbitan
Kurang dari 100	4,447	6.59	153,559	0.00
100 hingga 1,000 saham	14,286	21.17	8,983,252	0.09
1,001 hingga 10,000 saham	36,155	53.59	127,024,238	1.30
10,001 hingga 100,000 saham	10,779	15.98	289,823,029	2.97
100,001 hingga kurang dari 5% saham	1,798	2.66	3,648,078,142	37.37
5% dan melebihi saham terbitan	3	0.01	5,687,690,607	58.27
JUMLAH	67,468	100.00	9,761,752,827	100.00

PEMEGANG SAHAM UTAMA MENGIKUT DAFTAR PEMEGANG SAHAM UTAMA

No.	Nama Pemegang Saham	Jumlah Saham Yang Dipegang	% Saham
1.	Amanahraya Trustees Berhad (B/P: Skim Amanah Saham Bumiputera)	3,607,165,400	36.95
2.	Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (B/P: Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja)	1,532,066,583	15.69
3.	Permodalan Nasional Berhad	548,458,624	5.62

TIGA PULUH PEMEGANG SAHAM UTAMA MENGIKUT REKOD PENDEPOSIT

No.	Nama Pemegang Saham	Jumlah Saham Yang Dipegang	% Saham
1.	AmanahRaya Trustees Berhad B/P: Skim Amanah Saham Bumiputera	3,607,165,400	36.95
2.	Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd B/P: Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	1,532,066,583	15.69
3.	Permodalan Nasional Berhad	548,458,624	5.62
4.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	268,321,527	2.75
5.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	185,148,941	1.90
6.	Amanahraya Trustees Berhad B/P: Amanah Saham Wawasan 2020	168,807,910	1.73
7.	Amanahraya Trustees Berhad B/P: Amanah Saham Malaysia	151,840,259	1.56
8.	Amanahraya Trustees Berhad B/P: AS1Malaysia	101,331,748	1.04
9.	Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: GIC Private Limited untuk Kerajaan Singapura (C))	91,059,331	0.93
10.	Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd B/P: Exempt An untuk State Street Bank & Syarikat Amanah (West Clt Od67)	83,629,575	0.86
11.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: BBH And Co Boston untuk Vanguard Emerging Markets Stock Index Fund)	83,450,188	0.85
12.	Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd B/P: Exempt An untuk Eastspring Investments Berhad	82,841,359	0.85
13.	Malaysia Nominees (Tempatan) Sendirian Berhad B/P: Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (Par 1))	81,024,561	0.83
14.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd B/P: Exempt An untuk JPMorgan Chase Bank, National Association (U.S.A)	72,618,988	0.74

Analisis Pegangan Saham

Pada 10 Februari 2016

TIGA PULUH PEMEGANG SAHAM UTAMA MENGIKUT REKOD PENDEPOSIT (SAMB)

No.	Nama Pemegang Saham	Jumlah Saham Yang Dipegang	% Saham
15.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd B/P: Exempt An untuk The Bank of NewYork Mellon (Mellon Acct)	57,411,835	0.59
16.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd B/P: HSBC Bk Plc untuk Agensi Kewangan Arab Saudi	49,504,180	0.51
17.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera	46,732,067	0.48
18.	Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd B/P: Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Nomura)	46,547,697	0.48
19.	Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd B/P : Exempt An untuk AIA Bhd	45,848,516	0.47
20.	Maybank Nominees (Tempatan) Sdn Bhd B/P: MaybankTrustees Berhad untuk Public Regular Savings Fund (N14011940100)	41,434,773	0.42
21.	Amanahraya Trustees Berhad B/P: Amanah Saham Bumiputera 2	37,654,483	0.39
22.	UOB Kay Hian Nominees (Asing) Sdn Bhd B/O : Exempt An For UOB Kay Hian Pte Ltd (A/C Pelanggan)	31,106,867	0.32
23.	CIMB Group Nominees (Asing) Sdn Bhd B/P: Yayasan Hasanah (AUR-VCAM)	29,774,770	0.30
24.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd B/P: Pictet and CIE (Europe) untuk Dana Pilihan Global Pictet - Dana Ekuiti Hasil Tinggi Baru Muncul Global	27,186,734	0.28
25.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd B/P: HSBC Bk Plc untuk Lembaga Pelaburan Abu Dhabi (AGUS)	26,443,221	0.27
26.	Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd B/P: Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (CIMB Prin)	24,543,343	0.25
27.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd B/P: Exempt An untuk JPMorgan Chase Bank, National Association (Taiwan)	22,295,305	0.23
28.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd B/P: HSBC Bk Plc untuk Lembaga Pelaburan Abu Dhabi (Trang)	21,830,954	0.22
29.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd B/P: Exempt An untuk JPMorgan Chase Bank (Ireland) Public Limited Company)	21,297,412	0.22
30.	Yong Siew Yoon	19,041,372	0.19
JUMLAH		7,606,418,523	77.92

Klasifikasi Pemegang Saham

Pada 10 Februari 2016

Kategori	Bilangan Pemegang Saham		Jumlah Saham Dipegang		% Jumlah Pemegang Saham	
	Malaysia	Asing	Malaysia	Asing	Malaysia	Asing
INDIVIDU						
a. Bumiputera	3,007		24,693,075		0.25	
b. Cina	45,736		352,038,864		3.61	
c. India	1,708		11,575,182		0.12	
d. Lain-lain	275	2,180	2,033,071	54,686,930	0.02	0.56
BADAN KORPORAT						
a. Bank/Institusi Kewangan	88	3	5,028,625,441	196,000	51.51	0.00
b. Pelaburan/Amanah	13		14,491,721		0.15	
c. Persatuan	20		684,322		0.01	
d. Industri	812	49	95,615,488	16,654,136	0.98	0.17
AGENSI KERAJAAN/ INSTITUSI	16		238,180,916		2.44	
PENAMA	10,719	2,839	2,253,394,911	1,668,795,553	23.08	17.10
LAIN-LAIN	3		87,217		0.00	
JUMLAH	62,397	5,071	8,021,420,208	1,740,332,619	82.17	17.83

Perubahan Dalam Modal Saham

Pada 10 Februari 2016

MODAL SAHAM DIBENARKAN

Modal saham dibenarkan Bank masakini ialah RM15,000,000,000 dibahagikan kepada 15,000,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham. Butir-butir perubahan modal dibenarkan sejak Bank ditubuhkan adalah seperti berikut:

Tarikh	Peningkatan dalam Modal Saham Dibenarkan	Jumlah Modal Saham Dibenarkan
31-05-1960	20,000,000	20,000,000
06-09-1962	30,000,000	50,000,000
09-04-1977	150,000,000	200,000,000
17-01-1981	300,000,000	500,000,000
06-10-1990	500,000,000	1,000,000,000
09-10-1993	1,000,000,000	2,000,000,000
19-06-1998	2,000,000,000	4,000,000,000
11-08-2004	6,000,000,000	10,000,000,000
07-04-2015	5,000,000,000	15,000,000,000

Perubahan Dalam Modal Saham

Pada 10 Februari 2016

MODAL SAHAM TERBITAN DAN BERBAYAR

Butir-butir perubahan modal terbitan dan berbayar Bank sejak penubuhan adalah seperti berikut:

Tarikh Peruntukan	Bilangan Peruntukan Saham Biasa	Nilai Setara RM	Nilai Penyelesaian	Jumlah Modal Terbitan dan Berbayar RM'000
31-05-1960	1,500,000	5.00	Tunai	7,500,000
18-05-1961	500,000	5.00	Tunai	10,000,000
31-05-1962	1,000,000	5.00	Terbitan Hak (1:2) pada RM7.00 sesaham	15,000,000
21-08-1968	1,500,000	5.00	Terbitan Hak (1:2) pada RM7.00 sesaham	22,500,000
04-01-1971	22,500,000	1.00*	Terbitan Hak (1:1) pada RM1.50 sesaham	45,000,000
06-05-1977	15,000,000	1.00	Permodalan Akaun Premium Saham (Terbitan Bonus 1:3)	60,000,000
23-06-1977	30,000,000	1.00	Terbitan Hak (1:2) pada RM3.00 sesaham	90,000,000
21-02-1981	30,000,000	1.00	Permodalan Akaun Premium Saham (Terbitan Bonus 1:3)	120,000,000
10-04-1981	60,000,000	1.00	Terbitan Hak (1:2) pada RM4.00 sesaham	180,000,000
14-11-1984	45,000,000	1.00	Permodalan Akaun Permium Saham (Terbitan Bonus 1:4)	225,000,000
28-12-1984	45,000,000	1.00	Terbitan Hak (1:4) pada RM6.00 sesaham	270,000,000
31-11-1985	68,249	1.00	Pertukaran Nota Tidak Bercagar	270,068,249
15-11-1986	9,199,999	1.00	Diterbitkan sebagai Pertukaran Pembelian Kota Discount Berhad (Kini dikenali sebagai Mayban Discount Berhad)	279,268,248
01-12-1986	10,550	1.00	Pertukaran Nota Tidak Berjamin	279,278,798
29-07-1987 hingga 20-10-1987	90,000	1.00	Perlaksanaan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")	279,368,798
30-11-1987	11,916	1.00	Pertukaran Nota Tidak Berjamin	279,380,714
08-06-1988	27,938,071	1.00	Permodalan Akaun Premium Saham (Terbitan Bonus 1:10)	307,318,785
30-11-1988	10,725	1.00	Pertukaran Nota Tidak Berjamin	307,329,510
16-03-1989 hingga 21-06-1989	9,198,206	1.00	Pertukaran dengan saham Kwong Yik Bank Berhad ("KYBB")	316,527,716
11-07-1989 hingga 23-11-1989	7,555,900	1.00	Perlaksanaan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")	324,083,616
30-11-1989	46,174,316	1.00	Pertukaran Nota Tidak Berjamin	370,257,932
01-12-1989 hingga 24-10-1990	4,508,900	1.00	Perlaksanaan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")	374,766,832
16-11-1990	187,383,416	1.00	Permodalan Akaun Premium Saham (Terbitan Bonus 1:2)	562,150,248
27-11-1990	11,550	1.00	Perlaksanaan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")	562,161,798
30-11-1990	280,497	1.00	Pertukaran Nota Tidak Berjamin	562,442,295
03-01-1991	3,300	1.00	Perlaksanaan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")	562,445,595
03-01-1991	188,991,002	1.00	Terbitan Hak (1:2) pada RM5.00 sesaham	751,436,597
04-01-1991	4,950	1.00	Terbitan Hak (1:2) ketika ESOS pada RM5.00 sesaham	751,441,547
25-01-1991 hingga 28-11-1991	726,000	1.00	Perlaksanaan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")	752,167,547
30-11-1991	35,197	1.00	Pertukaran Nota Tidak Berjamin	752,202,744
11-12-1991 hingga 20-05-1992	5,566,000	1.00	Perlaksanaan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")	757,768,744
30-11-1992 hingga 30-11-1993	3,153,442	1.00	Pertukaran Nota Tidak Berjamin	760,922,186
18-01-1994	380,461,093	1.00	Permodalan Akaun Premium Saham (Terbitan Bonus 1:2)	1,141,383,279
29-12-1994	2,030,428	1.00	Pertukaran Nota Tidak Berjamin	1,143,413,707

Perubahan Dalam Modal Saham

Pada 10 Februari 2016

MODAL SAHAM TERBITAN DAN BERBAYAR

Tarikh Peruntukan	Bilangan Peruntukan Saham Biasa	Nilai Setara RM	Nilai Penyelesaian	Jumlah Modal Terbitan dan Berbayar RM'000
19-06-1998	1,143,413,707	1.00	Permodalan Saham Premium dan Akaun Keuntungan Dikekalkan (Terbitan Bonus 1:1)	2,286,827,414
21-09-1998 hingga 09-10-2001	72,909,000	1.00	Perlaksanaan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")	2,359,736,414
23-10-2001	1,179,868,307	1.00	Permodalan Akaun Keuntungan Dikekalkan (Terbitan Bonus 1:2)	3,539,604,721
25-10-2001 hingga 05-08-2003	60,567,200	1.00	Perlaksanaan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")	3,600,171,921
29-09-2004 hingga 14-02-2008	304,058,100	1.00	Perlaksanaan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")	3,904,230,021
20-02-2008	976,057,505	1.00	Permodalan Akaun Premium Saham (Terbitan Bonus 1:4)	4,880,287,526
27-02-2008 hingga 30-10-2008	859,625	1.00	Perlaksanaan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")	4,881,147,151
27-04-2009	2,196,516,217	1.00	Terbitan Hak (9:20) pada RM2.74 sesaham	7,077,663,368
29-07-2009 hingga 26-08-2009	319,400	1.00	Pelaksanaan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")	7,077,982,768
20-12-2010	244,257,623	1.00	Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") pada RM7.70 sesaham	7,322,240,391
12-05-2011	155,965,676	1.00	Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") pada RM7.70 sesaham	7,478,206,067
05-07-2011 hingga 09-12-2011	10,000	1.00	Pelaksanaan Skim Saham Kakitangan ("ESS")	7,478,216,067
28-12-2011	161,221,416	1.00	Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") pada RM7.30 sesaham	7,639,437,483
10-01-2012 hingga 26-01-2012	3,600	1.00	Pelaksanaan Skim Saham Kakitangan ("ESS")	7,639,441,083
26-03-2012 hingga 09-05-2012	8,100	1.00	Pelaksanaan Skim Saham Kakitangan ("ESS")	7,639,449,183
04-06-2012	202,854,119	1.00	Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") pada RM8.00 sesaham	7,842,303,302
28-06-2012 hingga 08-10-2012	12,233,400	1.00	Pelaksanaan Skim Saham Kakitangan ("ESS")	7,854,536,702
11-10-2012	412,000,000	1.00	Penempatan Persendirian	8,266,536,702
16-10-2012 hingga 22-10-2012	52,400	1.00	Pelaksanaan Skim Saham Kakitangan ("ESS")	8,266,589,102
25-10-2012	173,144,233	1.00	Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") pada RM8.40 sesaham	8,439,733,335
30-10-2012 hingga 28-05-2013	38,147,500	1.00	Pelaksanaan Skim Saham Kakitangan ("ESS")	8,477,880,835
29-05-2013	201,462,948	1.00	Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") pada RM8.80 sesaham	8,679,343,783
29-05-2013 hingga 24-10-2013	47,955,100	1.00	Pelaksanaan Skim Saham Kakitangan ("ESS")	8,727,298,883
25-10-2013	130,326,898	1.00	Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") pada RM9.20 sesaham	8,857,625,781
25-10-2013 hingga 29-05-2014	24,164,342	1.00	Pelaksanaan Skim Saham Kakitangan ("ESS")	8,881,790,123
30-05-2014	229,810,271	1.00	Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") pada RM8.95 sesaham	9,111,600,394
02-06-2014 hingga 27-10-2014	40,406,200	1.00	Pelaksanaan Skim Saham Kakitangan ("ESS")	9,152,006,594
28-10-2014	165,329,047	1.00	Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") pada RM9.30 sesaham	9,317,335,641
28-10-2014 hingga 25-05-2015	12,748,542	1.00	Pelaksanaan Skim Saham Kakitangan ("ESS")	9,330,084,183
26-05-2015	203,533,085	1.00	Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") pada RM8.70 sesaham	9,533,617,268
27-05-2015 hingga 02-11-2015	5,681,100	1.00	Pelaksanaan Skim Saham Kakitangan ("ESS")	9,539,298,368
12-11-2015	222,451,959	1.00	Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") pada RM7.50 sesaham	9,761,750,327
13-11-2015 hingga 06-01-2016	2,500	1.00	Pelaksanaan Skim Saham Kakitangan ("ESS")	9,761,752,827

* Nilai setara saham Bank ditukar daripada RM5.00 kepada RM1.00 pada 25 November 1968.

Hartanah Dimiliki oleh Kumpulan Maybank

Kawasan	Bil. Hartanah		Keluasan Tanah (meter persegi)	Nilai Buku pada 31.12.2015 RM'000
	Milik Kekal	Milik Pajakan		
Maybank				
Kuala Lumpur	11	15	49,717.62	182,946
Johor Darul Takzim	33	8	18,788.86	56,846
Kedah Darul Aman	11	5	6,111.83	8,653
Kelantan Darul Naim	1	4	1,691.00	2,371
Melaka	1	4	3,253.00	4,720
Negeri Sembilan Darul Khusus	7	7	21,237.30	7,169
Pahang Darul Makmur	10	15	16,279.00	11,288
Perak Darul Ridzuan	13	12	10,559.85	15,197
Perlis Indera Kayangan	1	3	1,475.00	1,413
Pulau Pinang	22	3	13,211.52	21,175
Sabah	-	20	15,949.18	27,121
Sarawak	9	15	7,039.23	20,307
Selangor Darul Ehsan	25	18	104,852.22	126,497
Terengganu Darul Iman	6	2	4,329.00	4,031
Hong Kong	-	2	193.00	HKD953
London	1	4	1,097.00	GBP4,008
Singapura	11	12	20,858.00	S\$93,414
Aurea Lakra Holdings Sdn Bhd (Dahulunya dikenali sebagai Mayban P.B. Holdings Sdn Bhd)				
Johor Darul Takzim	2	1	1,330.00	2,028
Pahang Darul Makmur	1	2	595.42	879
Perak Darul Ridzuan	1	1	857.74	2,292
Pulau Pinang	1	-	445.93	680
Sabah	-	1	257.62	1,023
Sarawak	-	1	314.00	821
Selangor Darul Ehsan	2	1	1,269.13	2,790
Maybank International (L) Ltd				
W.P. Labuan	-	3	1,089.81	AS\$174
Maybank Investment Bank Berhad				
Negeri Sembilan Darul Khusus	1	-	330.00	145
ETIQA				
Kuala Lumpur	2	4	24,258.47	605,728
Johor Darul Takzim	1	-	286.00	589
Kedah Darul Aman	2	1	1,127.97	1,116
Melaka	-	1	452.00	1,096
Negeri Sembilan Darul Khusus	3	1	1,659.64	2,525
Pahang Darul Makmur	2	1	18,334.57	2,878
Pulau Pinang	1	1	624.00	3,440
Sabah	-	2	443.34	2,026
Selangor Darul Ehsan	1	1	38,927.49	92,408
Maybank Kim Eng				
Singapura	-	2	1,609.50	S\$106,073
Filipina	-	3	1,550.00	Peso114,016
USA	1	-	299.33	AS\$4,964
PT Bank Maybank Indonesia Tbk				
Indonesia	180	-	184,882.74	IDR418,068,160

Senarai 10 Hartanah Utama Dimiliki oleh Kumpulan Maybank

Pada 31 Disember 2015

Lokasi	Jenis Aset	Penggunaan Semasa	Tempoh Pajak	Baki Tempoh Pajak (Tarikh Luput)	Usia Bangunan	Keluasan Tanah (meter persegi)	Tahun Pemerolehan	Nilai Buku Bersih RM'000
Etiqa Twins No.11 Jalan Pinang Kuala Lumpur	Bangunan pejabat berkembar 27 tingkat	Pejabat & Disewakan	Pegangan Bebas	-	20 tahun	6,612.00	1994	320,000
50 North Canal Road Singapore	Bangunan Pejabat	Pejabat	Pajakan	92 tahun (tamat 2106)	4 tahun	1,283.30	2007	S\$86,213
Maybank Tower 2 Battery Road Singapore	Bangunan pejabat 32 tingkat	Pejabat	Pajakan 999 tahun	811 tahun (tamat 2825)	13 tahun	1,135.70	1962	S\$62,342
Dataran Maybank No.1 Jalan Maarof Bangsar	2 blok bangunan pejabat 20 tingkat dan satu blok bangunan pejabat 22 tingkat	Pejabat & Disewakan	Pajakan 99 tahun	71 tahun (tamat 3.12.2085)	14 tahun	9,918.00	2000	122,915
Menara Maybank 100 Jalan Tun Perak Kuala Lumpur	Bangunan pejabat 58 tingkat	Ibu Pejabat & Disewakan	Pegangan Bebas	-	27 tahun	35,494.00	1978	109,227
1079, Section 13 Shah Alam	Tanah komersil	Kosong	Pajakan 99 tahun	88 tahun (tamat 11.3.2102)	-	38,417.00	1994	91,000
Lot 153 Section 44 Jalan Ampang Kuala Lumpur	Tanah komersil	Kosong	Pegangan Bebas	-	-	3,829.00	2008	90,500
Akademi Etiqa 23, Jalan Melaka Kuala Lumpur	Bangunan pejabat 25 tingkat	Pejabat & Disewakan	Pajakan 99 tahun	51 tahun (tamat 2065)	19 tahun	1,960.47	1994	70,000
48 North Canal Road Singapore	Bangunan pejabat	Pejabat	Pajakan	97 tahun (tamat 2111)	3 tahun	326.20	2012	S\$19,861
Lot 379, Section 96 Bangsar, Kuala Lumpur	Tanah komersil	Dalam Pembinaan	Pajakan 99 tahun	70 tahun (tamat 31.12.2085)	-	4,645.00	1975	34,500

Maklumat Korporat

Lembaga Pengarah

TAN SRI DATO' MEGAT ZAHARUDDIN MEGAT MOHD NOR

DPCM, PJN, PSM
Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas

DATO' MOHD SALLEH HJ HARUN

DSDK
Naib Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas
(Penamatan jawatan berkuatkuasa 17 Nov 2015 mengikut tarikh tamat tempoh jawatan menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013)

DATUK ABDUL FARID ALIAS

DMSM
Pengarah Eksekutif Bukan Bebas
(Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan)

TAN SRI DATUK DR HADENAN A. JALIL

PhD, PSM, PNBS, SIMP, DMSM, JMN, KMN, AMN
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

DATO' SERI ISMAIL SHAHUDIN

SPMP
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

DATO' DR TAN TAT WAI

PhD, DMPN
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

CHEAH TEIK SENG

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
(Penamatan jawatan berkuatkuasa 25 Ogos 2015 mengikut tarikh tamat tempoh jawatan menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013)

DATO' JOHAN ARIFFIN

DPTJ
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

DATUK MOHAIYANI SHAMSUDIN

PJN
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

ERRY RIYANA HARDJAPAMEKAS

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
(Penamatan jawatan berkuatkuasa 24 Jun 2015 mengikut tarikh tamat tempoh jawatan menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013)

DATUK R. KARUNAKARAN

DSDK, DMSM, KMN, AMN
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

CHENG KEE CHECK

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

EDWIN GARUNGAN

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
(Dilantik pada 24 Ogos 2015)

Setiausaha Syarikat

WAN MARZIMIN WAN MUHAMMAD

(LS0009924)
Penasihat Perundangan Kumpulan & Setiausaha Syarikat

EDLEEN REHANIE ARIFFIN

(LS0009515)
Setiausaha Syarikat Bersama

Pejabat Berdaftar

Tingkat 14, Menara Maybank
100, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : (6)03-20708833
: 1300-88-6688 (Tempatan)
603-78443696 (Luar Negeri)
(Perkhidmatan Pelanggan
Kumpulan Maybank)
603-20748075
(Pengurusan Resolusi & Maklum
Balas Pelanggan)

Faks : (6)03-20324775
(Rancangan Perniagaan &
Perhubungan Pelabur Kumpulan)
: (6)03-27113421
(Pengurusan Resolusi & Maklum
Balas Pelanggan)
: (6)03-20310071
(Kesetiausahaan Korporat Kumpulan)
: 1300-88-8899 (Tempatan)
(6)03-78454545 (Luar Negeri)
(Perkhidmatan Pelanggan
Kumpulan Maybank)

SWIFT : MBBEMYKL
Laman web : <http://www.maybank.com>
E-mel : corporateaffairs@maybank.com.my
cfm@maybank.com

Pendaftar Saham

Malayan Banking Berhad

Tingkat 14, Menara Maybank
100, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : (6)03-2074 7822
Faks : (6)03-2072 0079

Penyenaraian Bursa Saham

Pasaran Utama, Bursa Malaysia Securities Berhad
(Disenaraikan sejak 17 Februari 1962)

Juruaudit Luar

Tetuan Ernst & Young (AF : 0039)

Akauntan Berdaftar
Aras 23A, Menara Milenium
Jalan Damanlela
Pusat Bandar Damansara
50490 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : (6)03-7495 8000
Faks : (6)03-2095 9076/78

Talian Pertanyaan Mesyuarat Agung Tahunan

Tel : (6)03-2783 9299
(Tricor Investor Services Sdn Bhd)
: (6)03-2074 8256
(Kesetiausahaan Korporat
Kumpulan, Maybank)

Direktori Kumpulan

PERBANKAN KOMERSIL MALAYSIA

MALAYSIA:

Malayan Banking Berhad

Tingkat 14, Menara Maybank
100, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Tel : +603 2070 8833
Faks : +603 2031 0071
Laman web : www.maybank.com
E-mel : publicaffairs@maybank.com

Maybank Islamic Berhad

Aras 10, Tower A
Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur
Tel : +603 2297 2001
Faks : +603 2297 2002
Laman web : www.maybankislamic.com.my
E-mel : mgcc@maybank.com.my

Maybank International (L) Ltd

Aras 16 (B), Main Office Tower
Financial Park Labuan
Jalan Merdeka
87000 Wilayah Persekutuan Labuan
Tel : +6087 414 406
Faks : +6087 414 806
Laman web : www.maybank.com

SINGAPURA:

Malayan Banking Berhad

Cawangan Singapura

Maybank Tower
2 Battery Road
Maybank Tower
Singapore 049907
Tel : 1800-629 2265/ +65 6533 5229
(Luar Negara)
Laman web : www.maybank2u.com.sg
E-mel : cs@maybank.com.sg

INDONESIA:

PT Bank Maybank Indonesia Tbk

(Dulu dikenali sebagai P.T. Bank Internasional Indonesia Tbk)
Gedung Sentral Senayan 3, 26th Floor
Jl. Asia Afrika No. 8
Senayan Gelora Bung Karno
Jakarta 10270
Indonesia
Tel : +62 21 2922 8888
Faks : +62 21 2922 8914
Laman web : www.maybank.co.id
E-mel : customercare@maybank.co.id

P.T. Bank Maybank Syariah Indonesia

Sona Topas Tower, 1st-3rd Floor
Jl. Jend. Sudirman Kav. 26
Jakarta 12920
Indonesia
Tel : +62 21 250 6446
Faks : +62 21 250 6445
Laman web : www.maybanksyariah.co.id

LAIN-LAIN PEJABAT ANTARABANGSA:

Maybank Philippines Incorporated

Maybank Corporate Center,
7th Avenue Corner 28th Street
Bonifacio High Street Central, Bonifacio Global City
Taguig City, 1634
Philippines
Tel : +632 588 3777
Faks : +632 808 2669
Laman web : www.maybank.com.ph

Malayan Banking Berhad

Cawangan Hong Kong

18/F, CITIC Tower
1 Tim Mei Avenue Central
Hong Kong
Tel : +852 3518 8888
Faks : +852 3518 8889

Malayan Banking Berhad

Cawangan Beijing

32nd Floor
China World Tower
No. 1, Jianguomenwai Avenue
Beijing 100004
China
Tel : +86 108 535 1855
Faks : +86 108 535 1825

Malayan Banking Berhad

Cawangan Kunming

Unit 3-4, 23rd Floor, The Master
No. 1, Chongren Street
Kunming 650021
Yunnan, China
Tel : +86 871 6360 5300
Faks : +86 871 6366 2061

Malayan Banking Berhad

Cawangan Shanghai

Bilik 03-04, 6th Floor
Oriental Financial Center
No. 333 Lujiuzuir Ring Road
Pudong New District
Shanghai 200120
China
Tel : +86 216 028 7688
Faks : +86 216 886 1032/0132

Maybank (Cambodia) Plc.

Maybank Tower
No. 43 Preah Norodom Boulevard
Sangkat Phsar Thmey 3
Khan Daun Penh, Phnom Penh
Cambodia
Tel : +855 2321 0123/255
Faks : +855 2321 0099
Laman web : www.maybank2u.com.kh

Malayan Banking Berhad

Cawangan Maybank Vientiane Lao PDR

Lot 43, 45 47 Lane Xang Avenue
Hatsady Village, Chantabouly District
PO Box 1663 Vientiane, Lao PDR
Tel : +856 21 263100/263101
Faks : +856 21 263113

Malayan Banking Berhad

Cawangan Yangon

7th Floor, Centrepont Towers
No. 65 Corner of Sule Pagoda Road & Merchant
St Kyauktada Township
Yangon, Union of Myanmar
Tel : +95 137 7526 / +95 137 7173
Faks : +95 137 7527

Malayan Banking Berhad

Cawangan Ho Chi Minh City

Sun Wah Tower
9th Floor, 115 Nguyen Hue Street
District 1 - Ho Chi Minh City
Vietnam
Tel : +84 83 827 8188

Direktori Kumpulan

Malayan Banking Berhad

Cawangan Hanoi

Suite 909, Floor 9
Corner Stone Building
16 Phan Chu Tinh Street
Hoan Kiem District
Hanoi, Vietnam
Tel : +84 83 9345042/9345041

Malayan Banking Berhad

Cawangan London

74 Coleman Street
London EC2R 5BN
United Kingdom
Tel : +44 20 7638 0561
Faks : +44 20 7638 9329

Malayan Banking Berhad

Cawangan New York

11th Floor, 400 Park Avenue
New York, NY 10022
United States of America
Tel : +1 212 303 1300
Faks : +1 212 308 0109

Malayan Banking Berhad

Cawangan Bahrain

8th Floor, Al Jasrah Tower
Diplomatic Area
P.O. Box 10470
Manama
Kingdom of Bahrain
Tel : +973 17 535 733
Faks : +973 17 533 895

Malayan Banking Berhad

Cawangan Bandar Seri Begawan

Unit 5-8, Simpang 22, Jalan Dato Ratna
Kiarong Sentral, Kampong Kiarong BE1318
Negara Brunei Darussalam
Tel : +673 2 242494/242495/242496
Faks : +673 2 225404

PERBANKAN PELABURAN

Maybank Investment Bank Berhad

Tingkat 32, Menara Maybank
100, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Tel : +603 2059 1888
Faks : +603 2078 4217
Laman web : www.maybank-ib.com

BinaFikir Sdn Bhd

Tingkat 32, Menara Maybank
100, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Tel : +603 2059 1888
Faks : +603 2078 4217

Maybank Kim Eng Holdings Limited

Maybank Kim Eng Securities Pte. Ltd.

50, North Canal Road
Singapore 059304
Tel : +65 6231 5000
Helpdesk
Tel : +65 6432 1888
Laman web : www.maybank-ke.com

Maybank Kim Eng Securities (Thailand) Public Company Limited

999/9 The Offices at Central World
20th - 21st Floor, Rama 1 Road Pathumwan
Bangkok, 10330 Thailand
Tel : +66 2658 6300
Faks : +66 2658 6301
Laman web : www.maybank-ke.co.th

Maybank ATR Kim Eng Capital Partners, Inc

Maybank ATR Kim Eng Securities, Inc

17th Floor, Tower One & Exchange Plaza
Ayala Avenue, Ayala Triangle
Makati City, Philippines
Tel : +63 849 8988/8888
Faks : +63 848 5640
Laman web : www.maybank-atrke.com

PT. Maybank Kim Eng Securities

Plaza Bapindo-Citibank Tower
17th Floor Jalan Jenderal Sudirman Kav 54-55
Jakarta 12190 Indonesia
Tel : +62 21 2557 1188
Faks : +62 21 2557 1189
Laman web : www.maybank-ke.co.id

Kim Eng Securities (Hong Kong) Limited

Level 30th, Three Pacific Place
1 Queen's Road East
Hong Kong
Tel : +852 2268 0800
Faks : +852 2845 3772
Laman web : www.kimeng.com.hk

Kim Eng Investment Limited Shanghai (Pejabat Perwakilan)

New Shanghai International Building
360 Pudong South Road, Pudong District
Shanghai, People's Republic of China
Tel : +86 21 509 6 8366
Faks : +86 21 5096 8311

Kim Eng Securities India Private Limited

2nd Floor, The International
16 Maharishi Karve Marg
Churchgate
Mumbai 400 020
India
Tel : +91 22 6623 2600
Faks : +91 22 6623 2604

Maybank Kim Eng Securities Limited

Floor 4A-15+16
Vincom Center Dong Khoi
72 Le Thanh Ton Street
Ben Nghe Ward, District 1
Ho Chi Minh City
Vietnam
Tel : +84 8 4455 5888
Faks : +84 8 3827 1030

Maybank Kim Eng Securities (London) Ltd

5th Floor, Aldermay House
10-15 Queen Street
London EC4N 1TX, United Kingdom
Tel : +44 20 7332 0221
Faks : +44 20 7332 0302

Maybank Kim Eng Securities USA, Inc.

777 Third Avenue 21st Floor
New York NY 10017, USA
Tel : +212 688 8886
Faks : +212 688 3500

Anfaal Capital

1st Floor, Aster Center
Prince Mohammed bin Abdulaziz Street. (Tahlia St.)
PO Box 126575
Jeddah 21352
Kingdom of Saudi Arabia
Tel : +966 12 606 8686
Faks : +966 12 606 8787

Direktori Kumpulan

INSURANS & TAKAFUL

Maybank Ageas Holdings Berhad

Aras 19, Tower C
Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur
Tel : +603 2297 3888
Faks : +603 2297 3800
Laman web : www.etiqa.com.my
E-mel : info@etiqa.com.my

Etiqua Insurance Berhad

Etiqua Takaful Berhad

Aras 19, Tower C
Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur
Tel : +603 2297 3888
Faks : +603 2297 3800
Laman web : www.etiqa.com.my
E-mel : info@etiqa.com.my

Etiqua Life International (L) Ltd

Etiqua Offshore Insurance (L) Ltd

Aras 11B, Blok 4 Office Tower
Financial Park Labuan Complex
Jalan Merdeka
87000 Wilayah Persekutuan Labuan
Tel : +6087 582 588
+6087 417 672
Faks : +6087 583 588
+6087 452 333
Laman web : www.etiqa.com.my
E-mel : info@etiqa.com.my

Etiqua Insurance Pte. Ltd.

One Raffles Quay
#22-01 North Tower
Singapore 048583
Tel : +65 6336 0477
Faks : +65 6339 2109
Laman web : www.etiqa.com.sg
E-mel : customer.service@etiqa.com.sg

PENGURUSAN ASET

Maybank Asset Management Group Berhad

Tingkat 5, Tower A
Dataran Maybank
No 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur
Tel : +603 2297 7833
Faks : +603 2297 7997
Laman web : www.maybank-am.com

Maybank Asset Management Sdn Bhd

Tingkat 5, Tower A
Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur
Tel : +603 2297 7836
Faks : +603 2715 0071
Laman web : www.maybank-am.com

Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd

Tingkat 5, Tower A
Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur
Tel : +603 2297 7873
Faks : +603 2297 7998
Laman web : www.maybank-am.com

Maybank Private Equity Sdn Bhd

Tingkat 5, Tower A
Dataran Maybank
No 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur
Tel : +603 2297 7887
Faks : +603 2297 7878
Laman web : www.maybank-am.com

Maybank Asset Management Singapore Pte Ltd

9 Temasek Boulevard
#13-01 Suntec Tower Two
Singapore 038989
Tel : +65 6432 1488
Faks : +65 6339 1003
Laman web : www.maybank-am.com.sg

Maybank Asset Management (Thailand) Co Ltd

The Offices of Central World
Tingkat 25, 999/9 Rama 1 Road
Pathumwan
Bangkok 10330
Thailand
Tel : +66 0 2264 5111
Faks : +66 0 2264 5132
Laman web : www.maybank-am.co.th

PT. Maybank Asset Management

Sentral Senayan 3, Mezzanine Floor
Jl. Asia Afrika No. 8, Gelora Bung Karno
Jakarta 10270
Indonesia
Tel : +62 21 8065 7700
Faks : +62 21 8065 7702
Laman web : www.maybank-am.id

LAIN-LAIN

Maybank Trustees Berhad

Tingkat 8, Menara Maybank
100, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Tel : +603 2078 8363
Faks : +603 2070 9387
Laman web : www.maybank.com
E-mel : securitiesservices@maybank.com.my

Maybank (Nominees) Sendirian Berhad

Maybank Nominees (Tempatan) Sdn Bhd

Maybank Nominees (Asing) Sdn Bhd

Tingkat 14, Menara Maybank
100, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Tel : +603 2070 8833/1522
Faks : +603 2032 1505

Maybank Securities Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd.

Maybank Securities Nominees (Asing) Sdn. Bhd.

Aras 8, Tower C
Dataran Maybank
No.1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur
Tel : +603 2297 8888
Faks : +603 2282 5136

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-56

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan ke-56 Malayan Banking Berhad (Maybank/Syarikat) akan diadakan di Grand Ballroom, Aras 1, Sime Darby Convention Centre, 1A Jalan Bukit Kiara 1, 60000 Kuala Lumpur pada hari Khamis, 7 April 2016, jam 10.00 pagi untuk tujuan melaksanakan urusan-urusan berikut:

URUSAN BIASA:

1. Untuk menerima Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tempoh kewangan berakhir pada 31 Disember 2015 bersama dengan laporan-laporan Lembaga Pengarah dan Juruaudit. **(Resolusi Biasa 1)**
2. Untuk meluluskan pembayaran Dividen Akhir Satu Peringkat (Final Single-Tier Dividend) bagi tempoh kewangan berakhir pada 31 Disember 2015 iaitu dividen satu peringkat (single-tier dividend) sebanyak 30 sen sesaham biasa sebagaimana yang disyorkan oleh Lembaga Pengarah. **(Resolusi Biasa 2)**
3. Untuk melantik semula para Pengarah berikut yang bersara mengikut giliran selaras dengan Artikel 96 dan 97 Tataurus Syarikat:
 - i) Tan Sri Dato Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor **(Resolusi Biasa 3)**
 - ii) Dato' Seri Ismail Shahudin **(Resolusi Biasa 4)**
 - iii) Dato' Dr Tan Tat Wai **(Resolusi Biasa 5)**
4. Untuk melantik semula Encik Edwin Gerungan yang bersara selaras dengan Artikel 100 Tataurus Syarikat. **(Resolusi Biasa 6)**
5. Untuk melantik semula Tetuan Ernst & Young sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan ganjaran mereka. **(Resolusi Biasa 7)**

URUSAN KHAS:

Untuk menimbang dan sekiranya bersesuaian, meluluskan Resolusi berikut:

6. MEMBERI KUASA KEPADA PARA PENGARAH UNTUK MENERBITKAN SAHAM

“BAHAWA tertakluk kepada Akta Syarikat, 1965, Tataurus Syarikat dan kelulusan pihak berkuasa/pengawalselia berkaitan, para Pengarah adalah diberikan kuasa menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965, untuk menerbitkan saham Syarikat pada bila-bila masa sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya, di bawah terma-terma dan syarat-syarat dan untuk tujuan-tujuan berkaitan mengikut budi bicara mutlak para Pengarah dengan syarat jumlah agregat saham yang akan diterbitkan tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada modal saham terbitan Syarikat buat masa ini.” **(Resolusi Biasa 8)**

7. PERUNTUKAN DAN TERBITAN SAHAM BIASA BARU RM1.00 SESAHAM DALAM MAYBANK (“SAHAM MAYBANK”) BERKAITAN PELAN PELABURAN SEMULA DIVIDEN BERULANG DAN PILIHAN YANG MEMBENARKAN PEMEGANG SAHAM MAYBANK (“PEMEGANG SAHAM”) UNTUK MELABUR SEMULA DIVIDEN MASING-MASING DALAM SAHAM BIASA BARU RM1.00 SESAHAM DALAM MAYBANK (“PELAN PELABURAN SEMULA DIVIDEN”)

“BAHAWA menurut Pelan Pelaburan Semula Dividen seperti diluluskan oleh pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa pada 14 Mei 2010, kelulusan diberikan kepada Syarikat untuk memperuntukkan dan menerbitkan sejumlah saham baru Maybank bagi Pelan Pelaburan Semula Dividen sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya di bawah terma-terma dan syarat-syarat dan kepada mereka yang berkenaan mengikut budi bicara mutlak para Pengarah dan untuk kepentingan Syarikat DENGAN SYARAT harga terbitan saham baru Maybank ditetapkan oleh Pengarah tidak lebih daripada sepuluh peratus (10%) diskaun pada penyelarasan nilai harga pasaran purata wajaran lima (5) hari (“VWAMP”) bagi saham Maybank sejurus sebelum tarikh penetapan harga, yang mana VWAMP diselaras sebagai ex-dividen sebelum menggunakan diskaun yang disebutkan dalam penetapan harga terbitan;

DAN BAHAWA Pengarah dan Setiausaha Syarikat dengan ini diberi kuasa untuk melakukan tindakan dan melaksanakan urusan-urusan seumpamanya, urusan-urusan dan dokumen-dokumen yang mungkin diperlukan atau dipercepatkan untuk memberi kesan sepenuhnya terhadap Pelan Pelaburan Semula Dividen dengan kuasa sepenuhnya untuk mengizinkan sebarang syarat, pengubahsuaian, variasi dan/atau pindaan (jika ada) yang mungkin dikenakan atau dipersetujui oleh mana-mana pihak berkuasa atau akibat daripada pelaksanaan syarat, pengubahsuaian, variasi dan/atau pindaan atau atas budi bicara para Pengarah dalam membuat keputusan terbaik untuk Syarikat.” **(Resolusi Biasa 9)**

8. Untuk melaksanakan sebarang urusan-urusan lain Syarikat yang mana notis mengenainya telah diterima selaras dengan Akta Syarikat, 1965.

DENGAN PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

WAN MARZIMIN WAN MUHAMMAD (LS0009924)

EDLEEN REHANIE ARIFFIN (LS0009515)

Setiausaha-setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur

15 Mac 2016

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-56

NOTA-NOTA:

1. Setiap ahli yang berhak menghadiri, berucap dan mengundi di Mesyuarat Agung Tahunan boleh melantik seorang proksi untuk menghadiri mesyuarat, berucap dan mengundi bagi pihaknya sama ada dengan undian tangan atau "poll". Proksi itu tidak semestinya seorang ahli Syarikat ini. Suratcara pelantikan proksi hendaklah dibuat secara bertulis oleh pelantik atau wakil yang telah diberikan kuasa secara bertulis, atau jika pelantik adalah sebuah perbadanan, suratcara pelantikan proksi itu mestilah mempunyai meterai syarikat atau sebarang cara yang diluluskan oleh para pengarah perbadanan tersebut.
2. (i) Seorang ahli tidak berhak melantik lebih daripada dua (2) proksi untuk menghadiri, berucap dan mengundi di mesyuarat.
- (ii) Walaubagaimanapun, penama diberi kuasa yang dikecualikan, adalah dibolehkan untuk melantik proksi berbilang bagi setiap satu Akaun Omnibus yang dipegang.
- (iii) Seorang ahli yang merupakan seorang penama yang diberi kuasa sepertimana ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Pendeposit Pusat) 1991, berhak melantik sekurang-kurangnya satu proksi tetapi tidak melebihi dua (2) proksi bagi setiap satu Akaun Sekuriti yang dipegangnya yang masih berbaki kredit saham-saham biasa Syarikat bagi Akaun Sekuriti berkenaan.
- (iv) Sekiranya seorang ahli melantik lebih daripada seorang proksi, perlantikan tersebut hanya sah sekiranya beliau menyatakan bahagian pegangan yang diwakili oleh setiap proksi.
3. Borang Proksi yang telah disempurnakan mestilah dihantar ke pejabat pendaftar saham Syarikat yang dilantik bagi Mesyuarat Agung Tahunan ini, Tricor Investor Services Sdn Bhd di Unit 32-01, Aras 32, Tower A, Vertical Business Suite, Avenue 3, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur tidak lewat daripada 5 April 2016 pada 10.00 pagi.
4. Bagi Borang Proksi yang telah disempurnakan di luar Malaysia, tanda tangannya mestilah disahkan oleh Peguamcara, Notari Awam, Konsul atau Majistret.
5. Hanya ahli-ahli yang berdaftar di dalam Rekod Pendeposit pada 1 April 2016 layak untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan atau melantik proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya.

6. Nota penjelasan kepada Urusan Biasa:

(i) Resolusi Biasa 2 - Pembayaran Dividen Akhir Satu Peringkat

Cadangan Dividen Akhir Satu Peringkat sepertimana di Resolusi Biasa 2 mengandungi bahagian tunai dividen satu peringkat sebanyak 6 sen dividen satu peringkat sesaham biasa dan bahagian pilihan sebanyak 24 sen dividen satu peringkat sesaham biasa. Bahagian pilihan boleh dilaburkan semula dalam saham biasa baru sejajar dengan Pelan Pelaburan Semula Dividen seperti yang dinyatakan di dalam Nota 31(b) Penyata Kewangan.

Menurut Perenggan 8.26 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama, Dividen Akhir Satu Peringkat, sekiranya diluluskan, akan dibayar tidak lebih dari tiga (3) bulan dari tarikh kelulusan pemegang saham. Tarikh Penutupan Buku akan diumumkan selepas Mesyuarat Agung Tahunan.

7. Nota Penjelasan kepada Urusan Khas:

(i) Resolusi Biasa 8 – Memberi Kuasa Kepada Para Pengarah Untuk Menerbitkan Saham

Syarikat tidak menerbitkan sebarang saham baru di bawah mandat am bagi terbitan dan peruntukan saham sehingga sepuluh peratus (10%) daripada modal terbitan dan berbayar penuh Syarikat, yang telah diluluskan pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-55 pada 7 April 2015 dan yang akan luput pada pengakhiran Mesyuarat Agung Tahunan ke-56 yang akan diadakan pada 7 April 2016. Pembaharuan mandat ini akan dipohon pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-56 di bawah Resolusi Biasa 8 yang dicadangkan.

Resolusi Biasa 8 yang dicadangkan adalah pembaharuan mandat am menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965 yang diperolehi daripada pemegang-pemegang saham Syarikat pada Mesyuarat Agung Tahunan sebelumnya, dan sekiranya diluluskan akan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menerbitkan saham biasa menerusi modal Syarikat untuk bilangan agregat saham tidak melebihi sepuluh peratus (10%) saham terbitan dan berbayar modal Syarikat pada waktu tersebut tanpa perlu mengadakan satu mesyuarat agung. Mandat ini, kecuali ditarik balik atau diubah pada satu mesyuarat agung yang lain, akan luput pada Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya.

Tujuan mandat pemegang saham adalah untuk memberi Syarikat fleksibiliti dalam tahun kewangan berkenaan untuk melaksanakan sebarang terbitan saham tanpa perlu mengadakan Mesyuarat Agung. Rasional cadangan mandat ini adalah untuk membolehkan terbitan saham dan/atau aktiviti penjana dana termasuk penempatan saham untuk tujuan pembiayaan projek pelaburan semasa dan/atau di masa hadapan, modal kerja dan/atau pemerolehan dan juga sekiranya timbul peluang strategik termasuk tawaran ekuiti yang memerlukan Syarikat menerbit dan memperuntukan saham baru dengan kadar segera yang mana dapat mengurangkan tempoh urusan serta kos berkenaan mengadakan mesyuarat tambahan pemegang saham. Walau bagaimanapun mandat ini hanya akan dilaksanakan sekiranya Lembaga Pengarah menganggapnya sebagai suatu kepentingan yang terbaik untuk Syarikat.

(ii) Resolusi Biasa 9 – Pelan Pelaburan Semula Dividen

Resolusi Biasa 9 yang dicadangkan akan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk memperuntukkan dan menerbitkan saham bagi Pelan Pelaburan Semula Dividen bagi dividen yang diisytiharkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan ini dan seterusnya sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang. Pembaharuan kuasa ini akan dicadangkan pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

8. Penyata Iringan bagi Notis Mesyuarat Agung Tahunan

Maklumat tambahan berkenaan Perenggan 8.27(2) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama, Bursa Malaysia Securities Berhad dinyatakan di Lampiran A Laporan Tahunan Maybank 2015

Penyata Iringan Notis Mesyuarat Agung Ke-56

(Menurut Perenggan 8.27(2) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad)

Profil Pengarah yang bersedia untuk pemilihan semula (menurut Resolusi biasa 3 hingga 6 sebagaimana dinyatakan di atas) pada Mesyuarat Agung Malayan Banking Berhad Tahunan ke-56 yang akan diadakan di Grand Ballroom, Aras 1, Sime Darby Convention Centre, 1A Jalan Bukit Kiara 1, 60000 Kuala Lumpur pada Khamis, 7 April 2016 jam 10.00 pagi, dinyatakan di muka surat 46 hingga 51, Laporan Tahunan 2015.

Maklumat lanjut mengenai sebarang kepentingan dalam sekuriti Maybank dan syarikat-syarikat subsidiarinya (jika ada) yang dipegang oleh pengarah-pengarah berkenaan dinyatakan di muka surat 25 dalam Bahagian Penyata Kewangan Laporan Tahunan 2015.

Kalendar Kewangan

26 Februari 2015

Pengumuman keputusan kewangan yang telah diaudit bagi Maybank dan Kumpulan dan pengumuman dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014

13 Mac 2015

Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke-55 dan terbitan laporan tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014

7 April 2015

Mesyuarat Agung Tahunan ke-55

27 April 2015

Penutupan buku bagi menentukan kelayakan dividen

26 Mei 2015

Tarikh pembayaran dividen akhir satu peringkat sebanyak 33 sen sesaham yang terdiri daripada bahagian tunai 10 sen dividen satu peringkat sesaham biasa dan sebahagian yang boleh dipilih sebanyak 23 sen sesaham biasa yang boleh dipilih untuk dilaburkan ke dalam saham biasa baru yang selaras dengan Pelan Pelaburan Semula Dividen berkenaan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014

28 Mei 2015

Pengumuman keputusan kewangan yang belum diaudit bagi Maybank dan Kumpulan bagi suku pertama tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015

27 Ogos 2015

Pengumuman keputusan kewangan yang belum diaudit bagi Maybank dan Kumpulan bagi suku kedua tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015

12 Oktober 2015

Penutupan buku untuk menentukan kelayakan dividen

11 November 2015

Tarikh pembayaran dividen interim satu peringkat sebanyak 24 sen sesaham yang terdiri daripada bahagian tunai 4 sen dividen satu peringkat bagi setiap saham biasa dan sebahagian yang boleh dipilih sebanyak 20 sen sesaham biasa yang boleh dipilih untuk dilaburkan ke dalam saham biasa baru yang selaras dengan Pelan Pelaburan Semula Dividen berkenaan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015

26 November 2015

Pengumuman keputusan kewangan yang belum diaudit bagi Maybank dan Kumpulan bagi suku ketiga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015

25 Februari 2016

Pengumuman keputusan yang telah diaudit bagi Maybank dan Kumpulan dan pengumuman dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015

14 Mac 2016

Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke-56 dan terbitan laporan tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015

7 April 2016

Mesyuarat Agung Tahunan ke-56



Sila layari www.maybank.com/calendar untuk maklumat lanjut

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

Borang Proksi

Bagi Mesyuarat Agung Tahunan ke-56

MALAYAN BANKING BERHAD
(No. Syarikat 3813-K)
(Ditubuhkan di Malaysia)

Jumlah saham yang dimiliki	No. Akaun CDS bagi penama yang dibenarkan*
-	-

Sila rujuk kepada nota di bawah sebelum melengkapkan Borang Proksi ini.

Saya/Kami _____ No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Syarikat _____
(nama penuh dalam huruf besar)

yang beralamat di _____ No. Telefon. _____
(alamat penuh)

selaku pemegang saham/pemegang-pemegang saham MALAYAN BANKING BERHAD, dengan ini melantik _____
(nama dalam huruf besar)

_____ No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Syarikat. _____

yang beralamat di _____
(alamat penuh)

atau penggantinya _____ No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Syarikat. _____
(nama penuh dalam huruf besar)

yang beralamat di _____
(alamat penuh)

atau penggantinya, Pengerusi mesyuarat, sebagai proksi saya/kami untuk mengundi bagi pihak saya/kami di Mesyuarat Agung Tahunan Malayan Banking Berhad ke-56 yang akan diadakan di Grand Ballroom, Aras 1, Sime Darby Convention Centre, 1A Jalan Bukit Kiara 1, 60000 Kuala Lumpur, pada Khamis, 7 April 2016 jam 10.00 pagi dan pada sebarang penangguhannya bagi resolusi-resolusi biasa berikut seperti yang dinyatakan dalam Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke-56:

No.	Resolusi	Menyokong	Menentang
	Resolusi Biasa :		
1	Penerimaan Penyata Kewangan dan Laporan-Laporan yang telah diaudit.		
2	Pengisytiharan Dividen Akhir Satu Peringkat.		
	Pemilihan semula Pengarah-pengarah berikut selaras dengan Artikel 96 dan 97 Tataurusan Syarikat:		
3	i. Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor		
4	ii. Dato' Seri Ismail Shahudin		
5	iii. Dato' Dr Tan Tat Wai		
6	Pemilihan semula En. Edwin Gerungan selaras dengan Artikel 100 Tataurus Syarikat		
7	Pelantikan semula Tetuan Ernst & Young sebagai juruaudit.		
8	Pemberian kuasa kepada Pengarah-pengarah untuk menerbitkan saham-saham menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965.		
9	Peruntukan dan penerbitan saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham Maybank berkaitan dengan Pelan Pelaburan Semula Dividen Berulang dan Pilihan (Pelan Pelaburan Semula Dividen).		

Proksi saya/kami hendaklah mengundi bagi resolusi-resolusi yang ditentukan mengikut tanda "X" di ruang berkenaan. Sekiranya borang ini dikembalikan tanpa apa-apa arahan, proksi saya/kami akan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengundi ataupun sebaliknya.

Bertarikh hari ini pada _____ 2016

Tandatangan Pemegang Saham

Jumlah saham yang dimiliki

Untuk pelantikan dua proksi, peratus pegangan saham untuk diwakili oleh proksi:		
	Jumlah saham	Peratus
Proksi 1		
Proksi 2		
Jumlah		100%

Nota:

1. Setiap ahli yang berhak menghadiri, berucap dan mengundi di Mesyuarat Agung Tahunan boleh melantik seorang proksi untuk menghadiri mesyuarat, berucap dan mengundi bagi pihaknya sama ada dengan undian tangan atau "poll". Proksi itu tidak semestinya seorang ahli Syarikat ini. Suratcara pelantikan proksi hendaklah dibuat secara bertulis oleh pelantik atau wakil yang telah diberikan kuasa secara bertulis, atau jika pelantik adalah sebuah perbadanan, suratcara pelantikan proksi itu mestilah mempunyai meterai syarikat atau sebarang cara yang diluluskan oleh para pengarah perbadanan tersebut.
 2. (i) Seorang ahli tidak berhak melantik lebih daripada dua (2) proksi untuk menghadiri, berucap dan mengundi di mesyuarat.
(ii) W alaubagaimanapun, penama diberi kuasa yang dikecualikan, adalah dibolehkan untuk melantik proksi berbilang bagi setiap satu Akaun Omnibus yang dipegang.
(iii) Seorang ahli yang merupakan seorang penama yang diberi kuasa sepertimana ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Pendeposit Pusat) 1991, berhak melantik sekurang-kurangnya satu proksi tetapi tidak melebihi dua (2) proksi bagi setiap satu Akaun Sekuriti yang dipegangnya yang masih berbaki kredit saham-saham biasa Syarikat bagi Akaun Sekuriti berkenaan.
(iv) Sekiranya seorang ahli melantik lebih daripada seorang proksi, pelantikan tersebut hanya sah sekiranya beliau menyatakan bahagian pegangan yang diwakili oleh setiap proksi.
 3. Borang Proksi yang telah disempurnakan mestilah dihantar ke pejabat pendaftar saham Syarikat yang dilantik bagi Mesyuarat Agung Tahunan ini, Tricor Investor Services Sdn Bhd di Unit 32-01, Aras 32, Tower A, Vertical Business Suite, Avenue 3, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur tidak lewat daripada 5 April 2016 jam 10.00 pagi.
 4. Bagi Borang Proksi yang telah disempurnakan di luar Malaysia, tanda tangannya mestilah disahkan oleh Peguamcara, Notari Awam, Konsul atau Majistret.
 5. Hanya ahli-ahli yang berdaftar di dalam Rekod Pendeposit pada 1 April 2015 layak untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan atau melantik proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya.
- * Boleh digunakan bagi saham-saham yang dipegang menerusi akaun nomini.

Lipat di sini

SETEM

Pendaftar Saham bagi Mesyuarat Agung Tahunan Maybank ke-56
Tricor Investor Services Sdn Bhd
Unit 32-01, Aras 32, Tower A
Vertical Business Suite, Avenue 3, Bangsar South
No.8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur
Malaysia

Lipat di sini

Perbezaan adalah kekuatan kami.

Di Maybank, kami yakin kepelbagaian lanskap di seluruh ASEAN merupakan kekuatan terbesar kami.

Kami sedar bahawa Maybank adalah satu-satunya Kumpulan Perkhidmatan Kewangan di ASEAN yang telah berjaya membina operasi di semua 10 negara ASEAN. Inilah kekuatan kami yang membantu membina pemahaman unik terhadap ASEAN.

Kami telah menyaksikan kejayaan semua negara dalam perjalanan pertumbuhan ini. Kami telah pelajari kekuatan kami terletak pada kepelbagaian, dan perbezaan sebenarnya merupakan kekuatan kami yang tersendiri. Kami sedar dengan sentiasa mendahulukan masyarakat, kami berjaya menjadi rakan kongsi yang erat.

www.maybank.com